

No.

**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN
SABAH, MALAYSIA**

**JAPAN INTERNATIONAL
COOPERATION AGENCY**

**KAJIAN PEMBANGUNAN UNTUK
MENINGKATKAN KEUSAHAWANAN WANITA
LUAR BANDAR
DI SABAH, MALAYSIA**

**LAPORAN AKHIR
VOLUME II**



FEBRUARI 2004

KRI INTERNATIONAL CORP.

AFA

JR

04-14

**KAJIAN PEMBANGUNAN UNTUK MENINGKATKAN KEUSAHAWANAN
WANITA LUAR BANDAR DI SABAH, MALAYSIA**

LAPORAN AKHIR DAN BUKU-BUKU RUJUKAN

LAPORAN UTAMA

LAPORAN AKHIR JILID I

- PELAN INDUK -

LAPORAN AKHIR JILID II

- ANALISA SITUASI DAN KAJI SELIDIK PENGESAHAN -

BUKU DATA PUANDESA


GARISPANDUAN PUANDESA UNTUK USAHAWAN-USAHAWAN WANITA
LUAR BANDAR

- BAGAIMANA UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN MIKRO DALAM
KOMUNITI ANDA -

EXCHANGE RATE

(as of 30 December 2003)

US\$1.00 = RM3.8= Yen107.15



PETA LOKASI

PUANDESA
KAJIAN PEMBANGUNAN UTNUK PENGKASAAN USAHAWAN-USAHAWAN
WANITA LUAR BANDAR
DI SABAH, MALAYSIA

LAPORAN AKHIR
VOLUME II

KANDUNGAN

PETA LOKASI

BAHAGIAN I: ANALISIS SITUASI

BAB 1: RANGKA KAJIAN.....	1
1.1 LATARBELAKANG.....	1
1.2 OBJEKTIF KAJIAN.....	2
1.3 KUMPULAN SASARAN KAJIAN	2
1.4 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN JANGKAMASA.....	2
1.5 NAMA RINGKASAN KAJIAN.....	7
1.6 STRUKTUR OPERASI.....	7
BAB 2: GAMBARAN KESELURUHAN NEGERI SABAH.....	10
2.1 KEADAAN SEMULAJADI.....	10
2.2 KEADAAN DEMOGRAFI	11
2.3 KEADAAN SOSIO-EKONOMI	14
2.4 RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI	18
2.5 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI	22
2.6 CAMPURTANGAN OLEH RAKAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA DAN NGO.....	25
BAB 3: SEKTOR BERKENAAN DENGAN PERTANIAN.....	27
3.1 DASAR PEMBANGUNAN PERTANIAN	27
3.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PRODUK-PRODUK UTAMA.....	28
3.3 PASARAN DAN TABURAN PRODUK BERKAITAN DENGAN PERTANIAN	39
3.4 IMPLIKASI KE ATAS RANGKA PELAN INDUK PEMBANGUNAN	49
BAB 4: WANITA DI KAWASAN LUAR BANDAR	53
4.1 DASAR KEBANGSAAN DAN NEGERI SERTA CARA-CARA MEMBANTU WANITA LUAR BANDAR.....	53

4.2	KEADAAN KEHIDUPAN DI KAWASAN LUAR BANDAR	54
4.3	HUBUNGAN GENDER DI KAWASAN LUAR BANDAR	61
4.4	USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR	72
4.5	IMPLIKASI-IMPLIKASI KE ATAS PELAN INDUK PEMBANGUNAN.....	88
BAB 5: AGENSI-AGENCI SOKONGAN.....		92
5.1	SISTEM SOKONGAN KEPADA AKTIVITI-AKTIVITI WANITA LUAR BANDAR.....	92
5.2	PENILAIAN KE ATAS PROGRAM SOKONGAN	111
5.3	KESAN PELAKSANAAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN	118
 BAHAGIAN II: PENGESAHAN DAN PEMBELAJARAN		
BAB 6: RANGKA KERJA PELAN INDUK PEMBANGUNAN.....		124
6.1	ANALISIS KUMPULAN SASARAN	124
6.2	PEMBENTUKAN DAN RUMUSAN MATLAMAT	131
6.3	RANGKAKERJA PELAN INDUK PEMBANGUNAN	133
BAB 7: PENGESAHAN KAJI SELIDIK.....		135
7.1	RENCANA RINGKAS KAJI SELIDIK	135
7.2	PERANCANGAN PROJEK-PROJEK PERINTIS.....	135
7.3	RENCANA RINGKAS PROJEK PERINTIS	141
7.4	RANGKA RANCANGAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN DAN PROJEK PERITNS	145
7.5	PELAKSANAAN DAN PENGESANAN	147
BAB 8: PENCAPAIAN PROJEK-PROJEK PERINTIS		153
8.1	PROJEK PERINTIS 1: BERFIKIR DAN BEKERJA BERSAMA WANITA LUAR BANDAR ...	153
8.2	PROJEK PERINTIS 2: PROJEK UNTUK MENUBUHKAN PUSAT KHIDMAT SETEMPAT BAGI USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR	157
8.3	PROJEK PERINTIS 3: PROJEK PENGGUNAAN PRODUK-PRODUK DAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK TERPAKAI	161
8.4	PROJEK PERINTIS 4: PROJEK PENGKULTURAN DAN PEMROSESAN RUMPAI LAUT.	165
8.5	PROJEK PERINTIS 5: PROJEK UNTUK PEMBAIKAN DAN INOVASI FUNGSI TAMU KPD	170
8.6	PROJEK PERINTIS 6: PROJEK PROMOSI PRODUK TEMPATAN DI BAWAH PEMBANGUNAN DAN POTENSI PELANCONGAN KUDAT.....	175
8.7	PROJEK PERINTIS 7: LATIHAN KAEDAH PENYERTAAN MENGNAI ANALISIS SOSIAL DAN GENDER	180

8.8	PROJEK PERINTIS 8: PROJEK MENGUKUHKAN BADAN KORDINASI UNTUK PENGKASAAN WANITA LUAR BANDAR.....	184
8.9	PROJEK PERINTIS 9: PROJEK PENGUKUHAN JARINGAN ORGANISASI UNTUK PROMOSI KRAFTANGAN	188
8.10	PROJEK PERINTIS 10: PROJEK UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KREDIT-MIKRO UNTUK USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR.....	192
8.11	PROJEK PERITNIS 11: PROJEK UNTUK PENINGKATAN KEFAHAMAN DAN SOKONGAN PENGGUBAL DASAR.....	196
BAB 9: PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERINTIS.....		199
9.1	KAEDAH DAN JADUAL “POST-EVALUATION”	199
9.2	PENEMUAN BAGI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN	201
9.3	GALAKAN PENDAPATAN DALAM PROJEK-PROJEK PERINTIS.....	219
BAB 10: PEMBELAJARAN DIPEROLEHI UNTUK MENGEMASKINI PELAN INDUK		232
10.1	PEMBELAJARAN DARI AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN	232
10.2	PEMBELAJARAN DIPEROLEHI DARIPADA KUMPULAN SASARAN	233
10.3	PEMBELAJARAN DIPEROLEHI DARI PENGALAMAN NEGARA JEPUN.....	247
BAB 11: PENYEMPURNAAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI		261
11.1	KUMPULAN-KUMPULAN SASARAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA	261
11.2	HASIL KEPUTUSAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PENGETAHUAN.....	262
11.3	LATIHAN BAGI RAKAN KERJASAMA DI JEPUN	267
BAB 12: MENGEMASKINI PELAN INDUK.....		269
12.1	KEPERLUAN USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR WANITA	269
12.2	PRASYARAT UNTUK AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN.....	275
12.3	KEPUTUSAN DAN PENEMUAN-PENEMUAN DARI PROJEK-PROJEK PERINTIS DAN PNYEMPURNAAN PELAN INDUK.....	276
12.4	OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMBENTUKAN PELAN INDUK	277
12.5	ASAS-ASAS PERANCANGAN.....	278
12.6	KAWASAN KAJIAN	280
12.7	TARGET GROUPS	280
12.8	MATLAMAT DAN OUTPUT YANG DIJANGKA.....	280
12.9	PELAN-PELAN TINDAKAN UNTUK PELAN INDUK.....	282
SENERAI PENJELASAN ISTILAH PUANDESA		

APPENDIX-1	LIST OF PUANDESA STUDY MEMBERS (1) STEERING COMMITTEE (2) TECHNICAL COMMITTEE (3) TASKFORCES (4) JICA STUDY TEAM
APPENDIX-2	WRAP-UP REPORT OF THE PILOT PROJECTS PREPARED BY SABAH TASK FORCES
APPENDIX-3	MINUTES OF MEETINGS OF THE STEERING COMMITTEE
APPENDIX-4	WOMEN'S VOICE

BAHAGIAN I: ANALISIS SITUASI

BAB 1: RANGKA KAJIAN

1.1 LATARBELAKANG

Melalui pelaksanaan polisi-polisi ekonomi yang bijaksana, Negara Malaysia telah berjaya untuk memulihkan keadaan ekonominya daripada krisis ekonomi Asian 1997. Negara tersebut mencatat rekod kadar pertumbuhan 8.5% dalam tahun 2000. Demi untuk mengekalkan tahap pembangunan sosio-ekonomi tersebut, negara Malaysia menumpukan usahanya untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar demi untuk mencapai pembangunan yang adil dan saksama. Negeri Sabah mencatat kadar kemiskinan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan 13 negeri yang lain di Malaysia. Di Negeri Sabah, jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar semakin meningkat di mana kadar kemiskinan kawasan luar bandar adalah 27.3% atau empat kali ganda lebih tinggi daripada kawasan bandar iaitu hanya 6.3%. Keadaan ini telah menjejaskan usaha kerajaan dalam proses pembangunan negeri.

Dalam konteks ini, adalah diharapkan agar kaum wanita luar bandar dapat memainkan peranan yang positif dalam mengukuhkan taraf ekonomi keluarga dan masyarakat masing-masing. Pengukuhan aktiviti yang berasaskan pertanian merupakan salah satu daripada cara yang terbaik untuk meningkatkan pendapatan keluarga dan pengkasaan wanita dengan memperbaiki cara mendapatkan sumber dan mengaktifkan aktiviti-aktiviti ekonomi luar bandar.

Memandangkan keadaan ini, agensi kerajaan seperti, Korporasi Pembangunan Desa (KPD) dan Jabatan Pertanian (DOA) yang di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan. Program-program pembangunan yang dilaksanakan ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam perladangan kontrak dan meningkatkan sokongan untuk perusahaan-perusahaan wanita. Untuk memastikan hasil pelaksanaan program-program ini berkesan dan berdaya maju, maka pengeratan kerjasama institusional (*institutional strengthening*) antara agensi pelaksana dan pengwujudan pengupayaan di kalangan wanita luar bandar berasaskan satu pelan induk yang khusus adalah amat diperlukan.

Pada bulan Ogos, 2000, Kerajaan Negara Malaysia (GOM) telah meminta bantuan teknikal dari pihak Kerajaan Negara Jepun (GOJ) supaya satu pelan induk dan pelan tindakan untuk pengkasaan wanita luar bandar dapat disediakan.

Berdasarkan skop tugas(S/W) serta minit mesyuarat (M/M) yang ditandatangani antara pihak Kerajaan Malaysia (GOM) dan Japan International Cooperation Agency (JICA) pada 6 Ogos 2001, maka Kajian mengenai Rancangan Pembangunan untuk meningkatkan keusahawanan wanita luar Bandar di Sabah, Malaysia (Kajian tersebut) telah dilaksanakan selama 26 bulan mulai Januari 2002 sehingga Februari 2004.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian tersebut adalah :

- 1) Membentuk Pelan Induk pembangunan untuk meningkatkan keusahawanan wanita luar Bandar di Sabah; dan
- 2) Memindahkan kemahiran-kemahiran yang berkaitan kepada pegawai-pegawai dari Malaysia melalui kerja bersama dalam menyediakan pelan induk tersebut.

Tujuan utama Kajian ini adalah:

- a) Untuk mengukuhkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian; dan
- b) Untuk mewujudkan keupayaan agensi kerajaan dalam menyokong aktiviti –aktiviti pembangunan wanita.

1.3 KUMPULAN SASARAN KAJIAN

Tumpuan Kajian ini meliputi kumpulan sasaran wanita luar bandar yang menetap di Negeri Sabah iaitu usahawan wanita luar bandar dan mereka yang berpotensi untuk dimajukan, ini termasuklah mereka yang sudah memulakan aktiviti galakan pendapatan atau pun mereka yang belum lagi memulakan aktiviti tersebut.

Dalam Kajian tersebut, istilah “usahawan-usahawan wanita luar bandar” adalah didefinisikan sebagai kaum wanita yang menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar, tidak kira samada secara persendirian atau pun dalam kumpulan dengan mana wanita ini 1) memainkan peranan utama, 2) bertanggungjawab dari segi membuat keputusan dan 3) memperolehi pendapatan daripada pelaksanaan aktiviti tersebut.

1.4 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN JANGKAMASA

Aktiviti-aktiviti utama Kajian tersebut adalah diringkaskan seperti berikut:

Analisis Situasi dan Perancangan Rangka rancangan Pelan Induk Pembangunan (Februari – Julai 2002)

Selepas perbincangan dan persetujuan ke atas kandungan Laporan Permulaan antara rakan kerjasama dari Sabah dan Pasukan pengkaji JICA, maka kerja-kerja untuk mengumpul dan menganalisa maklumat telah dilaksanakan demi untuk memahami dengan lebih terperinci mengenai keadaan sosio-ekonomi Negeri Sabah serta keadaan semasa, sekatan dan potensi keadaan hidup kaum wanita serta aktiviti-aktiviti mereka yang berasaskan pertanian serta program-program dari agensi sokongan. Penemuan dan maklumat dari usah-usaha kaji selidik sepanjang jangkamasa tersebut adalah diringkaskan dalam Laporan Kemajuan Kerja I.

Berdasarkan kepada keputusan penemuan analisis situasi tersebut, maka aktiviti kumpulan sasaran wanita luar bandar serta usahawan-usahawan wanita luar bandar ini telah dianalisa dengan terperinci dan diklasifikasikan kepada enam kelompok (6) mengikut tahap kematangan aktiviti-aktiviti mereka. Rangkakerja Pelan Induk tersebut telah disediakan untuk meningkatkan dan mengukuhkan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian enam kumpulan wanita luar bandar ini. Di samping itu, rancangan-rancangan yang dilaksanakan dalam projek perintis ini dibentuk untuk memastikan kesesuaian dan ketepatan rangka rancangan Pelan Induk tersebut. Hasil kerja daripada aktiviti-aktiviti ini adalah diringkaskan dalam Laporan Interim.

Pelaksanaan dan Pemantauan Projek-Projek Perintis (September 2002 – September 2003)

Kajian ini diberi nama “PUANDESA”, dalam Bahasa Malaysia oleh Jawatankuasa Teknikal iaitu singkatan kepada “Meningkatkan keupayaan aktiviti berasaskan pertanian wanita-wanita luar Bandar di Sabah”. Sejumlah 11 projek perintis telah dilaksanakan oleh pasukan petugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan Sabah serta Pasukan Pengkaji JICA. Pelaksanaan ini memakan masa selama 12 bulan mulai daripada bulan Oktober 2002 sehingga Oktober 2003. Sejajar dengan pelaksanaan projek perintis ini, kaji selidik asas telah dijalankan pada bulan September 2002 manakala kaji selidik separuh penggal pula telah dijalankan pada bulan Februari 2003. Penilaian akhir ke atas pelaksanaan projek perintis telah diadakan pada bulan Oktober 2003.

Projek-projek perintis PUANDESA adalah disenaraikan seperti berikut:

- Projek Perintis 1 Berfikir dan bekerja bersama wanita luar bandar
- Projek Perintis 2 Projek menubuhkan satu pusat khidmat setempat untuk usahawan wanita luar bandar
- Projek Perintis 3 Projek penggunaan sumber-sumber dan produk yang tidak terpakai
- Projek Perintis 4 Projek Pengkulturan dan Pemprosesan Rumpai Laut
- Projek Perintis 5 Projek pembaikan dan inovasi fungsi TAMU
- Projek Perintis 6 Projek untuk mempromosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat
- Projek Perintis 7 Projek untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah penyertaan bersama dalam perancangan projek
- Projek Perintis 8 Projek untuk mengukuhkan kerjasama badan-badan penyelaras untuk pengkasaan wanita luar Bandar
- Projek Perintis 9 Projek untuk pengukuhan jaringan organisasi bagi promosi kraftangan
- Projek Perintis 10 Projek untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kredit-mikro untuk usahawan wanita luar bandar
- Projek Perintis 11 Projek untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan penggubal dasar

Laporan mengenai Kemajuan Pelaksanaan Projek Perintis (September – Oktober 2002) dan Laporan kemajuan II, yang merangkumi kemajuan projek perintis dari bulan September 2002 sehingga Februari 2003, telah disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA pada bulan Oktober 2002 dan bulan Februari 2003 masing-masing. Manakala Laporan Kemajuan Kerja Projek Perintis (March – Julai 2003) pula disediakan oleh rakan kerjasama dari Sabah pada Julai 2003.

Pengemaskini Pelan Induk dan Penyediaan Laporan Akhir (Oktober 2003 – Februari 2004)

Persidangan Penilaian Projek-projek Perintis PUANDESA telah diadakan pada 7 dan 8 Oktober 2003 dengan dihadiri oleh yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan serta Honorable General Consulate of Japan. Di samping itu, pasukan petugas, ketua-ketua kepada kumpulan wanita luar bandar dan wakil-wakil daripada jabatan dan agensi yang terlibat juga dijemput untuk menghadiri persidangan tersebut. Penemuan-penemuan dan aktiviti-aktiviti projek perintis tersebut telah disampaikan oleh ketua pasukan petugas dan ketua


kumpulan sasaran dengan pelbagai cara, ini termasuklah pembentangan kertaskerja, drama dan nyanyian.

Bengkel perancangan telah diadakan pada 15 Oktober 2003. Kedua-dua pihak iaitu rakan kerjasama dari Sabah dan Pasukan Pengkaji JICA telah berbincang dengan teliti mengenai kaedah untuk mengemaskinikan rangkakerja Pelan Induk tersebut berasaskan kepada penemuan dan pengalaman yang diperolehi dari pelaksanaan projek peritis tersebut.

Dengan gabungan bersama rakan kerja dari Sabah, Pelan Induk tersebut telah dikemaskinikan dan Laporan Akhir dalam bentuk draf telah disediakan dan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada bulan Disember 2003. Beberapa siri mesyuarat dengan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah diadakan pada 11 dan 13 Disember 2003 untuk membincangkan kandungan Draf Laporan Akhir tersebut.

Setelah perbincangan dan komen dari pihak kerajaan negeri Sabah serta Jawatankuasa Penasihat JICA mengenai draf laporan tersebut, laporan muktamad telah disiapkan dan dikemukakan kepada pihak kerajaan Negeri Sabah dan pihak JICA pada 19 Januari 2004. Berdasarkan kepada komen-komen dan ulasan-ulasan serta pelan terperinci yang dihasilkan oleh rakan kerjasama dari Sabah, maka Laporan Akhir telah disiapkan dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan JICA dalam pertengahan Februari 2004.

Jadual pelaksanaan keseluruhan Kajian PUANDESA adalah ditunjukkan dalam 1-1.



Rajah 1-1 Jadual Keseluruhan Aktiviti-aktiviti Kajian PUANDESA


1.5 NAMA RINGKASAN KAJIAN

Pada peringkat permulaan, pelaksanaan projek perintis ini kajian ini telah diberi nama iaitu “PUANDESA” oleh rakan kerja dari Sabah. Walau bagaimana pun, pemberian nama untuk Kajian ini telah dibincang dan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bahawa adalah lebih baik untuk memberikan nama yang ringkas tetapi bersesuaian untuk memudahkan kumpulan sasaran dan pasukan petugas.

Nama singkatan “PUANDESA” mewakili “Pembangunan Usahawan Wanita Desa Sabah”, yang membawa maksud “Pembangunan usahawan-usahawan wanita luar Bandar di Sabah”. Logo tersebut (rujuk mukasurat 160) juga telah direkabentuk oleh rakan kerjasama di Sabah. Nama ringkasan ini telah diterima dengan sebulat suara oleh pasukan petugas dan juga ahli-ahli kumpulan sasaran. Pengwujudan rekabentuk dan logo tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan lagi semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan pasukan petugas dan kumpulan sasaran bahkan dapat mempromosikan Kajian PUANDESA kepada pihak awam.

1.6 STRUKTUR OPERASI

Berdasarkan kepada S/W yang ditandatangani antara pihak Kerajaan Negeri Sabah dan JICA, satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Abidin Madingkir, dan dianggotai oleh Pengurus-pengurus Besar daripada jabatan dan agensi yang berkaitan telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai badan membuat keputusan pada peringkat penggubalan polisi untuk Kajian ini. (Rajah 1-2)



Rajah 1-2 Struktur Operasi Kajian PUANDESA

Ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa Pemandu merupakan wakil-wakil dari jabatan dan agensi yang terlibat iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (KPIM), KPD, DOA, DOF, YUM, EPU, KPLB, PKKM, JHEWA dan Pejabat Kedutaan Jepun. Senarai ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu adalah seperti di Appendix-1.

Selain itu, satu Jawatankuasa Teknikal yang dibawah Jawatankuasa Pemandu telah dibentuk. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Haji Dos Ismail, Timbalan Pengurus Besar KPD dan dipengerusi bersama oleh Haji Dandan, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian (DOA). Pada peringkat ini, ahli-ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi yang terlibat yang juga merupakan pasukan petugas bagi kajian ini. Jawatankusa ini berfungsi sebagai badan pelaksana Kajian dan juga sebagai badan membuat keputusan di peringkat pelaksanaan projek.

Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal terdiri dari wakil-wakil dari jabatan dan agensi seperti KPD, DOA, DOF, DOVSAI, YUM, KPLB, PKKM, JHEWA, FAMA, MARDI, ADO Matunggong, SPS dan Yayasan Sabah. Senarai ahli-ahli yang terlibat juga dilampirkan dalam Appendix-1.

Selain daripada itu, sebanyak lima (5) kumpulan pasukan petugas telah dibentuk yang berfungsi untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti Kajian ini iaitu merangkumi projek-projek perintis dan menyampaikan pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada kumpulan sasaran dengan lebih cekap dan berkesan. Ahli-ahli pasukan petugas ini juga merupakan ahli dalam Jawatankuasa Teknikal serta

mereka yang mahir dari jabatan dan agensi yang terlibat. Kelima-lima kumpulan pasukan petugas tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Pasukan Petugas Gender;
- 2) Pasukan Petugas Pemprosesan Makanan;
- 3) Pasukan Petugas Pemasaran;
- 4) Pasukan Petugas Kraftangan; dan
- 5) Pasukan Petugas Kewangan dan Institusi.

BAB 2: GAMBARAN KESELURUHAN NEGERI SABAH

Negeri Sabah, kawasan sasaran kajian ini adalah terletak di bahagian utara Pulau Borneo atau lebih dikenali sebagai “Malaysia Timur”. Semenanjung Melayu telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sebagai Persekutuan Tanah Melayu. Kedua-dua negeri yang terletak di bahagian Timur Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak telah digabungkan ke Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Oleh keranan perbezaan latar belakang dari segi sejarahnya, kedua-dua negeri tersebut adalah kurang bergantung berbanding dengan lain-lain negeri di Malaysia. Kedua negeri ini mempunyai Ketua Menteri dan Menteri-menterinya masing-masing. Kawalan immigresen pula dikendalikan oleh kerajaan negeri masing-masing.

2.1 KEADAAN SEMULAJADI


Negeri Sabah, atau lebih dikenali sebagai “Negeri Dibawah bayu” oleh kerana kedudukan geografinya yang terletak di luar lingkungan angin typhoon yang sering melanda Laut China Selatan. Jumlah keluasan negeri Sabah ialah 73,997 km², atau lebih kurang 22.3% berbanding dengan jumlah keluasan seluruh Malaysia. Keluasan negeri Sabah ini adalah lebih kecil berbanding dengan Hokkaido. Negeri Sabah mempunyai cuaca monsun tropika yang mana suhunya adalah antara 25°C hingga 32°C sepanjang tahun manakala hujan tahunan adalah dari 2,000 mm hingga 3,000 mm, tidak banyak perbezaan purata hujan yang turun antara musim hujan dan musim kering. (Buku Statistik Tahunan Sabah 2002, Jabatan Statistik Malaysia, Sabah).

Bentuk mukabumi bahagian tengah negeri Sabah adalah bergunung-ganang dalam altitud 1,200~1,800m. Banjaran Crocker membahagikan negeri tersebut kepada dua bahagian. Di bahagian utara penghujung Banjaran Croker adalah Gunung Kinabalu (4,1010m) gunung tertinggi di Asia Tenggara. Sebanyak 60% daripada jumlah keseluruhan keluasan Negeri Sabah adalah diliputi oleh kawasan hutan. Sementara itu,. Hutan hujan tropika negeri Sabah mempunyai ekosistem yang kompleks dan unik yang menjadi tarikan dan tumpuan di mata dunia. Ladang kelapa sawit yang kian meluas meliputi kebanyakan kawasan pedalaman negeri Sabah.

2.2 KEADAAN DEMOGRAFI

Negeri Sabah adalah dibahagikan kepada lima (5) bahagian: Bahagian Pantai Barat; Bahagian Pedalaman; Bahagian Sandakan; Bahagian Tawau ; dan Bahagian Kudat serta 25 daerah yang lain. Jumlah penduduk negeri ini adalah 2,603,485 orang ,atau pun 11.2% berbanding dengan jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia iaitu 23,226,000 orang . (Buku Statistik Tahunan Sabah 2002, Jabatan Statistik Malaysia, Sabah). Penduduk negeri ini telah meningkat sebanyak 50% pada tahun 2000 sejak 9 tahun yang lepas iaitu dari 1,734,685 bagi banci demografi yang terakhir (1991). Kadar pertumbuhan kependudukan tahunan sepanjang jangkamasa ini ialah 3.92%, satu kadar pertumbuhan yang agak tinggi. (Rujuk 2-1 untuk keluasan kawasan, penduduk dan kepadatan penduduk mengikut daerah).

Sebahagian besar daripada penduduk Sabah tinggal di Bahagian Pantai Barat. Bandaraya Kota Kinabalu ($1,173.6 \text{ orang/km}^2$), ibu negeri Sabah dan Penampang merupakan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang paling tinggi jika dibandingkan dengan lain-lain kawasan di Bahagian Pantai Barat. Selain itu, Bandaraya Sandakan dan kawasan sekelilingnya merupakan kawasan yang paling padat penduduknya berbanding dengan lain-lain kawasan di Bahagian Pantai Tiunur Sabah. Selain itu, kebanyakan kawasan Pedalaman negeri ini diliputi kawasan hutan atau ladang kelapa sawit dengan kepadatan penduduk kurang daripada $10/\text{km}^2$ secara amnya. Kebanyakan daripada kampung-kampung adalah terletak di tebing-tebing sungai. (Buku Statistik Tahunan Sabah 2002)




(Sumber Data : Buku Statistik Sabah 2002, Jabatan Statistik Malaysia, Sabah)

Rajah 2-1 Penduduk dan Kepadatan penduduk di Sabah (in 2000)

Di negeri Sabah, sebilangan besar penduduknya telah berhijrah dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2-2. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 1980, sebanyak 80.1% daripada jumlah penduduk keseluruhan adalah menetap di kawasan luar bandar. Akan tetapi, pada tahun 2000, penduduk di kawasan bandar adalah 47% dan kawasan luar bandar 53% berbanding dengan jumlah keseluruhan penduduk di Sabah. Ini bermakna tidak ada banyak perbezaan dari segi peratusan kepadatan penduduk antara kedua-dua kawasan ini.

Dengan kata lain, ciri-ciri demografi negeri Sabah ialah 1) kadar pertumbuhan penduduk adalah tinggi 2) penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar semakin meningkat; dan bilangan penduduk yang berhijrah di negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina juga semakin pesat meningkat. Jumlah penghijrah yang berdaftar adalah lebih daripada 610,000 orang atau 24% berbanding dengan jumlah penduduk keseluruhan. Menurut sumber daripada Jabatan Immigresen, setakat tahun 2000, antara kumpulan penghijrah yang paling ramai mengikut kewarga negara adalah 115,581 orang dari Indonesia; 110,044 penduduk Taiwan dan 45,632 dari negara Filipina. Pemandang - pendatang ini

telah banyak memberi kesan dan menjejaskan taraf hidup serta aktiviti ekonomi penduduk Sabah dari pelbagai segi, bukan setakat kawasan bandar tetapi juga kawasan luar bandar. (Buku Statistik Sabah 2002)




(Sumber Data : Laporan Preliminary Count Report for Urban and Rural Areas, 2001, Department of Statistics Malaysia)

Rajah 2-2 Bilangan Isirumah di Kawasan Bandar dan Luar Bandar

Maklumat terperinci mengenai penduduk mengikut kumpulan etnik adalah ditunjukkan dalam Rajah 2-3. Negeri Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Kadazan-Dusun, Murut dan Bajau berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Kadar penganut Kristian adalah lebih tinggi (28% daripada jumlah penduduk Sabah) berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 75% daripada jumlah kaum Kadazan-Dusun adalah Kristian dan 21% adalah Muslim. Bagi kaum Murut pula, sebanyak 83% adalah beragama Kristian. Kesemua(100%) orang-orang Melayu adalah beragama Islam. Sementara itu, 99.8% daripada kaum Bajau adalah muslim. (Buku Statistik Tahunan 2002).

Dari segi pengagihan kumpulan etnik mengikut keadaan geografi pula, kebanyakan kaum Melayu menetap di kawasan Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan manakala sebahagian besar kaum Kadazan-Dusun tertumpu di Kota Kinabalu, Ranau dan Papar yang terletak di Bahagian Pantai Barat Sabah. Kaum Bajau pula lebih tertumpu di Kota Kinabalu di samping Semporna dan Lahad Datu yang terletak di Bahagian Pantai Timur Sabah. Kebanyakan kaum Murut tinggal di Tenom dan Keningau di bahagian Pedalaman Sabah manakala kaum

Cina pula tertumpu di Tawau dan Sandakan di Pantai Timur Sabah dan Penampang di Bahagian Pantai Barat.



(Sumber Data : Buku Statistik Tahunan Sabah 2002, Jabatan Statistik Malaysia, Sabah)

Rajah 2-3 Komponen Kumpulan Etnik di Sabah (2000)


2.3 KEADAAN SOSIO-EKONOMI

Di bawah Rancangan Malaysia KeLapan (2001-2005), Kesemua 14 negeri di Malaysia diklasifikasikan kepada “Negeri-negeri yang lebih Membangun” dan “Negeri-negeri Kurang Membangun”. Negeri Sabah diklasifikasikan sebagai “Negeri Kurang Membangun”. Berdasarkan kepada Rancangna Malaysia tersebut, Keluaran Negara Kasar (GDP) negeri tersebut adalah RM 14,947 juta pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5% secara purata. Walau pun keadaan ini menggambarkan pencapaian yang sederhana di kalangan negeri-negeri kurang maju di mana GDP per kapita adalah RM9,123 pada tahun 2000, tetapi secara keseluruhan, rekod ini menunjukkan bahawa pencapaian ini adalah yang ketiga rendah selepas negeri Kedah dan Kelantan. Dari segi kadar pertumbuhan pula, purata kadar pertumbuhan tahunan GDP per kapita negeri sabah ialah sebanyak 4.4% dan merupakan negeri Kedua yang paling rendah pencapaiannya selepas negeri Selangor.

Dengan kekayaan dari segi sumber pertanian, negeri Sabah pada satu masa lalu merupakan pengeksport kayu balak yang utama. Akan tetapi, oleh kerana aktiviti perhutanan secara komersial berkembang dengan pesat menjelang tahun 1970 dan 1980, maka sumber-sumber pertanian di Sabah telah semakin berkurangan. Akibat struktur perindustrian tersebut, maka kerajaan negeri terpaksa mengalihkan haluan daripada industri pertanian (perhutanan) ke industri yang lain iaitu jualan, perhotelan dan industri perkhidmatan. Data terperinci mengenai

GDP mengikut sektor ekonomi menunjukkan bahawa sector pertanian menyumbang bahagian yang paling tinggi dalam ekonomi negara ini (25.68%) dalam tahun 1999 manakala pada tahun 2000 pula, industri perlombongan mencatat peratusan yang tertinggi iaitu 17.56% dalam ekonomi negeri tersebut. Ini adalah kerana GDP untuk industri perlombongan termasuk pengeluaran minyak mentah semakin pesat mengembang manakala pengeluaran hasil sektor pertanian pula semakin menurun. Dalam pada itu, pencapaian GDP dalam sektor industri perkilangan dan industri perkhidmatan berada dalam peratusan yang kekal iaitu 10%.

Walau pun pencapaian GDP sector pertanian menunjukkan trend yang semakin menurun, tetapi keperluan tenaga kerja dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat lebih kurang 40% dalam tahun 2000. Kadar ini merupakan pencapaian peratusan yang paling tinggi berbanding dengan lain-lain sektor dan ianya semakin meningkat sehingga kini.



(Sumber Data: Buku Statistik Tahunan Sabah 2002, Jabatan Statistik Malaysia, Sabah)


Rajah 2-4 Struktur Tenaga Kerja (Tahun 2000)

Dengan membandingkan pencapaian taraf sosio-ekonomi negeri ini dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia, pengediaan kemudahan pembekalan air yang selamat dalam negeri adalah 64%, merupakan yang kedua rendah selepas Negeri Kelantan. Kadar kemudahan kelengkapan elektrik adalah 78% dalam tahun 1995 manakala kemudahan jalanraya yang ditar adalah 0.5%/10km² pada tahun 1995 dan ini merupakan kadar yang terendah di Malaysia. Angka ini menunjukkan bahawa pencapaian sosio-ekonomi terutamanya dari segi pembekalan kemudahan infrastruktur negeri ini adalah jauh ketinggalan. Di samping itu, setakat tahun 1995, kadar celik huruf di negeri Sabah ialah 78% manakala lebih

dari separuh bilangan negeri-negeri lain di Malaysia mencapai kadar 90%. Kadar kematian bayi pula adalah 38/1000 kelahiran yang juga merupakan kadar kematian yang tinggi dan serius kerana bagi negeri-negeri alain, kadarnya hanya 10/1000 kelahiran. (Sumber Data : JBIC Profil Kemiskinan Malaysia Feb. 2002).

Kerajaan negeri telah berusaha untuk mengatasi kemiskinan negeri ini dengan menetapkan piawai untuk mengukur kemiskinan mutlak (absolute poverty) sebagai “Garis Pendapatan Kemiskinan”(Poverty Line Income-PLI)”. PLI didefinisikan sebagai keperluan pendapatan bulanan yang minimum bagi setiap isirumah untuk memenuhi keperluan asas keluarga dari segi makanan, pakaian dan tempat perlindungan(rumah). Memandangkan wujudnya harga komoditi yang berbeza mengikut wilayah. PLI ini telah ditetapkan untuk ketiga-tiga kawasan termasuk Semenanjung Malaysia.,Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah mengklasifikasikan mereka yang menerima pendapatan bulanan kurang daripada separuh PLI sebagai “hardcore Poverty” dan sehingga kini kerajaan masih dalam menuju langkah menghapuskan kemiskinan. Setakat ini (tahun 2000), PLI negeri Sabah adalah RM685.


Kadar kemiskinan negeri Sabah adalah paling tinggi menggantikan negeri Kelantan sejak 1995, seperti yang dipaparkan pada Rajah 2-5. Ini adalah kerana hanay sedikit kemajuan yang dicapai oleh negeri Sabah manakala lain-lain negeri termasuk Negeri Kelantan telah berjaya menurunkan kadar kemiskinannya. Seperti dalam tahun 1995, kadar kemiskinan negeri Sabah ialah 5.5% iaitu dua kali lebih tinggi berbanding dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia iaitu 1.7% dan 2% di negeri Sarawak. (Rancangan Malaysia KeEnam).



(Sumber Data: Laporan Penilaian Kemiskinan JBIC 2001)

Rajah 2-5 Nisbah Kemiskinan Mengikut Negeri di Malaysia

Rajah 2-6 menunjukkan taburan kemiskinan isirumah di Sabah. Data di Rajah 2-6 adalah “bilangan isirumah yang tinggal di bawah garis kemiskinan” yang dikumpulkan setiap tahun oleh Pegawai-pegawai Daerah dan dikemukakan kepada Kementerian Luar bndar(KPLB). Data tersebut adalah disediakan berdasarkan kepada data-data yang dikemukakan oleh setiap isirumah, perolehan pendapatan yang dilaporkan biasanya adalah kurang daripada jumlah yang sebenar. Walaubagaimana pun, data ini masih boleh digunakan untuk menganalisa hala tuju taburan kemiskinan isirumah di negeri ini.



(Sumber Data : KPLB)

**Rajah 2-6 Taburan Kemiskinan Isirumah-isirumah di Sabah
(setakat 31 March, 2002)**

Rajah 2-6 menunjukkan bahawa terdapat lebih banyak isirumah yang miskin di lima daerah iaitu Kudat, Kota Marudu, Pitas, Kota Belud, dan Nabawan. Kadar kemiskinan yang tinggi adalah kawasan utara yakni daerah: Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Ketiga-tiga daerah ini telah diklasifikasikan sebagai “Poverty Belt” yang telah menjadi tumpuan sebagai kawasan sasaran program-program pembangunan kerajaan negeri. Selain daripada daerah-daerah yang disebutkan terdapat juga banyak lagi isirumah yang miskin di daerah seperti papar dan kawasan Pantai Barat Sabah, Sandakan di Bahagian Pantai Timur dan Tenom serta Nabawan di Kawasan Pedalaman.

2.4 RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI

2.4.1 RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001~2005) DAN RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH

Rancangan Malaysia KeLapan merangkumi beberapa strategi penting iaitu termasuklah; 1)kestabilan ekonomi peringkat makro, 2) pengurangan kemiskinan, 3) peningkatan produktiviti, 4) mengukuhkan persaingan peringkat antarabangsa, 5) peningkatan teknologi maklumat, 6) pembangunan sumber manusia, 7)

mengekalkan daya maju dalam pembangunan negeri, 8) peningkatan taraf hidup, dan 9) peningkatan etnik. Selepas muncul dan pulih daripada krisis ekonomi Asia, Malaysia kini menuju ke arah pengiktirafan sebagai negeri membangun dengan pembangunan ekonomi yang lebih mampan seperti meningkatkan dan mengukuhkan persaingan peringkat antarabangsa dan teknologi maklumat. Untuk menyempurnakan tujuan tersebut, negara ini perlu mengatasi jurang pembangunan di Malaysia Timur dan kawasan utara di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia KeLapan, Rancangan Pembangunan Negeri Sabah bertujuan untuk 1) merangasangkan dan meningkatkan pembangunan ekonomi, 2) pengurangan kemiskinan, 3) pembangunan kawasan luar bandar. Antara strategi-strategi utama yang dilaksanakan untuk mencapai tujuan tersebut adalah, a) mengukuhkan sektor perkilangan dan pengeluaran, b) pembangunan luar bandar dan pengurangan kemiskinan, c) peningkatan kemudahan infrastruktur sosio-ekonomi; d) pembangunan sumber manusia, e) peningkatan perkhidmatan sosial awam, f) galakan dasar Bumiputra dalam sektor ekonomi, g) pembangunan yang mampan dan pertimbangan isu-isu persekitaran, h) Galakan penyertaan wanita dalam pembangunan; dan i) galakan pelaburan asing dan kerjasama perdagangan dalam kawasan timur ASEAN (BIMP-EAGA).

Daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, maka objektif Kajian ini ialah “untuk meningkatkan galakan pendapatan kaum wanita dan keadaan taraf hidup serta menggalakkan pengkasaan wanita di negeri Sabah melalui aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian mereka” adalah amat tepat dan sesuai kepada polisi-polisi pembangunan di peringkat kerajaan Persekutan mau pun peringkat Negeri.

2.4.2 DASAR PEMBANGUNAN NEGERI SABAH

Seperti yang dinyatakan di atas, meskipun pun usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sabah, tetapi secara umumnya, pencapaiannya masih tertinggal jauh dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi berbanding dengan negeri-negeri yang lain dalam Malaysia. Ini adalah kerana bahagian Pantai Barat Semenanjung Malaysia lebih ditumpukan untuk dibangunkan dalam dasar pembangunan kebangsaan. Berdasarkan kepada belanjawan pembangunan per kapita mengikut negeri dalam Rancangan Malaysia KeTujuh, tidak ada penunjuk yang menyatakan hubungan antara PLI dan belanjawan pembangunan, walau pun PLI ditetapkan sebagai rangsangan kepada dasar mengurangkan kemiskinan. Sebagai contoh, jumlah belanjawan pembangunan adalah kurang diperuntukkan kepada negeri-negeri seperti Kelantan, Sabah, Sarawak dan

Trengganu adalah kurang berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Padahal negeri-negeri inilah mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.

Bagi negeri Sabah, walau pun kadar kemiskinannya adalah tertinggi dan keperluan untuk pembangunan adalah tinggi, tetapi belanjawan pembangunan per kapita adalah RM2,200 yang mana merupakan amaun yang paling rendah berbanding dengan lain-lain negeri. Kerajaan negeri Sabah semasa diperintahkan di bawah parti pembangkang dalam jangkamasa tertentu pada tahun 1980an, yang man telah menjejaskan hubungan dengan kerajaan persekutuan. Keadaan ini menyebabkan tergugatnya proses pembangunan dalam jangkamasa tersebut memandangkan kekurangan peruntukan kewangan. Selepas itu, kerajaan negeri telah cuba untuk mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu, kini kerajaan persekutuan menyokong usaha kerajaan negeri dalam membangunkan kawasan luar bandar dan juga usaha membasmi kemiskinan.

Walau pun wujudnya kekangan kewangan dan politik, kerajaan negeri Sabah tetap meneruskan pelaksanaan dasar pembangunan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi dalam negeri. Berikut ini adalah gambaran keseluruhan dasar pembangunan yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kelapan, pembasmian kemiskinan, wanita dan pembangunan serta rancangan berkaitan dengan kajian ini.

2.4.3 DASAR PEMBASMIAN KEMISKINAN

Pembasmian kemiskinan merupakan satu isu yang penting di Sabah. Menurut “Rangka kerja Rancangan Pembangunan Perspektif negeri Sabah” (OPPS,1995-2010), kerajaan negeri Sabah menumpukan usahanya untuk mengurangkan kadar kemiskinan dari 33.2% (19.8% di kawasan bandar dan 36.8% di kawasan luar bandar) dalam tahun 1993 ke 20% (6.3% di kawasan bandar dan 27.3% di kawasan luar bandar) bagi tahun 2000 dan kemudian ke 6% menjelang tahun 2010. Strategi-strategi yang dirancangan adalah seperti berikut:

- (1) Pembangunan ekonomi dan peningkatan peluang pekerjaan;
- (2) Peningkatan pemilikan sumber ekonomi dan peluang pekerjaan untuk kumpulan miskin dan kurang berpeluang; dan
- (3) Peningkatan keupayaan memperoleh perkhidmatan asas,(kesihatan, pendidikan, bekalan air dan elektrik) pengembangan aktiviti latihan, peningkatan kemudahan infrastruktur sosio-ekonomi dan aktiviti-aktiviti

komersial.

Program-program yang bakal dilaksanakan untuk mencapai strategi-strategi tersebut haruslah mampan dan berdaya kekal. Penekanan ke atas beberapa isu perlu ditumpukan iaitu peningkatan produktiviti dan pendapatan, pembangunan keupayaan dari segi penggunaan, mengeratkan kerjasama dengan Organisasi bukan kerajaan (NGO) atau sektor-sektor swasta. Isu mengenai "Wanita-Ketua Isirumah" adalah dianggap sebagai antara satu masalah yang paling serius dan kerajaan berusaha untuk menggalakkan peningkatan pendapatan melalui latihan kemahiran dan mengembangkan pemilikan ke atas sumber-sumber ekonomi yang pelbagai.

Kerajaan negeri telah menubuhkan agensi-agensi dan menggalakkan pelbagai projek untuk mengurangkan kemiskinan melalui agensi-agensi tersebut. Agensi kerajaan seperti Korporasi Pembangunan Desa (KPD) atau Lembaga Tabung Getah adalah antara agensi yang membekalkan kemahiran seperti latihan pengeluaran tanaman kontan dan perkhidmatan kewangan mikro untuk petani-petani. Dalam tahun 1990, AIM organisasi kewangan mikro peringkat persekutuan telah memulakan perkhidmatannya di negeri Sabah. Sementara itu, jabatan kewangan mikro KPD atau Yayasan Usaha Maju (YUM) telah diasingkan dari KPD untuk membekalkan perkhidmatan yang spesifik untuk kumpulan wanita di kawasan luar bandar.

Buat masa ini, program pengurangan kemiskinan adalah dijalankan khususnya oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sejajar dengan kesesuaian permintaan dari kerajaan daerah. Projek-projek utama yang dilaksanakan ialah pembinaan jalanraya, bekalan air dan elektrik. Projek "satu kampung, satu produk" yang berdasarkan kepada contoh kes kejayaan kerajaan Oita di Jepun telah diterimapakai dan dilaksanakan. Dengan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber yang diperolehi dari kampung tersebut, orang-orang kampung akan memulakan perusahaan secara kecil-kecilan untuk kegunaan sendiri dan kemudian memfokuskan kepada pasaran di luar kampung dengan memperbaiki kualiti produk secara peringkat-berperingkat.

Projek "Satu Kampung, Satu Produk" telah pun dilaksanakan di tiga daerah di kawasan Utara iaitu Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Mereka telah menghasilkan antaranya jam, madu, alat hiasan daripada manik, dan gendang. Akan tetapi, pelaksanaan aktiviti menyelia dan menilai projek tersebut adalah terhad.

Projek-projek tersebut perlu diperbaiki berdasarkan kepada pengalaman yang dipelajari melalui sistem penyeliaan dan penilaian.

Kekangan kewangan dalam belanjawan pembangunan negeri telah menyebabkan kekurangan sumber kewangan dan tenaga manusia, penundaan inovasi teknologi, penyeliaan yang tidak sempurna ke atas pelaksanaan projek dan program serta kekurangan kerjasama di kalangan organisasi dan sebagainya. Oleh itu, tempoh pelaksanaan dan pencapaian objektif penubuhan agensi sokongan kerajaan seperti KPD dan YUM perlu dilanjutkan. Walau bagaimana pun, pengstrukturkan semula organisasi tersebut sedang dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.

Memandangkan kerajaan negeri masih dalam proses mengkaji semula agensi-agensi kerajaan tersebut, maka adalah amat penting dan bermakna untuk mengkaji semula peranan dan fungsi organisasi-organisasi tersebut untuk menyokong wanita luar bandar, mempertimbangkan semula pembangunan pengupayaan mereka serta memfokuskan kerjasama mereka dengan KPLB, JHEWA dan lain-lain agensi kerajaan peringkat persekutuan.

2.5 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

Sistem pentadbiran kerajaan tempatan(peringkat negeri, peringkat bandar/bandaraya, peringkat daerah dan kampung) negeri Sabah adalah diringkaskan dalam Kajian dengan memfokuskan dari pentadbiran atasan sehingga ke peringkat bawah sistem tersebut demi menyokong pelaksanaan pengkasaan wanita luar bandar. Ringkasannya adalah seperti berikut:

2.5.1 KERAJAAN NEGERI

Pemilihan Ketua Menteri, ahli Kabinet dan ahli Dewan Undangan adalah dipilih oleh penduduk tempatan dua tahun sekali mengikut penggiliran. Sebanyak 11 kementerian (Rajah 2-7) telah diwujudkan iaitu :

- 1) Jabatan Ketua Menteri;
- 2) Kementerian Pembangunan Perindustrian;
- 3) Kementerian Pembangunan Infrastruktur;
- 4) Kementerian Belia dan Sukan;
- 5) Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar;
- 6) Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna;
- 7) Kementerian Kewangan;
- 8) Kementerian Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat;

- 9) Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan;
- 10) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; dan
- 11) Kementerian Pembangunan Luar Bandar.



Rajah 2-7 Struktur Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah

2.5.2 BANDARAYA DAN MAJLIS PERBANDARAN


Setakat ini, terdapat 21 daerah, 10 daerah kecil, sebuah(1) bandaraya (Kota Kinabalu) dan dua (2) majlis perbandaran (Tawau and Sandakan). Pentadbiran Bandaraya adalah diketuai oleh seorang Datuk Bandar (Mayor) manakala peringkat majlis perbandaran pula diketuai oleh seorang Presiden. Manakala 21 daerah yang lain pula diketuai oleh seorang (1) Pegawai Daerah (DO) dengan bantuan dua orang (2) Penolong Pegawai Daerah, seorang bertanggungjawab ke atas bahagian pentadbiran manakala seorang lagi bahagian pembangunan.

2.5.3 DAERAH

Pejabat Daerah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pegawai-pegawai Daerah merupakan pegawai kanan kerajaan. Terdapat dua kementerian yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Pejabat Daerah dari segi pentadbiran negeri. Kedua-dua kementerian tersebut ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengendalikan hal-hal pentadbiran manakala Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) berkaitrapat dengan hal-hal pembangunan luar Bandar.(Rajah 2 –8) Prestasi pembangunan sesebuah daerah

jawatankuasa kecilnya tersendiri yang terdiri dari Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha (Rajah 2-9) seperti berikut:

- 1) Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Ekonomi;
- 2) Jawatankuasa Kecil Keadaan Hidup dan Kesihatan Awam;
- 3) Jawatankuasa Kebudayaan dan Agama;
- 4) Jawatankuasa Kecil Keselamatan; dan
- 5) Jawatankuasa Kebajikan dan Wanita.



Rajah 2-9 Struktur Pentadbiran JKJK (Contoh)

Perspektif wanita, pada dasarnya, sepatutnya digambarkan dalam proses membuat keputusan kerana ianya termasuk dalam Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Wanita. Akan tetapi, adalah dikatakan bahawa Jawatankuasa Kecil mengenai hal-hal wanita tidak semestinya aktif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum wanita di kampung-kampung yang berkenaan.

2.6 CAMPURTANGAN OLEH RAKAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA DAN NGO

(1) GAMBARAN KESELURUHAN

Campuratan dari segi pembangunan oleh rakan pembangunan antarabangsa adalah tidak begitu jelas di negeri Sabah memandangkan Malaysia adalah dikenali sebagai negara membangun di peringkat sederhana. Di Sabah, masih

terdapat kumpulan miskin yang pinggir menetap di kawasan yang terpencil. Setakat ini, NGO tempatan seperti PACOS dan SAWO telah memainkan peranan yang aktif dalam bekerjasama dengan ahli-ahli masyarakat dan/atau wanita luar bandar untuk peningkatan taraf hidup luar Bandar.

(2) JICA BORNEO BIO-DIVERSITY AND ECOSYSTEM CONSERVATION PROGRAM (BBEC)

Kerajaan Negeri Sabah dan JICA telah melaksanakan program bersama selama lima tahun yang bertajuk “Borneo Biodiversity & Ecosystems Conservation Program (BBEC)” sejak bulan Februari 2002. Program ini bertujuan untuk mewujudkan pendekatan pemuliharaan yang komprehensif, berdaya kekal mengenai “biodiversity and ecosystem” melalui pembangunan pengupayaan oleh agensi-agensi yang berkaitan dalam pengurusan kawasan yang dilindungi. Dalam konteks pembangunan luar bandar, program ini berusaha untuk membolehkan orang-orang luar bandar yang menetap di kampung yang terpencil, berhampiran dengan kawasan dilindungi; dapat menggunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti galakan pendapatan mereka.

(3) PROGRAM LATIHAN OISCA DAN KEDAI RANGKAIAN

OISCA-peringkat antarabangsa merupakan salah satu daripada NGO yang aktif dalam pembangunan luar bandar. OISCA telah bekerjasama dengan KPIM dalam latihan yang berasaskan pertanian selama 20 tahun di Sabah. Ia mempunyai kemudahan latihan dan asrama di Tenom dan telah melaksanakan latihan kepimpinan pertanian untuk kumpulan belia dan latihan pemprosesan makanan bagi kumpulan wanita luar bandar dengan kerjasam dengan KPD. Pusat latihan ini telah berjaya menghasilkan 1,000 graduan belia. Sebilangan daripada graduan yang telah tamat latihannya di Tenom terpilih untuk melanjutkan latihan di pusat latihan OISCA di Negara Jepun. Selepas tamat latihan di Jepun, graduan-graduan belia ini akan memainkan peranan yang penting dalam aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian di kampung mereka masing-masing. Selain dari itu, pusat latihan OISCA juga mempunyai kedai cawangan yang menjual sayur organik dan buah-buahan.

BAB 3: SEKTOR BERKENAAN DENGAN PERTANIAN

3.1 DASAR PEMBANGUNAN PERTANIAN

3.1.1 DASAR PEMBANGUNAN PERTANIAN KETIGA

Dasar Pertanian Kebangsaan Malaysia Ketiga(NPA3) digunakan sebagai garis panduan pembangunan pertanian. Untuk mengatasi krisis ekonomi yang berlaku dalam tahun 1998, negara ini melaksanakan langkah-langkah berikut sebagai ukuran utamanya. Antara langkah tersebut ialah galakkan perladangan yang cekap, pemprosesan makanan daripada hasil perladangan secara komersial, inovasi teknologi untuk kelengkapan diri, dan galakan eksport. Peningkatan makanan untuk kegunaan dalam negeri diberi keutamaan iaitu sektor pertanian, penternakan dan perikanan. NPA3 merupakan dasar asas bagi sektor pertanian yang digunakan oleh Kementerian Pertanian dan Kementerian Industri Utama. Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Datuk Dr. Mahathir Mohamad menyatakan secara jelas bahawa “pertanian negara memainkan peranan penting dalam pembangunan negara”. NPA3 memberi ringkasan rangka dasar pada masa akan datang sejajar dengan visi negara iaitu mencapai taraf negara membangun menjelang tahun 2020.

NPA3 menyatakan bahawa negara Malaysia akan menjadi negara perintis dalam bidang pertanian bagi negara-negara khatulistiwa. Tiga strategi untuk mencapai tujuan tersebut telah dicadangkan iaitu:

- 1) Pembangunan industri baru dengan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber tempatan yang ada;
- 2) Pembangunan produk baru dengan menggunakan sepenuhnya produk pertanian, sisa pertanian dan produk sampingan; dan
- 3) Mewujudkan dan menstrukturkan pasaran baru untuk produk pertanian bagi meningkatkan pendapatan daripada eksport.

Selain dari itu, dasar ini juga menekankan beberapa aspek yang penting iaitu: untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan pasaran utama produk makanan, mengamalkan pembangunan yang berdaya maju untuk sektor pertanian dan perhutanan yang semakin kompleks, untuk memastikan wujudnya sumber manusia yang cukup bagi menangani pengurusan pertanian berskala besar yang semakin kompleks, untuk mewujudkan dana dan infrastruktur bagi pembangunan

pertanian di samping menggalakkan pelaburan sektor swasta. Tujuan galakan penglibatan sektor swasta ini adalah untuk mengukuhkan sokongan perkhidmatan awam ke atas perusahaan swasta di samping merangsangkan bidang pertanian dan perhutanan dengan menggalakkan pemprosesan barangan industri dan pertanian.

3.1.2 DASAR PERTANIAN KEDUA NEGERI SABAH

Pelaksanaan aktiviti pertanian negeri Sabah adalah berasaskan kepada Dasar Pertanian Kedua Negeri Sabah (DPNS2) yang sejajar dengan Dasar Pertanian Negara 3 (DPN3). Dasar pertanian Negeri Sabah yang Pertama (DPNS1) bertujuan untuk menggalakkan perladangan secara komersial. Walau bagaimanapun, oleh kerana berlakunya krisis ekonomi yang melanda pada jangkamasa pelaksanaan DPNS1, maka ianya telah dikaji semula ke DPNS2 yang memfokuskan kepada mengukuhkan perladangan tanaman makanan. Melalui inovasi teknologi pengeluaran yang mampan dan penggunaan sumber secara efektif, maka DPNS2 bertujuan untuk merangsangkan sektor pertanian dan menguatkan daya saingan pada peringkat antarabangsa dengan meningkatkan pendapatan setiap wilayah. Pendekatan yang sebenar untuk mencapai matlamat tersebut ialah, 1) Galakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengenalan produk-produk baru; 2) penggunaan teknologi maklumat; 3) peningkatan teknologi pengeluaran; 4) peningkatan kualiti sumber manusia; 5) meningkatkan penglibatan firma pemprosesan swasta produk perladangan; dan 6) penggunaan sepenuhnya sumber-sumber pertanian kawasan.

Demi untuk melaksanakan setiap pendekatan ini, DPNS2 menekankan pentingnya untuk menunjukkan secara jelas hala tuju dan dasar-dasar yang terlibat dalam bidang perladangan, penternakan dan perikanan, memodenkan dan mengkomersialkan sektor pertanian serta sentiasa mengejar pembaharuan untuk mewujudkan sektor pertanian yang aktif dan berdaya saing. Pada masa yang sama, beberapa strategi yang dinyatakan seperti berikut perlu diberi penekanan dan galakan.

3.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PRODUK-PRODUK UTAMA

3.2.1 GAMBARAN KESELURUHAN

Jadual 3-1 menunjukkan perbandingan nisbah GDP bagi sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan. Nisbah pertanian dan penternakan meningkat sehingga tahun 1999 tetapi menurun dengan banyak pada tahun 2000.

Produktiviti dalam sektor perhutanan semakin menurun manakala pengeluaran dalam sektor perikanan pula berada pada tahap yang lebih kurang sama.

Jadual 3-1 GDP mengikut Sektor (Unit: RM Juta)

	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Sektor Pertanian dan Penternakan	2,928 (18.07%)	3,495 (21.26%)	4,020 (24.30%)	4,502 (25.73%)	3,025 (16.32%)	2,814 (15.88%)
Sektor Perhutanan	1,771 (10.93%)	1,344 (8.18%)	1,151 (6.96%)	940 (5.37%)	1,157 (6.24%)	693 (3.84%)
Sektor Perikanan	473 (2.92%)	577 (3.51%)	602 (3.64%)	588 (3.36%)	590 (3.18%)	574 (3.18%)

(Sumber Data: Buku Statistik Tahunan Sabah 2002)

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan peratusan GDP pada keseluruhannya)

3.2.2 PERTANIAN

Sektor pertanian negeri Sabah mengkhususkan dalam pengindustrian pengeluaran kelapa sawit, koko dan getah yang dihantar ke lain-lain negeri. Kelapa sawit yang menyumbangkan 50% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan merupakan komoditi pengeluaran utama Negeri Sabah. Komoditi ini menyumbangkan 93% daripada jumlah pengeluaran pertanian yang dihantar ke lain-lain negeri. (tahun 2000, Statistik Pertanian Negeri Sabah 1999-2000).

Jadual 3-2 Kawasan Tanah Perladangan Mengikut Produk (Tahun 2000)
(Unit: ha)

Kawasan	Tanaman-tanaman Perindustrian							Jumlah
	Getah	Kelapa	Kelapa Sawit	Koko	Kopi	Padi	Lain-lain	
Kudat	13,250.5	11,438.9	10,030.0	129.0	66.4	10,264.0	6.2	45,185.0
West Coast	29,172.0	769.8	4,077.3	2,534.0	280.5	15,370.0	368.2	52,571.8
Interior	34,729.0	1,138.3	23,727.8	6,183.8	2,029.3	12,045.0	697.7	80,550.9
Sandakan	7,532.4	1,407.2	532,515.6	5,789.4	74.3	2,349.0	1.3	549,669.2
Tawau	6,127.7	8,640.8	400,364.6	44,917.7	1,669.0	61.0	117.6	461,898.4
Jumlah	90,811.6	23,395.0	970,715.3	59,553.9	4,119.5	40,089.0	1191.0	1,189,875.3
Peratusan	7.63%	1.97%	81.58%	5.01%	0.35%	3.37%	0.10%	100.00%

(Sumber Data: Laporan Statistik Tanaman DOA 2000)

Sebaliknya, negeri ini tidak dapat membekalkan produk-produk seperti beras dan jagung untuk kegunaan sendiri. Sebanyak 24% daripada kawasan tanaman padi adalah padi bukit yang bergantung kepada hujan dan hasilnya kurang daripada padi sawah. Penanaman pada umumnya adalah khas untuk penggunaan sendiri dan lebihannya akan dijual kepada Persatuan Petani-petani Padi dengan

pemberian subsidi tambahan. Walau bagaimanapun, memandangkan jumlah kuantiti beras masih berada di tahap yang rendah, maka beras dari Negara Thailand dan Vietnam dibawa masuk ke pasaran di bandar.

Jadual 3-3 menunjukkan produk pertanian mengikut kawasan; Hala tuju eksport produk pertanian adalah ditunjukkan di Jadual 3-4; dan kawasan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan mengikut kawasan adalah ditunjukkan dalam Jadual 3-5 dan Jadual 3-6.

Jadual 3-3 Hala tuju Eksport mengikut Produk (1999 - 2002)

Item	1999		2000		2001		2002	
	Kuantiti (ton)	Harga (RM '000)	Kuantiti (ton)	Harga (RM '000)	Kuantiti (ton)	Harga (RM '000)	Kuantiti (ton)	Harga (RM '000)
Kelapa Sawit	3,047,261	4,488,199	3,418,208	3,506,492	2,020,089	1,586,020	1,948,782	2,288,153
Koko	54,866	242,799	36,917	120,225	19,139	65,681	12,855	60,647
Kelapa	4,327	8,290	11,776	11,825	—	—	—	—
Getah	29,828	67,269	24,981	62,266	10,078	23,358	12,550	29,056
Lain-lain Produk	—	43,866	—	55,191	—	—	—	—
Jumlah	3,136,282	4,850,423	3,491,882	3,755,999	2,049,306	1,675,059	1,974,187	2,377,856

(Sumber Data: Statistik Pertanian Negeri Sabah 1999-2002)

**Jadual 3-4 Kawasan Tanah Perladangan Mengikut Produk Sayur-Sayuran
(2000, Unit : ha)**

Bahagian	Tahun	Sayur-sayuran						
		Kacang parang	Kacang panjang	Kubis	Sayur bayam	Petola	Labu	Salad/selada
Kudat	2000	0.8	12.6	0.5	5.3	6.8	7.7	2.0
	2002	0.4	17.6	-	11.3	9.2	3.8	-
West Coast	2000	25.3	53.1	30.9	27.9	16.1	52.7	50.8
	2002	33.1	35.0	68.5	26.3	24.7	6.7	2.0
Interior	2000	18.7	22.7	17.0	26.6	11.2	4.5	0.4
	2002	26.3	39.1	9.9	26.8	36.1	10.0	-
Sandakan	2000	3.6	25.6	2.0	5.6	12.2	10.5	-
	2002	10.8	29.4	-	0.6	7.3	3.2	-
Tawau	2000	6.0	14.3	7.0	7.3	5.4	9.2	4.0
	2002	5.8	18.8	-	34.4	18.4	13.8	-
Jumlah	2000	54.4	128.3	57.4	72.7	51.7	84.6	57.2
	2002	76.4	139.9	78.4	99.4	95.7	37.5	2.0
Bahagian	Tahun	Sayur-sayuran					Jumlah	
		Sawi	Sawi cina	Kubis cina	Timun	Lain-lain		
Kudat	2000	2.9	2.0	1.5	16.4	23.5	82.0	
	2002	9.0	-	-	9.2	-	60.5	
West Coast	2000	114.9	49.1	79.5	39.8	487.9	1,028.0	
	2002	40.8	-	40.5	24.7	-	302.3	
Interior	2000	55.1	39.6	49.0	31.2	103.6	379.6	
	2002	40.2	-	-	36.1	-	224.5	
Sandakan	2000	7.0	6.4	4.8	22.6	21.1	121.4	
	2002	16.2	3.2	-	7.3	-	78.0	
Tawau	2000	23.2	7.0	15.0	7.1	53.2	158.7	
	2002	24.4	-	-	18.4	-	134.0	
Total	2000	203.1	104.1	149.8	117.1	689.3	1,769.7	
	2002	130.6	3.2	40.5	95.7	0.0	799.3	

(Sumber Data : Laporan Statistik Tanaman DOA 2000, 2002)

**Jadual 3-5 Kawasan Tanah Ladang Mengikut Produk Buah-buahan
(Unit : ha)**

Bahagian	Tahun	Buah-buahan					
		Belimbing	Papaya	Nangka	Durian	Langsat	Limau manis
Kudat	2000	4.5	3.0	122.9	35.2	24.2	13.1
	2002	1.8	10.5	80.3	72.2	52.6	29.0
West Coast	2000	25.8	51.0	420.5	1,174.3	480.5	20.8
	2002	23.4	72.7	159.0	1,573.0	632.4	60.0
Interior	2000	14.9	31.9	534.3	1,078.6	210.5	351.4
	2002	16.6	13.2	47.6	1,148.6	233.9	304.2
Sandakan	2000	2.3	8.6	152.7	265.6	143.2	24.8
	2002	2.3	1.8	85.4	265.6	151.2	19.9
Tawau	2000	23.3	59.8	309.0	783.8	175.5	51.4
	2002	28.5	35.7	137.3	752.0	159.7	61.5
Jumlah	2000	70.8	154.3	1,539.4	3,337.5	1,033.9	461.5
	2002	72.6	133.9	509.6	3,811.4	1,229.8	474.6
Bahagian	Tahun	Buah-buahan					Jumlah
		Mango	Nanas	Pisang	Rambutan	Lain-lain	
Kudat	2000	119.1	25.3	173.9	41.0	76.0	638.2
	2002	119.7	32.5	383.5	85.4	12.9	880.4
West Coast	2000	393.7	753.6	3,892.5	424.1	285.2	7,922.0
	2002	453.9	1,009.5	3,785.8	564.0	151.3	8,485.0
Interior	2000	143.0	129.0	740.8	395.1	255.8	3,885.3
	2002	152.2	161.1	495.4	424.0	52.5	3,049.3
Sandakan	2000	136.4	22.9	209.3	219.4	147.0	1,332.2
	2002	168.3	20.3	208.4	260.4	24.4	1,208.0
Tawau	2000	211.0	73.0	948.8	476.2	339.5	3,451.3
	2002	197.0	41.3	601.4	490.8	29.0	2,534.2
Jumlah	2000	1,003.2	1,003.8	5,965.3	1,555.8	1,103.5	1,722.9
	2002	1,091.1	1,264.7	5,474.5	1,824.6	270.1	16,156.9

(Sumber Data : Laporan Statistik Tanaman DOA 2000, 2002)

3.2.3 PERIKANAN

Kawasan persisiran pantai adalah kaya dengan sumber ikan seperti Groupers, udang, kerang dan rumpai laut. Teknologi penternakan dijangka akan diperkenalkan. Walau pun bidang perikanan merupakan sektor yang menggalakkan, akan tetapi ianya hanya menyumbangkan 3% daripada jumlah keseluruhan Pendapatan Negara Kasar(GDP). Makanan laut adalah penting sebagai sumber protien kepada penduduk di kawasan tersebut di samping harga pasarannya adalah murah. Kawasan ini amat berpotensi dimajukan kerana kaya dengan sumber-sumber ikan yang berpotensi untuk dieksport. Harga ikan tersebut adalah agak tinggi di pasaran. Galakan dan promosi sektor perikanan adalah sangat penting untuk pembangunan industri utama pada masa akan datang.

Kawasan persisiran pantai timur sehingga Bahagian Pantai Barat negeri ini adalah kaya dengan sumber ikan. Penduduk yang terlibat dalam industri perikanan adalah sejumlah 20,000 orang dalam tahun 2000. Hasil tangkapan adalah meningkat setiap tahun. Antara kaedah-kaedah penangkapan ikan yang digunakan ialah pukut tunda, pukut tarik, pukut hanyut, pancing dan jerat.

Selain dari itu, aktiviti penternakan udang dijalankan di Tawau di Bahagian Pantai Timur Sabah di mana penternakan ikan juga merupakan aktiviti yang utama kawasan ini. Tangkapan udang biasanya dilakukan dengan menggunakan pukut tarik. Hasil tangkapan udang mengikut berat di pelabuhan adalah berbeza-beza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain iaitu 3,080 Metrik tan di Sandakan, 2,722 MT di Tawau, 1,140 MT di Kudat dan 980 MT di bahagian Pantai Barat. Penternakan ikan air tawar seperti Tilapia dan Carp adalah aktiviti biasa di kebanyakan kawasan di Sabah. Ikan Tilapia dan Carp dijual di kebanyakan kawasan di Sabah. Pusat pemeliharaan rumpai laut terletak di Semporna di mana Jabatan Perikanan (DOF) membekalkan latihan kepada kumpulan sasaran. Di samping itu, Pusat penyelidikan Borneo Marine, di bawah Universiti Malaysia Sabah memulakan penternakan rumpai laut di Pulau Banggi yang mana ianya merupakan salah satu daripada projek ke arah mengurangkan kemiskinan di Sabah.

3.2.4 PENTERNAKAN HAIWAN

Haiwan ternakan yang utama di negeri Sabah adalah lembu, kerbau, kambing, khinzir, kambing biri-biri dan ayam. Mengikut laporan setakat tahun 2000 dari Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (DOVSAI), data mengenai anggaran penternakan haiwan adalah seperti di Jadual 3-6.

Jadual 3-6 Trend Pengeluaran Haiwan Ternakan (1996-2001)

	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Lembu	37,582	39,000	45,200	44,837	4,700	40,530
Kerbau	49,850	48,000	52,450	50,741	52,000	52,000
Khinzir	108,000	110,000	85,000	100,000	93,400	112,224
Kampung	31,437	31,000	36,910	37,285	41,000	27,839
Kambing biri-biri	1,700	1,800	1,900	1,900	2,000	1,720

(Sumber Data : Laporan Statistik Tanaman 2002)

Sebahagian besar daripada daging lembu adalah diimport dari Negara Australia dan New Zealand untuk menampung keperluan tempatan khususnya pada musim perayaan seperti Bulan Ramadan, Tahun Baru Cina dan Krismas. DOVSAI

menggalakkan petani-petani di kawasan sasaran supaya meningkatkan bilangan ternakan demi untuk mengurangkan kebergantungan kepada import komoditi tersebut. Dengan ini, DOVSAI membekalkan sokongan dan bantuan untuk penternakan lembu susu, khinzir dany ayam melalui pelaksanaan projek-projek nya.

3.2.5 PERHUTANAN

Aktiviti perhutanan pernah menjadi industri utama negeri ini. Walau bagaimana pun, pengeluarannya telah berkurangan akibat pupusnya sumber hutan dan isu-isu persekitaran yang semakin hangat diutarakan. Nisbah pengurangan hasil perhutanan dari segi GDP adalah 11% dalam 1996 menurun ke 4.3% pada tahun 2000. Data eksport balak adalah seperti ditunjukkan di Jadual 3-7.

Jadual 3-7 Volume Eksport Balaka Negeri Sabah (1999 -2002)

	1999	2000	2001	2002
Export ('000 ton)	881.1	830.1	559	239
RM ('000)	989,842	988,027	626,979	257,161

(Sumber Data : Laporan Statistik Tanaman 2002)

Menurut pandangan dari segi isu persekitaran, galakan industri perhutanan adalah perlu untuk memenuhi permintaan ke atas kayu balak. Industri perhutanan perlu mendapatkan pasaran untuk produk sampingan atau sumber-sumber baru dan sumber yang tidak digunakan. Terdapat kawasan seluas 7,371,267 ha hutan simpanan yang terdiri dari hutan simpanan negeri, taman-taman negeri dan lain-lain lagi. Jika melihat keluasan ini mengikut daerah, terdapat kawasan hutan seluas 212,329 ha di Tawau dan 77,235 ha di Sandakan. Kawasan perhutanan di kawasan Tawau dan Keningau juga telah digunakan utnuk tujuan komersial. Kayu balak yang diperolehi daripada kawasan ini adalah dihantar ke pasaran luar negeri dan juga untuk memenuhi pasaran tempatan.

3.2.6 PEMROSESAN MAKANAN

Sabah merupakan pembekal bahan mentah dan produk perantara untuk industri makanan. Tanaman seperti kelapa sawit, koko dan kelapa merupakan komoditi penting yang dihasilkan oleh negeri ini. Walau bagaimana pun, terdapat kelemahan dari segi pembekalan produk separa proses ialah seperti berikut iaitu ; 1) daya kebergantungan kepada pembeli yang memonopolikan pasaran, 2) pengaruh naik turun harga peringkat antarabangsa, komisyen yang rendah, serta 3) margin keuntungan yang rendah. Kerajaan negeri telah menggalakkan

penduduk-penduduk kampung untuk menghasilkan makanan yang diproses demi untuk mendapatkan keuntungan yang lebih.

Dari segi pemprosesan makana, beberapa aspek perlu diambilkira dan diberi penekanan kepada pengeluar-pengeluar daripada kawasan luar bandar iaitu dari segi tahap kemahiran dan teknologi. Pasukan Pengkaji telah mengklasifikasikan perbezaan jenis-jenis makanan yang diproses mengikut kesesuaian sebagai satu produk dalam perusahaan oleh kumpulan wanita luar bandar.

Jadual 3-8 Klasifikasi Makanan yang diproses

Jenis Makanan	Item	Ciri-ciri
Makanan Kering yang diproses	Makanan ringan, mee, biskut, kuih, biji kopi, coklat	Makanan pengindustrian, pambaungkusan yang baik, pelu teknologi terkini
Makanan basah yang diproses	Jeruk, kek tempatan, madu mentah, roti, kacang goreng, rempah-rempah	Jangk simpan yang pendek, pembungkusan yang mudah, sasaran: pengguna tempatan
Makanan Separuh diproses	Sun dried fish, Coco, Cacao, Paddy / White rice	Semi product, mass products
Makanan yang telah dimasak	Bekal Makanan Masakan/Sajian di restoran	Kumpulan sasaran pengguna tempatan, Edaran segera dan cepat

(Sumber Data : Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Kebanyakan makanan kering yang diproses yang boleh diperolehi daripada pasaraya seperti makanan ringan dan mee adalah dibeli daripada sumber di luar Negeri Sabah. Melalui pemerhatian yang dijalankan, majoriti daripada makanan kering yang diproses diperolehi dari negeri-negeri Semenanjung Malaysia seperti Johor, Bahru dan Selangor. Negeri-negeri tersebut mempunyai kilang-kilang yang moden yang dapat menghasilkan pembungkusan untuk makanan kering yang diproses. Dalam pada itu, perolehan bahan-bahan mentah dan pengguna-pengguna yang tetap perlu dikekalkan supaya kos mengoperasikan peralatan mesin dapat dibiayai. Sekiranya ini tidak dapat dikekalkan, maka kemungkinan kos-kos yang terlibat dari permulaan operasi dan yang berterusan tidak akan dapat dibiayai.

Kebanyakan makanan yang dibuat di Sabah dirangkumi dalam kategori makanan basah yang diproses (processed wet food) yang mempunyai jangkamasa penyimpanan yang pendek. Penghasilan produk tersebut adalah untuk pengguna tempatan. Walau bagaimana pun, pengguna-pengguna di Sabah telah semakin sedar akan pentingnya kualiti dan kebersihan cara membuat makanan tersebut. Mereka lebih cenderung untuk membeli makanan diproses yang dibungkus dengan baik dan dihasilkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan walau pun

harganya agak tinggi berbanding dengan makanan tempatan yang diproses. Memang agak sukar untuk kumpulan wanita luar bandar untuk bersaing dengan kilang-kilang yang moden dari segi pemprosesan makanan di pasaran yang sama.

Sebaliknya, kecenderungan pengguna-pengguna yang lebih suka akan kesegaran khasnya produk tempatan harus diberi perhatian juga. Pengilang luar bandar yang menghasilkan makanan diproses perlu mempertimbangkan tentang keaslian dan kesegaran kualiti produk untuk pasaran sasaran mereka. Maka “Gerakan Satu Kampung Satu Produk di Negara Jepun ” adalah satu contoh yang baik untuk keusahawanan luar bandar. Konsep dan strategi “Satu Kampung Satu Produk di Negara Jepun” adalah di tunjukkan di bahagian yang seterusnya.

3.2.7 AGRO-TOURISM

Negeri Sabah mempunyai potensi yang baik dalam industri pelancongan. Perbadanan Pelancongan Sabah [Sabah Tourism Board (STB)] bertanggungjawab dalam mempromosikan industri pelancongan. Mereka telah membangunkan kawasan luar bandar sebagai tumpuan pelancong-pelancong seperti Taman Kinabalu , Taman Tunku Abdul Rahman dan sebagainya untuk memenuhi permintaan pelancong-pelancong asing,

Memandangkan permintaan dari segi “agro-tourism” amat menggalakkan, MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) telah mengwujudkan Taman Pertanian di Tenom. Akan tetapi, pengwujudan taman ini tidak mendatangkan kesan kepada penduduk-penduduk kampung yang sepatutnya mendapat manfaat melalui pengwujudan taman ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga telah berusaha untuk menggalakkan “Satu Kampung, Satu Produk“ sebagai strategi pembangunan luar bandar termasuklah agro-tourism. Tugu peringatan yang unik dan besar serta produk-produk tempatan yang asli telah diwujudkan di pejabat-pejabat kawasan masing-masing. Selain dari itu, Keraian musim perayaan telah dirancang oleh kawasan masing-masing dengan sokongan daripada majlis perbandaran tempatan. Secara kebetulan, nama promosi tersebut adalah sama dengan pergerakan orang-orang Jepun iaitu “Satu Kampung, Satu Produk” walau pun konsep dan pendekatannya adalah sangat berbeza.

Meskipun usaha-usaha yang sedemikian dilakukan, namun jurang perbezaan antara galakan industri pelancongan dan kehidupan orang-orang kampung yang sebenar menjadi semakin besar. Penduduk-penduduk kampung tidak diberi

peluang untuk melibatkan diri dalam peluang perniagaan yang diwujudkan dari industri pelancongan tersebut. Perbadanan Pelancongan Sabah tidak berupaya untuk memberi latihan kepada penduduk-penduduk kampung oleh kerana kekurangan tenaga kerja.

Memandangkan STB menyedari bahawa permintaan dan potensi untuk agro-tourism desa, maka penduduk-penduduk kampung digalakkan untuk mewujudkan program “ Satu Kampung, Satu Industri” dan program “homestay”. Penduduk-penduduk kampung menerima cadangan tersebut dan telah berusaha untuk membangunkan program-program tersebut. Kakitangan pengembangan dari DOA, KPD dan KEMAS telah membantu penduduk-penduduk kampung untuk membangunkan industri pelancongan tersebut, sebagai contoh, pembuatan kraftangan mengikut bidang kemahiran masing-masing. Oleh kerana bantuan yang diberikan adalah secara ad hoc, maka ianya tidak diurus dengan rapi.

Pasukan Pengkaji JICA telah menjalankan satu kaji selidik mengenai permintaan pelancong-pelancong. (rujuk buku data Bahagian 4 : Ringkasan Kaji Selidik) Perkara-perkara penting yang dikemukakan oleh pelancong-pelancong ialah seperti berikut;

- Tandas-tandas yang sangat kotor
- Persekitaran semulajadi tidak diberi perhatian yang cukup
- Maklumat panduan pelancong tidak menunjukkan maklumat yang praktikal
- Kekurangan kemudahan pengangkutan
- Tidak ada maklumat pengangkutan untuk pelancong yang melancong bersendirian
- Lebih mahal daripada negara-negara jiran
- Kualiti Kraftangan yang rendah

Berdasarkan kepada analisis tersebut, industri pelancongan di Sabah adalah lebih berorientasikan alam semulajadi dan kebanyakan pelawat datang untuk menikmati alam semulajadinya seperti kawasan pantai, hutan dan gunung. Hotel berstatus lima bintang dapat memenuhi keperluan kemudahan dan perkhidmatan untuk pelancong-pelancong ini. Walau bagaimanapun, industri ini belum mencapai tahap kepelbagaian bagi menampung keperluan pelancong-pelancong ini. Kebudayaan etnik dan pertanian tidak dikenali umum. Walau pun pelancong-pelancong ingin menghayati kesegaran alam semulajadi, tetapi kawasan-kawasan tertentu adalah sukar dihubungi kerana sistem pengangkutan

yang tidak mencukupi. Selain itu, isu mengenai peningkatan taraf perkhidmatan yang diberikan oleh penduduk-penduduk kampung juga perlu diberi keutamaan.

3.2.8 KRAFTANGAN

Hasil kraftangan, seperti anyaman bakul, telah dihasilkan oleh kumpulan wanita luar bandar sebagai item yang diperlukan dalam aktiviti kehidupan seharian mereka. Baru-baru ini, wujud usaha untuk menjual hasil kraftangan sebagai cenderakenangan. Pasaran kraftangan dikenali sebagai salah satu pasaran berpotensi yang dapat mengembangkan hasil pengeluaran wanita luar bandar.

Walau pun usaha telah dijalankan untuk mempromosikan kraftangan, akan tetapi disebabkan oleh lokasi kampung yang terpencil, penduduk-penduduk kampung tidak dapat menghayati jenis-jenis kraftangan yang diperlukan oleh pelancong-pelancong. Kerajaan negeri dan organisasi bukan kerajaan telah berusaha untuk menyokong dan membantu aktiviti-aktiviti wanita luar bandar tetapi masih terdapat banyak kelemahan dari segi strategi pembangunan pemasaran.

Isu yang akan menjadi masalah ialah pembelian bahan mentah. Dalam kes pembuatan bakul rotan, penduduk kampung perlu mendapatkan bahan mentah tersebut di dalam hutan. Kuantitinya yang semakin berkurangan mengakibatkan harga hasil kraftangan meningkat. Setengah-setengah daripada bahan mentah tersebut perlu diimport dari negara-negara asing. Dalam kes produk buatan manik, penduduk-penduduk kampung perlu membeli manik tersebut di pasar atau pun kedai-kedai di kawasan Kota Kinabalu.

Maka dengan ini, adalah sangat penting untuk mempertimbangkan kaedah yang mampan dan kekal untuk mendapatkan sumber bahan mentah. Pada masa yang sama, banyak cara yang boleh difikirkan untuk menggunakan sumber-sumber yang tidak terpakai. Berkemungkinan besar bahan mentah yang bernilai boleh diperolehi daripada kawasan persekitaran kampung. Apa yang penting ialah idea kraftangan boleh dibincangkan bersama dalam membangunkan taraf penghidupan luar bandar. Dengan ini, hasil kraftangan yang ditambah nilai dan proses secara manual yang ringkas perlu dipertimbangkan.

3.3 PASARAN DAN TABURAN PRODUK BERKAITAN DENGAN PERTANIAN

3.3.1 TABURAN KAWASAN LUAR BANDAR


Taburan pembahagian kawasan luar bandar di negeri Sabah berlaku di sepanjang bahagian utara-selatan bermula dari pusat Bandaraya Kota Kinabalu dan daerah Penampang, serta bahagian timur-barat daripada Kota Kinabalu terus ke Sandakan dan Tawau. Seperti yang ditunjukkan di jadual 3-8, seramai 305,383 orang atau 86.2% daripada jumlah penduduk Bandaraya Kota Kinabalu, dan 118,237 orang atau 90.4% daripada jumlah penduduk Penampang menetap di kawasan bandar. Pekan-pekan kecil terletak bertaburan di Kudat di bahagian barat-Utara dan Pedalaman di bahagian Barat-Selatan yang terletak sepanjang kawasan pergunungan dari bahagian utara ke selatan. Secara umum, orang-orang Melayu dan kumpulan etnik tradisional yang lain tidak mempunyai kampung yang tersusun, jadi kebanyakan pekan kecil adalah terletak di Bahagian Timur. Pekan-pekan tersebut mempunyai penduduk kurang dari 30,000 kecuali Keningau di mana penduduknya ialah 43,870 orang. Sebaliknya, kebanyakan bandar-bandar yang besar terletak di Bahagian Pantai Timur. Bandar Sandakan mempunyai penduduk seramai 275,375 orang atau pun 79.3% daripada jumlah penduduk di bandar tersebut manakala Bandar Tawau mempunyai lebih kurang 213,903 orang atau 70.2% daripada jumlah penduduk keseluruhan.

Jadual 3-9 Penduduk Bandar dan Nisbah Mengikut Daerah

		Penduduk			Nisbah (%)		
		Bandar	Desa	Jumlah	Bandar	Desa	Jumlah
Bahagian Kudat	Kudat	26,746	41,496	68,242	39.2	60.8	100
	Kota Marudu		58,841	58,841	0.0	100.0	100
	Pitas		30,854	30,854	0.0	100.0	100
Bahagian Pantai Barat	Kota Kinabalu	305,382	48,771	354,153	86.2	13.8	100
	Ranau	15,648	55,001	70,649	22.1	77.9	100
	Kota Belud	10,114	62,223	72,337	14.0	86.0	100
	Tuaran		82,212	82,212	0.0	100.0	100
	Penampang	118,237	12,572	130,809	90.4	9.6	100
	Papar	27,597	59,052	86,649	31.8	68.2	100
Bahagian Pedalaman	Tambunan		27,852	27,852	0.0	100.0	100
	Keningau	43,870	101,892	145,762	30.1	69.9	100
	Tenom		46,202	46,202	0.0	100.0	100
	Beaufort	12,504	49,194	61,698	20.3	79.7	100
	Kuala Penyu		16,511	16,511	0.0	100.0	100
	Sipitang		29,311	29,311	0.0	100.0	100
	Nabawan		23,890	23,890	0.0	100.0	100
Bahagian Sandakan	Sandakan	275,375	71,959	347,334	79.3	20.7	100
	Kinabatangan		86,783	86,783	0.0	100.0	100
	Beluran		70,900	70,900	0.0	100.0	100
	Tongod		20,646	20,646	0.0	100.0	100
Bahagian Tawau	Tawau	213,903	90,985	304,888	70.2	29.8	100
	Lahad Datu	74,601	81,458	156,059	47.8	52.2	100
	Semporna	43,311	64,925	108,236	40.0	60.0	100
	Kunak	15,602	32,969	48,571	32.1	67.9	100
	Jumlah	1,182,890	1,266,499	2,449,389	48.3	51.7	100

(Sumber Data : Laporan kiraan Preliminari untuk kawasan Bandar dan luar Bandar Jabatan Statistik Malaysia, 2000)

Kebanyakan produk pertanian seperti padi, bijian, daging lembu dan lain-lain adalah diimport melalui pelabuhan di KK, Sandakan dan Tawau dan produk-produk ini diangkut ke kawasan luar bandar berdasarkan atas permintaan. Produk pertanian tempatan juga diangkut melalui bandar-bandar besar yang terletak sepanjang kawasan pantai. Selain itu, pekan-pekan tertentu seperti Ranau, Kota Belud dan Keningau, berfungsi sebagai pusat kegiatan pengangkutan darat.



Rajah 3-1 Taburan Kawasan Luar Bandar

3.3.2 TAMU DI SABAH

(1) PASARAN DI SABAH

Pasar awam atau “Pasar” di Sabah telah berfungsi sebagai tempat perniagaan untuk pengguna dan pemborong walau pun pusat pasaraya membeli-belah swasta di bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu dan Tawau semakin meningkat.

Pasar awam yang beroperasi setiap hari dari pagi sehingga malam sentiasa dibanjiri orang. Bangunan pasar awam adalah ditubuhkan oleh pusat kerajaan Malaysia dalam tahun 1960an manakala majlis perbandaran kawasan masing-masing bertanggungjawab dalam pengurusan pasar awam ini. Memandangkan kemudahan bangunan telah lama dibina di samping tahap kebersihan yang terhad, maka pasar di Tawau, Semporna dan Beaufort telah dibina semula. Sementara itu, terdapat juga rancangan untuk membina semula bangunan pasar yang lama di Kota Kinabalu and Sandakan pada masa yang akan datang.

Isu-isu berikut akan menekankan kepada:

- Lokasi pasar awam yang baru adalah penting untuk menarik minat orang awam, jika tidak perniagaan akan terjejas.

- Susun atur kawasan haruslah bersesuaian untuk pergerakan pelawat-pelawat, jika tidak, peniaga-peniaga akan merungut mengenai lokasinya.
- Terdapat pertikaian mengenai samada baik atau tidak pemborong dan runcit menjalankan prniagaan di pasar yang sama. Adalah lebih baik untuk mengasingkan kedua-dua fungsi tersebut.
- Kos operasi dianggarkan tinggi untuk kemudahan yang moden. Walau bagaimana pun, kadar sewa gerai masih menjadi isu yang sensitif di kalangan peniaga.
- Jabatan dan agensi yang berkenaan perlu mempertimbangkan perubahan peranan dan fungsi pasar awam di kawasan mereka masing-masing.

Perkara yang perlu dititikberatkan adalah setiap pasar perlu mempertimbangkan tentang fungsi pasar dan siapakah pengguna dan kumpulan yang mendapat faedah. Berkenaan dengan usahawan-usahawan wanita luar bandar, TAMU mungkin merupakan tempat yang sesuai untuk memulakan perniagaan.

(2) TAMU DI PERINGKAT DAERAH

TAMU, pasar terbuka yang dijalankan setiap minggu, yang biasanya diadakan di Kota Belud, ditubuhkan pada dasarnya untuk tujuan jualan kerbau oleh British dan kemudiannya di dibangunkan ke pasar tempatan menggunakan perniagaan “barter” antara Kaum Bajau yang menangkap ikan dan Kaum Dusun yang menghasilkan buah-buahan dan sayur-sayuran. TAMU berkembang di seluruh negeri Sabah. Kebanyakan pekan-pekan utama mempunyai ruang yang cukup untuk TAMU. Majlis Perbandaran memberi kebenaran untuk menjual dengan mengenakan bayaran sewa gerai sebanyak RM2 hingga RM5 setiap hari. Bayaran tersebut adalah tetap tertakluk kepada saiz dan ruang serta komoditi yang dijual oleh peniaga-peniaga tersebut. Bayaran sewa untuk jualan barang-barang basah adalah lebih tinggi kerana ianya menggunakan air dan juga tujuan kesihatan. Majlis perbandaran di bandar-bandar utama mengadakan dua hingga empat kali Tamu dalam seminggu mengikut sistem penggiliran. Jadual berikut menunjukkan gambaran kasar TAMU di Sabah

Jadual 3-10 Saiz Tanah digunakan, dan bilangan penjual di TAMU

	TAMU KPD	Penampang	Kota Belud	Keningau
Saiz TAMU	1.2ha	1.2ha	3.3ha	2.8ha (inc.parking)
Bilangan Penjual	131	200	200-500	200-300

(Sumber Data : KPLB)

Menurut kakitangan FAMA yang menyelia harga di Keningau, seseorang petani yang menjual sayur boleh memperoleh pendapatan kasar lebih kurang RM100 bagi setiap TAMU. Petani yang menjual beras memperoleh jualan kasar lebih kurang RM200 setiap hari, akan tetapi disebabkan oleh bayaran pengilangan beras, keuntungan yang diperolehi adalah lebih kurang sama dengan penjual sayur. Adalah diperhatikan bahawa jualan buah-buahan adalah lebih menguntungkan berbanding dengan sayur-sayuran. Bagi penjual di TAMU Kota Belud pula, jualan kasar setiap orang adalah lebih kurang RM 100 setiap hari. Salah seorang daripada wanita yang menjual ikan hasil tangkapan suaminya, memperoleh jualan kasar lebih kurang RM30 - 60 setiap hari. Beliau juga menjual di TAMU yang lain bergantung kepada jadual jualannya.

Walau bagaimana pun, fungsi TAMU semakin berubah. Bentuk perniagaan berubah dari pertukaran barangan ke penggunaan wang tunai. Komoditi-komoditi yang boleh dijual berubah mengikut citarasa dan keutamaan pelanggan. Peniaga dan pemborong yang mengendalikan barangan yang banyak biasanya membuat perjanjian dengan petani-petani persendirian. Oleh kerana itu, mereka jarang membeli bahan mentah di TAMU. Dengan ini, KPD berharap kewujudan TAMU KPD dapat memainkan peranan sebagai tempat yang memberi peluang kepada peniaga-peniaga yang berpotensi dan pengeluar untuk bertukar-tukar hubungan perniagaannya.

Selain daripada yang tersebut di atas, pelanggan juga membeli di pusat pasaraya yang lebih bersih dan mempunyai bekalan produk yang pelbagai-bagai. Kuasa tawar-menawar harga ke tempatan semakin menurun. Maka adalah perlu untuk meningkatkan peraturan kebersihan supaya dapat memenuhi cita rasa pengguna-pengguna. KPD sedang berusaha untuk menggalakkan pengeluar yang beroperasi secara kecil-kecil untuk meningkatkan pembungkusan produk sejajar dengan peraturan kebersihan.

Trend pelanggan persendirian yang melawat ke TAMU KPD juga turut berubah dari membeli barangan keperluan bertukar ke membeli-belah mengikut kesukaan. Mereka lebih suka dengan keadaan pasar terbuka dan senang akan berbual-bual sambil tawar-menawar harga dengan para petani.


Seperti yang dinyatakan di atas bahawa fungsi KPD akan dipelbagaikan. Dengan ini, maka adalah perlu untuk menganalisa TAMU dan mengklasifikasikan setiap TAMU mengikut ciri-cirinya seperti saiz TAMU, lokasinya, jenis pengunjung dan jenis komoditi yang dijual supaya dapat menarik minat pelawat-pelawat. Para

pelawat mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza-beza mengenai TAMU. Pihak yang mengendalikan TAMU perlu mengambil pertimbangan bukan sahaja dari segi kemudahn para petani tetapi juga bahkan para pelanggan. Maka dengan ini, adalah sesuai untuk mempertimbangkan bagaimana mewujudkan pasaaran yang berorientasikan pelanggan.

Ahli pasukan petugas Pemasaran telah berbincang mengenai cara-cara meningkatkan taraf TAMU dan memilih TAMU KPD sebagai tapak projek perintis ini.

(3) TAMU KPD

TAMU KPD yang diadakan dua minggu sekali mengendalikan produk-produk pertanian. Sejumlah 33 daripada jumlah 131 gerai jualan adalah dikendalikan oleh projek KPD masing-masing. Secara purata, projek-projek galakan pendapatan KPD memperolehi lebih kurang RM22,000 wang pusingan bagi setiap TAMU. Sebanyak 10-15% daripada jumlah wang pusingan tersebut adalah dianggarkan sebagai keuntungan bersih projek-projek galakan pendapatan KPD. Harga jualan adalah ditetapkan oleh Unit Pemasaran KPD berdasarkan kepada harga pasaran terkini yang diperolehi pada setiap hari Jumaat sebelum Tamu. Harga-harga barangan dipaparkan di papan informasi di TAMU KPD. Purata bilangan pengunjung ke TAMU KPD bagi tahun 2002 ialah seramai 3,978 untuk setiap TAMU.



Rajah 3-2 Naik turun bilangan pengunjung di TAMU KPD

KPD mencatatkan bilangan pengunjung TAMU dan mengadakan soal selidik tiga bulan sekali. Sebanyak 88% daripada jumlah pengunjung menggunakan kenderaan sendiri untuk datang ke TAMU KPD. Memandangkan lokasinya yang terletak agak jauh dari pusat bandar, pendapatan bagi pelanggan yang melawat ke TAMU KPD adalah antara RM1,000-2,500 setiap bulan yang melebihi kadar

purata. Jumlah sewa yang diperolehi dari para penjual adalah lebih kurang RM300 setiap TAMU. Walau pun kebanyakan projek berdikari dari segi kewangan, bayaran yang diperolehi daripada sewa adalah tidak cukup untuk membiayai bil-bil yang terlibat dan keperluan kos untuk menyenggarakan kemudahan dan peralatan. Demi untuk memainkan peranan dalam kebajikan sosial, TAMU KPD membekalkan ruang dan kemudahan yang diperlukan kepada penjual pada harga yang rendah. Perbincangan yang seterusnya masih dijalankan mengenai fungsi TAMU KPD yang sepatutnya diperkukuhkan sebagai sokongan kerajaan untuk petani-petani luar bandar. Fungsi TAMU KPD telah diperbaiki dan ditingkatkan sebagai pusat perantaraan untuk aktiviti-aktiviti jualan kumpulan wanita luar bandar yang juga menghubungkan pengguna dengan penduduk luar bandar.

Melalui projek perintis, TAMU KPD telah mencapai tiga output yang diharapkan iaitu, (1) Pendidikan dan Latihan; struktur organisasi untuk membentuk satu program latihan dari segi kebersihan, pembungkusan, perlabelan, dan lain-lain telah dilaksanakan. (2) Merekabentuk lokasi menunjukcara (demonstrations); TAMU memainkan peranan sebagai tapak untuk menjalankan penunjukcara dan perayaan untuk promosi jualan bagi produk-produk luar bandar, dan ianya juga menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat (3) soal selidik pemasaran /penyeliaan; pihak berkuasa TAMU telah memperoleh keupayaan untuk menggunakan strategi pemasaran yang moden serta menyelia aktiviti-aktiviti para penjual.

3.3.3 PERNIAGAAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

(1) PERLADANGAN SECARA KONTRAK DAN PASAR BEBAS

Kerajaan menyokong sektor pertanian dari segi pemasaran iaitu setakat membeli produk atau bahan mentah dari petani-petani tetapi tidak mengajar petani bagaimana untuk berunding dengan peniaga persendirian. KPD sebagai badan berkanun kerajaan sentiasa bersaing dengan peniaga persendirian untuk membeli produk pertanian petani-petani dan seringkali wujud sungutan mengenai persaingan yang tidak adil dengan peniaga persendirian. Sebagai contoh, KPD telah berjaya memajukan produk pertanian petani-petani perladangan kontraknya. Akan tetapi tindakan peniaga persendirian yang membeli produk-produk petani dengan harga yang tinggi telah menjejaskan kepercayaan antara KPD dengan petani-petani kontrak. Seringkali peniaga persendirian ini mewujudkan keraguan di kalangan petani. Sebaliknya, sistem perniagaan monopoli yang diperkenalkan

oleh KPD gagal untuk menggalakkan petani-petani desa untuk berdikari. KPD kini berada dalam dilema untuk mewujudkan perniagaan yang adil di kalangan pihak yang terlibat.

Oleh kerana penglibatan sektor swasta semakin menonjol, peranan agensi kerajaan turut berubah. Maka adalah lebih penting untuk mendedahkan penduduk-penduduk desa tentang sistem pasaran yang sebenar daripada hanya membeli produk mereka melalui subsidi. Pengeluar seharusnya mengetahui pasaran sebenar dan tidak harus bergantung kepada bantuan kerajaan sepanjang masa; sekiranya petani-petani tidak dapat berdikari dari segi ini, mereka akan tersisih dari persaingan pasaran bebas tersebut. Penduduk-penduduk kampung perlu menyesuaikan diri dalam pasaran sebenar dengan lebih praktikal. Di samping itu, masih terdapat ruang untuk diperbaiki dalam sistem sokongan kerajaan dari segi pemasaran.

(2) PERNIAGAAN WANITA LUAR BANDAR

Secara umum, strategi pemasaran yang sesuai untuk perniagaan pemprosesan makanan ialah menjalinkan hubungan yang baik dengan pelanggan-pelanggan. Kepercayaan antara pengeluar dan pelanggan boleh diwujudkan melalui hubungan dan kerjasama secara langsung. Pelanggan akan terasa yakin mengenai kualiti dan kebersihan pengeluaran makanan tersebut sekiranya mereka mengenali pihak pengeluar. Satu lagi kesan positif yang wujud ialah keyakinan diri di kalangan pengeluar. Mereka harus yakin dan berusaha untuk mewujudkan kepercayaan bersama. Selain dari itu, mempelajari tentang mekanisme pasaran yang sebenar memberi peluang yang baik kepada kumpulan pengeluar tentang pentingnya mengekalkan kualiti produk mereka. Walau bagaimana pun, kebanyakan pengeluar-pengeluar wanita hany menumpukan perhatian dalam pengeluaran produk dan jarang sekali berpeluang mendapat maklum balas daripada pelanggan-pelanggan.

Pengeluaran makanan diproses dikatakan amat sesuai untuk perniagaan wanita luar bandar. Bagi makanan separa proses pula, pengeluar tidak terkongkong oleh peraturan-peraturan yang ditetapkan kecuali yang berkenaan dengan penyembelihan. Pengilangan beras untuk kegunaan sendiri, rumpai laut kering dan ikan kering adalah sesuai dikendalikan oleh wanita walau pun keuntungannya adalah kecil.

Sasaran perniagaan wanita luar bandar adalah pasaran tempatan. Kebanyakan daripada mereka memulakan perniagaan berskala kecil dengan menggunakan pengetahuan dan keupayaan mereka. Mereka tidak minat untuk mendapatkan pinjaman kecuali prospek perniagaan tersebut adalah cerah. Kumpulan wanita menghasilkan makanan ringandan kek tradisional yang dipelajari dari kaum ibu. Melalui projek KPWM yang dijalankan oleh DOA, pekerja pengembangan telah melatih mereka dari segi mengurus makanan dan kemahiran pengurusan perniagaan. Satu lagi fungsi DOA ialah membeli hasil produk mereka. Menurut seorang yang terlibat dalam aktiviti KPWM, bantuan yang diberi lebih menekankan pengeluaran berbanding dengan aspek pembangunan manusia.

Jabatan Pertanian (DOA) mengwujudkan projek PKM dalam tahun 1980an yang merupakan lanjutan dari projek KPWM. Kebanyakan ahli kumpulan terlibat dalam perniagaan persendirian berbanding dengan kerjasama perniagaan dengan lain-lain ahli kumpulan. Terdapat juga kekurangan dari tenaga kerja. Dengan ini, perniagaan mereka tidak dapat berkembang lebih dari peringkat perniagaan keluarga sahaja. Sekiranya mereka ingin memperkembangkan perniagaan mereka dengan lebih berkesan lagi, maka mereka patut mencari rakan kongsi yang boleh dipercayai dan memainkan peranan dalam pembelian, pemprosesan, jualan, perakaunan dan sebagainya. Adalah perlu bagi Jabatan Pertanian untuk mempertimbangkan cara-cara mengubah perniagaan keluarga ke perniagaan syarikat. Kini, Wanita luar bandar harus mempelajari kaedah mengurus sistem perniagaan moden yang termasuk pengurusan kakitangan.


Selain daripada meningkatkan keupayaan perniagaan persendirian kumpulan wanita, Kerajaan juga memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat. Kerajaan perlu mempertimbangkan cara-cara untuk meluaskan kebaikan dan faedah kepada penduduk-penduduk di persekitrannya.

3.3.4 KAWALAN KUALITI PRODUK-PRODUK BERASASKAN PERTANIAN

Rajah di bawah menunjukkan bagaimanapun memulakan perniagaan berkenaan dengan makanan. Mereka yang berancang untuk memulakan perniagaan makanan haruslah menghadiri seminar yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan lesen perniagaan. Tanpa kelayakan ini, mereka tidak boleh memohon lesen menjual makanan seperti perniagaan, penjual, restoran, minuman keras dan lesen pemprosesan makanan. Mengikut peraturan yang ditetapkan, segala bahan-bahan yang terlibat perlu disenaraikan dalam bungkusan makanan tersebut sekiranya ia dieksport. Peniaga-peniaga yang

menjual minuman keras perlu mendapatkan lesen penjualan minuman keras yang khusus. Maka adalah perlu untuk wanita luar bandar khususnya mereka yang mengendaikan makanan mengetahui akan prosedur perlesenan.

Lesen 'halal' juga diperlukan apabila makanan dimasak atau diproses. Orang-orang muslim tidak dibenarkan memakan makanan dimasak atau diproses dan yang tidak dikendalikan mengikut prosedur yang spesifik. Walau pun kerajaan menggalakkan wanita luar bandar melibatkan diri dalam industri makanan, namun terdapat beberapa peraturan ketat yang perlu dipatuhi oleh kumpulan bukan muslim. Sekiranya seorang wanita bukan muslim dibenarkan mengendalikan makanan dan sumber bahan mentah, maka pasaran mereka adalah terhad kepada pasaran bukan orang-orang muslim. Dengan ini, mereka yang terlibat perlu mempunyai strategi pemasaran mengikut keagamaan.



Rajah 3-3 Aliran untuk mendapatkan lesen dalam Industri Makanan

Mengikut kaji selidik yang dijalankan, kebanyakan wanita luar bandar yang terlibat dalam perniagaan tidak jelas mengenai sistem lesen perniagaan. Maka dicadangkan bahawa kerajaan tempatan mengagihkan risalah untuk memberi garis panduan kepada kumpulan wanita mengenai cara-cara memulakan perniagaan.

Kecekapan dalam perniagaan, penggredan dan piawaian adalah sangat penting. Apabila penghasil desa dan peniaga-peniaga memulakan rangkaian perniagaan, penggredan dan piawaian adalah penting untuk mengwujudkan kepercayaan bersama. Selagi mereka menggunakan cara perniagaan yang primitif, kos yang terlibat tidak akan menurun dan perniagaan mereka tidak akan berkembang maju.

Dengan ini, adalah perlu bagi mereka untuk meringkaskan mekanisme perniagaan dengan menetapkan gred dan piawaian.

3.4 IMPLIKASI KE ATAS RANGKA PELAN INDUK PEMBANGUNAN

3.4.1 UNTUK MEMPERTIMBANGKAN APA YANG SESUAI UNTUK PERNIAGAAN WANITA LUAR BANDAR

Kebanyakan hasil pertanian negeri Sabah adalah kelapa sawit, koko, kelapa dan getah yang juga merupakan sumbangan terbesar dalam industri pertanian. Memandangkan penglibatan perniagaan pengurusan ladang-ladang seperti ini memerlukan modal yang banyak, penduduk-penduduk luar bandar tidak mendapat apa-apa faedah daripada industri yang sedemikian. Ciri-ciri perniagaan berikut telah dikenalpasti sebagai amat bersesuaian untuk perniagaan wanita luar bandar:

- Dijalankan berhampiran dengan rumah
- Modal permulaan yang kecil
- Adanya kebaikan yang sedia ada dari segi mendapatkan bahan-bahan mentah
- Keunikan dan kualiti adalah lebih baik berbanding dengan pengeluaran yang banyak
- Kualiti tradisional yang unik dikekalkan dalam pembangunan produk

3.4.2 MENINGKATKAN KUALITI UNTUK MEMENUHI PIAWAIAN YANG DITETAPKAN (MAKANAN DIPROSES)

Kilang-kilang pemprosesan makanan di Sabah tidak menekankan aspek kebersihan. Bagi pembuatan kek tempatan, sebilangan pengeluar tidak mempunyai lesen yang diperlukan untuk pengurusan makanan tersebut. Pihak kerajaan perlu menggalakkan mereka untuk menghadiri seminar kawalan mutu dan kebersihan makanan dan demi memastikan mereka memahami akan kepentingan kebersihan dalam pengendalian makanan. Walau pun kebanyakan wanita lebih meminati resepi makanan berbanding dengan isu kebersihan, namun pihak kerajaan haruslah memaklumkan mereka tentang betapa pentingnya isu kebersihan ini.

- Adalah diharapkan agar lebih banyak peluang kepada wanita luar bandar menghadiri seminar kawalan kualiti dan kebersihan makanan.
- Garispanduan/ poster untuk kawalan makanan patut diagih-agihkan (Semenanjung Malaysia menggunakan poster yang baik yang ditulis oleh

seorang sukarelawan dari JOCV)

- Diharapkan rangkaian jalinan dengan Kementerian Kesihatan dapat diwujudkan iaitu mengenai perniagaan pemprosesan makanan berasaskan pertanian yang digalakkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.
- Cara pembungkusan harus diperbaiki untuk memenuhi harapan pelanggan mengenai kebersihan.
- Wujud kesedaran tentang kandungan racun serangga perosak dalam produk pertanian

3.4.3 MENINGKATKAN KECEKAPAN (KRAFTANGAN)

Dari segi pembuatan Kraftangan pula, isu penting yang dihadapi ialah harga pasaran yang tinggi secara perbandingan. Proses pembuatan kraftangan secara manual adalah sangat primitif. Industri Pembuatan kraftangan masih berada di peringkat awal di negeri Sabah.

- Sistem pembelian bahan-bahan mentah yang berkesan perlu diperkenalkan.
- Pembahagian buruh dalam proses pengeluaran perlu diperkenalkan.
- Proses-proses yang asas boleh menggunakan peralatan mesin.
- Rancangan pengeluaran yang berkekalan merangkumi pandangan dan pendapat yang lebih luas, contohnya, isu produktiviti dan persekitaran.
- Piawai produk perlu diperkenalkan untuk mewujudkan perniagaan yang efisien.
- Jenama asli boleh dibangunkan dan diperkenalkan bagi hasil kraftangan negeri Sabah.

3.4.4 MENGGALAKKAN PARA PENGELUAR BERKONGSI MAKLUMAT MENGENAI PROSES DENGAN BERKESAN

Sumber manusia merupakan salah satu daripada elemen yang penting dalam perniagaan. Tidak dinafikan wujudnya batasan dalam perniagaan perseorangan apabila ingin memperkembangkan perniagaan tersebut. Pentadbiran dan pengurusan perniagaan termasuk pengurusan kumpulan merupakan isu penting dalam pertumbuhan dan perkembangan sesuatu perniagaan.

- Kerjasama secara pasukan dan kemahiran pengurusan perlu diperkenalkan kepada ketua-ketua kumpulan wanita.
- Sistem yang lebih teratur untuk pengurusan kumpulan/syarikat perlu

diberi pertimbangan.

- Berkongsi faedah adalah sangat penting untuk mengekalkan aktiviti-aktiviti kumpulan.
- Penghargaan dan pembahagian buruh perlu diterangkan dengan secara praktik.

3.4.5 MENGGUNAKAN FUNGSI TAMU DENGAN SEPENUHNYA

Memang sukar untuk kumpulan wanita luar bandar untuk memperolehi hak dalam pasaran oleh kerana kekurangan pengangkutan. Mereka lebih bergantung kepada peniaga yang datang memungut hasil produk di kampung masing-masing. Akan tetapi masa pemungutan hasil tersebut tidaklah selaras dan tetap. Penyertaan dalam TAMU memberi peluang kepada mereka untuk memperolehi pendapatan harian dengan menjual hasil produk secara langsung kepada pelanggan mereka. Walau bagaimana pun peranan TAMU kini kian berubah mengikut perubahan permintaan pelanggan.

- TAMU perlu menggunakan keunikan kawasannya dengan sebaik-baiknya.
- TAMU perlu membekalkan lebih banyak peluang untuk kedua-dua pihak iaitu peniaga dan penjual untuk berniaga.
- Perkara kesihatan dan kawalan kebersihan perlu dipertimbangkan.
- TAMU tidak patut menjadi tempat jualan untuk peniaga-peniaga haram.
- Peranan TAMU boleh dipelbagaikan iaitu sebagai pusat maklumat, pusat latihan dan perniagaan.

3.4.6 MANARIK MINAT PENDUDUK BANDAR KE KAWASAN LUAR BANDAR

Terdapat dua cara untuk meningkatkan jualan produk yang dibuat oleh penduduk luar bandar. Cara pertama ialah meningkatkan bilangan wakil yang menjual produk tersebut di pekan dan kedua ialah untuk meningkatkan bilangan pengunjung yang membeli di kawasan luar bandar. Agro-tourism merupakan salah satu daripada promosi jualan. Isu-isu penting yang perlu ditekankan ialah seperti berikut:

- Rancangan holistik untuk pembangunan kawasan tersebut.
- Konsep agro-tourism di kawasan-kawasan tertentu perlu dikenalpasti berdasarkan kepada persepsi umum di kalangan “stakeholders”.
- Keunikan dan keaslian produk perlu dikenalpasti.

- Pengetahuan industri perkhidmatan perlu didedahkan kepada penduduk-penduduk luar bandar.
- Operasi dan pengurusan kawasan tersebut harus dikendalikan dengan baik, khanya kemudahan tandas.
- Sokongan dari pihak kerajaan tempatan adalah amat penting untuk pembangunan agro-tourism demi untuk memastikan keharmonian yang berterusan wujud di kawasan sasaran.

BAB 4: WANITA DI KAWASAN LUAR BANDAR

4.1 DASAR KEBANGSAAN DAN NEGERI SERTA CARA-CARA MEMBANTU WANITA LUAR BANDAR

Isu mengenai Wanita Dalam Pembangunan (WID) merupakan salah satu daripada pendekatan pembangunan kerajaan yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia KeLapan. Isu Wanita dalam Pembangunan ini menekankan kepentingan kumpulan wanita dalam pembangunan sosio ekonomi peringkat kebangsaan serta menyatakan bahawa kaum wanita harus mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk menangani dan mengatasi “globalisasi”. Di samping itu, Rancangan Pembangunan KeLapan Negeri Sabah juga menekankan “Penyertaan Wanita Dalam Pembangunan” sebagai salah satu daripada strategi pembangunan yang utama. Daripada jumlah belanjawan yang diperuntukkan kepada sektor pembangunan sosial, sebanyak 0.2% adalah diperuntukkan kepada WID dari tahun 2001 sehingga tahun 2005.

Dasar Wanita Kebangsaan yang digubal pada tahun 1989 bertujuan untuk, 1) pengagihan manfaat yang rata dan adil antara kaum wanita dan lelaki dari segi pemilikan sumber, pengetahuan maklumat, peluang dan pembangunan; dan 2) penyertaan wanita dalam semua proses pembangunan. Strategi-strategi yang dicadangkan untuk mencapai tujuan tersebut adalah galakan dalam aktiviti-aktiviti pendidikan, perkongsian proses membuat keputusan mengenai WID di kalangan organisasi pentadbiran, merekabentuk pengagihan sumber yang bersesuaian di kalangan pelbagai sektor yang terlibat dengan menekankan isu-isu gender; penyelarasan dan kerjasama di kalangan badan-badan pentadbiran dan kerjasama antara badan-badan kerajaan dan NGO.

Ekoran pengstruktur semula badan-badan kerajaan 2001, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga Malaysia yang bertanggungjawab sebagai badan kebangsaan untuk mengesan aktiviti-aktiviti pengkasaan (empowerment) wanita di Malaysia telah dibentuk. Kementerian ini belum berfungsi dengan sepenuhnya oleh kerana ianya merupakan kementerian yang baru, yakni ia masih dalam proses memajukan pendekatan yang selaras dengan badan-badan kerajaan negeri yang telah membangun.

Sementara itu, Jabatan Hal-Ehwal Wanita (JHEWA) di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal-Ehwal Pengguna berfungsi sebagai pejabat

pentadbiran kepada Majlis Penasihat Wanita Sabah(MPWS) dan juga sebagai cawangan kepada badan kebangsaan pada peringkat negeri. JHEWA merupakan salah satu daripada pertubuhan setara untuk Kajian ini dan keterangan terperinci mengenai nya akan dihuraikan dalam Bab 5. Memandangkan Pertubuhan ini mendapat peruntukan daripada kerajaan persekutuan, maka keadaan kewangannya adalah lebih baik berbanding dengan pertubuhan peringkat negeri.

JHEWA telah menganjurkan Persidangan Wanita, majlis perayaan, juga sebagai badan memberi komen untuk mengaktifkan samada kumpulan wanita maupun perseorangan. Selain dari itu, JHEWA juga menganjurkan beberapa seminar dan bengkel yang bertujuan untuk menggalakkan kesinambungan isu gender dalam agensi-agensi kerajaan dan program pembangunan kerajaan. Walau bagaimanapun, bilangan kakitangan teknikal yang terhad telah mengakibatkan pelaksanaan projek tidak dapat dijalankan dengan lengkap. Sistem pentadbiran pembangunan menegak mengikut sektor menyukarkan lagi pihak JHEWA kerana usaha pelaksanaan mereka lebih kepada pendekatan “cross-sector”.

Kajian ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat dan statistik rasmi yang menerangkan “hubungan-gender” serta sukar memahami keadaan sebenar “wanita” dan “wanita luar bandar” di Sabah. JHEWA dan agensi yang berkaitan masih belum berjaya samada untuk melaksanakan kaji selidik menyeluruh yang berkaitan dengan gender maupun membekalkan statistik berkenaan dengan gender kepada pihak awam. Di samping itu, bilangan data mengikut jantina dalam Buku Statistik Tahunan yang disediakan oleh Jabatan Statistik Malaysia juga adalah terhad. Sebagai contoh, hanya data demografi mengikut jantina sahaja ditunjukkan dalam Buku Statistik Tahunan Sabah 2002.

4.2 KEADAAN KEHIDUPAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

4.2.1 LATARBELAKANG SEJARAH MENGENAI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Sejak kemerdekaan dicapai pada tahun 1963, kerajaan negeri telah berusaha untuk membangunkan sumber tanah yang kaya supaya pendapatan negeri dapat dijana bagi membiayai kebanyakan program-program dan projek-projek pembangunan negeri. Pendekatan penglibatan bersama sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan telah diterimapakai. Kebanyakan tanah di seluruh negeri telah disewa kepada syarikat swasta untuk tujuan perladangan dan pembalakan. Pada masa yang sama, agensi-agensi kerajaan ditubuhkan untuk membangunkan

tanah bersama-sama dengan masyarakat tempatan. Menjelang penghujung tahun 1960an, beratusan tapak dengan keluasan yang berbeza-beza telah dibangunkan oleh Jabatan pertanian. Penghuni-penghuni tersebut adalah terdiri dari penduduk-penduduk tempatan di sekitar kawasan itu atau pun mereka yang ditempatkan semula dari kampung-kampung yang lain. Setiap isirumah pula telah diperuntukkan kawasan seluas lebih kurang 10 – 15 ekar (4-6 Ha) serta bantuan dari segi perumahan dan pembangunan tanah tersebut.

Pada awal tahun 1970an, kerajaan negeri menggiatkan usahanya dan telah menubuhkan beberapa agensi baru untuk menerajui pembangunan tanah dan penempatan. Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) mengambilalih pentadbiran beberapa tapak yang sedia ada dari Jabatan Pertanian. Lain-lain jabatan dan agensi yang terlibat dalam program pembangunan kerajaan adalah seperti Lembaga Tabung Getah, Lembaga Padi Sabah, Agensi Pembangunan Tanah Persekutuan(FELDA) dan Badan Pembangunan Perhutanan Sabah (SAFODA).

Selain dari kawasan penempatan, kerajaan negeri juga telah membuka banyak kawasan di bawah Skim “Pre-planned Small Holders, Skim Koperatif Pembangunan Tanah dan Projek Perhutanan Masyarakat(IDS1991a). Terdapat beberapa perbezaan antara penempatan kawasan dengan skim-skim yang tersebut di atas di mana kemudahan infrastuktur telah dibangunkan di kebanyakan penempatan tetapi, bantuan untuk projek-projek ini berbeza dari pembekalan jalan dan kawasan dalam pakej pertama, kedua sehinggalah pakej yang lebih komprehensif termasuklah keperluan perumahan dan keperluan asas di bawah Projek Perhutanan Komuniti.(Community Forestry Project)

Langkah pembangunan tanah yang agresif ini telah membawa perubahan yang penting terhadap kehidupan masyarakat luar bandar. Walau pun ramai di antara mereka telah menyertai skim dan projek tersebut, namun masih terdapat sebilangan besar yang tinggal di kawasan yang terpencil. Sebilangan daripada mereka adalah penduduk kampung sementara yang lain adalah ditempatkan semula oleh masyarakat yang berpindah ke kawasan pedalaman untuk mencari corak hidup dan tanah perladangan yang baru. Samada status ekonomi dan taraf hidup mereka yang menyertai projek tersebut telah berubah atau tidak masih belum dapat dipastikan. Apa yang nyata ialah pendekatan pembangunan kawasan luar bandar yang sedemikian telah mewujudkan perbezaan khususnya dari segi persekitaran kampung dan keadaan hidup penduduk kampung.

4.2.2 KAMPUNG-KAMPUNG DI BAWAH PROJEK KERAJAAN

Pada umumnya, kawasan yang dipilih untuk projek kerajaan negeri adalah lebih sesuai untuk penempatan dan pembangunan oleh kerana keadaan tanah yang rata atau mengalun dan biasanya kawasan ini telah pun diterokai untuk pertanian berskel besar-besaran. Keadaan jalan menghubungkan kawasan tersebut adalah baik sepanjang tahun dan kemudahan pengangkutan seperti van yang beroperasi secara komersial, Pickup dan lori dari kawasan persekitaran sentiasa tersedia.

Keadaan kemudahan infrastruktur adalah berbeza-beza tertakluk kepada jenis tapak atau projek. Selain daripada tapak Skim "Pre-planned Small-holders di mana kerajaan menyediakan kemudahan jalan dan perumahan, tetapi untuk kawasan dan projek yang lain, masih memerlukan pembangunan yang seterusnya. Maka dengan ini, sebahagian besar jumlah peruntukan digunakan untuk pembangunan jalan, jambatan, kemudahan klinik, sekolah (tahap tadika dan sekolah rendah) dewan masyarakat, masjid dan lain-lain tempat beribadat dan perumahan. Kawasan perumahan biasanya dibina dengan rumah berderet dan dibina mengikut fasa yang berbeza. Kebanyakan rumah adalah jenis rumah papan dan beratap zink dengan keluasan lebih kurang suku ekar. Ianya terdiri dari dua bilik, satu ruang tamu dan dapur. Jendela adalah jenis cermin atau papan dan sebuah tandas curah dibina di luar rumah tersebut.

Pada peringkat permulaan, kebanyakan projek dibekalkan dengan air paip dan elektrik di bawah kawalan pusat. Pada tahun-tahun kemudian, sekiranya semua kemudahan ini tidak dikendalikan dengan baik, air hujan dan air sungai perlu disimpan di tangki-tangki dan generator perlu dibeli untuk berkongsi di kalangan isirumah. Setengah-setengah daripada mereka memiliki Televisyen dan radio, peti sejuk dan juga mesin memansuh. Kebanyakan mereka menggunakan samada gas, minyak tanah atau pun kayu api untuk memasak.

4.2.3 KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL DAN KAWASAN YANG BARU DITEMPATKAN

Kebanyakan kampung terdiri dari kelompok rumah yang terletak secara berselerak di kawasan yang luas tersebut dan tidak mengikut bentuk yang selaras. Di kawasan Pantai Barat dan Pedalaman, kebanyakan penduduk menetap terletak di kawasan cerun bukit manakala yang lain di kawasan lembah dan tanah rata. Di bahagian Pantai Timur, kebanyakan penduduk mendirikan rumah di tepi sungai berdekatan dengan sungai utama atau sungai-sungai kecil. Maka dengan ini,

beberapa kampung nelayan boleh didapati sepanjang persisiran pantai Sabah khususnya di Daerah Semporna. (IDS, 1994) Oleh kerana kebanyakan kampung nelayan ini terletak berhampiran dengan pekan, maka mereka lebih mudah dihubungi. Sementara itu, kemudahan perhubungan ke kampung-kampung yang lebih pedalaman adalah agak sukar dan mengambil masa memandangkan kebanyakan jalan hanya boleh dilalui oleh kenderaan mengangkut balak dan lebih sukar dilalui pada musim hujan. Selain itu, kemudahan pengangkutan dengan bot masih merupakan pengangkutan yang penting di kebanyakan pekan di bahagian Pantai Timur.

Kawasan kampung di pedalaman masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur kerana kekurangan bantuan luaran kecuali bantuan bermusim yang biasanya diterima menjelang musim pilihanraya. Kebanyakan rumah dibina dengan kayu atau lain-lain bahan yang dikutip dari hutan, sebahagian daripada rumah tersebut mempunyai banyak jendela bergantung kepada kumpulan etnik yang menetap di situ. Kebanyakan tandas adalah tandas lubang yang dikongsi bersama di kalangan isirumah.



Gambar 4-1 Kampung di kawasan pergunungan



Gambar 4-2 Kampung di tebing laut

Kampung-kampung ini bergantung kepada persekitaran untuk kehidupan harian mereka. Air diperolehi dari sumber mata air, anak sungai dan sungai. Kualiti dan ketersediaan air adalah bermusim tertakluk kepada hujan dan samada berlakunya tanah runtuh akibat aktiviti pembalakan dan lain-lain aktiviti pertanian berskala besar-besaran. Memang wujud kekurangan air pada musim kering contohnya di Kudat, dan banjir semasa musim hujan di kawasan persisiran sungai.

Setengah-setengah kampung mempunyai kemudahan elektrik yang dibekalkan samada oleh pihak berkuasa atau pun generator milik bersama di kampung tersebut. Akan tetapi kebanyakan kampung tidak mempunyai kemudahan elektrik

dan menggunakan lilin, minyak lampu dan lain-lain cara tradisi pada waktu malam. Kayu api biasanya digunakan untuk memasak dan ada di kalangan mereka yang menggunakan minyak tanah. Pada umumnya, kemudahan kesihatan dan sekolah adalah serba kekurangan atau tidak ada langsung, kemudahan klinik juga kekurangan kakitangan yang terlatih. Penduduk-penduduk kampung dari kawasan yang sukar dihubungi terpaksa pergi ke pekan-pekan yang berhampiran untuk mendapatkan kemudahan kesihatan dan sekolah. Memandangkan keadaan hidup yang serba kekurangan, kampung-kampung tersebut kerap terdedah dengan penyakit seperti malaria, filarial, ceret-beret, batuk kering, batuk dan demam.

4.2.4 PENEMUAN DARI BORANG SOAL SELIDIK ISIRUMAH

(1) Rencana Ringkas Soal Selidik

Kajian ini telah melaksanakan empat (4) jenis borang kaji selidik untuk mendapatkan gambaran mengenai keadaan hidup penduduk luar bandar di Sabah. Sampel dipilih berdasarkan kepada purata isirumah di setiap kampung yang mengambil masa perjalanan selama 10-30 minit dengan kenderaan dari pekan yang berhampiran. Bilangan sampel kaji selidik tersebut adalah ditunjukkan di Jadual 4-1 manakala profil yang ringkas adalah dipaparkan di Jadual 4-2. Maklumat terperinci adalah ditunjukkan dalam buku data.

Jadual 4-1 Bilangan Sample Responden Soal Selidik

Kumpulan Sasaran	Penduduk di Kawasan Luar Bandar	Pemproses Makanan	Peniaga	Pengguna	Jumlah
Jumlah	400	121	220	110	851


Jadual 4-2 Profil Mengenai Sampel Responden

		Jumlah	Kumpulan Etnik					
			Kadazan/Dusun	Rungus	Murut	Bajau	Lain-lain	
Jumlah		400	133	21	37	83	126	
Lelaki		194	58	11	20	41	64	
Wanita		206	75	10	17	42	62	
Agama	Kristian	Lelaki	69	40	11	17	0	1
		Wanita	81	56	9	16	0	0
	Islam	Lelaki	97	11	0	1	29	56
		Wanita	100	17	1	1	29	52
	Lain-lain	Lelaki	28	7	0	2	12	7
		Wanita	25	2	0	0	13	10

(Jadual 4-1 dan 4-2: Disediakan oleh Study Team)

(2) Keluarga dan Isirumah

Berdasarkan kepada data yang dikumpul sepanjang soal selidik Kajian tersebut, purata bilangan ahli isirumah adalah 6.9 orang (Rajah 4-1). Sebanyak 86.3% daripada jumlah responden menyatakan bahawa pemilik dan ketua rumah adalah kaum lelaki. Manakala bagi isirumah yang beragama Islam pula, kaum wanita mempunyai hak dalam rumah berbanding dengan lain-lain kumpulan agama (Jadual 4-3).



(Sumber Data : Disediakan oleh Study team)

Rajah 4-1 Bilangan Isirumah

Jadual 4-3 Hakmilik Isirumah mengikut Jantina

Agama \ Pemilik	Kristian		Islam		Lain-lain		Jumlah	
	kes	nisbah	kes	nisbah	kes	nisbah	kes	nisbah
Lelaki	133	88.7%	164	83.2%	48	90.6%	345	86.3%
Wanita	17	11.3%	33	16.8%	5	9.4%	55	13.8%
Jumlah	150	100.0%	197	100.0%	53	100.0%	400	100.0%

(Sumber Data : Disediakan oleh Study team)

(3) Aset dan Infrastuktur Asas

Sebanyak 82.8% daripada jumlah responden menggunakan kemudahan bekalan elektrik awam manakala 15.8% daripada jumlah responden masih belum memiliki ap-apa kemudahan elektrik (Jadual 4-4). Penggunaan bateri kenderaan adalah kurang digunakan di kalangan responden. Jadual 4-5 menunjukkan aset responden di mana radio dan televisyen merupakan peralatan biasa yang dimiliki oleh masyarakat yang mempunyai kemudahan bekalan elektrik di kampung mereka.

Jadual 4-4 Jenis Bekalan Elektrik dan Minyak Digunakan Oleh Responden

	Jenis kemudahan Elektrik				Jenis Bahan bakar		
	Tidak Ada	Bekalan Elektrik Awam	Kuasa Generator Persendirian	Bateri	Kayu api	Minyak Tanah	Gas
Bil. kes	63	331	3	3	65	4	331
Nisbah berbanding jumlah	15.8%	82.8%	0.8%	0.8%	16.3%	1.0%	82.8%


(Sumber Data : Disediakan oleh Study Team)

Jadual 4-5 Aset dan Peralatan Rumah Responden

	Radio	TV	Video	Basikal	Motor bike	Truck	Kereta	Boat	Rice cooker	Peti Sejuk	Telefon
Bil. Kes	292	301	177	91	77	10	114	62	206	248	171
Nisbah berbanding jumlah	73.0%	75.3%	44.3%	22.8%	19.3%	2.5%	28.5%	15.5%	51.5%	62.0%	42.8%

(Sumber Data : Disediakan Oleh Study team)

Berdasarkan kepada data Rajah 4-2, seperti yang dinyatakan dalam bahagian kecil di atas, sebanyak 45% responden masih bergantung kepada air hujan dalam kehidupan seharian. Tangki biru besar yang diletakkan berdekatan rumah untuk mengumpul air merupakan pemandangan biasa yang boleh diperhatikan di rumah-rumah di kawasan luar bandar. Pemilikan bekalan air yang selamat sebagai satu isu yang kritikal perlu diatasi.



(Sumber Data : Disediakan Oleh Study team)

Rajah 4-2 Sumber Air Minum

(4) Pendapatan

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4-6, aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian merupakan sumber pendapatan yang penting bagi penduduk kampung, seperti menjual produk pertanian, ternakan, ikan dan makanan yang diproses. Pendapatan purata setiap isirumah dalam setiap bulan yang diperolehi oleh responden dari hasil jualan produk tersebut adalah di antara RM500 ke RM730. Pekerja pejabat termasuk pekerja sepenuh masa maupun separuh masa menerima RM900 ke RM1,100 setiap bulan. Mereka yang menjual makanan diproses menerima lebih kurang RM545.8 setiap bulan dan hasil kraftangan pula menerima RM 583.4 yang mana aktiviti tersebut dilakukan oleh wanita luar bandar, memperolehi pendapatan yang kurang berbanding dengan bidang usaha yang lain.

Jadual 4-6 Pendapatan mengikut Jenis Pekerjaan Isirumah

Sumber Pendapatan	Bilangan kes	Pendapatan purata /Isirumah /bulan
Produk Pertanian	242	708.0
Penternakan	56	729.9
Tangkapan Ikan	68	609.8
Pemprosesan	23	545.8
Perprosesan Ternakan	72	669.3
Pemprosesan Ikan	39	712.5
Kraftangan	50	583.4
Pekerja Sepenuh Masa	120	1,114.9
Pekerja Separuh Masa	37	706.7
Berniaga	73	997.1
Buruh Mahir	82	719.7
Buruh Tidak Mahir	71	531.9
Kerja Sokongan	131	646.0

(Sumber Data : Disediakan Oleh Study Team)

4.3 HUBUNGAN GENDER DI KAWASAN LUAR BANDAR

4.3.1 WANITA DALAM EKONOMI

Berdasarkan kepada statistik kependudukan tahun 2000, sejumlah 1,257,948 penduduk atau 48.3% adalah kaum wanita berbanding dengan jumlah penduduk keseluruhan iaitu 2,603,486 orang. Daripada jumlah penduduk wanita, sejumlah 743,142 atau 59% adalah kumpulan bekerja yang berpotensi.(melebihi daripada

umur 15 tahun dan kurang daripada 64 tahun) Anggaran jumlah penduduk luar bandar di Sabah adalah 1,380,000 orang. (Buku Statistik Tahunan Sabah 2002)

Akan tetapi, tidak terdapat data yang menunjukkan jumlah penduduk kaum wanita di luar bandar. Dengan menggunakan anggaran nisbah 48.3% daripada jumlah penduduk wanita di Sabah, boleh dianggarkan penduduk wanita di luar bandar adalah lebih kurang 667,000 orang. Dengan menggunakan 59% mewakili kumpulan penduduk yang bekerja, 393,000 penduduk wanita adalah berada dalam kumpulan tenaga kerja yang berpotensi. Dengan ini, bilangan kumpulan sasaran yang terlibat secara langsung dalam Kajian ini iaitu wanita yang berada dalam kumpulan bekerja adalah dianggarkan seramai 400,000 orang.

Di negeri Sabah, sejumlah 373,000 orang atau 50.2% daripada jumlah penduduk wanita yang termasuk dalam kumpulan bekerja berpotensi juga menggambarkan bilangan wanita yang berada dalam kumpulan pekerja bergaji (Jadual 4-7). Di kawasan luar bandar pula, seramai 246,200 atau 62.6% daripada jumlah wanita luar bandar dalam kumpulan bekerja berpotensi adalah dianggap sebagai tenaga kerja.

Jadual 4-7 Taburan bilangan dan Peratus Tenaga Kerja Mengikut Jantina dan Mengikut Kawasan Bandar dan Luar Bandar di Sabah (tahun 2000)

	Kawasan Bandar		Kawasan Luar Bandar		Jumlah	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
Lelaki	289.0	69.5	674.0	73.2	963.0	72.1
Wanita	126.8	30.5	246.2	26.8	373.0	27.9
Jumlah	415.8	100.0	920.2	100.0	1,336.0	100.0

(Sumber Data: Laporan Kaji Selidik Tenaga Kerja, Jabatan Statistik Malaysia, 2000)

Jadual 4-8 menunjukkan bahawa terdapat 1,200 pekerja wanita (13.8% daripada jumlah pekerja di dalam negeri) di kawasan luar bandar Sabah. Manakala kumpulan tenaga kerja lelaki pula adalah 7,500 atau 86.2% dalam tahun 2000. Malah dari segi bilangan pekerja dan bekerja sendiri, bilangan lelaki adalah tiga(3) atau empat(4) kali lebih ramai daripada kumpulan wanita. Sebaliknya, dalam kumpulan kerja keluarga yang tidak bergaji, bilangan wanita adalah lebih tinggi daripada kaum lelaki.

Jadual 4-8 Bilangan Pekerja Mengikut Status Pekerjaan, Mengikut Jantina, dan Mengikut Kawasan Luar Bandar dan Bandar di Sabah (tahun 2000)

	Jumlah ('000)			Bandar ('000)			Luar Bandar ('000)		
	Jumlah	Lelaki	Wanita	Jumlah	Lalaki	Wanita	Jumlah	Lelaki	Wanita
Majikan	23.9	20.2	3.7	15.2	12.7	2.5	8.7	7.5	1.2
Pekerja	956.0	700.0	255.9	308.1	209.2	98.9	647.8	490.8	157.1
Bekerj Sendiri	219.2	171.2	48.0	56.3	44.7	11.6	162.9	126.5	36.4
Pekerja Keluarga yang tidak bergaji	67.2	26.9	40.3	10.7	5.3	5.4	56.6	21.7	34.9
Jumlah	1,266.3	918.4	347.9	390.3	272.0	118.3	876.0	646.5	229.6

(Sumber Data : Laporan Kaji Selidik Tanga Kerja, Jabatan Statistik Malaysia, 2000)

Setakat tahun 2000, di kawasan luar bandar, sejumlah 463,000 orang atau 52.9% daripada jumlah kumpulan tenaga kerja adalah terlibat dalam bidang pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan. (Jadual 4-9). Daripada jumlah 463,000 tenaga kerja ini, sejumlah 106,100 adalah tenaga kerja kumpulan wanita yang juga merangkumi satu pertiga tenaga kerja kaum lelaki dalam industri yang sama. Dalam pada itu, nisbah penglibatan kaum wanita adalah lebih tinggi berbanding dengan kaum lelaki dalam industri berikut : 1) perniagaan boraong dan runcit, restoran dan perhotelan; 2) perkilangan dan 3) perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian.

Jadual 4-9 Bilangan Pekerja Mengikut Industri, Jantina, dan Mengikut Kawasan Bandar dan Luar bandar di Sabah (tahun 2000)

	Jumlah ('000)			Bandar ('000)			Luar Bandar ('000)		
	Jumlah	Lelaki	Wanita	Jumlah	Lelaki	Wanita	Jumlah	Lelaki	Wanita
Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	496.4	388.0	108.5	33.4	31.1	2.3	463.0	356.9	106.1
Perlombongan dan Quari	2.3	2.3	0	1.0	1.0	0	1.3	1.3	
Perkilangan	159.2	171.2	42.6	57.2	41.4	15.7	102.0	75.1	26.9
Electric, gas dan Air	7.5	26.9	0.8	1.9	1.6	0.3	5.6	5.1	0.5
Pembinaan	91.7	26.9	3.9	44.7	42.2	2.5	47.1	45.7	1.4
Peniaga borong, dan Runcit, restoran dan Perhotelan	185.1	26.9	76.6	109.7	65.8	43.9	75.4	42.7	32.7
Pengangkutan, Penyimpanan dan komunikasi	48.3	26.9	5.1	22.0	19.2	2.8	26.3	24.0	2.3
Kewangan, insuran, estet dan Perniagaan Perkhidmatan	28.9	26.9	11.3	17.3	9.9	7.5	11.5	7.7	3.9
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	246.9	26.9	99.1	103.1	59.8	43.3	143.8	88.0	55.8
Jumlah	1,266.3	918.4	347.9	390.3	272.0	118.3	876.0	646.5	229.6

(Sumber Data : Laporan Kaji Selidik Tenaga Kerja, Jabatan Statistik Malaysia, 2000)

Jadual 4-10 menunjukkan bahawa wanita luar bandar adalah aktif dalam aktiviti perniagaan. Mereka dikehendaki mendapatkan lesen perniagaan dari Pejabat Daerah masing-masing untuk menjual produk mereka samada di kedai maupun di tapak TAMU. Di Kota Marudu, sebanyak 42.1% daripada peniaga-peniaga berdaftar adalah kaum wanita manakala di Kudat pula, sejumlah 35.5% adalah peniaga wanita. Nisbah pendaftaran wanita ke atas lesen perniagaan adalah tinggi jika dibandingkan dengan lain-lain rekod atau perlesenan usahawan.

Jadual 4-10 Bilangan dan Peratus Pemegang Lesen Perniagaan di Pejabat Daerah Mengikut Jantina di Daerah Kota Marudu dan Kudat (tahun 2003)

	Daerah Kota Marudu		Daerah Kudat	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
Wanita	810	42.1%	187	35.8%
Lelaki	1,112	57.9%	324	62.3%
Jumlah	1,922	100%	522	100%

(Sumber Data : Pejabat Daerah di Kota Marudu and Kudat)

Jika diperhatikan dari aspek kumpulan wanita yang bekerja dalam kumpulan umur 15 tahun ke 64 tahun dalam buku statistik rasmi, sejumlah 246,200 wanita atau 61.5% daripada jumlah wanita yang bekerja adalah dikenali sebagai “tenaga kerja” secara rasmi. Di samping itu, “pekerja keluarga yang tidak dibayar gaji” juga termasuk dalam statistik tersebut. (Jadual 4-8).

Manakala baki sebanyak 38.5% daripada jumlah wanita dalam kumpulan umur yang bekerja pula tidak dianggap sebagai “pekerja keluarga yang tidak dibayar gaji”. Dengan kata lain, tenaga kerja wanita di kawasan luar bandar di Sabah yang dikenali sebagai “tenaga kerja” secara rasmi adalah tidak melebihi 30% berbanding dengan jumlah tenaga kerja keseluruhan, walau pun mereka ini mewakili separuh daripada jumlah penduduk. Ini bermakna, peranan kaum wanita dalam aktiviti pengeluaran dan pengeluaran semula adalah tidak dinilai dengan berpatutan dari segi ekonomi luar bandar.

Menurut statistik rasmi yang tersebut di atas, kebanyakan wanita luar bandar di Sabah memberi sumbangan kepada ekonomi luar bandar dari beberapa segi seperti berikut; pengeluaran pertanian, perniagaan pemprosesan makanan berskala kecil-kecilan seperti membuat kek tempatan dan makanan ringan dengan kemahiran tradisional; menjual produk berasaskan pertanian dan hasil kraftangan; perkhidmatan restoran dan pembekal makanan untuk majlis keramaian.



Gambar 4-3 Goreng pisang



Gambar 4-4 Jualan sayur-sayuran di TAMU

4.3.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PERANAN WANITA DALAM ISIRUMAH

Jadual 4-11 telah dibuat oleh Pasukan Pengkaji berdasarkan kepada data dari laporan kaji selidik iaitu “The forgotten Contribution: Women and Rural Development in Sabah” yang disediakan oleh Abdul Saman Hadi serta data yang dikumpul melalui bengkal analisis gender dan melalui pemerhatian oleh Pasukan

Pengkaji. Data bagi kaji soal selidik yang asal adalah untuk tahun 1986; akan tetapi, tidak ada perubahan pada keseluruhannya bagi tahun-tahun yang kebelakangan ini.

Ini menunjukkan bahawa wanita luar bandar melibatkan diri dalam kebanyakan aktiviti ekonomi luar bandar kecuali tugas-tugas pertanian, mengambil upah dan aktiviti masyarakat. Di antara aktiviti-aktiviti produktif tersebut, menternak haiwan dan membuat kraftangan merupakan aktiviti yang dikendalikan oleh kaum wanita yang biasanya dikenali sebagai “aktiviti keluarga yang tidak dibayar”. Begitu juga dalam tanggungjawab pengeluaran semula (isirumah tradisional) seperti menjaga anak, kerja-kerja rumah dan penyediaan makanan di mana kaum lelaki tidak banyak memberikan sumbangan.

Bersama dengan kaum suami, kaum wanita memberi sumbangan hampir dalam semua peringkat pengeluaran pertanian iaitu; mereka membersihkan tanah, membajak, menanam, menternak, menuai dan pemprosesan padi. Di samping menjaga binatang ternakan, kaum wanita juga terlibat dalam aktiviti menanam sayur dan lain-lain tanaman kontan untuk menambahkan hasil pendapatan keluarga. Bagi masyarakat yang menangkap ikan pula, biasanya kaum wanita tidak melibatkan diri dalam aktiviti menangkap ikan tetapi mereka membaiki jala dan memproses hasil tangkapan ikan. Selain itu, kaum wanita juga terlibat dalam semua kerja-kerja rumah seperti memasak, membersihkan, menjahit, dan mengasuh anak. Oleh kerana kekurangan keperluan asas, kaum wanita juga perlu mengambil kayu api dan air untuk keluarga mereka. (Wanita di Sabah, SAWO).

Jadual 4-11 Perbandingan Kepentingan Peranan Wanita dan Lelaki dalam Aktiviti Utama bagi Ekonomi Luar bandar di Sabah

Aktiviti	Penglibatan Wanita	Penglibatan Lelaki	Mendominasi Penglibatan Aktiviti
Aktiviti-aktiviti Pengeluaran			
Ekonomi berupah	Membantu	Utama	Lelaki
Tugas-tugas mengenai pertanian	Berkongsi	Utama	Lelaki
Penjagaan binatang ternakan	Berkongsi	Berkongsi	Wanita
Kraftangan dan Menjahit	Utama	Membantu	Wanita
Aktiviti-aktiviti Pengeluaran			
Menjaga Anak	Utama	Membantu	Wanita
Kerj Rumah	Utama	Membantu	Wanita
Penyediaan Makanan	Utama	Membantu	Wanita
Memungut Kayu api	Berkongsi	Berkongsi	Wanita
Mengambil air	Utama	Membantu	Wanita
Kerja-kerja berkebun	Berkongsi	Berkongsi	Wanita
Membeli-belah	Berkongsi	Berkongsi	Tidak Berkenaan
Aktiviti-aktiviti Masyarakat			
Tugas-tugas Bekerjasama dalam masyarakat	Berkongsi	Berkongsi	Lelaki

(Sumber Data : Disediakan berdasarkan kepada Bengkel Analisis Gender dalam Projek Perintis 1 dan melalui pemerhatian oleh Pasukan Pengkaji sepanjang Kajian ini)

Terdapat pandangan umum bahawa “ aktiviti ekonomi wanita bukan merupakan penyumbang pendapatan utama tetapi hanya menyumbangkan pendapatan sampingan sahaja”. Pandangan yang sedemikian yang lebih ketara dil kawasan luar bandar sering menghadkan penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Kaum lelaki sering dikenali sebagai ketua penerima upah, dengan ini, kebanyakan peluang pekerjaan adalah diberikan kepada kaum lelaki. Sekiranya pandangan sedemikian tidak berubah, maka keadaan semasa juga sukar untuk diperbaiki.

4.3.3 HAK WANITA DALAM PEMILIKAN SUMBER

Dalam isirumah dan masyarakat luar bandar di Sabah, kaum wanita mempunyai hak untuk memiliki sumber dan memperolehi apa-apa kebaikan isirumah dan /atau masyarakat dari segi penggunaan sumber. Tidak wujud peraturan rasmi yang mengatakan bahawa mereka dilarang daripada memiliki sumber dan kebaikan tersebut. Walau bagaimana pun, oleh kerana latarbelakang budaya-sosial masyarakat tersebut, maka pada umumnya kaum lelaki

mempunyai hak yang lebih berbanding dengan wanita dalam pemilikan sumber. Kadang-kala kaum wanita harus mendapatakan kebenaran dari kaum lelaki sebelum memperolehi atau menggunakan sumber tersebut. Kaum wanita mempunyai hampir milik bersama dengan kaum lelaki dari segi keperluan asas dan pendidikan peringkat sekolah rendah. Kaum lelaki adalah lebih berpengaruh dalam penggunaan sumber dan kebaikan jika dibandingkan dengan kaum wanita kecuali kebaikan yang berkaitan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan sebagainya. (Jadual 4-12).

Jadual 4-12 Profil Kawalan dan Hak Milik dalam Masyarakat Luar Bandar

	HAK MILIK		KAWALAN	
	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki
Sumber-sumber				
Tanah	Berhak	Lebih Berhak	Kawalan terhad	Lebih berpengaruh
Peralatan	Berhak	Lebih Berhak	Kawalan terhad	Lebih berpengaruh
Tanaga Kerja	Berhak	Lebih Berhak	Kawalan terhad	Lebih berpengaruh
Wang Tunai	Berhak tetapi terhad untuk penggunaan sendiri	Lebih Berhak	Kawalan terhad untuk penggunaan sendiri	Menguasai
Projek Sokongan dan Latihan	Terhad	Lebih Berhak	Kawalan terhad	Mengawal
Kewangan-Mikro	Berhak	Berhak	Kawalan terhad	Lebih berpengaruh
Kebaikan dan Faedah				
Pendapatan sampingan	Berhak	Lebih Berhak	Kawalan terhad	Menguasai
Hak Milik Aset	Berhak	Lebih Berhak	Kawalan terhad	Menguasai
Keperluan Asas (Makanan, pakaian, tempat perlindungan dll.)	Berhak	Berhak	Lebih berpengaruh	Kurang kawalan
Pendidikan	Berhak	Berhak	Berkongsi	Lebih berpengaruh
Kuasa Politik	Berhak	Lebih Berhak	Sedikit pengaruh	Lebih berpengaruh

(Sumber Data : Disediakan berdasarkan kepada Bengkel Analisis Gender Projek Perintis 1 dan Berdasarkan pemerhatian oleh Pasukan Pengaji sepanjang Kajian ini)

Sebagai contoh, kedua-dua kaum lelaki dan wanita boleh mempunyai hak ke atas wang tunai. Walau bagaimana pun, kaum wanita jarang menggunakan wang tersebut bagi kegunaan sendiri manakala kaum lelaki pula mungkin menggunakan untuk tujuan sendiri. Kaum lelaki sering menyertai projek sokongan dan kursus latihan yang dikendalikan oleh agensi kerajaan sebagai wakil isirumah. Mereka jarang menerapkan maklumat atau kemahiran yang dipelajari kepada kaum wanita pada hal kaum wanitalah yang sering melibatkan

diri dalam aktiviti-aktiviti sasaran tersebut. Bagi perkhidmatan kewangan–mikro, kedua-dua kaum mempunyai hak yang sama. Akan tetapi, selepas menerima peruntukan tersebut, adalah dikatakan bahawa wang tersebut kadang kala digunakan bukan untuk aktiviti wanita tetapi bagi tujuan kaum lelaki. Kaum wanita memiliki hak dalam proses politik tempatan tetapi tidak banyak mempengaruhi isu-isu perbincangan dan membuat keputusan.

Dalam masyarakat luar bandar, jawatan JKKK dan parti politik tempatan adalah diketuai oleh kaum lelaki. Bilangan kaum wanita yang menjadi JKKK adalah sangat kecil. Akibatnya, kaum lelaki dalam sesuatu isirumah biasanya menjadi sasaran apabila sesuatu program pembangunan dirancang dan dilaksanakan. Kakitangan pengembangan pertanian yang membekalkan maklumat dan kemahiran pengeluaran pertanian pada umumnya akan menyampaikan perkhidmatan yang sedemikian kepada kaum lelaki. Maka dengan ini adalah sangat sukar bagi seorang ketua rumah wanita untuk memiliki hak yang sama dari segi sumber dan kebaikan.

4.3.4 WANITA DALAM SISTEM HAL EHWAL GUAMAN

Kaum wanita di Sabah perlu menghadapi pelbagai bidang perundangan dan sistem guaman yang agak mengelirukan. Sistem perundangan yang rasmi di Sabah terdiri dari tiga (3) sistem yang menggambarkan kombinasi pelbagai budaya negeri tersebut. Seperti lain-lain negeri di Maysia, Sabah mempunyai undang-undang Sivil/jenayah serta undang-undang Syariah. (untuk orang-orang Muslim) Tamabahn lagi Mahkamah Anak Negeri, khasnya terdapat di negeri Sabah dan Sarawak merupakan bidang kuasa untuk pelaksanaan undang-undang anak negeri atau adat yang melibatkan golongan anak negeri. (Wanita di Sabah, SAWO).

Setiap masyarakat anak negeri memiliki adat dan budaya masing-masing yang mana telah diamalkan dan diwarisi dari generasi ke generasi. Adat tersebut adalah untuk memastikan setiap ahli masyarakat hidup dalam keadaan harmoni dan setiap individu adalah bertanggungjawab terhadap masyarakatnya masing-masing. Mahkamah Anak Negeri adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mahkamah Anak Negeri di peringkat daerah pula diketuai oleh Ketua Anak Negeri daerah masing-masing yang di bawah kawalan dan penyeliaan Pegawai Daerah atau Timbalan Presiden Majlis Perbandaran. Berkenaan dengan kedudukan wanita dalam undang-undang anak negeri pula, nyatalah bahawa wujud beberapa bahagian yang memang tidak


menyebelahi kaum wanita iaitu seperti kes cerai dan gangguan seksual dan lain-lain.

Undang-undang Syariah yang banyak melibatkan kaum wanita Muslim ialah Undang-undang Keluarag Islam. Ianya merupakan perundangan agama yang memegang bidang kuasa berkenaan dengan hal-hal keluarga seperti perkahwinan, perceraian, pengambilan anak angkat, perihal pengesahan,permuafakatan, nafkah, hak penjagaan, pembahagian harta dan warisan. Sistem poligami dan perceraian tidak lagi di bawah pertimbangan pihak suami. Amalan seperti ini semakin diketatkan melalui prosedur rasmi yang ditetapkan.

Jika dibandingkan kedua-dua sistem perundangan iaitu perundangan Anak Negeri dan Syariah, nyatalah Undang-undang Sivil adalah lebih kukuh, di kaji dan didokumenkan. Sebahagian dari aspek dalam Undang-undanga Sivil merupakan diskriminasi terhadap kaum wanita. Ini termasuklah undang-undang dari segi kerakyatan,hak penjagaan, cukai pendapatan, perkahwinan, perceraian dan pencabulan kehormatan. Diskriminasi ini boleh wujud dalam bentuk hal-ehwal guaman yang tegas dan penguatkuasaan undang-undang tersebut.

4.3.5 KEDUDUKAN KEWANGAN KAUM WANITA

Menurut banci yang dijalankan oleh Jabatan Statistik Sabah pada tahun 1998 dan 1999, purata perbelanjaan bulanan isirumah adalah RM 1,215 iaitu RM1,664 dalam kawasan bandar dan RM989 di kawasan luar bandar. Rajah 4-3 menunjukkan maklumat terperinci corak perbelanjaan di kawasan bandar dan luar bandar.




(Sumber Data : Kaji Soal Selidik Isirumah, Jabatan Statistik Sabah 1998/99)

Rajah 4-3 Perbelanjaan Bulanan Isirumah Kawasan Luar Bandar dan Bandar di Sabah (1998/1999)

Perbandingan corak perbelanjaan antara kawasan bandar dan luar bandar menunjukkan bahawa isirumah di kawasan luar bandar membelanjakan peruntukan yang lebih untuk makanan berbanding dengan di kawasan bandar; Penduduk luar bandar juga membelanjakan peruntukan yang banyak ke atas tanaman, sayur-sayuran dan ikan. Pengagihan perbelanjaan ke atas lain-lain item adalah lebih kurang sama, akan tetapi perbelanjaan di kawasan bandar adalah lebih tinggi ke atas sewa, minyak, pengangkutan dan komunikasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan. Keadaan ini menyumbang kepada keadaan di mana produk-produk pertanian kebanyakannya merupakan bahan mentah perindustrian supaya para petani tidak semestinya bergantung kepada pengeluaran makanan. Pertukaran barangan pertanian dengan wang adalah lebih penting dalam keperluan kewangan.

Jika dibandingkan dari segi perbelanjaan mengikut jantina ketua isirumah pula, purata perbelanjaan ketua isirumah lelaki ialah RM1,257 manakala ketua isirumah wanita pula membelanjakan RM968 secara purata. Sekiranya dilihat dari segi kawasan bandar dan luar bandar pula, kaum lelaki bandar membelanjakan RM1,767 dan kaum wanita di bandar pula membelanjakan RM1,181 secara purata. Kaum lelaki luar bandar membelanjakan lebih kurang RM1,014 dan kaum wanita RM823 secara purata. Di kawasan luar bandar, perbelanjaan biasanya adalah sedikit di mana tidak terdapat banyak perbezaan bentuk perbelanjaan antara kaum lelaki dan wanita jika dibandingkan dengan keadaan perbelanjaan kedua-dua jantina di bandar. Maklumat terperinci tentang

perbelanjaan mengikut jantina isirumah di kawasan luar bandar adalah ditunjukkan di Rajah 4-4.



(Sumber Data : Kaji soal selidik Isirumah, Jabatan Statistik Sabah 1998/99)

Rajah 4-4 Perbelanjaan Bulanan Mengikut jantina ketua isirumah di Sabah (1998/1999)

Daripada rajah di atas, dapat diperhatikan bahawa isirumah kaum wanita membelanjakan lebih banyak dalam makanan,sewa dan minyak manakala isirumah kaum lelaki pula lebih membelanjakan wang untuk hiburan dan pendidikan. Dapat diperhatikan bahawa kaum lelaki membelanjakan lebih kurang RM200 lebih banyak daripada kaum wanita secara purata, sementara kaum wanita pula membelanjakan wang untuk perbelanjaan asas dalam keperluan hidup seharian. Kaum lelaki biasanya mempunyai lebihan wang untuk hiburan dan pendidikan

4.4 USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

4.4.1 KESIMPULAN DAN PENEMUAN DARI SOAL SELIDIK GENDER

(1) Rencana Ringkas Kaji Soal Selidik

Pelaksanaan kaji soal selidik terhadap usahawan-usahawan wanita dilaksanakan oleh Pasukan Pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti mereka, kelemahan, potensi dan keperluan kaum wanita. Jumlah sampel yang terlibat dalam kaji selidik ini adalah seramai 85 orang termasuk usahawan yang mengendalikan perniagaan sendiri dan wanita luar bandar yang membantu perniagaan keluarga mereka. Jadual 4-13 menunjukkan taburan sampel mengikut tahap perniagaan dan mengikut kawasan.

Jadual 4-13 Pengagihan Sampel Kaji Soal Selidik Gender Mengikut Jenis Perniagaan dan Mengikut kawasan

Kawasan Tahap Perniagaan	Kudat	Pantai Barat	Pedalaman	Tawau	Jumlah	Peratus
Pendapatan tetap lebih dari RM700/bulan	2	14	5	9	30	36%
Perniagaan sendiri tetapi belum berkembang	8	15	1	10	34	40%
Membantu perniagaan keluarga	5	5	0	10	20	24%
Tidak Diperolehi	1	0	0	0	1	(0.01%)
Jumlah	16	34	6	29	85	100%
Peratus	19%	40%	7%	34%	100%	

(Sumber Data : Disediakan oleh Study team)

(2) Bio-data

Daripada jumlah sampel tersebut, sebanyak 39% daripadanya termasuk dalam lingkungan umur 40an dan 24% dalam umur 30an. Pada umumnya, kumpulan ini merupakan generasi dan kumpulan yang paling aktif di kalangan wanita luar bandar yang mempunyai lebih banyak masa selepas melalui masa bersalin dan menjaga anak. (Jadual 4-14)

Jadual 4-14 Pengagihan Sampel mengikut Umur

	20an	30an	40an	50an	60an	NA	Jumlah
Bilangan Sampel	6	20	33	6	2	10	85
Nisbah peratus berbanding jumlah	7%	24%	39%	7%	2%	12%	100%

(Sumber Data : Disediakan Oleh Study team)

Di samping itu, sebanyak 82% daripada jumlah sampel telah berkahwin, manakala 9% adalah ketu isirumah kerana perceraian, kematian suami dan lain-lain. (Jadual 4-5) Bilangan anak-anak yang dimiliki adalah antara satu (i) orang hingga 14 orang. Sebanyak 21% daripada sampel mempunyai 4 orang anak yang juga merupakan kes biasa dalam kaji selidik ini. Di kawasan luar bandar, wanita yang mempunyai lebih dari 10 anak adalah perkara biasa. (Jadual 4-16).

Jadual 4-15 Taburan Sampel Mengikut Status Perkahwinan

	Bujang	Kahwin	Berpisah	Bercerai	Janda	NA	Jumlah
Bilangan sample	7	70	3	1	3	1	85
Nisbah berbanding jumlah	8%	82%	4%	1%	4%	1%	100%

(Sumber Data : Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

Jadual 4-16 Taburan Sampel Mengikut Bilangan Anak

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10<
Bilangan sample	2	10	4	18	7	12	6	4	1	4
Nisbah berbanding jumlah*	2%	12%	5%	21%	8%	14%	7%	5%	1%	4%

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

Nota: Tujuh (7) wanita bujang tidak berkahwin dan tidak beranak. 10 sampel tidak memberikan maklumat. Jumlah bilangan di sini termasuk sampel.

Daripada jumlah sampel tersebut, sebanyak 39% atau 33 orang adalah berbangsa Dusun yang merupakan bilangan terbanyak, diikuti oleh kaum Bajau (9%), Melayu (8%), Kadazan (6%) dan Rungus (5%) (Jadual 4-17). Bagi latarbelakang pendidikan pula, sebanyak 62% atau 53 orang mendapat pendidikan sekolah rendah atau kurang dari 34% yang menyempurnakan pendidikan sekolah menengah. Terdapat dua orang yang mendapat pendidikan tinggi di kalangan sampel tersebut. (Jadual 4-18).

Jadual 4-17 Taburan Sampel Mengikut Kumpulan Etnik

	Kadazan	Dusun	Bajau	Rungus	Tidung	Cocos	Malay	Lain-lain*	NA	Jumlah
Bilangan sample	5	33	8	4	1	1	7	20	3	85
Nisbah berbanding jumlah	6%	39%	9%	5%	1%	1%	8%	24%	4%	100%

(Sumber Data : Disediakan oleh Study Team)

Nota: "Lain-lain" termasuk pendatang dari lain-lain negara.

Jadual 4-18 Taburan Sampel mengikut Latarbelakang Pendidikan

	Sekolah Rendah atau kurang	Sekolah Menengah	Pendidikan Tinggi	NA	Jumlah
Bilangan sample	53	29	2	1	85
Nisbah berbanding jumlah	62%	34%	2%	1%	100%

(Sumber Data : Disediakan oleh Study Team)

(3) Aktiviti-aktiviti Galakan Pendapatan

Jadual 4-19 menunjukkan aktiviti-aktiviti galakan pendapatan di mana sebanyak 30% atau 26 orang daripada jumlah sampel melibatkan diri dalam aktiviti pemprosesan makanan dan 25% daripada jumlah keseluruhan adalah peniaga dan/atau orang tengah. Kedua-dua aktiviti di atas melebihi 20% berbanding dengan jumlah keseluruhan. Lain-lain aktiviti adalah menjahit (13%), bertani (5%) dan kraftangan (5%). Dalam kaji selidik sampel yang dijalankan,

pemrosesan makanan dan perniagaan merupakan aktiviti yang popular di kalangan mereka.

Jadual 4-19 Taburan Sampel Mengikut Jenis Perniagaan

	Pemprosesan Makanan	Restauran	Peniaga	Kraftangan	Penjahit/menjahit	Petani	Lain-lain	NA	Jumlah
Bilangan sample	26	4	21	4	11	4	1	14	85
Nisbah berbanding Jumlah	30%	5%	25%	5%	13%	5%	1%	16%	100%

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

Dari segi pendapatan, sebanyak 32% daripada jumlah sampel mendapat hasil jualan sebanyak RM 101 – 500 setiap bulan manakala 13% memperoleh jualan sejumlah RM 501 – 1,000 setiap bulan (Jadual 4-20). Lebih kurang 50% daripada jumlah sampel menerima pendapatan kurang daripada RM 1,000 setiap bulan. Walau pun jumlah pendapatan ini tidaklah tinggi, tetapi wanita luar bandar menjadi lebih yakin dengan aktiviti galakan pendapatan mereka. Dari segi kos modal permulaan pula, sebanyak 29% daripada mereka membelanjakan sebanyak RM 101 – 500, manakala 45% tidak memberi sebarang maklumat. Dalam kebanyakan kes, kos permulaan yang terlibat adalah di antara RM 0 – 2,000 (Jadual 4-21).

Jadual 4-20 Taburan Sampel Mengikut Saiz Jualan Bulanan

	RM101-500	RM501-1,000	RM1,001-2,000	RM2,001-3,000	RM4,001-5,000	RM5,000-10,000	<RM10,000	NA	Jumlah
Bilangan sample	27	11	7	1	1	3	4	31	85
Nisbah berbanding jumlah	32%	13%	8%	1%	1%	3%	5%	36%	100%

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

Jadual 4-21 Taburan sample Mengikut Modal permulaan

	RM0-100	RM101-500	RM501-1,000	RM1,001-2,000	RM2,001-3,000	RM4,001-10,000	<RM10,000	NA	Total
Bilangan sample	6	25	4	7	1	0	3	39	85
Nisbah sample berbanding Nisbah	7%	29%	5%	8%	1%	0%	3%	46%	100%

(Sumber Data : Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

4.4.2 KESIMPULAN DARI KAJI SOAL SELIDIK YUM

YUM telah melaksanakan kaji selidik asas pada peringkat permulaan projek perintis. Kajian asas ini termasuklah borang soal selidik kumpulan sasaran usahawan wanita luar bandar yang meliputi seramai 453 usahawan.

Jadual 4-22 menunjukkan tahap pendidikan peserta YUM. Seramai 153 orang atau 34.1% daripada jumlah pesertanya mempunyai pendidikan sekolah rendah manakala seramai 134 atau 29.8% mengatakan mereka tidak berpendidikan atau tidak pernah ke sekolah. Jadual 4-23 memaparkan tahap pendapatan isirumah responden. Daripada jadual tersebut, boleh diperhatikan bahawa seramai 351 responden atau 77.8% daripada jumlah keseluruhan menerima pendapatan kasar di antara RM 500 hingga RM1,000. Sebanyak 10.6% memperolehi pendapatan di antara RM 1,001 hingga RM 1,500. Selain itu, sejumlah 623 responden melibatkan diri dalam perniagaan di bawah pinjaman YUM dan 205 orang pula terlibat dalam aktiviti pertanian. Terdapat responden yang lain menggunakan pinjaman dari YUM untuk tujuan menternak, perniagaan perkhidmatan, pemprosesan dan kraftangan. (Jadual 4-24). Hasil pendapatan bulanan mereka yang dijanakan oleh usahawan wanita luar bandar adalah ditunjukkan dalam Jadual 4-25. Lebih daripada 63% peserta YUM memperolehi hasil pendapatan kasar bulanan sebanyak RM100 hingga RM500, diikuti dengan RM501 hingga RM1,000 dari projek yang dilaksanakan.

Data berikut memaparkan peserta YUM yang menunjukkan corak aktiviti ekonomi seperti juga responden dalam soal selidik gender dalam bahagian kecil yang telah disebutkan sdi atas, iaitu jenis perniagaan dan pendapatan yang lebih kurang sama.

Jadual 4-22 Tahap Pendidikan Peserta-peserta YUM (Kaji Selidik Sampel)

Tahap Pendidikan	Bilangan Responden	%
Tidak berpendidikan	134	29.8
Pendidikan sekolah Rendah (Darjah 1-6)	153	34.1
Menengah Rendah (Tingkatan 1-3)	130	29.0
Menengah Atas (Tingkatan 4-6)	32	7.1
Jumlah	449	100.00

(Sumber Data: Kaji Selidik Asas Projek Perintis 10 PUANDESA, YUM 2002)

**Jadual 4-23 Pendapatan Kasar Setiap Bulan Peserta YUM
(Kaji Selidik Sampel)**

Pendapatan Bulanan Keluarga	Bilangan Responden	%
RM 500 – RM 1,000	351	77.8
RM 1,001 – RM 1,500	48	10.6
RM 1,501 – RM 2,000	26	5.8
RM 2,001 – RM 2,500	4	0.9
RM 2,501 dan ke atas	22	4.9
Jumlah	451	100.00

(Sumber Data: Kajian Asas Projek Perintis 10 PUANDESA, YUM 2002)

Jadual 4-24 Projek Dibiayai Pinjaman Mengikut Sektor Ekonomi (Kaji Selidik Sampel, Melebihi satu jawapan daripada responden)

Sektor Ekonomi	Bilangan Responden
Pertanian	205
Berniaga	623
Memelihara binatang /Penternakan	83
Kraftangan	8
Pemprosesan	43
Perkhidmatan	53
Jumlah	1,015

(Sumber Data: Kaji Selidik Asas Projek Perintis 10 PUANDESA, YUM 2002)

**Jadual 4-25 Pendapatan Hasil Bulanan Dijana dari Projek Peserta YUM
(Kaji Selidik Sampel)**

Hasil Pendapatan (Bulanan)	Bilangan Responden	%
RM 100 – RM 500	284	63.0
RM 501 – RM 1,000	95	21.0
RM 1,001 – RM 1,500	31	6.9
RM 1,501 – RM 2,000	20	4.4
RM 2,001 dan ke atas	21	4.7
Jumlah	451	100.00

(Sumber Data : Kaji Selidik Asas Projek Perintis 10 PUANDESA, YUM 2002)

4.4.3 KESIMPULAN DAN PENEMUAN DARI BENGKEL-BENGKEL DAN KAJIAN KES

Berikut ini merupakan pendapat sebenar 40 usahawan wanita luar bandar yang dikumpul semasa bengkel yang dikendalikan dalam Kajian ini.



Photo 4-5 Penerangan semasa Bengkel



Photo 4-6 Bercakap semasa Bengkel

(1) Mengapa mereka menceburi bidang perniagaan?

Daripada jumlah 40 orang usahawan wanita luar bandar, seramai 33 wanita yang menyertai bengkel Kajian ini mengatakan bahawa mereka menceburi dan memulakan perniagaan “kerana mereka memerlukan pendapatan tambahan”. Sebab kedua ialah “kerana mereka ingin membuat sesuatu yang mendatangkan nilai dan manfaat kepada mereka”. Pendapat seterusnya ialah kerana mereka dipengaruhi oleh lain-lain usahawan wanita yang sudah berjaya dalam bidang ini. (10 orang wanita)

Kebanyakan daripada usahawan/kumpulan wanita yang sedia aktif memulakan perniagaan kerana ingin meningkatkan pendapatan isirumah masing-masing. Walau bagaimana pun, terdapat lain-lain sebab sampingan selain daripada menjana pendapatan keluarga. Antaranya ialah “motif yang memberangsangkan” di mana “aktiviti tersebut sangat menarik minat mereka tanpa mengambilkira samada ianya menguntungkan atau tidak” dan “menjalankan aktiviti tersebut merupakan salah satu cara menginsafkan diri. Di sebaliknya, wujud juga motif yang tidak menggalakkan iaitu “wanita memang tidak dapat melepaskan diri dari tanggungjawab tersebut”. Sebagai contoh, keperluan kewangan untuk menyara hidup isirumah atau memang tidak ada pilihan dalam bidang pekerjaan. (Jadual 4-26)

Isu galakan pendapatan menjadi perkara yang lebih kritikal kepada ketua isirumah kaum wanita. Mereka menjana pendapatan sara diri dengan menggunakan sumber-sumber yang ada di persekitaran mereka dan kemahiran tradisional memandangkan tidak ada lagi lain-lain cara yang boleh menjana pendapatan dalam keadaan luar bandar tersebut. Walau pun tidak terdapat statistik yang menunjukkan data mengenai ketua isirumah wanita, tetapi adalah dikatakan bahawa memang ada isirumah yang menjadi “ibu-tunggal” di kawasan luar bandar akibat perceraian, suami yang meninggal dunia, kaum suami bekerja di bandar dan berkahwin lagi dengan pendatang asing dan meninggalkan isteri mereka. Ramai isirumah yang sedemikian hidup di bawah garis kemiskinan.

Dalam kebanyakan kes mengenai usahawan wanita yang sudah berkahwin, suami mereka merupakan ketua mencari nafkah hidup manakala kaum wanita ini menjalankan perniagaan yang berskel kecil sebagai sumber pendapatan sampingan untuk menyokong aktiviti yang berasaskan pertanian yang dilakukan oleh kumpulan suami.

Jadual 4-26 Motif Utama untuk Menceburi Bidang Perniagaan bagi wanita Luar Bandar

Motif memberangsangkan	Tujuan yang pasif
<p>Dari minat sendiri</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memang minat dalam pemprosesan makanan, dan berniaga. - Berminat untuk berniaga. <p>Untuk mencapai impiannya dan membuat sesuatu yang mendatangkan hasil:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempromosikan gula-gual tradisional dna makanan - Mempunyai idea (ingin mencapai idea dan impian) 	<p>Untuk memenuhi keperluan kewangan isirumah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlukan pendapatan - Untuk membantu kewangan isirumah - Untuk meningkatkan pendapatan. - Tidak mempunyai peluang galakan pendapatan yang lain - Tidak ada peluang pekerjaan <p>Dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dibesarkan dalam persekitaran perniagaan yang dikendalikan oleh ibu-bapa - Kemahiran memproses gula-gula dan makanan tradisional yang sedia ada (dari generasi lalu) di tempat tinggal - Dirangsangkan oleh wanita lain yang berjaya <p>Melalui program bantuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat tahu tentang program kerajaan untuk membantu aktiviti ekonomi wanita luar bandar

(Sumber Data : Disediakan Oleh Pasukan Pengkaji)

Faktor-faktor luaran juga memainkan peranan yang memberangsangkan penglibatan wanita dalam perniagaan seperti "dirangsangkan oleh kes yang berdekatan", "diwarisi daripada ibu-bapa," inisiatif wanita yang kuat untuk mendapatkan rakan kongsi perniagaan", dan "penggunaan program sokongan". (mendapatkan kredit mikro bersama)

(2) Apa Jenis Perniagaan Yang dikendalikan?

Keadaan luar bandar Sabah mempunyai bentuk geografi yang berbagai-bagai. Dengan ini, pemprosesan makanan yang merupakan aktiviti umum di kalangan usahawan wanita luar bandar adalah berbeza-beza mengikut jenis produk pertanian di masyarakat tersebut masing-masing. Pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh wanita luar bandar, antaranya adalah seperti berikut: menanam dan menjual produk pertanian sendiri termasuklah sayur-sayuran, buah-buahan, beras, jagung, menjual produk petani yang lain, pemprosesan makanan dari hasil pertanian, perikanan dan penternakan, membuat dan menjual hasil kraftangan, membuka kedai runcit, menjahit dan pekhidmatan membekal makanan semasa majlis keramaian dan sebagainya. Aktiviti yang berkaitan dengan pertanian ini, kecuali perniagaan sepenuh masa dan perniagaan yang berorientasikan perkhidmatan adalah diklasifikasikan kepada beberapa kumpulan peringkat pemprosesan (peringkat tambah nilai) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-27.

Jadual 4-27 Jenis Perniagaan Berkaitan dengan Pertanian Mengikut Peringkat Pemprosesan (Peringkat Tambah Nilai)

Peringkat Tambah Nilai	Jenis Perniagaan
Pemprosesan Peringkat 1: Menjual produk pertanian dan sumber bahan mentah yang boleh diperolehi di peringkat tempatan	<ul style="list-style-type: none"> - Menanam dan menjual Beras / jagung, - Menanam dan menjual sayur-sayuran /herba dan buah-buahan - Pemprosesan dan menjual - Menternak dan menjual kambing,Lembu dan ayam(termasuk telur)
Pemprosesan Peringkat 2: Menghasilkan dan menjual produk pertanian dan sumber bahan mentah yang ditambah nilai yang diperolehi dari tempatan, atau menjual tanaman kontan dengan pemprosesan yang asas.	<ul style="list-style-type: none"> - Menanam dan menjual kacang - Membuat dan menjual lada kering - Menanam dna menjual Halia/cendawan Shitake - Lebah Madu,membuat dan menjual madu - Membuat dan menjual tepung kopi - Penternakan dan menjual tiram, urat (mussel) rumpai laut dan ikan air tawar - Membuat dan menjual ikan kering dan ikan masin
Pemprosesan Peringkat 3: Menghasilkan dan menjual produk pertanian dan bahan mentah yang ditambah nilai tinggi, bukan setakat diperolehi dari tempatan tetapi juga diperolehi dari sumber luaran	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat dan menjual jam - Membuat dan menjual Belacan (sos perasa tradisional yang dibuat daripada udang kecil) - Membuat dan menjual makanan ringan tempatan /gula-gula tradisional - Membuat dan menjual makanan ringan (fish chips dll.) - Membuat roti - membuat dan menjual bebola ikan, sosej ikan
Pemprosesan Peringkat 4: Menghasilkan dan menjual kraftangan	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat dan menjual kraftangan (menganyam, kraftangan tradisional) - Membuat perhiasan manik - membuat dan menjual perhiasan perkahwinan - Menjahit Pakaian - Membuat dan menjual keperluan harian (penyapu dll)

(Sumber Data : Disediakan Oleh Pasukan Pengkaji)

Walau pun tidak ada statistik mengenai data aktiviti ekonomi wanita luar bandar yang memaparkan perbezaan peringkat pemprosesan, namun beberapa perkara berikut telah diperhatikan oleh Pasukan Pengkaji. Bagi aktiviti yang diklasifikasikan dalam Peringkat 3 adalah dijalankan di kawasan yang mempunyai kemudahan untuk berhubung dengan kawasan pekan dan mempunyai pasaran tersedia yang baik. Sebaliknya, aktiviti pemprosesan

peringkat 2 dilaksanakan di kawasan yang agak sukar dihubungi tetapi masih termasuk dalam lingkungan program bantuan kerajaan. Namun demikian, skel perniagaan mereka agak sukar diperkembangkan oleh kerana kekurangan strategi pemasaran bagi mengatasi halangan dari segi penempatan. Kaum wanita yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan peringkat 1, mereka boleh memperkembangkan perniagaannya sekiranya mempunyai kemudahan dari segi perhubungan ke pasaran. Walau bagaimanapun, mereka menghadapi masalah dari segi kualiti dan kesegaran produk serta masalah pemasaran.

Kebanyakan aktiviti-aktiviti wanita luar bandar adalah dijalankan di kawasan persekitaran rumah mereka kerana kemahiran pengeluaran/pemprosesan mereka adalah ringkas dan berskel kecil-kecilan. Kadang-kala ahli-ahli kumpulan menggunakan tempat umum untuk kerja-kerja pemprosesan. Kaum wanita terpaksa membahagi-bahagikan masa untuk aktiviti galakan pendapatan dengan kerja-kerja rumah kerana kebanyakan aktiviti mereka hanya dianggap sebagai sampingan sahaja. Akibatnya, kaum wanita tidak mempunyai masa yang sepenuhnya dalam perniagaan terutamanya pada musim pertanian yang sibuk.

Industri pemprosesan makanan meliputi aspek-aspek yang sensitif seperti konsep daging 'Halal' yang memerlukan kelulusan dari segi keagamaan sebelum dinya digunakan. Dengan ini, dalam masyarakat yang pelbagai agama seperti di Sabah, pertimbangan dari segi agama dan budaya perlu diutamakan khususnya dalam industri pengeluaran makanan.

(3) Di mana dan Bagaimana Mereka Menjual?

Sekiranya kaum wanita menjual produk mereka secara langsung kepada pelanggan, pasaran mereka biasanya terletak di lingkungan masyarakat tempatan ataupun gerai yang berada di tepi jalan. Jika kawasan tersebut mudah dihubungi kenderaan awam atau petani memiliki kenderaan sendiri, kaum wanita mungkin dapat menjual produk mereka di pasaran di pekan yang berhampiran. Jikalau kaum wanita tidak menjual secara langsung kepada pengguna, mereka terpaksa bergantung kepada orang tengah atau pasaran perantaraan yang dibekalkan oleh program bantuan kerajaan. Keadaan ini memang digunakan oleh usahawan wanita yang terletak jauh di kawasan terpencil. Bentuk perniagaan seperti ini akan mewujudkan masalah iaitu perhubungan kuasa; usahawan-usahawan ini tidak mempunyai kuasa perundingan dan penentuan harga produk berbanding dengan orang-orang tengah. Perniagaan mereka tidak

dapat berkembang kerana penentuan harga dan sekiranya mereka masih bergantung sepenuhnya kepada bantuan program kerajaan.

Promosi jualan yang kini diamalkan oleh usahawan-usahawan wanita adalah hanya melalui jaringan jualan keluarga atau saudara-mara dalam masyarakat tempatan. Hanya terdapat seorang sahaja daripada jumlah 40 peserta dalam bengkel permulaan merupakan ahli keperatif. Terdapat sebilangan besar wanita yang berusaha untuk mewujudkan jaringan dengan orang-orang lain semasa perjumpaan dalam mesyuarat dan seminar. Akan tetapi, tahap kecergasan jaringan luar bandar adalah berbeza dengan keadaan usahawan-usahawan wanita bandar kecuali sebilangan kecil yang berada di tahap perniagaan yang agak matang.

Perlabelan memainkan peranan penting untuk mempromosikan jualan dengan mengenalpasti produk tersebut, masih berada dalam peringkat awal perniagaan wanita luar bandar. Label yang sedia ada hanyalah sekeping kertas kecil yang mencatatkan nama produk, alamat dan telefon dihubungi, kandungan produk, dan kadang kala logo dilekatkan. Jangkamasa boleh digunakan produk tersebut juga dicatatkan di kertas tersebut. Keadaan label yang sedia ada adalah agak memuaskan untuk produk wanita luar bandar. Terdapat juga produk yang langsung tidak berlabel. Komoditi-komoditi yang tidak berlabel ini kurang diminati oleh pengguna-pengguna khususnya di kawasan bandar kerana kekurangan jaminan kualiti.

(4) Apa yang mereka perolehi?

Daripada jumlah 85 usahawan wanita luar bandar, hampir 90% mengatakan bahawa mereka amat meminati aktiviti galakan pendapatan mereka. Tambahan pula, hampir separuh bilangan usahawan wanita yang mengatakan mereka “sangat” meminati aktiviti mereka. Seramai 16 wanita daripada jumlah seramai 40 peserta dalam bengkel tersebut mengatakan bahawa mereka ingin memperolehi pulangan yang setanding dengan usaha yang telah disumbangkan. “memperolehi pendapatan yang lebih” merupakan sebab utama mereka menceburi dalam aktiviti ekonomi. Tambahan pula, penyertaan mereka yang menggalakkan memang sepadan dengan usaha yang telah disumbangkan. Mereka berasa bahawa mereka memainkan peranan penting dalam mengatur halatuju perniagaan mereka dan akan berterusan dengan aktiviti ekonomi tersebut. Menjadikan kehidupan lebih bermakna ada kaitannya dengan kualiti kehidupan yang tidak setakat dikaitkan dengan kaum wanita tetapi juga kaum lelaki. Ia akan

memberi kesan dan perubahan yang besar terhadap kaum wanita yang kebanyakannya tidak pernah menjalinkan perniagaan secara meluas sebelum ini.

Wanita luar bandar yang menyertai bengkel tersebut telah bertukar-tukar fikiran dan pandangan dengan usahawan-usahawan wanita luar bandar yang lain. Antara pandangan tersebut adalah seperti “menyukai”, “memperkenalkan diri di depan orang ramai merupakan kali pertama dalam hidup saya “pengalaman yang baik untuk berfikir dan berbincang bersama”, “banyak mempelajari” dan “banyak mempengaruhi”. Seramai 10 orang wanita daripada 40 usahawan wanita luar bandar telah dimotivasikan akibat pengaruh dan rangsangan oleh wanita yang berjaya yang telah pun memulakan perniagaan mereka. Samada disedari atau tidak, wanita luar bandar ini telah menetapkan tujuan bukan setakat pendapatan tetapi dalam kualiti kehidupan pada keseluruhannya yang digambarkan oleh kenyataan mereka. Antaranya ialah “Saya ingin menjadi wanita berjaya seperti dia”, “Sedangkan seorang wanita boleh melakukannya”, “Seorang wanita seperti saya boleh mencapainya”. Pengwujudan “Contoh wanita berjaya” mempunyai pengaruh yang kuat terhadap usahawan-usahawan wanita yang lain.

(5) Bagaimana kemahiran perniagaan mereka?

1) Teknologi Pengeluaran

Teknologi pengeluaran yang diamalkan oleh kebanyakan wanita luar bandar masih berada di tahap intensif-buruh dan tradisional. Tahap penggunaan peralatan mesin juga amat terhad. Lebih kurang 70% daripada wanita mengatakan bahawa “tidak menggunakan apa-apa mesin dalam proses pengeluaran”. Walau bagaimana pun, peralatan mesin di rumah seperti ketuhar, mesin menjahit adalah digunakan. Terdapat salah satu kumpulan yang menggunakan peralatan mencincang daging yang kecil untuk menghasilkan sosej ikan dan bebola ikan.

Bagi wanita yang tinggal di kawasan yang boleh dihubungi mempunyai peluang untuk mengkaji keperluan pasaran dan juga untuk mempelajari teknologi yang lebih baik mengenai pelbagai produk dari tempat-tempat yang lain, justeru itu dapat meningkatkan kualiti produk mereka. Walau bagaimana pun, pada umumnya wanita luar bandar menggunakan kemahiran pengeluaran yang diwarisi dari generasi ke generasi dalam masyarakat tempatan tersebut. Maka dengan ini, kebanyakan daripada produk yang dibuat oleh wanita luar bandar mempunyai corak yang lebih

kurang sama dan usaha adalah terhad untuk mempelbagaikan corak demi menarik minat para pelanggan. Sebahagian besar usahawan-usahawan wanita tidak mempunyai sebarang rancangan dalam pengeluaran produknya. Mereka lebih cenderung untuk mengeluarkan untuk mendapatkan lebih produk pertanian tanpa memberi perhatian terhadap keperluan pasaran.

Mengikut maklumbalas daripada peserta-peserta bengkel, kebanyakan wanita luar bandar memikirkan bahawa mereka boleh mengekalkan produk mereka lebih lama dan terjamin melalui proses pembungkusan. Walau bagaimana pun, pembungkusan boleh dilakukan dengan kemahiran yang asas iaitu melalui “heat-sealed transparent polythene tubing”. Produk tersebut mungkin disertai dengan label yang asas atau kadang kala tanpa sebarang label. Hasil produk yang sering menimbulkan masalah adalah seperti jam, madu dan pasta oleh kerana rupabentuk bekas penyimpanan adalah seakan-akan botol untuk binatang ternakan. Satu lagi kelemahan produk tersebut ialah jangka penyimpanan yang singkat iaitu 10 hari disebabkan oleh penutupan botol yang kurang memuaskan.

Terdapat lebih dari 80% daripada responden bersetuju menerimapiakai proses pengeluaran yang lebih berpandukan kebersihan dan kesihatan. Sekiranya mereka yang memberi jawapan “lebih kurang” juga diambilkira, maka lebih 90% mengambil berat tentang pengeluaran berasaskan kebersihan. Walau pun wujud pandangan yang sedemikian, tetapi masih terdapat amalan yang tidak mementingkan kebersihan yang telah diperhatikan semasa temuduga kaji selidik dan lawatan tempat. Keadaan pengeluaran yang tidak bersih ini adalah seperti kekotoran bercampur aduk dengan makanan, penyukatan yang tidak tepat serta kawalan kualiti yang tidak stabil.

2) Pengurusan

Pada permulaan bengkel, seramai 17 peserta wanita mengatakan bahawa wujudnya peraturan yang perlu dipatuhi dalam kumpulan masing-masing. Daripada jumlah peserta tersebut, seramai 14 orang adalah ketua kumpulan wanita dan 25 daripadanya adalah usahawan persendirian termasuk pekerja sokongan perniagaan keluarga.

Salah satu sebab mengapa lebih 40% daripada wanita bekerja tertakluk

kepada peraturan organisasi dijelaskan oleh Jabatan Pertanian (DOA) yang merupakan salah satu daripada jabatan kerajaan yang menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi wanita luar bandar. Pihak DOA meminta kumpulan wanita menyediakan peraturan kumpulan sebelum menerima bantuan daripada jabatan tersebut. Pada masa yang sama, lebih kurang jumlah peratusan yang sama bagi wanita yang bekerja tanpa sebarang peraturan yang kebanyakannya tidak termasuk dalam program bantuan kerajaan.

3) Perakaunan dan Buku simpan kira-kira

Mengikut kaji soal selidik, terdapat kurang daripada 29.5% daripada jumlah responden yang mempunyai buku perakaunan mengenai perniagaan mereka. Daripada jumlah 40 peserta bengkel, hanya 4 orang atau kurang dari 10% yang mempunyai buku rekod. Tidak ada di kalangan mereka yang yakin bahawa "buku simpan kira-kira mereka adalah yang baik". Malah, lebih kurang 22 peserta daripada jumlah 40 peserta yang hadir mengatakan kurang atau lebih berkeyakinan atas buku simpan kira-kira mereka. Maka ternyata kebanyakan usahawan-usahawan wanita luar bandar tidak berasa yakin tentang buku simpan kira-kira mereka. Walau pun pengalaman mereka adalah kurang memuaskan dari segi ini tetapi sebahagian besar daripada mereka menyedari akan pentingnya buku tersebut dalam sesuatu perniagaan. Ini nyata menunjukkan pengaruh yang diperolehi dari latihan yang terkandung dalam pelbagai program bantuan kerajaan.

Beberapa wanita menekankan bahawa kepentingan buku simpan kira-kira dengan mengiatkannya dengan program program latihan yang dihadiri. Pada umumnya, tahap kemahiran perakaunan kumpulan wanita ini masih di peringkat awal. Ini mungkin kerana latihan yang dijalani tidak dipraktikkan ataupun mereka tidak dapat memperuntukkan masa untuk berbuat demikian memandangkan kehidupan harian yang sibuk. Kadar buta huruf merupakan salah satu daripada halangan yang mengakibatkan terlewatnya amalan perakaunan dipraktikkan. Buku akaun mereka dicatatkan dalam buku. Sebagai contoh, seorang usahawan wanita yang berjaya di bawah program bantuan oleh YUM menggunakan buku nota A5, bertulisan tangan dan menggunakan pen berdakwa merah dan hitam.

4) Perancangan Kewangan

Seramai 24 daripada jumlah 40 wanita yang cuba meminimumkan kos pengeluarannya. Sebanyak lebih kurang 70% berusaha untuk mengurangkan kos pengeluaran. Walau bagaimana pun, maklumat yang berkenaan serta pengetahuan tentang pengurangan kos adalah terhad. Bagi kawalan harga atas komoditi sendiri pula, lebih dari 80% mengatakan bahawa mereka berupaya untuk menentukan harga komoditi. Akan tetapi, hakikatnya produk mereka bukan merupakan bahagian yang besar dalam pasaran menunjukkan bahawa mereka masih tidak menyedari tentang penetapan harga dengan strategik.

Dalam keadaan nyata, wanita telah tersalah faham bahawa mereka mempunyai kuasa dan/atau inisiatif dalam menentukan harga produk mereka bererti menetapkan harga komoditi yang sama dengan penjual-penjual yang lain. Mereka cepat berputus asa sekiranya produk mereka tidak habis dijual. Dengan mengambilkira tahap pengurusan dan perakaunan yang kurang memuaskan, hanya sebilangan kecil iaitu satu hingga dua orang usahawan wanita yang berupaya menentukan harga berdasarkan kepada jumlah pengeluaran, kos dan pasaran.

(6) Bagaimana mereka membelanjakan pendapatan mereka dan apa yang diharapkan?

Dari segi sokongan ahli keluarga termasuk suami, semua responden menunjukkan bahawa ahli-ahli keluarga mereka memberi sokongan yang menggalakkan khasnya apabila perniagaan mereka sangat menggalakkan. Kebanyakan usahawan wanita ingin membelanjakan pendapatan tersebut untuk ahli-ahli keluarga mereka. Hanya terdapat seorang wanita sahaja daripada 40 wanita dalam bengkel permualan mengatakan bahawa beliau ingin membelanjakan pendapatan tersebut untuk diri sendiri. Di samping itu, terdapat 11 wanita yang ingin melabur semula lebih wang yang diperolehi.

Kenyataan yang sering dikatakan ialah pelaburan dalam pendidikan anak-anak di masa depan. Akan tetapi, adalah sukar untuk menerangkan mengenai masa depan anak mereka kecuali mereka telah menyempurnakan pendidikan peringkat tinggi. Mereka hanya mengatakan bahawa terpulang kepada anak mereka untuk membuat pilihan sendiri. Tidak ada yang ingin melibatkan anak mereka dalam pertanian. Malah mereka lebih berharap bahawa anak-anak mereka dapat

memperolehi pendidikan yang tinggi dan dapat tinggal di bandar di mana kemudahan infrastruktur adalah baik dan boleh memperolehi pekerjaan yang stabil dengan gaji yang lumayan. Memandangkan kaum wanita terpaksa bekerja keras dalam persekitaran pertanian, mereka tidak ingin melihat anak-anak mereka melalui pengalaman hidup yang sukar.

4.5 IMPLIKASI-IMPLIKASI KE ATAS PELAN INDUK PEMBANGUNAN

Pembelajaran dan pengalaman yang diperolehi daripada kajian kes melalui kajian soal selidik, temuduga, dan lawatan ke tempat kajian telah dibincangkan dengan terperinci supaya satu pelan induk pembangunan untuk mempromosikan keusahawanan-keusahawanan wanita boleh diwujudkan.

4.5.1 ASAL USUL MOTIVASI

Jika perbandingan dibuat antara tujuan kejayaan dan kegagalan yang diperolehi dari kaji selidik tersebut, maka bolehlah dikatakan bahawa faktor yang menyumbangkan dan merangsangkan kejayaan perniagaan kebanyakan usahawan-usahawan wanita luar bandar ialah “menjana pendapatan “ meskipun ianya merupakan salah satu dari tujuan pasif. Keadaan ini menunjukkan bahawa permulaan perniagaan yang berdasarkan kepada kehendak dan inisiatif sendiri akan mendorong dan memotivasikan seseorang untuk terus berusaha demi menjayakan perniagaan mereka.

4.5.2 MEMBENTUK SATU KUMPULAN PERNIAGAAN

Kaum wanita diperlukan untuk membentuk kumpulan masing-masing untuk melayakkan diri sebagai kumpulan dalam KPWN yang dikendalikan oleh DOA atau untuk menerima kredit YUM. Lanjutan dari itu, kaum wanita yang mendapat bantuan kerajaan mempunyai peluang yang lebih baik dan berupaya menggunakan program kerajaan tersebut berbanding dengan mereka yang tidak menerima bantuan dari pihak kerajaan. Menurut usahawan-usahawan wanita Sabah, kebaikan yang bakal diperolehi dari pembentukan kumpulan ialah berkongsi bersama pengetahuan dan kepakaran, bertukar-tukar fikiran dan maklumat, berkongsi kerja dan meringankan beban kerja. Terdapat sebilangan wanita yang berjaya mewujudkan perniagaan persendirian selepas menerima merit kumpulan. Buat masa ini, tidak ramai kumpulan/usahawan wanita luar bandar yang menyertai dalam koperatif atau persatuan yang mana kedua-dua badan ini boleh membantu mereka pada peringkat perkembangan perniagaan pada masa akan datang. Usahawan-usahawan wanita yang ingin mewujudkan

jaringan perniagaan dan bertukar-tukar fikiran di kalangan wanita jelas menunjukkan bahawa mereka ingin memperkembangkan jaringan yang sedia ada yang terhad kepada ahli keluarga dan jiran sahaja.

4.5.3 KEPIMPINAN

Pengalaman dari lawatan ke tapak projek mengatakan bahawa “Orang kampung yang mempunyai kepimpinan akan lebih berjaya dan membangun” Kawasan yang terpencil biasanya tidak dapat dihubungi oleh pihak swasta, akibatnya program-program bantuan kerajaan tidak dapat dilanjutkan kepada mereka kecuali ketua masyarakat ingin mendedahkan orang-orangnya ke pihak luaran. Sebagai contoh, penduduk di Pulau Banggi, Kudat telah dimotivasikan meskipun mereka sukar dihubungi dari pasaran. Ketua wanita di kampung ini telah menyelaras dan menggerakkan organisasi kumpulan wanita di kampungnya dan beliau sendiri telah pergi ke Kota Kinabalu untuk mendapatkan tajaan komputer bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti wanita. Jelas menunjukkan bahawa ketua ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap penduduk wanita yang lain.

Berdasarkan kepada keputusan temuduga, maka dapat dikatakan bahawa antara ciri-ciri dan kelayakan sebagai seorang ketua adalah i) boleh dipercayai, ii) boleh membuat keputusan meskipun wujud perbelahan dan kritikan dari ahli, iii) sabar untuk meneruskan perniagaan dengan mengatasi segala halangan, dan iv) sangat aktif untuk mengambil inisiatif. Salah seorang daripada usahawan wanita yang berjaya yang telah membuat pembentangan dalam bengkel permulaan mempunyai visi yang jelas dan perancangan untuk perniagaannya. Beliau telah menunjukkan dengan yakin bahawa rancangan masa depan kumpulannya termasuklah mempelbagaikan produk, mencapai peringkat antarabangsa dan penggunaan ICT untuk 10 tahun yang akan datang. Seorang lagi pemimpin wanita di kawasan luar bandar Sabah mengatakan bahawa ciri-ciri dan kelayakan sebagai seorang ketua ialah “suka membantu orang lain, berupaya untuk memberi panduan kepada orang lain”.

4.5.4 SOKONGAN YANG ABADI

Pelaksanaan pendekatan yang sedemikian memerlukan modal yang tinggi. Keadaan ini adalah berdasarkan senario dan pendekatan diperolehi dari kaum wanita yang mendapatkan pinjaman dari organisasi kerajaan seperti YUM and AIM. Pada hakikatnya, kaum wanita memulakan perniagaan dengan bantuan pinjaman yang sedemikian. Dalam kaji soal selidik, kaum wanita telah

mengatakan ketidakpuasan hati berkenaan dengan kemudahan kredit kewangan berbanding dengan sumber-sumber yang lain. Kini, pengeluaran pinjaman YUM telah terlewat oleh kerana penstrukturan semula peruntukan bajetnya. Akibatnya, sebilangan pemohon pinjaman YUM tidak dapat memulakan perniagaannya kerana kekurangan modal meskipun lain-lain kemudahan telah tersedia seperti pasaran, kemudahan pengangkutan, latihan kemahiran, maklumat dan kelengkapan peralatan.

4.5.5 SOKONGAN KELUARGA DAN MASYARAKAT

Sokongan dari ahli keluarga memang tidak boleh diketepikan dengan kejayaan perniagaan kaum wanita. Daripada jumlah 81 jawapan yang sah daripada borang soal selidik, semua usahawan wanita mengatakan bahawa penglibatan mereka adalah disokong oleh keluarga dengan satu pengecualian yang mengatakan “hanya mengambil berat pada peringkat awal”. Ini adalah benar kerana ianya dijawab tanpa sebarang paksaan seperti kehadiran suami dan lain-lain ahli keluarga. Tambahan pula, lebih kurang 80% daripada jumlah wanita mengatakan “sangat perlu”. Oleh itu, sokongan keluarga adalah perlu walaupun bukanlah syarat yang semestinya. Walau bagaimana pun, seseorang usahawan wanita yang berjaya mengatakan suaminya adalah tidak pasti tentang potensinya turut menyokongnya apabila melihat isterinya berjaya dalam perniagaan tersebut.

4.5.6 PROGRAM SOKONGAN MESRA-PENGGUNA

Usahawan-usahawan wanita ingin program dilaksanakan dengan jarak yang “terdekat” . Ini bermakna program dan perkhidmatan yang diberikan haruslah berdekatan dari segi geografikal dan mudah dihubungi oleh kumpulan sasaran. Program yang diperlukan oleh kumpulan/usahawan wanita luar bandar adalah yang mesra-pengguna seperti “selamat datang”, “semua orang inginkan perkhidmatan tersebut tanpa silu dan segan”. Mereka juga meinginkan sesuatu yang memuaskan hati. Ini bermakna kumpulan/usahawan wanita memerlukan bantuan diberi sepanjang perniagaan mereka. Kebanyakan usahawan yang berjaya mengatakan perasaan penglibatan dalam sesuatu yang mendatangkan pulangan tanpa mengira halangan yang pernah dilalui. Demi untuk memastikan semua pendapat penting ini diselaras dan digabungkan ke dalam program pembangunan untuk wanita luar bandar pada masa akan datang, perkhidmatan sepatutnya dibekalkan ke tempat-tempat yang mana wanita luar bandar berada. Perkhidmatan yang mesra dan praktikal akan memperbaiki pencapaian wanita luar bandar ke arah program yang bakal dijalankan.

4.5.7 CONTOH KEJAYAAN


Wanita yang berjaya bukan setakat perlu menggalakkan mereka yang ingin memulakan perniagaan tetapi juga terus memberi galakan berterusan kepada mereka yang telah berjaya memperolehi hasil perniagaan. Sebagai contoh, terdapat sebilangan wanita bandar yang berjaya sanggup menyumbangkan pendekatan membangunkan ekonomi kepada wanita luar bandar. Dari segi ini, keupayaan mereka yang komprehensif, maklumat, pengalaman dan jaringan yang sedia kukuh di samping pengalaman mereka di kawasan luar bandar boleh menyumbangkan pengetahuan dan membantu kaum wanita luar bandar. Maka mereka patut digunakan sebagai contoh kejayaan untuk menggalakkan keusahawanan wanita luar bandar. Mereka juga boleh berperanan sebagai penasihat kepada kumpulan contoh wanita luar bandar. Sekiranya ceramah motivasi diberikan bukan setakat di kawasan Kota Kinabalu malah pelbagai tempat di Sabah, maka wanita akan digalakkan untuk memulakan perniagaan dan mengwujudkan kepimpinan di kalangan mereka.

BAB 5: AGENSI-AGENSI SOKONGAN

5.1 SISTEM SOKONGAN KEPADA AKTIVITI-AKTIVITI WANITA LUAR BANDAR

5.1.1 GAMBARAN KESELURUHAN

Jabatan dan agensi kerajaan serta NGO merupakan badan yang aktif bagi menyokong dan membantu penduduk luar bandar. Jabatan Pertanian, salah satu daripada jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (KPIM) telah melaksanakan projek untuk membantu wanita luar bandar. Antara lain projek yang dijalankan adalah Projek Keluarga Tani (PKT) yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan program Kumpulan Petani Wanita Maju (KPWM) untuk menentukan usahawan wanita. Di samping itu, Yayasan Usaha Maju (YUM), salah satu yayasan pembiayaan kewangan secara mikro yang di bawah KPIM juga membekalkan kredit-mikro hanya kepada usahawan wanita yang miskin.



(Sumber Data: Disediakan Oleh Pasukan Pengkaji)

Nota: Garisan yang kasar menunjukkan program sokongan yang difokus secara langsung kepada wanita.

Rajah 5-1 Sistem Sokongan Agensi Kerajaan yang sedia ada untuk Membantu wanita luar bandar Sabah

Projek-projek kerajaan yang sedang dilaksanakann yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar dalam sektor yang berkaitan dengan pertanian adalah ditunjukkan dalam Jadual 5-1. Pada umumnya, kebanyakan projek menumpukan sasaran isirumah kawasan luar bandar kecuali Projek Keluarga Tani dan Program Kumpulan Petani Wanita Maju yang dilaksanakan oleh DOA serta projek YUM.

Jadual 5-1 Program Kerajaan Utuk Menghapus Kemiskinan dan Peningkatan Taraf Hidup Penduduk Luar Bandar di Sabah

Nama organisasi	Program untuk menghapus Kemiskinan
DOA	<ul style="list-style-type: none"> - Subsidi pertanian jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang - Subsidi penanaman padi - Skim bantuan pekebun-pekebun kecil - Skim pemulihan penanaman - Projek Keluarga Tani - Program Kumpulan Petani Wanita Maju
KPD	<ul style="list-style-type: none"> - Perladangan Kontrak untuk membasmi kemiskinan - Pemasaran produk/hasil pertanian luar bandar - Latihan untuk kumpulan sasaran - Membekalkan kredit luar bandar - Kemudahan pemprosesan di kawasan luar bandar
YUM	- Program Skim Pinjaman Umum
DOF	<ul style="list-style-type: none"> - Skim bantuan pembinaan kolam ikan - Skim bantuan untuk nelayan - Latihan untuk nelayan
KPLB	<ul style="list-style-type: none"> - Projek-projek pembangunan yang minor - Projek pemulihan kampung - Projek Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) - Projek Pembangunan Besepadu Luar Bandar Sabah
Lembaga Industri Getah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> - Skim Penanaman Semula Getah - Penanaman semula dan penanaman baru getah
DOVSAI	<ul style="list-style-type: none"> - Skim Bantuan Kerbau - Projek penternakan haiwan untuk pekebun-pekebun kecil - Projek lembu tenusu - Skim penternakan kambing biri-biri - Skim pengagihan itik
KKPDN (= KO-NELAYAN)	<ul style="list-style-type: none"> - Skim bantuan nelayan - Bantuan asas pembangunan untuk pembangunan nelayan - Skim bantuan perumahan nelayan
Jabatan Pengairan dan Saliran	<ul style="list-style-type: none"> - Menaik tarafkan sawah padi - Program pengairan kecil

(Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

Projek –projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi tertentu bukan setakat memfokuskan kepada wanita tetapi wanita merupakan salah satu daripada kumpulan penerima faedah. Antara projek yang disebutkan ialah Projek Perladangan Kontrak yang dilaksanakan oleh Korporasi Pembangunan Desa (KPD), “aquaculture” dan projek pemprosesan produk ikan oleh Jabatan Perikanan (DOF) dan projek perladangan binatang ternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (DOVSAI). Semua Jabatan dan agensi tersebut adalah di bawah KPIM yang merupakan penggubal dasar dan menyelaras peruntukan belanjawan dalam bidang pertanian (termasuk industri perikanan dan penternakan) dan industri makanan.

Memandangkan wanita juga terlibat dalam pembuatan kraftangan yang termasuk penggunaan sumber pertanian dan perikanan, maka bantuan untuk kraftangan juga diberikan. Dari segi pembuatan kraftangan, badan kerajaan yang terlibat termasuklah Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (PKKM), KPD, Unit Pembangunan Masyarakat dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan Negeri Sabah (KEMAS) dan Perbadanan Pelancongan Sabah yang membantu kumpulan wanita dari segi teknologi pengeluaran, penjualan dan pemasaran produk tersebut. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB) mempunyai program bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menggalakkan industri luar bandar supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan, ini termasuklah hasil kraftangan, pemprosesan hasil pertanian dan “aquaculture”. Program ini bukanlah setakat memfokuskan kepada sasaran wanita, tetapi kaum wanita termasuk dalam kumpulan penerima faedah program-program tersebut.

Isu-isu wanita pada umumnya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Wanita yang di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri. Buat masa ini, jabatan ini tidak mempunyai program khas yang memfokuskan sasaran wanita luar bandar, akan tetapi, ianya mengendalikan pusat perkhidmatan untuk wanita dan juga menganjurkan kursus latihan gender. Semua agensi negeri ini adalah di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (EPU) yang kemudiannya menggubal dasar pembangunan negeri dan mengagihkan peruntukan belanjawan kepada kementerian tersebut. Manakala Institut Kajian Pembangunan (IDS) pula menjalankan penyelidikan dan perancangan serta membekalkan latihan yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar.

Selain dari agensi negeri, terdapat juga agensi kerajaan persekutuan yang aktif dalam membantu penduduk luar bandar. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu dalam pemasaran produk-produk pertanian,

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) pula membantu dalam pembangunan teknologi pemprosesan produk pertanian. KEMAS memfokuskan kepada peningkatan taraf hidup dan latihan kemahiran galakan pendapatan melalui program kajian sepanjang masa yang tidak formal. Kesemuanya bukan setakat menumpukan sasaran kaum wanita, akan tetapi, kebanyakan daripada pesertanya adalah kaum wanita.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan institusi kewangan dan institusi bukan kerajaan boleh memberikan bantuan kepada wanita luar bandar. Dari segi bantuan kewangan untuk usahawan wanita luar bandar, selain dari YUM, lain-lain institusi seperti AIM, SCC, MARA dan TEKUN, merupakan institusi kewangan-mikro yang telah ditubuhkan dengan inisiatif oleh kerajaan persekutuan. Dalam isu persekitaran pula, organisasi bukan kerajaan seperti “Partners of Community Organizations, Sabah” (PACOS) mempunyai program pembangunan masyarakatnya. Terdapat juga lain-lain organisasi wanita yang menyokong usahawan-usahawan wanita. Walau bagaimana pun, usaha mereka adalah lebih ditumpukan kepada wanita kawasan bandar yang berada di tahap berniaga yang agak stabil.

5.1.2 AGENSI-AGENSI DAN PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN

(1) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN NEGERI SABAH (KPIM)

KPIM mempunyai kawalan ke atas industri pertanian, penternakan dan perikanan berdasarkan kepada Dasar Pertanian Kebangsaan Ketiga (1998-2010) dan Dasar Pertanian Sabah (SAP 2: 1999-2010). Terdapat empat(4) jabatan dan empat (4) agensi pelaksana di bawah naungan KPIM. Setakat ini, Kajian ini hanya melibatkan DOA, DOF, KPD, dan YUM. Peranan utama KPIM yang dikendalikan oleh 82 kakitangan adalah untuk mengetuai pembentukan dasar dan menyelaras peruntukan belanjawan di kalangan jabatan dan agensi di bawahnya. Dasar yang berkaitan digubal melalui Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Setiausaha Tetap sebagai pengerusi dan agensi-agensi yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa tersebut.

Setiap agensi pelaksana mempunyai rancangan lima tahun (2001-2005) masing-masing yang merangkumi rencana kerja anggaran belanjawan yang selaras dengan Rancangan Pembangunan Kebangsaan Kelapan.

(2) JABATAN PERTANIAN NEGERI (DOA)

Pelaksanaan projek DOA adalah berdasarkan kepada SAP2 dan dasar pelaksanaan DOA. Objektif utama jabatan ini ialah peningkatan pengeluaran makanan. Ia membekalkan perkhidmatan dan teknologi pertanian yang bertujuan untuk mewujudkan keluarga tani yang sistematik dan berdaya saing. Di samping itu, galakan “agro-tourism”, ke arah keluarga tani yang berorientasikan komersial dan mengurangkan kemiskinan juga merupakan tujuan jabatan ini.

Selain itu, fungsi utama DOA ialah melatih keluarga-kelurga tani, belia dan kakitangan, menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kualiti makanan dan teknologi pembungkusan, kuarantin dan juga usaha pengembangan. Ia mempunyai 1,781 kakitangan, sebuah pusat penyelidikan dan tiga buah pusat latihan.

Cawangan pengembangan melaksanakan lima (5) projek melalui 25 pejabat cawangannya yang terletak di daerah masing-masing. Antara projek yang dilaksanakan ialah: (i) Skim subsidi tanaman jangka pendek, (ii) Skim bantuan pekebun kecil bagi penanaman kelapa sawit, kelapa, koko, kopi dan penanaman buah-buahan untuk mendapatkan skel pulangan ekonomi (economics of scale), (iii) Skim subsidi tanaman jangka panjang, (iv) skim penstrukturan semula tanaman seperti kelapa, koko, dan buah-buahan, dan (v) projek pembangunan keluarga tani. Projek Kemajuan Tani dilaksanakan untuk membantu kaum wanita dan 212 kakitangannya adalah kaum wanita. Sebanyak RM0.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek untuk tahun ini.

Sistem DOA untuk mewujudkan usahawan wanita boleh dibahagikan kepada dua bahagian. PKT merupakan peringkat permulaan untuk wanita luar bandar memulakan aktiviti galakan pendapatannya. Bagi mereka yang telah berjaya dalam PKT dan ingin menjadi usahawan akan terus menyertai program Kumpulan Petani Wanita Maju (KPWM). Program Kumpulan Tani melalui cawangan pengembangannya menyelaras lebih daripada 25 wanita dalam satu kumpulan dan membekalkan latihan peningkatan taraf hidup keluarga dan kemahiran galakan pendapatan. Kursus selama empat(4) hingga enam(6) minggu tersebut mempunyai modul yang wajib seperti kesihatan keluarga, peranan ibu-bapa, motivasi keluarga, pendidikan pengguna, keluarga dan perniagaan serta perladangan sayur-sayuran. Modul opsyennya pula adalah pemprosesan produk pertanian, menjahit, kraftangan dan hasil kerja seni. Kakitangan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan PKT ialah seramai 212 wanita. Objektif

program ini ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga tani hingga melebihi RM600 setiap isirumah untuk setiap bulan. Sebanyak 28 kursus telah dijalankan sepanjang tahun 2002. Satu lagi kursus yang dijalankan ialah kursus memasak selama sehari dan telah diadakan 50 kali dalam setahun. Menjelang penghujung tahun 2001, ia telah melibatkan 11,088 wanita dalam 942 kumpulan. (Jadual 5-2).

Wanita aktif yang telah lulus dalam PKT dan lain-lain wanita yang memenuhi kriteria pendapatan isirumah di bawah garis kemiskinan tetapi mencapai pendapatan per kapita melebihi RM100 boleh membentuk KPWM, satu kumpulan yang melebihi lima orang, akan layak untuk program bantuan KPWM. Bantuan ini termasuklah kursus latihan tambahan, kursus perniagaan wanita selama 10 hari yang baru diperkenalkan untuk rancangan latihan pengurusan, perakaunan dan perniagaan. Pada tahun ini, sebanyak empat kursus perniagaan akan diadakan. Mereka yang menyertai KPWM akan layak untuk menyewa peralatan, bantuan perniagaan yang umum, dan jaringan untuk mendapatkan bantuan dari agensi yang lain. Setakat ini, program KPWM meliputi 725 wanita dalam 103 kumpulan.

Dari segi latihan, DOA melatih ketua kakitangan pengembangan di setiap pejabat daerahnya sebagai seorang pelatih yang kemudian akan melatih kakitangan pengembangan yang akan memberi latihan kepada wanita luar bandar. Kursus latihan yang bakal dihadiri adalah diputuskan di peringkat Ibu Pejabat. Peruntukan tahun ini ialah RM250,000, satu amaun yang berkurangan berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.

Memandangkan penerima faedah bagi projek PKT dan KPWM menghasilkan produk yang sama dalam pasaran yang sama telah mengakibatkan lambakan produk di pasaran. Dengan ini, bagi KPWM, pihak DOA cuba mengkoordinasikan produknya untuk menyesuaikan konsep satu zon satu produk. Sementara itu, ahli kumpulan KPWM yang telah memperolehi pengalaman dan pendapatan perniagaan adalah digalakkan untuk berdikari dan meninggalkan kumpulan masing-masing. DOA juga menawarkan lawatan sambil belajar kepada usahawan-usahawan wanita yang maju untuk melawat dan mempelajari dari lain-lain usahawan yang berjaya.

Jadual 5-2 Kumpulan dan Ahli PKT DOA (sehingga Disember 2001)

KAWASAN	DAERAH	BILANGAN KUMPULAN	BILANGAN AHLI
1. KUDAT / BAHAGIAN PANTAI BARAT	1. Kudat	14	185
	2. Matunggung	21	228
	3. Pitas	31	421
	4. Kota Marudu	43	514
	5. Ranau	62	738
	6. Kota Belud	90	1,010
	7. Tuaran	102	1,479
	8. Penampang/Kota Kinabalu	29	318
	9. Papar	85	805
JUMLAH:		477	5,698
2. HILIR/HULU BAHAGIAN PEDALAMAN	1. Tambunan	23	244
	2. Keningau	33	336
	3. Sook	13	172
	4. Nabawan	31	355
	5. Tenom	61	741
	6. Sipitang	43	465
	7. Kuala Penyu	24	257
	8. Beaufort	52	627
JUMLAH:		280	3,197
3. BAHAGIAN SANDAKAN	1. Sandakan	24	246
	2. Beluran	17	202
	3. Kinabatangan	26	287
	4. Telupid / Tongod	21	222
JUMLAH :		88	957
4. BAHAGIAN TAWAU	Tawau	26	281
	Kunak	26	392
	Semporna	25	263
	Lahad Datu	20	300
JUMLAH :		97	1,236
JUMLAH KSELURUHAN:		942	11, 088

(Sumber Data : DOA)

(3) KORPORASI PEMBANGUNAN DESA SABAH (KPD)

KPD ditubuhkan oleh kerajaan negeri pada tahun 1970an dengan misi utamanya untuk mengurangkan kemiskinan di kawasan luar bandar. Pada peringkat permulaan, peranannya ialah menukar tanah-tanah terbiar ke ladang pertanian dan menempatkan penduduk luar bandar yang miskin menjadi petani-petani yang memiliki tanah. Buat masa ini, ia memfokuskan kepada mengubah aktiviti galakan pendapatan yang berkaitan dengan pertanian petani-petani miskin kepada peringkat yang berdaya maju dan berkekal dari segi komersial. KPD juga bertujuan untuk menjadi organisasi yang berdaya maju dari segi komersial

menjelang 2010 yang mana kini ia adalah dalam proses mengurangkan saiz anggotanya. Setakat ini, KPD berupaya untuk membiayai perbelanjaannya dari pendapatan operasi dimana sebanyak 90% pendapatan diperolehi dari unit penternakan ayam. Secara berperingkat, KPD bercadang untuk meneruskan projek-projek secara berdikari tanpa bergantung kepada subsidi kecuali bagi program latihan. Dalam proses ini, ia juga cuba mendapatkan kerjasama dengan sektor swasta dan NGO.

Peruntukan belanjawan KPD ialah sebanyak RM6 juta setiap tahun dan ia mempunyai seramai 614 kakitangan. Daripada jumlah tersebut, seramai 200 orang kakitangan adalah ditempatkan di ibu pejabat. KPD juga mempunyai Unit pembangunan desa, bahagian perkhidmatan kumpulan, unit latihan dan unit penternakan ayam. Bahagian pembangunan desa merupakan cabang pelaksana dan ianya dibahagikan kepada lima(5) kumpulan pengurusan untuk meliputi lima (5) bahagian/unit KPD yang terdiri dari 20 pejabat cawangan KPD. Terdapat sebanyak 15 pusat pemprosesan dan 19 pusat ladang contoh.

Aktiviti-aktiviti utama KPD ialah Perladangan Secara Kontrak. Sokongan program ini dikenali sebagai “pakej” kerana ia merangkumi peringkat pengeluaran sehinggalah ke peringkat penjualan produk. Ianya merupakan pakej sokongan yang meliputi pengeluaran, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran dan pengagihan. Bentuk sokongan yang diberikan ialah melalui latihan teknologi, pinjaman dalam bentuk input dan simpanan wajib peserta. Kumpulan sasaran untuk projek ini bukanlah kaum wanita tetapi ianya melibatkan wanita sebagai sebahagian dari keluarga petani kontrak. Terdapat sebanyak 73 projek perladangan kontrak dengan disertai oleh 16,551 petani perladangan kontrak yang mana 3,516(21.2%) daripadanya mendaftar atas nama kaum wanita. (Jadual 5-3) Tanaman yang diusahakan ialah jagung, cendawan, tembakau, kelapa sawit, kacang tanah, kopi, ubi kentang, rotan, buah-buahan dan yam. Di samping itu, terdapat juga petani kontrak yang melibatkan diri dalam poultry, lebah madu dan penternakan kambing. Pengenalan peralatan mesin juga merupakan salah satu daripada projek perladangan kontrak. Baru-baru ini, sistem perkongsian kos untuk mengangkut hasil produk telah dimulakan.

Bagi keluarga perladangan kontrak, KPD mempunyai projek kraftangan untuk membantu ahli keluarganya untuk menjana pendapatan tambahan. Ia tidak menfokuskan kepada kaum wanita, akan tetapi semua peserta yang terlibat adalah wanita. Kakitangan KPD menggalakan peserta menghasilkan kraftangan yang

berpotensi di pasaran. Contoh kraftangan akan ditunjukkan kepada peserta dan hasil tersebut akan dipungut semasa lawatan yang diadakan iaitu seminggu sekali. Hasil kraftangan ini akan dijual di pusat kraftangan.

KPD amat menekankan fungsi pemasarannya. Setiap kumpulan pengurusan pembangunan mengawal aktiviti-aktiviti di bahagian pemasaran di unit masing-masing dan ianya dilaporkan kepada Bahagian Pemasaran Ibu Pejabat. Bahagian Pemasaran KPD akan membeli tanaman dan produk pertanian dari petani-petani kontraknya dan unit-unit yang lain. Produk tersebut akan dijual di pasaran (Tamu KPD dan Tamu yang lain), kepada orang tengah dan pemborong. Produk tersebut dihantar oleh pejabat daerah masing-masing dan ianya akan diagihkan di Ibu Pejabat KPD di Kota Kinabalu yang berfungsi untuk membungkus, menyimpan dan mengangkut produk tersebut ke pasaran. KPD merupakan agensi pemasaran di bawah KPIM. Untuk mengukuhkan fungsi ini, KPD juga bekerjasama dengan FAMA. KPD memiliki sebuah kilang pemprosesan makanan iaitu Syarikat DESA yang kini telah diswastakan sejak 1994. Meskipun demikian, KPD masih menjalinkan kerjasama dengan syarikat tersebut dari segi pembelian produk yang berkaitan dengan pertanian.

Jadual 5-3 Penyertaan \wanita Luar Bandar dalam Program Perladangan Kontrak KPD

Wilayah/ Daerah	Bilangan projek Perladangan Kontrak	Jumlah peserta	Bilangan peserta wanita	Peratus Penyertaan wanita (%)
Pantai Barat	9	726	113	
Beaufort / Kuala Penyu	5	637	96	
Sipitang	4	360	83	
Jumlah kecil	18	1,723	292	16.9%
Kota Marudu	4	1,063	212	
Kudat	2	1,065	169	
Pitas	2	1,225	111	
Pulau Banggi	1	301	20	
Kota Belud	4	812	71	
Ranau	7	879	180	
Jumlah kecil	20	5,345	763	14.2%
Sugut	1	926	248	
Sandakan / Labuk	3	604	212	
Hulu Kinabatangan	2	927	191	
Hilir Kinabatangan	4	461	108	
Jumlah kecil	10	2,918	759	26.0%
Tambunan	4	436	121	
Keningau	2	593	152	
Tenom	3	767	227	
Nabawan / Pesiangan	4	910	164	
Sook	3	2,366	633	
Jumlah kecil	16	5,072	1,297	25.5%
Lahad Datu	2	534	211	
Kunak	1	184	45	
Semporna	1	247	41	
Tawau	3	370	93	
Jumlah kecil	7	1,335	390	29.2%
Poultry (Broiler)				
Pantai Barat	1	101	11	
Klias	1	57	4	
Jumlah kecil	2	158	15	9.4%
Jumlah keseluruhan	73	16,551	3,516	21.2%

(Sumber Data : KPD)

Satu lagi fungsi KPD ialah mengadakan latihan. Pusat Latihan Belia KPD OISCA di Tenom merupakan pusat latihan yang menawarkan kursus selama satu tahun mengenai pertanian, pemprosesan makanan dan penternakan haiwan ternakan. Pusat ini menerima 50 pelajar setiap tahun dan 30% daripada mereka adalah wanita. Akan tetapi, penerimaan terhadap kaum wanita adalah terhad.

(4) YAYASAN USAHA MAJU (YUM)

YUM merupakan merupakan replica kepada projek perintis kewangan-mikro Grameen Bank yang dikendalikan oleh KPD dan IDS bermula sejak 1988 untuk membekalkan kredit kepada penduduk miskin dan kumpulan penduduk termiskin(Hardcore poor). Ia menjadi institusi kewangan mikro yang berasingan dan diletakkan di bawah bidang kuasa KPIM pada tahun 1995. Kumpulan sasaran YUM adalah kaum wanita yang berumur dari 18 hingga 45 tahun yang mana pendapatan isirumah ialah RM315(atau pendaptan per kapita RM64). Wanita ini akan dibahagikan kepada kumpulan dan diberikan kredit. Ahli-ahli kumpulan peminjam ini dimestikan untuk simpanan wajib. Pada penghujung 2001, jumlah penerima faedah atau peminjamnya mencapai 13,821 orang dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan ialah RM 42.5 juta. Kadar pembayaran balik pinjaman ialah 98% di mana 70% daripadanya dibayar oleh wanita kawasan luar bandar manakala bakinya 30% terdiri dari wanita di kawasan bandar. YUM mempunyai seramai 167 kakitangan, daripada jumlah ini, seramai 129 anggota yang bertanggungjawab secara langsung dalam kredit dan simpanan dan 20 orang daripada anggota ini adalah wanita.

Data berikut menunjukkan seminar usahawan wanita peringkat negeri yang menggambarkan aktiviti-aktiviti YUM pada pertengahan tahun 2001.

	<u>Keputusan Program</u>	<u>Bersih</u>
- Jumlah ahli	13, 354	(7,704)
- Kampung	1,055	(967)
- Kumpulan dibentuk	2,169	(1,906)

	<u>Jumlah pinjaman dikeluarkan</u>	<u>Jumlah Penerima pinjaman</u>	<u>Kadar bayar balik</u>
SPA	RM41, 688,080	24,452	98.45%
SPA2	RM723, 000	56	90.66%
SPP	RM10, 600	20	100.00%

Kesan Program

- (1) Penyelidikan IDS (1991, 1992, 1993) menunjukkan bahawa ≥ 642 pendapatan keluarga/ahli melebihi sempadan garis kemiskinan.
- (2) Setiap ringgit yang dipinjam kepada ahli akan dilaburkan semula ke pendapatan mereka dengan purata sebanyak RM2.92.
- (3) Analisis YUM menunjukkan bahawa kos setiap ringgit yang dipinjam berkurangan dari 76 sen (1993) ke 45 sen (1995). Penerima faedah meningkat dari RM5.31 (1993) ke RM5.90 (1995).

Walau pun telah dibuktikan bahawa YUM telah menyumbangkan usaha dalam membasmi kemiskinan, ia masih menghadapi masalah kewangan. Buat masa ini, ianya juga termasuk dalam program penstrukturan semula badan-badan berkanun kerajaan negeri. Semasa penubuhan YUM, adalah dirancang bahawa kos operasi ditanggung oleh kerajaan negeri manakala dana pinjaman perlu dijana dari sektor swasta sebagai pinjaman berfaedah rendah (soft loan). Walau bagaimana pun, disebabkan oleh kesan Krisis Ekonomi Asian 1997, maka usaha menjana pinjaman turut terjejas dan hanya sejumlah kecil sahaja yang boleh dijanakan melalui Sabah Credit Corporation dan Grameen Bank Foundation yang disokong oleh CitiBank. Belanjawan untuk kos operasi yang dibiayai oleh kerajaan negeri juga telah dikurangkan. Bagi tahun 2002, hanya RM 2 juta sahaja diluluskan yang mana jumlah ini hanya cukup untuk menampung separuh dari jumlah kos operasi. Justeru itu, YUM terpaksa menutup sembilan cawangannya tahun ini dan bakinya sebanyak tiga belas cawangan dikekalkan. Oleh kerana sebab yang tidak dapat dielakkan, YUM tidak mengeluarkan apa-apa pinjaman tahun ini.

Sebaliknya, ini mungkin tiba masanya untuk menguatkuasakan susulan dan keupayaan penilaian. Cawangan YUM adalah diketuai oleh pengurus cawangan, dan masing-masing mempunyai seorang akauntan yang semuanya terdiri dari kaum lelaki yang menyelia pinjaman dan mengadakan perjumpaan dengan peserta setiap minggu. Buat masa ini, tugas utama penyelia pinjaman ialah untuk menghadiri mesyuarat pusat (mesyuarat dengan kumpulan peserta) dan mengurus hal-hal pembayaran balik pinjaman dan simpanan peserta. Memandangkan pejabat cawangan tidak mempunyai komputer, maka penyelia pinjaman banyak menghabiskan masa dalam mencatat rekod, perakaunan dan dokumen laporan secara manual. Keadaan sebegini perlu diperbaiki dan sekiranya komputer diperkenalkan di cawangan untuk hal-hal pentadbiran, maka banyak masa boleh digunakan untuk membuat susulan dan penilaian kumpulan sasaran.

YUM mempunyai pusat latihannya sendiri yang terletak di cawangan Kota Marudu. Sebelum ini, Unit latihan tersebut digunakan untuk menjalankan latihan kepada wakil-wakil penerima faedah (dikenali sebagai ketua pusat) dan kakitangan YUM, akan tetapi oleh kerana kekangan kewangan, unit ini telah dibubarkan dan kini latihan dan kursus adalah diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran dan Personnel.

(5) JABATAN PERIKANAN (DOF)

DOF mengawal aktiviti perikanan, aquaculture, dan persekitaran marin di negeri Sabah. Jabatan ini bertujuan untuk mengekalkan industri tersebut dengan pertumbuhan dan potensinya ke arah pemodenan dan komersialisai. Di samping itu, DOF juga memberi panduan dan bantuan kepada nelayan-nelayan, petani-aqua dan masyarakat perikanan. Peruntukan belanjawan tahunan jabatan ini ialah RM12 juta dan mempunyai 423 kakitangan. Jabatan ini terdiri dari bahagian perancangan dan kewangan, akaun, pentadbiran, pengukuhan aquaculture, penternakan ikan air tawar, kawalan sumber, penyelidikan dan pembangunan, latihan dan pengurusan maklumat.

Skop tanggungjawab DOF merangkumi memberi kuasa dan perlesenan, latihan menternak ikan, aquaculture dan pemprosesan makanan, kawalan kualiti ke atas produk perikanan, pembangunan teknologi dan perlindungan persekitaran. Kakitangannya dilatih dengan kedua-dua pengurusan dan teknologi penternakan ikan. Kumpulan sasaran projek DOF bukanlah kaum wanita tetapi terdapat peserta wanita dalam beberapa projeknya seperti “aquaculture”, dan projek pemprosesan belacan yang diadakan di pusat latihan aquaculturenya.

Peserta-peserta untuk projek “aquaculture” menerima kemudahan latihan dengan percuma. Keputusan dari bengkel menunjukkan bahawa kekuatan dan peluang DOF ialah sumber laut yang kaya dan tapak projek yang terdapat di dalam negeri di samping kemudahan latihan yang baik. Walau bagaimanapun, kekurangan kakitangan yang terlatih dan belanjawan yang terhad menjejaskan pelaksanaan projek-projeknya. Peningkatan kemudahan pemprosesan makanan dan bantuan pemasaran kepada kumpulan sasaran adalah diperlukan. Adalah dicadangkan agar bidang peningkatan kapasiti termasuk peningkatan keupayaan kakitangan, sokongan kewangan, penerokaan pasaran dan jaringan kerjasama di kalangan agensi yang terlibat sangat-sangat diperlukan.

(6) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH (KPLB)

Kementerian ini bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program pembangunan luar bandar berdasarkan kepada rangka Pelan Pembangunan Perspektif(2001 –2010) dan Pelan Pembangunan Luar Bandar Sabah. Seramai 143 kakitangan di ibu pejabat KPLB yang

bertanggungjawab untuk menyelia hal-hal pembangunan daerah dan penghapusan kemiskinan. Cawangan wilayahnya ialah pejabat-pejabat daerah.

KPLB mengendalikan hal-hal pentadbiran daerah dengan melantik pekerja masyarakat dan meluluskan pembentukan Jawatankuasa Pengerusi Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Ia juga mempunyai program pembangunan sumber manusia untuk masyarakat.

Fungsi KPLB dari segi pembasmian kemiskinan merangkumi beberapa aspek. Antaranya ialah menyelia dan menyelaras program membasmi kemiskinan, sebagai urusetia bagi jawatankuasa pembangunan luar bandar, kaji selidik untuk kumpulan miskin dan kumpulan termiskin, mengawal dan menggariskan data kemiskinan serta melaksanakan ladang untuk kumpulan termiskin.

Sebahagian daripada program membasmi kemiskinan adalah dilaksanakan oleh Unit Industri Cottage dan Keusahawanan. Unit ini diperuntukkan belanjawan bagi program Pembangunan Usahawan dan Program Satu Daerah Satu Industri. Program Pembangunan Usahawan terdiri dari dialog usahawan, kursus latihan dan Pusat Pembelajaran Masyarakat. Antara usaha dalam Program Dialog Keusahawanan ialah melawat kawasan luar bandar dan mewujudkan forum bagi usahawan yang berpotensi dan agensi sokongan untuk menasihati dan bertukar-tukar maklumat. KPLB juga mengendalikan kursus latihan kepada penduduk luar bandar bagi memberi pengalaman, pemahaman dan pendedahan teknologi baru. Kursus Pemprosesan Makanan mengajar tentang peyediaan produk ikan/marin, makanan ringan yang dibuat dari pisang, pastri, minuman berasa dan beras pulut. Mereka yang tamat kursus latihan boleh mengambil bahagian dalam pasar mingguannya.

Manakala Program Satu Daerah Satu Industri menekankan aktiviti ekonomi di peringkat daerah dengan mengalakkan lebih banyak penyertaan usahawan tempatan dengan menumpukan kepada pembangunan tanah terbiar. Ini termasuklah pengkulturan mengenai rumpai laut, pemprosesan kerepek pisang, dan aktiviti bercucuk tanam. Program ini tidak menumpukan kepada wanita sahaja. Walau bagaimanapun, ramai peserta wanita yang terlibat. Program ini juga merupakan program kerjasama dengan agensi yang lain seperti DOF dan FAMA. Tumpuannya ialah dari segi pemasaran produk yang berpotensi. KPLB juga mewujudkan Tamu-Niaga di sepanjang jalan utama untuk menampung keperluan pasaran dan produk tempatan.

KPLB mempunyai peruntukan belanjawan yang banyak dari kerajaan negeri maupun kerajaan persekutuan. Peruntukan belanjawan dalam Rancangan Malaysia KeLapan(2001-2005) ialah sebanyak RM12.45 juta di mana sebanyak RM 3 juta adalah digunakan untuk Pembangunan Usahawan dan Program Satu daerah Satu Industri.

(7) JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH (JHEWA)

JHEWA Merupakan unit di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna. Tujuan penubuhannya ialah menggalakkan kemajuan status wanita berdasarkan garis panduan dalam Dasar Kebangsaan Wanita. Unit ini mempunyai 15 kakitangan (tiga kakitangan profesional) tetapi pelaksanaan projek dijalankan melalui jawatankuasa kecil yang ahlinya terdiri dari unit-unit yang berbeza di bawah kementerian tersebut. Ia melaksanakan pengumpulan penyelidikan dan maklumat mengenai hal-ehwal wanita untuk input dasar, mengadakan latihan dan kursus wanita/gender serta berperanan sebagai urusetia kepada Majlis Penasihat Wanita Sabah. Ia mempunyai satu pusat perkhidmatan untuk melatih dan memberi nasihat kepada kaum wanita yang dibiayai oleh jabatan persekutuan. Belanjawan tahunan JHEWA adalah RM0.1 juta sejak tahun 2000.

Skop latihan dan seminar bagi wanita/gender merangkumi topik gender, pendidikan, undang-undang dan latihan usahawan. Ianya dilaksanakan sebanyak dua belas kali dalam setahun dan persertanya terdiri dari pentadbir-pentadbir tempatan, kakitangan NGO dan ahli JKKK.

Output yang diperhatikan dari Bengkel Penilaian Diri menunjukkan bahawa peningkatan kapasiti adalah perlu untuk meningkatkan fungsi penyelidikan dan pengumpulan data serta pengkhususan kerja kakitangan. Kekurangan pusat latihan dan kemudahan kenderaan juga merupakan isu yang kritikal. Para peserta merasakan bahawa peranan wanita tidak diiktirafkan sepenuhnya oleh penggubal dasar. Sebaliknya, mereka merasakan bahawa kekuatan JHEWA ialah mewujudkan jaringan dan kerjasama dengan agensi kerajaan dan NGO. JHEWA juga mempunyai rancangan untuk menubuhkan pusat khidmat setempat (one stop center) untuk usahawan wanita yang membantu usahawan yang baru maupun usahawan yang telah matang dalam perniagaan.

(8) UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI (EPU)

EPU adalah bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar kerajaan negeri dan menggubal strategi untuk dasar tersebut. Ia mentadbir dan mengurus analisis data ekonomi makro dan wilayah dan penyelarasan peruntukan belanjawan serta pengswastaan. Organisasi ini mempunyai seramai 80 kakitangan dan 60% daripadanya ialah kaum wanita. Ia tidak melaksanakan sebarang projek, dengan ini tidak ada peruntukan belanjawan diberikan kepada EPU. Belanjawan pembangunan negeri untuk tahun 2002 adalah berjumlah RM 490 juta atau 20% kurang daripada peruntukan berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

Sebahagian daripada dasar pembangunan negeri Sabah ialah menggalakkan penyertaan wanita dari segi pembangunan dan pengukuhan keupayaan peranan wanita. Walau bagaimana pun, data statistik negeri tidak menunjukkan data pembahagian mengikut jantina. Maka adalah dicadangkan dalam bengkel yang dijalankan bahawa kemampuan EPU dari segi pengumpulan data perlu ditingkatkan. Sebenarnya, EPU telah berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan usaha peningkatan keupayaan dari segi data pembahagian jantina.

(9) PERBADANAN PEMBANGUNAN KRAFTANGAN MALAYSIA (PKKM)

pada umumnya, PKKM terlibat dalam latihan dan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Yayasan Sabah untuk bekerjasama mengenai pembangunan kraftangan bagi membantu kumpulan penduduk luar bandar yang miskin. PKKM akan memberikan kerjasama kepada setiap agensi kerajaan. Sebelum ini, PKKM bekerjasama dengan lain-lain agensi secara individu tetapi tidak secara kumpulan.

Berdasarkan penilaian ke atas hasil kraftangan Sabah oleh PKKM, didapati bahawa hasil kraftangan di Sabah tidak banyak berubah dari segi motif dan rekabentuknya sejak lapan tahun yang lepas.

PKKM Sabah teletak di Kota Kinabalu dan tidak mempunyai pejabat cawanganya tetapi terdapat wakilnya di Kota Belud. Ini mengakibatkan kesukaran untuk mengumpul data dari seluruh Sabah, akan tetapi PKKM boleh menggunakan jaringan Yayasan Sabah yang mempunyai cawangan di semua daerah.

(10) LEMBAGA PELANCONGAN SABAH (STB)

Lembaga Pelancongan Sabah (STB), yang dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Galakan Pelancongan Sabah (STPC), merupakan agensi kerajaan negeri Sabah yang beroperasi di bawah penguasaan Kementerian Pelancongan, Budaya dan Persekitaran. Tanggungjawab utama STB ialah memasar dan mempromosikan pelancongan untuk negeri Sabah. Ia juga berfungsi sebagai katalis untuk industri pelancongan dengan memberi cadangan dan rekomendasi kepada kerajaan mengenai kaedah terbaik untuk memudahkan proses pembangunan industri tersebut di samping mengambil bahagian secara aktif untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam industri pelancongan. Sejak ianya ditubuhkan pada Ogos, 1976, tanggungjawab STB telah terus berkembang untuk memenuhi keperluan semasa bagi pasaran pelancongan secara global.

(11) SRI PELANCONGAN SABAH SDN BHD (SPS)

Sri Pelancongan Sabah Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 1997. SPS telah diaktifkan semula dan distruktur semula pada tahun 2001 untuk membantu dan menyokong peranan STB dari segi galakan pelancongan. Tumpuan utama SPS adalah dari bidang penganjuran majlis, komunikasi dengan publisitinya, penerbitan dan pengurusan laman web pelancongan Sabah serta promosi pembekal dan penjualan hasil kraftangan tempatan. Melalui empat (4) jabatan pelaksanaan, SPS berfungsi seperti berikut:

- 1) Teknologi Maklumat(IT): dalam tahun 2001, SPS mengambilalih pentadbiran laman web STB www.sabahtourism.com dan memulakan rombakan laman web dan kandungannya.
- 2) Publisiti dan Penerbitan: SPS mula menerbitkan buletin bulanannya iaitu Sabah Tourism Publication, Sabah Malaysian Borneo Bulletin (SMBB) dalam bulan Mac untuk diagih-agihkan ke hotel, lapangan terbang, pejabat Pelancongan Malaysia yang terletak di seluruh dunia. Buletin SMBB meliputi perkara-perkara dan topik yang menarik minat para pelancong seperti perayaan, tempat menjamu selera, dan hiburan serta tempat-tempat menarik. Lain-lain bentuk publisiti dan promosi termasuklah melalui radio, televisyen, rekabentuk risalah, bahan-bahan promosi, dan billboards bagi Pelancongan Sabah. SPS juga menyediakan Pusat Informasi Pelancongan di pejabatnya yang terletak di Kota Kinabalu.

- 3) Pengurusan perayaan: SPS mengambilalih penganjuran hari perayaan bagi Pelancongan Sabah. Antara perayaan tersebut adalah persembaahn muzik, perayaan seperti pesta Sabah, dan perayaan sukan seperti Asian Triathlon dan Climbathon yang dianjurkan setiap tahun.
- 4) Perniagaan dan Barang Dagangan: Dalam tahun 2001, fokus utama SPS adalah berperanan aktif dalam pemasaran, meningkatkan taraf dan menghasilkan produk kraftangan tempatan. Hasil kraftangan tersebut dipormosikan dan dijual di kedai SPS atau lebih dikenali sebagai "kadaiku" di samping semasa pameran MICE. Hasil produk tersebut juga dipaparkan di Buletin SMBB dan laman web Pelancongan Sabah. Dari segi pengeluaran kraftangan yang baru, SPS bekerjasama dengan pembekal luar bandar, membantu dan mewujudkan peluang perniagaan dari segi rekabentuk baru pembekalan dan jualan.

(12) LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

Pejabat cawangan negeri FAMA terletak di Kota Kinabalu (KK) dan mempunyai enam pejabat cawangan di luar bandaraya KK. Peranan dan tujuan utama FAMA ialah sokongan pemasaran kepada kumpulan sasaran untuk meningkatkan pendapatan mereka. Ia mengendalikan pusat pengagihan produk yang merupakan perantaraan para pengeluar dan pengedar. Di samping itu, FAMA juga menjalankan penyelidikan pasaran dan harga, promosi jualan dan promosi makanan yagn telah diproses. FAMA mempunyai seramai 80 orang kakitangan dan peruntukan belanjawan tahun 2002 adalah RM 2 juta, semakin meningkat berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

Sasaran projek pemasaran FAMA adalah petani. Ia menawarkan bantuan pemasaran yang diadakan dua kali seminggu di pasar tani, lawatan sambil belajar dan seminar. Projeknya diadakan di kawasan Pitas mulai 1989 di Pitas dan kini mempunyai 689 peserta. Daripada jumlah ini, seramai 309 adalah kaum wanita. Di pasar tani yang tertentu, terdapat sekumpulan petani yang 14 tani mengharapkan dapat memperoleh RM 3 juta jualan bagi tahun 2002. Di pasar tani yang tertentu, terdapat 14 petani menjangka untuk mendapat jualan sebanyak RM 3 juta bagi tahun 2002.

Analisis yang diperolehi semasa bengkel menunjukkan bahawa kelebihan projek ini ialah barangan yang dijual di pasar tani adalah segar. Ini adalah kerana

kekerapan pasar tani diadakan, tambahan pula, semua jualan adalah milik petani sendiri. Selain dari itu, FAMA mempunyai kakitangan yang berpengalaman dalam bantuan pemasaran. Sekatan yang utama ialah kesukaran mendirikan pasar tani yang baru memandangkan masalah untuk mencari ruang tempat yang sesuai. Penyelesaian yang dicadangkan ialah bekerjasama dengan agensi yang lain untuk mendapatkan tempatnya. Untuk aktiviti-aktiviti yang lain, jelas wujudnya persamaan fungsi dengan agensi seperti DOA dan MARDI. Maka adalah dicadangkan kemungkinan menggabungkan dan bekerjasama di kalangan agensi tersebut.

(13) INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

MARDI mula beroperasi di Sabah pada tahun 1995. Peranan utamanya ialah membangunkan pertanian dan teknologi berasaskan pertanian dan menerapkannya kepada para usahawan. Terdapat sejumlah 12 kakitangan dan lima kemudahan latihan di pejabat MARDI, Sabah.

Antara projek yang dilaksanakan di Sabah ialah pembangunan tanaman dan projek pemprosesan berasaskan pertanian yang terdapat di enam kawasan. Item-item yang diproses termasuklah minuman, nanas, kerepek ikan, pastri daging dan urat(mussels). Kumpulan sasaran akan dibahagikan kepada 3 hingga 5 orang sekumpulan. Buat masa ini ia mempunyai 20 peserta yang mana 90% adalah terdiri dari kaum wanita. Setiap kumpulan akan dibekalkan dengan peralatan pemprosesan yang bernilai lebih kurang RM2-3 juta. Maka dapat dikatakan bahawa kos setiap projek adalah sangat tinggi berbanding dengan projek agensi-agensi kerajaan yang lain. Pegawai MARDI akan melawat tapak projek dua minggu sekali untuk kerja-kerja penyeliaan dan memberi nasihat kepada peserta-peserta. MARDI juga mengadakan seminar mengenai teknologi pengembangan (technology dissemination seminar). Sementara itu, teknologi pemprosesan yang dibekalkan oleh MARDI adalah jauh lebih baik berbanding dengan DOA. Ianya juga mengadakan latihan kepada kakitangan pengembangan DOA.

Analisis yang dikemukakan semasa bengkel ialah MARDI mempunyai kelebihan dari segi teknologi/pengetahuan yang tinggi dan kemudahan yang baik. Sebaliknya, halangan yang dapat diperhatikan ialah kekurangan tenaga kerja yang mengakibatkan kekurangan sokongan logistik, peruntukan yang kecil untuk projek pembangunan usahawan dan peluang pasaran yang kecil. MARDI

cawangan Sabah menyedari akan wujudnya potensi dalam pembangunan usahawan.

(14) JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT PERSEKUTUAN NEGERI SABAH (KEMAS)

Misi utama KEMAS adalah meningkatkan pengetahuan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar. Terdapat tiga teras utama dalam objektifnya, antaranya ialah perubahan sikap kumpulan sasaran, menerapkan kesedaran, dan membekalkan latihan kepada masyarakat dalam bentuk tidak formal dan menjadikannya pendidikan seumur hidup.

Kursus latihan termasuk latihan kemahiran, latihan kehidupan keluarga, latihan untuk kaum Muslim, dan latihan celik huruf. KEMAS tidak mengkhususkan programnya kepada wanita, tetapi kebanyakan peserta yang mengikuti latihan kemahiran dan latihan kehidupan keluarga merupakan kaum wanita. Latihan kemahiran merupakan kursus satu tahun dan merangkumi pembuatan kraftangan, pemprosesan makanan, menjahit, sulaman, mengait dan menganyam. KEMAS menggalakkan pelatihnya untuk menerimapakai kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Pelatih-pelatih KEMAS dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri dari 20 peserta oleh Penyelia kanan dan penyelia di peringkat pejabat cawangan. Pelatih-pelatih ini dilatih oleh kakitangan pembangunan masyarakat yang mempunyai sijil Majlis Latihan Vokasional (certificate of vocational training council). Penyelia juga bertanggungjawab untuk memantau dan menilai program yang dilaksanakan. Sebanyak 20 kursus latihan kemahiran dirancang untuk tahun ini yang merangkumi 675 kumpulan sasaran. Di kawasan terpencil di mana kursus tidak dapat dikendalikan, seorang tenaga pengajar akan dihantar ke kawasan sasaran. Program latihan untuk kawasan terpencil ini merangkumi 147 buah kampung pada tahun lepas di Sabah. Latihan Kehidupan Keluarga meliputi pemakanan dan pemprosesan makanan.

5.2 PENILAIAN KE ATAS PROGRAM SOKONGAN

Penilaian ke atas aktiviti-aktiviti sokongan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat telah diadakan melalui dua bengkel dan dua sesi temuduga. Tujuan penilaian ini ialah untuk mendapatkan maklumat tentang sistem bantuan yang diberikan kepada usahawan wanita luar bandar dan cuba mencari jalan untuk

memperbaiki sistem tersebut sekiranya perlu. Ianya juga bertujuan untuk menganalisa pengupayaan gender agensi-agensi yang berkaitan.

Bengkel penilaian diri yang pertama diadakan dalam Februari 2002, pada 14 Mei 2002, bengkel kedua yang sama diadakan dan disertai oleh 25 kakitangan dari lapan agensi kerajaan. Bengkel kedua yang diadakan tersebut bertujuan untuk mendapatkan analisis yang lebih lanjut tentang program bantuan yang berkaitan dengan wanita.

Keputusan yang diperolehi daripada bengkel tersebut menunjukkan kelemahan projek sokongan tersebut dari segi sumber dan persekitaran. Sebagai contoh, kekurangan kemudahan iaitu kenderaan, peruntukan, kakitangan dan infrastruktur telah menyulitkan lagi pelaksanaan projek di samping masalah yang sedia ada iaitu untuk menghubungi kasawan terpencil kumpulan sasaran. Sebaliknya, dalam penilaian tersebut, tidak ada yang mengemukakan pendapat tentang keberkesanan dan kecekapan program yang telah dilaksanakan.

Sokongan yang sedia ada nampaknya lebih ditumpukan kepada tahap permulaan untuk menentukan usahawan-usahawan. Adalah diperhatikan juga kurangnya sokongan dan “kepekaan” kepada kumpulan wanita yang tidak didedahkan kepada maklumat untuk memulakan perniagaan. Ini adalah kerana kebanyakan mereka tinggal di kawasan terpencil yang memang sukar untuk dihubungi oleh kerana kekurangan kemudahan kenderaan. Sokongan tambahan yang berterusan untuk meningkatkan taraf usahawan-usahawan wanita adalah diperlukan sebagai susulan kepada program yang sedia ada. Sebagai sokongan, kepentingan pengagihan, pemasaran dan bantuan jualan adalah dipertimbangkan.

5.2.1 KEUPAYAAN PEROLEHAN KEPADA PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN

Keupayaan memperolehi program-program sokongan boleh dilihat dari tiga aspek penting: jarak kedudukan geografi, program mempertimbangkan isu gender, dan ketersediaan program tersebut. Jabatan dan agensi seperti DOA dan KPD mempunyai pegawai-pegawainya di seluruh daerah yang dapat dihubungi dari segi kedudukan geografi. Akan tetapi, DOA mempunyai kelebihan dari segi ketersediaan program spesifik berkenaan dengan wanita dan pertimbangan isu gender. Di samping itu, DOA mempunyai projek yang kumpulan sasarannya ialah kaum wanita iaitu projek peringkat pra-usahawan dan peringkat usahawan. Di samping itu kakitangan yang terlibat adalah kaum wanita yang akan

memudahkan lagi penyampaian program tersebut kepada peserta-pesertanya. Kebanyakan dari peserta-peserta YUM juga merupakan kaum wanita, akan tetapi sebilangan besar penyelia pinjaman yang berurusan dengan peserta adalah kaum lelaki. Hasil temuduga yang diperolehi menunjukkan bahawa para peserta lebih suka sekiranya kakitangan wanita yang bertanggungjawab untuk mengendalikan urusan pinjaman. Bagi KPD dan lain-lain agensi, program-program yang ada diwujudkan samada untuk ketua isirumah/keluarga yang kebanyakan merupakan kaum lelaki atau penduduk dan masyarakat luar bandar pada umumnya.

Keupayaan memperolehi sesuatu program yang dilaksanakan bergantung kepada jarak maklumat tersebut disebarkan dan jenis sokongan yang ada untuk usahawan luar bandar. Adalah diminta agar perkhidmatan seperti yang ditawarkan oleh KPLB dapat ditingkatkan dan perkhidmatan yang sedia ada dapat diperkenalkan kepada usahawan.

5.2.2 AKTIVITI MENINGKATKAN KESEDARAN DALAM PERNIAGAAN

Tidak terdapat perkhidmatan seperti pusat khidmat setempat yang dapat membekalkan maklumat tentang kebaikan dan kelemahan untuk berniaga dan hubungannya dengan perkhidmatan sokongan kepada kumpulan usahawan wanita luar bandar. Memang tidak dinafikan bahawa peserta-peserta bengkel tersebut khasnya di kawasan terpencil amat memerlukan perkhidmatan seperti ini. Akan tetapi jarang sekali perkhidmatan seperti ini ditawarkan kepada penduduk luar bandar. Adalah perlu untuk kaum wanita luar bandar memperolehi sebanyak mungkin alternatif yang ada untuk membantu mereka dalam perniagaan mereka. Buat masa ini, hanya KPLB mempunyai perkhidmatan nasihat yang menawarkan kemudahan penyampaian maklumat sokongan walaupun ianya tidak dikhususkan hanya kepada kaum wanita.

5.2.3 LATIHAN TEKNIKAL

Terdapat dua isu kritikal yang diperhatikan dalam Latihan Teknikal iaitu pertimbangan isu gender dan tahap teknologi yang bakal disampaikan. Memang menjadi perkara umum di mana biasanya kebanyakan kaum lelaki yang menyertai apabila latihan teknikal yang menumpukan kepada sasaran isirumah atau keluarga tani dijalankan. Akan tetapi untuk menerimapakai teknologi tersebut bagi pengeluaran, biasanya kaum wanita memainkan peranan yang utama. Maka adalah jelas bahawa pelaksana utama ialah kaum wanita, dengan ini program tersebut perlu direkacipta untuk peserta-peserta wanita.

Pada umumnya, kebanyakan latihan teknologi untuk pemrosesan pertanian dan pembuatan kraftangan yang disertai oleh kaum wanita adalah bertaraf rendah secara relatif dan menunya juga adalah sangat terhad. Tidak banyak latihan kursus yang diwujudkan untuk wanita yang telah memulakan perniagaan dan mereka yang ingin berniaga. Akibat dari itu, mereka terpaksa mendapatkan maklumat yang diperlukan sendiri. Buat masa ini, hanya DOA membekalkan peluang lawatan sambil belajar kepada wanita yang ingin berniaga.

Adalah juga diperhatikan bahawa pengambilan peserta untuk latihan teknologi dalam bidang industri yang memerlukan kemudahan dan peralatan mesin yang agak mahal lebih ditumpukan kepada kaum lelaki. Bagi kaum wanita, program sokongan yang ada lebih cenderung kepada menjahit dan memproses makanan yang mana wanita boleh melakukannya di rumah. Akibatnya, peserta-peserta akan menghasilkan produk yang sama dan bersaing di kalangan mereka sendiri. Maka dengan itu, satu susunan program yang baru adalah amat diperlukan.

Kebanyakan peserta bengkel mengakui bahawa jaringan dan kerjasama serta perkongsian maklumat di kalangan agensi adalah sangat penting. Ini termasuklah agensi seperti DOA, KEMAS, FAMA, dan MARDI yang menawarkan latihan dalam bidang yang sama seperti pemrosesan makanan, sulaman, menjahit dan membuat kraftangan.

Kebanyakan bantuan teknikal yang diberikan adalah percuma, seperti latihan PKT oleh DOA. Projek pengkulturan rumpai laut yang disertai oleh kaum wanita memberikan peralatan dan bantuan teknikal secara percuma. Sebaliknya, KEMAS memerlukan bayaran perkhidmatan iaitu yuran pendaftaran sebanyak RM5 dan bayaran tuisyen bulanan sebanyak RM5 yang mampu dibiayai oleh penduduk luar bandar.

5.2.4 BANTUAN JUALAN DAN PEMASARAN

Sokongan usahawan lebih cenderung dari segi latihan pengeluaran. Terdapat sebilangan pegawai DOA yang membantu ahli KPWM bukan untuk menjual produk di pasaran tetapi bertukar produk dengan ahli KPWM yang lain.

Jika dibandingkan dengan lain-lain institusi, KPD lebih menekankan bidang pemasaran dan telah menjalinkan kerjasama dengan FAMA. Bantuan pemasaran kepada petani kontrak KPD boleh dibahagikan kepada dua; Antaranya ialah KPD boleh membeli produk tersebut secara langsung dari pengeluar dan menjual ; ataupun ahli menjual secara langsung samada kepada orang tengah atau di

pasaran . Satu lagi alternatif ialah KPD mungkin menghubungkan petani dengan orang tengah atau menggalakan mereka menyertai TAMU yang diadakan dua kali sebulan berdekatan dengan pejabat cawangannya. Peserta TAMU hanya perlu membayar bayaran yang sedikit iaitu RM1 hingga RM2 untuk satu ruang gerai. Kemudahan pengangkutan boleh disediakan tetapi kos pengangkutan perlu dikongsi bersama dengan peserta yang terlibat. KPD membeli secara langsung 40% dari hasil petani dan bakinya 60% merupakan jumlah jualan petani-petani kontrak sendiri. Bagi produk kraftangan pula, KPD melawat pesertanya seminggu sekali untuk membeli produk tersebut dan dijual di pusat kraftangan dan kepada orang tengah.

Bagi agensi-agensi yang lain pula, KPLB mengakui bahawa pentingnya pemasaran dan telah mewujudkan Jawatankuasa berorientasikan pasaran produk. Selain dari itu, Tamu Niaga juga telah diwujudkan di persisiran jalan utama.

5.2.5 HAK MEMPEROLEHI KREDIT-MIKRO

YUM dan AIM menawarkan kredit-mikro kepada wanita luar bandar, pinjaman yang diberi adalah di antara RM 100 hingga RM6,000 tanpa sebarang cagaran. Akan tetapi para peserta diminta untuk membentuk kumpulan yang terdiri dari 5 hingga 7 ahli setiap kumpulan. Dalam setiap kampung wujud beberapa kumpulan yang seterusnya membentuk satu pusat. Sistem ini membenarkan beberapa ahli dalam kumpulan untuk mendapatkan pinjamannya dahulu dan mereka yang belum mendapat pinjaman harus menunggu pembayaran balik ansuran oleh mereka yang telah memperolehi pinjaman sebelum ini.

YUM adalah di bawah naungan KPIM, manakala AIM merupakan institusi kewangan-mikro di bawah inisiatif kerajaan persekutuan, yang telah memulakan operasinya di Sabah sejak 1997. Institusi-institusi seperti ini telah menentukan kriteria pemilihan peserta iaitu wanita yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan seperti yang ditetapkan oleh kerajaan dan mereka ini akan dinilai dari segi pendapatan dan milik aset serta tujuan mendapatkan pinjaman.

Kos operasi bagi institusi kewangan-mikro di Sabah adalah dibiayai bersama kerana kadar faedah atau bayaran pentadbiran tidak ditetapkan berdasarkan kadar komersial. Manakala kos operasi AIM adalah dibiayai oleh operasi di negeri-negeri yang lain. YUM bergantung sepenuhnya kepada kerajaan bagi kos operasi dan dana baru untuk pinjaman. Walau pun YUM bercadang untuk menutup sembilan cawangannya, keadaan ini tidak akan menjejaskan

berkurangnya pinjaman ditawarkan kerana pinjaman yang diberikan oleh AIM semakin meningkat setiap bulan. AIM mempunyai 10 cawangan, tiga cawangan kecil, dan satu pusat latihan di Sabah dan Sarawak masing-masing. Buat masa ini, ia mempunyai 7,273 ahli dan pinjaman kumulatif sebanyak RM9.8 juta.

YUM berusaha untuk meningkatkan dana pinjamannya dengan mengambil pinjaman berfaedah rendah di bank-bank komersial, langkah ini telah mengakibatkan bayaran pengurusan yang lebih tinggi iaitu 15% setiap tahun untuk amaun pinjaman. Sebaliknya, bayaran bagi AIM ialah 7% setiap tahun bagi jumlah pinjaman. Walau pun terdapat pengurusan kakitangan AIM yang diberhentikan kerja oleh kerana didakwa mengeluarkan pinjaman tidak mengikut peraturan tahun lepas, namun kakitangan di peringkat pejabat kawasan adalah masih aktif.

Tempoh pinjaman adalah selama 50 minggu bagi kedua-dua institusi tersebut di atas. Pembayaran balik mingguan bermula pada minggu kedua. Kebanyakan pinjaman YUM adalah untuk tujuan berniaga (59%), penternakan dan perikanan (12%), pertanian dan perhutanan (6%), dan pemprosesan (4%). Pinjaman untuk berniaga merupakan peratusan yang tinggi bukan setakat kerana keperluan pembayaran balik mingguan tetapi kesan bebanan yang kurang kepada wanita yang mana boleh memulakan perniagaannya di rumah dengan modal yang kecil dan membolehkan mereka memiliki pendapatan harian secara tunai.

Memandangkan perkhidmatan kredit amat bergantung kepada keupayaan ahli kumpulan, keadaan ini telah memberi kesan termasuk pengwujudan dan pembangunann perpaduan di kalangan ahli kumpulan. Terdapat satu kes di mana pinjaman kredit telah mewujudkan pembinaan dewan mesyuarat oleh orang-orang kampung untuk memudahkan perjumpaan mingguan oleh peserta-pesertanya.

5.2.6 HAK UNTUK PERKHIDMATAN SIMPANAN

Kedua-dua YUM dan AIM mempunyai skim simpanan tetap sebagai salah satu syarat dalam program pinjamannya. Para peminjam dikehendaki untuk membayar RM2 setiap minggu. Terdapat juga simpanan kecemasan untuk peminjam-peminjam yang menghadapi kecemasan keperluan wang bagi sebab-sebab tertentu seperti urusan pengkebumian. KPD dan DOA juga mempunyai simpanan wajib untuk pesertanya. KPD mewajibkan petani-petani kontraknya menyimpan 5% daripada jualan hasilnya.

5.2.7 PENGURUSAN MAKLUMAT BAGI AGENSI-AGENCI YANG BERKAITAN

DOF menerbitkan data mengenai industrinya setiap tahun.. DOA akan meringkaskan data tersebut di bahagian statistiknya sendiri. Maklumat mengenai wanita disimpan oleh DOA tetapi ianya tidak dikongsikan dengan agensi yang lain. Sementara itu, YUM juga mempunyai senarai ahlinya yang merupakan usahawan wanita luar bandar dalam kategori miskin. Tetapi data tersebut juga tidak dikongsi bersama. Senarai penduduk miskin adalah diringkaskan oleh KPLB yang mana data tersebut dikumpulkan oleh JKKK. Senarai tersebut juga tidak dikongsi bersama dengan agensi yang lain.

5.2.8 PENGURUSAN PROJEK OLEH AGENSI YANG BERKENAAN

Kebanyakan agensi kerajaan menjalankan penyeliaan dan pengesanan ke atas program yang dilaksanakan. Pengesanan ini adalah untuk memastikan kemajuan pelan kerja adalah berdasarkan kepada peruntukan belanjawan yang diberikan. Sebagai contoh, di DOA, pelan tugas dan kerja tahunan bagi setiap kakitangan ladang adalah dicatatkan berdasarkan kepada pelan peruntukan belanjawan yang diluluskan di ibu pejabat. Rancangan kerja ini termasuklah semua latihan kursus yang akan dilaksanakan di kawasan masing-masing oleh kakitangan ladang. Pengesanan dilaksanakan berdasarkan kepada rancangan kerjanya, memeriksa kemajuan kerja dan penggunaan belanjawan.

Kebanyakan agensi belum menggabungkan aspek penilaian ke dalam pengurusan projeknya, begitu juga dengan peruntukan sumber untuk diliputi ke dalam aktiviti penilaian. Sebagai contoh, DOA tidak menilai kesan pelaksanaan programnya pada setiap masa, walau pun susulan dibuat terhadap sebahagian kumpulan wanitanya.

Penyusulan terhadap kumpulan sasaran projek dijalankan oleh DOA tetapi YUM dan KPD tidak berbuat demikian oleh kerana kekurangan sumber. Sebagai contoh, prestasi perniagaan peserta-peserta YUM boleh diperbaiki dan ditingkatkan sekiranya YUM menganalisa kesan pinjaman tersebut dan membuat program susulan seperti menawarkan maklumat perniagaan kepada kumpulan sasaran.

5.2.9 KERJASAMA DI KALANGAN AGENSI-AGENCI YANG BERKAITAN

Keutamaan kerjasama adalah jarang bagi sebilangan agensi yang terlibat. KPIM mempunyai satu “projek bersepadu” yang mana KPD merupakan penyelarasan

utama dengan mengkombinasikan fungsi penyelidikan dan pembangunan dari DOA dan MARDI, di samping fungsi pemasaran FAMA yang menumpukan sasaran di Semenanjung Malaysia dan eksport, pejabat daerah dan Jabatan Tanah dan Ukur untuk keperluan tanah.

Kerjasama yang dapat diperhatikan ialah memperkenalkan kumpulan sasaran kepada lain-lain agensi. Misalnya DOA, memperkenalkan projek KPWM kepada lain-lain agensi untuk pembangunan selanjutnya kumpulan tersebut.

Kepentingan kerjasama fungsional telah diiktirafkan dan diperkenalkan melalui bengkel dan kerja pasukan kumpulan petugas. Di samping itu, peserta-peserta dari jabatan dan agensi yang berkenaan juga sedia untuk bekerjasama antara satu sama lain. Walau bagaimana pun, adalah perlu untuk mewujudkan pendekatan “top down” untuk menggabungkan aktiviti supaya kekuatan dari segi kerjasama dapat diwujudkan. Untuk tujuan kajian ini, kepimpinan pada peringkat KPIM dan EPU adalah diperlukan. Setakat ini, fungsi EPU ialah menyelaras agar tidak ada duplikasi pada masa peruntukan belanjawan. Selain itu, definisi semula skop kerja setiap agensi pelaksanaan seperti KPD dan DOA adalah diperlukan. Dengan ini, pengesahan skop tanggungjawab dan tugas dan mewujudkan hubungkait fungsi agensi mungkin dapat tercapai dengan jayanya melalui pembentukan pasukan petugas (taskforce) yang khusus. Pasukan petugas ini juga perlu berkongsi maklumat dengan agensi kerajaan persekutuan. Latihan Gender boleh dikendalikan untuk wakil-wakil agensi kerajaan dengan memfokuskan kepada penduduk luar bandar dan membasmi kemiskinan.

5.3 KESAN PELAKSANAAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN

5.3.1 ALIRAN UTAMA GENDER (GENDER MAINSTREAMING)

Dasar gender adalah tidak dirangkumi dalam dasar pembangunan negeri Sabah. Agensi kerajaan yang memfokuskan kepada kaum wanita ialah DOA dan YUM. Peserta-peserta bengkel juga mengemukakan pandangan bahawa pertimbangan isu gender perlu digabungkan ke dalam semua projek yang berkaitan. Walau bagaimanapun terdapat juga peserta yang tidak memahami pertimbangan gender dan sering mengelirukan isu ini dengan kekurangan kemudahan untuk menghubungi kawasan terpencil. Maka dengan ini, satu latihan untuk kakitangan agensi yang terlibat perlu diadakan.

Program-program PKT dan KPWM anjuran DOA menumpukan sasaran wanita dan dilaksanakan oleh kakitangan wanita. YUM juga memfokuskan kepada

kumpulan sasaran wanita tetapi kebanyakan kakitangan cawangan ialah kaum lelaki. Bagi kes yang lain pula, program-program seperti keluarga tani, keluarga perikanan, keluarga “aquaculture” memfokuskan kepada ketua isirumah yang sebilangan besarnya adalah kaum lelaki (suami). Akan tetapi, pada umumnya, pelaksanaan program tersebut dijalankan oleh kaum wanita (Isteri) keluarga tersebut. Adalah dikatakan bahawa budaya tempatan sangat menilai konsep kekeluargaan. Maka dengan ini, jelas bahawa sokongan dan bantuan kepada sesebuah keluarga adalah ditujukan kepada wakilnya, biasanya kaum lelaki. Sekiranya kebetulan wakil keluarga tersebut adalah wanita, kakitangan lelaki dari agensi sokongan tersebut mungkin menghadapi halangan secara psikologi untuk berkhidmat kepadanya. Justeru itu, lebih ramai kakitangan wanita perlu mengambilalih projek yang berkaitan dengan wanita., peserta wanita mungkin berasa selesa untuk melibatkan diri dalam projek tersebut. Akan tetapi ini tidak bermakna isu wanita hanya perlu dikendalikan oleh kaum wanita.

Memang telah disahkan oleh beberapa agensi yang terlibat bahawa peserta sebenar projek yang dilaksanakan ialah kaum wanita tetapi penyertaan lelaki dianggap sebagai ketua isirumah atau wakil keluarga. Projek-projek demikian perlu diubah untuk mengiktirafkan penyertaan wanita. Pengkasaan wanita luar bandar tidak akan tercapai kecuali pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk mengiktirafkan sumbangan wanita.

Langkah-langkah yang dicadangkan ialah: i) mengkaji semula projek yang menumpukan sasaran wanita supaya lebih ramai wanita dapat melibatkan diri, ii) mewujudkan projek baru yang melibatkan sasaran wanita, dan iii) menggabungkan pertimbangan gender ke projek semasa yang tidak melibatkan wanita supaya peluang dapat diberikan kepada sasaran wanita.

5.3.2 TEKNOLOGI MAKLUMAT

Sejajar dengan “reinventing government” dan proses “re-engineering”, untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program dan projek, pengkalan data mengenai kaum wanita luar bandar perlu diwujudkan dan dibangunkan untuk dikongsi bersama di kalangan agensi-agensi yang berkaitan.

Galakan usahawan wanita luar bandar akan memberi kesan ke atas usaha membasmi kemiskinan. Setakat ini, kerajaan negeri tidak mempunyai data pembahagian gender mengenai kemiskinan mengikut daerah dan bahagian. Untuk mencapai sasaran pengurangan kadar kemiskinan, maka adalah penting

untuk mendapatkan data tersebut supaya sokongan kepada kumpulan sasaran dapat dikhususkan.

Pengkalan data tersebut boleh diperolehi dengan mengkombinasikan maklumat kumpulan sasaran yang bertaburan yang dikumpul oleh agensi-agensi tertentu. Sebagai contoh, senarai kumpulan miskin di KPLB, senarai wanita janda yang ada pada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal ehwal Pengguna, senarai penerima faedah YUM dan AIM dan senarai kumpulan PKT dan KPWM di DOA. Perkara penting yang perlu dipastikan ialah pengumpulan data tersebut haruslah bebas dariapda pengaruh politik dan sistem tersebut perlu dikemaskinikan dari masa ke semasa. Pengkalan data tersebut juga perlu merangkumi maklumat tentang semua jenis bantuan yang ada untuk usahawan-usahawan wanita.

5.3.3 SISTEM PENGESANAN DAN PENILAIAN

Kerja-kerja pengesanan dan penilaian dari segi kemajuan kewangan dan belanjawan dijalankan di kebanyakan agensi yang berkenaan. Walau bagaimana pun, penilaian dari segi kesan pelaksanaan projek/program belum lagi diwujudkan. Dari segi ini, KPD adalah dikecualikan kerana telah pun menggabungkan penilaian ke program perladangan kontrak poultrinya berdasarkan kepada MS ISO 9000.

Program berkaitan dengan wanita boleh direkabentuk dengan lebih baik sekiranya sasaran program dihuraikan. Ini termasuklah sasaran yang perlu dicapai oleh peserta projek, dan bukan setakat bilangan peserta terlibat dalam projek tersebut. Sekiranya penilain dikendalikan dengan sistematik, kesan dan keputusannya akan dapat diperhatikan dalam prestasi projek dan perancangan peruntuakn belanjawan. Setakat ini, proses pembentukan pelan peruntukan belanjawan adalah bermula dari peringkat daerah. Ianya boleh menggambarkan tentang sejauh mana pengalaman dan maklum balas dari projek–projek yang lalu. Walau bagaimana pun, ianya tidak diselaraskan untuk menggambarkan kesan penilaian tersebut. Secar ideal, kerja-kerja pengesanan dan penilaina perlu disepadukan ke dalam tugas pengurusan projek yang mana boleh digabungkan ke pembangunan pengkalan data.

5.3.4 JARINGAN

Tidak dinafikan bahawa maklumat sokongan usahawan adalah tidak dikongsi bersama yang mengakibatkan wujud duplikasi sokongan dan persaingan di

kalangan agensi kerajaan. Satu lagi sebab berlakunya penduaan kerja ialah tidak ada skop dan sempadan yang jelas antara agensi bagi tugas dan tanggungjawab yang terlibat. Memandangkan kerajaan negeri Sabah sangat menaruh harapan bagi pelaksanaan yang efisien oleh agensi-agensinya berdasarkan kepada “Reinventing Government Plan (1999)”, maka adalah perlu untuk menjelaskan sempadan kerja dan tanggungjawab agensi-agensi yang terlibat di samping mewujudkan hubungkait dan kerjasama di kalangan agensi kerajaan. Langkah ini juga akan membolehkan sumber-sumber tersedia yang terhad boleh disatukan untuk memberi perkhidmatan kepada wanita luar bandar yang miskin. Pengkhususan kemahiran dan kerjasama di kalangan agensi perlu diwujudkan tidak setakat pada peringkat kakitangan tetapi pada keputusan organisasi keseluruhannya.

Strategi yang terbaik ialah mewujudkan agensi yang akan mengetuai penentuan bidang tugas dan usaha bekerjasama antara agensi. Sebagai contoh, KPIM boleh mengetuai industri produk berasaskan pertanian memandangkan KPIM telahpun menyelaraskan “Projek Bersepadu” yang melibatkan lain-lain agensi pelaksana. Kepimpinan kerajaan yang kukuh adalah diperlukan khasnya dari aspek mengurangkan kemiskinan dan isu gender secara ekonomik, tanpa usaha sedemikian, pasaran tersebut tidak akan berfungsi. Juga tidak dinafikan bahawa terdapat agensi yang ingin mengimbangkan objektif sosialnya untuk berkhidmat kepada usahawan wanita luar bandar dan pada masa yang sama mengekalkan daya maju institusi kewangannya.

5.3.5 BERKONGSI KOS

Bagi mereka yang berada di peringkat keusahawanan yang lebih tinggi, bayaran mungkin dikenakan kepada mereka yang menerima bantuan untuk berkongsi bersama kos yang terlibat. Sebagai contoh, KPD telah memperkenalkan perkongsian kos untuk projek sokongan yang tertentu. Dengan peruntukan belanjawan kerajaan yang terhad, mungkin tidak logik untuk memberikan perkhidmatan secara percuma. Sistem yuran pengguna juga boleh menggambarkan samada sokongan dan bantuan tersebut diperlukan atau sebaliknya oleh kumpulan sasaran.

5.3.6 BEKERJASAMA DENGAN SEKTOR SWASTA

Adalah sukar bagi jabatan dan agensi kerajaan supaya memenuhi keperluan pasaran perniagaan dan mewujudkan produk dan perkhidmatan baru. Ini adalah

kerana wujudnya perbezaan dari segi budaya penubuhannya. Maka dengan ini, adalah dicadangkan agar agensi-agensi yang terlibat mewujudkan skim insentif untuk menggalakkan usahawan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang baru. Langkah ini adalah untuk menggunakan inisiatif sektor swasta bagi mewujudkan idea baru dan bernorientasikan pasaran. Sekiranya produk dan perkhidmatan baru tidak diperkenalkan, maka usahawan cenderung untuk bersaing dan menjual produk yang sama di pasaran yang kecil. DOA telah melaksanakan sebahagian daripada idea tersebut dengan galakan dan persaingan idea. Dalam bidang kraftangan, galakan dan pujian serta persaingan secara umum boleh melindungi idea baru daripada ditiru oleh pihak yang lain.

Tambahan pula, peluang lawatan sambil belajar boleh menggalakkan inisiatif sektor swasta ke arah pembaharuan. Kepada mereka yang telah menubuhkan perniagaan mereka boleh meningkatkan pengetahuan selagi mereka diberi pendedahan kepada dunia luar.

BAHAGIAN II: PENGESAHAN DAN PEMBELAJARAN

BAB 6: RANGKA KERJA PELAN INDUK PEMBANGUNAN

6.1 ANALISIS KUMPULAN SASARAN

Pasukan Pengkaji JICA telah merumuskan rangkakerja “Pelan Induk Pembangunan Untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah” dengan kerjasama ahli rakan kerjasama dari agensi kerajaan yang berkenaan pada Jun 2002. Pembentukan Pelan Induk ini adalah berdasarkan kepada analisis keadaan semasa mengenai wanita luar bandar, usahawan wanita dan program sokongan kerajaan dan juga agensi-agensi kerajaan. Tahun sasaran bagi pencapaian Pelan Induk Pembangunan ini ditetapkan pada 2010 menggambarkan OPPS dan kumpulan sasaran iaitu “wanita luar bandar di negeri Sabah”

Perkataan “usahawan wanita luar bandar” didefinisikan sebagai “wanita yang menjalankan aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar samada individu maupun secara kumpulan. Antara ciri-ciri “wanita “ tersebut ialah: 1) memainkan peranan penting, 2) mempunyai tanggungjawab dalam membuat keputusan dan 3) memperolehi pendapatan dari aktiviti yang dijalankan. Sebelum penyediaan rangkakerja Pelan Induk , kumpulan sasaran telah diklasifikasikan kepada kumpulan. Langkah ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah, potensi dan keperluan kumpulan sasaran. Selepas itu, objektif dan strategi pembangunan akan dibentuk.

Tidak ada data atau senarai rasmi mengenai usahawan-usahawan wanita luar bandar. Maka untuk mengklasifikasikan usahawan wanita luar bandar, Kajian ini telah mengumpul data mengenai wanita luar bandar yang telah memulakan perniagaan mereka. Pengumpulan data tersebut dijalankan melalui borang kaji soal selidik gender dan bengkel Kajian. (Bab 4) Selain itu, pengumpulan data juga dilakukan melalui sesi temuduga dan lawatan di samping kaji selidik kawasan pemprosesan makanan. Data bagi sampel yang dikumpul adalah diringkaskan dalam Jadual 6-1.

Melalui kajian soal selidik sampel tersebut, beberapa perkara telah diperhatikan. Antaranya ialah:

- (1) Kebanyakan aktiviti yang dilakukan oleh wanita luar bandar ialah 1) pengeluaran pertanian dan pentenakan; 2) berniaga; 3) pemprosesan

- makanan; 4) kraftangan dan menjahit; 5) membekal makanan dan restoran; dan 6) “home-stay” dan tarikan pelancongan;
- (2) Wanita sentiasa melibatkan diri melebihi satu jenis perniagaan seperti membuat kek tempatan, pengeluaran kraftangan dan berniaga secara kecil-kecilan;
 - (3) Aktiviti pengeluaran dan jualan biasanya dilakukan secara persendirian manakala kumpulan dibentuk bagi program sokongan, latihan dan kewangan–mikro dll;
 - (4) Perkara berkenaan dengan pembentukan koperasi yang berdaftar adalah terhadap;
 - (5) Jualan mereka adalah lebih rendah daripada pendapatan garis kemiskinan negeri ; dan
 - (6) Keupayaan berhubung ke dan dari pasaran serta maklumat adalah kritikal bagi memasarkan produk mereka.

Jadual 6-1 Ringkasan Sampel Kaji Selidik Usahawan wanita Luar Bandar

	Name of Group	Division	Access Time to Town	Supporting Programs	Process Level	Sub-sector	Production Place	Sales (RM/person/month)	Length of Business	Number of members
1	Kg.Montoki Group	West Coast	0.5	KPD	1	Livestock	Domestic	1,500	3	10
2	Kumpulan Wanita Pelita Maju	Interior	0.5	DOA	1	Livestock	Domestic	8,550	7	5
3	Penternak Lebah Madu dan Pembuat Penyapu Wanita, Kg. Gombizau	Kudat	1	KPD	2	Agriculture	Domestic	600	5	23
4	KPD Honey Processing Centre	Kudat	1.5	KPD	2	Agriculture	Workshop	--	11	2
5	KumpulanProjek Tanaman	Kudat	0.7	KPD	1	Agriculture	Domestic	50	7	10
6	Kumpulan Teras KPD	East Coast	0.7	KPD	3	Agriculture	Domestic	300	6	16
7	Koperasi Serbaguna Pengguna DESA	Interior	0.5	N	3	Agriculture	Domestic	182	7	
8	Kumpulan Semut Putih	Sandakan	0.5	N	1	Agriculture	Domestic	7,000	14	5
9	Co-operation	Sandakan	0.2	N	3	Agriculture	Domestic	--	7	2
10	Wanita Tikolod	Interior	0.7	N	1	Agriculture	Domestic	460	1	7
11	Individual	Interior	0.7	N	2	Agriculture	Workshop	4,000		2
12	KPD-OISCA Tenom Training Center	Interior	0.5	KPD	3	Agriculture	Center	--		--
13	Bhg. Pemprosesan Makanan, KPD Keningau	Interior	0.3	KPD	3	Agriculture	Center	--	2	10
14	Individual	Kudat	0.5	YUM	2	Agriculture	Street shop	300		1
15	Group Tomis Jaya	West Coast	0.2	N	2	Agriculture	Street shop	--	31	15
16	Usaha Berjaya	Sandakan	0.2	YUM	3	Agriculture	Near Tamu	4,000	16	5
17	Kumplan Abadi Mewah	Sandakan	0.1	YUM	3	Agriculture	Tamu	2,500	0	5
18	Kumpulan Bunga Raya	Interior	0.3	KPD	1	Agriculture	Village	800	11	3
19	Kumpulan WanitaMaju	Interior	0.1	DOA	3	Agriculture	Market	7,000	1	10
20	Individual	West Coast	0.3	YUM	3	Agriculture	Domestic	1,600	9	2
21	Kumpulan Wanita TaniKiabau	Sandakan	2	DOA	3	Agriculture	Center	--	9	10
22	Kumpulan Petani Wanita Maju Sungai Kapur	Sandakan	2	N	3	Agriculture	Domestic	287	8	6
23	Kumpulan Petani Wanita Maju	Sandakan	0.3	N	3	Agriculture	Domestic	375	6	8
24	Kumpulan Wanita Maju	Interior	0.5	DOA	3	Agriculture	Domestic	3,000	9	10
25	Kumplan KPWM Kg.Malia	Interior	0.7	DOA	3	Agriculture	Domestic	100		6
26	Kumpulan Teras Kg..Aman Jaya Senporna	Tawau	0.7	KPD	2	Agriculture	Domestic	390	7	15
27	Merotai Besar,Tawau	Tawau	0.3	N	2	Agriculture	Domestic	60	22	26
28	KPD-Lahad Datu	Tawau	0.3	KPD	1	Agriculture	Workshop	--	9	6
29	KPWM Ckim Kokos,Kunak	Tawau	1	DOA	3	Agriculture	Domestic	1,300	8	7
30	KPWM,Kg.Cocos,Mile6 Lahad Datu	Tawau	0.3	DOA	3	Agriculture	Domestic	400	9	5
31	Kilang Mee MHM Enterprise	Tawau	0.5	FAMA	3	Agriculture	Factory	12,000	3	12
32	KPWM,Kg,Bait,Semporna	Tawau	1	DOA	3	Agriculture	Workshop	1,500	3	6
33	Individual	West Coast	0.3	N	3	Fishery	Domestic	6,000	51	1
34	Individual	Interior	1	N	3	Fishery	Domestic	500	30	1
35	KPWM—KUM Petani Wanita Maju	Sandakan	0.3	DY	4	Fishery	Domestic	500	9	15
36	Kumpulan Keluarga Tani	Sandakan	1	DOA	4	Handicraft	Domestic	200	7	12
37	Pembangunan Keluarga Tani Kg.Muanad	Sandakan	1	DOA	3	Fishery	Domestic	280	7	10
38	Individual	West Coast	0.5	N	3	Fishery	Domestic	4,000	2	5
39	Individual	Sandakan	0.5	N	3	Fishery	Domestic	500	16	25
40	None	West Coast	0.5	KPD	1	Fishery	Domestic	160	5	5
41	Individual	Sandakan	0.3	N	2	Fishery	Domestic	600	0	2
42	Individual	Tawau	0.5	N	3	Fishery	Domestic	450	10	1
43	Individual	Tawau	0.5	N	3	Fishery	Domestic	550	1	1
44	Kumpulan Teras,Kg.Inдорah Sabah	Tawau	0.8	KPD	3	Fishery	Domestic	600	4	1
45	None	Tawau	0.5	YUM	3	Fishery	Domestic	7,000	10	3
46	Individual	Tawau	0.3	DOA	3	Fishery	Factory	50,000	5	5
47	Usahamaju Kg.Imam Sebakung	Tawau	0.2	MARDI	3	Fishery	Village	1,000	1	5
48	Meiko Pearl Culture Co	Tawau	1	N	2	Fishery	Aquaculture	--	6	20
49	Wanita Alaf Baru	Tawau	0.3	KPD	2	Fishery	Aquaculture	1,000	2	1
50	Kumpulan Teras,Kg.Inдорah Sabah	Tawau	0.3	DOF	2	Fishery	Aquaculture	800	4	20
51	Individual	Tawau	1	KPLB	2	Fishery	Aquaculture	1,500	6	
52	Kilang Memproses Keropak Ikan PPRT(FAMA)	Tawau	0.3	FAMA	3	Fishery	Factory	--	2	7
53	Individual	West Coast	1.5	KPD	2	Forestry	Domestic	1,500	12	51
54	KPD Mesilau	West Coast	2	KPD	2	Forestry	Domestic	1,300	11	2
55	Individual	West Coast	1.3	KPD	2	Forestry	Domestic	600	3	7
56	Women Handicraft Group	Kudat	0.8	N	4	Handicraft	Factory	200	5	30
57	Taginambur Group	West Coast	0.7	DY	4	Handicraft	Domestic	300	19	25
58	Bunga Wawasan	Sandakan	0.1	YUM	4	Handicraft	Domestic	5,000	7	3
59	Kumpulan Wanita Maju	Sandakan	0.2	YUM	4	Handicraft	Domestic	1,000	0	5
60	Kumpulan Sukses	Sandakan	0.2	YUM	4	Handicraft	Domestic	400	3	4
61	Kumpulan Wanita Maju	Interior	0.3	DOA	4	Handicraft	Domestic	500	9	10
62	Ahli Kumpulan Tani	Interior	0.3	DOA	4	Handicraft	Domestic	800	6	5
63	Kumpulan Orkid	Interior	0.1	YUM	4	Handicraft	Domestic	1,200	10	5
64	Kumpulan Petani WanitaMaju	Interior	0.3	DOA	4	Handicraft	Domestic	200	4	5
65	Usahamaju Kg.Langsat,Merotai	Tawau	0.1	YUM	4	Handicraft	Street shop	500	3	30

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Nota: Process Peringkat 1 = Sumber bahan mentah;

Process Peringkat 2 = Pemprosesan asas Tanaman Kontan;

Process Peringkat 3 = Pemprosesan Tambah Nilai;

Process Peringkat 4 = Kraftangan

Berdasarkan kepada data kaji soal selidik sampel, pemerhatian semasa lawatan yang dijalankan oleh Pasukan Pengkaji dan perbincangan dengan rakan kerjasama agensi berkaitan di Sabah, maka 7 pilihan kriteria telah dipilih untuk perbandingan. Antara kriteria tersebut ialah : 1) peringkat jualan wanita luar bandar; 2) jarak menghubungi pasaran dan maklumat; 3) bahagian pengurusan dan pentadbiran; 4) Kumpulan etnik dan agama; 5) peringkat teknik; 6) jenis dan produk aktiviti pertanian mereka; dan 7) jenis program sokongan. Kandungan setiap pilihan kriteria dan perbandingan keputusan adalah ditunjukkan di Jadual 6-2.


Jadual 6-2 Perbandingan Pilihan Kriteria untuk Mengklasifikasikan Wanita Luar Bandar

Pilihan Kriteria	Kandungan dan Perbandingan
1. Peringkat Perniagaan	Menunjukkan status semasa wanita luar bandar mengikut jualan dan pengalaman, yang memberi maklumat asas tentang aktiviti ekonomi mereka dan cara pemikiran mereka mengenai cara-cara memulakan perniagaan..
2. Jarak Menghubungi Pasaran dan Maklumat	Menunjukkan keupayaan perhubungan wanita luar bandar ke dan dari pasaran dan maklumat, yang merupakan isu penting untuk mengembangkan pasaran dan meningkatkan kualiti dan pelbagaian produk mereka.
3. Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan	Dasar pembangunan Pertanian pada peringkat tempatan adalah tidak jelas. Gambaran mengenai aktiviti-aktiviti pertanian wanita luar bandar mengikut bahagian pentadbiran dan pengurusan adalah kurang jelas diperhatikan..
4. Kumpulan Etnik dan Agama	Konteks etnik dan agama mempunyai hubungan dengan jenis produk yang dihasilkan dan cara pemikiran serta kelakuan kumpulan sasaran. Walau bagaimanapun, hubungan yang terhad dengan pengeluaran atau jualan di kawasan luar bandar.
5. Peringkat Teknik	Peringkat teknik wanita luar bandar memberi kesan yang besar terhadap meningkatkan keupayaan aktiviti pertanian mereka. Akan tetapi, kebanyakan mereka menggunakan kemahiran tradisi dan primitif, dengan ini sukar untuk diklasifikasikan mengikut kriteria ini.
6. Jenis dan Hasil Produk Aktiviti Pertanian mereka	Wanita luar bandar biasanya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang banyak. Kualiti produk dan pemasaran mempunyai kaitan yang lebih penting jika dibandingkan dengan jenis produk pada peringkat usahawan wanita luar bandar.
7. Jenis Program Sokongan Yang disertai	Program sokongan yang secara langsung menumpukan sasaran usahawan wanita luar bandar adalah terhad dan satu hubungan yang nyata antara jenis program sokongan dan tahap usahawan tidak dapat diperhatikan.

Antara 7 pilihan kriteria tersebut di atas, dua kriteria iaitu “peringkat perniagaan” dan “jarak menghubungkan pasaran dan maklumat” adalah dipilih sebagai

kriteria untuk mengklasifikasikan usahawan wanita luar bandar di Sabah. Seperti yang ditunjukkan di Jadual 6-2, peringkat perniagaan wanita luar bandar adalah data yang diperlukan untuk membentuk dan merumus Pelan Induk Pembangunan bagi mengukuhkan aktiviti dan meningkatkan pendapatan mereka. Keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat merupakan masalah yang serius yang perlu diselesaikan melalui strategi fiskal, institusional dan fungsional. Kriteria yang lain dikenali sebagai faktor yang membezakan keputusan perniagaan Pasukan Kajian mengambil faktor tersebut sebagai pertimbangan dalam analisis.

Hubungan antara dua kriteria yang dipilih iaitu “peringkat perniagaan” dan “jarak menghubungkan pasaran dan maklumat” adalah dianalisis di Rajah 6-1 dengan menggunakan elemen jualan dan jarak . Dengan menggunakan data sampel yang ditunjukkan pada Jadual 6-1, peringkat perniagaan mengenai sampel wanita luar bandar ditunjukkan pada paksi -Y iatu jualan bulanan setiap orang manakala jarak ke pasaran dan maklumat ditunjukkan pada paksi-X sebagai keupayaan masa (jam) ke pekan yang berdekatan dimana terletaknya pasaran dan pejabat kawasan agensi sokongan.



(Sumber Data: Disediakan oleh JICA Study Team)

Nota: Semua ampel dengan hasil jualan melebihi RM2000 ditunjukkan beserta dengan hasil jualan RM2000 supaya dapat menunjukkan perbezaan tahap jualan dengan jelas.

Rajah 6-1 Hubungan antara Jualan dan Jarak Menghubungkan Pasaran dan Maklumat

Kebanyakan sampel adalah terdiri dari mereka yang tinggal di kampung yang terletak lebih kurang satu jam perjalanan dengan kenderaan dari pekan berhampiran dan memperoleh jualan bulanan kurang dari RM700 setiap orang. Jumlah pendapatan ini adalah lebih kurang sama dengan Petunjuk Garis Kemiskinan Sabah (PLI) iaitu RM685 setiap bulan bagi setiap orang. Terdapat juga sebilangan sampel yang tinggal di kampung yang lebih dari satu jam dengan kenderaan dari pekan yang berdekatan dan memilikijualan bulanan kurang dari RM700 setiap orang. Peringkat pendapatan jualan sebanyak RM700 boleh dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam klasifikasi yang disebutkan tadi. Sampel usahawan luar bandar di Sabah boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan seperti kawasan yang dibulatkan dalam Rajah 6-1. Jika diperhatikan dari Rajah 6-1,terdapat dua sampel yang terkecuali yang terletak lebih dari sejam dengan kenderaan dari pekan dan masih memperoleh pendapatan bulanan lebih dari RM700 setiap orang. Mereka ini adalah petani kontrak cendawan di bawah program KPD. Dalam kontrak tersebut, hasil pengeluaran petani akan dibeli oleh KPD pada harga yang telah dipersetujui.

Kumpulan wanita luar bandar yang diliputi dalam Kajian ini merupakan usahawan bertahap mikro dan/ atau mereka yang berancang untuk menjadi usahawan yang beroperasi pada peringkat mikro sahaja. Maka dengan ini, mereka jarang memiliki keupayaan berhubung dengan pasaran yang berskel besar di pasaran bandar meskipun sebilangan dari mereka mempunyai keupayaan berhubung ke pasaran awam di pekan yang berhampiran. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa apa yang dimaksudkan dengan jarak merangkumi bukan setakat jarak secara fizikal tetapi juga lain-lain aspek seperti mental, jarak sistematik dan institusional. Selain dari aspek tersebut, perkara seperti berikut juga diambilkira iaitu peningkatan pengagihan produk dan sistem pasaran, kawalan kualiti, melibatkan lebih ramai orang tengah dan pemborong, bekerjasama dengan pihak pembangunan pelancongan, penggunaan teknologi maklumat dan sebagainya


Bagi wanita luar bandar, kemudahan pengangkutan adalah terhad dan aktiviti mereka secara tradisional juga terhad kepada kawasan yang berdekatan dengan kampung mereka. Justeru itu, keupayaan berhubung ke dan dari pasaran terdekat merupakan salah satu faktor utama yang perlu diperbaiki supaya peringkat perniagaan mereka dapat diperkembangkan. Tambahan lagi, keupayaan berhubung dengan teknologi maklumat dan program sokongan juga adalah penting. Pada umumnya, di kawasan pekanlah terdapat pejabat agensi-agensi

yang merupakan pusat berhubung untuk mendapatkan teknologi maklumat dan program sokongan.

“Peringkat perniagaan” dikatakan mempunyai beberapa aspek bagi menggambarkan status perniagaan wanita dan tahap pengupayaan. Aspek-aspek yang dimaksudkan termasuklah keupayaan berhubung dengan sumber ekonomi, pengurusan projek, keupayaan institusional dan sebagainya. Ukuran pencapaian tidak mungkin hanya dilihat dari segi kuantitatif sahaja. Walau bagaimanapun, kriteria “peringkat perniagaan” adalah penting supaya pertimbangan gender dapat dirangkumi berbanding dengan hanya memfokuskan kepada output perniagaan sebagai ukuran pencapaian.

Sebagai kesimpulan, klasifikasi untuk usahawan wanita luar bandar dalam Kajian ini menggunakan dua kriteria tersebut iaitu “peringkat kematangan aktiviti-aktiviti pertanian wanita luar bandar” yang diubah dari “peringkat perniagaan” dan “keupayaan berhubung ke dan dari pasaran dan maklumat” yang diubah dari “jarak pasaran”.

Tambahan kepada usahawan wanita luar bandar, Pelan Induk Pembangunan merangkumi wanita yang tinggal di kawasan dan kampung terpencil dan tidak mempunyai maklumat atau peluang galakan pendapatan serta kumpulan wanita yang mempunyai rancangan mengenai aktiviti pertanian tetapi masih belum memulakannya. Kumpulan wanita yang masih belum terlibat dalam aktiviti pertanian setakat ini adalah ditunjukkan pada Rajah 6-2. Data dalam rajah tersebut mengambilkira hubungan dengan kumpulan usahawan wanita luar bandar dan kumpulan wanita. Di antara 12 bahagian kecil yang ditunjukkan dalam Rajah 6-2, dapat diperhatikan bahawa ramai di antara wanita luar bandar dan usahawan wanita luar bandar adalah dirangkumi dalam enam kelompok dari kelompok 1 hingga 6.



(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Rajah 6-2 Klasifikasi Wanita Luar Bandar di Sabah

6.2 PEMBENTUKAN DAN RUMUSAN MATLAMAT

Pelan Induk Pembangunan bertujuan untuk” meningkatkan keupayaan usahawan wanita luar bandar” yang bermakna “memperkembangkan keupayaan berhubung dan mengawal sumber dan peluang ekonomi. Selain dari itu, Pelan Induk Pembangunan juga menfokus kepada perkara-perkara berikut. Antaranya ialah untuk menggalakkan peningkatan pendapatan wanita dan isirumah, menaik tarafkan persekitaran hidup, menyumbangkan kepada pengkasaan wanita luar bandar dan mengurangkan kemiskinan bagi masyarakat luar bandar. Justeru itu, matlamat pembangunan bagi rangkakerja Pelan Induk tersebut adalah dibentuk dan dirumuskan berdasarkan kepada latarabelakang yang tersebut di atas di samping sejajar dengan pencapaian sasaran tahun 2010. Di samping itu, tujuan jangka panjang juga telah ditetapkan untuk menunjukkan halatuju pembangunann yang difokuskan dalam Pelan Induk Pembangunan selepas tahun 2010. Untuk mencapai tujuan keseluruhan dan objektif jangka panjang seperti yang disebutkan di atas, maka tidak dinafikan bahawa terdapat banyak perkara dan andaian

penting yang perlu diselesaikan oleh kerajaan negeri. Antaranya ialah peningkatan dan pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan penglibatan agensi sokongan kerajaan dengan lebih komited dan berkesan.

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat ke atas situasi semasa wanita luar bandar, usahawan wanita luar bandar serta program dan agensi sokongan kerajaan, maka beberapa masalah telah dikenalpasti. Berikut ini adalah masalah kritikal yang dikenalpasti di kalangan wanita luar bandar, usahawan wanita luar bandar serta program dan agensi sokongan kerajaan negeri Sabah:

[Wanita Luar Bandar dan Usahawan Wanita Luar Bandar]

- (1) Peranan wanita luar bandar dalam keluarga dan aktiviti ekonomi berskel mikro tidak diiktiraf dan dinilai dengan berpatutan (semua kelompok);
- (2) Kebanyakan wanita luar bandar lebih cenderung untuk bersikap pasif dan dianggap memainkan peranan sampingan dalam masyarakat. Mereka juga tidak arif dengan perancangan atau membuat sesuatu untuk diri sendiri. (Kelompok 3 – 6);
- (3) Wanita luar bandar mempunyai keupayaan berhubung yang terhad ke atas program latihan dan maklumat mengenai kemahiran pengeluaran, perakaunan, pengendalian makanan, pengurusan dan kewangan (Kelompok 3,5 dan 6)
- (4) Kumpulan wanita luar bandar mempunyai masalah dari segi pemasaran produk-produk mereka, yang mana susah bagi pihak agensi kerajaan untuk menyalurkan bantuan (Kelompok 2 dan 4);
- (5) Wanita luar bandar mempunyai keupayaan berhubung yang terhad ke atas perkhidmatan kewangan mikro untuk mendapatkan kos modal (Kelompok 4 –6)

[Program-program dan Agensi Sokongan]

- (6) Kakitangan pengembangan mempunyai keupayaan yang terhad untuk menyelaras dan bekerjasama dengan wanita luar bandar melalui pendekatan penyertaan bersama dan gender sedangkan pendekatan “top down” adalah sering terdapat dalam program sokongan yang sedia ada;
- (7) Agensi-agensi sokongan mempunyai sumber tenaga kerja dan kewangan yang terhad untuk membantu wanita luar bandar dan usahawan wanita luar bandar;
- (8) Tidak wujud rangkaian jaringan untuk menyelaras dan bertukar-tukar maklumat di kalangan agensi sokongan. Kebanyakan agensi kerajaan dari

- pelbagai sektor mempunyai corak pelaksanaannya masing-masing; dan
- (9) Aliran utama Gender (Gender mainstreaming) belum digalakkan secara berpatutan dalam program dan agensi sokongan.

6.3 RANGKAKERJA PELAN INDUK PEMBANGUNAN

Berdasarkan kepada tujuan pembangunann dan keutamaann menyelesaikan masalah seperti yang disebutkan di atas, maka isu-isu berikut adalah diutamakan semasa proses penyediaan rangkakerja Pelan Induk Pembangunan.;

- (1) Untuk mengukuh dan menaik tarafkan sistem bagi mendidik dan menggalakkan wanita dan masyarakat luar bandar supaya taraf hidup luar bandar boleh dipertingkatkan;
- (2) Untuk meningkatkan keupayaan berhubung dengan maklumat dan latihan supaya perniagaan mereka dapat diperkukuhkan dan kualiti produk dapat ditingkatkan;
- (3) Untuk meningkatkan keupayaan berhubung dengan makluamt dan latihan supaya pemasaran mereka dapat diperkembangkan; dan
- (4) Untuk membangunkan keupayaan dan menggalakkan aliran gender agensi sokongan.

Dengan mengambilkira semua perkara-perkara penting di atas, maka rangkakerja Pelan Induk pembangunan telah disediakan seperti Jadual 6-3.

Jadual 6-3 Ringkasan Rangkakerja Pelan Induk Pembangunan

	RANGKAKERJA PELAN INDUK PEMBANGUNAN
Matlamat Jangka Panjang	<ul style="list-style-type: none"> - Lebih banyak penglibatan wanita luar bandar dari segi membuat keputusan dalam masyarakat - Mengaktifkan ekonomi luar bandar - Mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar - meminimumkan penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar
Matlamat Separuh Penggal	<ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan taraf hidup wanita luara bandar dan keluarga mereka
Matlamat Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan pendapatan wanita luar bandar melalui peningkatan dan pengukuhan aktiviti berkaitan dengan pertanian
Strategi Pembangunan	<ol style="list-style-type: none"> 1 Membantu wanita dari segi memberikan pendidikan dan pengajaran untuk aktiviti kumpulan, kepimpinan dan masyarakat wanita luar bandar. 2 Mempertingkatkan kemahiran wanita luar bandar dari segi pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan, jualan, perancangan perniagaan, pengurusan perniagaan dan kemahiran pengurusan projek 3 Pembangunan dan pengembangan jaringan pengagihan dan pasaran produk wanita luar bandar serta peningkatan keupayaan pemasaran wanita luar Bandar 4 Pembinaan keupayaan dan pengukuhan institusional agensi-agensi kerajaan yang memberi bantuan kepada aktiviti wanita luar bandar

BAB 7: PENGESAHAN KAJI SELIDIK

7.1 RENCANA RINGKAS KAJI SELIDIK

Kaji soal pengesahan Kajian PUANDESA telah dilancarkan pada September 2002. Kajian Pengesahan tersebut bertujuan untuk :

- (1) Mengenalpasti ketepatan rangka rancangan Pelan Induk Pembangunan bagi meningkatkan keupayaan usahawan wanita di Sabah yang disediakan dalam bulan Ogos melalui pelaksanaan projek perintis;
- (2) Memastikan supaya Pelan Induk Pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih praktikal berdasarkan pembelajaran yang dipelajari daripada projek perintis;
- (3) Mengenalpasti peluang dan potensi yang wujud dan kemungkinan masalah yang dihadapi pada masa depan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan dan;
- (4) Menerap pengetahuan dan kemahiran kepada rakan kerjasama agensi berkaitan di Sabah melalui pelaksanaan dan pengesanan projek perintis.

Komponen dan Jadual Kaji soal selidik adalah ditunjukkan dalam Jadual 7-1:

Jadual 7-1 Komponen dan Jadual Pengenalpastian Kaji Selidik

Jadual	Komponen-komponen
September 2002	- Menubuhkan struktur organisasi pelaksanaan dan pengesanan - Menjalankan Kaji Selidik asas
Oktober 2002 – Februari 2003	- Melaksana dan mengesan 11 projek perintis
Februari 2003	- Menjalankan penilaian separuh penggal
March – Ogos 2003	- Melaksanakan dan mengesan fasa 2 bagi 11 projek perintis
September 2003	- Menjalankan penilaian lepas pelaksanaan(post-evaluation) projek perintis
Oktober 2003	- Mengenalpasti pengalaman dan pembelajaran dan menyiapkan draf Pelan Induk Pembangunan

7.2 PERANCANGAN PROJEK-PROJEK PERINTIS

Komponen utama kaji selidik pengesahan adalah untuk melaksana dan mengesan projek-projek perintis. Semasa pembentukan projek perintis, semua langkah-langkah adalah dijalankan bersama oleh rakan kerjasama dari Sabah

yang bekerjasama dengan Pasukan Pengkaji JICA. Pasukan Pengkaji mengutarakan pendapat-pendapat berikut kepada rakan kerjasama dari Sabah untuk pembentukan rancangan projek perintis:


- (1) Rancangan projek perintis yang disediakan haruslah berfungsi sebagai “perintis” untuk mengesahkan rangka rancangan Pelan Induk.
- (2) Dalam jangkamasa setahun pelaksanaan kaji selidik pengesahan tersebut, rancangan projek-projek perintis dijangka dapat menunjukkan keberkesannya dan memberi pembelajaran untuk meningkatkan taraf rancangan Pelan Induk.
- (3) Rancangan projek perintis haruslah berdaya kekal dan boleh dilaksanakan oleh kakitangan projek di Sabah walaupun selepas tamatnya jangkamasa kaji selidik pengesahan.

Idea pertama tentang kemungkinan pelaksanaan rancangan projek perintis telah dibentuk dan dicatatkan atas borang profil projek. Selepas meneliti dan mengkaji semula beberapa perkara seperti senarai pertama kemungkinan pelaksanaan projek perintis berdasarkan tiga isu utama seperti dinyatakan tadi, dan juga hubungkaitnya dengan rangka rancangan Pelan Induk, maka senarai kedua kemungkinan pelaksanaan projek telah disediakan seperti ditunjukkan di Jadual 7-2.

Jadual 7-2 Susunan Keutamaan Kemungkinan Pelaksanaan Projek Perintis

Strategi	Keutamaan dan Susunan Nama-nama Projek	susunan
Meningkatkan kesedaran wanita luar bandar di kawasan terpencil	Berfikir dan bekerja bersama projek wanita luar bandar	2 nd
	Projek untuk menubuhkan pusat khidmat setempat untuk wanita luar Bandar	9 th
	Projek menaik taraf persekitaran rumah dengan pembuatan sabun	17 th
Meningkatkan kemahiran pengeluaran usahawan wanita luar bandar	Projek meningkatkan teknologi pembungkusan dan perluasan pasaran jam dan madu	3 rd
	Projek penggunaan produk dan sumber-sumber yang tidak terpakai	5 th
	Projek penternakan ayam kampung	7 th
	Projek pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut	10 th
	Projek menaik taraf pusat pemprosesan kerepek ikan	14 th
	Projek OPF (oil palm frond) pellet untuk makanan lembu	20 th
Meningkatkan aktiviti pemasaran usahawan wanita luar bandar	Projek untuk pembaikan dan inovasi fungsi TAMU	8 th
	Projek untuk mempromosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat	11 th
	Projek menubuhkan pusat jualan cenderamenu asli Sabah	16 th
Mengukuhkan program-program sokongan agensi terlibat	Latihan berpendekatan penyertaan mengenai analisis sosial/gender	1 st
	Projek keberkesanan skim kredit-mikro untuk usahawan wanita luar Bandar	4 th
	Projek untuk mengukuhkan jaringan organisasi promosi kraftangan	6 th
	Projek untuk mengukuhkan badan penyelaras bagi pengkasaan wanita luar Bandar	12 th
	Projek jaringan fungsional mengenai gender	13 th
	Projek peningkatan perhubungan awam agensi berkaitan	15 th
	Persidangan Projek untuk menggalkkan usahawan wanita luar Bandar	18 th
	Projek kempen sosial untuk masyarakat “stakeholders”	19 th

Kesemua 20 rancangan kemungkinan projek perintis telah disenaraikan mengikut ketutamaan berdasarkan pilihan criteria. Langkah sedemikian ialah supaya penyediaan senarai akhir dapat dilakukan untuk kaji selidik pengesahan. Langkah-langkah terlibat dalam pembentukan rancangan projek perintis mengikut keutamaan adalah ditunjukkan dalam Rajah 7-1.



Rajah 7-1 Langkah-langkah Pembentukan Projek-projek Perintis Mengikut Keutamaan


Pilihan criteria untuk mewujudkan rancangan projek perintis perlu dipertimbangkan dengan teliti. Apabila memilih kriteria, beberapa perkataan utama yang sering digunakan perlu dipertimbangkan dengan teliti seperti “keberkesanan”, “kecekapan”, “kesan”, “kesesuaian”, “daya kekal”, “keperluan tempatan” dan “keutamaan kerajaan yang menggunakan”.

Dalam Kajian Pelan Induk, selain daripada tiga isu penting yang di sebutkan di atas, factor-faktor mengenai kesesuaian kepada rancangan tahap atasan termasuk “pengaktifan semula aktiviti ekonomi” dan “pengkasaan wanita” , kesan pelaksanaan projek untuk memperkembangkan ke lain-lain kawasan/lain-lain sektor dan tahap keperluan tempatan. Selain dari itu, daya kemungkinan maju dan daya kekal projek yang merangkumi semangat agensi sokongan, tahap teknikal dan sumber-sumber kewangan juga perlu diberi keutamaan. Pemilihan kriteria yang digunakan dalam keutamaan adalah ditunjukkan dalam Jadual 7-3.

Jadual 7-3 Pilihan Kriteria

Petunjuk 1	Petunjuk 2
1. Sumbangan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi wanita	1-1 Meningkatkan penyertaan wanita dalm aktiviti sosio-ekonomi 1-2Meningkatkan galakan pendapatan wanita luar bandar 1-3 Sesuai dengan aktiviti wanita luar bandar 1-4 Berkesan kepada wanita luar Bandar
2. Hasil dari pelaksanaan projek	2-1 Pengurangan kemiskinan 2-2 Bilangan Penerima faedah 2-3 Daya kekal projek 2-4 Kesan ‘Ripple’ dan “synergy”
3. Kesesuaian Pelaksanaan	3-1 Kos permulaan 3-2 Kos Operasi 3-3 Peruntukan belanjawan Negeri 3-4 Memenuhi keperluan “stakeholders”
4. Keupayaan “stakeholders”	4-1 Tanggungjawab agensi berkenaan 4-2 Sumber tenaga manusia agensi berkenaan 4-3 Keaktifan dan Keinginan

Perkara penting yang perlu dipertimbangkan semasa memberi pengutamaan rancangan projek perintis ini ialah perbezaan antara kriteria pilihan. Demi untuk menggabungkan pandangan rakan kerjasama di Sabah ke dalam pengutamaan dengan lebih teratur, dan untuk meningkatkan ketelusan dalam penyediaan rancangan projek, maka pilihan mengikut keutamaan kriteria tersebut adalah dikendalikan oleh rakan kerjasama dari Sabah dan Pasukan Pengkaji JICA. Keputusan kaji soal selidik tersebut adalh ditunjukkan dalam Rajah 7-2.



Rajah 7-2 Keputusan Wajaran Kaji Soal Selidik Mengenai Pilihan Kriteria

Daripada rajah di atas, keputusan menunjukkan bahawa rakan kerjasama dari Sabah memberi keutamaan yang yang tinggi untuk mengurangkan kemiskinan

berbanding dengan kriteria pilihan yang lain dan merupakan keutamaan kedua tertinggi selepas keperluan penerima faedah. Berdasarkan kepada keputusan kaji soal selidik, pelaksanaan aktiviti mengikut keutamaan bagi rancangan 20 projek perintis telah dibentangkan dalam bengkel bersama dengan Jawatankausa Teknikal. Dalam bengkel tersebut, selepas penerangan diberikan, setiap peserta memberi wajaran kepada setiap rancangan mengikut keutamaan. Kemudian pengkadaran setiap rancangan mengikut kriteria adalah ditentukan berdasarkan kepada persetujuan semua peserta bengkel.



Gambar 7-1 Bengkel Perancangan



Gambar 7-2 Keputusan Bengkel

Jadual 7-3 menunjukkan susunan keutamaan antara munasabah pelaksanaan rancangan projek perintis yang diputuskan dalam bengkel pemilihan anjuran bersama rakan kerjasama dari Sabah.

Dengan mempertimbangkan terdapatnya peruntukan bagi kaji soal selidik pengesahan dan keupayaan pengesanan dan penyeliaan oleh rakan kerjasama dari Sabah dan Pasukan Pengkaji JICA, sebanyak 10 Projek Perinits telah dipilih berdasarkan kepada keutamaan dan isu-isu utama berikut:

- (1) Pengagihan projek perintis yang seimbang dalam strategi pembangunan
- (2) Pengagihan projek perintis yang seimbang untuk kelompok wanita luar bandar;
- (3) Pengagihan projek perintis yang seimbang bagi agensi-agens sokongan;
- (4) Rancangan Pelan Induk yang dianggap berisiko tinggi oleh kerana pengalaman terhad agensi sokongan telah diberi keutamaan yang rendah; dan
- (5) Rancangan Pelan Induk yang tidak kelihatan daya kemungkinan maju sebagai projek wanita luar bandar kerana kos permulaan dan kos operasi yang tinggi akan diberi keutamaan yang rendah.

Berdasarkan kepada Jadual 7-2, Tiga(3) projek perintis yang berpotensi telah dicadangkan dalam strategi untuk meningkatkan kesedaran wanita luar bandar di kawasan terpencil dan Pasukan Kajian telah memilih "Berfikir dan Bekerja Bersama Wanita Luar Bandar" serta "Projek Untuk Mewujudkan Pusat Khidmat Setempat Mudah alih" untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-4.

Setakat mana strategi kedua iaitu meningkatkan kemahiran pengeluaran usahawan-usahawan wanita luar bandar adalah berkaitan, Pasukan Pengkaji JICA telah memilih dua projek perintis yang ditunjukkan dalam Jadual 7-4. Walau pun projek peningkatan teknologi bagi pembungkusan dan pengembangan pasaran jem dan madu diletakkan sebagai keutamaan ketiga dan projek pemeliharaan ayam kampung di keutamaan ketujuh, namun kos permulaan bagi pelaksanaan projek-projek tersebut adalah terlalu tinggi untuk perniagaan wanita luar bandar. Tambahan pula, pemindahan teknologi ahli-ahli pasukan petugas dari segi ini adalah agak sukar. Projek untuk penggunaan produk-produk dan sumber-sumber tidak terpakai serta Projek pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut adalah dipilih memandangkan keberkesanan kos dan jangkamasa yang bersesuaian untuk kaji selidik pengesahan.

Dari strategi ketiga, dua daripada projek yang mempunyai keutamaan yang lebih tinggi telah dipilih seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-4.

Pasukan Pengkaji JICA telah memilih empat (4) projek perintis mengikut keutamaan dalam penyusunan kedudukan daripada keempat-empat strategi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-4. Sebagai penambahan, bagi projek perintis 11 iaitu "Projek Meningkatkan Pemahaman dan Sokongan Penggubal-penggubal Dasar bagi Agensi-agensi yang berkenaan" telah dimasukkan kerana pemahaman yang bersesuaian dan sokongan aktif yang berterusan dari para penggubal dasar adalah sangat-sangat diperlukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Induk tersebut.

7.3 RENCANA RINGKAS PROJEK PERINTIS

Sebelas projek perintis yang dipilih adalah seperti berikut, yang dibahagikan kepada 4 kumpulan berdasarkan kepada objektif dan kumpulan sasaran: (Jadual 7-4):

Jadual 7-5 memaparkan objektif kumpulan sasaran dan tanggungjawab agensi bagi pelaksanaan setiap projek perintis menakala Rajah 7-5 pula menunjukkan kawasan sasaran pelaksanaan projek perintis.

Strategi 1 bagi kedua-dua projek perintis 1 dan 2 memfokuskan kepada kumpulan wania luar bandar yang belum mempunyai aktiviti galakan pendapatan dan mereka ini tinggal di kawasan yang sangat terpencil atau kawasan terpencil secara relatifnya. (Kelompok 6 di Rajah 6-2). Pada umumnya, kebanyakan wania luar bandar di kawasan terpencil ini mempunyai keupayaan berhubung yang terhad kepada maklumat asas dan latihan berkenaan dengan cara-cara mengenalpasti dan membincang masalah dan peluang dalam kehidupan seharian serta bagaimana untuk menghadapi cabaran-cabaran yang ada. Mereka ini belum lagi memulakan aktiviti untuk meningkatkan taraf kehidupan atau memperkembangkan aktiviti pertanian yang sedia ada. Kedua-dua strategi projek perintis ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan maklumat dan latihan di kawasan-kawasan terpencil.

Jadual 7-4 Senarai Projek Perintis

<u>SENARAI PROJEK PERINTIS</u>	
Strategi 1: Meningkatkan kesedaran wanita-wanita luar bandar yang terpercil	
Projek Perintis 1	Berfikir dan bekerja bersama dengan wanita luar bandar
Projek Perintis 2	Projek menubuhkan satu pusat khidmat setempat untuk usahawan wanita luar bandar
Strategi 2: Meningkatkan kemahiran pengeluaran usahawan wanita luar bandar	
Projek Perintis 3	Projek penggunaan produk dan sumber-sumber yang tidak terpakai
Projek Perintis 4	Projek Pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut
Strategi 3: Meningkatkan aktiviti pemasaran usahawan wanita luar bandar	
Projek Perintis 5	Projek pembaikan dan inovasi fungsi TAMU
Projek Perintis 6	Projek untuk mempromosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat
Strategi 4: Mengukuhkan program-program sokongan agensi terlibat	
Projek Perintis 7	Projek untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah penyertaan bersama dalam perancangan projek
Projek Perintis 8	Projek untuk mengukuhkan badan koordinasi pengupayaan wanita luar bandar
Projek Perintis 9	Projek untuk pengukuhan jaringan organisasi promosi kraftangan
Projek Perintis 10	Projek untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kredit-mikro untuk usahawan wanita luar bandar
Projek Perintis 11	Projek untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan pembuat dasar

Kedua-dua projek ini jelas bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan keupayaan dan penyelarasan untuk menggalakkan aktiviti kumpulan wanita luar bandar di samping memimpin mereka mewujudkan wanita luar bandar yang berfikiran positif dan boleh berusaha mengikut inisiatif sendiri melalui latihan dalam kerja. Dengan ini, latihan dalam kerja (on the job training). Projek perintis 1 menunjukan sasaran bagi kakitangan pengembangan bekerja bersama dengan wanita luar bandar manakala Projek Perintis 2 berusaha untuk membolehkan JKKK memahami peranan untuk “pusat khidmat setempat” (one stop center) dalam masyarakat dan seterusnya dapat memastikan sokongan JKKK yang berkesan kepada kaum wanita.

Strategi 2 merangkumi dua projek perintis iaitu **Projek Perintis 3 dan 4** yang mana direkabentuk untuk meningkatkan kemahiran pengeluaran asas wanita luar bandar dan demi mengukuhkan aktiviti kumpulan dari segi penggunaan potensi dan peluang. Kawasan sasaran bagi kedua-dua projek perintis ini adalah kawasan

kampung yang pada umumnya terletak jauh daripada pasaran(kelompok 4,5 dan 6). Kumpulan sasaran di kawasan ini telahpun terlibat dengan aktiviti-aktiviti galakan samada perniagaan sendiri atau keluarga. Walau bagaimana pun, akytiviti mereka adalah tidak disenggarakan dengan baik atau memang tidak diakui sebagai aktiviti ekonomi. Mereka mempunyai peluang yang terhad untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Tujuan utama projek perintis 3 pula adalah untuk mewujudkan satu projek contoh. Projek contoh yang diwujudkan akan berupaya untuk 1) menyebarkan idea tentang penggunaan sepenuhnya sumber-sumber tempatan termasuklah produk pertanian, sumber-sumber yang tidak digunakan dan kemahiran tradisional untuk mengembangkan aktiviti pertanian mereka yang sedia ada dan 2) untuk menggalakkan aktiviti kumpulan manakala Projek Perintis 4 pula bertujuan untuk 1) meningkatkan keupayaan berhubung dan memperolehi latihan kemahiran asas wanita luar bandar dari segi pengeluaran dan perakauan dan 2) menggalakkan aktiviti kumpulan. Secara berperingkat, kedua-dua projek ini akan berupaya untuk memupuk dan mewujudkan “wanita luar bandar yang berfikiran secara positif dan berusaha dengan inisiatif sendiri”

Strategi 3 bagi **Projek Perintis 5 dan 6** merangkumi kumpulan wanita luar bandar yang telah pun memulakan perniagaan berkaitan dengan pertanian seperti membuat kek tradisaional tempatan, kraftangan, madu dan lain-lain. Mereka ini juga telah mencari peluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka(Kelompok 2 ,3). Kedua-dua projek tersebut bertujuan untuk membekalkan peluag kepada usahawan wanita luar bandar untuk meningkatkan keupayaaan berfikir bersama sebagai satu kumpulan atau dalam masyarakat. Dengan kata lain, mereka harus berupaya memikirkan bagaimana untuk meningkatkan dan mempelbagaikan kemahiran dan produk sedia ada dan bagaimana untuk memperkembangkan pasaran mereka. Dalam pelaksanaan projek ini, kemungkinan penggunaan perkhidamtan awam, kemudahan dan program adalah diteliti.

Projek Perintis 5 memfokuskan kepada pasaran awam yang tradisional di mana TAMU KPD di Kota Kinabalu, merupakan tapak asas untuk perniagaan usahawan wanita luar bandar manakala Projek Perintis 6 pula menumpukan promosi pelancongan berasaskan pertanian (agro-tourism) sebagai menyambut usaha kerajaan negeri mengenai dasar pembangunan pelancongan di Daerah Kudat. Melalui aktiviti projek ini, adalah dijangka bahawa kumpulan sasaran berupaya untuk meningkatkan keupayaan memikir dan merancang sendiri serta

bekerjasama dengan kumpulan yang diselaraskan supaya perniagaan dan persekitaran penghidupan dapat dinaik tarafkan.

Kumpulan sasaran bagi kumpulan 4 merangkumi agensi-agensi yang terlibat dalam program-program, membantu wanita luar bandar dan usahawan wanita luar bandar di Sabah. Kumpulan 4 meliputi lima **Projek Perintis iaitu 7,8,9,10 dan 11**. Demi untuk memastikan keberkesanan dan daya kekal pelaksanaan Pelan Induk pada masa akan datang maka perngukuhan dan kekuatan institusional dan pembangunan sumber tenaga kerja adalah amat diperlukan.

Projek Perintis 7 telah dibentuk untuk meningkatkan sistem latihan dalam perkhidmatan pengembangan untuk bekerja bersama dengan wanita luar bandar. Projek Perintis 8 pula menerangkan tanggungjawab setiap agensi dan meningkatkan jaringan dan penyelarasan di kalangan agensi yang terlibat. Selain itu, Projek Perintis 9 bertujuan untuk mewujudkan dan meningktakan kerjasama di kalangan agensi yang terlibat dalam kraftangan;Projek Perintis 10 pula ialah untuk mengukuhkan pengurusan perkhidamtan kredit mikro YUM.

Akhir sekali, Projek Perintis 11 dibentuk untuk meningkatkan persefahaman dan sokongan penggubal dasar agensi berkenaan supaya pelaksanaan Projek Induk Pembangunan dapat berjalan dengan lancar pada masa akan datang.

7.4 RANGKA RANCANGAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN DAN PROJEK PERITNS

Rangka rancangan Pelan Induk Pembangunan mencadangkan 5 strategi pembangunan utnuk mencapai matlamat pembangunannya iaitu “meningkatkan pengupayaan wanita luar bandar dan pengupayaan isirumah melalui penigkatan aktiviti pertanian dan meningkatkan usahawan wanita luar bandar”. Antara strategi pembangunan tersebut ialah seperti berikut:

- (1) Strategi Pembangunan 1: Unutk mendidik wanita luar bandar dalam aktiviti kumpulan dan kepimpinan di samping mendidik ahli masyarakat untuk menyokong aktiviti mereka.;
- (2) Strategi Pembangunan 2: Untuk meningkatkan kemahiran dan teknologi wanita luar bandar dari segi perngeluaran pertanian, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan, jualan, perancangan dan pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan dsb;
- (3) Strategi Pembangunan 3: Untuk mewujudkan dan mengembangkan jaringan pengagihan dan pasaran bagi produk wanita luar bandar serta


meningkatkan keupayaan pemasaran mereka;

- (4) Strategi Pembangunan 4: Untuk menggalakkan pembinaan keupayan dan kekuatan institutional agensi-agensi kerajaan supaya menyokong aktiviti pertanian mereka.

Rangka rancangan Pelan Induk juga mencadangkan agar wanita luar bandar diklasifikasikan kepada 6 keolompok berdasarkan kepada aktiviti pertanian mereka. Antaranya ialah:

- Kelompok 1: Usahawan wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat dan merupakan mereka yang telah mengoperasikan perniagaan pertanian mampu diri;
- Kelompok 2: Wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat tetapi masih menghadapi masalah dan dapat memperkembangkan perniagaan mereka;
- Kelompok 3: Wanita luar bandar yang secara relatif menghadapi kesukaran berhubung dengan pasaran dan maklumat dan masih menghadapi masalah untuk memperkembangkan perniagaan mereka;
- Kelompok 4: Wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat dan mempunyai rancangan untuk berniaga tetapi belum memulakan perniagaan;
- Kelompok 5: Wanita luar bandar yang secara relatif menghadapi kesukaran untuk berhubung dengan pasaran dan maklumat tetapi mempunyai rancangan untuk berniaga tetapi belum memulakan perniagaannya; dan
- Kelompok 6: Wanita luar bandar mempunyai keupayaan berhubung yang amat terhad dengan pasaran dan maklumat, pengetahuan serta maklumat adalah terhad mengenai pilihan penghidupan dan aktiviti galakan pengupayaan.

Kumpulan sasaran utama (kelompok) setiap Projek Perintis adalah diringkaskan dalam Rajah 7-3.



Rajah 7-3 Kumpulan sasaran utama (kelompok) setiap Projek Perintis

7.5 PELAKSANAAN DAN PENGESANAN

Beberapa unit pasukan petugas (taskforce) telah dibentuk semasa lawatan pertama dan kedua Pasukan Petugas JICA untuk mengumpul maklumat dan penyediaan rangka rancangan Pelan Induk Pembangunan telah ditubuhkan bagi setiap Projek perintis. Pasukan petugas projek perintis terdiri dari kakitangan agensi-agensis yang berkaitan yang juga merupakan ahli kepada unit pasukan petugas. Pasukan petugas projek perintis ini bertanggungjawab dalam penyediaan rancangan dengan terperinci, pelaksanaan dan pengesanan setiap projek perintis.

Antara tanggungjawab bagi setiap pasukan petugas ialah seperti berikut: pasukan petugas gender bertanggungjawab menyelia Projek Perintis 1 (kesedaran gender), Projek Perintis 2 (pusat khidmat setempat) dan Projek Perintis 7 (latihan pengembangan). Pasukan petugas Kraftangan pula bertanggungjawab dalam Projek Perintis 3 (sumber-sumber tidak terpakai) dan Projek Perintis 9 (jarigan kraftangan); Pasukan petugas pemprosesan makanan meliputi Projek Perintis 4 (pengkulturan rumpai laut); dan pasukan petugas pemasaran bertanggungjawab untuk Projek Perintis 5 (Tamu KPD) dan Projek Perintis 6 (Pelancongan Kudat). Pasukan petugas institusi dan kewangan mengetuai Projek Perintis 8 (penyelarasan), Projek Perintis 10 (pengurusan YUM) dan Projek Perintis 11 (penggubal dasar). Struktur tanggungjawab Pelaksanaan dan pengesanan projek perintis adalah ditunjukkan dalam Rajah 7-4.

Jadual 7-5 Rencana Ringkas Projek Peritnis (Februari 2003) (1/3)


No.	Kumpulan	Tajuk Projek	Objektif-objektif	Kawasan/Kumpulan Sasaran	Agensi yang mengetuai	Agensi-agen si berkaitan
1	Kesedaran wanita luar bandar	Berfikir dan bekerja bersama dengan wanita luar bandar	Meningkatkan perkhidmatan pembangunan dan pendekatan bekerja bersama dengan wanita di kampung terpencil Meningkatkan kesedaran peranan dan potensi wanita luar bandar dan kemungkinan bekerjasama secara kumpulan Meningkatkan kesedaran wanita luar bandar untuk menggalakkan program pemuliharaan persekitaran dan "homestay" serta kerjasama dengan NGO di kampung terpencil	Kakitangan pembangunan di daerah Pitas Kumpulan wanita di 4 kampung di Daerah Pitas (Kampung Pandan Mandamai, Pandan, Mandamai and Lugu) Ahli masyarakat di 4 kampung di kawasan Bundu-Apin Apin Area di Tambunan and Keningau	DOA	KPD, KPLB, YUM, JHEWA, Min. of Tourism
2	Kesedaran wanita luar bandar	Projek menubuhkan satu pusat khidmat setempat utnuk usahawan wanita luar bandar	Meningkatkan keupayaan wanita luar bandar berhubung dengan sokongan program awam Meningkatkan pemahaman dan kerjasama dengan ketua masyarakat	JKKK dan ketua wanita dan ketua mukim kampung Pandan Mandamai, Pandan, Mandamai dan Lugu	JHEWA	KPLB, KPD, DOA, YUM
3	Pengeluaran	Projek penggunaan sumber dan produk pertanian yang tidak terpakai	Untuk menyebarkan idea mengenai pendekatan menghasilkan produk pertanian dengan menggunakan sumber dan produk yang tidak terpakai Untuk meningkatkan kesedaran wanita luarbandar mengenai peranan, potensi dan kemungkinan bekerjasama dalam kumpulan	Kakitangan pembangunan di Daerah Kudat Kumpulan wanita di 3 kampung di Daerah Kota Marudu dan Pitas (Kampung Minyak, Trankapas, Kalipoun Lau dan Darah, dan 4 Kampung dari kawasan Pandan Mandamai)	PKKM	YUM, KPD, DOA, KPLB, KEMAS, YS, IDS

Jadual 7-5 Rencana Ringkas Projek Peritnis (Februari 2003) (1/3)

No.	Kumpulan	Tajuk Projek	Objektif-objektif	Kawasan/Kumpulan Sasaran	Agensi yang mengetuai	Agensi-agensi berkaitan
4	Pengeluaran	Projek pemrosesan dan pengkulturan rumput laut	Untuk meningkatkan pengeluaran rumput laut, pemrosesan, pengurusan projek dan kemahiran pemasaran di kampung perikanan Untuk meningkatkan aktiviti kumpulan dan kesedaran wanita	Kumpulan wanita dari 2 kampung di Pulau Bum-Bum di Daerah Semporna (Kampung Lok Butun dan Gelam-Gelam)	DOF	KPD, KPLB, FAMA, MARDI
5	Pemasaran	Projek pembaikan dan inovasi fungsi Tamu	Untuk meningkatkan peranan dan fungsi tamu KPD sebagai pusat maklumat, tapak contoh untuk usahawan wanita luar Bandar	TAMU KPD di Kota Kinabalu Kakitangan pemasaran dari agensi berkenaan Usahawan wanita luar Bandar	KPD	DOA, DOVSAL, KPLB, PKK, FAMA, MARDI
6	Pemasaran	Projek untuk memprosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat	Untuk mengembangkan kemungkinan pemasaran produk tempatan melalui aktiviti di kalangan masyarakat dan melalui peningkatan pelancongan agro dan /atau program home-stay	Kakitangan pemasaran dari agensi berkenaan Kumpulan kampung dari 4 kampung di Daerah Kudat Matunggong, Daerah Kudat (Kampung Tinangol, Bavanggazo, Sumangkap, Gombizau)	Pegawai Daerah Kudat	PKKM, KPD, DOA, YUM, KPLB, STB, YS, KEMAS
7	Agensi-agensi berkenaan	Projek untuk meningkatkan pendekatan penyertaan dalam perancangan projek	Untuk memperkenalkan penyertaan dalam analisis gender/sosial dan pendekatan penyertaan dalam pembangunan untuk perkhidmatan pengembangan	Kakitangan berkenaan dari agensi berkaitan Kakitangan pengembangan di Daerah Kudat(Penyelia pinjaman of YUM)	DOA	JHEWA, KPD, YUM, KPLB

Jadual 7-5 Rencana Ringkas Projek Peritnis (Februari 2003) (1/3)

No.	Kumpulan	Tajuk Projek	Objektif-objektif	Kawasan/Kumpulan Sasaran	Agensi yang mengetuai	Agensi-agensi berkaitan
8	Agensi berkenaan	Projek mengukuhkan kerjasama organisasi untuk pengkasaan wanita luar bandar	Untuk meningkatkan kerjasama pusat untuk menggalakkan pengkasaan wanita luar bandar di negeri Sabah	Semua agensi berkenaan Jawatankuasa Teknikal dalam Kajian	KPD DOA	YUM, DOF, KPLB etc.
9	Agensi berkenaan	Projek untuk pengukuhan jaringan organisasi promosi kraftangan	Untuk menggalakkan kerjasama di kalangan agensi berkenaan kraftangan Untuk mempromosikan produk yang dihasilkan oleh projek peritnis dengan menubuhkan "Jenama Sabah" dan mengukuhkan jualan kraftangan di Tamu	Semua agensi berkenaan kraftangan	PKKM	KPD, DOA, YUM, YS, KPLB, KEMAS, STB
10	Agensi berkenaan	Projek keberkesanan perkhidmatan kredit-mikro untuk usahawan wanita luar bandar	Untuk memperbaiki pengurusan sistem kredit-mikro yang sedia ada untuk wanita luar Bandar	Kakitangan dari ibu pejabat dan 6 cawangan YUM (Kota Kinabalu, Kota Marudu, Sandakan etc.)	YUM	KPLB/DOS
11	Agensi berkenaan	Projek meningkatkan persefahaman dan sokongan penggubal dasar	Untuk meningkatkan persefahaman dan sokongan kepada pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan di kalangan penggubal dasar	Penggubal dasar dari agensi-agensi berkenaan	MAFI	KPD, DOA, YUM, DOF, JHEWA, KPLB etc.



Rajah 7-5 Struktur Operasi dan Pengesanan Projek Perintis


BAB 8: PENCAPAIAN PROJEK-PROJEK PERINTIS

Rencana ringkas dan aktiviti-aktiviti utama projek-projek perintis adalah diringkas seperti berikut. Huraian terperinci mengenai Projek Perintis adalah diterangkan dalam laporan rumusan projek-projek perintis yang disediakan oleh pasukan-pasukan petugas dalam Appendix-2.

8.1 PROJEK PERINTIS 1: BERFIKIR DAN BEKERJA BERSAMA WANITA LUAR BANDAR

8.1.1 RENCANA RINGKAS

Projek ini bertujuan untuk mengenalpasti cara yang optimum bagi menyokong wanita luar bandar di kawasan terpencil; untuk meningkatkan kesedaran dan mengubah sikap dan pemikiran mereka daripada “pasif” ke “positif” melalui pelaksanaan beberapa siri bengkel dan projek bengkel-mikro atas daya usaha mereka. Projek ini juga bertujuan mengukuhkan kemahiran dan pendekatan kakitangan pengembangan untuk memudahcara dan bekerja bersama wanita luar bandar. Hubungan antara “watak” utama dalam projek perintis tersebut boleh diringkas seperti dalam Rajah 8-1.



Rajah 8-1 Para “Watak” Dan Hubungkait Dalam Projek Perintis 1

Kawasan sasaran termasuk empat buah kampung iaitu; Kg. Pandan Mandamai, Kampung Mandamai dan Kampung Pandan dan Lugu di Daerah Pitas, yang mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi di Sabah. Ketiga-tiga kampung

ini terletak di atas bukit dan berdekatan dengan sebuah ladang kelapa sawit di Daerah Pitas. Masa yang diperlukan mengikut jalan darat ialah 1½ jam dengan kenderaan dari Pekan Pitas dan memakan masa 4 jam dengan menggunakan bot apabila tidak dapat dihubungi melalui jalanraya terutamanya pada musim hujan. Kumpulan etnik di kampung-kampung tersebut ialah Kimaragang dan Tombovo. Kadar kepadatan penduduk bagi tiga buah kampung tersebut adalah ditunjukkan dalam Jadual 8-1.

Jadual 8-1 Penduduk Kawasan Sasaran

Nama Kampung	Populasi
Kampung Pandan Mandamai	198
Kampung Mandamai	186
Kampung Pandan	170

(Sumber: KPLB)

Aktiviti utama mereka ialah pertanian; iaitu ladang pisang, kelapa, kacang tanah, ubi kentang dan lain-lain. DOA telah menjalankan projek perladangan kacang tanah di kawasan ini. Penduduk-penduduk kampung ini mempunyai keupayaan berhubung yang terhad dengan pasaran. Akan tetapi, perkampungan mereka adalah dikelilingi oleh persekitaran yang kaya dengan bahan-bahan sumber alam semulajadi.

8.1.2 PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Kesediaan Di Segi Sosial: Sebanyak lima (5) bengkel telah dijalankan dengan kumpulan sasaran pada 5 bulan yang pertama iaitu dari bulan Oktober 2002 hingga Februari 2003. Tujuan bengkel tersebut ialah; i) permulaan projek dan persefahaman bersama; ii) perbincangan mengenai kelemahan dan kekuatan; iii) penyediaan lokasi sumber; iv) meningkatkan kesedaran wanita luar bandar mengenai penghidupan dan peranan mereka sebagai seorang manusia dan sebagai wanita dalam keluarga dan masyarakat; dan v) mempelajari dari kakitangan pengembangan Jepun dan penilaian separuh penggal. Bengkel-bengkel tersebut telah dirancang dan dimudahcarakan oleh ahli pasukan petugas projek. Kakitangan pengembangan yang bertanggungjawab terhadap kampung-kampung tersebut turut menyertai aktiviti-aktiviti bengkel.

Kumpulan sasaran jarang bekerjasama dengan pakar-pakar luaran sebelum ini. Mereka tidak pernah berbincang atau diminta untuk berbincang mengenai

masalah-masalah, mengambil langkah penyelesaian secara individu maupun dalam kumpulan. Mereka menyatakan mereka tidak pernah berbincang atau diminta untuk membincangkan masalah sendiri maupun kumpulan. Terdapat seorang kakitangan pengembangan DOA yang bertanggungjawab untuk menerapkan kemahiran pengeluaran pertanian kepada petani-petani di Kampung Mandamai manakala seorang lagi kakitangan pengembangan wanita pula bertanggungjawab dalam PKT (farm family development) yang melawat sebanyak sekali dalam tiga bulan ke kampung tersebut. Pada peringkat permulaan, kumpulan sasaran berasa segan untuk berkomunikasi dan pasukan petugas mengambil masa yang agak lama untuk berbincang dan memastikan mereka memahami matlamat kami. Selepas beberapa lawatan dan bengkel selama 5 bulan, barulah kumpulan sasaran mula mengatakan mengenai keluarga mereka, kehidupan mereka, keadaan hidup dan apa yang mereka ingin lakukan dengan cara yang mesra.

Pengukuhan Kumpulan dan Projek-projek Berskel Kecil-kecilan: Sepanjang bulan March hingga Oktober, 2003, tujuh mesyuarat, bengkel dan sesi khidmat nasihat telah diadakan. Bengkel tersebut adalah mengenai i) pembentukan dan pengukuhan kumpulan seperti menetapkan undang-undang dan peraturan, ii) kepimpinan dalam kumpulan dan iii) perancangan untuk projek berskel kecil-kecilan (small-scale projects (SSP)). Selain dari itu, mesyuarat dengan kakitangan pengembangan DOA (PKT dan kakitangan pengembangan) ialah mengenai penetapan sistem pengesanan SSP untuk kumpulan wanita luar bandar.



Gambar 8-1 Analisis SWOT



Gambar 8-2 Pemudahcaraan Kakitangan Pengembangan

Pada peringkat permulaan, kumpulan sasaran menghadapi kesukaran memahami dan menyediakan cadangan projek. Pada asasnya, mereka tahu apa kehendak mereka, tetapi sukar untuk menentukan keutamaannya. Mereka tidak terlatih dari

segi membuat cadangan projek. Ada sebilangan kecil wanita yang berpengalaman bekerja dalam kumpulan tetapi tidak pernah terlibat dalam menetapkan undang-undang dan peraturan. Bagi perancangan cadangan projek berskel-mikro, setiap kumpulan telah menyediakan cadangan berikut:

- 1) Kumpulan Kampung Mandamai: Kilang Beras dan Membuat Kertas
- 2) Kumpulan Kampung Pandan Mandamai : Pemprosesan Makanan
- 3) kumpulan Kampung Pandan dan Lugu : Menjahit dan Membuat Kertas

Tiga kumpulan membelanjakan jumlah RM200 dari peruntukan dana Projek Berskel Kecil-kecilan (SSP) untuk membina tempat kerja umum kepada kumpulan tersebut dengan mengubahsuai atau memperluaskan struktur yang sedia ada. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah dibantu oleh kaum suami. Kumpulan Kampung Pandan Mandamai telah menjual kuih tempatan mereka dalam masyarakat berkenaan dan memperolehi RM100 dalam September 2003. Ini merupakan pendapatan tunai mereka yang pertama yang diperolehi dari hasil usaha mereka, yang banyak membantu isirumah mereka dan meningkat aspirasi mereka. Kumpulan Kampung Pandan dan Lugu pula menghasilkan pakaian atau lain-lain keperluan domestik menggunakan kemahiran menjahit selepas menghadiri kelas menjahit DOA. Mereka menyediakan pakaian seragam mereka sendiri apabila menghadiri projek PUANDESA. Manakala kumpulan Kampung Mandamai pula telah menyiapkan struktur pengubahsuaian tempat yang sedia ada untuk menempatkan mesin pengilang padi, yang lebih mahal daripada mereka jangkakan. Ahli-ahli kumpulan telah menyumbang RM40 setiap orang untuk peruntukan belanjawan Projek Berskel Kecil-kecilan bagi membeli mesin tersebut. Kajian telah membekalkan Papan Tanda kepada mereka bagi tempat kerja yang baru.



Gambar 8-3 Wakil dari kumpulan sasaran menerangkan wawasan mereka



Gambar 8-4 Papan Tanda untuk Projek Berskel Kecil-kecilan

Penyertaan kakitangan pengembangan DOA lebih aktif selepas mesyuarat di pejabat mereka. (Gambar 7-4) Lebih banyak soalan dan penjelasan dikemukakan. Selepas itu, tanggungjawab untuk melawat dan bermesyuarat dengan wanita luar bandar telah ditugaskan kepada mereka. Pasukan Petugas Gender mengesan dan memberi khidmat nasihat mengenai bidang ini manakala latihan rasmi adalah diberi melalui Projek Perintis 7.



Gambar 8-5 Pembentangan Drama pendek semasa Persidangan Penilaian



Gambar 8-6 Penilaian Penyertaan


Semasa bulan Oktober, 2003, Persidangan Penilaian selama dua hari telah diadakan di Kota Kinabalu di mana kebanyakan wanita luar bandar dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka. Setiap Projek Perintis diminta untuk membentangkan pembelajaran dan penemuan dari pelaksanaan projek masing-masing. Seramai lima(5) wakil dari setiap kumpulan sasaran Projek Perintis 1 telah mengambil bahagian. Mereka telah berkongsi pengalaman, pembelajaran dan penemuan melalui sesi drama pendek. Dari drama tersebut, jelas kelihatan peningkatan dalam pembangunan diri dan apa yang telah mereka perolehi dari pelaksanaan projek tersebut.

8.2 PROJEK PERINTIS 2: PROJEK UNTUK MENUBUHKAN PUSAT KHIDMAT SETEMPAT BAGI USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

8.2.1 RENCANA RINGKAS


Tujuan Projek Perintis 2 ialah untuk mengukuhkan keupayaan memperoleh maklumat asas dan program sokongan awam bagi kaum wanita. Pada permulaannya, projek Perintis 2 telah berancang untuk menubuhkan satu contoh bagi pusat khidmat setempat di kampung untuk meningkatkan keupayaan berhubung dengan kemudahan untuk wanita luar bandar. Selepas beberapa

perbincangan dengan kakitangan latihan KPLB, kesimpulan telah diberikan bahawa adalah lebih bermanfaat sekiranya ahli JKKK ditugaskan untuk tujuan tersebut daripada mewujudkan satu sistem yang baru kerana daya maju projek tersebut perlu diambilkira. Kumpulan JKKK haruslah menjalinkan hubungan kerjasama yang baik dengan kakitangan pengembangan DOA untuk membekalkan sokongan yang berkesan kepada wanita luar bandar. Rajah 8-2 menunjukkan konsep Pusat Khidmat Setempat yang dicadangkan oleh Projek Perintis 2.



Rajah 8-2 Konsep Pusat Khidmat Setempat bagi Projek Perintis 2

Memandangkan kadar kemiskinan di Zon Kudat adalah tinggi khasnya masyarakat etnik yang mempunyai cara hidup yang mudah dan tidak terjejas oleh kesibukan seperti keluarga di kawasan bandar. Maka pasukan pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih Pandan Mandamai dan Kalipuon di Pitas sebagai tapak perintis untuk pusat khidmat setempat. Kajian ini meliputi enam kampung(6) iaitu Kampung Pandan, Kampung Mandamai, Kampung Lugu, Kampung Pandan Mandamai, Kampung Kalipuon Darat, dan Kampung Kalipuon laut. Rajah 8-3 meringkaskan hubungan antara “watak” utama dalam Projek Perintis 2.



Rajah 8-3 Watak-Watak dan Hubungkait dalam Projek Perintis 2

8.2.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Latihan Kesedaran: Semasa latihan JKKK yang dijalankan oleh KPLB di Kota Marudu dalam bulan March 2003, projek perintis 2 telah mengadakan bengkel kesedaran untuk memperkenalkan Kajian PUANDESA dan menerangkan objektif dan peranan yang diharapkan bagi Pusat Khidmat Setempat kepada ahli-ahli JKKK dan ahli PKT dari kampung masing-masing. Mereka telah memberikan maklumbalas yang positif dan telah dipersetujui oleh mereka. Sebagai kumpulan sasaran langsung, projek perintis telah memutuskan bahawa Pengerusi setiap JKKK, ahli PKT dan kakitangan pengembangan DOA akan menjadi pemimpin yang lebih berkesan untuk dilatih sebagai pemudahcara Pusat Khidmat Setempat.

Penubuhan Pusat Maklumat di pejabat Daerah DOA: Pusat Khidmat Setempat ini akan dibekalkan dengan kelengkapan eletronik (komputer) yang akan dipasang di pejabat yang paling strategik di kawasan sasaran untuk mempertimbangkan masa depan penyebaran konsep tersebut; iaitu pejabat cawangan DOA. Pusat ini akan diurus dan disenggarakan oleh pejabat cawangan DOA dan dimiliki oleh pemudahcara-pemudahcara; iaitu kakitangan pengembangan DOA, ahli JKKK dan ahli PKT kampung masing-masing.

Melalui penubuhan Pusat Khidmat Setempat di Pejabat kawasan DOA di Pitas, maka para pemudahcara, kakitangan pengembangan DOA adalah dijangka akan berupaya untuk mengumpul dan menyebarkan maklumat yang berkenaan dengan aktiviti dan program keusahawanan yang berguna kepada wanita luar bandar dan masyarakat. Pejabat DOA di Pitas telah dilengkapi dengan sebuah komputer dan "internet" untuk aktiviti-aktiviti pengembangan dan pejabat tersebut mempunyai kakitangan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk

menggunakan dan berkomunikasi melalui internet. Walau bagaimana pun, kakitangan pengembangan DOA akan dilatih dalam kursus komputer bagi memastikan keupayaan mereka, buat masa ini kursus tersebut belum lagi dijalankan.

Papan Maklumat dalam Kampung: Berhubung dengan papan maklumat tersebut di atas, satu sesi latihan yang khas telah diadakan pada 19 & 20 Jun 2003 untuk membantu JKKK dan ahli PKT bagi menubuhkan Pusat Khidmat Setempat dalam kampung masing-masing dengan memasang papan maklumat berdekatan dengan pejabat JKKK. Papan maklumat berfungsi sebagai membekalkan maklumat perniagaan dan teknikal asas serta maklumat program kerajaan untuk wanita luar bandar. Selepas latihan tersebut, JKKK akan menyediakan sebutharga papan maklumat dan dikemukakan kepada Pasukan Petugas. Satu (1) unit papan maklumat menelan kos lebih kurang RM500. Papan maklumat tersebut telah dibuat oleh ahli masyarakat sendiri dan belum disiapkan, ini adalah kerana kesilapan dari segi komunikasi antara pasukan petugas dan kumpulan sasaran di Daerah Pitas.



Gambar 8-7 Mesyuarat dengan para JKKK



Gambar 8-8 Penilaian Penyertaan bersama dengan para JKKK

Mesyuarat Khas dengan Pejabat Pertanian Daerah Pitas: Sebagai usaha untuk memaklumkan kepada agensi yang berkaitan mengenai aktiviti-aktiviti Pusat Khidmat Setempat khasnya aktiviti yang melibatkan kakitangan mereka, maka satu mesyuarat khas telah diadakan di Pitas untuk membincangkan isu dan kemajuan aktiviti-aktiviti tersebut. Objektif utama mesyuarat tersebut ialah supaya sokongan dan komitmen dapat diberikan oleh agensi-agensi yang terlibat. Telah diperhatikan bahawa Pembantu Pegawai Pertanian (mewakili pegawai Pertanian Kawasan) telah menunjukkan minat dan amat menghargai usaha tersebut. Bagi pihak pejabat kawasan, selagi projek tersebut tidak dibantah oleh


pihak ibupejabat, mereka akan memberi sokongan dan kerjasama kepada pelaksanaan projek tersebut.

8.3 PROJEK PERINTIS 3: PROJEK PENGGUNAAN PRODUK-PRODUK DAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK TERPAKAI

8.3.1 RENCANA RINGKAS

Projek Perintis 3 bertujuan untuk melatih orang perseorangan dalam agensi-agensi yang berkenaan dan kakitangan pengembangan untuk memahami dan menyebarkan konsep asas pengeluaran keperluan harian dan kraftangan dengan menggunakan sumber-sumber yang tidak terpakai dan kemahiran tradisional. Buat masa ini, kebanyakan sumber yang tidak terpakai ini dibuang atau dibakar dan tidak digunakan secara ekonomik untuk penghidupan seharian oleh masyarakat luar bandar. Konsep ini bukan sahaja dapat mengurangkan bahan buangan, tetapi membolehkan kakitangan agensi yang terlibat dan ahli masyarakat menyedari kepentingan kekayaan sumber alam yang tidak terpakai dan boleh didapati di merata tempat di persekitaran kampung.

Kumpulan sasaran projek ini ialah kumpulan wanita luar bandar yang dipilih dari Kampung Minyak di Daerah Kudat, Kampung Tarangkapas di Daerah Kota Marudu, Kampung Pandan Mandamai dan Kampung Kalipuon di Daerah Pitas. Mereka yang memainkan peranan penting dan hubungkait dalam projek perintis 3 adalah ditunjukkan dalam Rajah 8-4.



Rajah 8-4 Watak-Watak dan Hubungkait dalam Projek Perintis 3

8.3.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Lanjutan dari bengkel pertama, projek ini telah mengadakan bengkel tunjuk cara tentang bagaimana untuk menggunakan sumber-sumber tempatan yang tidak terpakai; sebagai contoh, projek ini menunjukkan bagaimana membuat kertas dari “buntui” dan pisang; membuat lilin dari lilin lebah dan menyerap garam dari daun nipah dsb. Berdasarkan kepada sumber-sumber tempatan dan minat mereka, kumpulan sasaran telah diberi latihan dari segi membuat kertas dan lilin.

Bengkel dijalankan secara bulanan untuk kedua-dua kumpulan membuat kertas dan lilin. Isu utama yang ditekankan sepanjang latihan ialah untuk meningkatkan keupayaan dan kreativiti wanita dalam projek yang mereka sertai, sebagai contoh, bagi kumpulan membuat lilin, mereka digalakkan untuk menggunakan semula sumber-sumber buangan seperti kulit telur, kulit buah-buahan, kulit siput, dan batang bambu dan direkabentuk sebagai bekas lilin sebelum dipasarkan. Dalam keadaan yang sama, kumpulan sasaran membuat kertas juga didorong untuk cuba menggunakan sumber-sumber yang boleh diperolehi dari persekitaran kampung dan membuat kertas dari setiap kombinasi tumbuhan atau gantian pokok dengan campuran mengikut nisbah seperti yang dicadangkan oleh Pasukan Petugas.

Projek Perintis 3 bercadang untuk menambah bengkel latihan untuk ketua kumpulan wanita di samping bengkel bulanan yang diadakan. Pasukan Petugas telah merancang dan memutuskan bengkel latihan dua kali sebulan setiap kampung bagi empat kampung (4) tersebut adalah mencukupi. Projek ini juga bercadang untuk menjalankan dua (2) bengkel latihan untuk setiap kampung di peringkat kampung; satu pada awal bulan dan yang kedua di minggu keempat setiap bulan mulai bulan March 2003.



Gambar 8-9 Bengkel Membuat Kertas



Gambar 8-10 Melukis untuk menerangkan Konsep Projek

Penyertaan dalam Pameran-pameran dan Hari Perayaan: Projek Perintis 3 telah menyertai pameran PUANDESA semasa perayaan Pesta Menuai selama 5 hari. Memandangkan lokasinya yang strategik serta rekabentuk pondok pameran yang unik dengan pisang dan buntui, ramai yang tertarik dengan pameran tersebut. Pameran Projek Perintis 3 merupakan satu permulaan era baru pembuatan kertas dengan menggunakan sumber dan produk yang tidak terpakai dan mesra persekitaran. Ia telah menarik perhatian pegawai FELCRA dan Pengerusi Perbadanan Pelancongan Sabah. Sebenarnya, Projek Perintis 3 menerima banyak permintaan bagi kertas buntui khasnya yang direkabentuk dari badan korporat, agensi-agensi dan individu masing-masing khasnya dengan rekabentuk latarnya.

Pasukan petugas telah menyertai dalam perayaan Hari Peladang di Papar pada 24 hingga 26 Ogos. Mereka juga telah dijemput untuk menyertai Perayaan Hari Peladang di Papar pada 24 hingga 26 Ogos apabila PUANDESA telah berjaya bukan setakat pameran tetapi mulai menjual produk kepada pihak awam seperti rumpai laut kering dari Projek Perintis 4, produk kraftangan Projek Perintis 6, dan petanda buku, bag dan lilin Projek Perintis 3. Produk Projek Perintis 3 juga dipamerkan di perasmian “Homestay program Wilayah Kudat” di Kg Minyak, Wilayah Kudat. Pada 5 hingga 7 Ogos, peserta-peserta Projek Perintis 3 dijemput untuk menyertai Seminar dan bengkel Pembungkusan di pusat latihan YUM anjuran Perbadanan Kraftangan Malaysia (PKKM).

Pelaksanaan Projek-projek Berskel Kecil-kecilan (SSP): Projek berskel kecil-kecilan (SSP) telah diperkenalkan kepada kumpulan wanita. Sebelum pelaksanaan projek ini, kumpulan wanita mesti mengukuhkan aktiviti kumpulan mereka dan setiap kumpulan mesti mempunyai seorang ketua, pembantu ketua, setiausaha, bendahari, pegawai pembelian dan ahli biasa. Pembentukan kumpulan tersebut adalah diselia oleh Pasukan Petugas Gender bagi Projek Perintis Projek 1 dengan bantuan dari Projek Perintis 3. Ianya dilaksanakan secara berperingkat mulai dari Kg Pandan Mandamai, diikuti dengan Kg Tarangkapas, Kg Minyak dan Kg. Kalipuon.

Sebilangan peserta belum membiasakan diri dengan sistem mengendalikan projek tersebut kecuali mereka yang telah terlibat dalam JKKK atau aktiviti “home-stay.” Setiap kumpulan sasaran diminta untuk bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga(3) kali sebelum dibentuk kumpulan dan setiap ahli kumpulan mesti mengetahui peranannya dalam aktiviti kumpulan. Kg Tarangkapas, Kg Minyak dan Kg Kalipuon masih dalam proses pembentukan. Kg Pandan Mandamai adalah dalam peringkat pelaksanaan SSP dan sejumlah kecil

dana telah diberikan kepada bendahari jawatankuasa tersebut. Pelaksanaan SSP bermula pada bulan Jun dan akan mencapai kitarannya pada Oktober 2003.



Photo 8-11 Presentation at Harvest Festival



Photo 8-12 Target Group's Presentation at Evaluation Conference

Perhubungan Awam dan Persidangan Penilaian: Sebilangan ahli Pasukan Petugas Projek Perintis 3 dan Pasukan Petugas Gender Projek Perintis 1 bersama-sama krew RTM TV telah melawat ke Kota Marudu dan Kampong Minyak untuk mengambil filem dokumentari mengenai aktiviti Projek Perintis 3 iaitu membuat lilin dan kertas.

Pasukan Petugas P3 dan sembilan wanita telah menghadiri persidangan penilaian dari 7-8 Oktober di Hotel Promenade anjuran Pasukan Pengkaji JICA. Persidangan ini amat bermakna untuk wanita luar bandar kerana mereka berpeluang untuk mendengar laporan dan penemuan dari projek perintis yang lain yang dilaksanakan oleh wanita luar bandar. Semasa persidangan, wakil-wakil kumpulan sasaran dari Projek Perintis 3 telah menunjukkan keyakinan yang mendalam terhadap aktiviti-aktiviti mereka dan menyampaikan mesej dengan jayanya mengenai konsep dan pengetahuan tentang penggunaan sumber-sumber tidak terpakai.



Gambar 8-13 Produk dari projek membuat kertas



Gambar 8-14 Produk dari projek membuat lilin

8.4 PROJEK PERINTIS 4: PROJEK PENGKULTURAN DAN PEMROSESAN RUMPAI LAUT

8.4.1 RENCANA RINGKAS

DOF berancang untuk membangunkan satu kes contoh pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut dan menggunakan projek tersebut untuk meningkatkan pendapatan wanita luar bandar melalui pengembangan projek ke kawasan-kawasan yang lain. Telah dibuktikan bahawa pengkulturan rumpai laut dan pembangunan pengawetan makanan rumpai laut merupakan aktiviti untuk wanita luar bandar walau pun belum ada peningkatan pendapatan kerana saluran dan rangkaian pasaran yang terhad. Projek ini mempunyai dua (2) komponen: pengkulturan dan mengawet makanan diproses. Sebagai konsep projek perintis, pengkulturan harus mempunyai keutamaan yang lebih dari segi galakan pendapatan manakala pengawetan makanan diproses pula menambah nilai kepada produk tersebut. Adalah dijangka bahawa projek mempromosikan pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut adalah amat sesuai untuk menghapuskan kemiskinan di Sabah.

Objektif, kawasan sasaran dan kumpulan sasaran projek tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Objektif-objektif
 - 1) Untuk membangunkan sistem kemahiran yang bersesuaian bagi pengkulturan rumpai laut, pemprosesan, jualan dan pengurusan kepada wanita luar bandar dan sistem pengembangannya;
 - 2) Untuk mengukuhkan sistem pengembangan DOF; dan
 - 3) Untuk meningkatkan sistem pengurusan perniagaan dan masyarakat.

(2) Kawasan Sasaran

Kawasan sasaran termasuk Kampung Look Butun dan Kampung Gelam-Gelam di Pulau Bum-bum, Semporna. Kampung Look Butun dan Kampung Gelam-Gelam adalah pusat pengkulturan rumpai laut di kawasan Semporna dan berhampiran dengan daratan.

(3) Kumpulan Sasaran


Kumpulan sasaran projek perintis ialah 20 wanita dari Kampung Look Butun dan Kampung Gelam-Gelam di Pulau Bum-bum, Semporna. Kumpulan tersebut terdiri dari dua kumpulan kecil dengan 10 orang ahli masing-masing dan dikenali sebagai Pasukan Tekun (bermakna “usaha yang berdedikasi”) dan Pasukan Rajin (bermakna “usaha bersungguh-sungguh”). Rencana ringkas kumpulan sasaran adalah ditunjukkan dalam Jadual 8-2.

Jadual 8-2 Rencana Ringkas Ahli Kumpulan Sasaran Bagi Projek Perintis 4

Ahli-ahli Kumpulan		Ahli-ahli Keluarga (orang)	Pendapatan Keluarga (RM/M)	Nisbah Pendapatan dari pengkulturan Rumpai laut
1	A	4	700	0.80
2	B	6	700	0.90
3	C	5	500	0.80
4	D	9	650	0.80
5	E	11	700	0.80
6	F	3	350	0.80
7	G	9	800	0.80
8	H	6	850	0.75
9	I	3	500	0.90
10	J	8	700	0.80
11	K	4	500	0.80
12	L	11	600	0.80
13	M	5	450	0.80
14	N	8	400	0.80
15	O	7	400	0.90
16	P	6	400	0.80
17	Q	5	450	0.80
18	R	6	400	0.90
19	S	5	400	0.80
20	T	6	750	0.80
Purata		6.35	560.00	0.82

(Sumber Data: Borang Soal selidik oleh Projek Perintis 4)

Rajah 8-5 meringkaskan hubung kait di kalangan watak-watak dalam projek perintis 4.



Rajah 8-5 Watak-watak dan Hubung Kait dalam Projek Perintis 4

8.4.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Bengkel Permulaan dan Penyediaan: Bengkel permulaan dan penyediaan untuk kumpulan sasaran telah diadakan pada 7 Oktober 2002 di pejabat DOF Semporna. Antara mereka yang hadir ke seminar tersebut ialah 22 wanita kumpulan sasaran, JKKK Pulau Bum-bum, kakitangan DOF dan KPD termasuk kakitangan pengembangan Semporna, ahli pasukan petugas dan Pasukan Pengkaji. Perkara yang dibincang dan disahkan ialah mengenai tujuan projek pelaksanaan projek dan aktiviti, jadual pelaksanaan dan sebagainya.

Pembelian Kelengkapan Peralatan: Berdasarkan kepada kaji selidik sebutharga, pelan pembelian berikut telah disediakan. Pesanan pembelian pertama dibuat pada bulan Oktober dan dihantar antara Oktober-November 2002. Pesanan pembelian kedua dijadualkan dalam Februari-March 2003. Pembekalan dan peralatan serta kemudahan tambahan adalah diperlukan untuk mengembangkan pengkulturan rumpai laut sehingga mencapai keluasan 20 ekar.

Kelengkapan peralatan pertama telah dihantar di tapak dan diselia oleh DOF Semporna. Ahli kumpulan memasang tali pengkulturan ladang (culturing farming ropes) sebanyak dua (2) kali yang sejumlah 110 baris pada Oktober dan Disember 2002 masing-masing. Bot yang digunakan semasa menuai ((2) dua unit dengan kelengkapan enjin dan perkakas) dan bot penyemaian (10 unit) telah dihantar ke tapak projek dan diserahkan kepada ahli kumpulan. Pembelian kedua tali untuk Perladangan pengkulturan telah dipasang pada March 2003. Skel operasi penuh adalah 220 baris.



Gambar 8-15 Bengkel Permulaan



Gambar 8-16 Pembelian Bot-bot

Penuaian: Penuaian secara deretan telah diadakan pada bulan Disember 2002 untuk 40 baris yang disemai pada Oktober 2002, manakala penuaian kedua dilakukan pada Januari and Februari 2003 untuk 40 baris berikut yang disemai pada Disember 2003. Sasaran pengeluaran rumpai laut dari 110 baris adalah dijangka lebih kurang 68,750 kg dalam dua (2) bulan (bersamaan dengan 7,525 rumpai kering dan 15,000 kg benih untuk penanaman semula). Sekiranya anggaran pengeluaran rumpai kering mencapai 20mt, maka ia merupakan pencapaian yang amat berjaya.

- 1) 40 baris ditanam (4 ekar) dalam Nov 2002
- 2) Menuai pada Dec 2002, 700kg rumpai laut kering (5,000kg basah), selain dari 6,000kg rumpai basah untuk penanaman berikutnya. Benih permulaan yang dibeli ialah 6,000kg.
- 3) Disember 2002: sejumlah 110 baris ditanam (70 baris baru), tambahan 9,000 kg benih dibeli
- 4) March 2003: Anggaran pengeluaran 20mt rumpai kering dan benih yang cukup untuk penanaman semula untuk lebih 110 baris.



Gambar 8-17 Kawasan Pengeluaran



Gambar 8-18 Lepas Tuai

Pada awal bulan March 2003, lebih kurang 8MT rumpai laut kering telah dihasilkan pada harga di antara RM1.80-RM2.00. Jumlah pengeluaran rumpai laut kering sehingga penghujung March ialah lebih dari 30MT. Setakat ini, sejumlah 230 baris telah ditanam dan peneuaian mengikut jadual telah dilaksanakan. Rumpai laut kering ini dijual sebanyak 2-3 kali seminggu dengan lebih kurang 1-2MT setiap pusingan. Rumpai laut putih yang bersesuaian untuk penggunaan juga dihasilkan dalam kuantiti yang kecil berdasarkan permintaan pasaran. Jumlah pengeluaran dan nilai bagi setiap bulan masing-masing adalah ditunjukkan dalam Rajah 8-3.

Jadual 8-3 Jumlah Pengeluaran Bulanan dan Nilai

Bulan	Kuantiti (MT)	Nilai (\$RM)
March 2003	6.72	RM 12,096.00
April 2003	4.32	RM 7,776.00
Mei 2003	5.22	RM 9,396.00
Jun 2003	5.63	RM 10,134.00
Julai 2003	9.70	RM 17,460.00
Ogos 2003	8.75	RM 15,750.00
September 2003	12.51	RM 22,518.00
Jumlah	52.85	RM 95,130.00

(Sumber Data: Kaji soal selidik oleh Projek Perintis 4)

Pengeluaran pada bulan Oktober 2003 dijangka akan meningkat memandangkan tidak ada penyakit “ais-ais” yang wujud dan peserta-peserta telah menumpukan perhatian sepenuhnya untuk penanaman rumpai laut.

Bengkel dan Mesyuarat: Pelaksanaan Bengkel bertujuan untuk menumpukan kepada motivasi diri dan kesedaran di kalangan wanita luar bandar dan untuk mempraktikkan perbincangan kumpulan sebagai satu kumpulan supaya dapat mewujudkan pelan masa depan dan daya kemungkinan maju pelan tersebut. Pasukan Petugas terdiri dari tiga ahli dari DOF, dua ahli pasukan petugas Gender telah mengendalikan bengkel tersebut. Satu lagi bengkel telah diadakan di dewan masyarakat Look Butun pada 7 Jun 2003. Bengkel ini menekankan kepada mengesahkan dan menerangkan kepentingan dan peranan setiap ahli kumpulan untuk mencapai tujuan umum iaitu untuk mewujudkan projek yang berdaya maju dan dinamik melalui persatuan/korporasi mereka. Penubuhan dana kumpulan dan tujuan dana ini untuk pelan masa depan telah diterangkan dan ditekankan semasa bengkel ini. Perbincangan tetap dengan JKKK, ketua dan pembantu ketua

kumpulan sasaran, kakitangan pengembangan dan pasukan petugas telah diadakan dan berkongsi maklumat dari ahli yang berkenaan dengan projek dan untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit dari proses pelaksanaan di samping mengemaskini dan merancang aktiviti-aktiviti seterusnya. (e.g. Penyertaan dalam Pesta Menuai Peringkat Negeri pada Mei 2003).

Aktiviti-aktiviti Preliminari untuk Pembungkusan dan Pemprosesan:

Aktiviti permulaan memfokuskan kepada pemprosesan dan pembungkusan rumpai laut jeruk dan rumpai laut kering telah diadakan pada minggu pertama Mei 2003. Terdapat enam jenis resepi rumpai laut jeruk telah dihasilkan dan dibungkus dalam bentuk botol bertutup. Objektif aktiviti ini ialah untuk mengkaji jangka hayat simpan dan penilaian” organoleptic” untuk setiap jeruk di perantaraan 1-2 minggu. Adalah terbukti bahawa rumpai laut jeruk boleh disimpan sekurang-kurangnya dua(2) minggu.

Pesta Menuai dan Persidangan Penilaian: Lima(5) ahli dari Semporna telah dijemput dan terlibat dalam Pesta Menuai. Mereka ialah JKKK dari Kg. Look Butun, ketua dan pembantu ketua kumpulan dan dua kakitangan pengembangan dari Pejabat Perikanan Semporna. Sebanyak empat (4) jenis rumpai laut jeruk dan dua (2) jenis rumpai laut kering telah dipamerkan dan dijual pada masa Pesta Menuai. Persidangan Penilaian telah diadakan pada 7 dan 8 Oktober 2003. Sejumlah 10 peserta dari projek perintis 4 dan lima (5) kakitangan pengembangan telah terlibat dalam persidangan ini. Tiga (3) kertas kerja projek perintis 4 telah dibentangkan yang terdiri dari ketua pasukan, kakitangan pengembangan, dan wakil dari kumpulan Projek 4. Secara umum, beberapa penemuan, pembelajaran diperolehi dan rekomendasi telah dikemukakan dan didapati sangat berguna untuk memastikan kejayaan dan daya maju projek perintis ini. Sampel rumpai laut kering yang dibungkus dalam 500 gm dan dilabelkan dengan logo PUANDESA telah dipamerkan dan dijual semasa persidangan tersebut.


8.5 PROJEK PERINTIS 5: PROJEK UNTUK PEMBAIKAN DAN INOVASI FUNGSI TAMU KPD

8.5.1 RENCANA RINGKAS

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pengurusan Tamu KPD di Kota Kinabalu dan membekalkannya dengan peranan baru sebagai asas untuk usahawan wanita luar bandar. Sebagai sasaran projek ini, pasukan petugas telah memfokuskan kepada pembaikan empat (4) fungsi TAMU KPD. Antaranya ialah


1) untuk membekalkan latihan pembaikan produk wanita luar bandar seperti pengendalian makanan dan kebersihan.; 2) sebagai “antenna shop” atau kemudahan promosi jualan untuk produk wanita luar bandar; 3) sebagai pusat maklumat bagi produk tempatan dan aktiviti-aktiviti wanita luar bandar; dan 4) untuk meningkatkan keupayaan kakitangan KPD dari segi pemasaran dan pembangunan produk baru.

Projek perintis membekalkan kesedaran dan latihan kemahiran mengenai pengendalian makanan dan kebersihan kepada kumpulan sasaran. Selepas latihan ini, adalah dijangka bahawa kualiti produk mereka akan meningkat dan dapat diperkembangkan pasarannya. Kursus latihan ini akan membekalkan pengetahuan asas untuk kumpulan sasaran dan latihan praktikal di pasar Tamu KPD. Komponen latihan projek adalah direkabentuk seperti berikut:




Rajah 8-6 Komponen-komponen Latihan bagi Projek Perintis 5

Projek tersebut dilaksanakan oleh pasukan petugas projek bagi Projek Perintis 5, yang mana aktiviti-aktiviti adalah diselia dan dikesan oleh Pasukan Petugas Pemasaran. KPD merupakan agensi utama projek ini manakala DOA, DOVSAI, YUM dan FAMA adalah ahli pasukan petugas. KPD-OISCA pula bertanggungjawab dalam latihan mengenai kawalan kualiti makanan. Tanggungjawab-tanggungjawab projek adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 8-7.



Rajah 8-7 Agensi-agensi yang bertanggungjawab bagi Projek Perintis 5

Rajah 8-8 meringkaskan hubung kait antara watak-watak dalam projek perintis 5



Rajah 8-8 Watak-watak dan Hubungkait mereka dalam Projek Perintis 5

8.5.2 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Latihan Pengendalian Makanan: Projek ini telah mengadakan beberapa siri seminar kawalan kualiti dan kebersihan untuk ahli kumpulan sasaran di pusat latihan KPD/OISCA di Tenom. Latihan tersebut adalah dikendalikan oleh pakar dari OISCA dan Kementerian Kesihatan, Sabah. Kursus mengenai “Basic

hygiene and business administration” telah diberikan kepada kumpulan sasaran yang berancang untuk memulakan atau memperkembangkan perniagaan mereka. Komponen-komponen utama program tersebut merangkumi 1) pengendalian makanan; 2) buku simpan kira-kira; dan 3) arahan bagaimana untuk mendapatkan lesen. Dua(2) kursus selama 3 hari telah dilaksanakan iaitu dari 13-15 dan 20-22 Disember 2002. Selepas kursus latihan tersebut, 30 pelatih telah menyempurnakan kursus latihan dan menerima sijil Projek Perintis 5.

Promosi Jualan: Kumpulan sasaran yang menamatkan latihan kebersihan telah dibenarkan untuk menyertai aktiviti promosi jualan di Tamu KPD, dimana kakitangan KPD telah bekerja bersama dengan mereka, menunjukkan kemahiran pengeluaran yang diperbaiki, mengagihkan resepi yang merangkumi isu kebersihan, dan menjual produk dengan kerjasama dari agensi yang berkaitan. Pada masa yang sama, kakitangan KPD telah mengumpul maklumat dari pengguna untuk meningkatkan taraf produk tersebut.



Gambar 8-19 Latihan Pengendalian Makanan



Gambar 8-20 Tunjukcara di Tamu KPD

Mengikut rekomendasi-rekomendasi yang dikemukakan oleh agensi-agensi yang berkaitan, pasukan petugas memutuskan untuk menjual produk-produk berikut melalui tunjukcara di Tamu KPD.

Komoditi	Agensi bertanggungjawab
1) Jus buah-buahan	FAMA
2) Ayam Panggang	DOVSAI
3) Kuih tempatan	DOA
4) Kacang tanah	KPD
5) Kraftangan	KPD/Projek Perintis 9

Aktiviti promosi jualan pertama ialah jualan jus buah-buahan dan kek tempatan yang telah dikendalikan oleh kumpulan sasaran yang telah tamat kursus latihan

pengendalian makanan dan kebersihan pada 9 Februari 2003. Mereka telah menunjukkan cara yang lebih baik dalam menyediakan kuih tempatan dan jus buah-buahan di hadapan para pengguna dan telah mengagihkan resepi sambil menerangkan kepentingan kebersihan dan cara-cara pengendalian makanan. Aktiviti-aktiviti promosi jualan di Tamu KPD dilaksanakan secara berterusan. Para peserta yang dipilih melalui rekomendasi oleh agensi-agensi yang berkaitan terus untuk menjual produk mereka, memperolehi pengalaman dari keadaan pasaran. Keadaan yang sedemikian telah membolehkan mereka memperbaiki prestasi berdasarkan kepada pembelajaran yang diperolehi, bidang seperti seni jualan, interaksi dengan pelanggan, memenuhi keperluan pelanggan, kebersihan dan sebagainya.

Kaji Selidik Pasaran: Maklumat dikumpul dari para pengguna untuk mendapatkan pandangan keseluruhan mengenai Tamu KPD termasuk prestasi promosi jualan wanita luar bandar. Selain dari itu, keputusan jualan dari promosi tersebut telah dikumpul dari setiap aktiviti. Data yang dipungut akan dianalisa dan dikaji semula oleh pasukan petugas. Maklumat tersebut adalah sangat penting untuk membaiki fungsi keseluruhan Tamu KPD. Maklum balas telah diberikan kepada peserta supaya pembangunan dan membaiki yang seterusnya dapat dijalankan. Satu analisis yang komprehensif akan disediakan selepas semua kaji selidik dari individu diperolehi. (Keputusan terperinci kaji selidik tersebut adalah ditunjukkan dalam Buku Data)



Gambar 8-21 Tamu KPD



Gambar 8-22 Tunjukcara semasa Pesta Menuai

Pesta Menuai: Peserta-peserta PUANDESA juga telah dijemput untuk menyertai perayaan Pesta Menuai selama 5 hari yang diadakan di Pusat Kebudayaan Sabah, Penampang. Keadaan ini telah memberi peluang kepada mereka untuk mempromosi dan menjual pelbagai jenis produk mereka. Pada masa yang sama,

mereka berupaya untuk mengambil pengalaman mengenai kelakuan pasaran. Perayaan Pesta Menuai telah diadakan pada bulan Mei 2003. Semua peserta dari KPD, DOA, FAMA, dan DOVSAI telah menyertai perayaan tersebut dari 25 hingga 31 Mei 2003. Para peserta telah memperolehi banyak pengalaman dari segi pemasaran produk dan berupaya untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari semasa latihan pengendalian makanan dan pembungkusan. Mereka juga berupaya untuk mempelajari kejurujualan, perakaunan asas dan pengetahuan berkomunikasi yang diperolehi semasa kursus latihan.

Kursus Latihan untuk Perancangan Projek: Melalui beberapa siri latihan yang telah dijalankan semasa pelaksanaan projek-projek perintis, maka adalah disahkan bahawa khidmat nasihat mengenai pentadbiran dan keusahawanan adalah amat berkesan untuk wanita luar bandar. Sementara itu, adalah diperhatikan dan terbukti bahawa kakitangan pengembangan tempatan mempunyai keupayaan perancangan yang terhad dan menghadapi kesukaran untuk menyampaikan masalah dan potensi serta peluang yang wujud kepada pihak ibu pejabat. Maka dengan ini, ahli-ahli pasukan petugas telah mengadakan kursus latihan perancangan projek demi untuk melatih ketua-ketua tempatan kumpulan pertengahan mengenai perancangan projek dan pemasaran.

Peningkatan Tamu KPD sebagai Pusat Maklumat PUANDESA: Perbincangan mengenai keperluan meningkatkan pusat maklumat yang sedia ada telah diadakan. Satu cadangan untuk meningkatkan kemudahan seperti, lampu, cat, pemasangan rak telah dikemukakan oleh KPD. Objektif pembaikan dan peningkatan taraf kemudahan tersebut ialah supaya dapat menarik minat lebih ramai pelanggan ke Tamu KPD. Cadangan, ini adalah usaha bersama antara KPD dan Pasukan pengkaji JICA.

8.6 PROJEK PERINTIS 6: PROJEK PROMOSI PRODUK TEMPATAN DI BAWAH PEMBANGUNAN DAN POTENSI PELANCONGAN KUDAT

8.6.1 RENCANA RINGKAS

Projek ini dijangka sebagai percubaan dalam pelancongan berasaskan pertanian. Ia dijangka menjadi kes contoh pembangunan luar bandar dengan memperkenalkan kombinasi idea dalam “pelancongan berasaskan pertanian” dan konsep “satu kampung, satu industri”. Kumpulan sasaran sudah memulakan perniagaan di kampung masing-masing dan mempunyai keupayaan berhubung dengan maklumat dan pasaran, namun peluang pertumbuhan mereka masih


terhad. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan satu jaringan yang berpatutan di empat-empat kampung sasaran dan di kalangan penduduk-penduduk kampung supaya dapat meningkatkan kepelbagaian tarikan pelancong. Keputusan kajian selidik asas adalah ditunjukkan dalam Rajah 8-4 menunjukkan

Jadual 8-4 Rencana ringkas bagi Kampung Sasaran

	Tinanggol	Bavanggazo	Gombizau	Sumangkap
Penduduk	1020	107	256	460
Rumah	125	33	64	58
Saiz	5 km ²	6 acres	4km ²	15 acres
Kaum	Rungus	Rungus	Rungus	Rungus
Agama	Kristian (95%)	Protestan	Kristian (95%)	Kristian
Bekalan Air	Tidak cukup	cukup	Tidak cukup	Cukup
Bekalan Elektrik	Ada	Ada	Ada	Tidak Dibekalkan
Telefon	Ada	Ada	Tidak ada	Ada
Tandas	Tidak cukup	Tidak cukup	Tidak cukup	Tidak cukup
Potensi	Manik Kraftangan	Rumah Panjang Rumah Tetamu	Ladang lebah madu	Membuat Gong
Halangan	Kekurangan kerjasama di kalangan penduduk-penduduk kampung Persaingan Tinggi Kos bahan mentah tinggi/kekurangan modal Halangan pasaran kerana kewujudan orang tengah Pasaran dan Pendapatan yang tidak stabil			

(Sumber Data: Bengkel Analisis SWOT)

Watak-watak utama dan hubung kait mereka dengan projek perintis 6 adalah ditunjukkan dalam Rajah 8-9.



Rajah 8-9 Watak-watak dan Hubung kait mereka dalam Projek Perintis 6

Pasukan projek terdiri dari “Pasukan Perancangan dan Pelaksanaan”, “Pasukan Promosi” dan “Pasukan Pengesanan”. Tugas utama ‘Pasukan Perancangan dan Pelaksanaan’ ialah untuk bekerja bersama dengan penduduk-penduduk kampung. Ahlinya terdiri dari pegawai-pegawai pejabat kecil Matunggong, KPLB Kudat,


KEMAS Kudat, KEMAS Kota Marudu, KPD Kudat, dan YUM Kudat. ‘Pasukan Promosi’, terdiri dari wakil dari STB/SPS Kota Kinabalu, KPD Kota Kinabalu dan PKK Kota Kinabalu, mengendalikan penyelidikan pasaran dan membekalkan maklumat untuk meningkatkan kesedaran orang-orang kampung dan membekalkan perhubungan kepada perniagaan dan agensi pelancongan. “Pasukan Pengesanan” pula bertanggungjawab dalam menyelia dan memberi panduan kepada semua aktiviti-aktiviti.

Di bawah projek ini, pasukan petugas telah memohon agar satu jawatankuasa kecil dibentuk oleh wakil dari keempat-empat (4) kampung tersebut. Maka dengan itu, demi untuk mencapai pelan tindakan-pelan tindakan yang telah dikenalpasti sebelum ini, satu jawatankuasa mengelola seramai 24 ahli telah dibentuk. Jawatankuasa tersebut diminta untuk mengekalkan hubungan yang rapat dengan Pasukan Pelaksana yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan.

8.6.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Kaji Selidik Pelancong: Pasukan projek telah mengendalikan satu kaji selidik pelancong pada Oktober 2002. Tujuan kaji selidik ini ialah untuk memperoleh keadaan terkini para pelancong. Sebanyak 300 sampel telah diperolehi dari Kota Kinabalu (lapangan terbang, pelabuhan, hotel, pasaraya membeli-belah), Sandakan, Tawau dan Semporna.

Pelan Tindakan Projek: Pelan tindakan untuk projek tersebut telah disediakan berdasarkan kepada analisis yang tersebut di atas yang ditunjukkan dalam Jadual 8-10.



Rajah 8-10 Struktur Pelan Tindakan

1) Jaringan

Tugas utama pasukan Jaringan Pelan Tindakan (di sini disebut Pasukan Jaringan) adalah untuk membantu menyelaras pasukan petugas pelan tindakan dan mewujudkan peluang untuk bekerjasama dengan pegawai kakitangan yang bertanggungjawab. Ahli pasukan adalah terdiri daripada pengerusi JKKK dan ketua-ketua wanita bagi keempat-empat (4) kampung tersebut yang diselia oleh pejabat daerah kecil.

2) Peningkatan Pengeluaran

Tiga(3) jenis pelan tindakan telah dicadangkan untuk penduduk-penduduk kampung iaitu: *pelan tindakan kraftangan*; *pelan tindakan membuat gong*, dan, *pelan tindakan berasaskan pertanian* seperti meningkatkan pengeluaran madu dan membuka kafeteria (diselia oleh KPD).

3) Promosi dan kepelbagaian rangkaian pasaran

Demi untuk meningkatkan persekitaran bagi menarik pelancong ke Matunggong, *pelan tindakan penyelidikan pemasaran*, seperti perancangan lawatan sambil belajar dan menjalankan kaji selidik adalah dicadangkan (diselia oleh KPD dan SPS).

4) Persekitaran dan Kualiti Hidup

Strategi dan aktiviti-aktiviti pelan tindakan ini telah dibincangkan.

Kursus Latihan: Projek perintis ini membekalkan tiga jenis latihan untuk kumpulan sasaran iaitu: 1) lawatan sambil belajar mengenai perniagaan pelancongan; 2) kursus latihan untuk pengendalian dan kebersihan makanan; dan 3) kursus latihan mengenai keusahawanan kraftangan (menjahit). Satu lawatan sambil belajar telah dijalankan ke Taman Kinabalu pada 28 Januari 2003. Pegawai pentadbiran taman tersebut telah mengurus program lawatan mengikut permintaan yang dibuat oleh Pasukan Projek. Seramai 32 orang kampung telah dipilih dari 4 kampung sasaran menyertai lawatan ini dan telah melaporkan apa yang telah mereka pelajari. Mereka melihat kesan persekitaran “National Park” khasnya kebersihan kawasannya, serta lanskapnya yang dikelolakan dengan baik telah diperkenalkan kepada mereka. Mereka juga mengenali sikap penunjuk lawatan yang mesra dan bersopan, sikap sedemikian juga harus diterimapakai dalam perkhidmatan perniagaan pelancongan berasaskan pertanian.



Gambar 8-23 Aktiviti-aktiviti membersihkan kampung



Gambar 8-24 Botol Madu di Gombizau

Memandangkan mereka akan membekalkan makanan kepada pelawat-pelawawt, maka pasukan petugas telah menjemput para peserta untuk menghadiri kursus latihan pengendalian dan kebersihan makanan yang dijalankan di pusat latihan KPD/OISCA. Kursus latihan pertama mengenai keusahawanan kraftangan (menjahit) telah diadakan dari 4 hingga 6 Februari. Pendapat dan idea umum mengenai kraftangan tempatan berdasarkan kepada keputusan kaji selidik lawatan telah diambilkira. Produk baru yang berasaskan kepada idea-idea ini telah dihasilkan. Kursus menjahit yang praktikal telah diadakan pada bulan March dan produk yang diuji telah dijual dalam Pesta Menuai.



Gambar 8-25 Pembangunan Produk Baru Manik



Gambar 8-26 Lawatan sambil belajar Mr. Kinabalu Park

Tanda Perdagangan: Satu risalah promosi telah disediakan berdasarkan kepada peta yang dilukis oleh penduduk kampung. Tanda perdagangan dan logo telah disediakan dan dipungut dari kampung masing-masing.

Pesta Gong dan Persidangan Penilaian: Pasukan petugas dan penduduk-penduduk kampung telah menghadiri Persidangan Penilaian dan telah

membuat beberapa pembentangan. Pembentangan tersebut adalah dikemukakan oleh Ketua Pasukan petugas, pembantu ketua, dan ketua kumpulan sasaran. Sebuah lagu mengenai perpaduan telah dinyanyikan oleh wakil-wakil dari kumpulan sasaran. Pada 23 dan 24 Oktober, Pesta Gong yang pertama telah diadakan di Sumangkap untuk menggalakkan tarikan pelancongan dan empat (4) kampung dalam projek perintis 6 telah mempamerkan aktiviti-aktiviti mereka dan menjual produk mereka. Seramai lebih daripada 500 pelawat telah bergembira dalam perayaan tersebut.



Gambar 8-27 Menyanyikan Lagu Perpaduan



Gambar 8-28 Pesta Gong di Sumangkap

8.7 PROJEK PERINTIS 7: LATIHAN KAEDAH PENYERTAAN MENGENAI ANALISIS SOSIAL DAN GENDER

8.7.1 RENCANA RINGKAS

Kakitangan pembangunan memainkan peranan utama dalam mengukuhkan usahawan wanita luar bandar. Objektif utama Projek Perintis 7 adalah untuk meningkatkan perancangan dan pengesanan serta penilaian aktiviti-aktiviti melalui kaedah melatih kakitangan pembangunan serta agensi-agensi yang berkenaan dalam pendekatan penyertaan bersama dan pendekatan pertimbangan gender/sosial. Projek Perintis 7 bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang bersesuaian untuk memikir dan bekerja bersama wanita dan usahawan wanita luar bandar. Selain dari itu, projek ini juga bertujuan untuk melatih kakitangan pembangunan dari segi kesedaran gender, pendekatan penyertaan bersama dan kemahiran memudahcara.


Kumpulan sasaran termasuklah 24 kakitangan pembangunan dan pembantu ladang dari DOA, KPD, YUM, KPLB, KEMAS dsb. yang dipilih oleh

agensi-agensi yang berkenaan (Jadual 8-5). Kumpulan sasaran projek tersebut merupakan kakitangan pengembangan di Kudat, Kota Marudu dan Daerah Pitas.

Jadual 8-5 Bilangan yang menjalani latihan (Kumpulan sasaran) bagi Projek Perintis 7 mengikut agensi

KPD	DOA	DOF	YUM	JHEWA	KPLB	Jumlah
7	7	5	1	2	2	24

Watak-watak utama dan hubungkait mereka dalam projek perintis 7 adalah ditunjukkan dalam Rajah 8-11.



Rajah 8-11 Watak-watak dan Hubungkait dalam Projek Perintis 7

8.7.2 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Bengkel Permulaan: Ahli pasukan petugas telah mengadakan bengkel priliminari dengan calon-calon yang menjalankan latihan untuk memahami kemahiran dan kursus latihan kakitangan pengembangan. Mereka menyediakan pakej latihan percubaan berdasarkan kepada penemuan bengkel dan pembelajaran yang diperolehi dari projek perintis yang lain. Pasukan petugas mendapati bahawa mereka perlu mempunyai kefahaman yang umum mengenai gender, pendekatan penyertaan bersama dan kemahiran memudahcara. Maka dengan ini, mereka telah mengendalikan dua bengkel latihan: yang pertama dalam bulan Januari mengenai kesedaran gender dan satu lagi pada bulan Februari tentang pembangunan, gender dan pembangunan serta kaedah penyertaan bersama.

Latihan dalaman dan latihan pemudahcara: Pasukan petugas Gender telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8-6. Latihan dalaman telah diadakan tiga kali untuk meningkatkan pemahaman konsep yang diperlukan, kaedah dan alat-alat serta kemahiran mengajar dan memudahcara bagi ahli Pasukan Petugas Gender.



Gambar 8-29 Bengkel Permulaan
(Memperkenalkan Kerjaya Pengembangan)



Gambar 8-30 Bengkel Pertama
(Perbincangan mengenai "Pembangunan")

Jadual 8-6 Latihan-latihan Projek Perintis 7

Aktiviti-aktiviti	Tarikh	Tempat	Catatan
Bengkel Latihan Pertama untuk kakitangan pengembangan	26 dan 25 Feb 2003	Bilik Seminar KPLB	<ul style="list-style-type: none"> - Mengukuhkan pemahaman mengenai "pembangunan" - Memperkenalkan "pendekatan penyertaan"
Latihan Dalaman untuk Pasukan Petugas Gender	17 Mei 2003	Biliki Latihan SAWO	<ul style="list-style-type: none"> - Konsep Gender Secara terperinci - Aktiviti-aktiviti pengembangan di Jepun
Bengkel Latihan Kedua untuk kakitangan pengembangan	4-6 Jun 2003	Bilik Seminar KPLB	<ul style="list-style-type: none"> - Ulangkaji Latihan pertama - Konsep Gender Secara terperinci - Aktiviti-aktiviti pengembangan di Jepun - Memperkenalkan "pendekatan penyertaan"
Latihan Dalaman untuk Pasukan Petugas Gender	1 Ogos 2003	Pejabat Pasukan Pengkaji JICA	<ul style="list-style-type: none"> - Perbincangan untuk penyediaan latihan ketiga untuk kakitangan pengembangan
Bengkel Latihan Ketiga untuk kakitangan pengembangan	5-7 Ogos 2003	Bilik Seminar KPLB	<ul style="list-style-type: none"> - Ulangkaji pendekatan penyertaan - Pembentukan kumpulan kecil - Proses dan Dinamik Kumpulan kecil - Kemahiran memudahcara kumpulan kecil
Bengkel Latihan Keempat untuk kakitangan pengembangan	20-22 Oktober 2003	Pusat Latihan YUM Kota Marudu Kg. Pandan Mandamai	<ul style="list-style-type: none"> - Ulangkaji kaedah penyertaan - Penilaian penyertaan Projek Perintis 1 dan Projek Perintis 7 - Penutupan Program Latihan



Gambar 8-31 Latihan Keempat(4) (latihan di kampung Projek 1)



Gambar 8-32 Sijil Penyertaan

Lawatan sambil belajar ke Projek TESP-RLI di Negara Filipina: Seramai tujuh(7) pemudahcara dan pelatih dari Projek Perintis 7, tiga (3) rakan kerjasama dari agensi-agensi yang berkenaan dan ketua-ketua pasukan Kajian telah melawat tapak Projek TEST-RLI di Negara Filipina, dari 20 hingga 26 September 2003. Tujuan lawatan ini ialah untuk bertukar-tukar maklumat, kepakaran dan pengalaman dalam projek pembangunan luar bandar dan untuk mempelajari kemahiran memudahcara. Jadual perjalanan lawatan sambil belajar tersebut adalah seperti dalam Jadual 8-7.

Jadual 8-7 Jadual Perjalanan Lawatan sambil Belajar ke Projek TESP-RLI di Negara Filipina

Tarikh	Aktiviti-aktiviti
Sept. 17 (Rabu)	Bertolak dari KK Ketibaan di Manila
18 (Khamis)	Mesyuarat dengan kakitangan JICA di pejabat JICA Philippine Mesyuarat dengan ATI:
19 (Jumaat)	Lawatan NGO di Manila
20 (Sabtu)	Lawatan di Manila (Tempat-tempat Strategik)
21 (Ahad)	Bertolak dari Manila ke Bohol
22 (Isnin)	Berjumpa dengan kakitangan TSEP-RLI - Pengenalan kepada Kajian JICA Sabah - Memahami Projek TSEP-RLI
23 (Selasa)	- Melawat ke kampung-kampung perintis
24 (Rabu)	- Menyertai aktiviti-aktiviti penyertaan (menetapkan wawasan)
25 (Khamis)	Bertolak dari Bohol Ketibaan di Manila
26 (Jumaat)	Bertolak dari Manila Ketibaan di KK



Gambar 8-33 Bengkel Penetapan wawasan di Filipina



Gambar 8-34 Temuduga kumpulan fokus di Filipina

8.8 PROJEK PERINTIS 8: PROJEK MENGUKUHKAN BADAN KORDINASI UNTUK PENGKASAAN WANITA LUAR BANDAR

8.8.1 RENCANA RINGKAS

Wakil-wakil dari semua agensi-agensi yang terlibat, yang menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal Kajian ini, juga merupakan ahli pasukan petugas Projek Perintis 8. Matlamat projek ini ialah menubuhkan satu jaringan tetap supaya penyelarasan dan kerjasama pelaksanaan aktiviti dapat digalakkan di kalangan agensi-agensi yang berkenaan. Sebelum Kajian ini dimulakan, tidak wujud platform rasmi untuk agensi-agensi berkenaan bagi membincangkan hal-hal yang menyokong usahawan wanita luar bandar.

Kumpulan sasaran projek ini terdiri dari semua agensi yang terlibat. Projek ini akan berperanan sebagai platform untuk jaringan dan kerjasama bukan setakat agensi sokongan peringkat negeri dan persekutuan tetapi juga termasuk pejabat daerah dan kampung. Pasukan Petugas akan mewujudkan sistem perhubungan awam di samping sistem pengesanan dan penilaian projek perintis dan Pelan Induk.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi-agensi yang berkenaan adalah seperti berikut:

- 1) Pengerusi (KPD) dan Pengerusi bersama (DOA)
 - Merancang, menyelaraskan dan mengurus aktiviti projek
- 2) Ahli pasukan petugas
 - Menyertai mesyuarat pengesanan.
 - Melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - Menyertai aktiviti-aktiviti projek untuk mempromosikan perhubungan awam mengenai Kajian PUANDESA.

- Menyebarkan output Kajian PUANDESA.
- 3) Setiausaha
- Menyediakan minit mesyuarat.
 - Menyediakan bahan-bahan untuk perhubungan awam.

8.8.2 AKIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Mesyuarat Pengesanan yang Tetap: Ahli pasukan petugas mengendalikan mesyuarat bulanannya untuk mengesan kemajuan projek perintis 11 dan menukar maklumat di kalangan projek yang dilaksanakan. Setakat ini, dua belas mesyuarat telah diadakan yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus Besar dan Timbalan Pengarah DOA sebagai pengerusi bersama. Mereka bertanggungjawab kepada aktiviti perhubungan awam Kajian tersebut.

Nama Ringkas dan Logo Kajian: Pada peringkat awal pelaksanaan projek perintis, ahli pasukan petugas memutuskan bahawa nama singkatan Kajian ini ialah “PUANDESA”. “PUANDESA” mewakili “Rural Women Entrepreneurs Development in Sabah” yang bermakna “Pembangunan Usahawan Wanita Desa Sabah”, Mereka telah menyertai pameran Pesta Wanita pada September 2002 untuk memperkenalkan aktiviti-aktiviti Kajian.

Perayaan Pesta Menuai dan Hari Peladang: Semasa bulan Mei, Pasukan Projek telah menyelaras penyediaan dan penyertaan PUANDESA semasa perayaan Pesta *Tadau Kaamatan (Harvest Festival)* peringkat negeri yang telah diadakan pada 27- 31 Mei, 2003. Memandangkan kepentingan penyertaan PUANDESA dalam perayaan tersebut, satu jawatankuasa khas telah dibentuk yang terdiri dari ahli semua projek perintis untuk memastikan semua aspek pameran PUANDESA dianjurkan dengan berpatutan. Pameran tersebut telah menarik perhatian ramai pengunjung termasuklah Ketua Negeri, Ketua Menteri dan ramai lagi VIP yang lain.

Dalam bulan Ogos, Pasukan Projek telah menyelaraskan penyertaan PUANDESA dalam **Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri**. Penyertaan kumpulan sasaran wanita PUANDESA telah mendapat kepujian dari para pengunjung. Ketua Menteri dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang baru amat kagum dengan pameran PUANDESA yang begitu menggalakkan.

[LOGO]**[SLOGAN]**

*Pembangunan Keluarga Melalui Keusahawanan
(Family Development through Entrepreneurship)*

[BENTUK LOGO /KONSEP]**Warna:**

- Hijau: Aktiviti-aktiviti berasaskan Pertanian
- Merah Tua: Keupayaan memperolehi maklumat dan kemahiran asas mengenai aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian
- Merah: Kesedaran Keluarga
- Jingga: Membasmi kemiskinan
- Kuning: Pengkasaan Kaum Wanita, usahawan-usahawan wanita yang berdikari dan berjaya
- 2010: Matlamat pembangunan dicapai menjelang tahun sasaran 2010
- Biru: Kemakmuran Keluarga

Rajah 8-12 Logo dan Slogan Kajian PUANDESA

Lawatan Sambil Belajar ke Semporna: Pada 28 – 29 Ogos 2003, kebanyakan ahli Pasukan Projek telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Tawau dan Semporna dan telah melawat seorang usahawan wanita yang berjaya dalam projek pengkulturan rumpai laut bagi Projek 4 di Pulau Bum-Bum. Mesyuarat Jawatankuasa dan projek 8 telah diadakan pada sebelah malam di Semporna. Bengkel bagi peserta-peserta Projek 4 juga telah dilaksanakan yang bertujuan untuk bertukar-tukar dan berbincang pendapat dan pandangan mereka terhadap projek tersebut supaya pembelajaran yang dipelajari dari kes-kes yang ddikemukakan dapat diperolehi.



Gambar 8-35 Pameran PUANDESA semasa Pesta Menuai (1)



Gambar 8-36 Pameran PUANDESA semasa Pesta Menuai (2)

Persidangan Penilaian PUANDESA: Pada 7 -8 Oktober, 2003, Pasukan Projek bersama dengan Pasukan Pengkaji JICA telah menganjurkan satu **Persidangan Penilaian PUANDESA** yang amat menggalakkan dan berjaya diadakan di Kota Kinabalu. Persidangan ini dihadiri oleh 153 peserta iaitu 96 wanita luar bandar (kumpulan sasaran PUANDESA), 43 kakitangan kerajaan dan lain-lain jemputan khas.

Persidangan tersebut dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang baru. Antara orang kepentingan yang menghadiri persidangan tersebut ialah Consul-General of Japan dan Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah. Semasa persidangan tersebut, keberkesanan pendekatan penyertaan bersama dan pendekatan “bottom-up” telah ditekankan oleh ahli pasukan petugas dan wanita luar bandar supaya dapat menggalakkan penduduk-penduduk kampung untuk bertindak memperolehi hakmilik masing-masing. Di samping itu, pembentangan di hadapan peserta-peserta lain adalah berkesan dan telah membuktikan kumpulan peserta telah menuju keyakinan dan aktiviti perniagaan.

Persidangan Wanita: Dalam bulan Oktober, 2003, sebilangan ahli pasukan Projek 8 bersama dengan Ketua Pasukan telah menghadiri Konvensyen Wanita Negeri. Ketua Pasukan Pengkaji JICA telah membentangkan satu kertas kerja berkenaan dengan PUANDESA semasa konvensyen tersebut.

Perhubungan Awam: Demi untuk mewujudkan kesinambungan mempromosikan Kajian tersebut kepada pihak awam dan penggubal dasar, projek ini akan menerbitkan aktiviti-aktiviti PUANDESA dalam suratkahbar tempatan dua kali dalam sebulan semasa Tamu KPD. Pengagihan risalah PUANDESA untuk orang awam juga akan membantu promosi tersebut.



**Gambar 8-37 Majlis Perasmian
Persidangan Penilaian PUANDESA**



**Gambar 8-38 Mesyuarat Pengesanan
Bulanan**

8.9 PROJEK PERINTIS 9: PROJEK PENGUKUHAN JARINGAN ORGANISASI UNTUK PROMOSI KRAFTANGAN

8.9.1 RENCANA RINGKAS

Setakat ini, terdapat sembilan agensi yang terlibat dalam penghasilan dan promosi kraftangan di Sabah. Akan tetapi, agensi-agensi ini tidak mempunyai jawatankuasa rasmi atau sekretariat untuk membincangkan isu dan masalah atau penyelarasan strategi dan aktiviti. Oleh kerana demarkasi tanggungjawab yang tidak jelas, maka wanita luar bandar menjadi keliru apabila mereka memerlukan bantuan dari agensi-agensi tersebut kerana tidak jelas agensi mana yang perlu dihubungi.

Dengan mengambilkira situasi di atas, maka objektif Projek Perintis 9 (PP9) ialah mewujudkan jaringan di kalangan agensi-agensi kraftangan dan membekalkan platform untuk perbincangan dan penjelasan peranan dan tanggungjawab masing-masing di samping mengukuhkan penyelarasan aktiviti ke arah meningkatkan keupayaan berhubung wanita luar bandar terhadap sokongan program tersebut.

Melalui projek perintis ini, agensi-agensi yang berkenaan akan bekerjasama untuk mempromosikan pemasaran kraftangan “Jenama Sabah” yang dihasilkan oleh usahawan wanita luar bandar.

Pelaksanaan projek dijalankan oleh pasukan petugas Projek Perintis 9, yang mana aktiviti adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan pasukan Petugas Kraftangan. Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (PKKM) adalah agensi utama yang mengetuai projek ini di samping ahli-ahli lain iaitu dari YUM, KPD,

Yayasan Sabah, DOA, KPLB, KEMAS dan IDS mengawal aktiviti-aktiviti projek P3. Kumpulan sasaran yang terlibat adalah organisasi dan agensi yang terlibat dalam pengeluaran dan promosi kraftangan di Sabah.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi-agensi yang berkenaan adalah seperti berikut;

- 1) Pengerusi (PKKM) dan Pengerusi bersama (YUM)
 - Merancang menyelaraskan dan mengurus aktiviti projek
- 2) Ahi Pasukan Petugas
 - Menyertai mesyuarat pengesanan
 - Menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan
 - Menyertai aktiviti projek untuk mempromosikan “Jenama Sabah”
 - Mengesan buku simpan kira-kira
 - Penyediaan laporan pengesanan bulanan

8.9.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Kaji selidik terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan: Projek Perintis 9 bertujuan untuk mengukuhkan jaringan dan penyelarasan aktiviti di kalangan agensi yang berkaitan dengan kraftangan di Sabah untuk menyokong usahawan wanita luar bandar. Langkah pertama ialah Pasukan Petugas telah mengendalikan kaji selidik mengenai projek dan program yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan, kumpulan sasaran dan produk kraftangan mereka. Mereka mula mengukuhkan aktiviti perhubungan awam untuk mempromosikan Sabah melalui homepage PKKM, tetapi ianya masih dalam proses penyiapan.

Pengesanan dan Sokongan terhadap Projek Perintis 3: Tanggungjawab mereka ialah mengesan aktiviti dan kemajuan Projek Perintis 3 dan cuba mencari pasaran berpotensi untuk produk lilin dan kertasnya. Pasukan Petugas juga membantu untuk mencari pasaran alternatif untuk produk Projek Perintis 3. Mereka perlu menggunakan sepenuhnya jaringan yang lain; seperti Tamu KPD dan perayaan Pesta Menuai. Pertandingan kraftangan juga diadakan di kalangan penghasil yang dilatih di bawah Projek Perintis 9. Pasukan Petugas kini sedang berusaha untuk penerbitan risalah dan poster untuk menampilkan kraftangan tradisional Sabah.



Gambar 8-39 Mesyuarat Tetap



Gambar 8-40 Bengkel penetapan Harga dan Pemasaran

Kaji Selidik Kraftangan: Pasukan Petugas meneruskan kaji selidik separuh penggal di kedai kraftangan di Kota Kinabalu, Muzium Negeri, Tawau, Semporna dan Lapangan Terbang Tawau untuk memahami keadaan semasa mengenai kraftangan hasil buatan dari Sabah di kedai-kedai kraftangan dan beberapa tempat pelancongan.

Latihan dan Bengkel: Seminar Pembangunan Produk telah dianjurkan untuk peserta P3 pada 17 Mei yang memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan mempelajari aktiviti kumpulan. Seminar ini telah memberikan pendedahan mengenai perhubungan antara satu sama lain serta membangunkan keyakinan diri. Peserta dari Kg Pandan Mandamai tidak menghadiri kerana seminar tersebut jatuh pada cuti umum di samping masalah komunikasi. Seminar ini dihadiri oleh empat wanita dari Kg Minyak, dua peserta Kg Kalipoun, dua peserta masing-masing dari pejabat KEMAS, Kudat dan Kg Tarangkapas, dan dua pelatih tempatan dari KPD.

Produk yang berkualiti dari Kg. Tarangkapas telah ditunjukkan semasa seminar tersebut di samping motivasi dan galakan telah diberikan kepada peserta-peserta tersebut. Peserta Projek Perintis 3 dijangka menghadiri pameran semasa Pesta Menuai untuk mempamerkan hasil pembuatan kertas dan lilin madu. Di samping itu, Projek Perintis 9 telah mengadakan seminar penetapan harga dan pemasaran, seminar pembungkusan, seminar membuat kertas dsb dengan kerjasama dari PKK. M.

Pesta Menuai: Pasukan petugas mengadakan mesyuarat tetapnya semasa bulan Mei untuk penyediaan bahan-bahan pameran dan lain-lain keperluan samada melalui mesyuarat Jawatankuasa Pameran PUANDESA atau perbincangan di kalangan pasukan petugas di pejabat JICA. Pada hari terakhir pameran tersebut,

ramai yang datang ke gerai pameran PUANDESA bukan setakat membeli produk Projek 5 iaitu jus buah-buahan tetapi apa yang menakjubkan dan menarik perhatian mereka ialah buntui, boleh diproses menjadi kertas. Pada masa yang lalu, memang tidak dijangka tumbuhan ini adalah berguna. Malah pengerusi STB telah diberi taklimat ringkas mengenai aktiviti-aktiviti PUANDESA oleh ketua Projek 3.

Penggambaran TV: Pasukan Petugas Projek Perintis 9 bersama dengan Pasukan Petugas Gender telah bersama krew Televisyen RTM untuk mengambil penggambaran tentang aktiviti membuat kertas dan lilin pada 1 dan 2 Oktober masing-masing di Kg Tarangkapas, Kota Marudu dan Kg Minyak, Kudat.

Penyediaan Risalah mengenai Agensi-agensi yang berkenaan dengan Kraftangan: Pasukan petugas telah menyediakan risalah untuk mengumpul maklumat dan masalah-masalah serta keperluan kumpulan kraftangan wanita luar bandar dan memberikan panduan tentang agensi-agensi mana yang perlu dihubungi sekiranya mereka mengahdapi masalah. Risalah berkenaan akan disiapkan dan diagihkan dalam bulan November melalui JKKK kepada wanita luar bandar.

Seminar Membuat Kertas kepada kakitangan pembangunan PKK: Projek Perintis 9 telah mengadakan seminar membuat kertas kepada kakitangan pembangunan PKK dengan kerjasama dari PKK. Tenaga pengajar latihan tersebut ialah dua wanita dari kumpulan sasaran Projek Perintis 3. Mereka telah dijemput oleh PKK sebagai tenaga pengajar seminar berkenaan. Dua pelatih tersebut nampaknya begitu yakin mengenai apa yang mereka hasilkan dan apa yang mereka sampaikan kepada peserta-peserta seminar. Lebih kurang 20 peserta berminat terhadap kandungan latihan dan berasa gembira menyertai seminar ini.



Gambar 8-41 Bengkel Pembungkusan



Gambar 8-42 Bengkel Penetapan Harga

8.10 PROJEK PERINTIS 10: PROJEK UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KREDIT-MIKRO UNTUK USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

8.10.1 RENCANA RINGKAS

Projek 10 bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan perkhidmatan mikro-kredit oleh institusi mikro-kredit kerajaan negeri, YUM. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pengurusan pengumpulan dan analisis data ahli-ahli.(kedua-dua pentadbir pinjaman dan maklumat individu ahli-ahli) Memandangkan pejabat cawangan akan memainkan peranan penting sebagai platform untuk meningkatkan pelaksanaan mikro-kredit kepada penerima manfaat (ahli-ahlinya), maka kakitangan pejabat cawangan akan memainkan peranan penting dalam projek ini.

Projek ini mempunyai dua kumpulan sasaran iaitu 1)kakitangan YUM untuk pengukuhan keupayaan, dan 2) ahli YUM sebagai usahawan wanita luar bandar yang merupakan penerima faedah mikro-kredit. Sebanyak enam (6) cawangan telah dipilih sebagai cawangan contoh iaitu, Kota Kinabalu, Keningau, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, dan Sandakan. Beberapa ahli dari cawangan telah dipilih sebagai contoh kepada ahli yang lain. Untuk tujuan perbandingan, tiga cawangan yang lain telah dipilih sebagai kumpulan kawalan iaitu Papar, Tuaran, dan Tambunan.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi berkenaan adalah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas (kakitangan ibu pejabat dan pejabat cawangan YUM)
 - Merancang, menyelaraskan dan mengurus aktiviti projek
 - Merancang dan memudahcara kursus latihan
 - Menjalankan kaji selidik asas dan menyediakan laporan
 - Menjalankan kajian penilaian dan menyediakan laporan
 - Mengesan kemajuan projek
 - Mengesan rekod buku simpan kira-kira
 - Menyediakan laporan kemajuan bulanan
- 2) Kakitangan pejabat cawangan
 - Menyertai kursus latihan
 - Menjalankan tugas-tugas di bawah tanggungjawabnya
 - Mengoperasi dan mengurus sistem data yang baru

3) Juruanalisa Sistem

- Merekabentuk dan membangunkan sistem data berdasarkan Kajian asas
- Pemasangan sistem di pejabat cawangan sasaran
- Melatih kakitangan ibu pejabat dan pengurus serta kakitangan cawangan
- Mengemaskini, perkhidmatan menyenggara mengikut jadual untuk kemudahan komputer.

4) Penyelia pinjaman dan ketua kumpulan wanita

- Menyertai kursus latihan
- Menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan

8.10.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Kajian Soal Selidik: Satu kajian asas adalah dalam bentuk analisis masalah dan soal selidik. Analisis masalah dijalankan di enam (6) pejabat cawangannya dan bengkel penilaian telah diadakan untuk membincang dan meringkaskan output dari pejabat cawangan.

Perancangan Sistem Komputer dan Latihan Kakitangan: Berdasarkan kepada keputusan kaji selidik tersebut, mereka telah merekabentuk sistem maklumat bersama-sama dengan pakar komputer dan memasang kelengkapan sistem di setiap cawangan yang terlibat. Dengan serentak, mereka mengendalikan kursus latihan asas untuk pengurus-pengurus cawangan dan kakitangan untuk menggunakan sistem tersebut. Pengesanan aktiviti ini adalah dijalankan oleh Juruanalisa Sistem YUM di ibu pejabat dan laporan pengesanan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal.



Gambar 8-43 Bengkel Analisis Masalah



Gambar 8-44 Sistem Maklumat di cawangan YUM Kota Marudu

Peningkatan Sistem Maklumat: Peningkatan sistem telah dibuat untuk menjejaki data dan ahli yang telah hilang dari senarai. Masalah teknikal di Kota Belud telah diselesaikan oleh Juruanalisa Sistem. Cawangan Kudat tidak mempunyai kemudahan talian telefon, dengan ini tidak boleh melayar ke Internet. Permohonan talian telefon telah dibuat. Bahagian Keningau tidak melayari Sabah net kerana masalah ISP. Masalah ini telah diselesaikan. Pelaksanaan sistem Peringkat II telah dijadualkan ke 1 April hingga 7 Mei 2003. Selaras dengan keputusan pihak Pengurusan, cawangan Sipitang telah dimasukkan dalam program sistem berkomputer memandangkan sistem komputer yang sedia ada dan merupakan cawangan model untuk “Grameen Trust project.

Latihan Kesedaran untuk Penyelia-penyelia Pinjaman: Membuat cadangan (dipersetujui oleh JICA) untuk aktiviti tambahan dan tarikh tentatifnya i) Seminar untuk ketua-ketua kumpulan wanita YUM (21 hingga 22 Jun 2003), ii) Bengkel Mengenai Kesedaran Gender untuk Penyelia Pinjaman (Kumpulan I – 25 hingga 26/4/03 & Kumpulan II – 28 hingga 29/4/03 dan iii) IT dan latihan Komputer untuk pengurus Cawangan (Ogos 2003 atau lebih awal). Pelaksanaan sistem peringkat II (Penggunaan Sistem Pinjaman) dan latihan yang berkenaan untuk semua kakitangan di cawangan telah dilaksanakan mengikut jadual i.e. Kota Kinabalu (1-3/4/03), Kota Belud (7-9/4/03), Kota Marudu (14-16/4/03), Sandakan (21-25/4/03) dan Kudat (28-30/4/)

Latihan Kesedaran Gender untuk penyelia-penyelia pinjaman(LS)kumpulan I telah diadakan di KK pada 25 hingga 26 April. Seramai 25 LS telah menghadiri latihan tersebut. Mereka adalah dari cawangan KK,KB,KM dan Kudat.Gender. Objektif utama bengkel ini ialah untuk meningkatkan keupayaan motivasi dan penyeliaan untuk kakitangan ladang khususnya dari segi penerapan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran gender yang akan memanfaatkan mereka sebagai “agen pengubah” di samping membekalkan perkhidmatan kewangan kepada usahawan wanita laur bandar. Bengkel untuk Kesedaran Wanita dan Penyelia pinjaman kumpulan II dari cawangan Keningau, Sandakan, Papar, Tuaran dan Tambunan telah diadakan pada 1 dan 2 Julai 2003.



Gambar 8-45- Seminar Pengkasaan untuk Ahli-ahli (1)



Gambar 8-46 Seminar Pengkasaan untuk Ahli-ahli (2)

Bengkel Pengkasaan Wanita untuk Usahawan Wanita Luar Bandar: Satu seminar bagi pengkasaan usahawan wanita luar bandar di Sabah dari 25-26 Jun 2003 telah dijalankan. Objektif utama seminar tersebut ialah meningkatkan kepimpinan, motivasi dan kesedaran gender di kalangan usahawan wanita luar bandar. Manakala objektif khas seminar tersebut ialah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang berkenaan bagi pembangunan keusahawanan, menerapkan imej usahawan yang sebenarnya kepada kumpulan wanita, mewujudkan usahawan baru di kalangan masyarakat wanita. Usahawan ini haruslah mempunyai ciri-ciri yang kreatif dan berwawasan, dan boleh berbincang dan berkongsi pengetahuan mengenai isu keusahawanan di YUM.

Kajian Penilaian Lepas Pelaksanaan: Kaji soal selidik mengenai penilaian kepada pelaksanaan Kajian Projek Perintis 10 telah diadakan pada bulan Septembar dan laporan akhir telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal PUANDESA dan Pasukan Pengkaji JICA(rujuk Buku Data)

Cadangan Pengkomputeran Baki Lapan(8) cawangan: Cadangan penggunaan komputer untuk mengurus baki 8 cawangan YUM telah dikemukakan kepada KPIM pada 21 Julai 2003 untuk pertimbangan lanjut. Maklum balas surat dan sokongan dari KPIM kepada Ketua Pasukan Pengkaji JICA untuk pertimbangan.

8.11 PROJEK PERITNIS 11: PROJEK UNTUK PENINGKATAN KEFAHAMAN DAN SOKONGAN PENGGUBAL DASAR

8.11.1 RENCANA RINGKAS

Objektif utama Projek Perintis 11 ialah untuk 1) Meningkatkan kefahaman penggubal dasar mengenai dasar dan pengalaman negara Jepun dalam pembangunan dan peningkatan taraf hidup luar bandar dan 2) meningkatkan sokongan mereka bagi Kajian PUANDESA dan Pelan Induk yang disediakan oleh Pasukan Pengkaji. Kumpulan sasaran merupakan penggubal dasar agensi-agensi yang berkaitan dan pasukan petugas yang terdiri dari ahli Jawatankuasa Teknikal Kajian tersebut.

Projek ini dilaksanakan oleh pasukan petugas Projek Perintis 11 yang ahlinya terdiri dari Jawatankuasa Pemandu Kajian ini. Pelaksanaan aktiviti projek ini adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan oleh Pasukan Petugas Institusi dan Kewangan Manakala agensi yang mengetuai projek ini adalah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah. (KPIM).

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi yang terlibat adalah seperti berikut;

- 1) Pengerusi (KPIM)
 - Menyelaras dan menganjurkan aktiviti-aktiviti projek
 - Mengemukakan Kajian PUANDESA dan Pelan Induk pembangunan kepada para penggubal dasar agensi-agensi yang berkenaan serta ahli-ahli kongres.
- 2) Ahli Pasukan Petugas
 - Menyertai seminar dan mesyuarat projek
 - Melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan
- 3) Setiausaha
 - Menyediakan minit mesyuarat
 - Menyediakan bahan-bahan untuk perhubungan awam

Aktiviti-aktiviti projek adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan Pasukan Petugas.

8.11.2 AKTIVITI-AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

(1) Mesyuarat pertama telah diadakan pada 3 Oktober, 2002 dan mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- 1) Untuk memaklumkan Kabinet Negeri mengenai pelaksanaan projek-projek perintis dan seterusnya pembentukan Pelan Induk.
- 2) Untuk menganjurkan bengkel dan seminar mengenai pembangunan gender.
- 3) Untuk membentangkan satu kertas kerja seminar dalam Konvensyen Kebangsaan mengenai Dasar Kebangsaan Wanita (Women National Policy) anjuran Unit Hal Ehwal Wanita (UHEWS).

(2) Seminar pertama mengenai Pengalaman Negara Jepun dalam Peningkatan Taraf Hidup Luar Bandar

Seminar pertama telah diadakan pada 18 Februari 2003 di Beverly Hotel yang dihadiri oleh 40 peserta dari agensi-agensy yang berkaitan.

Kertas kerja Seminar yang dibentangkan:

- 1) Gambaran Keseluruhan Kemajuan Peningkatan Keadaan Penghidupan di Jepun oleh Pasukan Pengkaji JICA oleh Pasukan
- 2) Aktiviti-aktiviti untuk Peningkatan Penghidupan dan Peranan Wanita Luar Bandar di Jepun oleh Pasukan Pengkaji JICA
- 3) Pandangan dan Komen Berdasarkan kepada Lawatan kawasan Sasaran dari 12 hingga 14 Februari oleh Pasukan Pengkaji JICA
- 4) Tayangan Video bertajuk Aktiviti-aktiviti harian kakitangan pengembangan dalam Peningkatan keadaan Penghidupan di Jepun oleh ekspatriat JICA dari Japan.
- 5) Gambaran Keseluruhan Dasar Pembangunan Luar Bandar Sabah oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- 6) Gambaran Keseluruhan Dasar Pembangunan Pertanian di Sabah oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.
- 7) Gambaran Keseluruhan Wanita dan Pembangunan di Sabah oleh Unit Hal Ehwal Wanita Sabah.

(3) Seminar Kedua mengenai “Pengalaman Negara Jepun dalam Peningkatan Taraf Hidup Luar Bandar dan Sistem Pengembangan dalam Pembangunan Luar Bandar”

Seminar kedua telah diadakan di Beverly Hotel pada 12 Jun 2003 yang dihadiri oleh ahli – ahli Projek Perintis 11, Projek Perintis 8 serta ahli Pasukan Pengkaji JICA. Seminar tersebut adalah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Pengerusi Projek 11).

Kertas kerja seminar yang dibentangkan:

- 1) “Aktiviti-aktiviti Kakitangan Pengembangan di Jepun” dan “Pengalaman Jepun dalam Pembangunan Peningkatan Penghidupan Luar Bandar Negeara Jepun” oleh Encik Masafumi Ikeno, seorang pakar pengembangan dari Jepun.
- 2) Gambaran Keseluruhan Aktiviti-aktiviti Pengembangan Sabah untuk Wanita Luar Bandar oleh Jabatan Pertanian (DOA), Sabah.

(4) Seminar Ketiga mengenai Agro-Tourism dan Pengalaman Eco-Tourism Di Negara Jepun dan Sabah

Seminar ketiga ini telah diadakan di Sheraton Tanjung Aru Hotel pada 10 Oktober 2003 dengan disertai oleh ahli projek perintis 11, ahli projek perintis 8 dan Pasukan Pengkaji JICA. Seminar tersebut adalah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Pengerusi Projek 11).

Kertas-kerja Seminar yang dibentangkan:

- 1) Pelancongan berasaskan Pertanian dan 'Eco-tourism' di Jepun oleh Mr. Yoneda, Pakar "Borneo Biodiversity Ecosystem Conservation Program(BBEC)" dari JICA.
- 2) “Rencana Ringkas Program BBEC” oleh Encik. Yoneda
- 3) “Aktiviti-aktiviti BBEC melalui Pendekatan Penyertaan” oleh Encik Sakai, pakar BBEC JICA
- 4) “Pelancongan Berasaskan Pertanian dan Eco-Tourism” oleh Kementerian Pelancongan.
- 5) “Rencana Ringkas dan Penemuan Projek Perintis 6 PUANDESA—Promosi Produk Tempatan di bawah Pembangunan dan Potensi Pelancongan Kudat” oleh Encik Patrick Lee Mojinun, ADO Matunggong



Gambar 8-47 Majlis perasmian Seminar Ketiga



Gambar 8-48 Pembentangan oleh BBEC

BAB 9: PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERINTIS

9.1 KAEDAH DAN JADUAL “POST-EVALUATION”

Pasukan Petugas dan Pasukan Pengkaji telah menjalankan kaji selidik asas, penilaian separuh penggal dan penilaian lepas pelaksanaan projek-projek perintis masing-masing dalam bulan Oktober 2002, bulan Mac 2003, bulan September dan Oktober 2003.

Ahli Pasukan Petugas bertanggungjawab untuk mengesan 11 projek perintis tersebut, menyediakan dan mengemukakan laporan pengesanan bulanan termasuk buku akaun bulanan kepada Projek Perintis 8 dan Pasukan Pengkaji JICA yang berperanan untuk menyelia pelaksanaan kesemua 11 Projek Perintis. Struktur pengesanan projek perintis tersebut adalah ditunjukkan dalam Rajah 7-5 (P128) dalam Bab 7. Pasukan Petugas bagi Projek Perintis 8 mengadakan mesyuarat pengesanan bulanan bersama-sama dengan ketua-ketua pasukan bagi 11 pasukan petugas berkenaan. Setiap ketua pasukan akan melaporkan kemajuan projek-projek perintis masing-masing dalam mesyuarat tersebut. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah aktiviti-aktiviti yang perlu diselaraskan di kalangan agensi berkenaan dan juga masalah-masalah yang perlu ditangani. Minit mesyuarat bagi mesyuarat pengesanan bulanan adalah disediakan oleh sekretariat bagi Projek Perintis 8 dan diedarkan kepada pasukan-pasukan petugas yang lain.

Kaji selidik asas telah dijalankan pada Oktober 2002 untuk mengumpul data yang menggambarkan situasi kumpulan sasaran sebelum pelaksanaan projek perintis. Penilaian separuh penggal telah diadakan pada Mac 2003 untuk memeriksa kemajuan pelaksanaan projek perintis dan mengenalpasti samada perubahan rekabentuk projek diperlukan atau tidak. Akhirnya, pada penghujung pelaksanaan projek perintis, penilaian lepas pelaksanaan telah dijalankan pada September dan Oktober 2003. Tarikh bagi penilaian lepas pelaksanaan bagi setiap projek perintis adalah berbeza kerana pasukan petugas perlu mempertimbangkan kemajuan projek dan rumusan projek tersebut.

Kaji selidik asas, penilaian-penilaian separuh penggal dan penilaian lepas pelaksanaan adalah direkabentuk berdasarkan kepada Rekabentuk Matrix Projek (Project Design Matrix – PDM) yang telah disediakan pada peringkat awal

pelaksanaan projek perintis dan ditunjukkan dalam Appendix 2 dalam Laporan Rumusan bagi Projek Perintis yang disediakan oleh pasukan-pasukan petugas Sabah. Petunjuk-petunjuk, sumber data dan kaedah mengumpul maklumat bagi setiap projek perintis adalah berbeza kerana perbezaan tahap pendidikan dan teknikal bagi kumpulan-kumpulan sasaran adalah tidak sama.

Jadual 9-1 Menunjukkan rencana ringkas penilaian lepas pelaksanaan yang dijalankan oleh projek-projek perintis.

Jadual 9-1 Rencana Ringkas Penilaian Lepas Pelaksanaan Setiap Projek Perintis

	KAEDAH	SASARAN	JADUAL
PROJEK 1 (Berfikir/Bekerja)	Fokus-temuduga kumpulan Penilaian Penyertaan	Semua ahli kumpulan sasaran (wanita)	Penghujung Oktober
PROJEK 2 (Pusat Khidmat Setempat)	Kaji Soal Selidik Penilaian Penyertaan	Semua ahli sasaran (JKKK bagi 6 kampung)	Penghujung Oktober
PROJEK 3 (Sumber-Sumber Tidak Terpakai)	Fokus-temuduga kumpulan	Ketua-ketua kumpulan sasaran	Pertengahan Oktober
PROJEK 4 (Rumpai Laut)	Fokus-temuduga kumpulan	Ketua-ketua kumpulan sasaran	Pertengahan Oktober
PROJEK 5 (KPD Tamu)	Kaji Soal Selidik Fokus-temuduga kumpulan	Ahli kumpulan sasaran Ahli pasukan petugas	Penghujung September
PROJEK 6 (Pelancongan Kudat)	Kaji Soal Selidik Fokus-temuduga kumpulan	Ahli kumpulan sasaran Ahli pasukan petugas	Penghujung September
PROJEK 7 (Kemahiran Pengembangan)	Kaji Soal Selidik Penilaian Penyertaan Perbincangan kumpulan	Ahli kumpulan sasaran Ahli pasukan petugas	Pertengahan Oktober
PROJEK 8 (Pengesanan)	Perbincangan kumpulan	Ahli pasukan petugas	Pertengahan Oktober
PROJEK 9 (Kraftangan)	Perbincangan kumpulan	Ahli pasukan petugas	Penghujung September
PROJEK 10 (YUM)	Kaji Soal Selidik	Pegawai Cawangan Kawasan Ahli-Ahli YUM	Pertengahan September
PROJEK 11 (Penggubal Dasar)	Perbincangan kumpulan	Ahli pasukan petugas	Pertengahan Oktober

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

9.2 PENEMUAN BAGI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN

Melalui penilaian lepas pelaksanaan, (1) output, (2) keputusan, (3) isu-isu utama daya maju projek dijelaskan, seperti diringkaskan seperti berikut:-

9.2.1 PROJEK PERINTIS 1: BERFIKIR DAN BEKERJA BERSAMA DENGAN WANITA LUAR BANDAR

(1) Output

- 1) Lawatan bulanan terhadap kumpulan sasaran, sebanyak 13 lawatan kesemuanya diadakan oleh kakitangan pengembangan dan pasukan petugas semasa pelaksanaan projek perintis.
- 2) Sebanyak 3 kumpulan sasaran yang terdiri dari 28 wanita luar bandar di kampung-kampung terpencil telah dilatih.
- 3) Latihan kesedaran dan motivasi, latihan gender dan pendekatan penyertaan telah diperkenalkan dalam kursus latihan.
- 4) Sebanyak 3 projek-projek mikro iaitu, i) menjual kek tempatan; ii) latihan menjahit; dan iii) pengenalan kepada mesin pengilang padi, telah dirancang dan dilaksanakan oleh kumpulan sasaran.

(2) Keputusan

- 1) **Kualiti aktiviti-aktiviti pengembangan:** Sebelum pelaksanaan Projek Perintis 1, kakitangan pengembangan DOA untuk wanita luar bandar melawat ke kampung sasaran satu kali dalam setiap tiga bulan untuk mengajar mereka cara-cara menjahit, memasak dan sebagainya mengikut modul latihan mereka dan minat kumpulan sasaran. Semasa pelaksanaan projek perintis 1, kakitangan pengembangan DOA PKT mengadakan lawatan sekali atau dua kali sebulan dan sentiasa berkomunikasi dengan kumpulan sasaran. Kualiti latihan juga telah meningkat melalui pengenalan kepada latihan kesedaran, motivasi, penyertaan bersama dan latihan gender. Beberapa bengkel telah diadakan untuk membolehkan kumpulan sasaran berbincang mengenai kehidupan mereka, keluarga, penghidupan, keadaan hidup dsb di samping mengenalpasti masalah dan keperluan.
- 2) **Motivasi wanita:** Berdasarkan kepada fokus temuduga kumpulan dengan ahli kumpulan sasaran, lebih kurang 60% daripada jumlah ahli menyertai semua aktiviti projek yang dijalankan. Tujuan mereka menyertai projek perintis tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Untuk membuka minda dan mendapatkan pengalaman
 - b. Untuk berkenalan antara satu sama lain

- c. Untuk membangunkkan aktiviti-aktiviti kumpulan
- d. Untuk meningkatkan pengetahuan dan prestasi
- e. Untuk meningkatkan pendapatan

- 3) ***Pendekatan-pendekatan Projek:*** Semua ahli kumpulan mengatakan bahawa mereka gembira menyertai aktiviti-aktiviti tersebut dan mereka menerima pendekatan penyertaan bersama dan bekerja sebagai satu kumpulan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan, mereka telah mempelajari perkara-perkara berikut:
- a. Bekerjasama
 - b. Kerjasama ahli
 - c. Pertukaran pendapat dan pandangan
 - d. Kepentingan kepimpinan
 - e. Untuk meningkatkan pendapatan
- 4) ***Persefahaman Keluarga:*** Semua ahli kumpulan sasaran mengatakan bahawa keluarga mereka memahami aktiviti-aktiviti mereka dengan baik dan telah memberikan sokongan, ahli masyarakat juga berminat dalam projek tersebut.
- 5) ***Penilaian diri mengenai pencapaian mereka:*** Berdasarkan kepada keputusan penialaian penyertaan bersama, ahli kumpulan sasaran memikirkan bahawa mereka telah yakin dan mempunyai kepimpinan serta kerjasama yang baik. Kualiti aktiviti-aktiviti dan kemahiran mereka belum membangun sepenuhnya.

(3) Isu-isu Utama Bagi Daya Maju Projek

- 1) Kumpulan sasaran amat tertarik hati dengan perolehan RM200 selepas menjual kek tempatan yang dihasilkan dari projek mikro mereka. Kakitangan pengembangan perlu mengajar mereka bagaimana untuk menyimpan buku-buku akaun, berkongsi dan menyimpan pendapatan, pengendalian makanan dan pemasaran dsb, langkah demi langkah.
- 2) Ahli kumpulan sasaran telah menjadi lebih yakin tentang sumbangan mereka ke arah peningkatan penghidupan luar bandar dalam kampung mereka atas usaha mereka sendiri, walau bagaimana pun, lawatan susulan dan komunikasi yang kerap oleh kakitangan pengembangan adalah penting untuk memastikan tahap pencapaian pembangunan projek perintis.

9.2.2 PROJEK PERINTIS 2: PROJEK MENUBUHKAN SATU PUSAT KHIDMAT SETEMPAT UNTUK USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

(1) Output

- 1) Ahli-ahli JKKK (seorang pengerusi dan ketua wanita) bagi enam (6) projek perintis telah dilatih untuk mamahami peranan masing-masing mengenai pusat khidmat setempat dalam kampung merka.
- 2) Papan maklumat telah dipasang di enam (6) kampung bagi membekalkan maklumat berkenaan untuk mengukuhkan aktiviti-aktiviti usahawan.
- 3) Satu pusat maklumat dengan sistem komputer dan 'internet' telah ditubuhkan di pejabat daerah Pitas, pegawai-pegawai dan kakitangan pengembangan bagi pejabat daerah berkenaan telah dilatih untuk mengoperasi pusat maklumat tersebut.

(2) Keputusan

- 1) **Pemahaman JKKK:** Pada peringkat awal, mereka menyertai projek perintis kerana mereka diarah untuk berbuat demikian oleh KPLB. Walau bagaimana pun, selepas menghadiri latihan pertama, semua peserta memahami kepentingan projek tersebut. Mereka mengatakan bahawa penyertaan mereka dalam projek perintis ialah kerana:
 - a. Untuk mendapatkan pengalaman
 - b. Untuk bekerja bersama
 - c. Untuk meningkatkan pengetahuan bagi membantu kampung-kampung masing-masing
 - d. Sangat tertarik dengan kandungan projek
- 2) **Komitmen para JKKK:** Semua JKKK sasaran bersetuju tujuan projek dan berasa bangga dapat memainkan peranan dalam pusat khidmat setempat. Selepas Projek Perintis, mereka mengatakan mereka akan:
 - a. Memerlukan projek ini supaya dapat terus aktif dalam peningkatan penghidupan luar bandar
 - b. Bersedia untuk mengurus projek ini
 - c. Menyebarkan maklumat untuk membangunkan kampung
- 3) **Penilaian diri mengenai pencapaian mereka:** Sebanyak 50% daripada sasaran JKKK mengatakan bahawa mereka sangat bersedia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti projek tersebut, manakala bakinya mengatakan mereka telah bersedia. Sebanyak 25% daripada JKKK sasaran mengatakan bahawa mereka sangat bersedia untuk membantu wanita dalam masyarakat mereka dan bakinya mengatakan telah bersedia untuk

menjalankan tugas tersebut.

(3) Isu-isu Utama Bagi Daya Maju Projek

- 1) Lebih banyak bengkel latihan, termasuk latihan penyertaan dan gender perlu dilaksanakan untuk kumpulan sasaran, walau pun mereka berpendapat bahawa mereka telah bersedia untuk berfungsi sebagai pusat khidmat setempat.
- 2) Garispanduan mengenai pusat khidmat setempat di kampung tersebut haruslah disediakan oleh JHEWA dan KPLB secepat mungkin.
- 3) Bengkel memberangsangkan bagi pusat khidmat setempat di kampung berkenaan perlu dijalankan untuk menjadikan projek lebih praktikal.
- 4) Tanggungjawab-tanggungjawab agensi-agensi utama, KPLB dan JHEWA serta agensi-agensi berkenaan haruslah disahkan dalam Pelan Induk Pembangunan.

9.2.3 PROJEK PERINTIS 3: PROJEK PENGGUNAAN PRODUK DAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK TERPAKAI

(1) Output

- 1) Wanita luar bandar yang minat dalam penghasilan kraftangan di lima kampung berkenaan telah dilatih dari segi penggunaan sumber-sumber tidak terpakai dalam membuat kertas, lilin dan sabun. Jumlah ahli kumpulan sasaran adalah lebih kurang 40 orang.
- 2) Kursus latihan yang kerap telah diadakan di Kota Marudu untuk memperkenalkan konsep dan mengajar bagaimana untuk menyediakan produk berkenaan.
- 3) Dua (2) atau tiga (3) wanita dari setiap kampung sasaran adalah kreatif untuk menghasilkan produk masing-masing dan berminat untuk memperbaiki kualitinya. Mereka menjual produk dan telah memperoleh pendapatan semasa pelaksanaan projek perintis ini.
- 4) Satu garispanduan ringkas mengenai penggunaan sumber-sumber tidak terpakai telah disediakan.
- 5) Terdapat beberapa komen yang mengatakan terdapat sedikit masalah mengenai penghantaran peralatan dan maklumat oleh Pasukan petugas semasa pelaksanaan projek perintis. Kelengkapan dan maklumat tersebut tidak sampai tepat pada masanya dan tidak disampaikan kepada semua ahli.

(2) Keputusan

- 1) **Motivasi Wanita:** Berdasarkan kepada fokus temuduga kumpulan dengan ahli kumpulan sasaran, tujuan mereka menyertai projek perintis adalah seperti berikut:
 - a. Berminat dalam konsep projek
 - b. Untuk memperolehi pendapatan keluarga
 - c. Untuk berkongsi maklumat dan pengalaman
 - d. Untuk memiliki pelbagai sumber-sumber tidak terpakai seperti lilin lebah, kulit kelapa, daun pisang, rumput dsb, yang boleh diperolehi dari masyarakat tersebut.
 - e. Untuk meningkatkan pengetahuan dan prestasi
- 2) **Pemahaman dan Kreativiti Wanita:** Sebanyak 20% daripada sasaran wanita mengatakan bahawa idea menggunakan sumber-sumber tidak terpakai adalah menggalakkan dan ingin menggunakannya. Mereka mengatakan bahawa tidak ada kos modal yang terlibat di samping kesan yang terhad kepada persekitaran. Sebaliknya, sebanyak 80% daripada sasaran wanita mengatakan bahawa idea tersebut sangat berguna tetapi mereka atidak tahu menggunakannya tanpa panduan yang diberi oleh para pelatih. Kebanyakan wanita sasaran memahami konsep projek tersebut. Akan tetapi mereka memerlukan panduan yang selanjutnya untuk menggunakan sumber-sumber yang tidak terpakai dalam masyarakat masing-masing.
- 3) **Aktiviti-aktiviti kumpulan:** Semua kumpulan sasaran gembira bekerja dalam kumpulan kecil. Melalui aktiviti-aktiviti kumpulan, mereka telah mempelajari:
 - a. Bagaimana untuk memahami antara satu sama lain termasuk ciri-ciri yang negatif
 - b. Bagaimana untuk berbincang dalam kumpulan dan berkongsi pandangan
 - c. Bagaimana untuk bekerja dengan cepat dan lebih produktif
 - d. Bagaimana untuk mempelajari pengetahuan dan kemahiran dari ketua-ketua
- 4) **Penilaian diri terhadap pencapaian mereka sendiri:** Di kalangan ahli kumpulan sasaran, beberapa ahli dari setiap kampung telah yakin dengan kemahiran pengeluaran dan kreativiti mereka. Terdapat sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan yang menempah hasil produk mereka.

- 5) **Kumpulan-kumpulan sasaran mengajar yang lain:** Terdapat beberapa ahli yang berkembang tidak sekatat ketua dan pengeluar yang berupaya tetapi juga sebagai pelatih yang baik. Mereka bekerja bersama dengan Pasukan Petugas untuk melatih wanita luar bandar yang lain pada penghujung pelaksanaan projek perintis.

(3) Isu-isu Utama Bagi Daya Maju Projek

- 1) Kualiti produk kumpulan sasaran masih tidak stabil. Ianya perlu diperbaiki melalui aktiviti-aktiviti susulan.
- 2) Kumpulan sasaran tidak dapat menghasilkan produk dengan kuantiti yang banyak. Pasukan Petugas perlu mempertimbangkan dan berbincang tentang bagaimana untuk memenuhi tempahan dari para pelanggan.

9.2.4 PROJEK PERINTIS 4: PROJEK PENGKULTURAN DAN PEMROSESAN RUMPAI LAUT

(1) Output

- 1) Dua (2) kumpulan wanita dari kampung nelayan sasaran telah dilatih dalam pengkulturan rumput laut, kerja menuai, kesedaran dan motivasi serta kesihatan.
- 2) Kumpulan sasaran tersebut adalah sangat aktif dan telah menunjukkan prestasi pengeluaran yang baik.
- 3) Mereka menghasilkan lebih kurang 10 metric ton setiap bulan.
- 4) Mereka memperoleh lebih kurang RM 20,000 dalam bulan September 2003. Seorang (1) ahli boleh memperoleh RM 1,000 secara purata yang merupakan 10 kali ganda lebih besar daripada sebelum pelaksanaan projek perintis.
- 5) Pengurusan perakaunan dan perniagaan tidak diamalkan oleh ahli-ahli kumpulan, walau pun mereka telah dilatih oleh projek perintis
- 6) Terdapat pasaran yang baik yang sedia ada di sekitar kawasan sasaran; beberapa kilang kepunyaan kaum Cina membeli produk-produk tersebut secara tetap.

(2) Keputusan

- 1) **Motivasi Wanita:** Ahli kumpulan sasaran telah bekerja sebagai buruh sokongan kepada suami mereka. Mereka jarang dilatih oleh program-program kerajaan. Projek perintis telah membekalkan peluang untuk menyertai latihan kesedaran dan latihan kemahiran pengeluaran.

Produktiviti kumpulan sasaran adalah lebih tinggi daripada projek kaum lelaki.

- 2) ***Aktiviti-aktiviti kumpulan:*** Ahli dalam kumpulan sasaran berasa sukar untuk bekerja dalam kumpulan. Kebanyakan mereka lebih suka untuk bekerja secara individu walau pun selepas pelaksanaan projek perintis. Antara sebabnya ialah:
- a. Mereka jarang bekerja dalam kumpulan.
 - b. Bekerja secara kumpulan tidak akan memberi manfaat dalam pengkulturan rumpai laut.
 - c. Mereka berasa perkongsian keuntungan dengan ahli kumpulan yang lain adalah tidak adil.
 - d. Kepimpinan tidak kuat.
 - e. Perkongsian maklumat dan kelengkapan peralatan tidak dilakukan dengan baik.

Aktiviti-aktiviti pengeluaran telah dimulakan sebelum kesediaan dari segi sosial dan pembentukan kumpulan. Kumpulan berkenaan tidak dikelolakan dengan baik dan terdapat beberapa konflik di kalangan ahli seperti perkongsian pendapatan dan penghantaran peralatan

Sumbangan projek dalam peningkatan penghidupan luar bandar: Kumpulan sasaran tidak berminat untuk bekerja dalam kumpulan dan mereka lebih suka bekerja secara individu atau dengan ahli keluarga sendiri untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Maka dengan ini, mereka jarang mempertimbangkan untuk berkongsi dan/atau memperuntukkan manfaat dengan ahli masyarakat yang lain untuk menyumbang kepada peningkatan penghidupan.

(3) **Isu-isu Utama Bagi Daya Maju Projek**

- 1) Latihan kesedaran dan motivasi serta pembentukan kumpulan perlu dijalankan dengan berpatutan sebelum aktiviti-aktiviti pengeluaran utama dimulakan. Jika tidak, faedah dari projek perintis mungkin tidak dikongsi bersama secara adil atau digunakan secara berkesan oleh ahli kumpulan dan masyarakat.
- 2) Kemahiran pemprosesan rumpai laut untuk usahawan wanita luar bandar haruslah diperkenalkan untuk memberikan peluang tambah nilai kepada produk dan membangunkan pasaran "niche".

9.2.5 PROJEK PERINTIS 5: PROJEK PEMBAIKAN DAN INOVASI FUNGSI TAMU

(1) Output

- 1) Dua (2) kursus latihan (empat hari setiap satu) mengenai pengendalian makanan telah dijalankan.
- 2) Lebih kurang 50 usahawan wanita luar bandar telah dilatih dalam kursus ini. Mereka yang telah menjalani latihan memperolehi sijil pengendalian makanan dari Kementerian Kesihatan.
- 3) Penunjukcara promosi jualan produk wanita luar bandar telah dijalankan di Tamu KPD, yang diadakan sebanyak dua kali dalam sebulan. Sejumlah 24 tunjukcara telah diadakan sepanjang pelaksanaan projek perintis.
- 4) Selepas memperolehi sijil pengendalian makanan, ahli kumpulan sasaran lebih yakin dan berupaya untuk meningkatkan kualiti produk. Keadaan ini secara berperingkat telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan mereka.
- 5) Kaji selidik pasaran telah diadakan oleh Pasukan Petugas untuk menjelaskan peranan Tamu KPD dan bakal pasaran produk wanita luar bandar.
- 6) Sudut maklumat Tamu KPD telah ditingkatkan untuk berfungsi sebagai pusat maklumat pasaran PUANDESA bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar.

(2) Keputusan

- 1) **Motivasi Wanita:** Kumpulan sasaran usahawan wanita luar bandar menikmati dan menggunakan dengan sepenuhnya peluang untuk menyertai pengendalian makanan dan kursus latihan kebersihan; mereka tidak pernah memperolehi peluang program latihan seperti ini. Mereka menyedari bahawa latihan pengendalian makanan adalah diperlukan untuk meningkatkan kualiti produk berdasarkan kepada pengalaman perniagaan mereka. Semua ahli kumpulan sasaran berminat untuk mempelajari kemahiran mengenai bagaimana untuk meningkatkan kualiti produk, yang telah membuat kursus latihan ini lebih praktikal dan bermanfaat kepada para peserta.
- 2) **Peningkatan Teknikal Pasukan Petugas:** Projek Perintis telah meningkatkan bukan sahaja kemahiran kumpulan sasaran tetapi juga dari segi pemahaman perniagaan dan pengetahuan pemasaran kumpulan sasaran. Mereka mempunyai peluang yang terhad untuk menjalankan kaji selidik

pasaran dan bekerja secara langsung dengan penerima manfaat. Projek Perintis telah memberi peluang yang baik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

- 3) **Tunjukcara di Tamu KPD:** Tunjukcara produk makanan yang disediakan oleh kumpulan sasaran selepas menamatkan kursus latihan pengendalian makanan telah menyampaikan mesej yang jelas mengenai kepentingan kualiti produk dan jangka simpan produk bukan setakat kepada usahawan wanita luar bandar yang lain tetapi juga kepada pelanggan-pelanggan.

(3) Isu-isu Utama Bagi Daya Maju Projek

- 1) Kandungan kursus latihan pengendalian makanan perlu ditingkatkan untuk usahawan wanita luar bandar supaya mereka dapat memahami dan mempraktikkannya dengan lebih mudah.
- 2) Kursus latihan pengendalian makanan agak menelan belanja dan bantuan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Kesihatan adalah diperlukan. Kursus sedemikian adalah amat berguna kepada wanita luar bandar, maka ianya perlu diteruskan melalui kerjasama di kalangan agensi-agensi yang berkenaan.
- 3) Tamu KPD perlu digunakan dengan sepenuhnya sebagai pengkalan untuk usahawan wanita luar bandar. Pengukuhan institusional perlu dilakukan sebagai sokongan kepada peningkatan kemudahan.

9.2.6 PROJEK PERINTIS 6: PROJEK UNTUK MEMPROMOSI KRAFTANGAN TEMPATAN DI BAWAH PEMBANGUNAN PELANCONGAN KUDAT

(1) Output

- 1) Satu jawatankuasa penyelarasa telah diwujudkan untuk menggalakkan jaringan dan aktiviti-aktiviti kerjasama bagi keempat-empat(4) kampung tersebut.
- 2) Konsep bagi “satu kampung satu industri”, yang telah dipromosikan oleh KPLB di kawasan sasaran, telah dibincangkan dan pendekatan untuk meningkatkan pendapatan keempat-empat kampung tersebut telah dikenalpasti.
- 3) Satu pelan mempromosikan jaringan pelancongan berasaskan pertanian bagi keempat-empat kampung berkenaan dan tempat menarik di kawasan Kudat termasuk “the tip of Borneo” telah disediakan dan risalah meliputi keempat-empat kampung dan pengenalan tempat-tempat menarik

pelancongan telah diwujudkan.

- 4) Satu Kursus Latihan Pengendalian Makanan selama empat(4) hari telah diadakan kepada wanita luar bandar yang terlibat dalam pemprosesan makanan dan perniagaan membekalkan makanan.
- 5) Dua (2) Kursus Latihan Perniagaan Kraftangan selama empat(4) hari telah diadakan dan dua lawatan sambil belajar telah dilaksanakan.
- 6) Usaha kerjasama untuk membersihkan persekitaran masyarakat telah dilaksanakan oleh ahli masyarakat supaya menarik lebih ramai pelancong ke kawasan tersebut.

(2) Keputusan

- 1) ***Pembangunan produk baru dan pembaikan produk tradisional:*** Melalui bengkel-bengkel latihan Projek Perintis, Kumpulan Sasaran Wanita berbincang dan mengkaji kemahiran dan produk mereka. Kumpulan sasaran telah mempelajari bagaimana untuk meningkatkan kemahiran tradisional dan bagaimana untuk membangunkan produk-produk baru.
 - a. Kumpulan yang menghasilkan manik telah mewujudkan produk baru iaitu bag kain yang dihiasi dengan manik (Tinanggal).
 - b. Kumpulan yang terlibat dalam pengeluaran madu telah meningkatkan teknik membotol dengan bantuan teknikal dari KPD (Gombizau).
 - c. Kumpulan membuat gong telah cuba untuk mewujudkan produk baru yang baik sebagai produk cenderamata untuk pelancong-pelancong (Sumangkap).
 - d. Kampung rumah panjang mempertimbangkan bagaimana untuk menaik tarafkan perkhidmatan supaya lebih menarik, khasnya kebersihan dan pengedaran makanan (Bavanggazo). Ahli kumpulan sasaran telah dilatih dalam kursus yang sama seperti Projek Perintis 5.
- 2) ***Pendapatan Meningkat:*** Antara keempat-empat kampung, peningkatan teknik membotol madu telah meningkatkan pendapatan dengan banyaknya kepada kumpulan sasaran. Sebelum pelaksanaan projek, kampung ini dikunjungi oleh 100-200 pelawat dan memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM2,000-RM3,000. Selepas pembaikan dengan membotolkan madu dan promosi pelancongan berasaskan pertanian oleh projek perintis, lebih kurang 300-500 pelawat telah mengunjungi kampung tersebut dan pengeluaran madu telah meningkatkan pendapatan sebanyak melebihi RM5,000.

- 3) ***Pembersihan Persekitaran Hidup:*** Kumpulan sasaran telah memahami kepentingan pembaikan persekitaran untuk mencantikkan kampung mereka sebagai tempat pelancongan. Kumpulan masyarakat telah menjalankan aktiviti-aktiviti kempen “Masyarakat Membersihkan”; persekitaran masyarakat telah dibersihkan, namun banyak lagi usaha perlu dilakukan.
- 4) ***Kordinasi Kerajaan Tempatan:*** Pada permulaan pelaksanaan projek perintis, tujuan dan pendekatan projek kurang difahami oleh Kerajaan Tempatan dan penglibatan mereka amatlah terhad. Walau bagaimanapun, selepas aktiviti-aktiviti diadakan selama empat hingga lima bulan dan Pegawai Daerah menghargai keperluan projek di kawasan sasaran, mereka mulai mengetuai dan menyelaras aktiviti-aktiviti projek secara aktif yang mana banyak menyumbangkan kepada kemajuan projek tersebut.

(3) **Isu-Isu Utama Untuk Daya Maju Projek**

- 1) Setiap kampung sasaran telah melaksanakan aktiviti-aktiviti masing-masing dengan bersungguh-sungguh semasa pelaksanaan projek perintis; walau bagaimanapun, kordinasi antara kampung-kampung ini masih mencabar. Mereka nyata lebih berdaya saing daripada bekerjasama dalam pelaksanaan projek perintis. Kadangkala keadaan sedemikian adalah baik untuk memperbaiki aktiviti-aktiviti mereka. Akan tetapi bagi kes mereka, hubungan peribadi akan mewujudkan masalah dan mungkin mengambil masa untuk menyelesaikannya. Namun untuk menggalakkan usaha bekerjasama, mereka perlu berbincang secara terbuka tentang bagaimana untuk menyelesaikan masalah dalam komuniti mereka.
- 2) Kawasan sasaran mungkin lebih sesuai sebagai daya tarikan pelancongan berasaskan pertanian kepada pelancong-pelancong tempatan (Sabah, Sarawak dan daerah-daerah Semenanjung) berbanding dengan pelancong-pelancong asing. Setakat ini, pasaran domestik pelancongan adalah tidak besar; maka strategi mengenai bagaimana untuk menarik lebih ramai pelancong tempatan perlu dibincang seperti “homestay”, lawatan sekolah, perayaan dan seminar dan sebagainya.
- 3) Peranan dan komitmen Kerajaan Tempatan perlu dijelaskan dan diperkukuhkan untuk memastikan daya maju projek tersebut.

9.2.7 PROJEK PERINTIS 7: LATIHAN KAEDAH PENYERTAAN MENGENAI ANALISIS SOSIAL DAN GENDER

(1) Output

- 1) Seramai 12 ahli Pasukan Petugas Gender telah dilatih sebagai pelatih pusat. Kursus latihan dalaman dan mesyuarat telah dijalankan semasa latihan untuk pelatih. Mereka telah dilatih oleh ahli Pasukan Pengkaji JICA dan pakar perunding tempatan.
- 2) Seramai 24 kakitangan pengembangan dan pembantu ladang bagi agensi-agensi berkenaan telah dilatih dari segi kemahiran memudahcara dan pendekatan gender dan penyertaan.
- 3) Sebanyak empat (4) latihan kursus telah dijalankan; latihan tersebut merangkumi
 - a. Pemahaman mengenai “pembangunan”
 - b. Penyertaan penyertaan
 - c. Konsep gender
 - d. Analisis gender
 - e. Kemahiran memudahcara
 - f. Pembentukan kumpulan dan dinamik kumpulan
 - g. Penilaian penyertaan
- 4) Pasukan pelatih gender yang terdiri dari pelatih pusat dan mereka yang menjalani latihan dalam projek perintis sebagai pelatih sokongan telah dibentuk.
- 5) Berdasarkan kepada pengalaman kursus latihan, “Pemudahcara-pemudahcara PUANDESA, Panduan Pendekatan Penyertaan dan Gender” telah diterbitkan.
- 6) Seramai tujuh (7) ahli Pasukan Petugas telah melawat Projek Latihan Perkhidmatan Pengukuhan untuk Peningkatan Penghidupan Luar Bandar (Training Services Enhancement Project for Rural Life Improvement-TSEP-RLI) di Negara Filipina untuk mempelajari aktiviti-aktiviti peningkatan penghidupan luar bandar dan kemahiran memudahcara.

(2) Keputusan

- 1) ***Pengukuhan Pengupayaan Ahli Pasukan Petugas Gender:*** Pasukan Petugas Gender terdiri dari kakitangan utama bagi pembangunan sumber manusia dan/atau perkhidmatan pengembangan untuk peningkatan kehidupan luar bandar. Tiga(3) orang daripada jumlah 12 ahli telah dilatih dalam pendekatan gender dan penyertaan bekerjasama; walau

bagaimanapun, bukan untuk latihan pelatih. Selepas latihan dalaman dan projek perintis 7, kemahiran mereka dari segi perancangan, memudahcara, membuat pembentangan, pembentukan kumpulan dan sebagainya telah meningkat dan kebanyakan mereka begitu yakin dengan peranan sebagai pelatih. Manakala bagi konsep gender dan pendekatan penyertaan bekerjasama pula, lebih banyak latihan diperlukan.

- 2) ***Pengukuhan Pengupayaan Kakitangan Pengembangan:*** Hanya seorang (1) sahaja daripada jumlah 24 yang menjalankan latihan telah menyertai latihan pendekatan penyertaan bekerjasama; dan tidak ada seorang pun dilatih dari segi gender. Mereka berpuashati dengan kandungan latihan tersebut, walaupun wujud masalah dari segi bahasa (antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu) dan kemahiran memudahcara pelatih-pelatih. Kesemua pelatih berbincang untuk mengamalkan apa yang mereka pelajari dan mengharapkan latihan kepimpinan, pembentukan kumpulan kecil, dinamik kumpulan, kemahiran pembentangan dan lawatan sambil belajar untuk melawat kes-kes contoh.
- 3) ***Pembelajaran Daripada Projek JICA Di Filipina:*** Ahli-ahli yang telah menyertai lawatan sambil belajar ke Filipina telah mempelajari bagaimana untuk mengurus dan memimpin bengkel dengan ahli-ahli masyarakat, mereka juga mengetahui bagaimana menggunakan kemahiran memudahcara melalui penyertaan bengkel sebenar dalam masyarakat kampung. Pengalaman sedemikian telah memberikan pandangan mengenai peningkatan penghidupan melalui pendekatan “bottom-up”. Mereka telah cuba menggunakan apa yang telah dipelajari semasa pelaksanaan projek perintis di Sabah.
- 4) ***Penyebaran Gender Dan Pendekatan Penyertaan:*** Konsep gender dan pendekatan penyertaan telah disebarkan dikalangan rakan kerjasama dari agensi-agensi berkaitan melalui kursus latihan Projek Perintis 7 dan amalan aktiviti-aktiviti dengan wanita luar bandar dalam Projek Perintis 1. Adalah dijangka bahawa usaha berterusan adalah diperlukan untuk mengamalkan pendekatan-pendekatan tersebut dalam program sokongan dan agensi-agensi berkaitan.
- 5) ***Pengenalan Kesedaran Dan Motivasi Ke Projek-Projek Perintis Yang Lain:*** Kebanyakan projek-projek telah dilaksanakan tanpa mengambilkira masa yang digunakan dengan kumpulan sasaran dalam bengkel kesedaran dan motivasi. Justeru itu, kumpulan sasaran tidak bersedia untuk bekerja yang telah menjejaskan hakmilik dan daya maju projek tersebut. Maka projek perintis menenkankan kepentingan kesediaan dari segi sosial.

Projek-projek Perintis yang lain seperti Projek 3, 4, 5 dan 6 meminta Pasukan Petugas Projek Perintis 7 untuk melaksanakan bengkel kesedaran dan motivasi kepada kumpulan sasaran selepas mereka memulakan projek mereka dan menyedari keperluan bengkel-bengkel tersebut.

(3) Isu-isu Utama Bagi Daya Maju Projek

- 1) Satu Pasukan Pelatih Isu Gender yang terdiri dari Pasukan Petugas Gender dan mereka yang telah menjalani latihan dalam Projek Perintis 7 perlu dikelola dan seterusnya menubuhkan satu pasukan tetap untuk pelaksanaan latihan memudahcara, isu-isu gender dan pendekatan penyertaan.
- 2) Untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka dengan lebih berkesan, ahli-ahli pasukan pelatih perlu dibekalkan dengan lebih banyak latihan supaya dapat memahami konsep-konsep dan kemahiran-kemahiran latihan.
- 3) Pasukan tersebut boleh melatih pegawai-pegawai di setiap agensi-agensi yang berkenaan dan kumpulan-kumpulan sasaran bagi projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar masing-masing.
- 4) KPIM, DOA, KPD, JHEWA dan lain-lain agensi yang berkenaan perlu menyokong aktiviti-aktiviti tersebut kerana mereka-mereka yang terlibat dijangka akan menyebarkan konsep-konsep dan latihan utama yang diperlukan dalam pelaksanaan Pelan Induk.

9.2.8 PROJEK PERINTIS 8: PROJEK UNTUK MENGUKUHKAN BADAN KORDINASI PENGUPAYAAN WANITA LUAR BANDAR

(1) Output

- 1) Mesyuarat pengesanan bulanan telah dijalankan secara tetap dan kemajuan projek perintis telah dilaporkan dan dibincangkan; dan pengesanan serta panduan yang berpatutan telah diberikan melalui mesyuarat ini.
- 2) Projek Perintis telah mencipta nama ringkas Kajian sebagai “PUANDESA”, di samping logo dan slogan Kajian tersebut.
- 3) Projek Perintis telah mengkordinasi semua aktiviti-aktiviti dan produk projek perintis dan mengambil bahagian dalam perayaan seperti Pesta Menuai, Hari Peladang, Persidangan Hari Wanita dsb. untuk tujuan perhubungan awam projek Perintis PUANDESA.
- 4) Projek Perintis telah mengadakan persidangan penilaian untuk mengkaji semula dan menukar pengalaman projek perintis di kalangan ahli Pasukan Petugas dan kumpulan sasaran wanita luar bandar.

- 5) Satu lawatan sambil belajar ke tapak projek Projek Perintis 4 telah dilaksanakan supaya mempelajari pembelajaran dari pelaksanaan projek perintis.

(2) Keputusan

- 1) ***Penyeliaan Dan Pengesanan Yang Berkesan:*** Usaha pengesanan dan penyeliaan Projek Perintis adalah senentiasa dijalankan oleh Projek Perintis 8 meskipun pasukan JICA tidak berada di Sabah. Ini telah menunjukkan komitmen yang mendalam bagi rakan kerjasama dari Sabah.
- 2) ***Hakmilik Projek Perintis PUANDESA:*** Tambahan kepada aktiviti-aktiviti pengesanan, nama singkat dan aktiviti perhubungan awam yang lain telah menjamin hakmilik Projek Perintis PUANDESA.
- 3) ***Jaringan Dan Penyelarasan:*** Sebelum pelaksanaan Projek Perintis, tidak ada tempat atau jawatankuasa yang rasmi untuk menyelaras agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk meningkatkan penghidupan luar bandar. Melalui Pelaksanaan Projek Perintis, struktur perancangan, pertukaran maklumat dan bekerja bersama telah diwujudkan di kalangan agensi pelaksana.

(3) Isu-Isu Utama Untuk Daya Maju Projek

- 1) KPD dan DOA telah menunjukkan kepimpinan yang menggalakkan dari segi pengesanan dan penyeliaan Projek Perintis. Agensi-agensi yang terlibat juga bekerjasama untuk melaksanakan perhubungan awam dan bertukar-tukar maklumat. Selepas pelaksanaan projek perintis, KPIM sebagai agensi utama yang mengetuai kajian PUANDESA, perlu mewujudkan satu Badan Penyelaras Tetap berdasarkan kepada struktur jaringan yang diwujudkan dan diperkukuhkan oleh rakan kerjasama.

9.2.9 PROJEK PERINTIS 9: PROJEK UNTUK PENGUKUHAN JARINGAN ORGANISASI BAGI PROMOSI KRAFTANGAN

(1) Output

- 1) Mesyuarat bulanan telah diadakan oleh agensi-agensi berkenaan dengan kraftangan untuk membincangkan bagaimana untuk mempromosikan pasaran kraftangan etnik Sabah.
- 2) Kaji soal selidik kraftangan dan kedai-kedai cenderakenangan di Sabah telah dijalankan untuk mengenalpasti pasaran dan keperluan kraftangan di Sabah.
- 3) Logo mengenai kraftangan etnik Sabah telah dicipta, yang mana akan

digunakan oleh agensi-agensi berkenaan apabila mereka mempromosikan kraftangan Sabah.

- 4) Kursus latihan dari segi pembungkusan dan penggunaan sumber-sumber tidak terpakai telah dijalankan untuk kakitangan pengembangan agensi-agensi berkenaan dan kepada ketua-ketua wanita luar bandar.
- 5) Risalah untuk membantu usahawan-usahawan wanita luar bandar dari segi pasaran dan pengeluaran kraftangan telah diterbitkan oleh Pasukan Petugas dan dihantar kepada wanita luar bandar melalui JKKK. Risalah tersebut memaklumkan wanita tentang bagaimana untuk mendapatkan sokongan program-program kerajaan.

(2) Keputusan

- 1) **Bertukar-Tukar Maklumat:** Pengeluaran kraftangan merupakan salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh usahawan wanita luar bandar dan banyak usaha dan program kerajaan yang menyokong mereka. Walau bagaimanapun, program-program tersebut tidak diselaraskan dengan baik dan tidak diterapkan kepada kumpulan sasaran dengan berkesan. Projek Perintis membekalkan peluang yang rasmi kepada mereka untuk berkongsi maklumat mengenai latihan, perayaan, seminar dsb. di kalangan agensi-agensi yang terlibat.
- 2) **Memahami keperluan Wanita Luar Bandar:** Agensi-agensi yang berkaitan dengan kraftangan telah melaksanakan program-program sokongan; walau bagaimana pun, kebanyakan program yang dijalankan tidak dirancang melalui pendekatan "bottom-up". Sebilangan program tersebut tidak dapat memenuhi keperluan wanita luar bandar. Melalui projek perintis tersebut, agensi-agensi yang berkenaan memahami kepentingan pendekatan "bottom-up" dan mengambil keputusan untuk mengumpul maklumat bagi meningkatkan program-program sokongan.

(3) Isu-isu Utama Daya Maju Projek

- 1) Adalah agak sukar untuk mewujudkan satu sistem jaringan di kalangan agensi yang berbeza-beza iaitu agensi kerajaan negeri dan persekutuan. Demi untuk menubuhkan dan mengukuhkan Badan Penyelaras Kekal bagi agensi-agensi berkenaan dengan kraftangan, maka kepimpinan yang kukuh dan komited adalah diperlukan. KPLB dan PKKMM dijangka akan mengetuai usaha sedemikian.

9.2.10 PROJEK PERINTIS 10: PROJEK UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KREDIT-MIKRO UNTUK USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

(1) Output

- 1) Satu sistem pengkomputeran mengenai pengurusan kredit mikro telah diperkenalkan untuk enam(6) cawangan YUM, yang mana semuanya dioperasikan dengan baik dan disenggarakan oleh pejabat cawangan di bawah penyeliaan ibu pejabat YUM.
- 2) Kakitangan perkeranian dan teknikal bagi keenam-enam(6) cawangan tersebut telah dilatih dari segi operasi dan penyenggaraan sistem pengurusan yang baru.
- 3) Kesemua data pelanggan YUM (usahawan wanita luar bandar) telah dimasukkan ke dalam sistem pengurusan yang baru dan pengkalan data bagi maklumat pelanggan telah diwujudkan.
- 4) Lebih kurang 60 penyelia pinjaman bagi kesemua cawangan YUM telah dibekalkan dengan latihan gender untuk meningkatkan perkhidmatan pinjaman kepada para pelanggan.
- 5) Lebih kurang 50 ketua pusat, yang merupakan ketua kumpulan pelanggan YUM, adalah dilatih dari segi kesedaran dan motivasi serta pengurusan perniagaan.
- 6) Untuk mengkaji semula perkhidmatan YUM dan memahami keperluan pejabat cawangan serta pelanggan-pelanggan, ibu pejabat YUM telah menjalankan satu kaji selidik asas dan kaji selidik penilaian lepas pelaksanaan semasa pelaksanaan projek perintis. Laporan bagi dua kaji selidik berkenaan telah disiapkan yang mana dikongsi bersama oleh cawangan YUM dan agensi-agensi berkenaan PUANDESA.

(2) Keputusan

- 1) **Peningkatan Kecekapan Prosedur Perkhidmatan Pinjaman:** Masa yang diperlukan untuk menyediakan dokumen dan memfail telah dikurangkan oleh sistem baru yang diperkenalkan. Keadaan ini membolehkan pejabat cawangan memperuntukkan masa di ladang supaya dapat berkomunikasi dan membantu pelanggan-pelanggan mereka.
- 2) **Pengkalan Data Maklumat Pelanggan:** Selepas sistem baru diperkenalkan, pejabat YUM boleh menghubungkan pengkalan data maklumat pelanggan. Sebelum ini, mereka terpaksa mencari dokumen yang banyak dalam kabinet fail. Pengenalan sistem baru ini telah meningkatkan

perkhidmatan pinjaman di cawangan YUM dan juga persefahaman pegawai-pegawai terhadap pelanggan-pelanggan mereka.

- 3) **Sokongan dari JHEWA:** Semasa pelaksanaan projek perintis, latihan kumpulan sasaran wanita YUM adalah dibiayai oleh JHEWA kerana latihan sedemikian adalah amat berguna untuk mengukuhkan usahawan wanita luar bandar. Adalah dijangka sokongan kewangan dan teknikal seperti ini dapat meningkatkan dan mengukuhkan program sokongan YUM.

(3) Isu-isu Utama Daya Maju Projek

- 1) YUM berancang untuk memperkembangkan sistem baru ke 13 cawangan yang lain di mana mereka perlu mendapatkan sumber peruntukan dana bagi tujuan ini. Perkhidmatan kredit mikro adalah sangat penting bagi usahawan wanita luar bandar; maka dengan ini, sokongan peruntukan kewangan dari peringkat negeri dan persekutuan adalah amat diperlukan.
- 2) YUM mempunyai keupayaan dan jaringan untuk berkomunikasi dengan pelanggan-pelanggan mereka, iaitu usahawan-usahawan wanita luar bandar. Perkhidmatan latihan bagi pelanggan-pelanggan dari segi pembiayaan kewangan mikro, pengurusan perniagaan dan peningkatan penghidupan luar bandar adalah perlu diperkukuhkan.

9.2.11 PROJEK PERINTIS 11: PROJEK UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN SOKONGAN PENGGUBAL DASAR

(1) Output

- 1) Sebanyak tiga seminar yang memperkenalkan dasar Negara Jepun dan pengalamannya dalam pembangunan luar bandar, telah dijalankan oleh projek perintis; tajuk seminar berkenaan ialah:
 - a. “Pengalaman Negara Jepun dalam Peningkatan Penghidupan Luar Bandar”
 - b. “Pengalaman Negara Jepun dalam Peningkatan Penghidupan Luar Bandar dan Sistem Pengembangan dalam pembangunan Luar Bandar”
 - c. Pengalaman ‘Agro-Tourism’ dan ‘Eco-Tourism’ di Jepun dan Sabah
- 2) Para penggubal dasar dan rakan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan mempunyai pengetahuan yang lebih jelas dan berminat dalam pembangunan luar bandar Negara Jepun, khasnya dari segi “peranan kakitangan pengembangan”, “kepentingan kemahiran mudahcara”, “Galakan agro-tourism dan eco-tourism” dsb.

(2) Keputusan

- 1) ***Peningkatan sokongan dari penggubal dasar:*** Kebanyakan penggubal dasar telah mengetahui mengenai pengalaman kejayaan Negara Jepun dalam pembangunan luar bandar. Walau bagaimana pun, mereka tidak mengetahui akan kandungan sebenar dan pendapat yang positif dan negatif mengenai aktiviti-aktiviti berkenaan. Selepas mempelajari dasar dan pengalaman Negara Jepun serta memahami bahawa semua ini akan dipraktikkan dalam Kajian PUANDESA melalui pelaksanaan projek perintis.
- 2) ***Harapan penggubal dasar terhadap Pelan Induk:*** Penggubal dasar bagi agensi-agensi yang berkenaan menyedari kepentingan untuk mengukuhkan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian bagi wanita luar bandar, mereka telah menaruh minat dan harapan dalam Pelan Induk yang disediakan oleh Kajian PUANDESA. Keadaan ini akan menyumbangkan kepada kelancaran pelaksanaan pelan tersebut.
- 3) ***Pemahaman mereka mengenai pendekatan gender dan penyertaan:*** Para penggubal dasar telah mengetahui dengan lebih mengenai “gender” dan “pendekatan penyertaan.” Mereka menyedari kepentingan pendekatan penyertaan yang pada umumnya tidak terdapat dalam kebanyakan projek pembangunan yang lalu. Sebaliknya, ia akan mengambil masa untuk mewujudkan dasar gender sensitif dan untuk menggalakkan aliran utama gender, kerana mereka tidak memahami sepenuhnya idea “gender” dalam pembangunan luar bandar.

(3) Isu-isu Utama Daya Maju Projek

- 1) Pasukan Petugas projek perintis perlu diteruskan untuk membekalkan maklumat mengenai projek perintis PUANDESA dan kemajuan Pelan Induk untuk mengekalkan manfaat dan sokongan mereka.


9.3 GALAKAN PENDAPATAN DALAM PROJEK-PROJEK PERINTIS

Projek Perintis 5 dan Projek Perintis 6 menumpukan sasaran kepada wanita luar bandar yang telah memulakan perniagaan berasaskan pertanian. Dua (2) projek yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan perniagaan yang sedia ada melalui peningkatan pengendalian makanan, tunjucara pemasaran dan galakan “agro-tourism” dsb. Projek Perintis 3 dan Projek Perintis 4 pula meliputi wanita luar bandar di kawasan terpencil yang belum lagi memulakan perniagaan sendiri. Dalam keempat-empat (4) projek perintis ini, aktiviti-aktiviti galakan pendapatan

telah dirangkumi. Demi untuk mendapatkan kesan untuk penyediaan Pelan Induk, galakan dan peningkatan pendapatan dalam keempat-empat projek tersebut adalah dianalisis seperti berikut:

9.3.1 KES 1: KUMPULAN WANITA LUAR BANDAR YANG TELAH MEMULAKAN PERNIAGAAN SEBELUM PELAKSANAAN PROJEK PUANDESA (PROJEK PERINTIS 5)

Projek Perintis 5 menumpukan kepada kumpulan sasaran wanita luar bandar yang telah memulakan perniagaan mikro dan cuba memperkembangkannya. Mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan jualan melalui i) menghadiri kursus latihan dari segi pengendalian makanan, ii) mempraktikkan promosi jualan di Tamu KPD dan iii) mempelajari pentadbiran perniagaan dan buku simpan kira-kira (Rajah 9.1). Rajah 9.1 menunjukkan jualan, kos dan keuntungan kumpulan sasaran bagi Projek Perintis 5 di Tamu KPD.



Rajah 9-1 Modul Latihan Projek Perintis 5

**Jadual 9-2 Jualan Kumpulan Sasaran Wanita bagi Projek Perintis 5 di
Tamu KPD**

No.	Bulan	Bilangan Ahli		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
				Feb.	Feb.	March	March	April	Mei	Mei	Jun	Jun	Julai
				9	23	9	30	13	11	25	15	29	13
Jus	3	Jualan		135.00	225.00	255.00	168.00	250.50	202.50	255.00	261.00	180.00	270.00
		Kos		77.00	146.76	104.00	44.70	72.50	80.00	129.80	112.60	105.90	166.00
		Keuntungan		58.00	78.24	151.00	123.30	178.00	122.50	125.20	148.40	74.10	104.00
Puyuh	2	Jualan			621.00			615.00		765.00	510.00	652.50	497.00
		Kos			323.10			242.80		135.00	158.00	335.60	256.00
		Keuntungan		-	297.90	-	-	372.20	-	630.00	352.00	316.90	241.00
Kuih Tempatan	6	Jualan		270.00	231.50		83.30		450.00	300.00		296.50	290.00
		Kos		36.60	147.90		7.80		170.00	168.00		116.00	118.00
		Keuntungan		233.40	83.60	-	75.50	-	280.00	132.00	-	180.50	172.00

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Kumpulan menghasilkan jus buah-buahan telah membuka satu cawangan baru dan kini mempunyai tiga(3) buah kedai. Memandangkan prospek perniagaan ini adalah menggalakkan, mereka telah memohon pinjaman dari institusi kewangan untuk membeli peralatan baru. Pihak FAMA telah menggalakkan mereka untuk menghasilkan jus buah-buahan yang segar dan berfaedah dari segi kesihatan. Kumpulan wanita memakai apron semasa mereka memasak di pasar tempatan. Kaum suami akan membantu pada masa-masa yang sibuk. Buat masa ini, masalah yang dihadapi ialah mendapatkan bahan mentah. Mereka sedang memikirkan menyimpan bekalan bahan mentah dalam bilik stor.


Kumpulan membuat kuih tempatan, yang disokong oleh DOA, telah menerima banyak tawaran dari kedai runcit untuk menempah kuih mereka. Sebilangan peruncit berasa terkejut apabila melihat penghasil kek tempatan iaitu "*Kuih Cincin*" di TAMU KPD dan meminta mengurus kontrak untuk berniaga secara langsung dengan mereka. Mereka juga menerima tempahan dari Sandakan. Tiga (3) daripada ahli kumpulan kini telah mengambil enam (6) pembantu. Kumpulan membuat kek tempatan yang lain iaitu '*Kuih Penjeram*' terdiri dari tiga (3) orang ahli kini mempunyai pelanggan tetap yang lebih ramai lagi. Demi untuk memenuhi permintaan, mereka telah mengambil dua (2) pembantu selain dari bantuan yang diberikan oleh ahli keluarga mereka. Kedua-dua kumpulan berkenaan mempunyai kilang di tempat masing-masing, tetapi mereka berkongsi maklumat dalam promosi jualan.

Kumpulan puyuh telah mencuba untuk mempelbagaikan produk puyuh mereka berdasarkan kepada garis panduan dari DOVSAI. Pada peringkat permulaan, mereka hanya membekalkan satu (1) jenis puyuh yang diperap, tetapi kini telah berkembang kepada dua (2) jenis melalui usaha percubaan. Pihak DOVSAI telah cuba untuk memperkenalkan sumber protin yang baru dan menggalakkan para petani untuk menternak pelbagai haiwan ternakan. Kumpulan tersebut disokong oleh seorang penternak puyuh yang berjaya yang telah membantu dalam pengangkutan dan mewujudkan jaringan dengan penternak yang lain. Projek tersebut juga memberi manfaat kepada DOVSAI dari segi menggalakkan aktiviti-aktiviti mereka dan mereka juga menggalkkan petani untuk menjual daging haiwan ternakan.

Pelaksanaan aktiviti galakan pendapatan ini bukan setakat memberi manfaat kepada ahli tetapi juga pengalaman yang tidak ternilai sepanjang projek tersebut.

9.3.2 KES 2: KUMPULAN WANITA LUAR BANDAR YANG TELAH MEMULAKAN PERNIAGAAN SEBELUM PELAKSANAAN PROJEK PUANDESA (PROJEK PERINTIS 6)

Projek Perintis 6 menumpukan kepada kumpulan wanita luar bandar yang telah memulakan perniagaan melalui penyertaan Program Perladangan Kontrak KPD, dengan menggunakan kemahiran tradisional atau melalui sokongan terhadap perniagaan keluarga mereka. Dalam pelaksanaan Projek Perintis 6, mereka menjalankan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan jualan mereka melalui promosi Gerakan Satu kampung Satu Produk dan memperbaiki tempat tarikan bagi pelancongan berasaskan pertanian.




(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Figure 9-2 Bilangan Pelawat dan Hasil Kampung Gombizau

Selepas mengedarkan dan mengagih-agihkan risalah promosi, keempat-empat (4) kampung tersebut dibanjiri dengan lebih ramai pelawat-pelawat melalui agensi-agensi pelancongan swasta. Mereka memperkenalkan rumah-rumah panjang kepada para pelawat di Bavanggazo. Hasil pendapatan diperolehi dari lawatan para pengunjung telah berkurangan oleh kerana agensi-agensi pelancongan ini mengenakan yuran komisyen. Walau bagaimana pun, hasil pendapatan dari perniagaan ini masih menggalakkan. Di Bavanggazo, kumpulan yang terlibat dalam perniagaan pelancongan rumah panjang telah dibahagikan kepada dua kumpulan pada bulan March tahun ini. Kumpulan rumah panjang pertama adalah dikendalikan oleh tujuh (7) buah keluarga manakala rumah panjang yang baru pula dikendalikan oleh sepuluh (10) buah keluarga. Rajah 9-2 menunjukkan maklumat menyeluruh mengenai Kampung Bavanggazo. Hasil pendapatan dari rumah panjang tersebut tidak termasuk dalam pendapatan yang diperolehi dari jualan kraftangan.

Seperti yang ditunjukkan dalam graf berikut, Rajah 9-3 menunjukkan bahawa bilangan pelawat-pelawat telah meningkat selepas risalah promosi diedarkan. Aktiviti-aktiviti projek perintis yang menekankan kepada publisiti telah terbukti berkesan dari keputusan tersebut.



(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Rajah 9-3 Para Pengunjung dan Hasil Kampung Bavangzazo

9.3.3 KES 3: WANITA LUAR BANDAR YANG TELAH MEMULAKAN AKTIVITI-AKTIVITI BERASASKAN PERTANIAN DALAM KAJIAN PUANDESA (PROJEK PERINTIS 3)

Projek Perintis 3 meliputi kumpulan wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan memperolehi program sokongan yang terhad dan tidak pernah aktif dalam peningkatan penghidupan. Projek Perintis 3 bekerjasama dengan mereka untuk memperkenalkan konsep penggunaan sumber-sumber tidak terpakai di kampung masing-masing. Mereka dilatih untuk mengkaji semula sumber-sumber dan memikirkan bagaimana untuk menggunakan sumber-sumber tersebut bagi galakan pendapatan. Dalam Projek Perintis 3, aktiviti-aktiviti utama ialah i) membuat kertas daripada rumput-rumput yang tidak digunakan; ii) membuat lilin dari lilin lebah; iii) membuat sabun daripada minyak kelapa; dan iv) membuat garam daripada daun pisang.

Kes-kes contoh untuk perniagaan wanita luar bandar yang diwujudkan dalam Proejk perintis 3 adalah ditunjukkan seperti berikut:

(1) Kes contoh Membuat Kertas

Kos yang terlibat dalam perniagaan membuat kertas termasuklah item berikut:

Peralatan-peralatan

- Plastic container (A3 size)
- Plastic net (A3 size)
- Net (A3 size)

- Lye (Air Abu)
- Clorox (Bleach)

Bahan-bahan

- Daun dari batang dan tumbuhan semulajadi yang tumbuh di kawasan luar bandar atau produk sampingan dari aktiviti-aktiviti pertanian

Kos Pengeluaran (untuk 100 keping kertas saiz A3)

- Lye RM 6.6(3 botol Air Abu)
- Clorox RM 6.0
- Minyak NA
- Buruh NA

Berdasarkan kepada kos pengeluaran dan harga pasaran, produk dari membuat kertas bagi Projek Perintis 3 adalah disenaraikan seperti berikut:

Harga Produk (dari 100 keping saiz kertas A3)

- Saiz kertas A3 RM 3/helai x 100 = RM 300
- Saiz Kad ucapan A5 RM 1.5/helai x 400 = RM 600
- Saiz sampul surat A5 RM 2.5/ x 100 unit = RM 250
- Saiz bag hadiah A5 RM 6.0/unit x 100 = RM 600
- Penanda buku RM 0.75/unit x 2,000 = RM 1,500

Walau pun projek membuat kertas masih memerlukan peningkatan dari segi kualiti, namun sasaran kampung bagi Projek Perintis 3 (Kampung Tarangkapas) telah menerima beberapa tempahan produk mereka(kad ucapan, sampul surat, bag hadiah, penanda buku, dsb). Ini adalah kerana konsep projek memenuhi keperluan pelanggan yang berkesedaran persekitaran.

Kertas merupakan salah satu bahan asas untuk kraftangan. Dengan ini, terdapat kemungkinan pasaran yang berpotensi sebagai produk separa siap. Pihak FELCRA di Kuala Lumpur telah merakamkan minat untuk membeli kertas yang dicipta oleh para peserta Projek Perintis 3 sebagai produk separa siap dan pemprosesan akhir terpulang kepada usaha dan rekabentuk mereka sendiri. Ciri kelekatan dan gentian bermutu daun buntui yang boleh didapati sepanjang projek perintis ini, memungkinkan penggunaan jagung, batang tebu atau apa-apa sahaja gentian yang kasar yang dikatakan sesuai untuk membuat kertas.

Buntui merupakan rumput yang cepat membiak. Tumbuhan ini mengambil masa tiga (3) minggu untuk bertumbuh sehingga saiz yang sesuai untuk dipotong. Ukuran penanaman semula adalah ringkas juga. Apabila mereka meningkatkan saiz perniagaan, maka adalah penting untuk mempertimbangkan bagaimana

untuk mengumpul dan menanam semula tumbuhan berkenaan di kampung masing-masing. Untuk mewujudkan kesinambungan perusahaan membuat kertas, peralatan yang lebih baik untuk menghancurkan gentian/campuran perlu dibangunkan juga. Memandangkan peralatan anak lesung dan mortar adalah penting buat masa ini yang digunakan dalam kampung, maka penghasilan kuantiti yang banyak adalah terhad.

(2) Kes Contoh Membuat Lilin

Kos perniagaan bagi membuat kertas merangkumi item-item berikut:

Pengeluaran

- Harga haif lebah: RM 14/set (haif lebah ratu RM 7/kotak, haif lebah pekerja lebah RM 7/kotak)
- Bilangan haif lebah dibeli dalam SSP: haif lebah ratu 6 kotak /orang, haif lebah pekerja lebah 6 kotak /orang (9 haif bagi setiap kotak haif lebah)
- Kitaran pengeluaran semula haif lebah: 3 bulan
- Ketahanan kotak: 3 tahun (kos penggantian akan dikenakan berasaskan dos bayaran ansuran bulanan)
- Kedua-dua kos pelaburan dan kos operasi adalah tidak penting

Bahan-bahan

- Lilin lebah (produk tidak terpakai dari pemeliharaan lebah)

Kos Pengeluaran (untuk 100 keping kertas saiz A3)

- Lilin lebah: RM 0.5/botol (harga botol 500ml)
- Lilin: RM 0.5/unit (harga minyak dan sumbu)
- Haif lebah: RM 0.4/kotak/bulan
termasuk kos penggantian kotak setiap tiga tahun
 $RM 14/kotak \div 36 \text{ bulan} = RM 0.4/kotak/bulan$

Keuntungan dari jualan membuat lilin bagi Projek Perintis 3 adalah seperti berikut:

Harga Jualan Produk (hasil dari setiap haif)

- Madu: 500 ml/haif = RM 6/500ml/botol
- Lilin: 1 unit/haif = RM 2.5/unit

Hasil dari satu kotak haif lebah (9 haif/kotak)

- Madu: RM 58.5/kotak
- Lilin: RM 22.5 /kotak (9 unit/kotak RM 2.5/unit)

Berdasarkan kepada data yang dikemukakan di atas, maka keuntungan dari membuat lilin adalah seperti berikut:

Contoh Keuntungan membuat Lilin

- Madu: RM 17.6/kotak/bulan
 $\text{Hasil} - \text{Kos} = (\text{RM } 6.5 - \text{RM } 0.5)/\text{botol} = \text{RM } 6/\text{botol}$
 $\text{RM } 6 \times 9 \text{ botol/kotak} \div 3 \text{ bulan} = \text{RM } 18/\text{kotak/bulan}$
 $\text{RM } 18/\text{kotak/bulan} - \text{RM } 0.4/\text{kotak/bulan} \text{ (kos untuk penggantian)}$
 $= 17.6 \text{ RM/kotak/bulan}$
- Lilin: 6 RM/kotak/bulan
 $\text{Hasil} - \text{Kos} = (\text{RM } 2.5 - \text{RM } 0.5)/\text{unit} = \text{RM } 2/\text{unit}$
 $\text{RM } 2 \times 9 \text{ unit/kotak} \div 3 \text{ bulan} = \text{RM } 6/\text{box/bulan}$
- Jumlah Keuntungan = Madu + Lilin = RM 17.6 + RM 6 = 23.6 RM/kotak/bulan

Secara purata, seorang ahli mempunyai 25 kotak haif lebah. Oleh itu, keuntungan bulanan mereka dari madu dan membuat lilin akan memberikan hasil RM 590/bulan dengan peningkatan RM 150/bulan melalui aktiviti membuat lilin.

Pengiraan di atas adalah untuk lilin yang ringkas tanpa bekasnya. Produk dengan nilai tambahan dan lebih menarik seperti menggunakan kulit kelapa atau bambu sebagai bekasnya akan meningkatkan keuntungan. Tidak terdapat isirumah yang melibatkan diri dengan penuh masa dalam pemeliharaan lebah di sasaran kampung Projek Perintis 3 (Kampung Minyak). Pemeliharaan lebah biasanya merupakan aktiviti pendapatan sampingan dan daya tarik untuk program “homestay”.

Membuat lilin dari lilin lebah telah menyumbang kepada peningkatan daya tarikan program “homestay”. Buat masa ini, pengeluaran madu dan lilin di kampung adalah dijual di tepi jalan atau kepada peserta program “homestay”. Walau bagaimanapun, sekiranya saluran pengagihan didapati berdekatan di tamu Kota Belud atau kedai pelancong di Kudat atau Kota Kinabalu, kemungkinan peningkatan pendapatan yang selanjutnya akan diperolehi dan telah mendahului yang lain dalam perniagaan.

9.3.4 KES 4: WANITA LUAR BANDAR YANG TELAH MEMULAKAN AKTIVITI-AKTIVITI BERASASKAN PERTANIAN DALAM KAJIAN PUANDESA (PROJEK PERINTIS 4)

Projek perintis 4 menumpukan sasaran bagi wanita luar bandar yang belum lagi memulakan perniagaan sendiri tetapi bekerja sebagai buruh sokongan dalam perniagaan perikanan keluarga. Mereka telah dilatih dalam pengeluaran

pengkulturan rumput laut, menjual dan perakaunan dalam projek. Di bawah projek tersebut, input yang diperlukan dibekalkan melalui pembelian peralatan, kemudahan dan bahan-bahan oleh pihak JICA. Sebanyak 20 ekar kawasan perladangan telah dibekalkan oleh pihak kerajaan, di samping itu, bengkel, seminar dan latihan juga dilaksanakan oleh projek.

(1) Pembelian

Peralatan pengkulturan rumput laut, kemudahan dan bahan telah dibeli dalam bulan Oktober 2002 dan item tambahan telah dibeli dalam bulan Februari 2003, seperti ditunjukkan di bawah:

Jadual 9-3 Kelengkapan Peralatan Dan Bahan-Bahan Yang Dibeli Oleh Projek Perintis 4

Items	Unit price	Q'ty	Amount
Rope	29.40	280	8,232.00
Raffia rope	7.50	400	3,000.00
Stick	18.00	640	11,520.00
Plastic float	1.20	2,200	2,640.00
Plastic bottle float	0.50	5,000	2,500.00
Harvest boarts (w/engines and accessories)	5,700.00	2	11,400.00
Seeding boarts	500.00	10	5,000.00
Seaweed seed			10,285.00
Platform	9,350.00	2	18,700.00
Seaweed storage shed	3,000.00	2	6,000.00
Glass bottle (1 lit. for pickles)	18.50	50	925.00
Plastic sealer (for plastic bag)	250.00	2	500.00
Paint	147.00	1	147.00
Others	1,500.00	1	1,500.00
			82,349.00

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Petugas Projek Perintis 4)

(2) Pengeluaran dan Jualan

Keputusan pengeluaran rumput laut kering adalah ditunjukkan pada rajah berikut:

Jadual 9-4 Pengeluaran Bulanan Projek Perintis 4

Bulan	Kuantiti Kering	Nilai	
Disember 2002	5.39 metric tons	RM	9,702.00
Januari 2003	12.83 metric tons	RM	23,094.00
Februari 2003	19.53 metric tons	RM	35,154.00
March 2003	6.72 metric tons	RM	12,096.00
April 2003	4.32 metric tons	RM	7,776.00
Mei 2003	5.22 metric tons	RM	9,396.00
Jun 2003	5.63 metric tons	RM	10,134.00
Julai 2003	9.70 metric tons	RM	17,460.00
Ogos 2003	8.75 metric tons	RM	15,750.00
September 2003	12.51 metric tons	RM	22,518.00
JUMLAH	90.60 metric tons	RM	163,080.00

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Petugas Projek Perintis 4)

Pengeluaran pada bulan April – Jun 2003 adalah berkurangan disebabkan oleh keadaan cuaca dan penyakit “ais-ais” yang berpanjangan. Pengeluaran rumput laut di ladang sekeliling kawasan tersebut adalah hampir sifar pada bulan-bulan tersebut, walau bagaimana pun, keputusan pengeluaran bagi P4 adalah lebih baik berbanding dengan ladang yang lain. Mereka boleh memperolehi jualan dari stok benih rumput laut kepada petani-petani yang lain semasa berlakunya penyakit ‘ais-ais’.

(3) Dana Pusingan dan Dana Kumpulan

Projek Perintis 4 telah dilaksanakan dengan jayanya dan ahli kumpulan telah memperolehi pendapatan yang lumayan. Sebilangan jumlah dana akan disimpan dari jualan produk bagi pelaksanaan dan pengembangan projek. Dengan ini, dana tersebut adalah untuk pusingan, operasi dan penyenggaraan aktiviti-aktiviti kumpulan.

1) Dana Pusingan

Dana permulaan untuk keperluan kemudahan, peralatan dan bahan-bahan berjumlah lebih kurang RM 82,000 telah diperuntukkan dari dana projek. Dana permulaan ini dianggarkan merupakan pulangan dari jumlah jualan, dan akan digunakan sebagai dana pusingan untuk pengembangan aktiviti-aktiviti perladangan rumput laut ke lain-lain komuniti atau kumpulan pada masa depan.

2) Dana Operasi dan Dana Penyenggaraan (Dana O & M)

Kumpulan dimestikan untuk menandatangani dana O & M sebagai operasi berterusan projek tersebut. Dana ini akan digunakan untuk operasi dan penyenggaraan kemudahan dan peralatan, membeli stok benih semasa berlakunya penyakit “ais-ais”, pembaharuan atau pengembangan kemudahan dsb.

3) Dana aktiviti-aktiviti kumpulan

Kumpulan sasaran haruslah menyimpan dana aktiviti-aktiviti kumpulan yang mana akan digunakan untuk meningkatkan kualiti persekitaran penghidupan di kalangan komuniti seperti kebersihan, rawatan bekalan air, kesihatan, pendidikan dsb. berdasarkan kepada konsep pelaksanaan projek PUANDESA.

Dana-dana tersebut akan dikongsi bersama dari jualan perladangan rumpai laut dan untuk disimpan oleh kumpulan. Jadual bahagian akan dirancang sebagai jadual alternatif bagi kes contoh seperti berikut. Kes ini diandaikan bahawa 1/2 daripada jumlah barisan adalah ditanam dalam bulan yang ditetapkan dan 1/3 daripadanya (e.g. 1/6 daripada jumlah barisan) dalam bulan Mei – Julai iaitu bulan yang kurang memperolehi hasil akibat rebakan penyakit yang tersebut di atas. Kadar kecekapan mengikut budaya bagi musim penuaian adalah diandaikan sebanyak 70%, dengan ini, anggaran yang digunakan bagi model tersebut adalah bersesuaian.

Bahagian untuk simpanan dicadangkan sebagai a) Dana Pusingan; 20% daripada jualan rumpai laut kering, b) Dana O&M; 10% daripada jualan, dan c) Dana aktiviti-aktiviti kumpulan; 15% daripada jumlah jualan. Amaun daripada bahagian yang dinyatakan di atas adalah baki kepada RM130,000 dan jumlah tersebut boleh dibayar kepada ahli kumpulan sebagai gaji.

Jadual 9-5 Menuai, Menjual dan Baki Bagi Projek Perintis 4 (Contoh)

Month	Harvest (kg)	Selling (RM)	Saving Amount			Balance (RM)
			Revolving 20% (RM)	O&M 10% (RM)	Group activities 15% (RM)	
Jan	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Feb	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Mar	13,099	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Apr	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
May	4,420	8,000	1,600	800	1,200	4,400
Jun	4,420	8,000	1,600	800	1,200	4,400
Jul	4,420	8,000	1,600	800	1,200	4,400
Aug	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Sep	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Oct	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Nov	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Dec	13,090	23,600	4,720	2,360	3,540	12,980
Total	131,070	236,400	47,280	23,640	35,460	130,020

(Sumber Data: Disediakan oleh pasukan petugas bagi Projek Perintis 4)

(4) Daya Maju Projek Tersebut

Berdasarkan kepada keputusan dari kes 4, maka telah disahkan bahawa Projek Perintis 4 iaitu pengkulturan rumpai laut adalah amat sesuai untuk galakan pendapatan kaum wanita. Pasaran adalah tersedia untuk membeli hasil rumpai laut manakala produktiviti kumpulan wanita adalah amat menggalakkan. Walau pun kos permulaan projek tersebut adalah dibiayai oleh peruntukan dari Kajian JICA, akan tetapi keputusan pelaksanaan projek telah membuktikan bahawa keuntungan yang diperolehi dari hasil jualan boleh menampung kos permulaan selepas satu tahun projek dijalankan. Dengan syarat bahawa kos permulaan yang dibiayai oleh pihak kerajaan akan dapat disalurkan semula oleh kumpulan wanita luar bandar dan dana ini dijadikan sebagai dana pusingan, maka projek ini akan dapat dikembangkan ke lain-lain kawasan secara berperingkat.

BAB 10: PEMBELAJARAN DIPEROLEHI UNTUK MENGEMASKINI PELAN INDUK

Bab 10 mengemukakan satu ringkasan mengenai pembelajaran yang diperolehi semasa pelaksanaan projek perintis. Pembelajaran tersebut diklasifikasikan kepada tiga kumpulan iaitu: 1) pembelajaran dari agensi-agensi yang berkenaan 2) pembelajaran daripada kumpulan sasaran dan 3) pembelajaran diperolehi dari pengalaman Jepun.

10.1 PEMBELAJARAN DARI AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN

Pasukan Pengkaji JICA bekerjasama dengan rakan kerjasama dari agensi-agensi yang berkenaan untuk pelaksanaan dan pengesanan projek. Melalui pertukaran pandangan, maklumat dan teknologi, Pasukan Kajian begitu kagum oleh komitmen dan prestasi yang menggalakkan dalam peningkatan penghidupan luar bandar. Berikut adalah pembelajaran penting yang diperolehi oleh Pasukan Kajian:

Organisasi Jawatankuasa Teknikal Dan Jawatankuasa Pemandu: Rakan kerjasama dari agensi-agensi berkenaan amat berminat dengan kemajuan Kajian PUANDESA, Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus Besar KPD dan dipengerusi bersama dengan Timbalan Pengarah DOA, telah mengadakan mesyuarat bulanan tetap untuk berkongsi maklumat dan pengalaman di kalangan rakan kerjasama dan Pasukan Pengkaji JICA. Ini menunjukkan kepimpinan mereka dan hak memiliki Kajian PUANDESA adalah sangat menggalakkan dan penglibatan mereka adalah begitu komited untuk memastikan pelaksanaan Kajian PUANDESA dan Projek Perintis dapat berjalan dengan lancar.

Keupayaan Penyeliaan Projek Perintis: Projek Perintis 8 mengadakan mesyuarat secara tetap untuk mengesan pelaksanaan projek perintis. Setiap Pasukan Petugas Projek Perintis melaporkan kemajuan projek perintis manakala para peserta pula membincangkan masalah dan penyelesaian. Pasukan Petugas berkongsi maklumat dan pengalaman projek perintis. Mereka juga bertekad untuk meneruskan projek perintis selepas tamat kerjasama teknikal dengan Pasukan Pengkaji JICA. Kenyataan ini jelas menunjukkan komitmen mereka yang mendalam ke atas Kajian PUANDESA dan aktiviti-aktiviti peningkatan kehidupan luar bandar di Sabah.

Menulis Laporan: Para Pengerusi Pasukan Petugas Projek Perintis menyediakan laporan kemajuan projek pada pertengahan pelaksanaan projek perintis iaitu pada bulan Jun 2003 dan juga pada penghujung projek perintis pada bulan Oktober 2003. Jika dikaji dari segi struktur dan kandungan laporan, jelas bahawa tahap teknikal dan kepakaran mereka adalah tinggi. Mereka memahami objektif dan asas Kajian PUANDESA dengan sepenuhnya dan telah cuba menggunakan sebaik-baiknya bantuan teknikal JICA untuk meningkatkan penghidupan luar bandar.

Sumber Kakitangan Dan Kewangan: Agensi-agensi yang berkenaan mempunyai sumber kakitangan yang berupaya dan komited serta berpengalaman. Walau bagaimanapun, memandangkan sumber kewangan dari Kerajaan Negeri adalah terhad, aktiviti-aktiviti mereka di peringkat ladang adalah tidak aktif pada kebelakangan ini. Keadaan sedemikian menyebabkan mereka menjadi pasif dan hanya menunggu arahan dari pengurusan atasan daripada mewujudkan cadangan untuk sesuatu. Pada masa yang sama, mereka tidak berpeluang untuk mengamalkan pendekatan gender dan penyertaan bersama, meskipun mereka telah pernah mendengar terminologi tersebut. Ahli kakitangan agensi-agensi berkenaan yang berpotensi dan berpengalaman, berasa gembira bekerja dalam projek perintis, menyertai aktiviti-aktiviti yang dipertanggungjawabkan di samping mempelajari dengan pakar perunding tempatan dan Pasukan Pengkaji JICA. Demi untuk memastikan keupayaan mereka dan apa yang mereka pelajari dari Kajian PUANDESA, maka adalah perlu untuk membekalkan mereka dengan latihan dan teori tambahan.

10.2 PEMBELAJARAN DIPEROLEHI DARIPADA KUMPULAN SASARAN

Pasukan Pengkaji JICA dan rakan kerjasama Sabah bekerja secara langsung dengan kumpulan wanita dalam Projek Perintis 1, 2, 3, 4, 5 dan 6. Pada peringkat permulaan, mereka tidak memahami niat dan harapan kami dan belum sedia untuk bekerjasama dengan kami. Akan tetapi, aktiviti-aktiviti projek perintis membuktikan potensi dan keinginan mereka untuk menyumbang kepada peningkatan penghidupan luar bandar dalam kampung masing-masing sebagai pelaksana utama.

10.2.1 ISU-ISU UTAMA MENGENAI BEKERJA BERSAMA DENGAN WANITA LUAR BANDAR DI KAWASAN TERPENCIL

Potensi-Potensi Wanita Luar Bandar: Projek Perintis 1 menumpukan kepada sasaran wanita di kampung-kampung terpencil di kawasan pergunungan atau kawasan hutan tropika. Berdasarkan kepada maklumat daripada kakitangan pengembangan, lebih kurang 50% wanita adalah buta huruf. Mereka lebih bersikap pasif dan tidak pernah berfikir untuk membuat sesuatu untuk diri mereka. Mereka hanya menunggu sesuatu daripada Pasukan Petugas. Mereka tidak bersedia untuk menyertai projek penghidupan pada peringkat awal projek tersebut. Walau bagaimanapun, mereka adalah mesra dan tidak nampak berasa bimbang terhadap Pasukan Petugas. Golongan belia yang berpotensi mempunyai pendidikan yang lebih tinggi. Walaupun ia memakan masa lebih kurang 6 bulan bagi Pasukan Petugas untuk berkomunikasi dengan mereka secara jujur dan untuk berbincang masalah dan penyelesaian, akhirnya terdapat ahli kumpulan telah bermula berfikir secara positif dan memimpin yang lain. Ketua belia dan komunikasi yang berterusan dengan kakitangan pengembangan boleh mengubah kelakuan dan cara berfikir.

Organisasi dan Kepimpinan Kumpulan: Wanita di kawasan luar bandar tidak biasa dengan bekerja dalam kumpulan, Mereka jarang sekali mempunyai peluang untuk membentuk kumpulan dan menjalankan aktiviti-aktiviti. Pada peringkat permulaan, kumpulan yang dibentuk di bawah Projek Perintis mempunyai kepimpinan yang amat terhad dan kurang kerjasama di kalangan ahli kumpulan. Terdapat satu kumpulan yang terpaksa ditukar ketuanya pada pertengahan pelaksanaan aktiviti tersebut kerana tidak mempunyai hubungan yang harmoni di kalangan mereka. Keadaan yang sedemikian berubah dengan perlahan-lahan selepas latihan kepimpinan dan bengkel pembentukan dilaksanakan. Adalah tidak digalakkan untuk mendesak mereka untuk membentuk kumpulan dan menjalankan aktiviti dengan cepat. Mereka perlu mempelajari kekuatan dan kelebihan serta kelemahan bekerja secara kumpulan dan pengalaman berkongsi kebaikan dengan ahli yang lain serta menikmati keselesaan aktiviti kumpulan. Semua ini perlu diwujudkan oleh kumpulan sendiri dan bukannya melalui panduan oleh kakitangan pengembangannya. Adalah perlu diingatkan bahawa aktiviti kesediaan sosial yang sedemikian akan memakan masa tetapi ianya adalah sangat penting untuk daya maju projek tersebut.

Pelaksanaan projek-projek mikro: Walau pun skel projek yang dijalankan oleh wanita luar bandar adalah terhad, tetapi ia akan menjadi lebih berkesan sekiranya

wanita luar bandar yang merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti meningkatkan penghidupan dengan daya usaha mereka sendiri. Ini merupakan kali pertama mereka mengambil inisiatif untuk meningkatkan penghidupan luar bandar.. Perancangan dan melaksanakan aktiviti dengan usaha mereka sendiri akan meningkatkan keyakinan mereka. Mereka berasa bangga dengan rancangan, aktiviti-aktiviti, dan produk mereka sendiri. Pengalaman seperti ini akan memimpin dan mewujudkan aktiviti lain yang akan memperbaiki persekitaran hidup mereka.

Sokongan Ahli Masyarakat: Pada masa permulaan Projek Perintis, ketua-ketua masyarakat dan suami kepada ahli yang terlibat berasa sangsi terhadap projek tersebut. Mereka bimbang akan kesan negatif yang akan berlaku kepada masyarakat itu. Akan tetapi selepas menyertai bengkel, mereka mengetahui bahawa Projek Perintis bertujuan untuk meningkatkan penghidupan mereka melalui pengukuhan aktiviti-aktiviti wanita luar bandar. Mereka tidak memahami dengan sepenuhnya mengenai pengkasaan (empowerment) wanita luar bandar, akan tetapi mereka memberi kerjasama kepada pelaksanaan Projek Perintis yang menyumbang kepada pembaikan penghidupan mereka. Kaum suami kepada ahli kumpulan telah membantu untuk membina tempat untuk aktiviti projek dengan memperbaiki struktur bangunan yang sedia ada atau mengubahsuaikan rumah mereka. Tindakan sedemikian telah meningkatkan keaktifan dan keyakinan wanita luar bandar.

Maklumat dan Wanita Luar Bandar: Di kawasan kampung terpencil, wanita luar bandar mendapat maklumat melalui radio yang biasanya menggunakan kuasa bateri kenderaan. DOA membekalkan program yang berkaitan dengan kemahiran pertanian dan peningkatan kehidupan luar bandar yang melibatkan sasaran petani. Maklumat mengenai memasak, penjagaan anak, kesihatan pemakanan, ekonomi rumahtangga dan galakan pendapatan untuk wanita luar bandar adalah disampaikan oleh kakitangan pengembangna DOA dan kakitangan kesihatan dai Kementereian Kesihatan, yang melawat ke kampung tersebut sebanyak sekali dalam dua atau tiga bulan. Walau pun mereka ingin meningkatkan penghidupan, namun pengetahuan dan keupayaan berhubung dengan maklumat dan latihan berkenaan adalah terhad.

Peranan dan Komitmen JKKK: JKKK merupakan ketua masyarakat yang dilantik oleh Pegawai Daerah yang diselia oleh KPLB. Selepas bekerja dengna mereka selama satu tahun, adalah diperhatikan bahawa tugas mereka ini ialah bertanggungjawab dan komited kepada pembangunan kampung. Kebanyakan

JKKK dalam kampung sasaran adalah golongan muda, lebih kurang berumur dalam 30a. Mereka adalah fleksibel dan menerima peranan sebagai pusat khidmat setempat yang dicadangkan oleh Projek Perintis 2. Tidak dinafikan bahawa panduan dan sokongan yang berpatutan perlu dibderikan oleh kakitangan pengembangan dan agensi-agensi yang terlibat. Latihan tambahan perlu diberikan oleh KPLB dan JHEWA. Berdasarkan kepada komitmen dan hubungan yang baik dengan wanita luar bandar, JKKK ini berpotensi untuk berfungsi sebagai pusat khidmat setempat.

10.2.2 MAKLUMBALAS MENGGALAKKAN DARI PASARAN TERHADAP PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK TERPAKAI

Pengetahuan yang luas mengenai sumber-sumber tidak terpakai: Wanita luar bandar mempunyai pengetahuan yang luas mengenai sumber-sumber yang tidak terpakai berbanding dengan mereka yang tinggal di bandar. Sebagai contoh, hanya dengan melihat contoh kraftangan, mereka dapat mengenalpasti bahan-bahan, ciri-ciri dan tempat sumber diperolehi. Mereka juga dapat memikirkan bahan alternatif yang lain dengan ciri-ciri yang sama yang boleh diperolehi di kawasan sekirtar kampung. Ini menunjukkan mereka mempunyai potensi yang tinggi mengenai sumber-sumber yang tidak terpakai.

Kepentingan kerjasama dari keluarga dan penduduk-penduduk kampung: Selepas lapan bulan sejak bermulanya seminar/bengkel mengenai sumber-sumber tidak terpakai, seorang peserta yang telah mengambil bahagian dengan aktif telah berhenti dari menyertai projek. Ini adalah kerana desakan suaminya kerana beliau tidak memperolehi pendapatan dari aktiviti yang dilaksanakan selama enam bulan. Beliau didesak untuk menumpukan hal-hal keluarga oleh suaminya. Ekoran dari kejadian ini, satu pasukan petugas gender telah dihantar dan satu mesyuarat bersama penduduk kampung termasuk kaum lelaki untuk menerangkan objektif dan manfaat aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Sebagai contoh, 1) aktiviti-aktiviti kraftangan menggunakan sumber-sumber tidak terpakai boleh dimulakan dimana-mana sahaja oleh sesiapa sahaja dan pada bila-bila masa.; 2) tumpuan aktiviti hanya boleh dilakukan selepas musim penuaian aktiviti pertanian dan 3) ia akan meningkatkan pendapatan sampingan wanita luar bandar. Akan tetapi masih terdapat kaum lelaki yang tidak merasakan tentang keperluan pendapatan sampingan yang diwujudkan oleh kaum wanita.

Persamaan dalam aktiviti-aktiviti kumpulan: Memang menjadi budaya penduduk-penduduk kampung di Sabah bahawa seorang ketua kumpulan

mempunyai keutamaan berbanding dengan yang lain. Sebenarnya, ketua memainkan peranan yang penting terhadap aktiviti-aktiviti kumpulan dari segi pengurusan, seperti penetapan harga barangan, pemasaran dan berunding dengan pelanggan-pelanggan. Walau bagaimana pun, dalam setenganh-setengah aktiviti seperti kraftangan, adalah lebih berkesan sekiranya tumpuan dilakukan terhadap seni/pengeluar barangan seperti pembangunan barangan baru dengan rekabentuk tersendiri. Dari pandangan ini, “seniman” dalam kumpulan akan dipilih untuk menyertai lawatan sambil belajar ke Filipina supaya mendapat idea mengenai produk baru yang berpotensi untuk dipasarkan.

Memastikan bekalan bahan yang konsisten: Sekiranya bahan mentah yang digunakan untuk kraftangan tersebut merupakan produk sampingan aktiviti pertanian kampung tersebut, maka bekalan yang stabil adalah terjamin selagi penduduk kampung berterusan dengan aktiviti pertanian tersebut. Akan tetapi, sekiranya bahan yang digunakan hanya sumber-sumber tidak terpakai, maka penerokaan yang berterusan perlu dilakukan yang akan mengakibatkan pupusnya sumber bekalan tersebut. Terdapat kes kehabisan sumber seperti rotan, bambu dan kayu-kayu tertentu di mana penduduk kampung terpaksa mencari atau membeli bahan yang diperlukan untuk kraftangan mereka dari sumber bekalan yang jauh. Untuk mengelakkan perkara ini dari berulang, agensi-agensi kerajaan teah mula menanam semula bahan-bahan yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Penggunaan sumber-sumber tidak terpakai bergantung kepada kreativiti: Penggunaan sumber memerlukan percubaan yang berulang kali sebelum mengenalpasti ciri-ciri setiap jenis sumber tersebut. Melalui beberapa percubaan dalam membuat kertas yang dijalankan bersama wanita luar bandar dalam Projek Perintis 3, bukan setakat kaedah penggunaan sumber bahan diperbaiki, malah peralatan yang sesuai untuk digunakan di kampung-kampung juga telah ditingkatkan seperti disenarai berikut. Kreativiti merupakan salah satu faktor utama yang menjayakan percubaan tersebut.

Bahan-bahan

- Disebabkan oleh ciri-ciri semulajadi “buntui” yang melekat, maka didapati kanji yang biasanya digunakan untuk membuat kertas adalah tidak diperlukan.
- Kelekatan dan gentian daun buntui yang bersesuaian memungkinkan penggunaan gentian jagung atau gentian batang tebu yang biasanya tidak sesuai digunakan untuk membuat kertas kerana ciri-cirinya yang kasar.

- Memandangkan Kapok (kapas) mempunyai serta yang berminyak, ia hanya digunakan untuk penyendal bantal. Walau bagaimana pun, adalah didapati Kapok memberikan keunikan yang lembut kepada kertas apabilan kandungan minyaknya dibuang.

Peralatan-peralatan dan Bahan-bahan

- Untuk mengeluarkan gentian , “caustic soda” digantikn dengan “lye’ yang terdapat di kampung tersebut.
- Campuran untuk mengisar gentian digantikan dengan anak lesung dan campuran kapur.
- Penapis kopi digunakan untuk menapis gentain yang dihancurkan.
- Untuk mengelakkan kertas dari mengecut, proses pengeringan telah diubahsuaikan dari dijemur bertukar ke dikeringkan pada tempat terlindung.

Peranan Agensi-agensi kerajaan: Panduan yang berlebihan akan menjejas kreativiti kaum wanita luar bandar. Adalah sangat penting untuk membangunkan dan mengekalkan kreativiti mereka melalui seminar/bengkel untuk mengelakkan mereka dijadikan sebagai pekerja. Agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah mengiktirafkan peranan mereka sebagai sistem sokongan dan atas permintaan telah memulakan penguatkuasaan jaringan organisasi bagi promosi kraftangan.

10.2.3 PEMBELAJARAN DARI BEKERJA BERSAMA DENGAN WANITA DI PERKAMPUNGAN NELAYAN

Untuk membuktikan keupayaan wanita dalam pengkulturan rumpai laut: Wanita luar bandar dalam perkampungan nelayan memainkan peranan yang penting dalam pengkulturan rumpai laut. Walau bagaimana pun, mereka jarang menyertai program kerajaan. Dengan peluang yang diberi untuk menjadi sasaran dan penerima manfaat Projek Perintis 4, kumpulan wanita telah membuktikan keupayaan kerja pengkulturan rumpai laut dengan menghasilkan lebih banyak kuantiti dan kualiti hasil jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Ini adalah kerana mereka lebih rajin dan berminat dalam aktiviti Projek Perintis 4 di mana mereka merupakan watak utama buat kali pertama. Tambahan pula, setelah melihat kecekapan wanita luar bandar, telah menunjukkan sokongan dan membantu mereka membuat kerja yang berat.

Kesukaran untuk Pembentukan Kumpulan: Dua kumpulan telah diwujudkan pada permulaan projek, seramai 10 orang setiap kumpulan; akan tetapi oleh kerana kekurangan kepimpinan, terdapat aduan mengenai kesukaran dan ketidak

adil kerja kumpulan bagi salah satu daripada kumpulan yang dibentuk. Maka dengan in, pasukan petugas telah menstrukturkan semula dua kumpulan tersebut. Dua kumpulan tersebut telah digabung menjadi satu kumpulan. Bengkel kesedaran dan pembentukan kumpulan telah dilaksanakan oleh pasukan petugas tetapi kesan aktiviti tersebut adalah tidak mencukupi. Sebelum aktiviti pengeluaran dimulakan, lebih banyak masa perlu digunakan untuk kesediaan dari segi sosial dan pembentukan kumpulan oleh pasukan petugas dan kakitangan pengembangan.

Penggunaan pendapatan: Oleh kerana pendapatan dari projek adalah lebih banyak daripada dijangkakan, ahli kumpulan sasaran telah menggunakan pendapatan tersebut untuk membeli peralatan elektrik seperti mesin membasuh dsb. Adalah lebih baik bagi mereka untuk menyimpan pendapatan tersebut untuk meningkatkan bekalan air dan kebersihan, atau pun menyimpan wang tersebut untuk isi keluarga memandangkan pengeluaran rumpai laut berkemungkinan tidak stabil. Projek Perintis 4 telah memberikan bengkel dan latihan dari segi perakaunan, kesihatan dan penggunaan pendapatan. Namun demikian, tahap celik huruf dan pendidikan wanita di kampung nelayan tersebut adalah rendah dan mereka tidak memahami kepentingan perakaunan dan pelan pengeluaran. Kakitangan pengembangan perlu memberi keutamaan untuk mengajar aspek peningkatan penghidupan luar bandar untuk melatih kemahiran galakan pendapatan. Jika tidak, peningkatan pendapatan tidak akan membawa kepada peningkatan persekitaran penghidupan yang berdaya kekal.

10.2.4 PROMOSI PASARAN DI TAMU KPD


Keupayaan Pegawai-pegawai Tamu KPD: Pegawai pentadbiran Tamu KPD kurang menyedari akan peranan fundamental dan fungsi tamu untuk mengukuhkan usahawan wanita luar bandar. Fungsi Tamu KPD tidak digunakan dengan sepenuhnya pada masa ini. Ini adalah kerana pegawai yang terlibat terlalu sibuk untuk membincangkan bagaimana untuk memperbaiki Tamu KPD. Tamu KPD, yang dikendalikan sekali dalam dua minggu lebih merupakan tugas mereka daripada dijadikan satu majlis untuk usahawan wanita luar bandar. Semasa Projek Perintis 5, seperti latihan pengendalian makanan, penyelidikan pasaran, menunjukkan dsb, Pegawai Tamu KPD telah menunjukkan komitmen dan keupayaan yang menggalakkan dari segi merancang, melaksana, mengesan dan memberi panduan kepada kumpulan sasaran. Mereka juga mempelajari potensi Tamu KPD sebagai pusat untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar.

Kepentingan Seminar Kebersihan dan Pengendalian Makanan: Satu seminar kebersihan dan pengendalian makanan telah dijalankan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Walau bagaimana pun, adalah diperhatikan bahawa kebanyakan seminar adalah dijalankan dengan menggunakan jenis kuliah yang tradisional. Demi untuk membeikan pengetahuan yang komprehensif dan praktikal yang diperlukan dalam perniagaan pemprosesan makanan, Projek Perintis 5 telah membuat modul latihan yang merangkumi kelas kuliah dan latihan amali/praktikal mengenai perakaunan, pemasaran dll. Selepas kuliah mengenai kesihatan dan kebersihan oleh Kementerian Kesihatan, para peserta memperoleh sijil kesihatan. Para peserta nampaknya bersungguh-sungguh semasa latihan dan mereka telah berkongsi yuran penyertaan kerana mereka memerlukan latihan tersebut. Mereka telah mempraktikkan apa yang telah dipelajari semasa promosi jualan di Tamu KPD, yang jelas menunjukkan keberkesanan latihan tersebut. Buat masa ini, wanita luar bandar mempunyai perolehan yang terhad. Agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta perlu mempertimbangkan bagaimana untuk menganjurkan seminar pengendalian makanan yang mana boleh dihubungi oleh wanita luar bandar.

Keberkesanan Promosi Jualan Tamu KPD: Dalam langkah kedua latihan dalam perniagaan makanan, pasukan petugas telah memberi peluang kepada tiga(3) kumpulan sasaran wanita-kumpulan kuih tempatan, kumpulan menternak puyuh dan kumpulan jus buah-buahan-untuk mengamalkan jualan di tamu KPD. Keputusan yang dijangka adalah seperti berikut:

- Untuk memberi peluang kepada wanita luar bandar untuk bertemu dengan pengguna secara langsung untuk mewujudkan penghargaan diri kepada mereka,
- Untuk membiasakan diri berkomunikasi dengan pelanggan,
- Untuk membiasakan diri sebagai kumpulan yang cekap, dan
- Untuk memperkembangkan jaringan perniagaan mereka.

Latihan praktikal di Tamu KPD ini berfungsi dengan baik. Sikap mereka yang dilatih dalam jualan promosi ini telah meningkat. Mereka juga memperoleh keuntungan dari jualan tersebut. Justeru itu, mereka memperoleh keyakinan diri untuk meningkatkan perniagaan mereka atas usaha mereka sendiri. Usaha sedemikian juga telah memberi peluang untuk mencetuskan usaha memperkembangkan perniagaan. Model perniagaan kes tersebut di atas adalah dihuraikan dalam rajah seterusnya.



(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Rajah 10-1 Tahap Pembangunan Perniagaan

Rancangan masa depan sebagai alat motivasi: Mempunyai rancangan masa depan merupakan motivasi yang baik kepada para peserta. Khidmat nasihat adalah sangat berguna kepada wanita luar bandar untuk rancangan masa depan perniagaan mereka dan ini boleh dilakukan melalui latihan. Dengan diberi peluang untuk menyuarakan harapan persendirian, mereka yang menjalani latihan menjadi lebih agresif dan serius mengenai rancangan perniagaan mereka dengan mempelajari pengetahuan dengan lebih bersungguh-sungguh. Memberi kuliah secara sehala adalah kurang berkesan berbanding dengan program penyertaan dua hala. Pelatih kerajaan seperti kakitangan pengembangan haruslah menggalakkan mereka bersama-sama untuk mewujudkan pelan perniagaan yang konkrit. Dalam Projek Perintis 1, sasaran pertama adalah untuk menunjukkan kebaikan produk mereka berbanding dengan produk-produk yang lain. Mereka menunjukkan bagaimana membuat kuih tempatan, jus buah-buahan segar, puyuh goreng di Tamu KPD. Sasaran kedua ialah menjual semasa Perayaan Pesta menuai. Mereka telah membuktikan prestasi mereka melalui latihan pelan praktikal di pasaran sebenar. Pelan masa depan mereka dalam perniagaan makanan termasuklah meningkatkan bilangan pelanggan tetap, meningkatkan bilangan kakitangan, meningkatkan keuntungan, dan menyimpan untuk pelaburan mada depan telah tercapai peringkat demi peringkat. Dengan mengkaji semula prestasi mereka juga memberi kesan mengekalkan tahap motivasi mereka. Penyertaan dalam latihan Projek perintis 5 merupakan perangsang yang paling baik untuk mereka.


Peranan penting Pegawai pengurusan sokongan dari segi pemasaran: Melalui pelaksanaan projek perintis, kepentingan peranan ketua peringkat pertengahan iaitu kakitangan pengembangan, pegawai tempatan, dan pengurus pinjaman adalah diperhatikan. Mereka telah memberi khidmat nasihat dan menggalakkan penduduk luar bandar untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi dan menasihatkan mereka untuk menyesuaikan dengan pasaran. Sumber manusia merupakan faktor penting dalam sektor pemasaran. Walau pun terdapat pihak yang merumuskan bahawa perniagaan akan terkandas kerana kekurangan item fizikal seperti dana dan aset-aset tetap. Akan tetapi ketua pertengahan ini boleh menasihatkan langkah-langkah yang bersesuaian yang perlu diambil untuk menghubungi pasaran. Mereka juga berfungsi sebagai pusat maklumat antara penduduk kampung dengan ibu pejabat kerajaan. Walau bagaimana pun, pengetahuan dan pengalaman mereka tidak digunakan dengan sepenuhnya dari segi perancangan dalam sektor pemasaran oleh kerana kurangnya kemahiran mengorganisasikan yang praktikal. Mereka tidak berupaya untuk mengenalpasti masalah dan potensi kawasan sasaran melalui prosedur yang berpatutan. Pasukan Petugas telah melaksanakan kursus latihan mengenai kemahiran berorganisasi untuk perancangan pemasaran. Kebanyakan mereka yang dipilih untuk menjalani latihan oleh agensi merupakan kakitangan tempatan yang menghadapi masalah pemasaran. Semasa kursus latihan, mereka terpaksa menghadapi kes dan masalah pasaran sebenar. Mereka mulai memahami keadaan terkini, dan melanjutkan ke tahap analisis logikal dan merekabentuk pelan. Cadangan yang dikemukakan oleh kakitangan tempatan ini adalah penting dari segi memperoleh idea baru mengenai langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah pasaran dan potensi yang wujud.

10.2.5 GALAKAN PENDAPTAN DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Sokongan kerajaan dalam pembangunan industri pelancongan: Adalah diperhatikan bahawa industri pelancongan telah dipromosikan tanpa pengetahuan penduduk-penduduk kampung. Pihak berkuasa kerajaan yang bertanggungjawab sentiasa menekankan keperluan pasaran dan melaksanakan kempen pelancongan yang banyak. Walau bagaimana pun mereka tidak berusaha untuk membangunkan kawasan luar bandar sebagai destinasi pelancongan berasaskan pertanian walau pun ia merupakan bidang yang berpotensi dimajukan, ini terpujanglah kepada penduduk luar bandar untuk memajukannya. Sasaran kampung yang termasuk dalam projek perintis telah mula memfokuskan kepada industri pelancongan pada tahun 1996. "Satu kampung Satu Industri" telah

diperkenalkan oleh agensi kerajaan dan sebilangan kemudahan telah diberikan melalui geran. Penduduk-penduduk kampung telah berusaha untuk meningkatkan perniagaan pelancongan masing-masing. Namun oleh kerana kekurangan pengalaman dalam industri pelancongan, prestasi mereka telah terkandas. Adalah agak sukar bagi mereka untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan usaha mereka sendiri. Mereka memerlukan pihak ketiga untuk memberikan khidmat nasihat bagi memaju industri tersebut. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan luar bandar seperti pejabat kecil daerah, KPD, KEMAS dan YUM telah mengorganisasikan pasukan petugas untuk mengurus perkara tersebut di Matunggong. Kerajaan haruslah berperanan sebagai penganjur pelancongan berasaskan pertanian dan perlu menyediakan khidmat nasihat kepada kawasan luar bandar; jika tidak penduduk-penduduk luar bandar tidak akan tahu apa langkah seterusnya yang perlu dilakukan.

Kepentingan pendekatan holistik: Dari segi pelancongan berasaskan pertanian luar bandar, keadaan persekitaran tapak projek adalah sangat penting. Semua elemen termasuklah makanan, cederakenangan, aktiviti-aktiviti, landskap dan sebagainya perlu selaras dengan konsep keseluruhan kawasan tersebut. Walau pun perniagaan dijalankan secara individu oleh penduduk kampung, keadaan harmoni dan jaringan di kalangan penduduk-penduduk kampung adalah penting supaya dapat menarik minat pelancong. Semasa bengkel diadakan, pasukan petugas memimpin para peserta untuk menjalankan analisis SWOT di kampung (empat kampung semuanya) masing-masing. Kelemahan yang dikenalpasti ialah mereka menganggap jiran mereka sebagai pesaing dan jarang bekerjasama antara satu sama lain. Penduduk kampung yang lain akan merasa dengki terhadap mereka yang memperolehi bantuan kerajaan, maka adalah agak sukar untuk berkongsi manfaat dengan yang lain. Kesan pemberian dana kepada orang-orang kampung kadang kala akan menimbulkan kesan negatif. Strategi pembangunan yang digunakan merupakan pendekatan holistik. Rajah berikut menunjukkan rangka pelan-pelan tindakan. Sekiranya pembangunan diusahakan dengan satu pendekatan tanpa pandangan yang lebih luas, maka keempat-empat kampung tersebut tidak akan bersetuju sebagai rakan kongsi dalam perniagaan.



Rajah 10-2 Pendekatan Holistic dalam Pelan Tindakan Pelancongan Berasaskan Pertanian di Matungong

Pembentukan pasukan yang dikordinasikan oleh kerajaan tempatan: Untuk membangunkan pelancongan berasaskan pertanian, satu kemahiran pindahan teknologi adalah diperlukan. Memandangkan satu agensi tidak dapat meliputi semua sektor, maka pendekatan holistik yang diurus oleh agensi-agensi yang pelbagai adalah lebih berkesan. Satu agensi utama yang mengetuai agensi-agensi lain perlu diwujudkan untuk mengelolakan pasukan projek. Kerajaan tempatan yang merupakan Pejabat Daerah atau Pejabat Daerah kecil adalah badan yang bersesuaian. Dalam Projek perintis, pakar dalam bidang masing-masing seperti kawalan makanan (KPD/OISCA), Kraftangan (PKKM/SPS), menjahit (KEMAS), pemasaran (KPD/SPS) bekerja di daerah yang berbeza. Maka dengan ini, pasukan petugas telah menstrukturkan satu pasukan pelaksana dan pasukan promosi supaya dapat bertindak dengan secara cekap (sila lihat jadual berikut) di bawah ketua tersebut, yang merupakan pegawai Daerah Kecil, pasukan pelaksana di Matungong dan pasukan promosi di KK mengambil tanggungjawab untuk pelan tindakan tersebut. Sekiranya pejabat utama bertindak terkecuali, maka projek tersebut tidak akan dapat dijalankan secara lancar.

Jadual 10-1 Struktur Organisasi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Pertanian

	Pasukan Pelaksana	Pasukan Promosi	Pasukan Pengesanan
Kudat	Ketua/utama	Bahagian kecil	Utama
Kota Kinabalu	Bhagian kecil	Utama	Utama

(Sumber Data: Disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA)

Kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan penduduk-penduduk kampung: Selain dari kepimpinan, hak milik mengikut ahli pasukan masing-masing juga

adalah sangat penting. Sekiranya konsep dan strategi pelan tindakan adalah jelas, maka setiap ahli dapat mendefinisikan tugasnya masing-masing. Dalam Projek Perintis, setiap ahli pasukan petugas memastikan pelan tindakan dilaksanakan dengan berkesan. Para peserta dari kampung sasaran dapat memperhatikan kesungguhan ahli pasukan petugas. Sekiranya penduduk kampung tidak mempercayai pasukan petugas sebagai adil, komunikasi di kalangan “stakeholders” tidak akan berfungsi dengan baik. Sungguhpun pegawai tersebut mengesyorkan kepada penduduk-penduduk kampung mengenai projek tersebut, tetapi tanpa wujudnya semangat saling mempercayai, projek tersebut tidak akan berdaya maju. Memandangkan ahli pasukan sentiasa bekerja dan berfikir bersama penduduk-penduduk kampung, maka jalinan kerjasama telah dicapai. Ini bermakna, kelakuan dan sikap pegawai yang bertugas di kampung tersebut merupakan kunci kejayaan projek tersebut. Kekuatan yang ada dalam pembangunan pelancongan berasaskan pertanian dalam projek perintis ini adalah pegawai yang bertanggungjawab tidak menunjukkan sikap yang sombong sebaliknya berterus terang dengan orang-orang kampung. Dengan sikap sentiasa “mendengar” suara dan keluhan hati orang-orang kampung, projek tersebut dapat dilaksanakan dengan berpatutan.

Pendekatan Komprehensif dalam Pelancongan Berasaskan Pertanian: Adalah mudah untuk mengatakan masalah pelancongan berasaskan pertanian adalah disebabkan oleh kukurangan peruntukan dana dan kemudahan. Mungkin ada kebenaran dalam keadaan ini, tetapi bukan pada keseluruhannya. Walau pun sekiranya kerajaan membina satu pentas untuk pertunjukkan gong di sesebuah kampung, orang-orang kampung tidak akan dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan tersebut tanpa pelan tindakan yang praktikal. Dengan ini, sekiranya kerajaan membekalkan tandas kepada pelawat-pelawat, orang-orang kampung tidak akan dapat menyenggaranya jika tidak ada sistem yang berpatutan ditetapkan. Pasukan Kajian mencadangkan untuk mewujudkan satu pakej garis panduan mengenai khidmat nasihat kepada pelancongan berasaskan pertanian di kampung-kampung yang termasuk kemudahan dan pengurusan. Terdapat beberapa jurubina dalam bidang pelancongan berasaskan pertanian yang boleh menerbitkan pelan pembangunan luar bandar supaya pasukan projek boleh mengelolaknya.

10.2.6 KEPENTINGAN KEMAHIRAN MEMUDAHCARA UNTUK KAKITANGAN PENGEMBANGAN

Sistem latihan untuk pelatih-pelatih pusat: Pelatih-pelatih pusat mempunyai peluang yang terhad untuk mengukuhkan keupayaan pelaksanaan aktiviti pembangunan untuk pembangunan luar bandar. Melalui bengkel latihan dalam Projek perintis 7 yang dikelolakan untuk pasukan petugas gender yang terdiri dari kakitangan dari pelbagai institusi berkaitan dengan pembangunan, para pelatih pusat berpeluang untuk mengatasi kelemahan mereka sendiri dan/atau memperoleh kemahiran dan teknik yang sedia ada sekarang. Dengan ini, sistem latihan untuk pelatih-pelatih pusat dengan kerjasama dari institusi yang pelbagai adalah amat berguna untuk mengukuhkan keupayaan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan. Di Sabah, hanya terdapat sebilangan kecil sahaja pelatih pusat oleh kerana sistem latihan yang tidak mencukupi bagi calon-calon pelatih pusat. Calon-calon telah memperoleh keupayaan yang bersesuaian sebagai pelatih pusat melalui bengkel latihan dalam projek perintis 7 dan mereka mula berkerja untuk projek perintis yang lain dalam Kajian ini serta lain-lain projek pembangunan luar bandar di Sabah. Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem latihan untuk calon pelatih pusat adalah berkesan untuk mengukuhkan keupayaan mereka dan seterusnya meningkat bilangan pelatih-pelatih pusat di Sabah.

Sistem latihan dalam kerja untuk calon-calon pelatih pusat: Calon-calon yang disebutkan di atas mempunyai pengalaman yang kurang mengenai aktiviti-aktiviti pembangunan dalam projek sesuatu kawasan. Melalui penyertaan latihan dalam kerja dalam projek perintis 1 bersama dengan sokongan pelatih pusat, calon-calon tersebut mempelajari pengetahuan mengenai aktiviti pembangunan berdasarkan kepada pengetahuan asas yang dipelajari dari bengkel latihan untuk pelatih-pelatih pusat. Dengan ini, sistem latihan dalam kerja akan membantu calon-calon yang kurang berpengalaman untuk melengkapkan keupayaan dan pengetahuan mereka.

Modul Latihan dan bahan-bahan: Pelatih-pelatih pusat dan calon-calon menghadapi kesukaran untuk menggunakan bahan dan modul latihan yang sedia ada. Secara berperingkat, bahan dan modul latihan yang baru dengan penerangan yang mudah dan penghuraian yang terperinci telah disediakan berdasarkan pengalaman yang diperolehi melalui bengkel latihan dalam projek perintis 7. Bahan dan modul ini juga digunakan oleh projek-projek perintis yang lain dalam Kajian ini serta projek pembangunan luar bandar di Sabah. Bahan-bahan dan modul latihan dengan mengambilkira pengendalian yang mudah akan

mempercepatkan penyebaran pengetahuan aktiviti-aktiviti pengembangan, dengan mempertimbangkan modul dan bahan-bahan latihan yang mudah difahami, maka kekaburan pengetahuan kakitangan pengembangan akan diselesaikan.

Pengetahuan tempatan: Walau pun pelatih termasuk pelatih pusat mengetahui kaedah umum bagi aktiviti-aktiviti pengembangan, namun tidak terdapat kaedah-kaedah tertentu yang boleh digunakan untuk pembangunan luar bandar akibat kekurangan penggunaan pengetahuan tempatan di Sabah. Maka dengan ini, semasa bengkel latihan dan menaiktarafkan bahan dan modul latihan dalam projek perintis 7, pengetahuan tempatan telah diambil kira dengan sokongan dari seorang pakar perunding tempatan yang mempunyai pengalaman yang luas mengenai pembangunan di Sabah. Penggunaan pengetahuan tempatan adalah diperlukan untuk menerbitkan ciri-ciri kaedah pengembangan di Sabah.

10.3 PEMBELAJARAN DIPEROLEHI DARI PENGALAMAN NEGARA JEPUN

Semasa Kajian PUANDESA, beberapa peluang telah diberikan untuk berkongsi pengalaman negara Jepun dari segi peningkatan penghidupan luar bandar melalui i) pemindahan teknologi semasa pelaksanaan projek perintis, ii) lawatan ke Negeri Sabah oleh kakitangan pengembangan penghidupan orang-orang Jepun, iii) latihan rakan kerjasama, iv) lawatan ke projek pembangunan luar bandar JICA di Negara Filipina, dan v) pembentangan pengalaman Negara Jepun dalam peningkatan penghidupan luar bandar di seminar Projek Perintis 11.

10.3.1 PENINGKATAN PENGHIDUPAN LUAR BANDAR

Kaji selidik pengesahan menunjukkan pembangunan luar bandar di Sabah mempunyai kemungkinan untuk menerima beberapa intisari yang pelbagai dari program peningkatan penghidupan luar bandar selepas perang di Negara Jepun. Dalam jangka masa selepas perang, kumpulan wanita luar bandar di Jepun telah memulakan pengelolaan hidup melalui aktiviti berdikari untuk meningkatkan keadaan kehidupan dengan sokongan dari kakitangan pengembangan seperti yang terdapat di DOA, KPD, DOVSAI, DOF dll.

(1) PENEMUAN DARI PROJEK-PROJEK PERINTIS

Secara umum, wanita luar bandar di Sabah mempunyai keupayaan yang terhad untuk menganalisa keadaan hidup secara holistik dan saintifik, dan ini terpulangnya kepada mereka untuk mendapatkan pembelajaran dari sokongan

kakitangan pengembangan. Pada masa yang sama, kakitangan pengembangan mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai peningkatan penghidupan kerana kekurangan sistem latihan dan juga bahan serta modul latihan yang bersesuaian.

Memandangkan keadaan ini, kakitangan pengembangan telah mengambil bahagian dalam bengkel latihan yang dianjurkan oleh Projek Perintis 1 dan Projek Perintis 7 untuk mempelajari pengetahuan mengenai program peningkatan penghidupan orang-orang Jepun. Sejarar dengan in, penggubal-penggubal dasar kerajaan pusat mengkaji pengalaman Negara Jepun dalam peningkatan penghidupan melalui seminar anjuran Projek Perintis 11.

Sebagai pembinaan keupayaan dalam kemajuan Kajian in, kakitangan pengembangan bermula untuk menggunakan pengetahuan mengenai peningkatan penghidupan di projek-projek pembangunan luar bandar yang lain dan juga dalam Projek Perintis 1, Projek Perintis 3, dan Projek Perintis 4, dan mereka menyedari bahawa penyertaan sasaran wanita luar bandar dalam aktiviti-aktiviti kumpulan projek perintis adalah lebih lancar berbanding dengan sebelum ini.

(2) ITEM-ITEM YANG BOLEH DITERIMAPAKAI UNTUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI SABAH

Para penggubal dasar dan kakitangan pengembangan mempelajari bahawa beberapa intisari yang pelbagai dari pengalaman Negara Jepun dalam program peningkatan penghidupan luar bandar adalah boleh diaplikasikan untuk pembangunan luar bandar di Sabah, termasuk peningkatan penghidupan dan keusahawanan luar bandar. Intisari utama tersebut adalah diringkaskan seperti berikut:

Peranan kakitangan pengembangan dalam Peningkatan Penghidupan

Peningkatan penghidupan meliputi pelbagai bidang kehidupan seharian selain dari tugas-tugas domestik. Dengan ini, kakitangan pengembangan memainkan peranan gandaan dalam peningkatan penghidupan seperti berikut:

- Sebagai pendidik untuk memberi panduan dalam peningkatan penghidupan.
- Sebagai pencipta teknik tempatan dengan menggunakan bahan dan pengetahuan tempatan..
- Sebagai pemudahcara dalam mengelolakan kumpulan wanita luar bandarmelalui projek-projek model
- Sebagai perancang aktiviti-aktiviti pengembangan di kawasan di mana beliau dipertanggungjawabkan.

- sebagai penilai dan mengesahkan kemajuan aktiviti-aktiviti kumpulan.
- Sebagai penyelaras dan/atau bertindak sebagai perantara antara orang-orang tempatan dan kerajaan.
- Sebagai pakar perunding dan/atau pemberi nasihat untuk semua kecuali peningkatan penghidupan.

Organisasi Kumpulan wanita Luar Bandar

Aktiviti kumpulan merupakan salah satu ukuran untuk mempromosikan peningkatan penghidupan dengan daya keyakinan wanita. Melalui aktiviti-aktiviti kumpulan, kakitangan pengembangan mengharapkan usaha-usaha pengembangan yang berkesan dan kerja yang cekap untuk kumpulan sasaran wanita, di samping menyebarkan pengalaman dan pembelajaran diperolehi untuk kumpulan yang lain. Maka kakitangan pengembangan haruslah digalakkan untuk mengelolakan kumpulan wanita luar bandar dalam peningkatan penghidupan di kawasan sasaran dengan mengambilkira perkara-perkara berikut.

- Untuk mendalami kesedaran wanita luar bandar mengenai peningkatan penghidupan melalui lawatan secara individu oleh kakitangan pengembangan dan perhimpunan, sebelum mengelolakan kumpulan wanita luar bandar tersebut. Langkah ini akan membina daya maju yang fundamental untuk aktiviti-aktiviti kumpulan.
- Untuk mencari ketua kumpulan melalui perbincangan dan aktiviti, tanpa mengambilkira latarbelakang sosial seperti latarbelakang pendidikan, pengaruhnya dalam masyarakat, dan status suaminya. Mengukuhkan kepimpinan kumpulan melalui khidmat panduan secara individu kakitangan pengembangan dan bengkel latihan dengan ketua kumpulan wanita luar bandar yang lain.

Kerjasama dengan Masyarakat Tempatan

Sebilangan program peningkatan penghidupan adalah melibatkan isu-isu utama dan masalah seluruh masyarakat. Dalam kes ini, adalah agak sukar untuk menyelesaikan masalah hanya mengikut aktiviti kumpulan wanita luar bandar. Sokongan dari masyarakat tempatan seperti JKKK Di Sabah adalah tidak dapat dipisahkan. Maka wanita luar bandar harus meminta kerjasama daripada masyarakat tempatan supaya bekerjasama dengan kakitangan pengembangan. Pada masa yang sama, kakitangan pengembangan harus mengambil langkah untuk mengelakkan konflik sosial dan gangguan dalam masyarakat tempatan supaya pelaksanaan projek dapat berjalan lancar.

Kerjasama dengan Institusi-institusi yang berkaitan dengan Program Peningkatan penghidupan

Program peningkatan penghidupan meliputi semua aspek keadaan hidup seperti aktiviti ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kebajikan. Pada masa yang sama, kakitangan pembangunan mempunyai keupayaan yang terhadap untuk menangani setiap isu. Dengan ini, kakitangan pembangunan harus bekerjasama dengan bukan setakat rakan kerja mereka tetapi juga kakitangan institusi lain yang pakar dalam setiap bidang kerja berkenaan untuk menggalakkan program dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuan terhadap isu-isu sasaran.

(3) KESINAMBUNGAN PENGUKUHAN PENINGKATAN PENGHIDUPAN

Program peningkatan penghidupan harus diperkukuhkan oleh kakitangan pembangunan dan para penggubal dasar berkenaan dalam pembangunan luar bandar supaya melengkapkan pembangunan luar bandar dan wilayah di Sabah. Langkah-langkah berikut adalah dicadangkan untuk mengukuhkan program peningkatan penghidupan.

- a) Untuk mengkaji pembelajaran yang dipelajari dari peningkatan penghidupan di Negara Jepun kemudian mengaplikasikan ke projek pembangunan luar bandar di Sabah dengan pengetahuan tempatan secara harmoni.
- b) Untuk mengukuhkan semula kakitangan pembangunan dari DOA dan kakitangan KPD sebagai pakar peningkatan penghidupan dengan sokongan dari pelatih pusat Projek Perintis 7, pakar perunding tempatan dan pakar dari Jepun.
- c) Untuk mewujudkan kursus latihan peningkatan penghidupan di mana program tersebut meliputi ekonomi rumahtangga, kerja dapur, pakaian, kesihatan awam dan kaedah pembangunan dengan bekerjasama dengan institusi yang berkenaan dan pakar perunding tempatan.
- d) Untuk menyediakan dan menaik tarafkan modul latihan dan bahan-bahan untuk peningkatan penghidupan sejajar dengan pembelajaran diperolehi dari projek pembangunan luar bandar di Sabah.

10.3.2 KEMAHIRAN-KEMAHIRAN MEMUDAHCARA

Kemahiran memudahcara yang dikumpul oleh kakitangan pembangunan untuk peningkatan penghidupan di luar bandar Jepun nyata menyumbangkan kepada pembangunan luar bandar di Sabah melalui pembelajaran diperolehi dari kaji

selidik pengesahan dalam Kajian ini.

(1) PENEMUAN-PENEMUAN DARI PROJEK-PROJEK PERINTIS

Secara umum, wanita luar bandar di Sabah telah dikongkong sepanjang masa dalam kehidupan seharian seperti pengeluaran pertanian, aktiviti ekonomi sampingan, dan urusan keluarga. Akibatnya, mereka hanya mempunyai sedikit masa yang terluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti projek perintis. Pada masa yang sama, kakitangan pengembangan mempunyai pengetahuan yang terhad dari segi kemahiran memudahcara untuk pembangunan luar bandar kerana kekurangan sistem latihan dan bahan-bahan serta modul latihan yang bersesuaian.

Memandangkan keadaan ini, kakitangan pengembangan dan pegawai perhubungan awam yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar di Sabah telah menyertai bengkel latihan anjuran Projek Perinti 7 supaya dapat mempelajari aktiviti-aktiviti pengembangan bersama-sama dengan kemahiran memudahcara kakitangan pengembangan Negara Jepun yang berguna untuk menggalakkan pelaksanaan projek perintis dengan lancar termasuklah bengkel dan aktiviti-aktiviti kumpulan.

Pelaksanaan Projek Perintis 1, Projek Perintis 3 dan Projek Perintis 4 bergantung kepada kemahiran memudahcara kakitangan pengembangan dan pegawai perhubungan awam yang terlatih dalam Projek Perintis 7 untuk menggalakkan penyertaan yang positif wanita luar bandar dan untuk pengkasaaan kumpulan mereka melalui aktiviti-aktiviti kumpulan yang berkaitan dengan usahawan luar bandar. Akibatnya, kemahiran memudahcara yang dipelajari dari pengalaman orang-orang Jepun dalam pembangunan luar bandar telah dikenalpasti berguna untuk membantu kakitangan pengembangan di Sabah.

Projek Pengukuhan Perkhidmatan Latihan untuk Peningkatan Penghidupan (Training Services Enhancement Project for Rural Life Improvement) (TSEP-RLI) di Filipina memberi kesan yang positif terhadap rakan kerjasama di Sabah yang telah menyertai dalam lawatan sambil belajar ke projek tersebut; khasnya dengan kemahiran memudahcara dan bengkel organisasi di Filipina.

Ahli kakitangan TSEP-RLI telah dilatih oleh pakar dari JICA semasa jangkamasa kerjasama "project-type". Rakan kerjasama dari Sabah telah menyertai bengkel berwawasan yang dijalankan oleh kakitangan TSEP-RLI di sebuah kampung dan telah mempelajari banyak mengenai pembentangan, dinamik kumpulan,

penilaian penyertaan dsb. Selepas pulang ke Sabah, mereka telah menggabung dan menerapkan apa yang telah dipelajari ke dalam aktiviti-aktiviti projek perintis.

(2) ITEM-ITEM YANG BOLEH DITERIMAPAKAI UNTUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI SABAH

Konsep dan Kemahiran memudahcara berdasarkan pengalaman Jepun seperti disenaraikan di bawah terbukti berkesan dan berguna untuk pembangunan luar bandar di Sabah oleh para peserta dalam bengkel latihan Projek Perintis 7.

Ciri-ciri Utama Pemudahcara

Demi untuk mewujudkan hubungan yang rapat dengan peserta-peserta dalam pembangunan luar bandar termasuk bengkel dan perbincangan kumpulan, ciri-ciri berikut adalah penting untuk para pemudahcara.

- a) Untuk memiliki personaliti yang mesra dengan keupayaan untuk menunjukkan persetujuan dan penerimaan kepada para peserta.
- b) Untuk memberi perhatian terhadap pertimbangan budaya-sosial dengan keupayaan untuk memimpin kumpulan di samping mengawalinya.
- c) Untuk memiliki cara mengajar yang menggunakan idea-idea mereka dan juga kemahiran peserta-peserta.
- d) Untuk memiliki keupayaan untuk mewujudkan institusi bagi pengumpulan sumber manusia dan pengurusan logistik yang lancar.
- e) Untuk memberi perhatian bagi mengambil tahu dan menyelesaikan masalah peserta-peserta.
- f) Untuk menjadi bersemangat bagi memberikan idea kepada orang lain dengan cara yang menarik.
- g) Untuk menjadi fleksibel kepada keperluan peserta-peserta yang sentiasa berubah-ubah.
- h) Mempunyai pengetahuan terhadap perkara subjek yang dikemukakan.

Peraturan-peraturan Asas Kemahiran Memudahcara:

Para pemudahcara perlu mematuhi peraturan-peraturan asas berikut untuk meminimumkan kekeliruan dan salah faham, dan juga ketidaksesuaian serta perbincangan yang memakan masa dalam mesyuarat

- a) Untuk menerangkan objektif secara jelas dan memastikan peserta-peserta dapat memahami dan mengikuti.
- b) Untuk mewujudkan keadaan persekitaran yang mengalukan

perbincangan.

- c) Untuk mengendalikan perbincangan secara logik.
- d) Untuk menghormati setiap peserta.
- e) Untuk memberi perhatian yang seimbang kepada semua peserta dan elakkan penyertaan yang tidak seimbang.
- f) Untuk membahagikan peserta-peserta kepada kumpulan perbincangan yang kecil supaya dapat memerhatikan dengan teliti isu –isu yang dikemukakan dan menggalakkan penyertaan setiap individu

(3) KEMAHIRAN MEMUDAHCARA UNTUK KESEDARAN WANITA LUAR BANDAR

Para Pemudahcara patut membangkitkan minat wanita luar bandar dalam pembangunan luar bandar dari segi pertimbangan faktor berikut untuk menggalakkan penyertaan yang aktif dalam sesuatu program/projek, khasnya pada peringkat awal aktiviti-aktiviti kumpulan.

Faktor-faktor Motivasi

- Untuk membangkitkan minat bukan sahaja di kalangan wanita luar bandar tetapi juga keluarga mereka, dan gembirakan mereka.
- Untuk membolehkan aktiviti-aktiviti dijalankan oleh mana-mana keluarga, termasuk yang miskin.
- Untuk meneliti kehidupan harian mereka.
- Sebagai tempat kebebasan dari kongkongan luar bandar terhadap wanita luar bandar.
- Sebagai tempat di mana ahli kumpulan boleh meluahkan mengenai apa-apa sahaja, termasuk kebimbangan mereka.

Faktor-faktor Teknikal

- Untuk menjelaskan dengan mudah supaya para peserta boleh menjalankannya.
- Untuk memilih aktiviti yang ringaks, tetapi baru, khasnya pada peringkat awal pelaksanaan.
- Untuk membolehkan mereka melaksanakan kerja tanpa bergantung kepada yang lain dan /atau teknik individu.
- Untuk memastikan keupayaan individu dan teknik telah meningkat/diperbaiki.

Faktor-faktor Kewangan

- Strukturkan aktiviti yang melibatkan kos yang kecil, supaya wanita luar

bandar boleh membuat dengan apa yang mereka mampu.

- Untuk membolehkan mereka membeli bahan-bahan yang diperlukan dari kawasan berhampiran.

Faktor-faktor Masa

- Untuk membolehkan keputusan diperolehi dalam masa yang singkat.
- Untuk membolehkan dibuat pada musim lepas pertanian.

Faktor-faktor Hubungan Keluarga

- Untuk membolehkan mereka membawa pulang hadiah semasa pelaksanaan aktiviti demi untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan keluarga.
- Untuk membolehkan melaksanakan tanpa kerjasama yang banyak dari ahli keluarga, tetapi dapat membangkitkan minat keluarga mereka.
- Untuk membolehkannya diiktirafkan sebagai baik oleh penduduk-penduduk tempatan dan juga keluarganya.

Faktor-faktor Berfaedah

- Untuk memberi kesan ke atas pengeluaran pertanian dan juga kehidupan seharian.
- Untuk mendapat pendapatan dalam bentuk tunai dan/atau menyimpan wang isirumah, walau pun melibatkan jumlah yang kecil.

(4) PENGUKUHAN BERTERUSAN KEMAHIRAN MEMUDAHCARA

Kemahiran memudahcara perlu diperkukuhkan oleh kakitangan pengembangan yang berkhidmat dan juga pelatih pusat dalam jangka masa yang panjang. Selain dari ini, langkah-langkah berikut dicadangkan untuk mengukuhkan kemahiran memudahcara bagi melengkapkan aktiviti-aktiviti pengembangan di pembangunan luar bandar di Sabah.

- Untuk mengkaji dengan lebih lanjut pembelajaran diperolehi dari kemahiran memudahcara orang-orang Jepun, dan mengaplikasikan ke dalam pengetahuan tempatan yang sedia ada secara harmoni.
- Untuk mewujudkan kursus latihan bagi kemahiran memudahcara dalam satu siri sistem latihan untuk aktiviti-aktiviti pengembangan dalam pembangunan luar bandar, dengan bekerjasama dengan institusi-institusi yang berkenaan dan pakar perunding tempatan.
- Untuk mengemaskini bahan dan modul latihan bagi kemahiran memudahcara secara berkala sejajar dengan pembelajaran yang diperolehi dari projek pembangunan luar bandar di Sabah.

10.3.3 PEMBELAJARAN DARI PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN (AGRO-TOURISM)

Kerajaan Negeri Sabah mempunyai dasar untuk mempromosikan Industri Pelancongan dengan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber alam semulajadi seperti pergunungan, perairan, hutan rimba dan sungai. Pembangunan Industri Pelancongan berkembang dengan agak menggalakkan meskipun berlakunya krisis keselamatan antarabangsa yang disebabkan oleh pengesanan dan rebakan penyakit yang menjejaskan perkembangan industri pelancongan buat seketika waktu. Sementara itu, pelancongan berasaskan pertanian dikatakan sebagai industri yang berpotensi dan memberangsangkan di kawasan luar bandar di Sabah. KPIM dan agensi-agensi yang berkenaan berpendapat bahawa bidang pertanian dan atau penduduk-penduduk bandar. Pasukan Petugas PUANDESA telah memilih kawasan sasaran pelancongan berasaskan pertanian yang berpotensi sebagai Projek Perintis. (Sila rujuk Projek Perintis 6). Pasukan Petugas PUANDESA juga telah merancang dan melaksanakan seminar mengenai pelancongan berasaskan pertanian di bawah Projek Perintis 11 dan “Pengalaman Jepun dalam pelancongan berasaskan pertanian” yang diperkenalkan oleh pakar-pakar BBEC dari Jepun. Para peserta seminar begitu kagum dengan pembentangan tersebut dan mempertimbangkan sekiranya pembelajaran dipelajari dari pengalaman-pengalaman orang-orang Jepun boleh diterimapakai untuk pelancongan berasaskan pertanian di Sabah..

(1) LATAR BELAKANG PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN DI NEGARA JEPUN

Pelancongan berasaskan Pertanian di Jepun telah dibangunkan akibat dipengaruhi oleh situasi sosio-ekonomi. Selepas perang Dunia Kedua, sektor pertanian Negara Jepun telah menghadapi krisis pengurangan penduduk tani dan tanah pertanian. Keadaan ini juga mengakibatkan penurunan dalam keaktifan kampung dan pengurangan makanan untuk sara diri. Populasi petani sebanyak 80% daripada jumlah penduduk pada tahun 1870 telah berkurangan ke 40% dalam tahun 1970 dan kemudian 10% pada tahun 2000. Dalam tahun 1995, sebanyak 30% penduduk luar bandar adalah terdiri dari warga emas(warga tua) yang berumur 65 tahun dan terdapat pula sebilangan kampung yang terdiri dari 60% penduduk warg emas. Pengurangan makanan sara diri telah menurun lebih kurang 60% dalam tahun 1995 akibat dari perubahan tabiat makan yang bertukar dari beras ke roti. Penggunaan beras iaitu sebanyak 150kg/tahun/orang dalam tahun 1960, telah menurun ke 75.8kg/tahun/orang dalam 2002. Penduduk-penduduk kampung telah

berusaha mengatasi masalah pengurangan penduduk, peningkatan penduduk yang berumur dan pengurangan aktiviti-aktiviti budaya kampung.

Pihak kerajaan telah membuat pembaharuan dan penjenteraan dalam aktiviti pertanian, namun demikian, keputusannya adalah tidak menggalakkan. Pihak kerajaan menyedari bahawa melainkan wujud usaha penduduk-penduduk kampung sendiri, petani-petani kampung tidak akan mempunyai masa depan yang cerah. Mereka menggalakkan kedua-dua pihak iaitu penduduk bandar dan kampung untuk memikir mengenai masa depan alam semulajadi dan pertanian Negara Jepun. Maka Pelancongan berasaskan Pertanian merupakan salah satu strategi untuk memberi peluang kepada mereka untuk menyedari kepentingan alam semulajadi dan pertanian. Dari segi ini, ia merupakan satu pembelajaran yang penting bagi Negeri Sabah. Pengalaman Negara Jepun dalam pelancongan berasaskan pertanian pada peringkat awal maupun peringkat terkemudian adalah lebih kurang sama dengan apa yang telah berlaku di Negeri Sabah.

(2) PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN BENTUK TRADISIONAL

Para petani memulakan Pelancongan berasaskan Pertanian dari taman buah-buahan untuk menuai sendiri dan program “homestay”. Para ibu-bapa di kawasan bandar membawa anak-anak mereka untuk menuai buah-buahan tersebut. Aktiviti menuai merupakan sesuatu yang baru kepada kanak-kanak memandangkan mereka jarang melihat pokok buah-buahan dan tidak tahu bagaimana ia berbuah. Adalah sangat bermanfaat untuk kanak-kanak dan golongan belia mempelajari mengenai pertanian dan alam semulajadi dengan tinggal di ladang dan rumah petani. Program “homestay” juga telah berfungsi sebagai pendidikan sekolah.

(3) TREND BARU PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN

Baru-baru ini, petani-petani telah mempromosikan “buah-buahan/tanaman sistem milik sendiri” (fruits/crop owner system). Pengalaman yang dijangka bukan setakat menuai buah-buahan dan tanaman tetapi untuk mengetahui proses keseluruhan mengenai pertanian. Sebagai contoh, keluarga di bandar bertukar kontrak hakmilik dengan petani-petani dan meminta petani menjaga pokok buah-buahan tersebut. Mereka akan datang ke ladang untuk melihat buah-buah yang mulai berbunga, untuk membungkus buah-buahan yang belum matang dengan karung dan kemudian menuainya. Dalam kes penanaman padi, mereka datang ke bendang sawah untuk kerja-kerja menyemai, merumput dan menuai. Mereka membawa balik hasil tuain dan mengagihkan kepada jiran-jiran bersama

dengan cerita pertanian. Mereka amat berminat dan gembira dengan aktiviti-aktiviti di kawasan luar bandar dan menyedari mengenai produk pertanian di pasaraya membeli belah.

Kesan Pelancongan berasaskan Pertanian kepada pelawat-pelawat ialah;

- Untuk menikmati aktiviti-aktiviti pertanian,
- Untuk menikmati persekitaran tanah ladang yang dikelilingi oleh alam semulajadi,
- Untuk mempelajari proses penanaman produk pertanian,
- Untuk mempelajari fungsi pertanian dalam ekologi.

Pada masa yang sama, petani-petani juga memperolehi manfaat, iaitu

- Untuk mendapatkan pendapatan dalam bentuk tunai dari jualan produk,
- Untuk merasai secara menyeluruh apabila mereka melihat keluarga-keluarga yang terlibat begitu gembira mengalami proses perladangan,
- Untuk menggunakan tenaga kerja pelawat bagi musim yang paling sibuk bagi petani,
- Untuk merangsangkan kehidupan luar bandar yang positif pada masa depan,
- Untuk menarik minat generasi baru dalam bidang perniagaan perladangan dan kehidupan kampung.

Aktiviti-aktiviti Pelancongan berasaskan Pertanian telah dipelbagaikan ke bidang sukan, sukarelawan, melihat haiwan ternakan, membuat kraftangan dsb. Maka boleh dikatakan bahawa Pelancongan berasaskan Pertanian adalah penuh dengan pengalaman kehidupan luar bandar, alam semulajadi, budaya dan latihan.

(4) PENGHARGAAN PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN TERHADAP PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH

Demi untuk menggalakkan Pelancongan berasaskan Pertanian, kerajaan dan sektor swasta telah mewujudkan sistem sokongan dan peraturan. “Japan Green Tourism Association” telah memainkan peranan penting untuk membuat jaringan di kalangan ladang swasta, persatuan koperasi pertanian, kerajaan tempatan, separuh kerajaan dan NGO. Ia mengeluarkan sijil mengenai “green tourism instructor”, “forest instructor” dan “nature guide”. Maka adalah perlu bagi Sabah untuk membuat jaringan yang menghubungkan sektor swasta dan sektor awam dengan lebih rapat untuk mempromosikan dan membangunkan Pelancongan berasaskan Pertanian.

10.3.4 PEMBELAJARAN GERAKAN SATU KAMPUNG SATU PRODUK

(1) PERBEZAAN ANTARA “SATU KAMPUNG SATU INDUSTRI” DI SABAH BERBANDING DENGAN DI JEPUN

Kerajaan Negeri Sabah memperkenalkan “Satu Kampung Satu Industri” pada tahun 1996. Setiap kerajaan tempatan, iaitu terutamanya pejabat daerah, adalah diperlukan untuk menentukan industri asalnya. Mereka mencadangkan produk pertanian tersebut dan menegaskan keasliannya dari kawasan tersebut. Sebagai contoh, satu produk bagi Daerah Beaufort ialah sitrus; di Kota Marudu pula ialah jagung. Kerajaan negeri menjangka bahawa adalah terlalu kecil untuk memonopolikan satu produk di satu kampung memandangkan terdapat lebih daripada 3000 buah kampung di Sabah. Sesebuah kampung akan mengadu sekiranya wujud kampung lain yang menentukan produk yang sama sebagai produk aslinya, seakan-akan kampung lain tidak boleh memilih produk yang sama. Pelancaran “Satu Kampung, Satu Produk” adalah diperkenalkan sebagai alat untuk mengelakkan persaingan bidang yang sama dengan cara menentukan monopoli kawasan pengeluaran. Maka adalah lebih baik untuk menentukan produk mengikut kawasan. Slogan tersebut adalah lebih kurang sama dengan orang-orang Jepun iaitu “Gerakan Satu Kampung Satu Produk” tetapi konsepnya adalah berbeza sama sekali. Pandangan utama yang berbeza adalah seperti berikut;

- “Gerakan” merupakan perkataan yang penting di kalangan slogan kata yang digunakan di Jepun, akan tetapi gerakan tidak dinyatakan dalam kes di Sabah.
- Produk yang berpotensi adalah dicadangkan oleh penduduk-penduduk kampung sendiri dalam kes di Jepun, tetapi di Sabah ianya ditentukan oleh pihak kerajaan.
- “Satu Produk” bermakna “sekurang-kurangnya satu” bagi kes di Jepun, tetapi “Satu Industri” di Sabah nampaknya ingin memonopolikan industri tersebut untuk mengelakkan persaingan.
- Gerakan bagi orang-orang Jepun ialah menggalakkan orang-orang kampung untuk mewujudkan barangan baru, tetapi kes Sabah lebih kepada melantik industri yang menggiatkan.

Pasukan pengkaji dari Negara Jepun berasa terkejut kerana konsep yang bertentangan dalam dasar pembangunan luar bandar. Untuk memastikan dasar pembangunan perlu diabhsuaikan mengikut keadaan, maka Pasukan Pengkaji mengambilkira “Gerakan Satu Kampung, Satu Produk” di Jepun adalah lebih

sesuai berbanding dengan “Satu Kampung Satu Industri” di Sabah khasnya dari segi pembangunan luar bandar. Dengan menggunakan keadaan ini, pasukan pengkaji memperkenalkan konsep “Gerakan Satu Kampung, Satu Produk”

(2) RENCANA RINGKAS “GERAKAN SATU KAMPUNG SATU PRODUK” DI JEPUN

“Gerakan Satu Kampung Satu Produk” telah dimulakan di Oita, Jepun pada 1979. Tujuan gerakan ini ialah pengupayaan kampung-kampung dengan menggalakkan mereka mewujudkan sesuatu yang istimewa di kawasan tertentu, untuk mengatasi sebarang kesan negatif yang diakibatkan oleh keadaan yang tidak mendatangkan faedah. Apabila seorang governor pada masa itu melawat ke kampung sambil memerhatikan keadaan penduduk kampung, beliau sering mendengar masalah negatif dari orang-orang kampung, contohnya keadaan jalan yang buruk, sekolah tidak lengkap. Beliau memikirkan bahawa wilayah tersebut tidak akan menjadi maju sekiranya penduduk-penduduknya sering mengeluh sepanjang masa. Dengan kata lain, gerakan ini bukan setakat untuk tujuan fizikal tetapi juga mental.

“Gerakan Satu kampung Satu Produk” menekankan asas-asas berikut.

Berfikir secara global, tetapi bertindak mengikut tempatan

Adalah penting untuk mewujudkan produk yang diiktirafkan oleh kedua-dua pasaran Jepun dan Dunia dengan mengekalkan keaslian dan mengikut ciri-ciri tempatan.

Berdikari dan Kerativiti

Penduduk-penduduk kampung memutuskan “Satu kampung Satu Industri” perlu berkembang. Ia bergantung kepada alternatif yang dipilih oleh mereka iaitu dua (2) produk dalam satu kampung, atau satu (1) produk dalam dua (2) kampung. Kerajaan menyokong gerakan ini dengan pemindahan teknikal dan promosi pasaran.

Pembangunan Sumber Manusia

Tujuan utama “Gerakan Satu Kampung Satu Produk” adalah pembangunan sumber manusia. Sekiranya tidak wujud pemimpin yang berpandangan dan berwawasan jauh dalam wilayah tersebut, maka Gerakan tersebut tidak akan mencapai tujuannya. Maka adalah sangat penting untuk memberi petunjuk

kepada pemimpin yang kreatif yang akan menyambut sebarang cabaran yang mereka hadapi.

(3) PEMBELAJARAN DARI KES

“Gerakan Satu Kampung Satu Produk” telah diperkenalkan ke banyak negara seperti Thailand, Philippines dan Cambodia. Mantan Governor Kerajaan Oita yang telah dikurniakan dengan anugerah Magsaysay dalam tahun 1995. Gerakan tersebut telah berkembang dari Negara Jepun ke Asia dan Afrika. Mereka mempunyai jaringan supaya dapat merangsangkan antara satu sama lain.

Pelajaran yang bermanfaat yang boleh didapati di Sabah ialah seperti berikut:

- Untuk mengkaji semula “Satu Kampung Satu Industri” daripada pandangan yang asal.
- Untuk membincangkan konsep “Satu Kampung Satu Industri” di Sabah.
- Untuk mengelolakan satu jawatankuasa “Satu Kampung Satu Industri” bagi tujuan pengesanan.
- Untuk meneruskan gerakan tersebut dengan slogan “Amalkan, Menguasai dan Berterusan”.
- Untuk mewujudkan jaringan dengan negara-negara “Gerakan Satu Kampung Satu Produk”.

BAB 11: PENYEMPURNAAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Pasukan pengkaji JICA memberi keutamaan untuk pemindahan teknologi dan pengetahuan sepanjang pelaksanaan Kajian selama dua tahun. Pemindahan teknologi dan pengetahuan bertujuan untuk pembinaan keupayaan ahli rakan kerjasama bagi agensi-agensi berkenaan khasnya dari segi perancangan, pelaksanaan, pengesanan dan penilaian program-program dan projek sokongan untuk usahawan wanita luar bandar. Tugas-tugas yang telah mewujudkan kesan yang mendalam ialah i) perancangan dan pelaksanaan projek perintis dan ii) penerbitan Pelan Induk.

11.1 KUMPULAN-KUMPULAN SASARAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Kumpulan sasaran yang terlibat secara langsung dalam pemindahan teknologi, yang bekerja bersama dan dilatih secara langsung oleh Pasukan Pengkaji JICA ialah:

- (1) 12 ahli Jawatankuasa Pemandu (lihat Appendix-1);
- (2) 34 ahli Jawatankuasa Teknikal (lihat Appendix-1); dan
- (3) 131 ahli Pasukan Petugas Projek Perintis (lihat Appendix-1).

Jumlah keseluruhan ahli kumpulan sasaran ialah 177 orang; sebilangan ahli terlibat dalam satu atau dua kumpulan sasaran tersebut; seperti Jawatankuasa Teknikal, pasukan petugas projek perintis 1, 2 dan 7. Sekiranya pengulangan penglibatan ahli-ahli yang dalam satu atau dua kumpulan tidak diambilkira, maka bilangan sebenar kumpulan sasaran ialah 59 orang. Aktiviti-aktiviti utama pemindahan pengetahuan dan teknologi serta kumpulan sasaran utama bagi setiap aktiviti adalah seperti berikut:

	Jawatankuasa Pemandu	Jawatankuasa Teknikal	Pasukan Petugas
(1) Perancangan dan penyeliaan proses keseluruhan Kajian	Sasaran Utama		
(2) Penilaian Program sokongan		Sasaran Utama	Sasaran
(3) Kaji selidik isirumah		Sasaran Utama	Sasaran
(4) Pengumpulan maklumat usahawan wanita		Sasaran Utama	Sasaran
(5) Pengwujudan rangka kerja Pelan Induk		Sasaran Utama	Sasaran
(6) Pembentukan Projek Perintis, keutamaan dan perancangan		Sasaran Utama	Sasaran
(7) Pelaksanaan, pengesanan dan penilaian projek perintis			Sasaran Utama
(8) Mengadakan Persidangan Penilaian	Sasaran	Sasaran	Sasaran Utama
(9) Mengemaskini Pelan Induk	Sasaran	Sasaran Utama	Sasaran
(10) Penyediaan laporan Akhir	Sasaran	Sasaran Utama	Sasaran

11.2 HASIL KEPUTUSAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PENGETAHUAN

11.2.1 AHLI JAWATANKUASA PEMANDU

Seramai 12 ahli Jawatankuasa Pemandu bekerjasama dengan Pasukan Pengkaji JICA untuk menyelia proses keseluruhan Kajian ini. Ahli jawatankuasa ini juga merupakan ahli kepada Projek perintis 11. Kebanyakan dari mereka adalah Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah atau Pengurus-pengurus Besar agensi-agensi yang berkenaan.

Melalui penyeliaan ke atas kemajuan Kajian dan penyertaan dalam seminar-seminar bagi Projek Perintis 11, yang telah membekalkan maklumat mengenai dasar-dasar Negara Jepun dan pengalaman dalam pembangunan luar bandar, mereka telah mula memahami akan kepentingan pendekatan “bottom-up” dan pertimbangan gender untuk peningkatan penghidupan luar bandar yang berdaya maju. Sebagai pembuat keputusan bagi agensi-agensi yang berkenaan, **mereka telah menunjukkan sokongan terhadap Pelan Induk PUANDESA;** usaha ini banyak menyumbang kepada kelancaran dan kecekapan pelaksanaan pelan Induk.

11.2.2 AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL

Pasukan Pengkaji JICA telah memindah teknologi dan pengetahuan kepada **34 ahli Jawatankuasa Teknikal**. Mereka ini merupakan ketua-ketua bahagian atau ketua unit yang mengendalikan program-program sokongan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar bagi agensi-agensi yang berkenaan. Mereka juga merupakan ahli kepada Projek Perintis 8; mereka mengesan dan menyelia semua projek perintis. Ahli kepada Jawatankuasa Teknikal juga termasuk dalam satu atau dua kumpulan pasukan petugas projek perintis.

Mereka mengalami semua langkah kitaran projek bagi projek-projek perintis termasuklah: pembentukan projek; perancangan dan anggaran perbelanjaan yang terperinci; pelaksanaan; pengesanan; dan penilaian. Semasa pembentukan projek, mereka mempelajari mengenai kaedah perancangan Pengurusan Kitaran Projek (Project Cycle Management-PCM) dan menyediakn profil projek dan rekabentuk matrix projek (PDM) bersama-sama dengan Pasukan Petugas JICA. Selepas membentuk beberapa pelan projek perintis, mereka memberi keutamaan dan memilih projek-projek untuk kaji selidik pengesahan berdasarkan kepada kriteria yang telah dipilih terdahulu. Melalui aktiviti-aktiviti yang sedemikian, mereka memahami kepentingan pendekatan “bottom-up” dan pendekatan mempertimbangkan gender serta konsep pengurusan kitaran projek.

Setelah menyempurnakan projek-projek perintis, mereka bekerja bersama dengan Pasukan Pengkaji JICA untuk mengemaskinikan Pelan Induk dan Pelan Tindakan. Berdasarkan kepada pembelajaran yang diperolehi dari pelaksanaan projek perintis, mereka berbincang mengenai keperluan dan potensi kumpulan sasaran bagi usahawan wanita luar bandar dan agensi-agensi sokongan semasa bengkel perancangan dan telah menyediakan Pelan Tindakan terperinci yang akan diliputi dalam Pelan-pelan Tindakan. Ahli Jawatankuasa Teknikal mempelajari bagaimana untuk mengemaskini pelan berdasarkan kepada pembelajaran dan juga penyempurnaan pelan Induk dan Pelan-pelan Tindakan.

Apa yang diwujudkan dalam Jawatankuasa Teknikal semasa Kajian PUANDESA dijangka akan menjadi **asas bagi badan kordinasi tetap yang praktikal bagi pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA.**

11.2.3 PASUKAN PETUGAS PROJEK PERINTIS

(1) PASUKAN PETUGAS GENDER

Pasukan petugas bagi Projek Perintis 1,2 dan 7 adalah terdiri dari ahli yang sama. Mereka digelar “*Pasukan Petugas Gender*” semasa Kajian tersebut. *Pasukan Petugas Gender* terdiri dari 10 orang ahli dan telah dibentuk pada peringkat yang paling awal Kajian ini. Tujuannya ialah untuk mengumpul maklumat mengenai wanita luar bandar dan usahawan-usahawan wanita luar bandar di Sabah melalui kaji selidik dan bengkel. Mereka merupakan ketua unit yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengembangan atau pembangunan sumber manusia di agensi-agensi mereka..

Sepuluh(10) ahli bagi *Pasukan Petugas Gender* telah dilatih dalam proses perancangan dan menjalankan bengkel kesedaran dan motivasi dengan wanita luar bandar, kemahiran memudahcara dan pertimbangan serta analisis gender. Demi untuk menjadikan mereka sebagai tenaga pengajar yang berupaya dan berkeyakinan dari segi kemahiran memudahcara dan kaedah penyertaan, maka latihan berlanjutan perlu diberikan. **Mereka akan mamainkan peranan utama dalam latihan untuk kakitangan pengembangan dan latihan gender dalam Pelan Induk pembangunan PUANDESA.**

Melalui pelaksanaan projek perintis 7, seramai 24 ahli kakitangan pengembangan telah dilatih dari segi kemahiran memudahcara dan pendekatan penyertaan dan gender oleh Pasukan Petugas Gender dan Pasukan Pengkaji JICA. Di kalangan 24 orang yang menjalani latihan, sejumlah 7 ahli dari DOA, 7 dari KPD, 5 dari DOF sementara yang lain adalah dari YUM, JHEWA dan KPLB.

Mereka telah menyedari kepentingan pendekatan penyertaan untuk mengubah cara pemikiran dan sikap wanita luar bandar, yang telah memberi kesan dan daya maju projek-projek tersebut. **Mereka yang menjalani latihan dijangka akan menjadi kakitangan pengembangan di agensi-agensi masing-masing;** Walau bagaimanapun, mereka memerlukan lebih banyak pemahaman dan latihan praktikal dari segi kemahiran memudahcara dan kemahiran pemindahan teknologi apabila bekerja bersama usahawan wanita luar bandar dengan cekap.

(2) PASUKAN PETUGAS KRAFTANGAN

Sejumlah 9 orang ahli dalam pasukan petugas projek perintis 3 dan 9. Daripada Pasukan Pengkaji JICA, mereka telah mempelajari konsep penggunaan

sumber-sumber yang tidak terpakai dan langkah-langkah bagaimana untuk memimpin wanita luar bandar supaya dapat menghasilkan produk-produk berasaskan pertanian dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh diperolehi dari persekitaran tempatan.

Sepanjang pelaksanaan projek perintis selama satu tahun, ahli-ahli dari agensi-agensi karftangan yang berkenaan bekerja bersama dan bertukar-tukar maklumat. Mereka menyedari kepentingan kordinasi untuk mengelakkan duplikasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan menggunakan sumber-sumber tempatan yang terhad. Kini, mereka sedang mengumpul komen-komen dan pandangan dari usahawan-usahawan wanita luar bandar yang menghasilkan kraftangan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada mereka.

Mereka telah mewujudkan satu platform untuk bekerja bersama dan akan meneruskan mesyuarat dengan tetap untuk berkongsi maklumat. Keadaan ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kraftangan berjenama Sabah dan untuk memperkembangkan pasaran.

(3) PASUKAN PETUGAS PEMROSESAN MAKANAN

Melalui projek perintis 4 iaitu projek pengkulturan rumpai laut, sejumlah **9 ahli** bekerja bersama dengan Pasukan Pengkaji JICA. Kebanyakan mereka adalah dari DOF dan beberapa orang dari KPD. Mereka telah mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam projek pengkulturan rumpai laut; walau bagaimana pun, mereka mempunyai pengalaman yang terhad untuk bekerja bersama wanita dalam perkampungan perikanan. Ini adalah kerana semua projek yang sedia ada menumpukan keluarga perkampungan perikanan; yang bemanka kumpulan sasaran secara langsung mereka adalah termasuk kaum lelaki.

Mereka mempelajari bagaimana kesedaran dan motivasi kumpulan sasaran dan latihan pengurusan perniagaan adalah sangat penting ke arah pelaksanaan projek yang efektif dan berdaya maju di samping latihan kemahiran pengkulturan dan penuaian rumpai laut. **Mereka dijangka akan memberi tumpuan yang lebih ke atas bengkel kesedaran dan motivasi serta aktiviti-aktiviti kesediaan dari segi sosial** dalam projek berkenaan dengan perikanan mikro dan bekerjasama dengan kakitangan pengembangan yang berkebolehan dari agensi-agensi yang berkenaan.

Adalah dijangka bahawa kumpulan sasaran dalam pemindahan teknologi dan pengetahuan Kajian ini, termasuk Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa

Teknikal dan pasukan petugas projek perintis dapat memainkan peranan untuk mencapai dan mempromosikan Pelan Induk pembangunan PUANDESA berdasarkan kepada apa yang telah mereka pelajari melalui latihan dalam kerja semasa pelaksanaan Kajian ini. Usaha sedemikian pada keseluruhannya akan menyumbangkan kepada pengukuhan usahawan-usahawan wanita luar bandar dan seterusnya peningkatan status wanita luar bandar di Sabah.

(4) PASUKAN PETUGAS PEMASARAN

Sejumlah 16 orang ahli telah dialtih dari segi kemahiran pemasaran melalui projek perintis 5 dan 6. Kebanyakan dari ahli berkenaan adalah dari KPD manakala yang lain ialah dari KPLB, PKKM, Pejabat Daerah dsb. Mereka merupakan ketua unit atau kakitangan agensi-agensi yang berkenaan yang bertanggungjawab untuk mencabar pengembangan pasaran produk berasaskan pertanian bagi kumpulan sasaran.

Mereka bekerja bersama Pasukan Pengkaji JICA dalam bidang i) menjalankan kaji selidik isirumah untuk memahami keadaan kehidupan terkini dan haluan bagi perniagaan petani-petani, usahawan-usahawna wanita luar bandar, peniaga-peniaga dan pengguna-pengguna; ii) kaji selidik pelancongan untuk memahami kemungkinan pelancongan berasaskan pertanian di Sabah; iii) tunjukcara dan kaji selidik pemasaran di tamu KPD untuk melengkapkan keperluan pengguna-pengguna; dan iv) merancang dan menjalankan kursus latihan pengendalian makanan bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar.

Berdasarkan kepada pengalaman semasa pelaksanaan projek perintis, mereka haruslah bersikap positif dan kreatif untuk memikirkan bagaimana untuk memasarkan produk berasaskan pertanian yang sedia ada dan/atau bagaimana untuk membangunkan produk baru supaya dapat memenuhi keperluan pasaran. Satu sistem baru haruslah diperkenalkan untuk menggalakkan dan menggunakan dengan sepenuhnya kepakaran mereka untuk memberi panduan kepada aktiviti-aktiviti pemasaran kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar. **Mereka dijangka berperanan sebagai sumber manusia untuk membekalkan khidmat nasihat teknikal kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar** dan membantu mereka dalam perancangan dan pengendalian projek supaya pasaran dapat diperkembangkan.

(5) PASUKAN PETUGAS INSTITUSI DAN KEWANGAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu dan Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal yang juga merupakan ahli kepada pasukan petugas Institusi dan Kewangan memahami tentang pentingnya Pelan Induk berorientasikan gender melalui Kajian yang telah disebutkan di atas.

Pasukan petugas bagi Projek Perintis 10 merancang pengstrukturkan semula rancangan perkhidmatan untuk kaum wanita luar bandar, menggalakkan kakitangan yang terlibat untuk menyertai kursus latihan komputer dan kursus latihan pertimbangan gender dsb.

11.3 LATIHAN BAGI RAKAN KERJASAMA DI JEPUN

Sepanjang pelaksanaan Kajian Pelan Induk, peluang-peluang telah diberikan untuk menjemput rakan kerjasama supaya menyertai kursus latihan di Negara Jepun. Rencana ringkas mengenai setiap kursus latihan yang berkenaan adalah ditunjukkan dalam Jadual 11-1. Pengalaman-pengalaman dalam latihan ini adalah berguna dan bermanfaat kepada mereka bagi memahami khidmat nasihat yang dikendalikan oleh Pasukan Pengkaji JICA.

Jadual 11-1 Rencana Ringkas Kursus Latihan di Jepun

Jadual	Rakan Kerjasama	Kursus Latihan
Jan. 1 st 2002 - Jan. 9 th 2002	Ms. Nemy Salmah Binti Ontol (Penyelia Pembangunan Manusia, KPD)	<u>Kursus Individu</u> : Seorang rakan kerjasama telah dijemput ke Jepun untuk pertukaran pandangan terhadap Kajian Pelan Induk dan untuk pengesahan laporan permulaan. Beliau telah melawat beberapa tapak projek pembangunan luar bandar di Jepun supaya dapat memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai Kajian tersebut.
Sep. 2 nd 2002 - Nov. 17 th 2002	Ms. Adeline Chee (Pegawai Eksekutif, Bahagian Pembangunan Desa, KPD)	<u>Kursus Kumpulan</u> : “Pengkasaan Wanita Luar Bandar, 2002” Kursus ini memperkenalkan pengalaman dan metodologi terhadap pengkasaan wanita luar bandar di Negara Jepun. Para peserta dari negara-negara membangun mempelajari dan mengkaji kes-kes contoh bagi pengkasaan dan berbincang bagaimana kes-kes tersebut boleh diterapkan dan diterimapakai dalam negara-negara masing-masing.
Jun. 25 th 2003 - July 9 th 2003	Mr. Hj. Mohd. Dandan Hj. Alidin (Timbalan Pengarah, DOA) Mr. Hj. Mohd Dos Ismail (Timbalan Pengurus Besar, KPD) Ms. Hjh. Subiah Hj. Laten (Timbalan Pengarah, JHEWA)	<u>Kursus Individu</u> : Kursus ini menumpukan kepada lawatan ke tapak projek penghidupan kakitangan pengembangan, di mana Projek “Satu Kampung, satu Produk” dan ‘Michi-no-eki’ memandangkan pengalaman orang-orang Jepun dalam bidang-bidang tersebut dapat membekalkan maklumat yang amat bernilai untuk Kajian Pelan Induk di Sabah, Malaysia. Pegawai-pegawai Kanan dari Negeri Sabah telah mempelajari dasar mengenai pembangunan luar bandar di Negara Jepun.
Sep. 25 th 2003 - Nov. 20 th 2003	Ms. Hjh Dayang Rayanah Hj. Ag. Hamit (Ketua Unit Pembangunan Keluarga Tani, DOA)	<u>Kursus Kumpulan</u> : “Pengkasaan Wanita Luar Bandar, 2003” Memandangkan kursus ini juga amat berkesan terhadap rakan kerjasama yang bertanggungjawab terhadap pengkasaan wanita luar bandar di Negeri Sabah, maka seorang lagi pegawai kanan yang berperanan penting dalam Kajian ini dijemput untuk menghadiri kursus tersebut.

BAB 12: MENGEMASKINI PELAN INDUK

12.1 KEPERLUAN USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR WANITA

Berdasarkan kepada analisis situasi dan pembelajaran diperolehi dari pelaksanaan projek perintis, khasnya dari projek perintis 1, 3, 4, 5 dan 6 serta keperluan usahawan wanita luar bandar, maka dengan menggunakan “kelompok” dalam Kajian berkenaan, keperluan usahawan-usahawan wanita luar bandar boleh diringkaskan seperti berikut:

(1) WANITA LUAR BANDAR DALAM KELOMPOK 1

Wanita luar bandar dari Kelompok 1 merupakan mereka yang telah memulakan dafn memperkembangkan perniagaan ke satu tahap tertentu. Mereka berminat untuk memperkembangkan perniagaan mereka sehingga ke luar dari masyarakat atau sehingga di luar Sabah.

Apa yang kami dapat pelajari dari pengalaman dalam projek perintis 5 dan 6 ialah mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam perancangan perniagaan, pembangunan produk baru, pemasaran, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dsb. Walau bagaimana pun, adalah agak sukar bagi mereka untuk memperolehi kursus latihan praktikal supaya dapat memenuhi keperluan mereka. Ini adalah kerana yuran penyertaan adalah terlalu mahal; kandungan latihan adalah tidak praktikal; atau agak sukar untuk mereka menghadiri latihan siang hari kerana perlu menjalankan perniagaan masing-masing. Tidak terdapat maklumat pasaran yang rasmi atau data statistik Sabah atau di luar Sabah yang boleh diperolehi untuk perancangan perniagaan mereka.

Walaupun, mereka mempunyai pelan perniagaan atau pandangan yang mereka ingin mencapai atau apabila mereka menghadapi sekatan yang perlu diselesaikan, tetapi tidak terdapat perkhidmatan nasihat yang membekalkan maklumat dan nasihat yang praktikal kepada mereka. Di samping itu, adalah agak sukar bagi mereka untuk menyediakan kos permulaan bagi pelan perniagaan mereka; mereka memerlukan jumlah peruntukan dana yang tinggi berbanding dengan pinjaman yang diberikan oleh YUM.

Mereka mempunyai keperluan maklumat yang lain. Mereka ingin berkongsi maklumat perniagaan dan pengalaman dengan usahawan-usahawan yang lain; namun tidak ada jaringan usahawan yang diwujudkan. Mereka hanya boleh

berkomunikasi dengan usahawan-usahawan wanita luar bandar di kampung yang berdekatan dengan mereka.

(2) WANITA LUAR BANDAR DALAM KELOMPOK 2

Usahawan-usahawan wanita luar bandar yang termasuk dalam kelompok 2 adalah mereka yang telah memulakan perniagaan tetapi tidak dapat mengekalkan dan memperkembangkan perniagaan mereka.

Pengalaman dari pelaksanaan projek perintis 5 dan 6 memaklumkan bahawa keperluan mereka adalah lebih kurang sama dengan usahawan-usahawan wanita dalam Kelompok 1. Mereka memerlukan maklumat dan latihan. Antara senarai tajuk yang utama untuk mereka ialah pengendalian makanan, kawalan kualiti, pemasaran, kemahiran pengeluaran dan pengurusan perniagaan.

Kemahiran praktikal tersebut adalah tidak boleh dipisahkan dengan peningkatan produk dan kualiti perkhidmatan mereka. Terdapat beberapa kursus latihan yang boleh diperolehi, namun kebanyakannya tidak dapat memenuhi keperluan mereka. Sebilangan dari kursus latihan adalah berperingkat lanjutan dan tidak realistik untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar. Kursus latihan tersebut tidak mengajar mereka bagaimana untuk mempraktikkannya dengan sumber-sumber yang boleh diperolehi dalam masyarakat luar bandar.

Jaringan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar juga berfaedah untuk usahawan-usahawan Kelompok 2.

(3) WANITA LUAR BANDAR DALAM KELOMPOK 3

Ushawna-usahawan wanita luar bandar dalam Kelompok 3 telah memulakan perniagaan mereka dalam kampung-kampung yang terletak agak jauh dari kawasan Bandar secara relatif.

Berdasarkan kepada penemuan dan pembelajaran yang diperolehi dari pelaksanaan projek 4, 5 dan 6, kelompok ini juga menghadapi masalah yang sama iaitu kekurangan maklumat dan latihan. Antara senarai tajuk yang utama untuk mereka ialah pengendalian makanan, kawalan kualiti, pemasaran, kemahiran pengeluaran dan pengurusan perniagaan. Keupayaan menghubungi dan memperolehi maklumat dan latihan juga adalah terhad.

Di kampung-kampung tertentu, usahawan-usahawan wanita luar bandar menghasilkan sebilangan kraftangan atau produk makanan yang diproses dengan

potensi yang baik. Akan tetapi, mereka tidak dapat meningkatkan kualiti produk atau mewujudkan sesuatu yang baru berdasarkan kepada produk yang sedia ada. Walau pun mereka mempunyai kemahiran yang baik, selalunya agak sukar bagi mereka untuk menghasilkan kuantiti tertentu pada tahap kualiti yang tertentu.

Lawatan kakitangan pengembangan akan meningkatkan keupayaan berhubung dengan sumber-sumber teknikal. Pengwujudan jaringan bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar akan memberi sumbangan yang menggalakkan untuk peningkatan perniagaan mereka.

(4) WANITA LUAR BANDAR DALAM KELOMPOK 4

Usahawan-usahawan wanita luar bandar dalam Kelompok 4 belum lagi memulakan perniagaan walau pun mereka mempunyai keupayaan berhubung yang baik dengan pasaran dan program-program sokongan.

Daripada pembelajaran dan pengalaman diperolehi melalui pelaksanaan projek 1, 3, dan 4, maka adalah perlu untuk memimpin kelompok wanita ini ke arah membentuk kumpulan dengan kumpulan mereka, berfikiran secara positif untuk memulakan projek mikro atau perniagaan supaya persekitaran dan keadaan penghidupan mereka dapat ditingkatkan. Mereka perlu menghadiri bengkel Kesedaran, motivasi, kepimpinan dan pembentukan kumpulan serta perkhidmatan nasihat yang praktikal untuk memulakan perniagaan mikro. Semua ini adalah berguna untuk membimbing mereka untuk memulakan perniagaan. Keperluan untuk meningkatkan keupayaan berhubung dengan perkhidmatan kewangan mikro juga harus diwujudkan.

Lawatan kakitangan pengembangan akan meningkatkan keupayaan berhubung dengan sumber-sumber teknikal. Pengwujudan jaringan usahawan-usahawan wanita luar bandar akan memberi sumbangan yang menggalakkan kepada peningkatan perniagaan mereka.

(5) WANITA LUAR BANDAR DALAM KELOMPOK 5 dan 6

Wanita luar bandar yang termasuk dalam kelompok 5 dan 6 menetap di kampung-kampung yang terpencil. Wanita luar bandar Kelompok 5 mempunyai idea dan pandangan untuk memulakan perniagaan tetapi mereka belum memulakan perniagaan. Manakala bagi wanita dalam Kelompok 6 pula tidak mempunyai idea yang sedemikian.

Melalui pelaksanaan projek perintis 1 dan 3, kedua-dua Kelompok tersebut didapati mempunyai masalah serta potensi yang sama. Mereka berfikiran pasif. Sikap mereka ialah sentiasa menunggu sesuatu dari pihak luaran dan tidak akan membuat apa-apa usaha.

Mereka diberi panduan dan dilatih untuk membentuk kumpulan, berbincang mengenai apa yang boleh diperolehi dari masyarakat mereka dan apa yang mereka boleh lakukan terhadap sumber-sumber yang ada, dan untuk merancang serta mewujudkan satu projek dan pelan mikro. Sebaik sahaja mereka menyedari potensi-potensi masing-masing dan menjadi lebih yakin dan apabila mereka mempunyai kepimpinan yang baik, mereka akan memiliki keupayaan yang memadai untuk melaksanakan beberapa perniagaan berasaskan pertanian dengan usaha mereka sendiri.

Lawatan yang kerap dan berkesan bagi kakitangan pengembangan dengan kemahiran mudahcara yang baik adalah amat diperlukan. Pada masa yang sama, ahli JKKK, yang sentiasa bersama dengan usahawan-usahawan wanita luar bandar dalam masyarakat berkenaan, perlu memahami dan menyokong aktiviti-aktiviti mereka dan membantu mereka untuk memperolehi maklumat yang diperlukan bagi memulakan dan memperkembangkan perniagaan mereka.

(6) RINGKASAN KEPERLUAN WANITA LUAR BANDAR

Penemuan-penemuan dan pembelajaran diperolehi dari pelaksanaan projek perintis bagi setiap Kelompok adalah diringkaskan seperti 12-1.

Jadual 12-1 Penemuan dan Pembelajaran dari Pelaksanaan Projek Perintis PUANDESA

Penemuan dan Pembelajaran Diperolehi
Wanita Luar Bandar Kelompok 1:
<ul style="list-style-type: none"> - Mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam perancangan perniagaan, pembangunan produk baru, pemasaran, pengurusan kewangan dll untuk memperkembangkan perniagaan mereka; walau bagaimana pun, program sokongan yang sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan mereka. - Mereka memerlukan perkhidmatan nasihat yang baik untuk memperkembangkan perniagaan mereka. - Peluang untuk mendapat peruntukan dana adalah terhad walaupun mereka mempunyai idea produk baru atau perniagaan yang baik. - Tidak terdapat maklumat atau data/statistik rasmi mengenai pasaran di Sabah untuk Perancangan Perniagaan. - Mereka memerlukan keupayaan berhubung dengan maklumat pasaran luaran seperti di Sarawak, Semenanjung Malaysia dan negara-negara jiran. - Tidak ada pertukaran maklumat di kalangan usahawan wanita luar bandar.
Wanita Luar Bandar Kelompok 2:
<ul style="list-style-type: none"> - Mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam pengendalian makanan, kawalan kualiti, kemahiran pemasaran dan pengeluaran untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kualiti. - Mereka memerlukan keupayaan berhubung dengan maklumat dan program sokongan; walau bagaimana pun, program yang sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan mereka atau peluang adalah terhad.
Wanita Luar Bandar Kelompok 3:
<ul style="list-style-type: none"> - Mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam pengendalian makanan, kawalan kualiti, kemahiran pemasaran dan pengeluaran untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kualiti - Mereka mempunyai keupayaan berhubung yang terhad dengan maklumat program sokongan dan pasaran - Produk mereka perlu diperbaiki untuk memenuhi keperluan pasaran secara kuantitatif dan/atau kualitatif.
Wanita Luar Bandar Kelompok 4:
<ul style="list-style-type: none"> - Mereka memerlukan maklumat dan latihan mengenai bagaimana memulakan perniagaan dan menggunakan program sokongan. - Keupayaan berhubung mereka dengan maklumat, latihan dan peruntukan adalah baik secara relatif; walau bagaimana pun, mereka mempunyai hak yang terhad ke atas peruntukan bagi menyediakan kos permulaan perniagaan. - Kekurangan motivasi, kepimpinan, dan maklumat pasaran.
Wanita Luar Bandar Kelompok 5 dan 6:
<ul style="list-style-type: none"> - Wanita luar bandar Kelompok 5 dan 6 mempunyai masalah dan kekangan yang lebih kurang sama. - Mereka mempunyai pemikiran dan sikap yang pasif dan perlu dilatih untuk mengenalpasti potensi sendiri seperti kesedaran, motivasi, pembentukan kumpulan dan sebagainya. - Keupayaan berhubung dengan maklumat, latihan dan dana adalah terhad. Mereka mempunyai kesukaran untuk berhubung dengan pasaran. - Mereka menggunakan kemahiran tradisional dan sumber-sumber yang terdapat di masyarakat mereka dengan baik.

(7) KEPERLUAN-KEPERLUAN LATIHAN

Berdasarkan kepada pengalaman dan pembelajaran dari pelaksanaan projek peritnis yang tersebut di atas, maka adalah jelas bahawa keperluan wanita luar bandar adalah tinggi dari segi latihan dan maklumat, walaupun kandungan dan tahap keperluan latihan adalah berbeza bergantung kepada Kelompok usahawan-usahawan wanita luar bandar.

Keperluan latihan dan keadaan semasa kursus latihan yang diberikan oleh agensi-agensi berkenaan adalah diringkaskan seperti Jadual 12-2.

Jadual 12-2 Kursus Latihan Semasa dan Keperluan Usahawan-usahawan Wanita Luar Bandar

Kelompok Wanita Luar Bandar yang Paling Memerlukan Jenis Latihan	Jenis Latihan	Kursus Latihan Semasa yang Sedia Ada	
		Agensi-agensi dan/atau Kakitangan bertanggungjawab	Keupayaan Memiliki bagi Wanita Luar Bandar
Kelompok 4, 5 dan 6	Jenis Latihan 1: Latihan Kesedaran dan Motivasi	Kakitangan Pengembangan PKT DOA	Keupayaan memperolehi latihan Kesedaran dan Motivasi Wanita Luar Bandar adalah sangat terhad.
	Jenis latihan 2: Latihan Kemahiran Pengeluaran Asas	Kakitangan Pengembangan PKT DOA Kakitangan Pengembangan DOA, DOVSAI, DOF, KPD, KEMAS	Kemahiran Pengeluaran asas telah dijalankan dari segi pemprosesan makanan, membuat kraftangan, menjahit baju, penternakan haiwan dll. Tetapi kandungan kursus dan latihan adalah diputuskan melalui pendekatan "top-down".
Kelompok 2 dan 3	Jenis Latihan 3: Kawalan Kualiti, Pembungkusan dan Pemasaran	FAMA, MARDI Kementerian Kesihatan	Keupayaan memperolehi terhad dan kandungan kursus tidak sesuai untuk wanita luar bandar.
Kelompok 1, 2 dan 3	Jenis Latihan 4: Kursus Pengurusan	YUM, KPD FAMA, MARDI	Keupayaan memperolehi terhad dan kandungan kursus tidak praktikal.
	Jenis Latihan 5: Khidmat Nasihat	YUM, KPD	Tidak diberikan buat masa ini.
Kelompok 1	Jenis latihan 6: Teknologi Maklumat	JHEWA, IDS	Keupayaan Memperolehi Terhad

12.2 PRASYARAT UNTUK AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN

Melalui pemindahan teknologi sepanjang Kajian dan pelaksanaan projek-projek perintis, perkara-perkara berikut telah diperhatikan sebagai isu-isu penting yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

- (1) Fungsi penyelarasan bagi projek perintis 8 telah diperkukuhkan. Walau bagaimana pun, adalah perlu untuk mewujudkan satu **badan penyelarasan tetap** yang di bawah penguasaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah untuk melaksanakan Pelan Induk PUANDESA.
- (2) *Pasukan Petugas Gender* semasa pelaksanaan projek perintis perlu diteruskan untuk berfungsi sebagai pasukan tenaga pengajar bagi kemahiran mudahcara dan pendekatan penyertaan. Walau bagaimana pun, latihan dalam kerja selama satu tahun melalui projek perintis 1 dan 7 adalah tidak mencukupi untuk memperolehi kemahiran pengajaran dan petunjuk yang praktikal. **Pasukan tenaga pengajar ini memelurkan latihan yang lebih lanjut** supaya dapat membekalkan latihan yang bersesuaian kepada kakitangan pengembangan.
- (3) Berdasarkan kepada analisis situasi dan latihan projek perintis 7, kakitangan pengembangan bagi agensi-agensi yang berkenaan yang telah dilatih dalam modul individu seperti pengeluaran pertanian, perladangan, memasak, pemprosesan makanan, menjahit, perancangan perniagaan, pengurusan, perakaunan dsb, mempunyai kemahiran yang terhad untuk menyampaikan mesej yang bersesuaian atau kemahiran yang diperlukan kepada kumpulan sasaran usahawan-usahawan wanita luar bandar. Mereka mempunyai pengetahuan dan kepakaran; walau bagaimana pun, mereka tidak berupaya untuk memindahkan kemahiran tersebut kepada kumpulan sasaran dengan berkesan atau mereka tidak dapat mendorong wanita luar bandar untuk berfikir dengan positif. **Kemahiran mudahcara bagi kakitangan pengembangan perlu dipertingkatkan** dan mereka perlu memahami dan memperkenalkan pendekatan penyertaan ke dalam aktiviti-aktiviti pengembangan masing-masing.
- (4) Sistem yang digunakan untuk membantu usahawan-usahawan wanita luar bandar dari segi menjual produk-produk dan memperkembangkan pasaran mereka perlu diaktifkan, yang telah diperhatikan dalam projek perintis 5 dan 6. Beberapa kakitangan dari KPD, DOA atau YUM mempunyai

pengalaman dan kepakaran dari segi pemasaran, namun mereka mempunyai pengalaman praktikal yang terhad dalam menjalankan kaji selidik atau melaksanakan perniagaan secara pratik. Kursus latihan mengenai peningkatan kualiti, pemasaran, perancangan perniagaan, pengurusan, perakaunan dsb, yang kini dibekalkan oleh agensi-agensi berkenaan adalah amat terhad. Pada masa yang sama, agensi-agensi yang berkenaan tidak membekalkan khidmat nasihat yang diperlukan kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar, yang ingin memperkembangkan perniagaan mereka, kumpulan wanita yang mempunyai masalah, atau mereka yang mempunyai idea-idea perniagaan baru. Agensi-agensi berkenaan tidak membantu usahawan-usahawan wanita luar bandar untuk membuat jaringan aktiviti-aktiviti mereka atau tidak membekalkan sebarang maklumat mengenai negeri Sabah atau di luar Sabah kepada pihak awam.

- (5) Bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar, perkhidmatan kewangan mikro adalah diperlukan untuk membiayai kos permulaan dan kos operasi perniagaan masing-masing. Ini dapat diperhatikan dalam projek perintis 3, 5, 6 dan 10. YUM telah membekalkan perkhidmatan yang bermanfaat kepada mereka. Walau bagaimana pun, dana YUM telah berkurangan memandangkan kerajaan negeri maupun persekutuan tidak lagi membekalkan dana tersebut buat masa ini. Sistem kewangan mikro bagi agensi-agensi yang berkenaan harus dipertimbangkan semula. Usaha yang perlu dilaksanakan bukan setakat mempertingkatkan sistem pengurusan yang telah dilaksanakan melalui projek perintis 10, malah **perkhidmatan YUM perlu dikajisemula** untuk meningkatkan struktur organisasi, sumber kewangan dan tanggungjawab-tanggungjawab.

12.3 KEPUTUSAN DAN PENEMUAN-PENEMUAN DARI PROJEK-PROJEK PERINTIS DAN PNYEMPURNAAN PELAN INDUK

Keputusan dan penemuan-penemuan dari pelaksanaan projek perintis telah diambilkira semasa pembentukan Pelan Induk seperti yang direncanakan dalam Jadual 12-3 di mukasurat seterusnya:

Jadual 12-3 Pelan Induk Berdasarkan kepada Kaji Selidik Pengesahan

Strategi	Keputusan Kaji Selidik Pengesahan Melalui Projek-projek Perintis	Pengubahsuaian untuk Pelan Induk
Kesedaran	① Dengan menggunakan pendekatan penyertaan, kaum wanita luar bandar digalakkan untuk berfikir di kalangan ahli-ahli, berbincang aspek-aspek antara satu sama lain, menganalisa masalah-masalah dan menjalankan Projek-projek berskel kecil-kecilan secara berasingan. Kaedah ini akan dapat mengesahkan bahawa mereka mempunyai potensi untuk melibatkan secara aktif dan berkeyakinan untuk mewujudkan dan membangunkan produk.	<pre> graph TD A[Pelan Tindakan Bagi Wanita Luar] --> B[Pelan Tindakan Bagi Agensi-agensi yang Berkenaan] </pre>
Kemahiran Pengeluaran	② Dengan menggunakan sumber-sumber yang tidak terpakai seperti rumput dan sisa bahan-bahan, wanita luar bandar belajar bagaimana untuk menghasilkan kertas, lilin, garam dan sebagainya. Mereka menikmati daya kreativiti untuk menghasilkan produk-produk yang asli. Kakitangan pengembangan juga menghargai kepentingan kawasan persekitaran luar bandar. ③ Potensi wanita luar bandar dari segi pengeluaran rumpai laut telah disahkan.	
Pemasaran	④ Melalui latihan dari segi pemasaran untuk pengeluaran berorientasikan permintaan, kebersihan dan jualan promosi yang praktikal, wanita luar bandar menyedari akan kepentingan pemasaran dan kreativiti; peranan kerajaan dari segi ini juga disahkan.	
Agensi-agensi yang berkenaan	⑤ Kakitangan pengembangan mempelajari kemahiran mudahcara yang bersesuaian dan kaedah penyertaan yang diperlukan supaya dapat memberi garis panduan kepada wanita luar bandar dan mencapai keputusan yang dikehendaki. Adalah disahkan bahawa latihan kakitangan pengembangan adalah berkesan dari segi memperluaskan pengkasaan wanita luar bandar. ⑥ Pelaksanaan, pengesanan dan penilaian Projek-projek Perintis melalui kerjasama yang rapat oleh Jabatan dan Agensi yang berkenaan adalah amat berkesan sekali dari segi membekalkan sokongan yang cekap kepada wanita luar bandar. Maka adalah disahkan bahawa pengwujudan jaringan di kalangan agensi adalah sangat penting. ⑦ Para penggubal dasar mengiktirafkan kepentingan untuk memberi sokongan kepada pengkasaan wanita luar bandar dan sistem “bottom up” melalui keputusan yang diperolehi dari pelaksanaan Projek-projek Perintis dan juga perbincangan pengalaman yang sama dalam seminar di Jepun.	

12.4 OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMBENTUKAN PELAN INDUK

Dengan berpandukan kepada keadaan yang tersebut di atas, yang memberi kesan ke atas usahawan-usahawan wanita luar bandar dan mereka yang bakal menjadi usahawan-usahawan di Sabah, Pelan Induk ini adalah dibentuk dengan objektif-objektif seperti berikut:

- 1) Untuk memberikan panduan yang praktikal kepada kerajaan negeri supaya dapat menggalakkan aktiviti-aktiviti galakan pendapatan wanita luar bandar serta mengukuhkan perniagaan mereka; dan
- 2) Untuk menyumbangkan pencapaian keupayaan memiliki yang seimbang dan

kawalan ke atas sumber, maklumat, peluang-peluang dan faedah-faedah pembangunan kepada kaum wanita dan juga kaum lelaki dalam masyarakat luar bandar.

12.5 ASAS-ASAS PERANCANGAN

Pelan Induk adalah dibentuk selaras dengan tujuh asas seperti disenaraikan berikut. Kesemua lima asas perlu dipertimbangkan semasa pelaksanaan kedua-dua Pelan Induk dan Pelan-pelan Tindakan.

(1) Untuk memberi kepentingan terhadap kesedaran dan motivasi kumpulan-kumpulan sasaran:

Kebanyakan daripada projek yang sedia ada tidak memperuntukkan masa yang cukup untuk kesedaran dan motivasi bagi kumpulan sasaran yang mana telah mengakibatkan kesan yang negatif dalam daya kekal projek tersebut. Demi untuk memastikan kumpulan sasaran wanita luar bandar dan ahli masyarakat memahami akan kenapa projek diperlukan dan mereka perlu bersedia untuk pelaksanaannya, maka adalah penting untuk melaksanakan aktiviti kesedaran dan motivasi dengan teliti sebelum memulakan projek tersebut.

(2) Untuk meningkatkan pemahaman dan sokongan ahli-ahli masyarakat terhadap usahawan-usahawan wanita luar bandar melalui penyertaan JKKK:

Kes-kes perniagaan usahawan-usahawan wanita luar bandar yang berjaya membuktikan bahawa pemahaman dan sokongan dari ahli keluarga dan masyarakat adalah penting dan kritikal. Pelan Induk ini memberikan peranan penting bagi OSSC (Pusat Khidmat Setempat) kepada pengerusi dan ketua biro wanita JKKK, yang merupakan pemimpin-pemimpin masyarakat, dan melatih mereka dalam memudahkan aktiviti-aktiviti wanita luar bandar. Adalah dijangka bahawa usaha sedemikian ini dapat menyumbangkan kepada pengukuhan sokongan JKKK terhadap pelaksanaan Pelan Induk dan meningkatkan pemahaman dan sokongan keluarga dan ahli-ahli masyarakat.

(3) Untuk menggalakkan pendekatan berorientasikan pasaran yang praktikal:

Merancang cara-cara bagaimana untuk menjual lebih banyak produk-produk usahawan wanita luar bandar merupakan salah satu bahagian yang penting dan

kritikal dalam meningkatkan keusahawanan wanita luar bandar. Program-program untuk tujuan tersebut adalah amat terhad yang mana boleh memberikan pandangan dan kemahiran pemasaran yang praktikal kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar. Pelaksanaan Pelan Induk akan menekankan latihan dan kemahiran yang praktikal untuk memahami dengan terperinci mengenai keperluan pasaran; untuk meningkatkan produk-produk yang sedia ada, untuk mewujudkan produk baru; dan/atau untuk menentukan bagaimana dan di mana untuk menjual produk-produk tersebut.

(4) Untuk menggunakan kemahiran tradisional dan bahan-bahan yang diperolehi dari persekitaran tempatan:

Asas ini adalah penting untuk mewujudkan pendekatan senang dimulakan dan berdaya maju kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar dengan sumber kewangan yang terhad dalam masyarakat luar bandar. Pada umumnya, wanita luar bandar memiliki pelbagai kemahiran tradisional. Sumber-sumber semulajadi tempatan yang terbiar, kini digunakan untuk tujuan perniagaan mereka, mempunyai potensi yang tinggi digunakan sebagai bahan-bahan mentah.

(5) Untuk menerimapakai pendekatan “bottom-up”(pendekatan penyertaan dalam pembangunan):

Pendekatan “Top-down” merupakan pendekatan yang umum dalam pembangunan projek luar bandar di Sabah. Demi untuk mengubah sikap pasif wanita luar bandar kepada sikap yang lebih aktif dan positif di samping meningkatkan hak milik projek, maka adalah perlu untuk mengamalkan pendekatan penyertaan bersama dalam pembangunan di setiap peringkat projek pembangunan; iaitu seperti: pembentukan projek, perancangan, pelaksanaan, pengesanan dan penilaian.

(6) Untuk mengamalkan pertimbangan gender dan pendekatan peka(sensitive)gender:

Analisis Gender perlu diadakan pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek untuk membolehkan mereka menjadi gender sensitif. Pendekatan seperti ini akan meningkatkan daya maju projek, dapat memastikan keupayaan memiliki yang seimbang untuk kawalan sumber dan faedah serta boleh mengelakkan wanita luar bandar dibebani daripada kerja melalui pelaksanaan projek.

(7) Untuk memastikan komitmen agensi-agensi terlibat dan untuk mengukuhkan kerjasama mereka

Terdapat banyak agensi yang terlibat dalam usaha untuk meningkatkan keupayan usaha wanita luar bandar. Maka dengan ini, adalah penting untuk memastikan wujudnya kepimpinan dan komitmen agensi yang bertanggungjawab dan juga penyelarasan aktiviti yang dibentuk semasa Kajian PUANDESA.

12.6 KAWASAN KAJIAN

Kawasan Kajian meliputi seluruh kawasan Negeri Sabah.

12.7 TARGET GROUPS

Kumpulan sasaran bagi pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan merangkumi semua wanita luar bandar di Sabah termasuk samada mereka yang sudah memulakan aktiviti galakan peningkatan pendapatan mau pun mereka yang belum memulakan sebarang aktiviti perniagaan.

Kumpulan sasaran untuk Pelan Tindakan ialah seperti berikut:

- 1) Wanita luar bandar sebagai kumpulan sasaran langsung untuk Pelan Tindakan bagi Wanita Luar Bandar” dan kumpulan sasaran secara tidak langsung ialah “Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan”; dan
- 2) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah dan agensi-agensi yang berkenaan termasuk DOA, KPD, DOF, DOVSAI, YUM, EPU, KPLB, JHEWA, PKKM, SPS, STB, IDS, FAMA, MARDI, KEMAS, YS dsb. sebagai kumpulan sasaran langsung bagi “Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi berkenaan”

12.8 MATLAMAT DAN OUTPUT YANG DIJANGKA

Matlamat Pembangunan (rujuk kepada Jadual 12-4) merupakan sasaran langsung Pelan Induk dan adalah dijangka dicapai menjelang tahun 2010. Pencapaian matlamat pembangunan akan membawa kepada pencapaian Matlamat Separuh Penggal menjelang tahun 2015, iaitu tahun sasaran bagi pelan pembangunan yang seterusnya. Matlamat jangka panjang akan disempurnakan dengan tercapainya Matlamat Pembangunan dan Matlamat Separuh Penggal menjelang tahun 2020, iaitu tahun sasaran bagi Dasar Pembangunan Kebangsaan”Wawasan 2020”. Matlamat Pembangunan bagi Pelan Induk dan Pelan-pelan Tindakan di samping

Matlamat Separuh Penggal dan Jangka Panjang bagi Pelan Induk adalah direncanakan seperti berikut:

Jadual 12-4 Matlamat Pelan Induk dan Pelan Tindakan

Matlamat Jangka Panjang Pelan Induk (menuju sasaran wawasan 2020):	
<ol style="list-style-type: none"> 1) Kemajuan status wanita luar bandar dan penyertaan aktiviti dalam membuat keputusan; 2) Pembangunan yang berdaya maju dan harmoni di masyarakat luar bandar; dan 3) Pengurangan jurang antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar melalui peningkatan aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar. 	
Matlamat Separuh Penggal Pelan Induk (menuju sasaran tahun 2015):	
<ol style="list-style-type: none"> 1) Pengkasaan wanita melalui pengiktirafan yang bersesuaian ke atas sumbangan mereka dalam pembangunan luar bandar; dan 2) Peningkatan keadaan hidup isirumah luar bandar dan persekitaran hidup masyarakat luar bandar. 	
Matlamat Pembangunan (menuju sasaran tahun 2010):	
Matlamat Pembangunan Pelan Induk	“Pendapatan wanita luar bandar akan meningkat melalui penyertaan aktif wanita luar bandar dalam aktiviti ekonomi; yang akan meningkatkan pendapatan isi rumah.”
Matlamat Pelan Tindakan Untuk Wanita Luar Bandar	<ol style="list-style-type: none"> 1) Wanita luar bandar memiliki hak yang sama ke atas sumber termasuk bahan-bahan, maklumat, kemahiran, program sokongan dan peruntukan untuk memulakan aktiviti galakan pendapatan; dan 2) Wanita mempunyai keyakinan dan meningkatkan persaingan untuk memperbaiki kualiti produk dan pekhidmatan bagi memenuhi keperluan pasaran.
Matlamat pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi berkaitan	<ol style="list-style-type: none"> 1) KPIM berfungsi dan diakui oleh wanita luar bandar sebagai agensi utama untuk mengukuhkan usahawan wanita luar Bandar yang dilengkapi dengan pusat sumber manusia, maklumat, latihan dan peruntukan; 2) KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan perlu mengukuhkan jaringan dan kerjasama untuk memenuhi komitmen teknikal dan kewangan supaya sistem sokongan yang diberikan kepada usahawan wanita luar bandar dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan; dan 3) Penggubal dasar dan pegawai-pegawai KPIM perlu memahami peranan utama wanita luar bandar, pertimbangan gender dan pendekatan “bottom-up” serta mengamalkannya dalam tugas harian mereka.

12.9 PELAN-PELAN TINDAKAN UNTUK PELAN INDUK

(1) Pelan Tindakan Untuk Wanita luar Bandar

Demi untuk mencapai sasaran yang tersebut di atas, Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar yang terdiri dari empat tindakan utama dan cadangan pelbagai pelan projek terperinci termasuk program latihan adalah seperti berikut:

- Tindakan 1: Latihan dan bengkel akan diadakan untuk memimpin wanita luar bandar untuk mencapai pemikiran yang lebih positif dan meningkatkan kesedaran serta motivasi. Langkah ini akan dapat mendorong dan menyokong mereka untuk membentuk kumpulan dan memulakan perniagaan.
- Tindakan 2: Satu “pusat khidmat setempat” akan didirikan di setiap kampung dengan menempatkan ketua-ketua kampung (termasuk Pengerusi JKKK dan biro wanita) yang sedia ada di kampung masing-masing.
- Tindakan 3: Program Latihan Usahawan PUANDESA akan diwujudkan demi untuk mendorong usahawan-usahawan wanita luar bandar dan membantu mereka untuk membangunkan strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan terhadap perniagaan mereka sendiri.
- Tindakan 4: Jaringan PUANDESA akan diwujudkan untuk menggalakkan jaringan aktiviti-aktiviti usahawan wanita luar bandar.

(2) Pelan Tindakan Bagi KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan

Pelan Tindakan bagi KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan menetapkan empat tindakan utama dan cadangan pelan projek terperinci untuk pengukuhan keupayaan kakitangan pengembangan dan pengukuhan institusional.

- Tindakan 1: Meningkatkan sistem latihan dan melaksanakan kursus latihan untuk kakitangan pengembangan.
- Tindakan 2: Membangunkan keupayaan TAMU KPD demi untuk mengukuhkan jaringan PUANDESA.
- Tindakan 3: Meningkatkan keberkesanan Perkhidmatan Kredit-Mikro YUM kepada kaum wanita luar bandar dengan memperkenalkan penggunaan komputer dan menganjurkan seminar latihan teknikal kepada ahli-ahli.
- Tindakan 4: Mewujudkan badan penyelaras tetap di bawah penguasaan KPIM dan menerbitkan Pelan Induk PUANDESA supaya pelaksanaan pelan Induk tersebut dapat dijalankan dengan berkesan di samping

kerjasama dan koordinasi di kalangan agensi yang berkenaan dapat diperkukuhkan.

Pelan Induk dan Pelan-pelan Tindakan adalah diwujudkan oleh rakan kerjasama dari Sabah bersama-sama dengan Pasukan Pengkaji JICA seperti ditunjukkan dalam Jilid I Laporan Akhir PUANDESA.

SENARAI PENJELASAN ISTILAH PUANDESA

SENARAI PENJELASAN ISTILAH PUANDESA

Access:

Peluang kaum lelaki dan wanita untuk memiliki atau menggunakan sumber-sumber (makanan, kredit, teknologi dsb.) atau perkhidmatan (pendidikan, Kesihatan etc.)

AIM:

Amanah Ikhtiar Malaysia, agensi kewangan mikro yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia

Ais-Ais:

Istilah tempatan untuk sejenis penyakit rumpai laut yang disebabkan oleh kandungan garam yang rendah dalam air laut

BBEC:

Program Pemuliharaan biokepelbagaian dan ekosistem, dikendalikan dengan bantuan teknikal dari JICA.

Beneficiary:

Individu dan/atau kumpulan yang menerima faedah daripada projek ,program atau lain bentuk pembangunan dan/atau campurtangan yang terdesak

Bottom-up Approach:

Ia bermaksud campurtangan mesti dirancang dan dilaksana dengan penyertaan dari kedua-dua kaum lelaki dan wanita, dan diukur dari segi bagaimana campurtangan tersebut akan mempengaruhi kehidupan orang lain dengan cara yang bermanfaat kepada keutamaan mereka.

Buntui:

istilah tempatan untuk sejenis tumbuhan yam yang biasanya boleh diperolehi dari kawasan luar bandar.

Capacity Building:

Bentuk tindakan yang bertujuan untuk mengukuhkan pegawai-pegawai sesebuah negara, rakan kerjasama kebangsaan, dan NGO yang terlibat dalam pelaksanaan projek di negara-negara membangun

Constraints:

Halangan yang menyekat tindakan atau mengelakkan kemajuan

Control:

Dalam konteks pembangunan, “kawalan” merujuk kepada keupayaan untuk membuat keputusan terhadap sumber atau situasi

Decision-making:

Kawalan terhadap sumber-sumber tertentu, termasuk buruh atau proses pembangunan

Development:

Satu proses melalui mana kaum lelaki dan wanita, dengan darjah sokongan luaran yang berbeza, meningkatkan pilihan untuk memperbaiki kualiti kehidupan

DO:

singkatan untuk Pejabat daerah

DOA:

singkatan untuk Jabatan Pertanian

DOF:

singkatan untuk Jabatan Perikanan

DOVSAI:

singkatan untuk Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Empowerment:

Satu proses melalui mana kaum lelaki dan wanita berada dalam kedudukan yang tidak mendatangkan kebaikan dari

segi peningkatan memperoleh pengetahuan, sumber, kuasa membuat keputusan, dan meningkatkan kesedaran penyertaan dalam masyarakat, supaya dapat mencapai satu tahap kawalan terhadap persekitaran mereka

EPU:

singkatan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Sabah

Equality:

hak bagi lelaki dan wanita untuk hidup bebas dan sama rata sebagai manusia

FAMA:

singkatan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

GAD:

singkatan bagi Gender dan Pembangunan dan merupakan satu pendekatan pembangunan berdasarkan kepada persoalan pokok bahawa semua dasar, program dan polisi haruslah menggambarkan keperluan, keutamaan, peranan dan kesan yang berbeza dalam pembangunan ke atas lelaki dan wanita

GDI:

singkatan kepada Indeks Pembangunan Gender untuk mengukur samada variabel yang sama seperti HDI kecuali GDI diubah untuk ketidak samarataan gender dalam tiga aspek pembangunan manusia: harapan hidup, celik huruf dan pendaftaran kasar.

GDP:

singkatan bagi Produk Domestik Kasar

GEM:

singkatan untuk ukuran Pengkasaan Gender untuk meninjau ketidak sama rataan gender dalam lingkungan aktiviti ekonomi dan politik. Penyertaan ekonomi dan membuat keputusan adalah diukur mengikut peratus pentadbir dan pengurus wanita, dan

kakitangan profesional dan teknikal.

Gender:

Perbezaan antara wanita dan lelaki dalam isirumaha yang sama dan antara budaya yang dibentuk secara sosial dan budaya dan sentiasa berubah mengikut masa

Gender Analysis:

Satu analisis yang mendedahkan dan menekankan hubungan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat, serta ketidak sama rataan dalam perhubungan tersebut

Gender Awareness:

Pengiktirafan bahawa pengalaman hidup, pengharapan, keperluan wanita dan lelaki adalah berbeza, bahawa kerap kalinya, penglibatan mereka adalah tidak sama rata, dan tertakluk kepada perubahan

Gender Bias:

Tindakan memihak wanita (atau Lelaki) berdasarkan persepsi bahawa jantina bertentangan adalah tidak sama rata dan tidak mempunyai hak yang sama

Gender Equality:

Istilah yang menggambarkan perkongsian yang sama rata dari segi kuasa antara lelaki dan wanita, dalam hak memperoleh pendidikan, kesihatan, pentadbiran dan kedudukan pengurusan, pambayaran gaji yang setara bagi kerja yang antaranya, bernilai dan berkedudukan sama dalam parlimen

Gender Equity:

Pengagihan yang adil terhadap sumber dan manfaat antara lelaki dan wanita, berdasarkan kepada norma dan nilai budaya

Gender Gap:

Jurang antara (diukur secara kuantitatif) wanita dan lelaki, dari segi

pemilikan sumber, pendidikan, kesihatan atau kuasa

Gender Mainstreaming:

gender merupakan satu dimensi yang harus digabungkan ke dalam semua dasar, dan perancangan dan proses pembangunan. Ia patut disatukan dalam aliran yang sama dan tidak harus dipertimbangkan sebagai isu yang berasingan

Gender Sensitivity:

Pemahaman dan pertimbangan faktor sosio-budaya yang menjadi diskriminasi berasaskan jantina

Gender Training:

Aktiviti mengajar yang bertujuan untuk membangunkan satu persefahaman yang umum mengenai dasar dan konsep gender, dan juga kemahiran membuat sasaran, penyertaan penerima manfaat dan pengesanan gender yang sama rata

HDI:

singkatan untuk Indeks Pembangunan Manusia untuk mengukur pencapaian sesebuah negara dalam tiga aspek pembangunan manusia: jangkakan hidup kelahiran, kadar celik huruf dewasa, dan nisbah kombinasi pendidikan sekolah rendah, menengah dan tinggi

Household Headed by Women:

Isirumah di mana wanita dewasa menjadi penerima pendapatan dan pembuat keputusan utama atau tunggal

IDS:

singkatan untuk Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (Sabah)

Income:

satu perolehan biasanya diukur dari segi wang yang diperolehi dari modal atau buruh, jumlah perolehan diterima oleh individu dalam masa yang

ditentukan

JHEWA:

singkatan untuk Jabatan Hal Ehwal Wanita bagi Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Sabah

JICA:

singkatan untuk Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun

JKKK:

singkatan untuk Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung

Kampung:

istilah Melayu untuk kampung

KPD:

singkatan untuk Korporasi Pembangunan Desa, Sabah

KPLB:

singkatan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KEMAS:

singkatan untuk Unit Pembangunan Masyarakat, salah satu daripada projek di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan Negeri Sabah

KPWN:

singkatan untuk Kumpulan Kemajuan Tani wanita yang disokong oleh DOA

Livelihood:

bermakna kaedah sokongan atau sara diri,; stok makanan dan wang yang cukup untuk memenuhi keperluan

MAFI:

Singkatan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah

MARA:

singkatan bagi Majlis Amanah Rakyat

MARDI:

Singkatan bagi Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian

MPWS:

singkatan bagi Majlis Penasihat Hal

Ehwal Wanita

NPA3:

singkatan bagi Dasar Pertanian
Kebangsaan Ketiga

RM:

singkatan bagi Ringgit Malaysia

NGO:

singkatan bagi Organisasi bukan
kerajaan

OISCA:

sebuah NGO yang ber-ibu pejabat di
Jepun dan mempunyai pengalaman
yang luas dari segi pembangunan
pertanian

OPP3:

singkatan bagi Rangka Kerja Pelan
Perspektif Ketiga

OPPS:

singkatan bagi Rangka Kerja Pelan
Perspektif Sabah

Ownership:

hak memiliki, mempunyai kawalan
terhadap sumber tertentu

Padi:

istilah Melayu untuk padi

PACOS:

singkatan bagi Rakan kongsi Organisasi
Masyarakat, Sabah, salah satu dari
NGO tempatan yang aktif di Sabah

Participation:

dalam konteks pembangunan,
penyertaan merujuk kepada individu,
kumpulan, masyarakat dan institusi
yang mengambil bahagian dalam proses
membuat keputusan berkaitan dengan
usaha pembangunan mereka.

PCM:

singkatan bagi Pengurusan Kitaran
Projek, salah satu daripada kaedah
pengurusan projek

PGN:

Singkatan untuk Keperluan Praktikal

Gender, keperluan yang dimiliki oleh
lelaki dan wanita yang timbul dari
peranan gender, yang mana mudah
dikenalpasti seperti penjagaan kesihatan,
pekerjaan, ait makanan. Amanat PGN
yang sedia ada telah memungkinkan
lelaki dan wanita memainkan peranan
gender dengan mudah dan berkesan

PKKM:

singkatan untuk Perbadanan Kemajuan
Kraftangan Malaysia

PKT:

singkatan bagi Unit Pembangunan
Keluarga Tani sokongan DOA

PLA:

Asingkatn bagi Pembelajaran
Penyertaan dan Tindakan, salah satu
daripada cara penyertaan

PLI:

singkatan untuk Garis Pendapatan
Kemiskinan

PRA:

singkatan bagi Penialain Penyertaan
luar Bandar, salah satu daripada cara
penyertaan

Production:

Pengeluaran barangan dan
perkhidmatan untuk mendapatkna
pendapatan atau sara diri. Usaha
sedemikian paling diiktirafkan dan
dinilai sebagai kerja oleh individu dan
masyarakat

PUANDESA:

singkatan bagi Kajian ini dan singkatan
untuk “Meningkatkan Keusahawanan
Wanita Luar Bandar di Sabah” dalam
Bahsa Melayu

Ramadan:

Bulan puasa orang-orang Muslim

Reproductive Activity:

Penjagaan dan penyenggaraan isirumah

dan ahli-ahlinya, seperti memasak, membasuh, membersihkan, mengasuh, melahirkan anak, dan menjaga mereka, membina dan menyenggara tempat perlindungan. Usaha sedemikian adalah perlu tetapi jarang diiktiraf sebagai mempunyai nilai yang sama dengan kerja-kerja produktif

Resource:

Dalam konteks pembangunan, sumber merujuk kepada orang yang menggunakan atau mungkin berpotensi digunakan supaya dapat aktiviti-aktiviti dapat dilaksanakan, seperti tanah, benih, pokok tumbuhan, kredit, teknologi dan perkhidmatan

Rural area:

menurut Jabatan Statistik Malaysia, “kawasan luar bandar” merangkumi semua kawasan yang tidak disenaraikan sebagai “kawasan bandar”, yang didefinisikan sebagai “kawasan gazet” dengan kawasan pembinaan yang mempunyai kepadatan penduduk seramai 10,000 atau lebih mengikut banci penduduk pada tahun 2000

Rural Women Entrepreneurs:

didefinisikan, dalam Kajian, sebagai “kaum wanita yang menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar secara individu atau dalam kumpulan, di mana wanita tersebut 1) memainkan peranan utama, 2) mempunyai tanggungjawab untuk membuat keputusan dan 3) menerima pendapatan dari pelaksanaan aktiviti-aktiviti

SAP:

singkatan bagi Dasar Pertanian Sabah

SAWO:

singkatan untuk Kumpulan Sumber

Tindakan Wanita Sabah, salah satu NGO tempatan yang aktif di Sabah

SCC:

singkatan untuk Perbadanan Kredit Sabah

Sex:

ciri-ciri biologi sebagai lelaki dan wanita yang ditentukan melalui genetik

SGN:

singkatan bagi Keperluan Strategik Gender, keperluan yang dikenalpasti oleh lelaki dan wanita oleh kerana hubungan yang tidak sama rata dan dengan itu, digambarkan dalam perubahan hubungan kuasa dan kawalan antara wanita dan lelaki.

Socialization:

pengaliran idea-idea, kepercayaan, norma dan kelakuan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Keadaan ini diperkukuhkan oleh institusi seperti pendidikan, agama, seni dan media masa

SPS:

singkatan untuk Pejabat pelancongan Sabah

Stakeholder:

peserta-peserta dan/atau orang yang dipengaruhi oleh hasil pelaksanaan sesuatu aktiviti atau projek

STB:

singkatan bagi Lembaga Pelancongan Sabah

SWEPA:

singkatan bagi Persatuan Profesional dan Keusahawanan Wanita Sabah

SWOT:

singkatan untuk Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Halangan, salah satu daripada kaedah analisis penyertaan

Tamu:

istilah tempatan Sabah untuk pasar terbuka

Tontine:

juga dikenali sebagai “kuku,” sejenis kumpulan pemberi pinjaman

Target Group:

Dalam konteks pembangunan, ini merupakan satu kumpulan yang akan mengambil bahagian dan sebagai penerima manfaat daripada pelaksanaan projek dan program

TSEP-RLI:

singkatan bagi Projek Pengukuhan Perkhidmatan Latihan untuk Pembangunan Luar Bandar, projek untuk meningkatkan kemahiran pengembangan, bermula dengan kerjasama teknikal JICA di Negara Filipina

TEKUN:

Yayasan Kebangsaan TEKUN, agensi kewangan mikro yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia

UN:

singkatan untuk Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu

Urban area:

menurut Jabatan Statistik Malaysia, “kawasan bandar” adalah didefinisikan sebagai kawasan digazet untuk kawasan pembinaan yang mempunyai penduduk lebih kurang seramai 10,000 orang atau lebih dalam banci penduduk tahun 2000

WID:

singkatan bagi Wanita Dalam Pembangunan, satu pendekatan yang dibangunkan dalam awal tujuh puluhan untuk menumpukan lebih banyak sumber pembangunan kepada kaum wanita

YUM:

singkatan bagi Yayasan Usaha Maju, yayasan untuk kewangan-mikro di bawah KPIM

Appendix 1

List of PUANDESA Study Members

- (1) Steering Committee
- (2) Technical Committee
- (3) Taskforces
- (4) JICA Study Team

STEERING COMMITTEE

NO	NAME	POSITION	AGENCY
1	Datuk Abidin Madingkir	Permanent Secretary (Chairman)	MAFI
2	Hj. Pgn. Gamok Hj. Pgn. Gamok	General Manager	KPD
3	En. Awang Besar Hj. Mohd. Yusof	Assistant Director Human Resources	EPU
4	Hj. Mohd. Dos Hj. Ismail	Deputy General Manager (Leader of Counterpart)	KPD
5	En. Haji Dandan Alidin	Deputy Director (Co-Leader of Counterpart)	DOA
6	En. Daim Hj. Basrun	Deputy Director	DOF
7	En. Juif Adzim	Managing Director	YUM
8	En. Mohd. Sayuti Abdullah	Assistant Director	KPLB
9	En. Zainal Abidin Che Pa	Director	PKKM
10	Hjh. Siti Sapoo Hj. Ahok	Director	UHEWS
11	Hjh. Dayang Rayani Hj. Awang Hamit	Agricultural Officer	DOA
12	Pn. Nemy Ontol	Human Development Supervisor	KPD
13	Mr. Yutaka Hirata	Consulate-General	Consulate of Japan

TECHNICAL COMMITTEE

NO	NAME	POSITION	AGENCY
1	Hj. Mohd. Dos Hj. Ismail	Deputy General Manager (Chairman)	KPD
2	En. Haji Dandan Alidin	Deputy Director (Co-Chairman)	DOA
3	Dr. Ahmad Sade	Fishery Officer	DOF
4	En. Abdul Hamid Sani	Deputy Managing Director	YUM
5	Pn. Ahadiah Mohd. Khairi	Deputy Director	FAMA
6	En. Mustafa Alba Haji Ibrahim	Deputy Director	PKKM
7	En. Mohd. Sayuti Abdullah	Assistant Secretary	KPLB
8	Pn. Hajjah Subiah Laten	Deputy Director	UHEWS
9	En. Salahuddin Tambi	Research Officer	MARDI
10	Pn. Hjh. Dayang Rayanah Hj. Ag. Hamit	Agricultural Officer	DOA
11	Pn. Nemy Ontol	Human Development Supervisor	KPD
12	Pn. Silvia Edward	Assistant Agricultural Officer	DOA
13	Mr. Ribin Wahid	State Deputy Director	FAMA
14	Pn. Daisy Livinu	Training Officer	YUM
15	Ms. Theresa Moguil	Executive Officer (Marketing)	KPD
16	En. Abdul Malek Chua	Planning Officer	KPD
17	Ms. Adeline Chee	Executive Officer	KPD
18	En. Sanseh Masi	Administrative Officer (Handicraft)	KPD
19	En. Rainal Lasumin	Training Officer	KPD
20	Pn. Maimunah Mohd. Shariff	Executive Officer (Property & Procurement)	KPD
21	Pn. Rosmiah Fauzi Rahman	Executive Officer (Training)	KPD
22	Pn. Jamilah Lee	Agricultural Officer	KPD

23	Haji Darus Nasir	Socio-Eco Development Unit	Yayasan Sabah
24	En. Freddy Rantau	Deputy Managing Director I	YUM
25	En. Patrick Mojinun	Assistant District Officer	Sub- District Office, Matunggong, Kudat
26	Cik Noraini Khan	General Manager	SPS
27	En. Taha Sulaiman	Group Managing Marketing	KPD
28	En. Salahuddin Tambi	Research Officer	MARDI
29	Cik Jabidah Jacob Yong	Officer in Charge of Bantayan Breeding Center	DOVSAI
30	Puan Asnah Hj. Tahlil	Senior Supervisor	KEMAS
31	En. Benjamin Subinon	Senior Project Manager	KPD
32	Pn. Fiona Lee	Trade & Merchandising Manager	SPS
33	En. Irman Isnain	Assistant Fisheries Officer	DOF
34	Pn. Janet Grace Asing	Agricultural Officer	DOA
35	Pn. Jita Gimin	Research Officer	IDS

PILOT PROJECT TASKFORCE MEMBERS

Projek Perintis 1 – Berfikir dan bokerja bersama dengan wanita luar bandar

1. Puan Nemy Ontol (Ketua)
2. Puan Winnie Yee (Penolong Ketua)
3. Encik Mohd. Sayuti Abdullah
4. Hajjah Subiah Laten
5. Hajjah Dayang Rayanah Awang Hamit
6. Puan Maimunah Mohd. Shariff
7. Puan Rosmiah Fauzi Rahman
8. Cik Adeline Chee
9. Cik Daisy Livinu
10. Puan Jamilah Lee
11. Puan Jita Gimin

Projek Perintis 2 – Menubuhkan satu pusat khidmat setempat untuk usahawan wanit luar bandar

1. Hajjah Subiah Laten (Ketua)
2. Encik Mohd. Sayuti Abdullah (Penolong Ketua)
3. Puan Nemy Ontol
4. Puan Winnie Yee
5. Hajjah Dayang Rayanah Hj. Awang Hamit
6. Puan Maimunah Mohd. Shariff
7. Puan Rosmiah Fauzi Rahman
8. Cik Adeline Chee
9. Cik Daisy Livinu
10. Puan Jamilah Lee
11. Puan Jita Gimin

Projek Perintis 3 – Penggunaan produk san sumber-sumber yang tidak terpakai

1. Encik Mustafa Alba Hj. Ibrahim (Leader)
2. Encik Abdul Hamid Sani (Co-Leader)
3. Encik Mohd. Sayuti Abdullah
4. Encik Sansah Masi
5. Puan Asnah Hj. Tahlil
6. Hajjah Dayang Rayanah Hj. Awang Hamit
7. Puan Fiona Lee
8. Puan Masneh Abdul Ghani

Projek Perintis 4 – Pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut

1. Dr. Ahemad Sade (Ketua)
2. Encik Irmain Isnain
3. Encik Ruzlee Jumatn
4. Encik Sairin Samin
5. Haji Burahan B. Haji Madtarasan
6. Encik Ibni Hasim B. Abd. Rajun
7. Encik Maidin Osman
8. Encik Abdul Nutis Abd. Pulis
9. Encik Mohd. Tahir Haji Ahmad

Projek Perintis 5 – Pembaikan dan inovasi fungsi TAMU

1. Encik Taha Sulaiman (Ketua)
2. Encik Ribin Wahid (Ketua)
3. Puan Silvia Edward
4. Puan Jabidah Jacob Yong
5. Cik Theresa Moguil
6. Encik Abdul Malek Chua

Project 6 – Mempromosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat

1. Encik Patrick Mojinun (Ketua)
2. Encik Mustafa Alba Haji Ibrahim
3. Encik Mohd. Sayuti Abdullah
4. Cik Noraini Khan
5. Puan Fiona Lee
6. Encik Allen Chia
7. Cik Theresa Moguil
8. Encik Madilious Maradan
9. Puan Linda Mogesal
10. Encik Benjamin Subinon
11. Encik Jamru Haji Mohd.

Projek Perintis 7 – Meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah penyertaan bersama dalam perancangan projek

1. Hajjah Dayang Rayanah Hj. Awang Hamit (Ketua)
2. Puan Winnie Yee (Penolong Ketua)
3. Hajjah Subiah Laten
4. Encik Mohd. Sayuti Abdullah
5. Puan Nemy Ontol
6. Puan Maimunah Mohd. Shariff
7. Puan Rosmiah Fauzi Rahman

8. Cik Adeline Chee
9. Cik Daisy Livinu
10. Puan Jamilah Lee
11. Puan Jita Gimin

Projek Perintis 8 – Mengukuhkan badan koordinasi pengupayaan wanita luar bandar

- Haji Mohd. Dos Haji Ismail (Pengerusi)
- Haji Mohd. Dandan Haji Alidin (Advisor)

Technical Committee Members

Projek Perintis 9 – Pengukuhan jaringan organisasi promosi kraftangan

1. Encik Mustapha Kula (Ketua)
2. Encik Mustafa Alba Hj. Ibrahim
3. Encik Abdul Hamid Sani
4. Encik Mohd. Sayuti Abdullah
5. Encik Sanseh Masi
6. Puan Asnah Hj. Tahlil
7. Hajjah Dayang Rayanah Hj. Awang Hamit
8. Puan Fiona Lee
9. Puan Masneh Abdul Ghani

Project 10 – Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kredit-mikro untuk usahawan wanita luar bandar

1. Encik Freddy Rantau (Ketua)
2. Encik Jayari Misuari (Penolong Ketua)
3. Cik Daisy Livinu
4. Puan Floria Talibam
5. Encik Jason Chin
6. Encik Alius Romantis
7. Encik John Pansiol
8. Encik Sibli Uli
9. Encik Bindai Sandau
10. Encik Jeffrey Kuah
11. Encik Rabidin Damit
12. Encik Francis Lanjat

Project 11 – Meningkatkan kefahaman dan sokongan pembuat dasar

- Datuk Abidin Madinkir (Pengerusi)

Steering Committee Member

JICA STUDY TEAM

NO	NAME	POSITION
1	Ms. Yoko Ishida	Gender/Rural Development Specialist (Study Team Leader)
2	Ms. Mika Matsumura	Small-Scale Business Administration Specialist (Study Team Sub-Leader)
3	Ms. Noriko Furutani	Institution, Gender and Rural Development Specialist
4	Mr. Soichi Takai	Agriculture (Product) Processing Specialist
5	Mr. Toshiyuki Saito	Agriculture (Food) Processing Specialist
6	Mr. Masato Kuroda	Handicraft Specialist
7	Ms. Yuki Kobayashi	Institution & Finance Specialist
8	Mr. Masafumi Ikeno	Extension Specialist
9	Ms. Maiko Ohtsuru	Study Team Coordinator
10	Ms. Sayaka Ikeno	Study Team Coordinator
11	Ms. Genevieve Roman	Research Assistant
12	En. Neil N. Sagidon	Research Assistant
13	Ms. Marina Sham	Research Assistant
14	Ms. Julia Nito	Research Assistant
15	Pn. Winnie Yee	Local Consultant
16	Mr. Tang Twen Poh	Local Consultant

Appendix 2

Wrap-up Report of the Pilot Projects

PROJEK PERINTIS 1 : BERFIKIR DAN BEKERJA BERSAMA DENGAN WANITA LUAR BANDAR

Disediakan oleh Nemy Ontol dari KPD

Ketua Projek Perintis 1

1-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Projek Perintis 1 bertujuan untuk mengukuhkan sistem pengembangan untuk bekerja bersama wanita luar bandar di kawasan terpencil. Projek ini dijangka dapat membekalkan peluang untuk memahami lebih mendalam mengenai aktiviti-aktiviti pengembangan di kampung terpencil dan mencari langkah untuk meningkatkan kesedaran wanita luar bandar melalui pengukuhan perkhidmatan pengembangan. Projek ini akan mengenalpasti kes-kes contoh untuk mengukuhkan aktiviti kumpulan wanita luar bandar dan untuk mewujudkan “wanita luar bandar yang berfikir dan bekerja serta bantu diri sendiri” Projek ini memfokuskan kepada perkhidmatan pengembangan untuk kampung-kampung terpencil yang termasuk dalam kelompok 5 dan 6 Komponen latihan untuk kakitangan pengembangan adalah diliputi dalam Projek Perintis 7. Objektif dan aktiviti-aktiviti projek ini adalah diringkaskan dalam rekabentuk matrix projek (PDM) di Jadual 1-1 manakala pelan pelaksanaan adalah ditunjukkan dalam Jadual 1-2.

Objektif utama projek ini ialah:

- (1) Mengkaji semula perkhidmatan pengembangan yang sedia ada dan garis panduan latihan perkhidmatan pengembangan;
- (2) Mengadakan bengkel-bengkel latihan dalam kerja untuk kakitangan pengembangan DOA, Penunjuk ladang KPD dan juga kumpulan sasaran wanita luar bandar;
- (3) Mesyuarat tetap dan khidmat nasihat dengan kumpulan wanita luar bandar;
- (4) Bengkel bersama pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli masyarakat; dan
- (5) Merancang dan melaksanakan projek berskel kecil-kecilan dengan kumpulan wanita luar bandar.

Aktiviti projek adalah dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Projek Perintis 1 di bawah penyeliaan dan pengesanan oleh Pasukan Petugas Gender. Jabatan Pertanian (DOA) yang di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan(KPIM),Sabah merupakan agensi yang mengetuai projek tersebut.

Kawasan sasaran projek ini ialah Daerah Pitas yang merupakan daerah yang terletak di “kawasan kemiskinan” negeri Sabah. Empat kampung yang terlibat ialah Kampung

Pandan-Mandamai, Mandamai, Pandan dan Lugu. Kampung-kampung ini dipilih sebagai kampung sasaran selepas lawatan dan analisa keadaan kampung tersebut diadakan oleh pasukan petugas projek. Projek ini dibahagikan kepada dua kumpulan sasaran iaitu i) kakitangan pengembangan (dua dari DOA dan 3 pembantu ladang KPD) yang meliputi Daerah Pitas dan ii) ketua-ketua kumpulan wanita yang dipilih di kalangan kampung sasaran.

Peranan dan tanggungjawanan individu dan agensi yang berkenaan adalah seperti berikut::

1) Pasukan Petugas

- Merancang, melaksana, mengesan dan menilai aktiviti-aktiviti dan latihan
- Berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan dan kemahiran dengan Pasukan pengkaji JICA
- Menyelaras bengkel dan melatih kakitangan pengembangan dalam memudahcara bengkel
- Mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
- Menyediakan laporan pengesanan bulanan.

2) Kakitangan Pengembangan

- Membekalkan modul latihan kemahiran dan kesedaran kepada kumpulan sasaran
- Memudahcara bengkel

3) Ketua dan penolong ketua kumpulan wanita bagi kumpulan sasaran

- Menggalakkan dan memimpin ahli dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti projek
- Menganjur dan mengurus pelaksanaan projek berskel kecil-kecilan.

Pengesanan projek akan dilaksanakan oleh Pasukan Petugas mengikut petunjuk-petunjuk yang dipaparkan dalam PDM dan keputusan pengesanan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal melalui Pasukan Petugas Gender.

1-2 **AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

1-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

Sebanyak lima bengkel telah dijalankan dengan kumpulan sasaran dari Kampung Pandan Mandamai, Mandamai, Pandan dan Lugu. Sepanjang lima bulan yang lepas dari Oktober 2003 hingga Februari 2004 pelaksanaan bengkel bertujuan untuk i) projek permulaan dan

persefahaman bersama; ii) perbincangan mengenai kelemahan dan kekuatan kumpulan; iii) penyediaan peta sumber; iv) peningkatan kesedaran wanita luar bandar mengenai kehidupan dan peranan sebagai manusia dan wanita dalam keluarga dan masyarakat mereka; dan v) belajar dari kakitangan pengembangan Jepun dan penilaian separuh penggal. Pelaksanaan bengkel adalah dirancang dan dimudahcarakan oleh ahli Pasukan Petugas projek. Pasukan petugas dipimpin oleh pakar perunding tempatan yang berpengalaman dan pakar dalam pendekatan gender serta pembangunan masyarakat di samping tenaga pengajar sumber pembangunan manusia dari KPD. Manakala kakitangan pengembangan pula, bertanggungjawab terhadap penglibatan wanita luar bandar dalam aktiviti yang dilaksanakan

Ahli kumpulan sasaran sangat berminat untuk menyertai projek tersebut. Akan tetapi, kumpulan sasaran jarang bekerjasama dengan pakar dari luar sebelum ini. Mereka menyatakan mereka tidak pernah berbincang atau diminta untuk membincangkan masalah sendiri maupun kumpulan. Terdapat seorang kakitangan pengembangan DOA yang bertanggungjawab untuk menerapkan kemahiran pengeluaran pertanian kepada petani-petani di Kampung Mandamai manakala seorang lagi kakitangan pengembangan wanita pula bertanggungjawab dalam PKT (farm family development) melawat sebanyak sekali dalam tiga bulan ke kampung tersebut.

Pada peringkat permulaan, kumpulan sasaran berasa segan untuk berkomunikasi dan pasukan petugas mengambil masa yang agak lama untuk berbincang dan memastikan mereka memahami matlamat kami. Selepas beberapa lawatan dan bengkel selama 5 bulan, barulah kumpulan sasaran mula mengatakan mengenai keluarga mereka, kehidupan mereka, keadaan hidup dan apa yang mereka ingin lakukan dengan cara yang mesra. Ini adalah kerana terdapat seorang ketua di kalangan mereka yang merupakan guru sekolah rendah. Usaha dan sikapnya yang komprehensif dan bekerjasama banyak menyumbang kepada jalinan mesra antara kumpulan sasaran dan pasukan petugas.

Ketua-ketua bagi tiga kumpulan tersebut telah menyertai bengkel latihan untuk membuat kertas dari sumber-sumber tidak terpakai yang dianjurkan oleh Projek Perintis 3. Mereka amat minat dengan aktiviti membuat kertas dari tumbuh-tumbuhan dan telah membentuk kumpulan di masyarakat tersebut.

Sebagai pelengkap kepada projek ini, pasukan petugas telah bekerjasama dengan projek pemuliharaan bio-kepelbagaian(bio-diversity conservation project) dan Kementerian Pelancongan Sabah untuk mewujudkan satu kes modul bagi mempromosikan program "home-stay" di perkampungan terpencil yang terletak berhampiran dengan kawasan hutan simpanan negeri. Mereka telah mengadakan beberapa mesyuarat untuk

membincangkan mengenai kerjasama dan membentuk satu jadual pelaksanaan.

1-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

Sepanjang bulan March hingga Oktober, 2003, tujuh mesyuarat, bengkel dan sesi khidmat nasihat telah diadakan bersama kumpulan sasaran di Kampung Pandan Mandamai, Mandamai, Pandan dan Lugu di samping mesyuarat bersama kakitangan pengembangan DOA di Pitas. Bengkel tersebut adalah mengenai pembentukan dan pengukuhan kumpulan seperti menetapkan undang-undang dan peraturan, kepimpinan dalam kumpulan dan perancangan untuk projek berskel kecil-kecilan (small-scale projects (SSP)). Selain dari itu, mesyuarat dengan kakitangan pengembangan DOA (PKT dan kakitangan pengembangan) ialah mengenai penetapan sistem pengesanan SSP untuk kumpulan wanita luar bandar.

Pada peringkat permulaan, kumpulan sasaran menghadapi kesukaran memahami dan menyediakan cadangan projek. Pada asasnya, mereka tahu apa kehendak mereka, tetapi sukar untuk menentukan keutamaannya. Mereka tidak terlatih dari segi membuat cadangan projek. Ada sebilangan kecil wanita yang berpengalaman bekerja dalam kumpulan tetapi tidak pernah terlibat dalam menetapkan undang-undang dan peraturan. Bagi perancangan cadangan projek berskel-mikro, setiap kumpulan telah menyediakan cadangan berikut:

- 1) Kumpulan Kampung Mandamai: Kilang Beras dan Membuat Kertas
- 2) Kumpulan Kampung Pandan Mandamai : Pemprosesan Makanan
- 3) kumpulan Kampung Pandan dan Lugu : Menjahit dan Membuat Kertas

Semua cadangan projek berskel-mikro telah diluluskan selepas pembentangan kepada pasukan petugas. Setiap kumpulan telah diberi RM 5,000.00 untuk memulakan projek mereka. Selain itu, tunai petty sebanyak RM 100.00 telah diberikan kepada setiap kumpulan untuk pembelian bahan-bahan, mendapatkan sebut harga dan lain-lain. Kumpulan Kampung Pandan Mandamai dan Kampung Pandan Lugu berjaya mempamer dan menjual produk mereka semasa lawatan Pasukan Petugas Gender ke kawasan tersebut. Kumpulan wanita berasa begitu gembira dan bersemangat untuk meneruskan aktiviti mereka meskipun kualiti produk mereka perlu ditingkatkan.

Kertas hasil buatan mereka juga telah dipamerkan semasa perayaan Pesta Menuai pada bulan Mei 2003 di Kota Kinabalu. Mereka yang menghasilkan mutu kertas yang menggalakkan juga dijemput untuk menyertai pameran tersebut. Mereka diberi peluang untuk melawat ke beberapa kedai kraftangan di sekitar Kota Kinabalu. Mereka juga membeli sampel kraftangan tersebut sebagai panduan untuk mewujudkan rekabentuk dengan kreativiti dan kumpulan etnik mereka sendiri. Daya kreativiti dan keyakinan diri kini

semakin menonjol di kalangan kumpulan ini. Walau bagaimana pun, kualiti kertas tersebut masih dibawah permerhatian kerana banyak pembaikan perlu dibuat.

Pada bulan berikutnya, mereka berpeluang untuk menyertai Pesta Buah-buahan dan Hari Peladang Peringkat Negeri yang diadakan di Kota Kinabalu dan Papar masing-masing. Mereka menunjukkan bagaimana membuat kertas dari daun tumbuh-tumbuhan di samping menjual produk kertas(kertas dan bookmarks) kepada pelanggan. Selepas meningkatkan kualiti kertas, mereka mendapat penghargaan dari para pelawat. Pada bulan September 2003, salah seorang ahli dari kumpulan Kampung Mandamai telah dipilih menyertai lawatan ke Manila, Filipina. Beliau berpeluang melawat banyak kedai kraftangan dan pengalamannya telah dikongsi bersama dengan ahli-ahli projek perintis PUANDESA. Dengan pengalamannya, beliau bercadang untuk memulakan aktiviti kraftangan etnik di kampungnya sendiri.

Penyertaan kakitangan pengembangan DOA lebih aktif selepas mesyuarat di pejabat mereka. Lebih banyak soalan dan penjelasan dikemukakan. Selepas itu, tanggungjawab untuk melawat dan bermesyuarat dengan wanita luar bandar telah ditugaskan kepada mereka. Pasukan Petugas Gender mengesan dan memberi khidmat nasihat mengenai dalam bidang ini manakala latihan rasmi adalah diberi melalui Projek Perintis 7.

Semasa bulan Oktober, 2003, Persidangan Penilaian selama dua hari telah diadakan di Kota Kinabalu di manan kebanyakan wanita luar bandar dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka. Setiap Projek Perintis diminta untuk membentangkan pembelajaran dan penemuan dari pelaksanaan projek masing-masing. Bagi Projek Perintis 1, ramai wanita luar bandar yang mengambil bahagian melalui perkongsian pengalaman, pembelajaran dan penemuan melalui sesi drama pendek. Dari drama tersebut ,jelas kelihatan peningkatan dalam pembangunan diri dan apa yang telah mereka perolehi dari pelaksanaan projek tersebut.

Kemudian penilaian akhir Projek Perintis 1 telah diadakan bersama wanita luar bandar. Penilaian tersebut telah dikendalikan oleh Projek Perintis 7 di mana mereka menggunakan pengalaman diperolehi sebagai sebahagian dari latihan tersebut dan mereka diselia oleh Pasukan petugas Gender.Walau pun kumpulan wanita ini berasa sedih kerana JICA akan menamatkan Kajian , namun mereka berjanji untuk meneruskan aktiviti-aktiviti mereka dengan atau tanpa kehadiran JICA tetapi meminta agar Pauskan Petugas Gender dapat terus memberi sokongan panduan kepada mereka.

1-3 PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PENGALAMAN DIPELAJARI

Sepanjang tiga bulan bermesyuarat dan bengkel dengan wanita, banyak perubahan dan

kemajuan telah tercapai. Antaranya ialah keyakinan diri yang dipapaskan semasa abercakup di depan dan berkomunikasi dengan orang lain. Mereka nampak selesa dan boleh membuat pembentangan semasa bengkel.

Pembangunan wanita bukan lagi di fasa yang sama. Ia bergantung kepada abanyak bahagian. Sebagai contoh, pemimpin yang baik, jenis aktiviti yang dipilih, harapan ahli, keupayaan dan sebagainya. Lebih banyak mesyuarat dan khidmat nasihat serta panduan perlu diadakan untuk menyelaraskan semula kumpulan. (contoh, menstruktur semula jawatankuasa pegawai sehingga sesuai untuk ahli-ahli, mengkaji semula undang-undang dan peraturan, menyusun semula aktiviti-aktiviti yang dirancang) Kemudian, latihan kemahiran asas untuk wanita luar bandar supaya mereka dapat bersaing untuk melaksanakan projek yang dipilih. Kumpulan Pandan Mandamai mempelajari bagaimana membuat makanan ringan dari daun pisang, ubi kayu dan kacang; Kumpulan Pandan Lugu pula menyertai kursus menjahit dan memulakan projek mereka. Latihan kemahiran adalah diberikan oleh kakitangan pengembangan DOA.

Kakitangan pengembangan digalakkan untuk menyertai dan memudahcara aktiviti bersama dengan Pasukan Petugas Gender. Kakitangan pengembangan perlu menjalankan tugas sedemikian kerana mereka lebih dekat dan mudah berhubung dengan wanita luar bandar. Selain itu, pendekatan sedemikian akan membolehkan mereka menjalankan pengesanan aktiviti wanita luar bandar dengan lebih berkesan.

Selepas setahun bermesyuarat, bengkel dan khidmat nasihat serta panduan dengan kumpulan wanita dan kakitangan pengembangan, perubahan dan pembangunan peringkat demi peringkat telah diperhatikan.

(1) Peserta-peserta

- 1) Subjek harian tidak boleh melebihi dari 2 tajuk kerana peserta akan berasa terkeliru.
- 2) Setiap kumpulan mempunyai fasa pembangunannya tersendiri dan tidak boleh didesak melebihi keupayaan mereka. Kakitangan pengembangan dan pemudahcara mesti mengambil perhatian tentang fasa pembangunan mereka. Penyelarasan yang baik, mesyuarat dan khidmat nasihat yang kerap akan mempercepatkan pembangunan.
- 3) Para peserta perlu diberi ruang untuk menyertai secara sukarela dan memilih kumpulannya. Pemudahcara perlu menarik perhatian kumpulan untuk memfokuskan kepada keperluan kumpulan.
- 4) Pembelajaran subjek yang sukar seperti cadangan projek memerlukan lebih banyak masa dan latihan bagi peserta-peserta untuk memahami, mendalami dan mengamalkan

- 5) Pendedahan dan pengalaman sememangnya mengukuhkan kreativiti dan merupakan sebahagian dari motivasi. Susulan adalah penting apabila tahap motivasi meningkatkan peluang pembangunan.
- 6) Kaedah penyertaan adalah amat berkesan untuk menerap pembelajaran. Mereka gembira dengan aktiviti yang diperkenalkan oleh pemudahcara dan mereka boleh mengingatnya dengan baik.
- 5) Kursus Pembangunan Manusia dan Kesedaran Gender adalah sangat penting untuk peserta untuk menyedari sikap mereka sebelum lain-lain aktiviti dimulakan. Ianya jelas sebagai alat untuk menyedarkan wanita mengenai keadaan dan potensi mereka sekarang, lalu dapat memberi keyakinan diri dan kekuatan untuk cabaran masa depan. Maka adalah penting untuk melaksanakan kursus sedemikian pada peringkat permulaan, sebelum ap-apa projek baru diperkenalkan kepada kumpulan wanita.

(2) Pemudah-pemudahcara

- 1) Para pemudahcara perlu membuat persediaan untuk subjek yang ditugaskan.
- 2) Mereka perlu banyak bersabar khasnya semasa mengendalikan bengkel.
- 3) Ketua dan pembantu ketua projek perintis perlu sentiasa bekerjasama. Bersedia dan mengetahui keadaan semasa dan fleksibel untuk mengatur semula jadual aktiviti mereka.
- 4) pemudahcara perlu mempelajari keadaan yang tidak dijangka akan berlaku semasa bengkel.
- 5) Kemahiran memudahcara adalah penting untuk menyelaras wanita khasnya dari pendekatan” bottom-up”.
- 6) Kakitangan pengembangan dan petugas ladang perlu dapat menghayati kesedaran Gender dan pendekatan penyertaan supaya pelaksanaan aktiviti dengan wanita dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- 7) Pemudahcara perlu bekerjasama sebagai satu pasukan, tertakluk kepada saiz kumpulan dan aktiviti hari tersebut.
- 8) Kumpulan wanita memerlukan modal permulaan yang asas untuk projek dan aktiviti projek berskel kecil-kecilan. Biasanya wanita mempunyai pendapatan yang rendah, jadi amat sukar untuk mereka membiayai aktiviti-aktiviti mereka.

1-4 RANCANGAN MASA DEPAN

Memandangkan pelaksanaan Projek Perintis semakin hampir tamat, penerusan aktiviti perlu dijalankan. Agensi rakan kerjasama perlu menjalankan tindakan segera untuk menruskan usahanya. Cadangan kami untuk Projek Perintis 1 ialah seperti berikut:

- 1) Latihan lanjutan untuk Pasukan Petugas Gender dan pembantu-pelatih.
- 2) Semua kakitangan pengembangan dan petugas ladang perlu memahami dan menggunakan gender dan pendekatan penyertaan bagi pelaksanaan projek dengan lebih berkesan. Maka, latihan lanjut dari segi teori dan praktikal adalah diperlukan.
- 3) Semua peringkat agensi pelaksana yang berkenaan perlu memahami pendekatan tersebut dan menggunakannya dalam program latihan supaya pelaksanaan projek boleh dijalankan dengan lancar. Agensi pelaksana perlu mewujudkan pasukan pelatih.
- 4) Pendekatan “bottom-up” adalah cara yang menggalakkan dan berkesan untuk pelaksanaan projek bagi kumpulan sasaran. Akan tetapi usaha ini memerlukan pakar untuk melaksanakannya. Dengan ini, satu garis panduan serta sokongan sepenuh masa untuk pihak pelaksana adalah amat diperlukan.

JADUAL 1-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 1 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>OVERALL GOAL: The target women groups in the target villages are to understand their roles and potentials and to start agro-related activities or any other activities to improve their living conditions.</p>	<p>1) No. and types of activities conducted by the target rural women groups 2) Leadership and ownership of the activities among the target rural women groups</p>	<p>1) Focus group interview with the target women groups 2) Focus group interview with the target women groups</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Related agencies are to continue to support the education and training activities in the isolated villages.
<p>PROJECT PURPOSE: The extension services for enlightening and educating rural women in improvement in their agro-related activities and living conditions in the target area is to be strengthened.</p>	<p>1) Qualitative and quantitative improvement of extension services among the target extension workers 2) Extent of changes of rural women's attitude and way of thinking on their roles and potentials</p>	<p>1) Interview with the target extension workers 2) Focus group interview with the target women groups</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The rural women in the target village are to well accept the skills and information provided by the extension services.
<p>EXPECTED OUTPUT: 1. The target extension workers trained and having experience of practicing the improved approaches of thinking and working with rural women. 2. The target women having opportunities to access the skills and information for improving their living conditions</p>	<p>1-1) Frequency and period of extension worker training 1-2) Frequency and contents of the regular meetings 1-3) Reputation among the targets 2-1) No. of rural women participating in the regular meetings 2-2) Extent of rural women's interest in the skills and information</p>	<p>1-1) Project monitoring report 1-2) Project monitoring report 1-3) Focus group interview 2-1) Project monitoring report 2-2) Focus group interview</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The improved approaches are to be well utilized by the extension workers and staff members.
<p>ACTIVITIES: 1-1 Reviewing the current extension services and the training guideline 1-2 Training workshops and on-the-job training of the extension workers 1-3 Planning, guidance, monitoring and evaluation of a small-scale project 1-4 Upgrading the training guideline 2-1 Regular meetings and consultation 2-2 Workshop with community members 2-3 Implementing a small-scale project</p>	<p>INPUT: [SABAH SIDE] 1) Personnel expenses 2) Communication 3) Expenses for meetings [JICA SIDE] 1) Fee for local consultants 2) Expenses for training and workshops 3) Cost for a small-scale project</p>		<ul style="list-style-type: none"> • The rural women is interested in the project activities. • The community members are to accept the project. <p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • DO and JKKs are to support the project. • Related agencies are to support the project.

JADUAL 1-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI PROJEK PERINTIS 1 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by	
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9
1	Preparation (1) Formulation of the taskforce team (2) Preparation of a detailed plan	Agreement on the project design Detailed plan	■													Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Selection of the target area/villages and the target groups	Target areas/villages and groups selected	■													Project team leader	TT, KPD, DOA and KPLB
3	Meeting with DO and JKJKs of the target villages	Agreement of the DO and JKJKs	■													Project team leader	TT
4	Conducting a preliminary workshop and a baseline survey	Current situation of the indicators	■													Project team leader	TT
5	Reviewing the current extension services and the training modules	Lessons learned	■													Project team leader	TT
6	Upgrading of the approaches of the extension services	Extension approaches upgraded	■													Project team leader	TT
7	Workshop and on-the-job training of the extension workers with the target groups	Trained extension workers		■												Project team leader	TT and extension workers
8	Regular meeting and consultation with the target groups	Rural women being educated							■							Extension workers leader	Extension workers
9	Workshop for mid-term evaluation	Lessons learned								■						Project team leader	TT and extension workers
10	Workshop with community stakeholders	Understanding of the community members														Project team leader	TT and extension workers
11	Workshop with the rural women for formulating a small-scale project plan	A small-scale project plan formulated														Project team leader	TT and extension workers
12	Implementation, monitoring and evaluation of the small-scale project	Rural women's experience of a project														Project team leader	TT and extension workers
13	Upgrading of the extension service guideline	Upgraded guideline and extension services														Project team leader	TT

JADUAL 1-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK PERINTIS 1

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Nemy Ontol	HRD, KPD
Co-leader:	Winnie Yee	Research Consultant
Book-keeper	Daisy Livinu	Training Officer, YUM
Coordinator	Maimunah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
Members:	Hjh. Dayang Rayanih Ag. Hamit	Head of PKT Section, DOA
	Mohd. Sayuti Abdullah	Assistant Secretary, KPLB
	Hjh. Subiah Hj. Laten	Research Unit, UHEWS
	Rosmiah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
	Adeline Chee	Executive Officer, KPD

BAB 2: PROJEK PERINTIS 2 – MENUBUHKAN SATU PUSAT KHIDMAT SETEMPAT UNTUK USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR (OSSC)

*Disediakan oleh Hajjah Subiah Laten dari JHEWA
Ketua Projek Perintis 2*

2-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Tujuan Projek Perintis 2 ialah untuk mengukuhkan keupayaan perhubungan wanita dengan maklumat asas dan program sokongan awam. Pada permulaannya, projek Perintis 2 telah berancang untuk menubuhkan satu contoh bagi pusat khidmat setempat di kampung untuk meningkatkan keupayaan berhubung dengan kemudahan untuk wanita luar bandar. Selepas beberapa perbincangan dengan kakitangan latihan KPLB, kesimpulan telah diberikan bahawa adalah lebih bermanfaat sekiranya ahli JKJK ditugaskan untuk tujuan tersebut daripada mewujudkan satu sistem yang baru kerana daya maju projek tersebut perlu diambilkira. Projek ini juga bertujuan untuk menggalakkan pendekatan penyertaan dalam meningkatkan aktiviti keusahawanan wanita luar bandar.

Ahli JKJK merupakan ketua masyarakat yang dilantik oleh kerajaan negeri di setiap kampung dan mereka inilah dijangka akan memainkan peranan penting dalam pusat khidmat setempat. Pusat ini akan berfungsi sebagai membekalkan maklumat mengenai peningkatan taraf hidup dan aktiviti berasaskan pertanian. Di samping itu, ia juga sebagai penyelaras kursus latihan dan bengkel dengan agensi-agensi berkenaan di samping kerjasama dari kakitangan pengembangan di kawasan tersebut. Kawasan sasaran termasuklah Kampung Pandan Mandamai, Mandamai, Pandan, Lugu, Kalipuon Laut dan Kalipuon Darat di daerah Pitas.

Komponen utama Projek Perintis 2 ialah melatih semua JKJK yang terlibat supaya mereka dapat membekalkan pusat khidmat setempat yang merangkumi maklumat yang diperlukan oleh wanita luar bandar yang ingin memulakan aktiviti pertanian dan/atau meningkatkan taraf hidup mereka. Adalah sangat penting untuk melatih ketua wanita supaya mereka mengetahui bagaimana memperolehi dan menggunakan pusat khidmat setempat JKJK yang baru diperkenalkan itu. Selain itu, Para JKJK pula perlu mewujudkan kerjasama dengan kakitangan pengembangan untuk membekalkan sokongan yang berkesan kepada wanita luar bandar. Maka dengan ini perkara seperti tanggungjawab kakitangan pengembangan dan agensi terlibat, bagaimana menyokong pusat khidmat setempat perlu dibincangkan dengan terperinci.

KPLB bercadang untuk memulakan satu program latihan baru untuk JKKK bagi meningkatkan pembangunan aktiviti-aktiviti ekonomi di kampung mulai tahun 2003. Projek ini akan bekerjasama dengan KPLB untuk meningkatkan modul latihan kepada JKKK dari segi konteks perkhidmatan setempat dan juga pertimbangan isu gender dan sosial. Ringkasan projek ini adalah ditunjukkan dalam rekabentuk matrix projek (PDM) dalam Jadual 2-1 dan pelan pelaksanaan yang terperinci adalah ditunjukkan di Jadual 2-2.

Aktiviti-aktiviti utama projek tersebut ialah:

- (1) Perbincangan dengan KPLB;
- (2) Mengkaji semula sistem latihan yang sedia ada dan modul untuk JKKK yang terlibat;
- (3) Penyediaan modul latihan mengenai fungsi perkhidmatan setempat;
- (4) Mengadakan bengkel permulaan dan kajian asas dengan kumpulan sasaran (semua JKKK terlibat dan ketua wanita);
- (5) Bengkel latihan dengan kumpulan sasaran atas kerjasama dengan Bahagian Latihan KPLB; dan
- (6) Bengkel Simulasi di kawasan sasaran.

Projek ini dilaksanakan oleh pasukan petugas Projek Perintis 2, yang mana pelaksanaan aktiviti merka akan diselia dan disenggarakan oleh Pasukan Petugas Gender. Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) dan KPLB merupakan agensi yang mengetuai projek ini.

Kawasan sasaran projek ini adalah sama dengan Projek Perintis 2 iaitu:empat kampung di Daerah Pitas, Kampung Pandan Mandamai, Mandamai, Pandan dan Lugu. Kumpulan sasaran projek kini ialah semua JKKK terlibat dan ketua-ketua wanita di kampung sasaran.

Peranan dan tanggungjawab mengenai individu dan agensi yang terlibat adalah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas
 - Merancang, melaksana, mengesan dan menilai aktiviti dan latihan
 - Bertukar-tukar fikiran dan kemahiran dengan JICA Study team
 - Menyediakan program dan modul latihan
 - Memudahcara bengkel dan melatih kakitangan pengembangan semasa penyelarasan bengkel
 - Mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
 - Menyediakan laporan pengesanan bulanan

- 2) JKKK dan ketua-ketua wanita masyarakat
 - Memahami objektif dan aktiviti projek tersebut
 - Menyertai latihan perkhidmatan setempat
 - Mengadakan bengkel simulasi pusat khidmat setempat
- 3) Kakitangan pengembangan dan agensi-agensi berkaitan
 - Membekalkan maklumat dan kerjasama yang diperlukan

Pengesanan projek akan dilaksanakan oleh pasukan petugas projek berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk dari projek PDM manakala laporan keputusan pengesanan pula akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal melalui Pasukan Petugas Gender.

2-2 **AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

2-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

Semasa Fasa 1, pasukan petugas telah berbincang dengan KPLB dan telah menyediakan skop projek dan rangka pelaksanaan latihan. Mereka akan mengadakan kursus latihan yang pertama untuk ahli JKKK kumpulan sasaran dengan kerjasama dari Bahagian Latihan KPLB pada March 2003.

Projek Perintis 2 telah mempertimbangkan untuk menggunakan program radio (RTM) bagi menyebarkan maklumat kepada wanita luar bandar memandangkan kemudahan radiolah yang paling umum dan merupakan sumber maklumat yang disukai di kawasan yang terpencil.

2-2-2 **SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)**

(1) **Pemilihan Tapak Perintis**

Kadar kemiskinan di Zon Kudat adalah tinggi khasnya masyarakat etnik yang mempunyai cara hidup yang mudah dan tidak terjejas oleh kesibukan seperti keluarga di kawasan bandar. Maka pasukan pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih Pandan Mandamai dan Kalipuon di Pitas sebagai tapak perintis untuk pusat khidmat setempat. Kajian ini meliputi enam kampung iaitu Kampung Pandan, Kampung Mandamai, Kampung Lugu, Kampung Pandan Mandamai, Kampung Kalipuon Darat, dan Kampung Kalipuon laut.

(2) **Bentuk Penubuhan Operasi**

Dalam proses mengenalpasti pemudahcara untuk pusat khidmat setempat (OSSC) di kalangan JKKK dan kakitangan pengembangan dari Jabatan Pertanian, maka keputusan telah dibuat bahawa pengerusi bagi setiap JKKK,PKT dan pegawai pengembangan adalah

ketua yang lebih berkesan untuk dilatih sebagai pemudahcara OSSC.

OSSC ini akan dibekalkan dengan kelengkapan elektronik (komputer) yang akan dipasang di pejabat yang paling strategik iaitu Pejabat Kawasan DOA dan mudah digunakan oleh pemudahcara dan untuk menerbitkan Papan Maklumat di setiap kampung.

Dengan adanya sebuah “desktop computer” yang akan dipasang di pusat maklumat OSSC di Pejabat kawasan DOA di Pitas, maka pemudahcara OSSC akan berupaya untuk mengumpul dan menyebarkan maklumat yang berkenaan dengan aktiviti dan program keusahawanan yang berguna kepada wanita luar bandar dan masyarakat.

Pasukan Petugas (Pemudahcara dan ketua JKKK) akan dilatih untuk mengurus dan mengoperasikan OSSC serta pusat maklumat(komputer dan papan maklumat) tersebut.

Berhubung dengan papan maklumat tersebut di atas, satu sesi latihan yang khas akan diadakan pada 19 & 20 Jun 2003 untuk membantu menerbitkan pusat maklumat. Mengenai program ICT pula, satu tutorial khas akan dianjurkan untuk melatih dan melengkapkan kakitangan DOA (pemudahcara OSSC) dari segi penggunaan IT supaya membolehkan mereka membantu JKKK untuk mendapatkan maklumat melalui media elektronik.

(3) Aktiviti-aktiviti Kesedaran dan latihan (March, Jun dan Julai 2003)

Pasukan OSSC dengan bekerja bersama Pasukan Petugas Gender telah mengadakan satu sesi kesedaran dan latihan JKKK dengan kerjasama dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

(4) Mesyuarat Khas dengan Jabatan Pertanian Pitas (Jun, 2003)

Sebagai usaha untuk memaklumkan kepada agensi yang berkaitan mengenai aktiviti-aktiviti OSSC khususnya aktiviti yang melibatkan kakitangan mereka, maka satu mesyuarat khas telah diadakan di Pitas untuk membincangkan isu dan kemajuan aktiviti-aktiviti tersebut. Objektif utama mesyuarat tersebut ialah supaya sokongan dan komitmen dapat diperolehi dari agensi-agensi yang terlibat. Telah diperhatikan bahawa Pembantu Pegawai Pertanian (mewakili pegawai Pertanian Kawasan) telah menunjukkan minat dan amat menghargai usaha tersebut. Bagi pihak pejabat kawasan, selagi projek tersebut tidak dibantah oleh pihak ibu pejabat, mereka akan memberi sokongan dan kerjasama kepada pelaksanaan projek tersebut. Selain itu, keprihatinan mengenai sokongan dan penglibatan juga diigambarkan oleh agensi terlibat seperti Pejabat Daerah dan jaringannya.

2-3 PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PEMBELAJARAN DIPEROLEHI

Dari segi teori, konsep OSSC dan modus operandinya adalah diterima dan disokong. Akan tetapi untuk berterusan dan mengekalkan usaha sedemikian (selepas jangkamasa projek perintis) masih belum dapat dipastikan. Semua ini bergantung kepada keupayaan agensi yang mengetuai dan mengurus serta mentadbir OSSC tersebut.

Sambutan yang ditunjukkan oleh ahli JKKK adalah positif dan menghargai peluang latihan yang telah diberikan kepada mereka supaya dapat membantu dalam tugas dan peranan mereka sebagai perancang pembangunan kampung dan ketua masyarakat.

Ahli Pasukan Projek perintis 2 yang juga pemudahcara terdiri dari kakitangan DOA, KPD, KPLB, YUM, dan JHEWA adalah sangat komited dan sangat dihormati oleh kumpulan sasaran di peringkat kampung dan luar bandar.

2-4 RANCANGAN MASA DEPAN

- (1) Modul latihan perlu dikaji semula dan direbentuk semula sekiranya perlu untuk memenuhi harapan dan keperluan kumpulan sasaran;
- (2) Tanda tumpuan dan catalis OSSC perlu diwujudkan di kalangan agensi yang terlibat dan di kalangan pemimpin masyarakat di kawasan sasaran projek. Lantikan satu agensi yang mengetuai pengukuhan OSSC adalah sangat relevan untuk pelan pembangunan luar bandar pada masa depan;
- (3) Penggubal dasar pada peringkat atasan bagi setiap agensi yang terlibat perlu melibatkan agenda mengenai OSSC dalam mesyuarat pembangunan luar bandar peringkat negeri, dan;
- (4) Pada tahap awal, lawatan dari masa ke semasa dan pengesanan yang konsisten mengenai pemudahcara OSSC adalah diperlukan untuk memastikan daya kekal aktiviti-aktiviti sehingga konsep OSSC diterima umum oleh semua peringkat dan aktiviti OSSC telah mencapai daya majunya.

**JADUAL 2-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) MENGENAI PROJEK PERINTIS 2
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTION
<p>OVERALL GOAL: Rural women in the target villages are to understand and to utilize the newly introduced one-stop service.</p>	<p>1) No. of rural women who come to consult with the one-stop service 2) Rural women's activities after visiting the one-stop service</p>	<p>1) Records of the one-stop service 2) Focus group interview in the target mukim</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Related agencies are to continue to support the education and training activities in the isolated villages. • The rural women in the target villages are to accept the one-stop service system.
<p>PROJECT PURPOSE: A one-stop service of the JKJKs are to be established and functioning in the target villages.</p>	<p>1) Female leaders' reputation and expectation on the JKJK's one-stop service 2) No. of rural women who know the newly introduced service</p>	<p>1) Focus group interview in the target mukim 2) Focus group interview in the target mukim</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The DO and JKJKs are to accept their new roles and to provide the services as they trained.
<p>EXPECTED OUTPUT: 1. JKJKs trained in providing a one-stop service 2. JKJKs trained in participatory approach and gender/social consideration 3. Female leaders trained in how to access and use the one-stop service of the JKJKs</p>	<p>1-1) No. of JKJKs trained 1-2) JKJKs willingness to conduct a service 2-1) No. of JKJKs trained 2-2) Extent of understanding 3-1) No. of female leaders trained 3-2) Extent of understanding</p>	<p>1-1) Project monitoring report 1-2) Interview survey 1-1) Project monitoring report 1-2) Interview survey 3-1) Project monitoring report 3-2) Interview survey</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The community members are to understand and accept the one-stop service system.
<p>ACTIVITIES 1-1 Meeting with KPLB 1-2 Preparation of training modules and materials 1-3 Conduct trial training and impact analysis 2-1 Preparation of training modules and materials 2-2 Conduct a trial and impact analysis 3-1 Workshop with female leaders 3-2 Preparation of training program and materials 3-3 Conduct a trial and impact analysis</p>	<p>INPUT: [SABAH SIDE] 1) Personnel expenses 2) Communication 3) Expenses for meetings [JICA SIDE] 1) Fee for local consultants 2) Per diem and accommodation of C/Ps 3) Transportation and fuel for vehicles 4) Expenses for training and workshops</p>		<p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • DO and JKJK are to support the project. • Related agencies are to support the project. • Policy makers commitment

JADUAL 2-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI PROJEK PERINTIS 2 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by	
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9
1	Preparation (1) Formulation of the taskforce team (2) Preparation of a detailed plan	Agreement on the project design Detailed plan	■													Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Meeting with KPLB	Agreement of KPLB	■													Project team leader	TT
3	Reviewing the current training system and modules of JKJKs	Lessons learned		■												Project team leader	TT and KPLB training division
4	Preparation of the training modules of the one-stop service functions	New training modules			■											Project team leader	TT and KPLB training division
5	Selection of a target area (a mukim in Kudat Division)	Target area selected				■										Project team leader	TT and KPLB
6	Meeting with DO of the target area	Agreement of DO					■									Project team leader	TT
7	Conducting a preliminary workshop and a baseline survey	Current situation of the indicators						■								Project team leader	TT and KPLB training division
8	Training workshops with the target groups	JKJKs trained							■							Project team leader	TT and KPLB training division
9	Simulation workshop	Lessons learned												■		Project team leader	TT and KPLB training division
10	Upgrading and finalization of the training modules	Upgraded training modules													■	Project team leader	TT and KPLB training division

**JADUAL 2-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS
PROJEK PERINTIS 2**

(1) Struktur Operasi



(2) Ahli-ahli Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Hjh. Subiah Hj. Laten	Research Unit, JHEWA
Co-leader:	Mohd. Sayuti Abdullah	Assistant Secretary, KPLB
Book-keeper	Daisy Livinu	Training Officer, YUM
Coordinator	Rosmiah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
Members:	Nemy Ontol	HRD, KPD
	Hjh. Dayang Rayanih Ag. Hamit	Head of PKT Section, DOA
	Winnie Yee	Research Consultant
	Maimunah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
	Adeline Chee	Executive Officer, KPD

PROJEK PERINTIS 3 : PENGGUNAAN PRODUK DAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK TERPAKAI

*Disediakan oleh Neil N. Sagidon (Pakar Perunding tempatan)
Setiusaha Projek perintis 3*

3-1 RINGKASAN RENCANA PROJEK

Projek Perintis 3 bertujuan untuk melatih orang perseorangan dalam agensi-agensi yang berkenaan dan kakitangan pengembangan untuk mamahami dan menyebarkan konsep asas pengeluaran keperluan harian dan kraftangan dengan menggunakan sumber-sumber yang tidak terpakai dan kemahiran tradisional. Buat masa ini, kebanyakan sumber yang tidak terpakai ini dibuang atau dibakar dan tidak digunakan secara ekonomik untuk penghidupan seharian oleh masyarakat luar bandar. Konsep ini bukan sahaja dapat mengurangkan bahan buangan, tetapi membolehkan kakitangan agensi yang terlibat dan ahli masyarakat menyedari kepentingan kekayaan sumber alam yang tidak terpakai dan boleh didapati di merata tempat. Ringkasan projek adalah ditunjukkan dalam Rekabentuk Matrix Projek (PDM) dalam Jadual 3-1 manakala pelan pelaksanaan yang terperinci adalah dipaparkan di Jadual 3-2.

Aktiviti utama projek tersebut ialah:

- (1) Kaji selidik mengenai sumber-sumber tidak terpakai di kawasan luar bandar;
- (2) Penunjuk cara dan kajian asas di kampung-kampung sasaran;
- (3) Latihan bulanan dengan kakitangan pengembangan dan ketua-ketua kampung-kampung sasaran;
- (4) Perancangan dan pelaksanaan pengeluaran skel kecil-kecilan dan projek pemasaran dengan kampung-kampung sasaran;
- (5) Penyertaan dalam “Perayaan Pesta Menuai, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, dsb. dan
- (6) Untuk menjalankan jaringan dan bengkel pertukaran maklumat.

Projek ini adalah dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Projek Perintis 3 yang mana aktiviti mereka adalah diselia dan disenggara oleh Pasukan Petugas Kraftangan dengan Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (PKKM) sebagai agensi yang mengetuai projek ini.

Kumpulan sasaran projek ini ialah kumpulan wanita luar bandar yang dipilih dari Kampong Minyak di Daerah Kudat, Kampong Tarangkapas di Daerah Kota Marudu, Kampong Pandan Mandamai dan Kampong Kalipuon di Daerah Pitas.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi berkenaan adalah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas
 - Untuk merancang, melaksana, mengesan dan menilai aktiviti dan latihan.
 - Bertukar-tukar pengetahuan dan kemahiran dengan JICA Study Team
 - Untuk menyediakan program latihan dan bahan-bahan
 - Untuk memudahcarakan bengkel dan melatih kakitangan pengembangan di bengkel pemudahcara
 - Untuk mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
 - Untuk menyediakan laporan pengesanan bulanan
- 2) Kakitangan Pengembangan
 - Membekalkan kemahiran dan latihan kesedaran untuk kumpulan sasaran
 - Memudahcara bengkel
 - Untuk mengesan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan melaporkan kemajuan kumpulan sasaran semasa mesyuarat bulanan pasukan Petugas
- 3) Kumpulan sasaran (Ketua-ketua wanita)
 - Menyertai dalam bengkel latihan
 - Menyebarkan idea dan kemahiran menggunakan sumber-sumber tidak terpakai,
 - Menggalakkan ahli masyarakat untuk memikir dan bekerja untuk meningkatkan penghidupan

Pengesanan projek akan dilaksanakan oleh Pasukan Petugas projek dan keputusan laporan pengesanan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal melalui Pasukan Petugas Kraftangan.

3-2 **AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

3-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

Demi untuk memahami kesedaran dan penghidupan, aktiviti kumpulan dan sumber-sumber tempatan yang boleh diperolehi, Projek Perintis 3 telah mengadakan bengkel pertamanya di Kg Kalipoun bersama-sama dengan kumpulan sasaran yang merupakan ketua-ketua wanita yang berminat untuk menyertai aktiviti projek di kampung-kampung sasaran iaitu: Kampong Kalipoun Laut dan Kalipoun Darat di Daerah Pitas; Kampong Minyak di Daerah Kudat; dan Kampong Tarangkapas, di Daerah Kota Marudu. Atas permintaan mereka, Ketua-ketua wanita kumpulan sasaran telah menjemput Projek Perintis 1 :Pasukan Petugas Gender untuk mengadakan bengkel dan latihan kepimpinan untuk mereka.

Lanjutan dari bengkel pertama, projek ini telah mengadakan bengkel tunjuk cara tentang bagaimana untuk menggunakan sumber-sumber tempatan yang tidak terpakai; sebagai contoh, projek ini menunjukkan bagaimana membuat kertas dari “buntui” dan pisang; membuat lilin dari lilin lebah dan menyerap garam dari daun nipah dsb. Berdasarkan kepada sumber-sumber tempatan dan minat mereka, kumpulan sasaran telah diberi latihan dari segi membuat kertas dan lilin. Buat masa ini, kumpulan sasaran adalah digalakkan untuk bekerja secara kumpulan untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti produk.

Produk mereka dijangka akan dipamerkan di beberapa tempat seperti perayaan Pesta Menuai dalam bulan Mei 2003, “kedai rangkaian”(antenna shop) OISCA di Kota Kinabalu, dan Tamu KPD dsb. “Kedai rangkaian” OISCA telah menunjukkan minat untuk menggunakan produk kertas tersebut untuk membungkus atau membuat bag kertas.

3-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

(1) March 2003 – Mei 2003

Pada jangkamasa inilah ketua-ketua kumpulan sasaran wanita dijemput untuk menghadiri latihan di Pusat Latihan YUM, Kota Marudu untuk menjalankan bengkel latihan intensif selama dua hari di mana peserta-peserta dari Kampong Pandan Mandamai dan Kampong Minyak diminta untuk tinggal di asrama YUM. Manakala peserta tempatan dari Kampong Kalipuon dan Kampong Tarangkapas mempunyai pilihan samada untuk tinggal di asrama atau balik selepas bengkel tamat pada 4.00 petang.

Bengkel dijalankan secara bulanan untuk kedua-dua kumpulan membuat kertas dan lilin. Isu utama yang ditekankan sepanjang latihan ialah untuk meningkatkan keupayaan dan kreativiti wanita dalam projek yang mereka sertai, sebagai contoh, bagi kumpulan membuat lilin, merka digalakkan untuk menggunakan semula sumber-sumber buangan seperti kulit telur, kulit buah-buahan, kulit siput, dan batang bambu dan direkabentuk sebagai pemegang lilin sebelum dipasarkan. Dalam keadaan yang sama, kumpulan sasaran membuat kertas juga didorong untuk cuba menggunakan sumber-sumber yang boleh diperolehi dari persekitaran kampung dan membuat kertas dari setiap kombinasi tumbuhan atau serat pokok dengan campuran mengikut nisbah seperti yang dicadangkan oleh Pasukan Petugas.

Ekoran dari bengkel intensif ini, terdapat kumpulan wanita yang cepat menerima mesej yang disampaikan dan telah meningkatkan kualiti produk mereka. Terdapat juga kumpulan wanita yang kurang berusaha mungkin kerana mereka mempunyai keutamaan yang lain. Sebagai insentif kepada kumpulan wanita, mereka dimaklumkan bahawa sesiapa yang menghasilkan produk yang berkualiti akan dijemput untuk mempamerkan produk mereka semasa perayaan Pesta Menuai peringkat Negeri di Kota Kinabalu pada bulan Mei 2003. Justeru itu, semua

kumpulan telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan dan pada masa yang sama, terdapat juga sebilangan ahli yang menarik diri kerana desakan keluarga.

Projek Perintis 3 bercadang untuk menambah bengkel latihan untuk ketua kumpulan wanita di samping bengkel bulanan yang diadakan. Pasukan Petugas telah merancang dan memutuskan bengkel latihan dua kali sebulan setiap kampung bagi empat kampung tersebut adalah mencukupi. Projek ini juga bercadang untuk menjalankan dua bengkel latihan untuk setiap kampung di peringkat kampung; satu pada awal bulan dan yang kedua di minggu keempat setiap bulan mulai bulan March 2003. Keputusan ini dibuat kerana lawatan setiap minggu adalah tidak praktikal oleh sebab masalah kemudahan pengangkutan dan mendapatkan pemandunya di samping akan menimbulkan masalah kepada wanita yang banyak menggunakan masa untuk hal-hal keluarga.

Maka dalam bulan Mei 2003, dua bengkel telah diadakan pada 7 dan 8 untuk ketua-ketua wanita Kg Tarangkapas dan Kg Minyak manakala bengkel latihan di Kg Pandan Mandamai dan Kalipuon telah dijalankan pada 28 dan 29 Mei, yang menumpukan secara khusus untuk peningkatan kualiti produk kertas dan lilin. Lain-lain kursus latihan perlu diadakan di Pusat Latihan YUM di Kota Marudu sekiranya keadaan mengizinkan kerana masalah yang timbul boleh menjejaskan jumlah penyertaan wanita di kampung tersebut.

Pasukan Peugas Projek Perintis 3 telah memberi keterangan kepada 12 kakitangan pengembangan DOA di Pusat Latihan YUM, Kota Marudu pada 27 March. Kumpulan ini tiba secara kebetulan selepas mengetahui adanya bengkel membuat kertas. Kumpulan ini diketuai oleh seorang Pembantu Pegawai Pertanian (AAO). Mereka sangat tertarik dengan aktiviti projek perintis ini dan telah menunjukkan minat dengan menjemput Pasukan Petugas untuk memberi ceramah dan latihan praktikal mengenai pembuatan kertas dan lilin di pejabat DOA sebaik sahaja mendapat kelulusan dari pihak atasan.

Selain dari insentif jemputan ke pameran produk menjelang perayaan, Pasukan Petugas juga memberikan satu set peralatan asas yang berharga lebih kurang RM200 setiap set kepada setiap ketua kumpulan wanita untuk berkongsi dengan ahli kumpulan mereka di kampung.

Walau bagaimana pun, satu set peralatan tersebut telah dipulangkan dari kumpulan wanita Kg. Minyak kerana bekalan lilin lebah telah terjejas akibat serangan tebuan ke atas haif lebah. Pengurangan lilin lebah juga telah mempengaruhi pembuatan lilin madu sepanjang bulan March hingga Mei 2003.

(2) April 2003

Pasukan petugas Projek Perintis 3 telah menghadiri Jawatankuasa Teknikal pada 11 April

sementara meneruskan bengkel latihan dua kali sebulan di YUM pada 15 dan 16 April bagi ketua-ketua wanita Kg Pandan Mandamai dan Kg Kalipoun. Kg. Pandan Mandamai telah diwakili oleh lima wanita manakala hanya dua orang dari Kg Kalipoun. Seorang peserta dari Kg Tarangkapas datang menyerahkan kerjanya. Bengkel kedua telah diadakan pada 29 dan 30 April untuk Kg. Minyak (empat wanita) dan Kg Tarangkapas (dua wanita) masing-masing. Sepanjang bulan ini, Pasukan Petugas telah menghantar sebotol Air Abu ke Pusat Penyelidikan Tuaran untuk ujian pengesanan kepekatan pH. Ujian ini diminta oleh JICA TEAM SPECIALIST untuk digunakan dalam percubaan membuat sabun yang menggantikan penggunaan “Caustic Soda crystals” yang tidak digalakkan untuk dikendalikan oleh wanita luar bandar. Walau bagaimana pun, keputusan ujian hanya dapat diperolehi pada bulan berikutnya.

(3) Mei 2003

Banyak aktiviti dijalankan sempena dengan perayaan Pesta Menuai selama 5 hari dari 27 hingga 31 Mei di Pusat Kebudayaan Sabah di Penampang. Walau bagaimana pun, aktiviti Projek Perintis 3 diteruskan dengan bengkel latihannya di Pusat Latihan YUM mengikut jadual pada 6 dan 7 Mei untuk kumpulan Mandamai-Kalipoun.

Peserta-peserta Projek Perintis 3 juga menghadiri seminar anjuran Pasukan Petugas Projek Perintis 9 di Bilik Persidangan Perpustakaan Awam Kudat pada 17 Mei. Ianya dihadiri oleh empat peserta dari Kg Minyak, tiga dari Kg Tarangkapas dan tiga dari Kg Kalipoun dan dua wanita dari rakan kerjasama KEMAS di Kudat. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh En. Mustapha Alba, ketua Projek Perintis 3, dengan En. Kuroda, JICA Study Team, Mr. Neil, pakar perunding tempatan dan En. Sanseh dari KPD turut hadir. Lain-lain ahli pasukan petugas yang tidak dapat menghadiri kerana cuti mingguan yang panjang dan sejajar dengan cuti umum pada 15 Mei. Peserta dari Kampong Pandan Mandamai juga tidak hadir akibat masalah komunikasi dan penukaran tarikh mesyuarat.

Pasukan Petugas telah dijemput oleh DOA, Kota Marudu untuk memberi ceramah mengenai pembuatan kertas dan lilin madu pada 8 Mei 2003. Ceramah tersebut diadakan di pejabat DOA yang dihadiri oleh semua kakitangan yang mana 20 daripada jumlah yang hadir merupakan penunjukcara ekonomi rumahtangga.

Selepas seminar di Kudat, En. Kuroda dan Neil telah melawat ke ketua kumpulan wanita Kg. Tarangkapas, Cik Penny Malingkan pada 18 Mei untuk meluhat keadaan persekitaran tempat kerjanya. Daripada lawatan tersebut, didapati bahawa Cik Penny telah menghasilkan kualiti kertas yang baik dari buntui dan kapok. Dengan ini, Projek Perintis 3 mengakuinya sebagai contoh kepada yang lain. Beliau juga dipilih untuk menyertai pameran semasa Pesta Menuai di Kota Kinabalu.

Projek Perintis 3 dan Pasukan Petugas Projek Perintis 1 yang mempunyai peserta projek yang sama di Kg. Mandamai telah mengadakan lawatan ke kampung tersebut pada Mandamai 19 Mei dan para peserta yang dipilih telah dimaklumkan mengenai Pesta menuai yang diadakan pada penghujung bulan.

Projek Perintis 3 telah menyertai pameran PUANDESA semasa perayaan Pesta Menuai selama 5 hari. Memandangkan lokasinya yang strategik serta rekabentuk gerai yang unik dengan pidang dan buntui, ramai yang tertarik dengan pameran tersebut. Pameran Projek Perintis 3 merupakan satu permulaan era baru pembuatan kertas dengan menggunakan sumber dan produk yang tidak terpakai dan mesra persekitaran. Ia telah menarik perhatian pegawai FELCRA dan Pengerusi Perbadanan pelancongan Sabah. Sebenarnya, Projek Perintis 3 menerima banyak permintaan bagi kertas buntui khanya yang direkabentuk dari badan korporat, agensi-agensi dan individu masing-masing.

Lanjutan dari pameran tersebut, Kajian PUANDESA telah memesan agar ahli Projek Perintis dapat membekalkan 200 keping kertas untuk seminar yang akan datang pada Oktober 2003. Institut Kajian Pembangunan (IDS) juga telah menempah kertas tersebut untuk seminarnya pada penghujung bulan Julai 2003. Selain itu, FELCRA juga turut menempah kertas tersebut tetapi tempahan terdahulu lebih kurang 2,000 keping perlu disiapkan terdahulu. Semasa menjilid laporan ini, terdapat juga permintaan melalui telefon mengenai tempahan kertas.

Pasukan Petugas juga menerima permintaan lilin lebah dan pertanyaan ini telah disampaikan kepada pengeluar sebagai insentif kepada mereka untuk menghasilkan lilin lebah yang lebih berkualiti.

(4) Jun 2003

Pasukan Petugas Projek perintis 3 juga telah dijemput oleh Pengerusi Perbadanan Pelancongan Sabah untuk mempamerkan produk tersebut di Pesta Makanan dan Buah-buahan di Tanjung Aru Prince Philip Park anjuran Kementerian Kebudayaan dan Seni peringkat Persekutuan.

Projek berskel kecil-kecilan (SSP) telah diperkenalkan kepada kumpulan wanita. Sebelum pelaksanaan projek ini, kumpulan wanita mesti mengukuhkan aktiviti kumpulan mereka dan setiap kumpulan mesti mempunyai seorang ketua, pembantu ketua, setiausaha, bendahari, pegawai pembelian dan ahli biasa. Pembentukan kumpulan tersebut adalah diselia oleh Pasukan Petugas Gender bagi Projek Perintis 1 dengan bantuan dari Projek Perintis 3. Ianya dilaksanakan secara berperingkat mulai dari Kg Pandan Mandamai, diikuti dengan Kg Tarangkapas, Kg Minyak dan Kg. Kalipuon.

Sebilangan peserta belum membiasakan diri dengan sistem mengendalikan projek tersebut kecuali mereka yang telah terlibat dalam JKKK atau aktiviti “home-stay.” Setiap kumpulan sasaran diminta untuk bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali sebelum dibentuk kumpulan dan setiap ahli kumpulan mesti mengetahui peranannya dalam aktiviti kumpulan. Kg Tarangkapas, Kg Minyak dan Kg Kalipoun masih dalam proses pembentukan kumpulan. Kg Pandan Mandamai adalah dalam peringkat pelaksanaan SSP dan sejumlah kecil dana telah diberikan kepada bendahari jawatankuasa tersebut. Pelaksanaan SSP bermula pada bulan Jun dan akan mencapai kitarannya pada September 2003 yang mana pada masa ini SSP seharusnya telah mencapai sesuatu tahap tertentu.

(5) Julai 2003

Sepanjang bulan Julai, Pasukan Petugas telah menjalankan aktiviti seperti yang telah dirancang untuk bulan Jun hingga September 2003. Mesyuarat pertama diadakan pada 8 Julai. Manakala beberapa bengkel telah diadakan di Kampong Tarangkapas dan Kampong Kalipoun pada 11 Julai. Lawatan bersama Pasukan Petugas P3 dan P1 telah melawat Kampong Pandan Mandamai hari berikutnya.

Pada 18 Julai, lawatan pengesanan kemajuan SSP di Kampong Minyak telah diadakan. Pada 21 Julai, Pasukan petugas telah melawat Kampong Gurontung dan mengadakan dialog untuk mengenalpasti keperluan wanita. Memandangkan kampung ini adalah di bawah pengendalian DOA, maka pasukan petugas memastikan bantuan akan diberikan kepada kumpulan wanita tersebut apabila diperlukan. Pada hari berikutnya, peserta P3 dan pasukan petugas telah menghadiri Seminar sehari mengenai “Penetapan harga dan Pemasaran” di pusat latihan YUM yang dianjurkan oleh kumpulan pasukan petugas P9. Pasukan Petugas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di Kota Kinabalu. Satu lagi lawatan pengesanan SSP di Kg. Minyak pada 26 Julai. Pasukan petugas telah menyertai seminar anjuran IDS pada 29 Julai dan Ketua Pasukan P3 dijemput untuk membentangkan kertas seminar mengenai penggunaan sumber-sumber yang tidak terpakai sementara pameran produk telah diadakan untuk memaklumkan para peserta seminar bagaimana aktiviti JICA dapat membantu wanita bandar ke arah menjadi usahawan.

(6) Ogos 2003

Menyertai dalam perayaan Hari Peladang di Papar pada 24 hingga 26 Ogos. PUANDESA telah berjaya bukannya setakat pameran tetapi mulai menjual produk kepada pihak awam seperti rumpai laut kering, produk P6, dan Bookmarks, bag dan lilin P3. Produk P3 juga dipamerkan di perasmian “Homestay program Wilayah Kudat” di Kg Minyak. Pada 5 hingga 7 Ogos, peserta P3 dijemput untuk menyertai Seminar dan bengkel Pembungkusan di pusat latihan YUM anjuran Perbadanan Kraftangan Malaysia. Seterusnya lawatan dan

bengkel dilaksanakan di semua kampung mengikut jadual. Pasukan Petugs P3 bersama-sama P1 akan melawat ke Pandan Mandamai pada Hari Sabtu.

Jawatankuasa Teknikal mengadakan lawatan sambil belajar ke Tawau dan Semporna. Itenari lawatan adalah dikendalikan oleh DOA, Tawau dan DOF Semporna. Pasukan telah melawat seorang wanita yang berjaya menjalankan pelbagaian aktiviti ekonomi dari segi menjahit. Manakala seorang lagi menghasilkan amplang untuk pasaran tempatan. Lawatan ketiga ke ladang rumpai laut di Lok Butun, Pulau Bumbum di bawah P4 Projek Perintis Kajian JICA dan lawatan seterusnya ialah kilang rumpai laut swasta di Semporna.

(7) September 2003

Aktiviti bulan ini tidak begitu menyibukkan. Lawatan sambil belajar ke Filipina bersama peserta-peserta wanita P3 yang terpilih dan seorang lagi ahli pasukan petugas SPS telah diadakan pada 17 hingga 22 September. Penyediaan adalah difokuskan kepada Persidangan Penilaian pada 7 dan 8 Oktober di Kota Kinabalu.

Buat kali pertama, pasukan petugas P3 dan P1 menjalankan mesyuarat bulanan di YUM, Kota Marudu pada 11 Sept. untuk memudahkan kakitangan pengembangan projek perintis JICA yang tinggal di Kota Marudu.

Selepas mesyuarat, pasukan petugas telah melawat SSP di Kg Tarangkapas dan Kg Kalipoun untuk memaklumkan peserta mengenai Persidangan Penilaian sebelum bertolak pulang ke Kota Kinabalu. Pada 15 September, pasukan petugas P3 menghadiri seminar dan bengkel untuk pasukan petugas P9 di KPLB. dan pakar perunding tempatan perlu mengumpul kad jempunan P3 dari Kampong Tarangkapas untuk pencetakan logo sebelum diagihkan untuk Persidangan Penilaian pada bulan Oktober.

(8) Oktober 2003

Sebilangan ahli Pasukan Petugas P3 dan pasukan petugas Gender P1 bersama-sama krew RTM TV telah melawat ke Kota Marudu dan Kampong Minyak untuk mengambil filem dokumentari mengenai aktiviti Projek Perintis P3 iaitu membuat lilin dan kertas. Pasukan Petugas P3 dan sembilan wanita telah menghadiri persidangan penilaian dari 7-8 Oktober di Hotel Promenade anjuran JICA Study Team. Persidangan ini amat bermakna untuk wanita luar bandar kerana mereka berpeluang untuk mendengar laporan dan penemuan dari projek perintis yang lain yang dilaksanakan oleh wanita luar bandar.

Pasukan Petugas P3 telah dijemput untuk mempamerkan produk-produk mereka di tempat Persidangan selama dua hari. Kedai Rangkaian OISCA juga menjemput pakar perunding P3 untuk mempamerkan produk kertas dan lilin di kedai mereka di kompleks Karamunsing

pada 13 Oktober. Pasukan petugas menghadiri persidangan setengah hari di Beverly Hotel yang bertujuan untuk membekalkan input bagi penyediaan laporan Akhir Pelan Induk. Pasukan Petugas sedang dalam proses membuat penyediaan untuk mengendalikan bengkel membuat kertas di pejabat PKKMM dan 25 kakitangan dijangka akan menyertainya. Pakar Perunding tempatan telah menjemput dua wanita dari Kampong Tarangkapas untuk membantu dalam tunjukcara membuat kertas semasa bengkel.

Semasa penyediaan laporan ini, kami telah menerima tempahan untuk membuat 100 keping kertas kad jemputan dari OISCA Tenom.

3-3 PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PENGALAMAN DIPELAJARI

Dari bulan March hingga to Mei 2003, banyak pengalaman telah dipelajari seperti berikut:-

- (1) Peningkatan kekerapan bengkel latihan dan lawatan telah memberi kesan ke atas peningkatan prestasi dan kualiti produk dari kumpulan maupun individu. Keadaan ini adalah nyata terbukti bagi dua peserta dari Kg Tarangkapas, Kg Minyak dan Kg Pandan Mandamai yang telah menghadiri kebanyakan bengkel latihan yang diadakan di Pusat Latihan, YUM.
- (2) Peserta-peserta yang tidak menghadiri bengkel latihan yang dianjurkan untuk mereka seperti ketua wanita yang dipilih dari Kg Kalipuan oleh DOA dan KEMAS tidak mencapai sebarang kemajuan. Mereka tidak menggunakan kelengkapan yang diberikan kepada mereka. Dengan ini, lain-lain ahli yang berminat dilarang daripada menggunakan peralatan tersebut. Masalah ini perlu diselesaikan melalui penyelarasan dari Pasukan Petugas. Oleh yang demikian, kumpulan ini telah jauh ketinggalan berbanding dengan kumpulan yang lain walhal merekalah merupakan kumpulan pertama yang melihat tunjukcara membuat kertas yang dikendalikan oleh pakar Pasukan En. Kuroda dari JICA Study Team .
- (3) Sebilangan ketua kumpulan yang dilatih gagal membentuk kumpulan di kampungnya kerana mereka lebih menumpukan hal-hal sendiri sedangkan ahli-ahli berpotensi yang lain telah dijemput ke latihan.
- (4) Pesta menuai telah menyediakan tapak untuk memperkenalkan komoditi baru-kertas buntui- kali pertamanya dipamerkan kepada pihak awam.
- (5) Para Peserta Projek Perintis 3 memperolehi pengalaman yang amat bernilai semasa menunjukkan tunjukcara membuat kertas. Keadaan ini telah banyak memberi keyakinan diri

kepada mereka untuk berkomunikasi. Lawatan ke beberapa gerai kraftangan juga telah membuka minda mereka mengenai pelbagaian kraftangan yang terdapat di pasaran.

- (6) Para peserta mempunyai peluang untuk bersemuka dengan pengguna yang berpotensi semasa pesta selama 5 hari tersebut.
- (7) Sikap kaum suami yang mengharapkan pendapatan secara tunai diperolehi selepas bengkel latihan telah menyebabkan ramai wanita berhenti dari aktiviti projek. Pada hal mereka tidak menyedari bahawa banyak masa diperlukan untuk menghasilkan produk yang berkualiti. Tidak ada jalan ringkas untuk mengeluarkan kertas yang bermutu. Seorang peserta dari Kg Tarangkapas telah menggunakan masa tiga bulan untuk menghasilkan kertas yang berkualiti atas kreativitinya sendiri untuk mencampurkan serat buntui dan kapok.
- (8) Kaum wanita dapat belajar dari perbincangan kumpulan mengenai keupayaan mereka.
- (9) Apabila dikenakan desakan, wanita berupaya untuk memikir khasnya untuk pelaksanaan SSP. Mereka menyedari bahawa pengetahuan sendiri adalah amat terhad. Ramai yang berasa gembira kerana dapat mempelajari dari ahli-ahli yang lain yang mengetahui kemahiran tradisional dan kos barangan yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti mereka.
- (10) Prestasi dan keupayaan wanita untuk mempelajari sesuatu teknik baru adalah bergantung kepada tahap pendidikannya.
- (11) Kumpulan wanita sasaran menjadi lebih aktif dan yakin untuk bercakap di depan selepas melalui beberapa siri bengkel penyertaan di peringkat kampung.

3-4 RANCANGAN MASA DEPAN

Projek penggunaan sumber dan produk yang tidak terpakai telah menarik perhatian dari pihak awam maupun pihak swasta ekoran dari penyertaan dalam perayaan seperti Pesta Menuai pada Mei 2003, Pesta buah-buahan di Tanjung Aru pada bulan Jun dan Hari Peladang pada bulan Ogos 2003. Sebagai produk baru, khasnya membuat kertas dari sumber-sumber tidak terpakai telah menarik minat pemimpin dan kakitangan kerajaan dan mereka telah menyatakan kesediaan untuk membantu meneruskan projek tersebut kerana projek yang sedemikian dapat membantu wanita luar bandar menjana pendapatan dari sumber-sumber tidak terpakai yang boleh diperolehi dari persekitaran kampung mereka.

Kejayaan Projek perintis 3 terbukti berhasil untuk “stake-holders” dan kumpulan sasaran wanita. Maka adalah menjadi harapan JICA bahawa PUANDESA akan berterusan dan berkembang. Akan tetapi untuk memastikan daya maju projek tersebut, agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam kesinambungan aktiviti-aktiviti mereka harus melipat gandakan usaha untuk melatih lebih ramai kakitangan pengembangan untuk melaksanakan projek ini ke lain-lain kawasan di negeri Sabah yang kaya dengan sumber bahan mentah. Kumpulan yang sedia ada perlu meneruskan pengesanan dan memberi galakan untuk menghasilkan lebih banyak kertas demi memenuhi permintaan pasaran. Mereka juga patut didedahkan kepada pasaran antarabangsa dengan menyertai dan dipromosikan di pameran antarabangsa melalui STPB dan / atau “Trade Road-Show.”

Kerajaan negeri perlu membekalkan kemudahan infrastruktur yang asas untuk wanita luar bandar seperti bekalan elektrik dan jalanraya, sektor swasta pula patut memainkan peranan dengan melabur dalam aktiviti tersebut seperti membekalkan pasaran untuk produk baru ini khasnya mereka yang terlibat dalam industri pelancongan.

Para pengeluar pula perlu berorintasikan pasaran dan mestilah “Think global but Act Local.’ Ini bermakna mereka perlu menghasilkan kuantiti yang cukup untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat pada harga yang kompetitif yang mana masih membolehkan mereka memperolehi keuntungan untuk memperkembangkan perniagaan mereka. Di samping itu, penghasilan produk juga harus mengambilkira kualiti dan daya tarikan produk tersebut. Demi untuk memastikan bekalan sumber bahan mentah yang berkekalan, pengeluar mesti mengambil langkah untuk menanam semula sumber bahan mentah tersebut.

Walau bagaimana pun, kedua-dua pengeluar komoditi dan pengguna produk separuh siap tidak harus menghadkan mereka kepada produk yang sedia ada di pasaran sahaja. Mereka mesti lebih kreatif untuk menggunakan apa-apa sahaja sumber alam yang tidak terpakai dan produk sampingan pertanian untuk menghasilkan barangan yang bernilai pada kos dan kesan persekitaran yang minimum. Projek ini perlu diterapkan di kalangan generasi mud dengan mengajar projek sedemikian di sekolah dari segi kepentingan ekonomi untuk “menggunakan sumber dan produk tidak terpakai.” Adalah diharapkan bahawa apabila pengeluaran telah meningkat dan produk sentiasa boleh diperolehi di pasaran, maka harapan menggantikan penggunaan beg plastik dengan produk ini berkemungkinan besar akan tercapai melalui perundangan kerajaan ke atas penggunaan bahan tidak terbiodegradkan (non-biodegradable material).

Maka, masa depan adalah cukup mencabar dan cerah untuk penggunaan sumber yang tidak terpakai. Dengan ini, penduduk kampung akan memperolehi banyak faedah darinya dan

mereka tidak perlu lagi berhijrah ke kawasan bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan kerana pekerjaan adalah tersedia di kampung mereka. Mereka hanya perlu mempelajari menghargai dan cinta kepada sumber semulajadi dan menggunakan dengan bijak untuk faedah ekonomi.

**JADUAL 3-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 3
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>OVERALL GOAL: The rural women in the target villages are to understand the importance of utilization of unused resources and to promote their own projects and activities.</p>	<p>1) No. and types of activities conducted by the target rural women groups 2) Extent of women's understanding about the utilization of unused resources</p>	<p>1) Focus group interview with the target women groups 2) Focus group interview with the target women groups</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Related agencies are to continue to support the rural women's agro-related activities
<p>PROJECT PURPOSE: Extension services are to be strengthened for disseminating the concept and the basic skills of utilization of unused resources and of production of daily necessities and handicrafts to the rural women in the target villages.</p>	<p>1) Qualitative and quantitative improvement of extension services among the target extension workers 2) Areas covered by the target extension services related to the utilization of the unused resources</p>	<p>1) Interview with the target extension workers 2) Interview with the target extension workers</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The rural women in the target village are to well accept the skills and information provided by the extension services.
<p>EXPECTED OUTPUT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. The target extension workers trained and having experience of practicing the approaches of production of handicraft using unused resources. 2. The rural women leaders in the target villages trained in producing daily necessities and handicraft using unused resources. 	<p>1-1) Frequency and period of extension workers' training 1-2) No. of extension workers trained 1-3) Extent of understanding of the extension workers 2-1) No. of rural women leaders trained 2-2) Extent of rural women leaders' interest in the unused resources</p>	<p>1-1) Project monitoring report 1-2) Project monitoring report 1-3) Focus group interview 2-1) Project monitoring report 2-2) Focus group interview</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The project approaches are to be well utilized by the extension workers and staff members.
<p>ACTIVITIES:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1-1 Survey on unused resources 1-2 Designing of training program 1-3 Demonstration with extension workers 1-4 Monthly training of the female leaders 1-5 Implementation of a small-scale project 2-1 Selection of the target villages 2-2 Monthly training of the female leaders 2-3 Implementation of a small-scale project 2-4 Networking of women's groups 	<p>INPUT: [SABAH SIDE] 1) Personnel expenses 2) Communication 3) Expenses for meetings [JICA SIDE] 1) Fee for local consultants 2) Expenses for training and workshops 3) Cost for a small-scale project</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The rural women is interested in the project activities. • The community members are to accept the project. <p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • DO and JKKKs are to support the project. • Related agencies are to support the project. 	<ul style="list-style-type: none"> • The rural women is interested in the project activities. • The community members are to accept the project. <p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • DO and JKKKs are to support the project. • Related agencies are to support the project.

JADUAL 3-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI PROJEK PERINTIS 3 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by	
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9
1	Preparation	Agreement Detailed plan	■													Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Survey on unused resources in the rural area	Current conditions of the unused resources	■													Project team leader	TT
3	Designing of training program and activities	Training program and activities	■													Project team leader	TT
4	Selection of the target villages	Target villages selected		■												Project team leader	TT
5	Demonstration with the extension workers in Kota Kinabalu	Extension workers educated		■												Project team leader	TT
6	Demonstration and baseline survey in the target villages	Result of the baseline survey		■												Project team leader	TT
7	Monthly training with extension workers and leaders of the target villages	Extension workers and leaders trained			■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	Project team leader	TT and extension workers
8	Mid-term evaluation and planning of a small-scale production/marketing project with the target villages	Plan of a small-scale project							■							Project team leader	TT and extension workers
9	Implementation of the project	Project implemented												■		Project team leader	TT and extension workers
10	Dissemination of the basic concept and skills through the workshops in the other villages	Extension of the basic concept and skills												■	■	Project team leader	TT and extension workers
11	Participation in the "Harvest Festival"	Information exchange													■	Project team leader	TT
12	Conduct an networking and information exchange workshop	Rural women's network														Project team leader	TT, extension workers and target groups

JADUAL 3-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS BAGI PROJEK PERINTIS 3

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Mustafa Alba Hj. Ibrahim	Deputy Director, PKKM
Co-leader:	Abdul Hamid Sani	Deputy Managing Director, YUM
Book-keeper	Sanseh Masi	Administrative Officer, KPD
Members:	Ghani Haji Affandi Hajah Dayang Rayanih Ag. Hamit Mohd Sayuti Abdulah Asnah Haji Tahil Benjamin Subinon Rita Kimlan Damarin Munsing FredSatimin Gumbaris Encik Majunting Milundun Linda Mogesal Encik Bindai Sandau Abdul Latif Hamid Tawith Sungkit Blasius Duasa Encik Nobeen Manggong Fiona Lee Anthony Kiob	Dept. Head, Yayasan Sabah (YS) Section Head, DOA Assistant Secretary, KPLB Senior Supervisor, KEMAS KPD Kudat & Kota Marudu Regional Manager, YS Assistant Regional Manager, YS Agriculture Officer, DOA Kudat Branch Manager, YUM Kudat KPLB Branch Mgr., YUM Kota Marudu Agri. Officer, DOA Kota Marudu Regional Manager,, YS Agri. Officer, DOA Pitas Branch Manager, YUM Pitas Sri Pelancungan (SPS) IDS

PROJEK PERINTIS 4 : PENKULTURAN DAN PEMROSESAN RUMPAI LAUT

*Disediakan oleh Dr. Ahemad Sade dari DOF
Ketua Projek Perintis 4*

4-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

DOF telah memperolehi pencapaian yang menggalakkan dalam projek pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut di Semporna. Projek tersebut diperkenalkan kepada keluarga-keluarga di perkampungan nelayan. Walau bagaimanapun, kumpulan sasaran utama latihan dan program tersebut ialah kaum leleki sebagai ketua isirumah meskipun sebilangan aktiviti adalah dijalankan oleh kaum wanita luar bandar. Projek tersebut perlu memberi fokus yang lebih kepada penglibatan wanita luar bandar iaitu : Keupayaan memiliki sumber-sumber ekonomi dan perkongsian keuntungan yang seimbang.

Dalam pada itu, DOF berancang untuk membangunkan satu kes contoh pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut dan menggunakan projek tersebut untuk meningkatkan pendapatan wanita luar bandar melalui pengembangan projek ke kawasan-kawasan yang lain. Telah dibuktikan bahawa pengkulturan rumpai laut dan pembangunan pengawetan makanan rumpai laut merupakan aktiviti untuk wanita luar bandar walau pun belum ada peningkatan pendapatan kerana saluran dan rangkaian pasaran yang terhad. Projek ini mempunyai dua komponen: pengkulturan dan mengawet makanan diproses. Sebagai konsep projek perintis, pengkulturan harus mempunyai keutamaan yang lebih dari segi galakan pendapatan manakala pengawetan makanan diproses pula menambah nilai kepada produk tersebut. Adalah dijangka bahawa projek mempromosikan pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut adalah amat sesuai untuk menghapuskan kemiskinan di Sabah.

Objektif, kawasan sasaran dan kumpulan sasaran projek tersebut adalah seperti berikut:

(1) Objektif-objektif

- 1) Untuk membangunkan sistem kemahiran yang bersesuaian bagi pengkulturan rumpai laut, pemprosesan, jualan dan pengurusan kepada wanita luar bandar dan sistem pengembangannya;
- 2) Untuk mengukuhkan sistem pengembangan DOF; dan
- 3) Untuk meningkatkan sistem pengurusan perniagaan dan masyarakat.

(2) Kawasan Sasaran

Kawasan sasaran termasuk Kampung Look Butun dan Kampung Gelam-Gelam di Pulau Bum-bum, Semporna. Kampung Look Butun dan Kampung Gelam-Gelam adalah pusat pengkulturan rumpai laut di kawasan Semporna dan berhampiran dengan darat.

(3) Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran projek perintis ialah 20 wanita dari Kampung Look Butun dan Kampung Gelam-Gelam di Pulau Bum-bum, Semporna. Kumpulan tersebut terdiri dari dua kumpulan kecil dengan 10 orang ahli masing-masing dan dikenali sebagai Pasukan Tekun (bermakna “usaha yang berdedikasi”) dan Pasukan Rajin (bermakna “usaha bersungguh-sungguh”). Rencana ringkas kumpulan sasaran adalah ditunjukkan dalam Jadual 4-3.

Jadual 4-3: Rencana Ringkas Ahli Kumpulan Sasaran Projek Perintis 4

Ahli Kumpulan	Ahli Keluarga (orang)	Pendapatan Keluarga (RM/bln)	Nisbah pendapatan dari pengkulturan rumpai laut
1 A	4	700	0.80
2 B	6	700	0.90
3 C	5	500	0.80
4 D	9	650	0.80
5 E	11	700	0.80
6 F	3	350	0.80
7 G	9	800	0.80
8 H	6	850	0.75
9 I	3	500	0.90
10 J	8	700	0.80
11 K	4	500	0.80
12 L	11	600	0.80
13 M	5	450	0.80
14 N	8	400	0.80
15 O	7	400	0.90
16 P	6	400	0.80
17 Q	5	450	0.80
18 R	6	400	0.90
19 S	5	400	0.80
20 T	6	750	0.80
Purata	6.35	560.00	0.82

(Sumber Data: Soal selidik oleh Projek Perintis 4)

Komponen utama projek perintis adalah pengkulturan dan jualan rumpai laut yang menjana pendapatan untuk ahli kumpulan.

(1) Pengkulturan Rumpai Laut

Komponen utama projek tersebut ialah pengkulturan rumpai laut. Hampir semua rumpai laut kering yang dihasilkan di Semporna adalah dibeli oleh kilang-kilang tempatan. Pengeluaran rumpai laut kering tempatan setakat ini hanya dapat menampung 1/3 – 1/4 daripada jumlah permintaan kilang. Dengan ini, pengkulturan rumpai laut merupakan bidang perniagaan yang sangat cerah masa depannya.

Pengkulturan rumpai laut bagi projek perintis adalah dilaksanakan oleh kumpulan sasaran wanita luar bandar. Aktiviti-aktivitinya termasuk a) penyemaian (seeding), b) mengkultur, c) menuai, dan d) mengeringkan.

(2) Pembangunan makanan diawet

Selepas penjagaan dan rawatan lepas tuai, produk rumpai laut mentah akan dihantar ke kilang tempatan untuk pemprosesan kedua. Rumpai laut yang kering akan dicuci sekali lagi untuk menghilangkan kotoran melalui cucian alkaline untuk menghilangkan gentian rumpai laut. Selepas dikeringkan, gel tersebut akan dibubuk menjadi tepung. Produk akhir merupakan gred industri tepung “carrageenan powder” separa siap.

Dalam cadangan awal, projek tersebut akan membangunkan teknologi untuk pemprosesan separa bagi rumpai laut yang dituai dan kemudian ditambah nilaikan. Pemprosesan rumpai laut di bawah projek perintis termasuklah proses cucian, rawatan bahan kimia, pemotongan, produk separuh siap. Walau bagaimanapun, selepas perbincangan dengan salah sebuah kilang pemprosesan, didapati bahawa pemprosesan tambahan lepas tuai mungkin tidak sesuai dan tidak berdaya maju dari segi ekonomi bagi pelaksanaan projek. Halangan utama ialah anggaran pulangan pengeluaran rumpai laut yang akan diperolehi dari segi operasi projek tidak memberi justifikasi ke atas pemprosesan secara ekonomik kecuali kaedah pengeringan sedia ada. Kilang tersebut mencadangkan adalah lebih realistik untuk menggalakkan projek supaya menumpukan kepada pengeluaran pengkulturan rumpai laut yang semestinya berdaya maju.

Namun demikian, pembangunan produk rumpai laut untuk pasaran tempatan dan kegunaan di rumah kekal sebagai pilihan galakan pendapatan projek ini. Rancangan akan dibentuk untuk mengatasi kemungkinan penghasilan rumpai laut jeruk, rumpai laut garam dan rumpai laut kering untuk kegunaan di rumah.

(3) Peningkatan Kesedaran

Melalui kerja kumpulan, mesyuarat dan bengkel tetap, maka kesedaran ahli kumpulan akan ditingkatkan.

(4) Pemindahan Pengetahuan

Operasi keseluruhan projek adalah diselaraskan oleh pasukan petugas projek perintis termasuk Pegawai Daerah Semporna yang juga merupakan ketua pentadbir daerah tersebut. JKKK (Jawatankuasa Kemajuan Kampung) bagi Kg. Look Butun dan Gelam Gelam berperanan ssebagai penyelarasan tempatan dan badan penasihat.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi-agensi yang berkenaan ialah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas
 - Merancang, melaksana, mengesan, menilai aktiviti-aktiviti dan latihan
 - Pertukaran pengetahuan dan kemahiran dengan Pasukan Pengkaji JICA
 - Menyediakan bahan-bahan dan program latihan
 - Memudahcarakan bengkel dan melatih kakitangan pengembangan dalam bengkel pemudahcaraan
 - Mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
 - Menyediakan laporan pengesanan bulanan
- 2) JKKK
 - Penyelarasan antara Pasukan Petugas, Pegawai Daerah, dan Ketua Kumpulan
 - Mengesan pelaksanaan dan kemajuan projek
 - Mengesan buku perakaunan dan harta benda projek
 - Membantu dalam penyediaan laporan bulanan mengikut kumpulan
- 3) Kakitangan pengembangan
 - Sokongan teknikal semasa pelaksanaan projek
 - Memudahcarakan bengkel
- 4) Ketua Kumpulan dan Ketua Kumpulan bersama bagi kumpulan sasaran
 - Mengurus harta benda projek
 - Bertanggungjawab kepada pasukan pekerja (disiplin, kerjasama, dsb)
 - Bertanggungjawab kepada pelaksanaan projek
 - Bertanggungjawab kepada buku perakaunan (penyediaan dan mengemaskinikan)
 - Penyediaan laporan kemajuan bulanan dari kumpulan, memperincikan

aktiviti-aktiviti pengkulturan rumpai laut dan lain-lain aktiviti-aktiviti kumpulan

Selain itu, satu senarai syarat-syarat dan terma-terma telah diwujudkan untuk mamastikan keselamatan penjagaan harta benda projek;

- Semua harta benda projek adalah kepunyaan Jabatan Perikanan Sabah
- Semua bahan-bahan dan kelengkapan peralatan projek ini adalah di bawah tanggungjawab kumpulan
- Sebarang kerosakan atau kehilangan haruslah dilaporkan terus kepada JKKK oleh ketua dan JKKK harus melaporkan kepada Pasukan Petugas DOF dengan serta merta tertakluk kepada tindakan yang diambil oleh pasukan Petugas DOF.

4-2 **AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

4-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

(1) **Mesyuarat Pasukan Petugas**

Empat mesyuarat Pasukan Petugas telah diadakan pada 20, 24 September ;dan 3, 9 Oktober 2002 masing-masing. Berikut adalah perkara-perkara yang dibincangkan dan disahkan dalam mesyuarat tersebut iaitu; ahli pasukan petugas, tujuan projek, tapak projek, kumpulan sasaran, pelan pelaksanaan(konsep, jadual, belanjawan dsb)pelan pembelian, pelan pengesanan, dsb.

(2) **Lawatan Projek**

Ahli pasukan petugas telah mengadakan lawatan ke tapak projek sebanyak tujuh kali semasa fasa 1. Tujuan lawatan tersebut ialah 1) mesyuarat dengan Pegawai Daerah (DO); 2) pemilihan kumpulan sasaran; 3) bengkel permulaan; 4) pemeriksaan peralatan yang dihantar; 5) perbincangan jadual penyemaian; 6) mesyuarat dengan semua ahli kumpulan sasaran, 7) arahan teknikal; 8) seminar motivasi dan perakaunan; dan 8) pengesanan dan penilaian separuh penggal.

(3) **Bengkel**

Bengkel untuk kumpulan sasaran diadakan pada 7 Oktober 2002 di pejabat DOF Semporna. Antara mereka yang hadir ke seminar tersebut ialah 22 wanita kumpulan sasaran, JKKK Pulau Bum-bum, kakitangan DOF dan KPD termasuk kakitangan pengembangan Semporna, ahli pasukan petugas dan Pasukan Pengkaji. Perkara yang dibincang dan disahkan ialah mengenai tujuan projek pelaksanaan projek dan aktiviti, jadual pelaksanaan dan sebagainya.

(4) Pembelian

Berdasarkan kepada kaji selidik sebutharga, pelan pembelian berikut telah disediakan. Pesanan pembelian pertama dibuat pada bulan Oktober dan dihantar antara Oktober-November 2002. Pesanan pembelian kedua dijadualkan dalam February-March 2003. Pembekalan dan peralatan serta kemudahan tambahan adalah diperlukan untuk mengembangkan pengkulturan rumpai laut sehingga mencapai keluasan 20 ekar.

Pembelian Pertama		
1	PE rope, 6mm	220 rolls
2	Raffia rope	200 rolls
3	Plastic bottle float	2,200 pcs
4	Wood stick, 2"x2"x16ft	440 pcs
5	Seaweed seed	60,500 pcs
6	Harvest boat, 15ft	2 units
7	Outboard engine, 15Hp	2 units
8	Accessories for boat	2 sets
9	Seeding boat, 13ft	10 units
10	Seaweed drying platform	1 unit
Pembelian Kedua		
11	PE rope, 6mm	60 rolls
12	Raffia rope	200 rolls
13	Plastic bottle float	5,000 pcs
14	Wood stick, 2"x2"x16ft	200 pcs
15	Seaweed drying platform (additional)	1 unit
16	Seaweed storage shed	2 pcs
17	Preserved food processing equipment	1 unit

(5) Pemasangan dan penyemaian

Kelengkapan peralatan pertama telah dihantar di tapak dan diselia oleh DOF Semporna. Ahli kumpulan memasang tali pengkulturan ladang(culturing farming ropes)sebanyak 110 baris masing-masing pada Oktober dan Disember 2002. Bot yang digunakan semasa menuai (2 unit dengan kelengkapan enjin dan perkakas) dan bot penyemaian (10 unit) telah dihantar ke tapak projek dan diserahkan kepada ahli kumpulan.

Pembelian kedua tali pengkulturan ladang akan dipasang pada March 2003, kemudian skel operasi sepenuhnya akan mempunyai 220 baris.

(6) Pengeluaran

Penuaian secara deretan telah diadakan pada bulan Disember 2002 untuk 40 baris yang disemai pada Oktober 2002, manakala penuaian kedua dilakukan pada Januari and Februari 2003 untuk 40 baris berikut yang disemai pada Disember 2003.

(7) Menuai

Sasaran pengeluaran rumpai laut dari 110 baris adalah dijangka lebih kurang 68,750 kg dalam 2 bulan (bersamaan dengan 7,525 rumpai kering dan 15,000 kg benih untuk penanaman semula). Sekiranya anggaran pengeluaran rumpai kering mencapai 20mt, maka ia merupakan pencapaian yang amat berjaya.

- 1) 40 baris ditanam (4 ekar) dalam Nov 2002
- 2) Menuai pada Dec 2002, 700kg rumpai laut kering (5,000kg basah), selain dari 6,000kg rumpai basah untuk penanaman berikutnya. Benih permulaan yang dibeli ialah 6,000kg.
- 3) Disember 2002: sejumlah 110 baris ditanam (70 baris baru), tambahan 9,000 kg benih dibeli
- 4) March 2003: Anggaran pengeluaran 20mt rumpai kering dan benih yang cukup untuk penanaman semula untuk lebih 110 baris.

4-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003) (PERLU DIKEMASKINI)

(1) Lawatan bulanan dan Mengesan Kemajuan Projek Rumpai Laut di Tapak Projek

Pada awal bulan March 2003, lebih kurang 8MT rumpai laut kering telah dihasilkan pada harga di antara RM1.80-RM2.00. Jumlah pengeluaran rumpai laut kering sehingga penghujung March ialah lebih dari 30MT. Setakat ini, sejumlah 230 baris telah ditanam dan penuaian mengikut jadual telah dilaksanakan. Rumpai laut kering ini dijual sebanyak 2-3 kali seminggu dengan lebih kurang 1-2MT setiap pusingan. Rumpai laut putih yang bersesuaian untuk penggunaan juga dihasilkan dalam kuantiti yang kecil berdasarkan permintaan pasaran.

Jumlah pengeluaran rumpai laut kering sehingga penghujung March 2003 adalah 44.47MT yang bernilai pada RM80,046 yang telah dituai dari jumlah 220 baris. Ianya dijangka akan menghasilkan lebih kurang 20MT rumpai laut kering pada bulan April 2003 dari jumlah 110 baris yang telah ditanam dari Februari 2003. Walau bagaimana pun, pengeluaran bulan April adalah rendah berbanding dengan anggaran kerana merebaknya penyakit bermusim yang biasanya dinamakan 'Ais-Ais'.

Berdasarkan kepada rekod, jumlah pengeluaran rumpai kering pada bulan Mei adalah dianggarkan 5MT sahaja. Akan tetapi kumpulan tersebut telah mempelbagaikan galakan pendapatan melalui jualan benih kepada petani tempatan pada harga RM0.50/kg. Jumlah pengeluaran benih untuk dijual adalah lebih kurang 3MT. Keadaan ini mungkin berlanjutan sehingga tamatnya penyakit 'Ais-Ais', iaitu dijangka pada penghujung Jun atau awal Julai

2003.

Jumlah pengeluaran untuk rumpai kering dalam bulan Jun, Julai, Ogos, dan September 2003 adalah 5.63 MT, 9.70 MT, 8.75 MT and 12.51 MT masing-masing. Jumlah pengeluaran dan nilai untuk setiap bulan adalah ditunjukkan pada jadual berikut:

Bulan	Kuantiti (MT)	Nilai (\$RM)
March 2003	6.72	RM 12,096.00
April 2003	4.32	RM 7,776.00
May 2003	5.22	RM 9,396.00
June 2003	5.63	RM 10,134.00
July 2003	9.70	RM 17,460.00
August 2003	8.75	RM 15,750.00
September 2003	12.51	RM 22,518.00
Jumlah	52.85	RM 95,130.00

Pengeluaran pada bulan Oktober 2003 dijangka akan meningkat memandangkan tidak ada penyakit merebak yang wujud dan peserta-peserta telah menumpukan perhatian sepenuhnya untuk penanaman rumpai laut.

(2) Bengkel Kedua mengenai Kesedaran dan Motivasi

Bengkel kedua telah diadakan di dewan masyarakat Look Butun dari 27-28 March 2003, yang melibatkan 20 peserta. Objektif utama bengkel ini ialah untuk menekankan motivasi dan kesedaran di kalangan kumpulan wanita dan mengamalkan perbincangan kumpulan sebagai satu pasukan dengan membuat pelan masa depan dan daya kemungkinan maju pelan tersebut. Pasukan petugas terdiri dari tiga orang iaitu dari DOF, dua dari KPD termasuk Puan. Nemy Ontol dan Pn. Hjh Subiah Laten dari Jabatan Hal Ehwal Wanita bersama-sama menganjurkan bengkel ini.

(3) Bengkel Ketiga mengenai Pengurusan Dana Kumpulan, Buku simpan Kira-kira Individu dan Kumpulan dan Pengenalan kepada Peranan dan Kepentingan Persatuan

Bengkel ini diadakan di dewan masyarakat Look Butun pada 7 June 2003. Bengkel ini lebih kepada mengesahkan dan menerangkan kepentingan dan peranan setiap ahli kumpulan untuk mencapai tujuan umum iaitu untuk mewujudkan projek yang berdaya maju dan dinamik melalui persatuan/korporasi mereka. Penubuhan dana kumpulan dan tujuan dana ini

untuk pelan masa depan telah diterangkan dan ditekankan semasa bengkel ini.

(4) Perbincangan tetap dengan JKKK, Ketua dan pembantu Ketua, Kakitangan pengembangan dan Pasukan Petugas di Semporna

Tujuan perbincangan tetap ini ialah untuk mendapatkan dan berkongsi maklumat dari ahli yang berkenaan dengan projek dan untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit dari proses pelaksanaan di samping mengemaskini dan merancang aktiviti-aktiviti seterusnya. (e.g. Penyertaan dalam Pesta Menuai Peringkat Negeri pada Mei 2003).

Dalam mesyuarat yang lalu pada Jun 2003, kebanyakan topik yang dibincangkan ialah mengenai peranan Pasukan Petugas khasnya dari DOF selepas projek perintis siap dilaksanakan menjelang Februari 2003. Semua ahli dari DOF bersetuju untuk meneruskan pengesanan dan penyeliaan projek tersebut yang akan dilakukan dua kali sebulan mengikut jadual.

(5) Pemeriksaan dan Pengesahan Persiapan Pembelian Bahan-bahan Tambahan

Berdasarkan kepada perbincangan dengan kumpulan yang lepas, beberapa pembelian bahan tambahan telah diminta untuk memenuhi sasaran untuk 220 baris rumpai laut seperti tali, botol terpakai, dan batang kayu. Lain-lain kemudahan seperti platform pengeringan, pondok penyimpanan, dan item-item asas dan bahan untuk pemprosesan dan pembungkusan rumpai kering dan rumpai jeruk dihantar dan disiapkan mengikut jadual..

(6) Aktiviti-aktiviti Permulaan Projek mengenai Pemprosesan dan Pembungkusan Rumpai Laut Jeruk dan Rumpai Laut Kering

Aktiviti permulaan memfokuskan kepada pemprosesan dan pembungkusan rumpai laut jeruk dan rumpai laut kering telah diadakan pada minggu pertama Mei 2003. Terdapat enam jenis resipi rumpai laut jeruk telah dihasilkan dan dibungkus dalam bentuk botol bertutup. Setiap resipi dimuatkan dalam tiga botol iaitu satu disimpan dalam peti sejuk, dua lagi dalam suhu bilik. Setiap botol dilabelkan dengan tarikh pembungkusan, nombor resepi dan keadaan penyimpanan. Objektif langkah ini ialah untuk mengkaji jangka hayat simpan dan penilaian "organoleptic" untuk setiap jeruk di perantaraan 1-2 minggu.

Penilaian "rganoleptic" bagi setiap resepi menunjukkan bahawa jangka boleh simpan rumpai laut jeruk pada suhu bilik hanyalah 2 hari sahaja manakala yang disimpan dalam peti sejuk boleh bertahan sehingga sebulan. Dengan ini, hanya 5 resepi diputuskan untuk dipamerkan dan dipromosikan semasa Perayaan Pesta Menuai.

Label akhir yang digunakan untuk rumpai laut kering telah direkabentuk bagi 500 gm/

bungkus dan harga untuk setiap produk tersebut ialah RM6 (warna asli) dan RM8 (warna putih) setiap bungkus.

Label akhir termasuk logo PUANDESA, bahan-bahan dan kenyataan pemakanan rumpai laut telah dihasilkan dan digunakan semasa Perayaan Pesta Menuai baru-baru ini.

(7) Penyertaan dalam Pameran PUANDESA semasa perayaan Pesta Menuai

Lima ahli dari Semporna telah dijemput dan terlibat dalam Pesta Menuai. Mereka ialah JKKK dari Kg. Look Butun, ketua dan pembantu ketua kumpulan dan dua kakitangan pengembangan dari Pejabat Perikanan Semporna.

Empat jenis rumpai laut jeruk dan dua jenis rumpai laut kering telah dipamerkan dan dijual pada masa pesta menuai.

Di bawah Projek Perintis 4, kebanyakan gambar yang dipilih dari aktiviti projek, pengenalan dan ringkasan laporan projek, kenyataan pemakanan rumpai laut dan produk berdasarkan rumpai laut telah dipamerkan semasa perayaan tersebut.

Berdasarkan kepada pemerhatian dan penilaian, kami menerima sambutan yang menggalakkan dari pelbagai pelawat yang mengunjungi gerai kami sepanjang pameran tersebut.


(8) Penyertaan Persidangan Penilaian PUANDESA di Hotel Promenade, Kota Kinabalu

Persidangan ini diadakan di Promenade Hotel dari 7-8/10/2003. Sejumlah 10 peserta dari projek P4 dan lima kakitangan pengembangan telah terlibat dalam persidangan ini. Tiga kertas kerja projek P4 telah dibentangkan yang terdiri dari ketua pasukan, kakitangan pengembangan, dan wakil dari kumpulan P4. Secara umum, beberapa penemuan, pembelajaran diperolahi dan rekomendasi telah dibangkitkan dan didapati sangat berguna untuk memastikan kejayaan dan daya maju projek perintis ini. Sampel rumpai laut kering yang dibungkus dalam 500 gm dan dilabelkan dengan logo PUANDESA telah dipamerkan dan dijual semasa persidangan tersebut.

(9) Penstrukturan Semula dan Organisasi

Kumpulan tersebut telah distrukturkan semula di mana dua kumpulan kecil telah distrukturkan semula dan pemilihan ketua, pembantu ketua, setiausaha, bendahari ahli jawatankausa telah diadakan pada 7-9/07/2003 dalam bengkel yang khas. Bengkel ini diadakan di pejabat DOF di Semporna dan semua peserta telah dijemput dan menghadiri

mesyuarat dan bengkel tersebut. Peranan setiap ahli dan undang-undang dan peraturan mengenai dana kumpulan dan pengurusan aset juga disahkan dan dipersetujui di kalangan mereka. Struktur organisasai yang baru adalah seperti berikut;



- Nota: Ahli ini meninggal dunia baru-baru ini Oktober 2003 pada umu 36 tahun

4-3 PENEMUAN BAGI PENILAIN LEPAS PELAKSANAAN DAN PEMBELAJARAN DIPEROLEHI

- (1) Memahami peranan dan kepentingan setiap ahli kumpulan dan semangat bekerjasama yang harus dikukuhkan dan digunakan di kalangan mereka.
- (2) Menubuhkan dana kumpulan, mekanisma yang ideal untuk mengurus dana, dan pelaksanaan perkongsian keuntungan yang berkesan patut ditekankan di samping pengesanan dan penyeliaan yang rapi.
- (3) Untuk membangun dan mengukuhkan keupayaan kumpulan dari segi penubuhan halatuju masa depan dan pengurusan kumpulan dengan usaha sendiri ke arah lebih teratur dan berkesan.

- (4) Memandangkan hanya dua peserta yang berupaya untuk membaca dan menulis , usaha seterusnya diperlukan untuk membantu mereka sekurang-kurangnya untuk memahami nombor dan huruf yang asas serta keupayaan membaca dan menulis. Keadaan ini akan dapat membantu mereka membuat buku simpan kira-kira dengan usaha mereka sendiri.
- (5) Walau pun peserta didedahkan kepada pengurusan kumpulan dan pemahaman mengenai peranan, namun usaha pengesanan dan pembelajaran dari pasukan petugas adalah perlu dan perlu dilaksanakan secara berterusan dari masa ke semasa.
- (6) Adalah diperhatikan dan didapati bahawa kursus latihan yang diberikan kepada kakitangan pengembangan P4 adalah berguna untuk mengukuhkan keupayaan mereka dalam pelaksanaan projek perintis dengan pendekatan yang lebih berkesan.
- (7) Peristiwa penyakit bermusim yang menyerang rumpai laut setiap tahun merupakan faktor utama yang menjejaskan pengeluaran rumpai laut. Akibatnya, pendapatn mereka akan berkurangan dan kekurangan pembekalan benih pula menjadi masalah pada musim menanam.
- (8) Secara umum, adalah diperhatikan bahawa peserta menjadi lebih yakin dan berani untuk mengemukakan idea, pandangan, cadangan dan apa-apa masalah yang dihadapi selepas beberapa siri bengkel yang dihadiri. Mereka juga menjadi lebih bekerjasama dan dapat berkomunikasi dengan baik semasa bengkel atau mesyuarat yang bertentangan dengan keadaan semasa mesyuarat pertama masa lalu.
- (9) Pada keseluruhannya, semua peserta telah menunjukkan perubahan yang positif mengenai minda mereka ke arah masa depan projek dan mereka telah menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk memastikan objektif projek ini dapat dicapai dengan jayanya pada masa akan datang.

4-4 RANCANGAN MASA DEPAN

- (1) DOF akan terus menyokong dan mengesan kemajuan projek perintis ini dan akan memastikan mekanisma dan pendekatan yang digunakan dalam projek perintis ini akan berkembang atau dilaksanakan untuk kumpulan yang lain samada dari kampung yang sama atau ke kampung yang lain.
- (2) Kakitangan pengembangan dan pasukan petugas di Semporna akan terus melaksanakan peranan masing-masing seperti lawatan mingguan untuk mengesan, memungut data dan membekalkan perkhidmatan teknikal kepada peserta, menghadiri mesyuarat kumpulan sebagai pemerhati dan memberi khidmat nasihat jika

diperlukan; menyampaikan maklumat terkini mengenai rumpai laut dan sebagai audit kepada kumpulan buku simpan kira-kira.

- (3) Pengurusan dana kumpulan akan dikendalikan oleh peserta melalui ketua dan bendahari yang dipilih tetapi diselia dan dikesan dengan rapi oleh DOF. Tugas Pasukan petugas ialah memastikan 20% dari setiap jualan akan disumbangkan ke dalam dana supaya memastikan kumpulan sasaran akan mencapai (sekurang-kurangnya \$RM80,000) menjelang penghujung 2004.
- (4) Satu lagi mesyuarat dan bengkel akan diadakan dan semua peserta dan pasukan petugas termasuk kakitangan pengembangan akan dijemput. Objektif mesyuarat ini ialah untuk menubuhkan jawatankuasa pinjaman di samping mewujudkan undang-undang dan peraturan demi untuk mengurus dana mereka.(khasnya untuk pengkulturan rumpai laut).
- (5) Beberapa elemen dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) akan dilaksanakan dalam projek perintis ini. Contohnya, untuk mengenalpasti proses pengeringan mengenai bagaimana untuk mempercepatkan proses pengeringan tanpa menjejaskan kualiti produk akhir di samping menghasilkan rumpai laut putih yang kering.
- (6) Bekerjasama dengan agensi dan jabatan yang berkenaan akan mengukuhkan kejayaan dan daya maju projek ini. KPD akan memainkan peranan dalam mempromosikan pembangunan sumber manusia di kalangan peserta-peserta. Permohonan dana untuk operasi perancangan masa depan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan dipertimbangkan.

**JADUAL 4-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 4
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**

PROJECT SUMMARY	INDICATOR	SOURCE OF INDICATOR	IMPORTANT ASSUMPTION
<p>OVERALL GOAL : Seaweed culture and processing projects are to be expanded to other fishing villages beyond the pilot site by utilizing the development model.</p>	<p>1) Utilization of development model by rural women 2) Income generation by utilizing development model</p>	<p>1) Activity report 2) Sampling survey</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Activities are to be carried on by the related agency (DOF).
<p>PROJECT PURPOSE : Income of the target rural women group is to increase and the group activities for improving living conditions in their community is to be strengthened through implementation of seaweed culture pilot project</p>	<p>1) Income generation of target women group 2) Group activities 2-1)Regular meeting 2-2)Workshop 2-3)Problem solving</p>	<p>1) Income statement 2-1)Meeting record 2-2)Activity report 2-3)Performance survey</p>	<ul style="list-style-type: none"> • The development model is to be accepted and utilized by the other fishing villages.
<p>EXPECTED OUTPUT : 1. Seaweed culture and post harvest treatment is obtained for appropriate implementation by women of target group. 2. Effort for income generation is made by the women of target group 3. Business and community management system is developed for the women group. 4. Capacity of DOF and other related agencies are strengthened</p>	<p>1-1) Seaweed production 1-2) Seaweed production activity 2-1) Development of preserved food 2-2) Quality/cost of products to meet for market needs 3-1) Work cooperation system 3-2) Positive attitude of participation 4-1) Number of trained staff 4-2) Gender consideration of staff 4-3) Level of dissemination activities</p>	<p>1-1) Production record 1-2) Performance survey 2-1) Performance survey 2-2) Production record 2-3) Questionnaire 3-1) Questionnaire 3-2) Monthly report 4-1) Monthly report 4-2) Questionnaire 4-3) Questionnaire</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Market needs of processed seaweed product are to be stable.


<p>ACTIVITIES :</p> <p>1-1 Training of seaweed culture technology for women group</p> <p>1-2 Group works on seaweed culture by women group for planting, cultivation and post harvest treatment</p> <p>1-3 Procurement and installation of equipment & facilities for seaweed culture</p> <p>1-4 Planting and cultivation of seaweed</p> <p>2-1 Developing preserved food of seaweed (pickles, dry, salted, etc.) for women group</p> <p>2-2 Workshop for group works for sanitation and hygiene control for food processing preserved seaweed</p> <p>2-3 Marketing for preserved seaweed</p> <p>3-1 Book keeping and reporting on income/expenditure for project implementation</p> <p>3-2 Workshop on project implementation plan and cost/sales management</p> <p>3-3 Workshop on needs of buyer and user of processed seaweed</p> <p>3-4 Training of management, accounting, marketing, quality control, etc. for women group</p> <p>3-5 Development market needs for seaweed products</p> <p>3-6 Workshop on improvement for health, sanitation and human community</p> <p>4-1 Meeting with DO and JKKK</p> <p>4-2 Planning and preparation with the target group</p> <p>4-3 Monitoring and evaluation of pilot project</p>	<p>INPUT</p> <p>[FROM SABAH]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Operation expenses 2) Counterparts 3) Seaweed culturing area (20 acres) 4) Post harvest facilities installation area and necessary building and store <p>[FROM JAPAN]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Initial investment for seaweed culture and post harvest processing 2) Training materials and expenses 3) Local consultant 4) Monitoring expenses 	<ul style="list-style-type: none"> • Rural women in fishing villages are to accept the pilot project activities. • Community members are to understand and agree on the project implementation.
---	--	---

JADUAL 4-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI PROJEK PERINTIS 4 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Preparation (1) Formulation of the taskforce team (2) Preparation of a detailed plan and cost estimates	Agreement on the project design Detailed plan and cost estimates															Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Meeting with DO and JKKK	Agreement with DO and JKKK															Project team leader	TT
3	Selection of the target group	Target group															Project team leader	TT
4	Baseline survey of the target group	Current conditions of the target group															Project team leader	TT
5	Training for extension workers (1) Design of training plan (2) Lecture : gender, project management, production skill etc. (3) Practice : culture, process, sanitation, management etc.	Extension workers trained															Project team leader	TT
6	Purchasing and installation (1) Quotation survey (2) Purchasing culturing equipment (3) Installation and inspection (4) Purchasing culturing equipment (5) Installation and inspection (6) Commissioning and test operation	Necessary culturing and processing equipment installed															Project team leader	TT and contractors
7	Training of the target group (1) Training of the target group (2) Seaweed culture and harvesting (3) Processing (4) Sales and marketing	Target group members trained															Project team leader	TT and extension workers
8	On-the-job training	Products produced by the target group															Project team leader	TT and extension workers
9	Demonstration of sales	Sales activities															Project team leader	TT and extension workers

**JADUAL 4-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK
PERINTIS 4**

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Dr. Ahemad Sade	Head of Marine Resource Research Section, DOF
Co-leader:	Ruzlee Jumatin	OIC of DOF Semporna Office
Book-keeper	Dr. Ahemad Sade	Head, DOF
Members:	Irman B. Isnain	Assistant Fisheries Officer, DOF
	Saili Hj. Libi	Head of Socio Economic Section, DOF
	Sairin Samin	Head of Marine Aquaculture Section, DOF
	John Enca	OIC of Seaweed Culture Project, DOF
	Nemy Ontol	Human Development Supervisor, KPD
	Isip Majalut	Project Manager, KPD Semporna
	Ahadiyah Md. Khairi	Deputy Director, FAMA
	Salahudin Thambi	MARDI
	Kaim Kalimin	Assistant Secretary, KPLB
	Mohd Tahir Hj. Ahmad	DOF Semporna
	Prof. Dr. Ridzuan Abd. Rahman	University of Malaysia, Sabah (UMS)
	Saifullah	UMS

PROJEK PERINTIS 5 : PEMBAIKAN DAN INOVASI FUNGSI TAMU

*Disediakan oleh Theresa Moguil dari KPD
Setiausaha Projek Perintis 5*


5-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pengurusan Tamu KPD di Kota Kinabalu dan membekalkannya dengan peranan baru sebagai asas untuk usahawan wanita luar bandar.

Sebagai sasaran projek ini, pasukan petugas telah memfokuskan kepada pembaikan empat fungsi TAMU KPD. Antaranya ialah 1) untuk membekalkan latihan pembaikan produk wanita luar bandar seperti pengendalian makanan dan kebersihan.; 2) sebagai “antenna shop” atau kemudahan promosi jualan untuk produk wanita luar bandar; 3) sebagai pusat maklumat bagi produk tempatan dan aktiviti-aktiviti wanita luar bandar; dan 4) untuk meningkatkan keupayaan kakitangan KPD dari segi pemasaran dan pembangunan produk baru. Rencana ringkas bagi empat sasaran fungsi yang tersebut di atas ialah seperti berikut:

(1) Peningkatan kesedaran dan latihan

Projek perintis membekalkan kesedaran dan latihan kemahiran mengenai pengendalian makanan dan kebersihan kepada kumpulan sasaran. Selepas latihan ini, adalah dijangka bahawa kualiti produk mereka akan meningkat dan dapat diperkembangkan pasarannya. Kursus latihan ini akan membekalkan pengetahuan asas untuk kumpulan sasaran dan latihan praktikal di pasar Tamu KPD. Komponen latihan projek adalah direkabentuk seperti berikut:



(2) Promosi jualan di Tamu KPD

Pelatih-pelatih yang tamat kursus latihan mengenai pengendalian makanan dan kebersihan akan dijemput untuk menyertai aktiviti promosi jualan di pasar Tamu KPD dan menjual produk berasaskan pertanian dengan pengetahuan yang mereka pelajari melalui kursus tersebut. Dengan aktiviti promosi jualan ini, KPD akan dikenali sebagai asas usahawan wanita luar bandar oleh usahawan wanita sendiri dan juga para pengguna. Pada masa yang sama, adalah dijangka bahawa Tamu KPD akan mewujudkan jaringan kepada usahawan wanita luar bandar.

(3) Pusat maklumat usahawan wanita luar bandar

Pengwujudan Tamu KPD boleh berfungsi sebagai pusat maklumat usahawan wanita luar bandar dan aktiviti-aktiviti serta produk mereka. Melalui promosi jualan yang disebutkan di atas, fungsinya sebagai “antenna shop” akan dibentuk. Untuk menuncukcara dan menyebarkan maklumat mengenai usahawan wanita luar bandar dan Kajian PUANDESA dengan berkesan, ahli pasukan petugas akan berbincang dan merekabentuk bagaimana untuk meningkatkan kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada.


(4) Peningkatan keupayaan kakitangan KPD

Menggunakan peluang dengan sepenuhnya jualan promosi di Tamu KPD, keupayaan kakitangan KPD akan dijalankan melalui kajian soal selidik mengenai keperluan dan keutamaan para pengguna Tamu. Manakala pasukan petugas pula akan mengadakan penyelidikan pasaran untuk mengenalpasti pandangan dan idea pengguna-pengguna semasa promosi jualan tersebut. Perkara yang dirangkumi dalam penyelidikan tersebut ialah 1) bilangan pelanggan yang mengunjung ke Tamu KPD; 2) komen dan pandangan mengenai promosi jualan dari kumpulan sasaran dan para pelanggan; dan 3) volum jualan dan keuntungan dari promosi jualan. Keputusan penyelidikan akan dijilid oleh pasukan petugas dan laporan akan diumumkan kepada pihak awam.

Ringkasan projek adalah ditunjukkan dalam Rekabentuk Matrix Projek (PDM) dalam Jadual 5-1 manakala pelan pelaksanaan terperinci dipaparkan pada jadual 5-2. Kumpulan sasaran termasuk dalam kelompok 1, 2, 3 dan 4, yang telah memulakan perniagaan dan telah cuba mencari peluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

Projek tersebut dilaksanakan oleh pasukan petugas projek bagi Projek Perintis 5, yang mana aktiviti-aktiviti adalah diselia dan dikesan oleh Pasukan Petugas Pemasaran. KPD merupakan agensi utama projek ini manakala DOA, DOVSAI, YUM dan FAMA adalah ahli pasukan petugas. KPD-OISCA pula bertanggungjawab dalam latihan mengenai kawalan

kualiti makanan. Tanggungjawab projek adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-1.



Rajah 5-1: Tanggungjawab Agensi bagi Projek Perintis 5

Peranan dan tanggungjawab bagi individu dan agensi yang berkaitan adalah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas
 - Merancang, melaksana, mengesan dan menilai aktiviti-aktiviti dan latihan
 - Bertukar-tukar pengetahuan dan kemahiran dengan Pasukan Pengkaji JICA
 - Merancang dan memudahcara bengkel
 - Mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
 - Menyediakan laporan pengesanan bulanan
- 2) Pusat Latihan KPD/OISCA
 - Merancang dan memudahcara bengkel
 - Melatih kumpulan sasaran dalam pengendalian makanan dan kebersihan
- 3) Ahli Kumpulan Sasaran
 - Menyertai kursus latihan pengendalian makanan dan kebersihan
 - Menyertai promosi jualan di Tamu KPD
 - Membentuk dan menyertai jaringan bagi usahawan wanita luar bandar dan bertukar-tukar pengetahuan dan kemahiran dengan ahli-ahli yang lain.

5-2 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

5-2-1 SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)

(1) Perancangan aktiviti-aktiviti Projek

Berdasarkan kepada draf PDM yang disediakan oleh Pasukan Pengkaji JICA, ahli pasukan petugas telah membincangkan masalah dan potensi Tamu KPD. Mereka telah mewujudkan pelan projek dan menaiktarafkan PDM. Petunjuk-petunjuk pengesanan dan penilaian aktiviti-aktiviti juga dibentuk oleh ahli-ahli pasukan.


Pasukan petugas projek mengadakan mesyuarat sebanyak sekali dalam seminggu untuk membincangkan konsep, tujuan, aktiviti-aktiviti dan metodologi projek tersebut. Selepas mencapai persetujuan bagi struktur keseluruhan projek tersebut, PDM telah dipersetujui oleh ahli-ahli pasukan.

(2) Merekabentuk kursus latihan

Satu kursus latihan untuk wanita luar bandar telah dirancang oleh pusat latihan KPD/OISCA dengan kerjasama dari pasukan petugas. Berdasarkan kepada program tersebut, ahli-ahli pasukan telah mengenalpasti samada kandungan latihan tersebut bersesuaian dan praktikal untuk usahawan wanita luar bandar atau sebaliknya. Mereka juga telah berbincang mengenai tahap teknikal latihan tersebut.

(3) Melaksanakan kursus latihan

Semasa pelaksanaan fasa 1, projek ini telah mengadakan beberapa siri seminar kawalan kualiti dan kebersihan untuk ahli kumpulan sasaran di pusat latihan KPD/OISCA di Tenom. Latihan tersebut adalah dikendalikan oleh pakar dari OISCA dan Kementerian Kesihatan, Sabah. Kursus mengenai “Basic hygiene and business administration” telah diberikan kepada kumpulan sasaran yang berancang untuk memulakan atau memperkembangkan perniagaan mereka. Komponen utama program tersebut merangkumi 1) pengendalian makanan; 2) buku simpan kira-kira; dan 3) arahan bagaimana untuk mendapatkan lesen. Dua kursus selama 3 hari telah dilaksanakan iaitu dari 13-15 dan 20-22 Disember 2002. Selepas kursus latihan tersebut, 30 pelatih telah menyempurnakan kursus latihan dan menerima sijil Projek Perintis 5. Aliran rasmi untuk memperolehi sijil tersebut adalah ditunjukkan dalam Jadual 5-2.



Rajah 5-2: Aliran untuk memperolehi Sijil Pengendalian Makanan

(4) Promosi jualan dan kaji selidik pasaran di Tamu KPD

Kumpulan sasaran yang menyempurnakan latihan kebersihan telah dibenarkan untuk menyertai aktiviti promosi jualan di Tamu KPD, dimana kakitangan KPD telah bekerja bersama dengan mereka, menunjukkan kemahiran pengeluaran yang diperbaiki, mengagihakan resepi yang merangkumi isu kebersihan, dan menjual produk dengan kerjasama dari agensi yang berkaitan. Pada masa yang sama, kakitangan KPD telah mengumpul maklumat dari pengguna untuk meningkatkan taraf produk tersebut.

Mengikut rekomendasi-rekomendasi yang dikemukakan oleh agensi-agensi yang berkaitan, pasukan petugas memutuskan untuk menjual produk-produk berikut melalui tunjukkan di Tamu KPD.

<u>Komoditi</u>	<u>Agensi bertanggungjawab</u>
1) Jus buah-buahan	: FAMA
2) Ayam Panggang	: DOVSAI
3) kek tempatan	: DOA
4) Kacang tanah	: KPD
5) Kraftangan	: KPD/Project No.9

Jadual menunjukkan adalah ditunjukkan di Jadual 5-3:

Jadual 5-3: Jadual Menunjukcara

	Jan. 26	Feb. 9	Feb 23	March 9	March 30	April 13	April 27	May 11	May 25	Jun 15	Jun 29	times
Fruits juice		○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	10
Chickens			○			○			○		○	4
Local cake		○			○			○			○	4
Ground nuts				○			○			○	○	4
Handicraft		○		○		○	○		○		○	6
Survey	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	11
Done	●	●	●									

Aktiviti jualan promosi pertama ialah jualan jus buah-buahan dan kek tempatan yang telah dikendalikan oleh kumpulan sasaran yang menyempurnakan kursus latihan pengendalian makanan dan kebersihan pada 9 Februari 2003. Mereka telah menunjukkan cara yang lebih baik dalam menyediakan kek tempatan dan jus buah-buahan di hadapan para pengguna dan telah mengagihkan resepi sambil menerangkan kepentingan kebersihan dan cara-cara pengendalian makanan.

Sasaran dan bilangan sampel dari penyelidikan pasaran adalah seperti berikut:

- 50 sampel pengguna dalam satu kaji selidik asas
- 50 sampel pengguna dalam setiap promosi jualan (10 aktiviti promosi jualan akan dilaksanakan)
- 10 sampel ahli kumpulan sasaran bagi setiap promosi jualan (10 aktiviti promosi akan diadakan)

(5) Merekabentuk peningkatan dan pembaikan kemudahan dan kelengkapan Tamu KPD

Kakitangan KPD telah merekabentuk tentang cara-cara untuk memperbaiki kemudahan mereka supaya Tamu KPD dapat berfungsi sebagai asas kepada usahawan wanita luar bandar. Mereka telah mendirikan ruang perhubungan awam bagi projek perintis PUANDESA di tapak Tamu KPD dan mempunyai rancangan untuk memperbaikinya pada fasa pelaksanaan yang ke2.

5-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

(1) Promosi Produk di Tamu KPD

Aktiviti-aktiviti promosi jualan di Tamu KPD dilaksanakan secara berterusan. Para peserta yang dipilih melalui rekomendasi oleh agensi-agensi yang berkaitan terus untuk menjual

produk mereka, memperolehi pengalaman dari keadaan pasaran. Keadaan yang sedemikian telah membolehkan mereka memperbaiki prestasi berdasarkan kepada pembelajaran yang diperolehi, bidang seperti seni jualan, interaksi dengan pelanggan, memenuhi keperluan pelanggan, kebersihan dan sebagainya.

Penyertaan mereka dari bulan March hingga Jun 2003 adalah seperti berikut:

9 March 2003:	FAMA (jus buah-buahan), KPD (kraftangan), KPD(kacang tanah)
30 March2003:	FAMA (jus buah-buahan), DOA (kek tempatan),
13 April 2003:	FAMA (jus buah-buahan), KPD (kraftangan), DOVSAI (puyuh / ayam kampung)
11 Mei 2003:	FAMA (jus buah-buahan), DOA (kek tempatan)
25 Mei 2003:	FAMA (jus buah-buahan), KPD (kraftangan), DOVSAI (puyuh / ayam kampung)
15 Jun 2003:	FAMA (jus buah-buahan), DOVSAI (puyuh / ayam kampung)
19 Jun 2003	DOA(kek tempatan), FAMA(jus buah-buahan), DOVSAI (puyuh / ayam kampung)
13 Julai 2003	DOA(kek tempatan), DOVSAI(puyuh / ayam kampung), FAMA(jus buah-buahan)

Promosi tersebut telah dilaksanakan mengikut jadual. Aktiviti-aktiviti promosi telah dilaksanakan dengan jayanya.

(2) Kaji Selidik Pasaran di Tamu KPD

Maklumat dikumpul dari para pengguna untuk mendapatkan pandangan dan pendapat tentang promosi produk oleh peserta-peserta sasaran di samping pandangan keseluruhan mengenai Tamu KPD. Keputusan kaji selidik telah dianalisa dan dikaji semula oleh pasukan petugas. Maklumat tersebut adalah sangat penting untuk pembaikan fungsi keseluruhan Tamu KPD. Maklum balas telah diberikan kepada peserta supaya pembangunan dan pembaikan yang seterusnya dapat dijalankan. Satu analisis yang komprehensif akan disediakan selepas semua kaji selidik dari individu diperolehi.

(3) Salurkan produk ke OISCA “Antenna Shop”

Perbincangan mengenai kaedah untuk memperkenalkan dan menyalurkan produk PUANDESA ke pasaran telah diadakan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan jalinan antara para peserta dan pasaran seterusnya membekalkan peluang kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan. Pelbagai produk telah dihantar ke “Antenna shop”OISCA untuk dipromosikan. Secara asas, produk adalah dibeli khanya oleh pelancong-pelancong dari

Jepun.

(4) Program bagi Pelatih-pelatih

Pasukan petugas telah berbincang dan merancang keperluan untuk mengendalikan program pelatih yang menekankan fungsi pemasaran. Tujuannya ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mengenai rakan kerjasama yang terlibat dalam bidang ini supaya dapat memastikan kesinambungan projek di kalangan rakan kerjasama tempatan (agensi-agensi kerajaan). Latihan tersebut telah diadakan pada 8 sehingga 11 September, 2003 di Beringgis Beach Resort, Papar. Seramai 28 peserta yang merangkumi 7 peserta DOA, 8 dari KPD, 6 mewakili FAMA, 4 peserta DOVSAI dan 3 peserta OISCA-KPD Tenom.

(5) Penyertaan semasa Perayaan Pesta Menuai

Peserta-peserta PUANDESA juga telah dijemput untuk menyertai perayaan Pesta Menuai selama 5 hari yang diadakan di Pusat Kebudayaan Sabah, Penampang. Keadaan ini telah memberi peluang kepada mereka untuk mempromosi dan menjual pelbagai jenis produk mereka. Pada masa yang sama, mereka berupaya untuk mengambil pengalaman mengenai kelakuan pasaran. Perayaan Pesta Menuai telah diadakan pada bulan Mei, 2003. Semua peserta dari KPD, DOA, FAMA, dan DOVSAI telah menyertai perayaan tersebut dari 25 hingga 31 Mei 2003. Para peserta telah memperolehi banyak pengalaman dari segi pemasaran produk dan berupaya untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari semasa latihan pengendalian makanan dan pembungkusan. Mereka juga berupaya untuk mempelajari kejurujualan, perakaunan asas dan pengetahuan berkomunikasi yang diperolehi semasa kursus latihan.

(6) Peningkatan Pusat Informasi Tamu KPD

Perbincangan mengenai keperluan meningkatkan pusat maklumat yang sedia ada telah diadakan. Satu cadangan telah dikemukakan oleh KPD. Objektif pembaikan dan peningkatan taraf kemudahan tersebut ialah supaya dapat menarik minat lebih ramai pelanggan ke Tamu KPD. Adalah dicadangkan bahawa cadangan ini adalah usaha bersama antara KPD dan Pasukan pengkaji JICA.

5-3 PENEMUAN BAGI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PEMBELAJARAN DIPEROLEHI

Projek perintis 5 telah menyempurnakan aktiviti-aktiviti seperti yang dijadualkan. Kursus latihan pengendalian makanan dan kebersihan telah dialu-alukan oleh para peserta kerana mereka tidak pernah mempunyai peluang untuk mengikuti kursus yang sedemikian. Kursus ini terbukti berkesan oleh para peserta. Walau bagaimana pun, kandungan latihan perlu dikaji semula dan diulangi untuk memudahkan pemahaman para peserta. Penyertaan aktif kumpulan sasaran dalam tunjukcara percubaan adalah sangat menggalakkan dan penemuan tersebut adalah dianalisa oleh pasukan petugas. Mereka telah mula menyediakan sudut maklumat di Tamu KPD.

Aktiviti-aktiviti telah dilaksanakan dengan aktif. Bagi fasa yang seterusnya, pasukan petugas diminta untuk mewujudkan satu visi yang menyeluruh mengenai “Peranan dan fungsi Tamu KPD” sebagai asas untuk menyokong usahawan-usahawan wanita luar bandar dan untuk menyediakan pelan tindakan bagi mencapai visi keseluruhannya. Pelan tindakan tersebut akan digabungkan ke dalam Pelan Induk pembangunan. Tambahan lagi, KPD haruslah menunjukkan kepimpinan yang baik kerana projek tersebut melibatkan ramai peserta dari pelbagai agensi luaran.

Para peserta dijangka memperolehi pengetahuan perniagaan dan pemasaran melalui latihan dan aktiviti praktikal dalam promosi jualan di Tamu. Pada masa yang sama, kakitangan KPD telah mengadakan kaji selidik mengenai pendapat pengguna dan penjual. Keputusan tersebut akan digunakan untuk pembaikan fungsi dan inovasi Tamu KPD.

Bilangan pelanggan yang mengunjung ke Tamu KPD adalah lebih kurang 3,000 – 5,000 orang semasa pasar terbuka selama sehari. Iklan Tamu KPD haruslah diperbaiki untuk menarik minat lebih ramai pelanggan. Adalah dianggarkan bahawa sumbangan wanita luar bandar dalam tunjukcara tersebut telah meningkatkan bilangan pengunjung ke Tamu KPD.

5-4 RANCANGAN MASA DEPAN

Keputusan penyertaan aktiviti-aktiviti oleh peserta telah menunjukkan keupayaan peningkatan pendapatan dan corak persembahan produk kepada orang awam juga berjaya menarik perhatian pelanggan. Selain itu, para peserta memahami kepentingan kebersihan dan kesihatan, justeru meningkatkan keselamatan kepada para pengguna. Apa yang lebih penting ialah perubahan minda para peserta dari penjual makanan yang biasa kepada penjual yang lebih berpengetahuan. Pada masa akan datang, pendekatan yang sedemikian boleh digunakan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti

perniagaan. Masa depan adalah lebih mencabar kerana selagi kumpulan wanita telah berjaya dalam perniagaan, mereka memerlukan lebih banyak pengetahuan dan dana untuk memperkembangkan perniagaan mereka. Maka dengan ini, program ini haruslah diteruskan pada masa akan datang.

**JADUAL 5-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 5
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**

PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>Overall objective : TAMU's function is improved by using the results and the know-how of the pilot project.</p> <p>Objective of project : The function of KPD TAMU is improved as an antenna center of rural women's sales activities, which are connecting consumer area and rural area.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Improvement of other TAMUs 2) Utilization and reputation of TAMU by rural women 1) Women's utilization of TAMU 2) Reputation of TAMU by rural women 3) Reputation of sellers 4) Reputation of consumers 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Report of TAMU's activities report 2) Report of TAMU's activities report 1) Report of TAMU's activity 2) Questionnaire survey to rural women on TAMU utilization 3) Q survey to seller on TAMU utilization 4) Q survey to consumers on TAMU utilization 	<ul style="list-style-type: none"> • KPD and related agencies continue the activity for improvement of TAMU and Public Market • Experience of the pilot project is utilized for improvement of other TAMU and activity is expanded by leadership by KPD and related agencies
<p>Expected result :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tamu plays the role of demonstration and event for sales promotion of the rural produce, and become a stronghold of information gather and spread 2) The organization structure for operating the training system of hygiene, packaging, labeling and etc. is established. 3) Operation bodies of TAMU (KPD and etc.) acquire the ability to utilize the modern marketing strategy. 	<ol style="list-style-type: none"> 1-1) Result record of demonstration selling promotion 1-2) Result of events 1-3) Reputation of Tamu's function as information center 2-1) Result of training seminars (number of trainee, license) 2-2) Degree of improvement on rural women awareness in terms of hygiene, food business, and etc. 3-1) Result of marketing survey and utilization of that information for sales promotion 3-2) Skills improvement of marketing/sales <p>Input : [Sabah]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Manpower for management, operation and monitoring of the project 	<ol style="list-style-type: none"> 1-1) Report of pilot project 1-2) Report of pilot project 1-3) Survey by task force team 2-1) Report of pilot project 2-2) Questionnaire to attended rural women 3-1) Survey by task force team 3-2) Survey by task force team 	<ul style="list-style-type: none"> • Rural women and consumers accept the integrated new TAMU's functions
<p>Activity :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1-1 Appraisal of TAMU's function 1-2 Making detailed activity plan 			<ul style="list-style-type: none"> • Rural women accept the TAMU's pilot project


<p>1-3 Demonstration of foods and handicraft processing</p> <p>1-4 Event for promoting commodities made by other pilot projects</p> <p>1-5 Co-work with OISCA antenna shop</p> <p>2-1 Making a seminar plan</p> <p>2-2 Seminar of food processing license</p> <p>2-3 Making trial products</p> <p>2-4 Case study of consumers needs</p> <p>3-1 Conducting marketing survey</p> <p>3-2 Report</p>	<p>2) Running cost of TAMU such as telephone and maintenance</p> <p>3) Gasoline and transportation cost of KK</p> <p>4) Row material for demonstration of food processing</p> <p>5) Cost of meeting</p> <p>6) Stationary</p> <p>[Japan]</p> <p>1) Initial cost (PC, printer, FAX and equipment for food/handicraft processing)</p> <p>2) Training cost for getting license</p> <p>3) Cost of Workshop</p> <p>4) Cost of data input</p>	<p>Prerequisite Condition :</p> <ul style="list-style-type: none"> Supporting Agencies cooperate the project Inhabitants around TAMU and user of TAMU cooperate with the project without big objection.
--	---	--

**JADUAL 5-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI BAGI PROJEK PERINTIS 5
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**

	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by	
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9
1	Preparation (1) Formulation of the taskforce team (2) Discussion of PDM	Agreement on the project design Detailed plan	■													Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Planning in detail (1) Preparation of training course (2) Item selection of demonstration (3) Preparation of marketing survey (4) Finalizing budget (5) Procurement of necessary equipment	Identification of overall project structure	■													Project team leader	TT
3	Procurement of necessary equipment (1) PC, Fax (2) Furniture of demonstration (3) Equipment for demonstration	Installation of necessary equipment		■												Project team leader	TT
4	Training of rural women (1) Collection of application form (2) 1 st training course (3) 2 nd training course	Education of rural women for starting agro-related business			■											Project team leader	TT and rural women
5	Demonstration (1) 10 times in KPD TAMU (2) Evaluation of reaction of demonstrators	Practice of selling by rural women						■								Project team leader	TT and rural women
6	Marketing survey and monitoring (1) Base line survey of KPD TAMU (2) Marketing survey on demonstration in KPD TAMU (3) Analyzing the result	Extension approaches upgraded											■			Project team leader	TT
7	Evaluation of pilot project and Master Plan	Trained extension workers													■	Project team leader	TT

JADUAL 5-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK PERINTIS 5

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Seto Mun Yee	Marketing Manager, KPD
Co-leader:	Ahadiah Mohd. Khairi	Dputy director, FAMA
Sub-Leader	Abdul Malek Chua	Planning Officer, KPD
Book-keeper	Jeffrey Kuah	Executive Officer, YUM
Secretary	Theresa Monguil	Marketing Executive Officer, KPD
Members:	Taha Sulaiman Silvia Edward Jabidah Jacob Yong Sansseh Masi	Training Officer, KPD-OISCA Statistic Officer, DOA Officer of Breeding center, DVSAI Administrative Officer, KPD

PROJEK PERINTIS 6 : MEMPROMOSIKAN PRODUK-PRODUK TEMPATAN DI BAWAH PEMBANGUNAN PELANCONGAN KUDAT

*Disediakan oleh Patrick Mojinun
Pembantu Pegawai Daerah, Pejabat Daerah kecil Matunggong
Ketua Pasukan Projek Perintis 6*

6-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Kudat merupakan salah satu daerah yang terletak di bawah garis kemiskinan negeri Sabah. Daerah ini mempunyai masalah yang serius dari segi infrastruktur, pendapatan yang rendah, penghijrahan generasi muda dari kawasan luar bandar ke bandar dan sebagainya. Walau pun kelapa merupakan industri yang utama di kudat, namun pertukaran citarasa pengguna yang memindah kepada penanaman kelapa sawit telah mengakibatkan kejatuhan harga kelapa. Dengan ini, sektor kerajaan dan swasta kini lebih memfokuskan kepada industri pelancongan. Pejabat daerah sedang merancang beberapa projek di bawah konsep “Tip of Borneo” dengan cara mendirikan tugu peringatan dan mempromosikan restoran di tepi pantai. Cawangan bersejarah yang pertama oleh Sayraikat Hindia Timur ini juga mempunyai potensi yang cerah dari segi pelancongan. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan bilangan bilik hotel dari 70 ke 250, dan penduduk tempatan kini lebih bersedia untuk para pelancong.

Matunggong, merupakan daerah kecil Kudat, mula mempromosikan ‘satu kampung satu industri’ pada 1996. Kampung-kampung yang terlibat telah cuba untuk meningkatkan taraf penghidupan melalui pelancongan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti tradisional seperti menghasilkan dan menjual kraftangan, membekalkan tempat tinggal di rumah panjang mereka dan mengadakan pertunjukkan tarian etnik dan muzik. Namun, pendapatn mereka masih terhad. Salah satu dariapda maslah mereka ialah persaingan yang tidak berpatutan dan kerjasama yang lemah di kalangan empat kampung tersebut iaitu Tinanggol, Bavanggazo, Sumangkap, dan Gombizau.

Projek ini dijangka sebagai permulaan dalam “agro-tourism.” Ia dijangka menjadi kes contoh pembangunan luar badnar dengan memperkenalkan kombinasi idea dalam “agro-tourism” dan konsep “satu kampung,satu industri”. Kumpualn sasaran adalah termasuk dalam Kelompok 2. Mereka sudah memulakan perniagaan di kampung masing-masing dan mempunyai keupayaan berhubung dengan maklumat dan pasaran, namun peluang pertumbuhan mereka masih terhad.

Projek ini bertujuan untuk mewujudkan satu jaringan supaya menjadi kepelbagaian tarikan pelancong. Ringkasan projek ditunjukkan dalam rekabentuk matrix projek (PDM) di Jadual

6-1 sementara pelan pelaksanaan terperinci adalah dipaparkan di Jadual 6-2.

Ahli pasukan projek menyusun semula pelan tindakan selepas mengenalpasi keadaan sebenar kawasan sasaran. Dengan ini, satu kajian asas telah dijalankan dalam bentuk penilaian penyertaan luar bandar{(participatory rural appraisal (PRA)} dan analisis SWOT semasa bengkel permulaannya.

Jadual 6-3 menunjukkan keputusan kajian asas. Didapati bahawa penduduk-penduduk kampung menyedari halangan yang wujud dalam pembangunan masyarakat mereka. Daripada kajian asas tersebut, projek ini telah mengenalpasti empat faktor yang perlu ditangani supaya dapat meningkatkan: 1) jaringan; 2) produk; 3) pemasaran; dan 4) persekitaran masyarakat. Enam pelan tindakan telah dibentuk melalui analisis SWOT untuk meningkatkan empat faktor penting ini. Mengikuti kaji selidik ke atas petani-petani di Daerah Kudat pada Februari 2002, purata pendapatan isirumah di kampung Tinanggol (20 sampel) ialah RM437 setiap bulan.

Jadual 6-3: Rencana Ringkas Kampung Sasaran

	Tinanggol	Bavanggazo	Gombizau	Sumangkap
Penduduk	1020	107	256	460
Rumah	125	33	64	58
Saiz	5 km ²	6 ekar	4km ²	15 ekar
Kaum	Rungus	Rungus	Rungus	Rungus
Agama	Kristian (95%)	Protestan	Kristian (95%)	Kristian
Bekalan air	Tidak cukup	Cukup	Tidak cukup	Cukup
Bekalan Elektrik	Ada	Ada	Ada	Tidak ada
Telefon	Ada Exists	Ada	Tidak ada	Ada
Tandas	Tidak cukup	Tidak cukup	Tidak cukup	Tidak cukup
Kelebihan	Manik Kraftangan	Rumah Panjang Rumah Tetamu	Ladang Lebah Madu	Membuat Gong
Kelemahan	Kekurangan kerjasama di kalangan orang-orang kampung Persaingan sengit Kos bahan yang tinggi / kekurangan modal Sekatan pasaran kerana kewujudan orang tengah Pasaran dan Pendapatan yang tidak stabil			

Nama “Kudat” adalah tidak umum di kalangan pelancong yang mana hal ini memang disedari oleh para penduduk kampung. Namun, mereka belum mengambil sebarang langkah kerana mereka tidak tahu bagaimana untuk membentuk dan melaksanakan strategi yang baik.

Dengan membandingkan kumpulan sasaran kepada tiga tahap proses pembangunan usahawan wanita luar bandar(Tahap 1 - kesedaran, Tahap 2 – keinsafan, Tahap 3 – tindakan dan pembaikan), kumpulan sasaran sudah berada di Tahap 2 dan telah bersedia ke Tahap 3.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi yang berkaitan adalah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas
 - Merancang,melaksana,mengesan dan menilai aktiviti-aktiviti dan latihan
 - Pertukaran pengetahuan dan kemahiran dengan Pasukan Pengkaji JICA
 - Merancang dan memudahcara bengkel
 - Mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
 - Menyediakan laporan pengesanan bulanan
- 2) Pembantu Pegawai Daerah
 - Merancang dan menyelia aktiviti-aktiviti projek
- 3) Ahli Kumpulan Sasaran
 - Menyertai aktiviti-aktiviti projek di kampung masing-masing
 - Menyertai gabungan aktiviti-aktiviti yang diadakan di empat kampung
 - Membentuk dan menyertai jaringan untuk mempromosikan “agro-tourism”di kawasan Matunggong

Pasukan projek terdiri dari “Pasukan Perancangan dan Pelaksanaan”, “Pasukan Promosi” dan “Pasukan Pengesanan”. Tugas utama ‘Pasukan Perancangan dan Pelaksanaan’ ialah untuk bekerja bersama dengan penduduk-penduduk kampung. Ahlinya terdiri dari pegawai-pegawai pejabat kecil Matunggong, , KPLB Kudat, KEMAS Kudat, KEMAS Kota Marudu, KPD Kudat, dan YUM Kudat. ‘Pasukan Promosi, terdiri dari wakil dari STB/SPS Kota Kinabalu, KPD Kota Kinabalu dan PKKM Kota Kinabalu, mengendalikan penyelidikan pasaran dan membekalkan maklumat untuk meningkatkan kesedaran orang-orang kampung dan membekalkan perhubungan kepada perniagaan dan agensi pelancongan. “Pasukan Pengesanan” pula bertanggungjawab dalam menyelia dan memberi panduan kepada semua aktiviti-aktiviti.

Di bawah projek ini, pasukan petugas meminta agar satu jawatankuasa kecil dibentuk yang terdiri dari wakil dari empat kampung tersebut. Dengan ini, untuk menangani enam pelan tindakan yang telah dikenalpasti, satu jawatankuasa penganjur yang terdiri dari 24 orang telah dibentuk. Jawatankuasa ini diminta untuk mengekalkan hubungan rapat dengan pasukan pelaksanaan yang diwakili oleh kakitangan kerajaan.

Tanggungjawab setiap pasukan adalah seperti dalam Jadual 6-4.

Jadual 6-4: Struktur Organisasi Projek Perintis 6

	Pasukan Pelaksana	Pasukan Promosi	Pasukan Pengesanan
Kudat	Utama	Sub	Utama
Kota Kinabalu	Sub	Utama	Utama

6-2 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

6-2-1 SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)

(1) Pengenalpastian Konsep

Konsep dan objektif gerakan “satu kampung satu industri” telah dibincang dan didefinisikan oleh ahli pasukan petugas. Pasukan petugas telah bersetuju bahawa tujuan utama slogan ini bukan sahaja memfokuskan kepada produk tetapi juga untuk menggalakkan penduduk-penduduk kampung untuk merancang dan mengambil langkah-langkah untuk aktiviti-aktiviti mereka.

(2) Pengenalpastian kelemahan dan potensi kumpulan sasaran bagi kampung sasaran


Melalui aktiviti-aktiviti bengkel, didapati bahawa salah satu daripada masalah yang serius ialah kebergantungan penduduk-penduduk kampung terhadap subsidi kerajaan di samping masalah kekerangan kerjasama di kalangan empat kampung tersebut. Sumbangan dan subdidi yang diberi oleh kerajaan tanpa sebarang latihan insentif dan kesedaran telah mewujudkan perasaan irihati dan lain-lain kesan yang negatif di kalangan penduduk kampung. Maka kepentingan untuk mengukuhkan jaringan di kalangan penduduk melalui projek perintis adalah dipersetujui oleh pasukan petugas.

(3) Penyelidikan pasaran mengenai industri pelancongan

Pasukan projek telah mengendalikan satu kaji selidik pelancong pada Oktober 2002. Tujuan kaji selidik ini ialah untuk memperolehi keadaan terkini para pelancong. Sebanyak 300 sampel telah diperolehi dari Kota Kinabalu (lapangan terbang, pelabuhan, hotel, pasaraya membeli-belah), Sandakan, Tawau dan Semporna.

(4) Pelan tindakan projek

Pelan tindakan untuk projek tersebut telah disediakan berdasarkan kepada analisis yang tersebut di atas yang ditunjukkan dalam Jadual 6-1.



Rajah 6-1: Struktur Pelan Tindakan

1) Jaringan

Tugas utama pasukan Jaringan Pelan Tindakan (di sini disebut Pasukan Jaringan) adalah untuk membantu menyelaraskan pasukan petugas pelan tindakan dan mewujudkan peluang untuk bekerjasama dengan pegawai kakitangan yang bertanggungjawab. Ahli pasukan adalah terdiri daripada pengerusi JKKK dan ketua-ketua wanita bagi keempat-empat kampung tersebut. (diselia oleh pejabat daerah kecil).

2) Peningkatan Pengeluaran

Tiga jenis pelan tindakan telah dicadangkan untuk penduduk-penduduk kampung iaitu: *pelan tindakan kraftangan*; *pelan tindakan membuat*, dan, *pelan tindakan berasaskan pertanian* seperti meningkatkan pengeluaran madu dan membuka kafeteria (diselia oleh KPD).

3) Promosi dan pelbagaian rangkaian pasaran

Demi untuk meningkatkan persekitaran bagi menarik pelancong ke Matunggong, *pelan tindakan penyelidikan pemasaran*, seperti perancangan lawatan sambil belajar dan menjalankan kaji selidik adalah dicadangkan (diselia oleh KPD dan SPS).

4) Persekitaran dan Kualiti Hidup

Strategi dan aktiviti-aktiviti pelan tindakan ini telah dibincangkan.

(5) Kursus latihan

Projek perintis ini membekalkan tiga jenis latihan untuk kumpulan sasaran iaitu: 1) lawatan

sambil belajar mengenai perniagaan pelancongan; 2) kursus latihan untuk pengendalian dan kebersihan makanan; dan 3) kursus latihan mengenai keusahawanan kraftangan(menjahit).

1) Lawatan sambil belajar

Satu lawatan sambil belajar telah dijalankan ke Taman Kinabalu pada 28 Januari, 2003. Pegawai pentadbiran taman tersebut telah mengurus program lawatan mengikut permintaan yang dibuat oleh Pasukan Projek. Seramai 32 orang kampung telah dipilih dari 4 kampung sasaran menyertai lawatan ini dan telah melaporkan apa yang telah mereka pelajari.

2) Pengendalian makanan dan latihan kebersihan

Usahawan wanita luar bandar yang telah memulakan perniagaan mereka telah menyertai kursus latihan pengendalian dan kebersihan makananyang dijalankan oleh projek Perintis 5 di pusat latihan KPD/OISCA.

3) Latihan Kraftangan

Kursus latihan pertama mengenai keusahawanan kraftangan(menjahit) telah diadakan dari 4 hingga 6 Februari. Pendapat dan idea umum mengenai kraftangan tempatan berdasarkan kepada keputusan kaji selidik lawatan telah diambilkira. Produk baru yang berasaskan kepada idea-idea ini telah dihasilkan.

(6) Rekabentuk risalah

Satu risalah promosi telah disediakan berdasarkan kepada peta yang dilukis oleh penduduk kampung. Cap perdagangan dan logo telah disediakan dan dipungut dari kampung-kampung terlibat masing-masing.

6-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

(1) March

- 1) Satu perbincangan telah diadakan antara Ketua pasukan En. Patrick Mojinun dan En. Jamru B. Mohamad, mengenai dua program latihan mengenai penyediaan makanan ringan, seorang wakil dari KEMAS, akan dikendalikan untuk peserta dari empat kampung. Rencana ringkas mengenai kursus tersebut akan disediakan oleh KEMAS.
- 2) Kesenambungan kursus mengenai Keusahawanan Kraftangan –menjahit bag. Kumpulan sasaran dijangka akan menyiapkan 500 sampel untuk dipamerkan dan dijual semasa Pesta Kaamatan (Harvest Festival Carnival).

- 3) Satu cadangan yang dikemukakan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) untuk menghantar 3 pembuat gong dari Kg. Sumangkap ke Terengganu untuk mempelajari ukiran logam.

(2) April

- 1) Satu mesyuarat pasukan petugas telah diadakan untuk membincangkan aktiviti yang dirancang dan hal-hal yang sedang dilaksanakan.
- 2) Logo / Slogan – cadangan mengenai draf disediakan oleh Sri Pelancongan Sabah (SPS).
- 3) Penyediaan Pesta Tadau Kaamatan (menjahit bag).
- 4) ‘Gotong royong’ telah diadakan di Pusat latihan Masyarakat di Kg. Pinawantai, Matunggong – 25 peserta dari empat kampung menghadiri aktiviti ini. Pada masa yang sama, Ketua Pasukan telah memberi hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo.
- 5) Pengarah Jabatan Keusahawanan {(Entrepreneur Department (PKKM)} dari Kuala Lumpur, Encik Ismail Mat Amin dan seorang pegawai kanan dari jabatan yang sama, Encik Zahir Ahmad, telah menjalankan lawatan projek membuat gong di Kg. Sumangkap.

(3) Mei

- 1) Satu mesyuarat Pasukan Petugas telah diadakan di mana wakil dari empat kampung telah dijemput hadir. Objektif penyertaan dalam Pesta kaamatan telah dijelaskan. Turut dibincangkan ialah objektif lawatan ke Kota Kinabalu dan pemilihan peserta-peserta.
- 2) Lapan orang telah dipilih untuk menyertai dalam Pesta Kaamatan dari 27 – 31 Mei 2003. Tunjukkan dan penerangan telah diberikan kepada pelawat gerai PUANDESA seperti berikut:
 - Membuat Gong
 - Membuat manik/membuat bag
 - Pengeluaran madu (Botol dibekalkan oleh KPD)
- 3) Satu lawatan sambil belajar telah diadakan pada 28 Mei 2003. Seramai 24 peserta telah menyertai lawatan tersebut yang diketuai oleh Cik Mika dan Encik. Madilious (KPD). Mereka telah melawat Pesta Kaamatan dan gerai kraftangan

di Kompleks Karamunsing, Sutera Harbour Resort (Exhibition) dan Pasar Orang-orang Filipina. Lawatan tersebut mendedahkan keadaan pasaran khasnya kraftangan.

(4) Jun

- 1) Satu mesyuarat pasukan telah diadakan untuk membincangkan “postmortem” penyertaan dalam Perayaan Pesta Menuai.
- 2) Satu perbincangan kumpulan telah diadakan untuk meningkatkan persekitaran kampung supaya menjadi daya tarikan kepada para pelancong, bagaimana melayan pelancong dan bagaimana menjual produk kraftangan, peruntukan belanjawan, pengiklanan dan mempromosikan empat kampung tersebut.
- 3) Satu perbincangan terbuka telah diadakan untuk membincangkan pelan pembangunan empat kampung tersebut dan isu-isu jaringan.
- 4) Satu lawatan telah diadakan ke lima buah hotel di Kudat dijalankan pada 21 June 2003. Tujuan lawatan ini ialah untuk memberi pendedahan kepada wakil-wakil dari empat kampung tersebut mengenai cara-cara memasar dan mempromosikan produk dari kampung masing-masing.

(5) Julai

- 1) Permintaan telah dikemukakan ke lima hotel untuk mendapatkan tajaan risalah promosi Kudat. Akan tetapi maklumbalas dari hotel-hotel tersebut adalah kurang menggalakkan.

(6) Ogos

- 1) Perancangan dan peruntukan belanjawan untuk meningkatkan “landscape” oleh kampung masing-masing.
 - a) Kampung Bavanggazo
 - Bavanggazo Longhouse (RM1,500.00)
 - Pusat Rungus Cultural (RM1,500.00)
 - b) Kampung Gombizau (RM2,000.00)
 - c) Kampung Sumangkap (RM2,000.00)
 - d) Kampung Tinangol (RM2,000.00)
- 2) Menyertai dalam Hari Peladang di Papar.

- 3) Ahli Pasukan Petugas menyertai lawatan sambil belajar ke Tawau dan Semporna.

(7) September

- 1) Mesyuarat Pasukan Petugas dengan penduduk-penduduk kampung untuk membincangkan pembentangan pada Persidangan Penilaian.
- 2) Ketua pasukan, Encik Patrick Mojinun, dan ahli pasukan petugas, Cik. Theresa Moguil telah dipilih untuk menghadiri lawatan sambil belajar ke Filipina.

(8) Oktober

- 1) Ahli-ahli Pasukan Petugas telah menghadiri Persidangan Penilaian dan telah membentangkan:-
 - Jaringan kakitangan/kampung – Madilious Maradan
 - Pengalaman Projek – Mimie Sulukan
 - Menyanyi Lagu (Choir) – Diketuai oleh Juvita Tangan, peserta dari empat kampung
 - Lawatan sambil belajar ke Tawau dan Semporna – Patrick Mojinun
- 2) Ahli pasukan petugas menyertai dalam bengkel program perancangan.
- 3) Ketua pasukan menghadiri Persidangan Wanita 2003.
- 4) Ketua pasukan membentangkan kertas kerja mengenai “Rencana Ringkas Penemuan Projek Perintis 6 PUANDESA” semasa seminar Projek 11 yang diadakan pada 10 Oktober 2003.

6-3 PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PEMBELAJARAN DIPEROLEHI

- (1) Bagi Projek Perintis 6, kumpulan sasaran dari empat kampung tersebut adalah diingatkan tentang kepentingan meningkatkan persekitaran hidup kampung masing-masing khasnya dari segi kebersihan dan peraturan kesihatan.
- (2) Berkenaan dengan keusahawanan kraftangan, rekabentuk yang ditambah nilai ke atas membuat beg manik telah menarik ramai pelawat semasa Perayaan Pesta Kaamatan.

- (3) Bagi pengeluaran madu pula, penggunaan botol yang dibekalkan oleh KPD telah banyak meningkatkan jualan madu semasa Perayaan Pesta Menuai.
- (4) Bagi program “home stay” pula, terdapat peningkatan kaedah pengendalian makanan untuk dibekalkan kepada pelancong-pelancong rumah panjang.
- (5) Adalah dipersetujui bahawa projek yang sedemikian memanfaatkan kepada semua kerana selain dari memiliki aset, peserta-peserta juga dibekalkan dengan pendidikan mengenai cara-cara melaksanakan program dan projek. Namun kekurangan pengalaman telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek tersebut.

6-4 RANCANGAN MASA DEPAN

- (1) Satu jawatankuasa penyelaras yang terdiri dari wakil-wakil dari empat kampung telah dibentuk. Semua peserta dari empat kampung berjanji untuk berkomunikasi antara satu sama lain kerana ini akan memanfaatkan mereka dalam jangkamasa panjang. Adalah dipersetujui bahawa fokus utama ialah pembangunan masyarakat.pembangunan.
- (2) Pasukan petugas menasihatkan peserta-peserta untuk terus berusaha membangun dan meningkatkan taraf penghidupan dan persekitaran mereka.
- (3) Akhir sekali, adalah menjadi harapan pasukan petugas untuk terus memberi panduan kepada peserta-peserta secara bersepadu supaya dapat meningkatkan keupayaan menjana pendapatan melalui keyakinan diri dan usaha mereka.

**JADUAL 6-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 6
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>Overall objective : Rural women create their own development plan of the agro/eco-tourism under the concept of full utilization of natural resources, and promote their own products.</p> <p>Objective of project : Income generation of rural women in Kudat is realized by means of comprehensive development project based on one village one industry and concept of agro/eco tourism.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Visibility of Kudat rural agro/eco-tourism as a model project 2) Expansion of agro/eco-tourism as rural individual movement 1) Degree of social benefit and income generation of rural women in Kudat 2) Turnover and profit from selling rural product 3) Number of tourists 4) Facility and service 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Report of SPTC, PKK and article of magazines 2) Utilization of final report on the pilot project to the other regions 1) Report on the pilot project 2-1) Report on the pilot project 2-2) Sample survey targeting rural women and tourist on evaluation of the pilot project 	<ul style="list-style-type: none"> • Continuous relation and net-work among supporting agencies, local authorities and rural inhabitants • Governmental policy on tourism continues • Tourism condition is not much fluctuated
<p>Expected result :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. One village one industry implemented in Kudat is integrated and developed as agro/eco-tourism. 2. Knowledge and awareness of tourism market is improved among Kudat's rural women. 3. Supporting system of agro/eco -tourism is reinforced among the related agencies. 	<ol style="list-style-type: none"> 1-1) Suitability as rural women's activity 1-2) Evaluation by rural women and tourist 2-1) Degree of rural women's awareness on tourism industry 2-2) Improvement of quality of products 2-3) Quality improvement of facility/services 3-1) Planning skill of related agencies 3-2) Capability of management 	<ol style="list-style-type: none"> 1-1) Monthly monitoring sheet 1-2) Workshop and interview survey 2-1) Monthly monitoring sheet 2-2) Monthly monitoring sheet 2-3) Products and facility 2-4) Survey of tourist 3-2) Monthly monitoring sheet 3-3) Evaluation report 	<ul style="list-style-type: none"> • Rural women and men accept the concept of the pilot project and cooperate aggressively.
<p>Activity :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1-1 Review of one village one industry in Kudat 1-2 Survey on the needs of tourism business 1-3 Promotion of agro-tourism by means of enhancing network of related villages 1-4 Improvement of local product and promotion fulfilling the needs of tourism market 1-5 Drawing a map shown the rural women activities, agro/eco-tourism spots and model road for hiking. 2-1 Workshop on self evaluation of one village one industry 2-2 Seminar on hygiene, ecology and service industry 2-3 Observation tour to other tourism village 2-4 Discussions with tourists 2-5 Development of Comprehensive agro/eco-tourism village (home-stay, hiking road, experiment activities and etc.) 3-1 Technical transfer for above activities 3-2 Enhancing information network 3-3 Monitoring and evaluation 	<p>Input :</p> <p>[Sabah]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Cost of operation, management and monitoring 2) Office facility and its running cost 3) Transportation 4) Meeting 5) Communication 6) Stationary 7) Raw material and labor force (rural inhabitant) <p>[Japan]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Initial cost (PC, Printer, FAX, UPS) 2) Consultant fee 3) Training, workshop and study tour 4) Cost of survey 	<ul style="list-style-type: none"> • Rural women participate the pilot project <p>Pre-Condition :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Related agencies and authorities are cooperate each other • Rural women participate the pilot project • JKKK and rural inhabitants accept the pilot project 	

JADUAL 6-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCIBAGI PROJEK PERINTIS 6 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Preparation (1) Formulation of the taskforce team (2) Discussion of PDM	Agreement on the project design Detailed plan	■														Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Review of current villages' situation (1) Discussing among task members (2) Interview related agencies (3) Workshop	Current situation of target villages		■													Project team leader	TT and villagers
3	Research on tourism industry (1) Participate a tourism conference (2) Conducting questionnaire survey (3) Research of tourism guides	Current situation of tourist industry of Sabah			■												Project team leader	TT (Promotion Team)
4	Planning action plans (1) Networking (2) Products (3) Marketing and promotion (4) Environment	Ideas of action plans Person in charge			■												Project team leader	TT and villagers
5	Networking action plan (1) Formulate cross villages action plan teams (2) Organize joint village committee	Identification of target villages															Project team leader	Villagers supported by Implementation Team of TT
6	Implementation of action plans (1) Trial products (2) Trial menu (3) Brochure, (logo marks, map) (4) Study tour & marketing survey (5) Sales promotion	Diversify the product and activities in Kudat area															Project team leader	TT and villagers
7	Evaluation of pilot project and making Master Plan	Model case of rural development															Project team leader	TT and villagers

JADUAL 6-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS BAGI PROJEK PERINTIS 6

(1) Operation Structure



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Patrick Mojinun	Assistant District Officer, Matunggong
Book-keeper	Linda Mogesal	KPLB, Pinawantai
Members:	Kudat Office Jeffrin Monolinsig George Manggong Benjamin Subinon Madilius Maradan Jamru Haji Mohd Jeffrey Kuah Kota Kinabalu Office Theresa Moguil Noraini Khan Fiona Lee Allen Chia Mohd. Sayuti Mustafa Alba	Matunggong Sub-district Office Matunggong Sub-district Office Project Manager, KPD Kota Marudu Executive Officer, KPD Kudat KEMAS, Kota Marudu YUM, KK Executive officer, KPD General Manager, SPS Trade and Merchandising Manager, SPS Research Manager, STB Assistant Secretary, KPLB Deputy Director, PKKM

PROJEK PERINTIS 7 : PROJEK UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN MENGENAI PENDEKATAN PENYERTAAN BERSAMA DALAM PERANCANGAN PROJEK

*Disediakan oleh Hjh. Dayang Rayanih Ag. Hamit dari DOA dan Winnie Yee
Ketua Pasukan /Pakar Perunding Projek Perintis 7*

7-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Kakitangan pengembangan memainkan peranan utama dalam mengukuhkan usahawan wanita luar bandar. Objektif utama Projek Perintis 7 adalah untuk meningkatkan perancangan dan pengesanan serta penilaian aktiviti-aktiviti melalui kaedah melatih kakitangan pengembangan serta agensi-agenSi yang berkenaan dalam pendekatan penyertaan bersama dan pendekatan pertimbangan gender/sosial. Projek Perintis 7 bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang bersesuaian untuk memikir dan bekerja bersama wanita dan usahawan wanita luar bandar. Selain dari itu, projek ini juga bertujuan untuk melatih kakitangan pengembangan dari segi kesedaran gender, pendekatan penyertaan bersama dan kemahiran memudahcara.

Kumpulan sasaran merupakan kakitangan pengembangan dan pembantu ladang DOA, KPD, YUM, KPLB, KEMAS dsb. yang dipilih oleh agensi-agensi yang berkenaan. Selepas beberapa sesi kursus latihan, mereka dijangka dapat membentuk satu pasukan pelatih yang akan mengajar dan melatih kakitangan pengembangan di Sabah. Ringkasan projek adalah ditunjukkan dalam rekabentuk Matrix projek (PDM) dalam Jadual 7-1 manakala pelan pelaksanaan yang terperinci dipaparkan dalam Jadual Table 7-2.

Aktiviti-aktiviti utama projek ini ialah:

- (1) Mengkaji semula sistem dan modul latihan yang sedia ada;
- (2) Penyediaan modul latihan mengenai perancangan penyertaan bersama, pengesanan dan penilaian, kemahiran memudahcara dan pertimbangan pendekatan gender/sosial;
- (3) Bengkel percubaan dengan ahli pasukan petugas dan dengan kakitangan yang terlibat dari agensi berkenaan;
- (4) Bengkel latihan dengan kakitangan pengembangan untuk melatih pelatih-pelatih teras;
- (5) Latihan dalam kerja di tapak projek bagi Projek Perintis 1,3 & 4; dan
- (6) Bengkel penilaian mengenai aktiviti-aktiviti projek.

Selain itu, ahli pasukan petugas adalah diminta untuk memberi bantuan oleh projek perintis Kajian PUANDESA yang lain untuk melatih ahli pasukan petugas masing masing serta kakitangan pengembangan dari segi pendekatan penyertaan bersama dan kemahiran memudahcara.

Projek ini dilaksanakan oleh pasukan petugas projek perintis 7 yang mana aktiviti-aktiviti adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan Pasukan Petugas Gender. DOA, jabatan di bawah KPIM merupakan agensi utama yang mengetuai projek ini manakala KPD, KPLB, UHEWS dan YUM adalah ahli pasukan petugas projek ini.

Kumpulan sasaran projek ini ialah 1) Kakitangan berkenaan dari ibu pejabat agensi-agensi yang berkenaan dan 2) kakitangan pengembangan di Kudat, Kota Marudu dan Daerah Pitas. Projek ini dijangka akan melatih 20 pelatih pengembangan teras yang dipilih dari kakitangan pengembangan agensi-agensi yang berkenaan.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi-agensi yang berkaitan adalah seperti berikut;

- 1) Pakar Perunding Tempatan dan tenaga pengajar dari Bahagian HRD ,KPD
 - Merancang, melaksana,mengesan dan menilai aktiviti-aktiviti dan latihan
 - Menjalankan latihan untuk ahli pasukan petugas dan pelatih teras
 - Memudahcara bengkel dengan kakitangan pengembangan
 - Penyediaan program latihan, modul dan bahan-bahan
- 2) Ahli Pasukan Petugas
 - Merancang, melaksana,mengesan dan menilai aktiviti-aktiviti dan latihan
 - Memudahcara bengkel-bengkel dan melatih kakitangan pengembangan dalam bengkel memudahcara
 - Mengesan buku simpan kira-kira dan prestasi kewangan
 - Menyediakan laporan pengesanan bulanan
- 3) Kakitangan pengembangan
 - Menyertai Kursus latihan untuk Pelatih-pelatih
 - Bakal menjadi pelatih teras untuk melatih kakitangan pengembangan yang lain.

Projek pengesanan akan dilaksanakan oleh pasukan petugas projek dan keputusan laporan pengesanan akan dikemukakan kepada JawatankuasaTeknikal melalui Pasukan Petugas Gender.

7-2 **AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

7-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

Ahli pasukan petugas telah mengadakan bengkel permulaan dengan calon-calon yang menjalankan latihan untuk memahami kemahiran dan kursus latihan kakitangan pengembangan. Mereka menyediakan pakej latihan percubaan berdasarkan kepada penemuan bengkel dan pembelajaran yang diperolehi dari projek perintis yang lain. Pasukan petugas mendapati bahawa mereka perlu mempunyai kefahaman yang umum mengenai gender, pendekatan penyertaan bersama dan kemahiran memudahcara. Maka dengan ini, mereka telah mengendalikan dua bengkel latihan: yang pertama dalam bulan Januari mengenai kesedaran gender dan satu lagi pada bulan Februari tentang pembangunan, gender dan pembangunan serta kaedah penyertaan bersama.

Empat bengkel latihan untuk kumpulan sasaran akan dibekalkan dalam pakej latihan kesedaran gender dan pendekatan penyertaan Projek Perintis 7. Kandungan bagi setiap bengkel telah dirancang seperti berikut:

- (1) Latihan pertama (26 & 27 Februari 2003):
 - mengukuhkan kefahaman mengenai pembangunan dan pendekatan pembangunan
 - memperkenalkan pendekatan penyertaan bersama dalam pembangunan
- (2) Latihan Kedua (3 hari dalam bulan Mei, 2003):
 - memahami gender
 - memahami mengapa kesedaran gender adalah penting dalam usaha pembangunan
 - memahami kaedah penyertaan bersama untuk perancangan, pelaksanaan dan penilaian
- (3) Latihan Ketiga (2 hari dalam bulan Julai 2003):
 - memperkenalkan kaedah untuk analisis gender pada peringkat program dan masyarakat
 - memperkenalkan kemahiran untuk bekerja bersama dengan masyarakat serta kumpulan yang berkenaan.
- (4) Latihan Keempat (2 hari dalam bualn September 2003):
 - melaksanakan kerja di kawasan untuk penilaian penyertaan bersama di kawasan sasaran Projek Perintis 1
 - menjalankan bengkel rumusan di Kota Marudu

Latihan pertama dijalankan oleh ahli pasukan petugas di Bilik seminar KPLB pada 26 dan 27 Februari 2003. Kandungan dan komponen latihan tersebut akan dipertingkatkan berdasarkan kepada penemuan dan pembelajaran diperolehi dari pengalaman terkumpul dari kursus latihan dan projek perintis yang lain.

7-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

Semasa fasa 2, Pasukan Petugas telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 3: MESYUARAT DAN BENGKEL-BENGKEL OLEH PROJEK PERINTIS 7

	AKTIVITI-AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	Pilot Project Meeting	12/5/03 (2.30 pm)	JICA Office KPD, Inanam	Discussion for the preparation of in-house Workshop
2.	3 rd In-House Training for Gender Taskforce Team	17/5/03 (9.00 Am - 5.00 Pm)	SAWO Training Room at Luyang	- Gender concept in detail - Extension Activities in Japan (Slide presentation by Mr. Masafumi Ikeno)
3.	Pilot Project Meeting	20/5/03 (2.30 pm)	DOA Meeting Room at PKT Inanam	Wrap-up meeting before Ms. Yoko Ishida departed to Malawi.
4.	2 nd Training Workshop for Extension Workers	4-6/6/03	KPLB Training Room	- Revision of 1 st training - Gender concept in detail - Extension Activities in Japan And participatory approaches by Mr. Masafumi Ikeno, Extension Specialist of the JICA Study Team.
5.	Pilot Project Meeting	17/7/03 9-5pm	JICA Office KPD, Inanam	Discussion for the preparation of 4 th In-house training
6.	4 th In-house Training for Gender Taskforce	24-26/7/03	Berringgis Beach Resort	Revision of Participatory approaches, Small group development and facilitation.
7.	Project meeting	1/8/03	JICA Office, KPD, Inanam	Discussions for preparation of 3rd training of core trainers.
8.	3 rd Training Workshop for Extension workers	5-7/8/03	KPLB Training room	Revision of Gender and Participatory Approaches, Small group formation, small group dynamics and processes, and small group facilitation skills.
9.	Project Meeting	13/10/03	JICA Office, KPD, Inanam	Discussion for preparation for 4th training of core trainers
10.	4 th Training of Extension Workers	20-22/10/03	YUM Training room, Kota Marudu Kg. Pandan Mandamai	Revision of Participatory methods, Participatory Evaluation of Pilot Project 1 & Pilot Project 7, Closing of Training program

7-3 PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PEMBELAJARAN DIPEROLEHI

Pasukan projek telah mempelajari banyak pembelajaran semasa mengendalikan latihan untuk Pasukan Petugas Gender dan kakitanga pengembangan. Penemuan yang utama adalah dibincangkan seeperti berikut:-

- (1) Walau pun pakej latihan direkabentuk selepas penilaiAn keperluan latihan untuk peserta-peserta semasa bengkal permulaan, namun adalah didapati bahawa latihan keseluruhAn pada umumnya masih sukar bagi peserta-peserta untuk mengikutinya. Kebanyakan daripadA peserta tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai Pembangunan atau pengalaman bekerjasama denga kumpulan wanita.
- (2) Bahan-bahan yang digunakan semasa latihan adalah tidak cukup ringkas dan mudah difahami bagi peserta. Sebahagian dari sebabnya ialah tidak terdapatnya bahan latihan yang mudah dan bahan-bahan tersebut perlu diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Ini kadang-kala menjadi perkara yang rumit kerana penterjemah tidak dapat menghayati dan memahami terminologi-terminologi yang digunakan.
- (3) Adalah didapati bahawa empat sesi latihan adalah tidak cukup untuk menerapkan dan mengukuhkan pembelajaran kepada kakitangan pengembangan dan pekerja ladang memandangkan mereka tidak mempunyai pengetahuan yangasas. Latihan Pendekatan dan kaedah penyertaan agak memakan masa, namun masa untuk hampir semua sesi latihan adalah terlalu singkat.
- (4) Para peserta adalah dari tahap(ibu pejabat dan cawangan)dan latarbelakang bekerja yang berbeza. Ini menyukarkan para pelatih untuk menggunakan tahap latihan yang bersesuaian, kadang kala latihan yang sama adalah senang bagi sebilangan kakitangan tetapi agak menyulitkan bagi kakitangan yang lain. Kakitangan pengembangan DOA memang biasa untuk bekerjasama dengan wanita luar bandar, akan tetapi keadaannya tidak sedemikian bagi kakitangan ladang KPD.
- (5) Terdapat pula perbezaan pandangan gender dan keadaan ini jelas wujud semasa latihan Kesedaran Gender. Adalah agak sukar bagi peserta lelaki untuk menghayati konsep tersebut tetapi bagi kebanyakan peserta wanita, mereka boleh mengenalpasti dan mamahami pendekatan tersebut. Pada umumnya, peserta lelaki tidak begitu selesa dengna konsep pengkasaan wanita dan mereka lebih mudah dipengaruhi oleh sikap mereka sendiri. Komitmen mereka terhadap isu “Gender-sensif” mungkin akan mengambil masa yang lama untuk dicapai.

- (6) Kebanyakan peserta merasa agak sukar untuk menerapkan pendekatan penyertaan dan memerlukan lebih banyak masa, latihan dan amalan untuk tidak mengamalkan kepada pendekatan "top-down".
- (7) Para peserta gembira dengan latihan tersebut dan kebanyakannya merasa ianya amat bermanfaat kepada tugas-tugas masing-masing. Pendekatan penyertaan bersama telah digunakan semasa latihan tersebut dan mereka merasa ianya lebih berkesan daripada latihan-latihan yang pernah dihadiri.
- (8) Pendedahan di projek memang berkesan untuk mengukuhkan pembelajaran. Para peserta telah dihantar ke Filipina dan mereka yang mengendalikan bengkel di Kg. Pandan Mandamai telah meningkatkan pemahaman dan lebih memraktikkannya.
- (9) Proses pembelajaran juga telah dihalang oleh kekurangan pengalaman dan pengetahuan pasukan latihan sendiri. Kebanyakan ahli pasukan Gender adalah baru dalam tugas dan latihan yang sebegini, dengan ini tidak berkesan sebagai pemudahcara semasa latihan.

7.4 RANCANGAN MASA DEPAN

Projek ini adalah amat penting untuk mengukuhkan pendekatan dan kemahiran kakitangan dan pekerja pengembangan dari segi pelaksanaan tugas mereka kepada masyarakat dan kumpulan wanita. Penemuan dari Projek Perintis ini menunjukkan bahawa kakitangan yang terlibat adalah lemah dalam bidang ini dan tidak akan dapat melaksanakan aktiviti yang diperlukan untuk mengukuhkan keusahawanan wanita luar bandar sekiranya mereka tidak diberi latihan yang bersesuaian. Maka dengan ini, projek ini perlu diberi lebih penekanan dan perhatian dalam penyediaan Pelan Induk. Beberapa cadangan untuk meningkatkan keberkesanan projek 7 ialah:

- (1) Kakitangan dan pekerja pengembangan perlu diberi latihan sebelum mereka mula bekerja bersama wanita luar bandar. Mereka harus diberi sokongan oleh kakitangan dari ibu pejabat dan daerah yang memahami tugas mereka
- (2) Setakat mana yang boleh, peserta yang dilatih adalah dari latarbelakang tugas yang sama supaya latihan boleh direkabentuk khas untuk menyesuaikan dengan keperluan mereka.
- (3) Dengan ini, pakej latihan dan bahan-bahan latihan yang berbeza perlu disediakan untuk disesuaikan kepada pelbagai keperluan dan tahap mereka yang mengikuti latihan. Sebagai contoh, pekerja ladang yang tidak mempunyai pengalaman dengan

kerja-kerja pengembangan dan bekerja dengan kumpulan kecil harus mempunyai pakej latihan yang berbeza dengan kakitangan penyeliaan pada peringkat daerah dan sebagainya.

- (4) Program latihan harus merangkumi kedua-dua latihan amali dan sesi dalam kelas supaya proses pembelajaran dapat diperkukuhkan. Kursus harus dikendalikan sekurang-kurangnya seminggu untuk memberi masa yang cukup untuk pembelajaran.
- (5) Di samping Pasukan Petugas Gender, lebih ramai lagi pelatih dan pemudahcara yang berpengalaman perlu diperolehi untuk mengendalikan latihan. Perhatian perlu diambil kira untuk memastikan pelatih yang terlibat mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan bidang tersebut dan mempunyai pengetahuan teori yang bersesuaian. Kumpulan pelatih ini perlu diperkukuhkan sebelum mereka mengendalikan latihan.
- (6) Sebagai langkah pertama untuk memastikan kesinambungan pelaksanaan P7, satu latihan pasukan petugas yang terdiri dari ahli yang sedia ada dari agensi yang berkaitan dan juga yang lain perlu dibentuk. Tugas utamanya ialah untuk melihat sejauhmana P7 dapat diperkukuhkan dan dilaksanakan dalam agensi utama dan sokongan PUANDESA.

**JADUAL 7-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 7
(SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)**


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTION
<p>OVERALL GOAL: Programs/projects for supporting rural women are to be planned with participatory approaches and gender/social consideration in Kudat</p> <p>PROJECT PURPOSE: The training system of the planning with participatory approaches and gender/social consideration with good facilitating skills in rural development are to be established.</p>	<p>1) Extent of participatory approaches used in the planning of the rural development projects</p> <p>2) Extent of gender consideration in the rural development plans</p> <p>1) Planning skills of the extension workers in Kudat</p> <p>2) Extent of understanding on gender/social consideration by the extension workers in Kudat</p>	<p>1) Sample survey by the taskforce team</p> <p>2) Sample survey by the taskforce team</p> <p>1) Focus group interview</p> <p>2) Focus group interview</p>	<ul style="list-style-type: none"> The related agencies are to continue to support the rural women agro-related activities. The related agencies are to make use of the planning and monitoring and evaluation skills with participatory approaches and gender/social consideration.
<p>EXPECTED OUTPUTS:</p> <ol style="list-style-type: none"> Core trainers are to be trained Extension workers of the target area are to be trained Senior and junior staff members of the related agencies to understand the importance of the planning through the participatory development approaches <p>ACTIVITIES:</p> <ol style="list-style-type: none"> Preparation of a guideline of project planning, monitoring and evaluation Preparation of training modules and materials Training of the core trainer team On-the-job training Theoretical training On-the-job training Training workshops On-the-job training 	<p>1-1) No. and quality of core trainers trained</p> <p>1-2) Reputation by the trainees</p> <p>2-1) No. of extension workers trained</p> <p>2-2) Extent of understanding on participatory approaches</p> <p>3-1) No. of staff members trained</p> <p>3-2) Extent of their understanding</p> <p>INPUT: [SABAH SIDE]</p> <ol style="list-style-type: none"> Personnel expenses Communication Expenses of meetings <p>[JICA SIDE]</p> <ol style="list-style-type: none"> Expenses of local consultants Expenses of training Expenses of case study training Expenses of presentation workshop 	<p>1-1) Project monitoring report and focus group interview</p> <p>1-2) Focus group interview</p> <p>2-1) Project monitoring report</p> <p>2-2) Focus group interview</p> <p>3-1) Project monitoring report</p> <p>3-2) Focus group interview</p>	<ul style="list-style-type: none"> The planning and monitoring and evaluation skills provided by the project training are to be accepted by the related agencies. Related agencies are to dispatch capable trainees.
			<p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> Related agencies are to support the project

JADUAL 7-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI BAGI PROJEK PERINTIS 7 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Preparation	Agreement on the project design, Detailed plan															Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Discussion and designing coordination body	Coordination body formed															Project team leader	TT
3	Holding regular meeting	Regular meeting															Project team leader	TT
4	Clarification of demarcation among agencies	Agreement on the demarcation															Project team leader	TT
5	Planning for public relations	Public relations activity carried out															Project team leader	TT
6	Management of process control of pilot projects	Smooth implementation of pilot projects															Project team leader	TT
7	Coordination of pilot projects	Pilot projects coordinated															Project team leader	TT
8	Study for expanding regulations (1) Enhancing women's status (2) Quality control	Recommendation report for improving the current regulations															Project team leader	TT
9	Study tour (1) Planning (2) Recruitment of participants (3) Study tour (4) Evaluation	Synergy among the pilot projects															Project team leader	TT
10	Workshop for dissemination of the pilot project results (1) Planning (2) Preparation (3) Workshop	Result of pilot projects are disseminated															Project team leader	TT
11	Workshop of networking	Workshop held															Project leaders	TT

**JADUAL 7-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK
PERINTIS 7**

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Hjh. Dayang Rayanih Ag. Hamit	Head of PKT Section, DOA
Co-leader:	Hjh. Subiah Hj. Laten	Research Unit, UHEWS
Book-keeper	Daisy Livinu	Training Officer, YUM
Coordinator	Rosmiah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
Members:	Nemy Ontol	HRD, KPD
	Mohd. Sayuti Abdullah	Assistant Secretary, KPLB
	Winnie Yee	Local Consultant
	Maimunah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
	Adeline Chee	Executive Officer, KPD

PROJEK PERINTIS 8 : MENGUKUHKAN BADAN KOORDINASI PENGUPAYAAN WANITA LUAR BANDAR

*Dissediakan oleh Mohd. Dos b. Ismail/Nemy Ontol dari KPD
Ketua Kumpulan /Setiausaha Projek Perintis 8*

8-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Wakil-wakil dari semua agensi-agensi yang terlibat, yang menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal Kajian ini, juga merupakan ahli pasukan petugas Projek Perintis 8. Matlamat projek ini ialah menubuhkan satu jaringan tetap supaya penyelarasan dan kerjasama pelaksanaan aktiviti dapat digalakkan di kalangan agensi-agensi yang berkenaan. Sebelum Kajian ini dimulakan, tidak wujud platform rasmi untuk agensi-agensi berkenaan bagi membincangkan hal-hal yang menyokong usahawan wanita luar bandar.

Kumpulan sasaran projek ini terdiri dari semua agensi yang terlibat. Projek ini akan berperanan sebagai platform untuk jaringan dan kerjasama bukan setakat agensi sokongan peringkat negeri dan persekutuan tetapi juga termasuk pejabat daerah dan kampung. Pasukan Petugas akan mewujudkan sistem perhubungan awam di samping sistem pengesanan dan penilaian projek perintis dan Pelan Induk. Ringkasan projek adalah ditunjukkan dalam rekabentuk matrix projek (PDM) dalam Jadual 8-1 dan pelan pelaksanaan terperinci adalah dipaparkan dalam Jadual 8-2.

Aktiviti-aktiviti projek yang dirancang ialah :

- (1) Kawalan kualiti mengenai garispendauan dan manual yang diwujudkan di bawah projek perintis ini ialah;
- (2) Aktiviti-aktiviti perhubungan awam (termasuk rekabentuk nama ringkas, slogan dan logo, mengambil bahagian dalam perayaan, pengagihan poster/risalah, dsb.);
- (3) Penyebaran maklumat mengenai hasil pelaksanaan projek perintis dengan mengadakan seminars/persidangan;
- (4) Mewujudkan sinergi dengan pertukaran maklumat melalui lawatan sambil belajar (pertukaran lawatan di kalangan kumpulan sasaran dan projek perintis);
- (5) Menyelaraskan jaringan di kalangan ketua-ketua wanita melalui bengkel.

- (6) Di samping itu, projek ini bertanggungjawab ke atas peralatan “audio-visual” yang akan digunakan bersama pasukan petugas projek yang lain.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi-agensi yang berknaan adalah seperti berikut:

- 1) Pengerusi (KPD) dan Pengerusi bersama (DOA)
 - Merancang, menyelaraskan dan mengurus aktiviti projek
- 2) Ahli pasukan petugas
 - Menyertai mesyuarat pengesanan
 - Melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan
 - Menyertai aktiviti-aktiviti projek untuk mempromosikan perhubungan awam mengenai Kajian PUANDESA
 - Menyebarkan output Kajian PUANDESA
- 3) Setiausaha
 - Menyediakan minit mesyuarat
 - Menyediakan bahan-bahan untuk perhubungan awam

Projek pengesanan akan dilaksanakan oleh pasukan petugas projek dan keputusan pengesanan akan dikemukakan kepada Jawatankausa pemandu melalui Jawatankuasa Teknikal dan Pasukan Petugas Institusi dan Kewangan.

8-2 **AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

8-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

Ahli pasukan petugas mengendalikan mesyuarat bulanannya untuk mengesan kemajuan projek perintis 11 dan menukar makluman di kalangan projek yang dilaksanakan. Setakat ini, lima mesyuarat telah diadakan yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus Besar dan Timbalan Pengerah DOA sebagai pengerusi bersama. Mereka bertanggungjawab kepada aktiviti perhubungan awam Kajian tersebut.

Pada peringkat awal pelaksanaan projek perintis, ahli pasukan petugas memutuskan bahawa nama singkatan Kajian ini ialah “PUANDESA”. “PUANDESA” mewakili “Rural Women Entrepreneurs Development in Sabah” yang bermakna “Pembangunan Usahawan Wanita Desa Sabah”, Mereka telah menyertai pameran Pesta Wanita pada September 2002 untuk memperkenalkan aktiviti-aktiviti Kajian.

8-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

pasukan projek mengadakan mesyuarat tetapnya(bulanan) untuk memastikan semua ahli pasukan dimaklumkan dengan kemajuan setiap projek perintis, mengemaskinikan maklumat dan mengadakan perhubungan antara satu sama lain untuk membincangkan isu-isu dan masalah yang berkaitan dengan Kajian ini.

Ketua pasukan juga merupakan pengerusi kepada Jawatankuasa Teknikal telah melawat projek perintis pengkulturan rumpai laut di Semporna semasa bulan March untuk mengesan kemajuan pelaksanaan, memahami masalah yang dihadapi dan bertemu dengan sasaran kumpulan.

Semasa bulan Mei, Pasukan Projek telah menyelaras penyediaan dan penyertaan PUANDESA semasa perayaan Pesta *Tadau Kaamatan (Harvest Festival)* peringkat negeri yang telah diadakan pada 27 – 31 Mei, 2003. Memandangkan kepentingan penyertaan PUANDESA dalam perayaan tersebut, satu jawatankuasa khas telah dibentuk yang terdiri dari ahli semua projek perintis untuk memastikan semua aspek pameran PUANDESA dianjurkan dengan berpatutan. Pameran tersebut telah menarik perhatian ramai pengunjung termasuklah Ketua Negeri, Ketua Menteri dan ramai lagi VIP yang lain.

Pada 24 Jun – 9 Julai 2003, Ketua Pasukan, Ketua bersama dan seorang pegawai kanan dari Jabatan HalEhwal Wanita Sabah telah dihantar ke Jepun untuk menjalankan latihan rakan kerjasama yang selaras dengan salah satu daripada strategi Kajian PUANDESA iaitu untuk membangunkan keupayaan agensi-agensi yang berkenaan. Antara komponen utama yang dipelajari dari latihan tersebut ialah mengenai peningkatan taraf penghidupan projek wanita luar bandar di Jepun, pendekatan”bottom-up” dalam pembangunan luar bandar, pelancaran “Satu Kampung, Satu Produk” dan strategi pemasaran untuk pengeluaran /produk luar bandar.

Pada 24 – 26 Ogos, 2003, Pasukan Projek telah menyelaraskan penyertaan PUANDESA dalam **Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri**. Penyertaan kumpulan sasaran wanita PUANDESA adalah sangat berjaya. Ketua Menteri dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang baru amat kagum dengan pameran PUANDESA yang begitu menggalakkan.

Semasa 28 – 29 Ogos 2003, kebanyakan ahli Pasukan Projek telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Tawau dan Semporna dan telah melawat seorang usahawan wanita yang berjaya dan projek pengkulturan rumpai laut yang berjaya bagi Projek 4 di Pulau Bum-Bum. Mesyuarat Jawatankuasa dan projek 8 telah diadakan pada sebelah malam di Semporna.

Pada 7 -8 Oktober, 2003, Pasukan Projek bersama dengan Pasukan Pengkaji JICA telah menganjurkan satu **Persidangan Penilaian PUANDESA** yang amat menggalakkan dan berjaya diadakan di Kota Kinabalu. Persidangan ini dihadiri oleh 153 peserta iaitu 96 wanita luar bandar (kumpulan sasaran PUANDESA), 43 kakitangan kerajaan dan lain-lain jemputan khas. Persidangan tersebut dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang baru. Antara orang kepentingan yang menghadiri persidangan tersebut ialah Consul-General of Japan dan Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah.

Pada 18 - 19 Oktober, 2003, sebilangan ahli pasukan Projek 8 bersama dengan Ketua Pasukan telah menghadiri Konvensyen Wanita Negeri. Ketua Pasukan Pengkaji JICA telah membentangkan satu kertas kerja berkenaan dengan PUANDESA semasa konvensyen tersebut.

Demi untuk mewujudkan kesinambungan mempromosikan Kajian tersebut kepada pihak awam dan penggubal dasar, projek ini akan menerbitkan aktiviti-aktiviti PUANDESA dalam suratkhbar tempatan dua kali dalam sebulan semasa Tamu KPD. Pengagihan risalah PUANDESA untuk orang awam juga akan membantu promosi tersebut.

8-3 PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PENGALAMAN DIPELAJARI (PERLU DIKEMASKINI)

Pada keseluruhannya, kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan semua jabatan dan agensi yang terlibat dalam Kajian adalah memuaskan. Mengadakan mesyuarat tetap adalah perlu untuk mengukuhkan kerja berpasukan dan menyelaraskan komunikasi antara ahli pasukan di samping membantu antara satu sama lain. Ketua-ketua pasukan yang melawat projek membolehkan mereka memahami dan menghayati situasi sebenar dan memberi peluang supaya mereka dapat menjadi penylaras yang lebih berkesan.

Penyertaan PUANDESA dalam Pesta **Tadau Kaamatan** dan **Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan** peringkat negeri telah diselaraskan dengan baik dan berjaya kerana wujudnya kerjasama dan kerja berpasukan yang menggalakkan dari agensi-agensi yang terlibat dan Pasukan Pengkaji JICA. Sambutan dan sokongan yang diterima dari pihak awam dan juga penggubal dasar negeri adalah amat menggalakkan semasa dua perayaan penting tersebut. Penggubal dasar yang melawati pameran PUANDESA amat tertarik dan menghargai bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak JICA dalam membiayai Kajian tersebut.

Program latihan rakan kerjasama selama tiga minggu di Jepun adalah amat memanfaatkan. Banyak pembelajaran dan pengalaman yang dipelajari seperti sebab-sebab kejayaan projek peningkatan penghidupan oleh wanita luar bandar, keberkesanan pendekatan

“bottom-up” dan pendekatan penyertaan, keberkesanan pergerakan “Satu Kampung, Satu Produk” untuk mengukuhkan pembangunan masyarakat luar bandar, strategi pemasaran produk luar bandar yang berkesan dan seterusnya budaya bekerja bersungguh-sungguh orang-orang Jepun. Semua pembelajaran penting telah disampaikan dan berkongsi bersama dengan rakan kerjasama tempatan dan kumpulan sasaran melalui mesyuarat, seminar, bengkel dan persidangan.

Persidangan Penilaian PUANDESA adalah antara perkara kemuncak Kajian tersebut. Persidangan ini dipublikasikan dalam akhbar tempatan dan program berita di siaran televisyen kebangsaan. Kerajaan negeri, para penggubal dasar dan penduduk-penduduk luar bandar khususnya wanita luar bandar kini lebih yakin bahawa program PUANDESA adalah benar-benar bermanfaat dan terbukti berjaya oleh pelaksanaan projek perintisnya.

8-4 RANCANGAN MASA DEPAN

Demi untuk memstikan kejayaan masa depan projek PUANDESA, maka adalah perlu bagi agensi-agensi berkenaan (jabatan dan agensi kerajaan dan persekutuan) untuk meneruskan kerjasama sebagai satu pasukan dan secara bersepadu. Dengan ini, satu badan penyelarasan tetap yang sama seperti Jawatankausa Teknikal adalah perlu dan harus ditubuhkan secara rasmi. Badan koordinasi ini mungkin boleh diwujudkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau Jabatan Hal Ehwal wanita Sabah.

JADUAL 8-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 8 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>OVERALL GOAL: Projects supporting rural women are implemented efficiently and effectively.</p>	<p>1) Demarcation of the related agencies 2) Collaborative activity among the related agencies and its outcome</p>	<p>1) Research on the achievement by taskforce team 2) Research on the achievement by taskforce team</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Related agencies continue the collaboration and supporting activity for rural women
<p>PROJECT PURPOSE: Related agencies proceed with taking the collaborative action to support rural women.</p>	<p>1) Implementation of collaborative activity among the related agencies. 2) Extent of understanding one another among the related agencies</p>	<p>1) Pilot project report 2) Interview with related agencies staff</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Rural women supporting projects are designed based on the collaboration of the related agencies.
<p>EXPECTED OUTPUT: 1. Related agencies hold the information exchange and discussion regularly 2. Demarcation as for the rural women support among the related agencies become clear 3. Pilot projects are properly monitored and evaluated. 4. Public relations activity for the Study is implemented</p>	<p>1-1) Frequency, contents, and participants of the regular meetings 1-2) Formulation of the guideline draft 1-3) Discussion on the laws and regulations related to women's status enhancement and quality improvement 2-1) Degree of demarcation recognition among the related agencies 3-1) Monitoring and evaluation reporting 3-2) Result of training and guideline formulation quality control 4-1) Implementation of study tours 4-2) Implementation of the dissemination seminar 4-3) Implementation of rural women networking workshop</p>	<p>1-1) Minutes of regular meetings 1-2) Evaluation of the guideline draft 1-3) Evaluation report of the laws and regulations 2-1) Interview with related agencies staff 3-1) Minutes of regular meetings 3-2) Minutes of regular meetings 4-1) Pilot project report 4-2) Pilot project report 4-3) Pilot project report</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Policy makers of the related agencies understand the importance of the collaboration, and the collaboration is prioritized among them.


<p>ACTIVITIES:</p> <p>1-1) Holding the regular meetings</p> <p>1-2) Discussing the draft guideline for rural women support</p> <p>1-3) Discussing towards the improvement of laws and regulations related to the women's status enhancement and quality control</p> <p>1-1) Evaluating the current role of related agencies</p> <p>1-2) Discussing and approving the effective demarcation among the related agencies</p> <p>3-1) Receiving the report on pilot project monitoring and evaluation</p> <p>3-2) Quality control of the training and guidelines design under the pilot projects</p> <p>4-1) Planning the public relations activity</p> <p>4-2) Implementing the information exchange activity (e.g. study tour)</p> <p>4-3) Implementing the dissemination seminar</p> <p>4-4) Implementing the rural women networking workshop</p>	<p>INPUT:</p> <p>[SABAH SIDE]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Personnel expenses for the study tour 2) Expenses for meetings 3) Cost for monitoring and evaluation 4) Communication 5) Stationery <p>[JICA SIDE]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Initial cost (personal computer, printer, software, UPS, projector, screen, video, monitor, desk and chair for the computer) 2) Fee for local consultants 3) Expenses for study tour, dissemination seminar, and workshops 4) Transportation cost 5) Expenses for public relations 	<ul style="list-style-type: none"> • Participants from the related agencies understand and cooperate with the Study <p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Stakeholders of the Study recognize and understand the importance of the collaborative action and cooperate with the implementation.
---	--	---

JADUAL 8-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI BAGI PROJEK PERINTIS 8 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Preparation	Agreement on the project design, Detailed plan		■													Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Discussion and designing coordination body	Coordination body formed	■														Project team leader	TT
3	Holding regular meeting	Regular meeting															Project team leader	TT
4	Clarification of demarcation among agencies	Agreement on the demarcation	■														Project team leader	TT
5	Planning for public relations	Public relations activity carried out	■														Project team leader	TT
6	Management of process control of pilot projects	Smooth implementation of pilot projects	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	Project team leader	TT
7	Coordination of pilot projects	Pilot projects coordinated	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	Project team leader	TT
8	Study for expanding regulations (1) Enhancing women's status (2) Quality control	Recommendation report for improving the current regulations					■	■									Project team leader	TT
9	Study tour (1) Planning (2) Recruitment of participants (3) Study tour (4) Evaluation	Synergy among the pilot projects					■	■	■	■							Project team leader	TT
10	Workshop for dissemination of the pilot project results (1) Planning (2) Preparation (3) Workshop	Result of pilot projects are disseminated													■	■	Project team leader	TT
11	Workshop of networking	Workshop held														■	Project leaders	TT

JADUAL 8-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK PERINTIS 8

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

Title	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Mr. Mohd. Dos Ismail	Deputy General Manager, KPD
Co-leader:	Mr. Hj. Mohd. Dandan Hj. Alidin	Deputy Director, DOA
Secretariat:	Nemy Ontol	Human Development Supervisor, KPD
Book-keeper	Maimunah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
Members:	Ms. Hjh. Dayang Rayanih Ag. Hamit	Agriculture Officer Head, PKT Section, DOA
	Ms. Janet Grace Asing	Agriculture Officer, DOA
	Ms. Silvia Edward	Agriculture Officer, DOA
	Dr. Ahemad Sade	Head of Marine Resource Research, DOF
	Mr. Irman B. Isnain	Assistant Fisheries Officer, DOF
	Ms. Jabidah Jacob Yong	DOVSAI
	Mr. Seeto Mun Yee	Planning Officer, KPD
	Mr. Sanseh Masi	Administrative Officer (Handicraft), KPD
	Mr. Abdul Malek Chua	Planning Officer, KPD
	Mr. Taha Sulaiman	Chief Instructor, KPD – OISCA
	Ms. Theresa Moguil	Executive Officer (Marketing), KPD
	Ms. Adeline Chee	Executive Officer, KPD
	Ms. Rosmiah Mohd. Fauzi Rahman	Executive Officer, KPD
	Mr. Rainal Lasumin	Administrative and Personnel Officer, KPD
	Mr. Benjamin Subinon	Senior Project Manager, KPD Kota Marudu
	Mr. Abdul Hamid Sani	Deputy Managing Director II, YUM
	Mr. Freddy Rantau	Deputy Managing Director I, YUM
Ms. Daisy Livinu	Training Officer, YUM	

Title	Name	Agency and Duty
	Mr. Geoffrey Kuah	Administration Officer, YUM
	Mr. Mohd. Sayuti Abdullah	Assistant Secretary, KPLB
	Ms. Hjh. Subiah Hj. Laten	Research Unit, UHEWS
	Mr. Sebastian Lim	District Officer, Kudat District
	Ms. Noraini Khan	General Manager, SPS
	Ms. Azizah Saffian	SPS
	Mr. Ghani Hj. Affendy Angkangon	Socio-Economic Development Unit, Yayasan
	Mr. Mustafa Alba Hj. Ibrahim	Deputy Director, PKKMM
	Ms. Ahadiyah Mohd. Khairi	Deputy Director, FAMA
	Mr. Salahuddin Tambi	MARDI
	Ms. Asnah Hj. Tahili	KEMAS

PROJEK PERINTIS 9 : PENGUKUHAN JARINGAN ORAGANISASI BAGI PROMOSI KRAFTANGAN

*Disediakan oleh Neil N. Sagidon (Pakar Perunding)
Setiausaha Projek Perintis 9*

9-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Setakat ini, terdapat sembilan agensi yang terlibat dalam penghasilan dan promosi kraftangan di Sabah. Akan tetapi, agensi-agensi ini tidak mempunyai jawatankuasa rasmi atau sekretariat untuk membincangkan isu dan masalah atau penyelarasan strategi dan aktiviti. Oleh kerana demarkasi tanggungjawab yang tidak jelas, maka wanita luar bandar menjadi keliru apabila mereka memerlukan bantuan dari agensi-agensi tersebut kerana tidak jelas agensi mana yang perlu dihubungi.

Dengan mengambilkira situasi di atas, maka objektif Projek Perintis 9 (PP9) ialah mewujudkan jaringan di kalangan agensi-agensi kraftangan dan membekalkan platform untuk perbincangan dan penjelasan peranan dan tanggungjawab masing-masing di samping mengukuhkan penyelarasan aktiviti ke arah meningkatkan keupayaan berhubung wanita luar bandar terhadap sokongan program tersebut.

Melalui PP9, agensi-agensi yang berkenaan akan bekerjasama untuk mempromosikan pemasaran kraftangan “Jenama Sabah” yang dihasilkan oleh usahawan wanita luar bandar. Ringkasan projek adalah ditunjukkan dalam rekabentuk matrix projek (PDM) dalam Jadual 9-1 manakala rancangan pelaksanaan terperinci adalah dipaparkan di Jadual 9-2.

Objektif utama projek ialah:

- (1) Perjanjian rasmi penubuhan Jawatankuasa Kraftangan;
- (2) Mengadakan mesyuarat tetap;
- (3) Merebentuk pelan induk jangka pertengahan untuk mempromosikan produk kraftangan yang dihasilkan di Sabah Sabah; dan
- (4) Bengkel Rumusan untuk pembentangan mengenai keputusan perbincangan dari mesyuarat tetap.

Pelaksanaan projek dijalankan oleh pasukan petugas Projek Perintis 9, yang mana aktiviti adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan pasukan Petugas Kraftangan. Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia (PKKM) adalah agensi utama yang mengetuai projek ini di samping ahli-ahli lain iaitu dari YUM, KPD, Yayasan Sabah, DOA, KPLB, KEMAS

dan IDS mengawal aktiviti-aktiviti projek P3. Kumpulan sasaran yang terlibat adalah organisasi dan agensi yang terlibat dalam pengeluaran dan promosi kraftangna di Sabah.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi-agensi yang berkenaan adalah seperti berikut;

- 1) Pengerusi (PKKM) dan Pengerusi bersama (YUM)
 - Merancang menyelaras dan mengurus aktiviti projek
- 2) Ahi Pasukan Petugas
 - Menyertai mesyuarat pengesanan
 - Menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan
 - Menyertai aktiviti projek untuk mempromosikan “Jenama Sabah”
 - Mengesan buku simpan kira-kira
 - Penyediaan laporan pengesanan bulanan

Pengesanan projek akan dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Projek dan keputusan laporan tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal melalui Pasukan Petugas Kraftangan.

9-2 **AKTIVITI-AKTITVITI UTAMA**

9-2-1 **SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)**

Projek Perintis 9 bertujuan untuk mengukuhkan jaringan dan penyelarasan aktiviti di kalangan agensi yang berkaitan dengan kraftangan di Sabah untuk menyokong usahawan wanita luar bandar. Langkah pertama ialah Pasukan Petugas telah mengendalikan kaji selidik mengenai projek dan program yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan, kumpulan sasaran dan produk kraftangan mereka. Mereka mula mengukuhkan aktiviti perhubungan awam untuk mempromosikan Sabah melalui homepage PKKM.

Semasa mesyuarat bulanan Pasukan Petugas, telah berbincang dan mewujudkan pelan tindakan untuk mempromosikan kraftangan “Berjenama Sabah” untuk menyokonga usahawan wanita luar bandar.

Tanggungjawab mereka ialah mengesan aktiviti dan kemajuan Projek Perintis 3 dan cuba mencari pasaran berpotensi untuk produk lilin dan kertasnya. Pasukan Petugas juga membantu untuk mencari pasaran alternatif untuk produk P3. Mereka perlu menggunakan jaringan yang lain seperti Tamu KPD dan perayaan Pesta Menuai. Pertandingan kraftangan juga diadakan di kalangan penghasil yang dilatih di bawah Projek Perintis 9. Pasukan Petugas kini sedang berusaha untuk penerbitan risalah dan poster untuk menampilkan

kraftangan tradisional Sabah.

9-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

(1) March 2003

Pasukan Petugas telah mengadakan kajian semula separuh penggal ke atas kaji selidik kraftangan pada March di Kota Kinabalu seperti yang diarah oleh Pasukan Pengkaji JICA. Akan tetapi kajian ini ditundakan kerana Pasukan Petugas sibuk dengan latihan bengkel YUM pada bulan ini.

Ketua Pasukan Petugas Projek Perintis 9 telah menghantar borang cadangan kepada ahli Pasukan Petugas supaya rekabentuk logo bagi produk Projek Perintis 3 dapat diwujudkan.

Mesyuarat yang diadakan pada 5 Februari bersetuju untuk membayar RM100.00/kali kepada Pusat Latihan YUM, Kota Marudu atas penggunaan pusat tersebut sebagai membiayai kos elektrik dan air. Sejak pelaksanaan Projek Perintis 9, Pasukan Petugas P3 telah memohon penggunaan kemudahan tersebut untuk mengendalikan latihan kepada ketua wanita membuat kertas dan lilin yang dipilih dari empat kampung. Disebabkan oleh kekangan peruntukan, maka baru-baru ini YUM telah mengenakan bayaran untuk penggunaan lain-lain kemudahan di pusat latihannya. Kos tambahan ini telah diperuntukkan dan pembayaran bermula pada bulan March 2003.

(2) April 2003

Pasukan Petugas meneruskan kaji selidik separuh penggal di kedai kraftangan di Kota Kinabalu, Meuseum Negeri, Tawau, Semporna dan Lapangan Terbang Tawau. Pasukan tersebut terdiri dari R.A. dan En Sanseh (Book-Keeper) dan kajian tersebut dijalankan di Tawau pada 8 hingga 10 April dan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 11 April. Pasukan Petugas tidak menerima sebarang maklumbalas dari rakan kerjasama di Sandakan kerana pelaksanaan Skim Pemisahan secara Sukarela Yayasan Sabah untuk kakitangannya. Ini bermakna tidak ada wakil dari Yayasan Sabah dalam Pasukan Petugas. Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengadakan sesi dialog di Dewan Masyarakat Kinabatangan mengenai Keusahawanan pada 3 April. Pada Julai 2002, P9 telah menyertai Seminar Kraftangan anjuran Yayasan Sabah di Dewan Masyarakat Sandakan dan dihadiri oleh En Kuroda, En Sanseh dan En. Alba bagi pihak JICA. JICA telah dijemput untuk mempamerkan produk P3 di Kompleks Sukan Likas semasa Hari Wanita pada Oktober 2002.

Pasukan Petugas meneruskan kerja pengesanan latihan bengkel P3 untuk empat kampung

mengikut jadual. Pengesanan juga dilaksanakan untuk kemajuan dan peningkatan kualiti produk kerana Pasukan Petugas ingin menghasilkan bahan yang bermutu untuk dipamerkan semasa Pesta Menuai dalam bulan Mei 2003.

Pasukan Petugas P9 bersetuju untuk meminta bantuan dari Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran untuk menguji nilai pH untuk Air Abu (larutan alkaline yang dibeli dari pasaran tempatan) yang digunakan dalam pembuatan kertas dan sabun . Projek sabun telah ditunda kerana tumpuan diberikan untuk projek membuat kertas dan lilin.

(3) Mei 2003

Pasukan Petugas Projek Perintis 9 mengadakan mesyuarat pada 12 Mei dan mesyuarat Jawatankuasa teknikal pada hari berikutnya. Perbincangan ditumpukan kepada pengenalan ahli Pasukan Petugas yang tidak aktif dan aktiviti dicadangkan dan peranan ahli masing-masing semasa Pesta Menuai di samping perbincangan seminar untuk peserta wanita Projek Perintis 3.

Seminar Pembangunan Produk telah dianjurkan untuk peserta P3 pada 17 Mei yang memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan mempelajari aktiviti kumpulan yang lain dan juga pendedahan mengenai perhubungan antara satu sama lain serta membangunkan keyakinan diri. Peserta dari Kg Pandan Mandamai tidak menghadiri kerana seminar tersebut jatuh pada cuti umum di samping masalah komunikasi. Seminar Dihadari oleh empat wanita dari Kg Minyak, dua peserta Kg Kalipuon, dua peserta masing-masing dari pejabat KEMAS, Kudat dan Kg Tarangkapas, dan dua pelatih tempatan dari KPD. Turut hadir ke seminar tersebut ialah En.. Kuroda, Neil, Sanseh dan Mustapha Alba. En Mustapha Alba juga mempengerusikan sesi sehari tersebut.

Produk yang berkualiti dari Kg. Tarangkapas telah ditunjukkan semasa seminar tersebut disamping motivasi dan galakan telah diberikan kepada peserta-peserta tersebut. Peserta Projek Perintis 3 dijangka menghadiri pameran semasa Pesta Menuai untuk mempamerkan hasil pembuatan kertas dan lilin madu.

Pasukan Petugas mengadakan mesyuarat secara tetap untuk penyediaan bahan-bahan pameran dan lain-lain keperluan samada melalui mesyuarat jawatankuasa pameran PUANDESA atau perbincangan di kalangan pasukan petugas di pejabat JICA. En. Kuroda juga menyediakan banyak cetakan yang berwarna-warni untuk aktiviti Projek Perintis 3, senarai peserta dan bahan-bahan digunakan semasa taklimat. Projek Perintis 9 juga bersedia untuk perayaan 5 hari dan telah mengenalpasti tugas dan peranan setiap ahli pasukan petugas.

Pada hari terakhir pameran tersebut, ramai yang datang ke gerai pameran PUANDESA bukan setakat membeli produk Projek 5 iaitu jus buah-buahan tetapi apa yang menakjubkan dan menarik perhatian mereka ialah buntui, boleh diproses menjadi kertas. Pada masa yang lalu, memang tidak dijangka tumbuhan ini adalah berguna. Malah pengerusi STB telah diberi taklimat ringkas oleh ketua P3 Encik Alba dan pakar dari Pasukan Pengkaji JICA, Encik Kuroda. Beliau beras kagum dengan pameran produk P3 dan menyatakan sokongan penuh untuk aktiviti sedemikian. Beliau juga menjemput supaya P3 mengambil bahagian dalam pameran sempena Pesta Buah-buahan dan Makanan di Prince Philip Park, Tanjung Aru pada minggu pertama Julai.

(4) Jun 2003

Penyediaan sampel risalah mengenai prosedur membuat lilin madu. Risalah ini akan diterbitkan dengan banyak dan diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia sebaik sahaja semua maklumat tentang Projek perintis dijilidkan. Di samping itu, risalah mengenai pembuatan kertas sedang dalam proses percetakan.

Pasukan petugas telah mengadakan mesyuarat ‘Post-mortem’ pada 5 Jun mengenai pameran Pesta Menuai yang lalu.

Mesyuarat dimaklumkan tentang jemputan untuk Projek P3 oleh Jawatankuasa penganjur Pesta Buah-buahan dan Makanan untuk menyertai dalam pameran tersebut yang diadakan dari 4 hingga 6 Julai bertempat di Prince Philip Park, Tg Aru. Peruntukan sebanyak RM5,000 (lima ribu sahaja) untuk pameran P3 ini adalah dibiayai oleh Kementerian Kebudayaan dan Seni, Malaysia.

Oleh kerana Pasukan Petugas P9 sibuk untuk penyediaan pameran bagi Pesta buah-buahan dan Makanan serta bengkel yang akan diadakan di Pitas, maka jemputan oleh Ahli Parlimen Tuaran untuk menyertai dalam pameran Pesta Menuai di Kg. Malangang Kiulu pada 29 Jun telah ditolak.

(5) Julai 2003

Pasukan Petugas P9 turut menyertai pameran aktiviti PUANDESA atas jemputan Kementerian Kebudayaan dan Seni Malaysia. Walau pun hujan lebat pada masa itu, namun ramai yang mengunjungi gerai pameran PUANDESA samada orang tempatan atupun pelancong. Mereka telah diberi taklimat oleh empat wanita luar bandar yang bertugas di gerai tersebut.

Pada 8 Julai, mesyuarat ‘Post-mortem’ pasukan petugas mengenai pameran yang lepas telah

diadakan. Antara perkara lain yang dibincangkan dalam mesyuarat ialah cadangan lawatan bersama P1 ke Kg Pandan Mandamai pada 12 Julai dan Kg Minyak pada 18 Julai, lawatan Kg Goruntong pada 21 Julai dan Seminar sehari mengenai Penetapan Harga dan Pemasaran di YUM pada 22 Julai 2003. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah diadakan pada 23 Julai di Bilik Latihan KPD.

Pasukan Petugas P9 telah dijemput oleh IDS untuk membentangkan kertas semianr mengenai aktiviti PUANDESA dan mempamerkan produk P3 iaitu lilin dan kertas pada 29 Julai yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kota Marudu. Encik. Mustafa Alba dari PKKMM telah membentangkan kertas seminar dan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin tempatan, JKKK, Ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil NGO dan JICA. Dua orang wanita luar bandar dari Kota Marudu dijemput untuk mengendalikan gerai pameran P3. Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Nasir Tun Sakaran telah merasmikan seminar tersebut. Selepas perasmian, beliau diberi taklimat oleh ketua P3 mengenai aktiviti PUANDESA dan berasa kagum dengan penggunaan sumber-sumber tidak terpakai dan beliau amat menyokong aktiviti P3 kerana ia dapat membantu wanita luar bandar untuk menjanakan pendapatan.

(6) Ogos 2003

Pada 2 Ogos, P9 telah dijemput ke pameran produk sempena perasmian "Home Stay" di Kampong Minyak, yang dirasmikan oleh Datuk Chong Kah Kiat, Menteri Pelancongan dan Persekitaran, Sabah.

Pasukan Petugas P9 juga mengadakan Bengkel dan Seminar Pembungkusan di Pusat latihan YUM anjuran PKKMM. Bengkel 3 hari ini dihadiri oleh 13 wanita luar bandar dan rakan kerjasama dari agensi-agensi yang berkenaan. Lawatan juga dijalankan ke Kg Pandan Mandamai bersama-sama dengan kumpulan P1 dan menghadiri beberapa mesyuarat penyediaan untuk Perayaan Hari Peladang di Papar pada 24 hingga 26 Ogos. Pada hari pertama tersebut, ramai VIP telah melawat gerai pameran PUANDESA, mereka termasuklah Yang Amat Berhormat Datuk Musa Aman, Ketua menteri Sabah disertai oleh Datuk Rahim Ismail, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Sabah. Lebih daripada 500 pelawat yang mengunjungi gerai pameran PUANDESA dan mengambil peluang untuk membeli lilin dan "book-marks" buatan Cik Penny merupakan yang paling laris bagi kanak-kanak sekolah. Ramai murid sekolah dan wanita dari NGO juga berminat untuk mempelajari teknik membuat kertas.

Selepas Hari Peladang, Pasukan Petugas P9 menyertai lawatan sambil belajar ke Tawau dan Semporna anjuran pasukan petugas P8. Lawatan kajian telah diselaraskan oleh DOA Tawau

dan DOF Semporna. Antara lawatan tersebut termasuklah usahawan menjahit dan membuat Amplang, kilang rumpai laut dan tapak P4 Kampong Lok Butun.

Lawatan ini amat bermanfaat kerana semua ahli dapat bekerjasama sepanjang lawatan. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah mengadakan mesyuaratnya di Hotel Seafeast, Semporna pada 28.Ogos. Kumpulan tersebut berangkat ke K.K. pada 29 Ogos dengan kenangan bernilai dari lawatan tersebut. Kumpulan lawatan ini ingin merakamkan terima kasih kepada JICA kerana membiayai lawatan tersebut.

(7) September 2003

Bulan ini merupakan pergabungan kumpulan SSP supaya dapat bekerjasama sebagai pasukan. Pasukan Petugas P9 telah mengadakan bengkel kepimpinan dengan bantuan Pasukan petugas P1 untuk kumpulan wanita Kg. Minyak. Bengkel ini amat berjaya kerana kumpulan wanita tersebut menunjukkan bahawa mereka telah mempelajari untuk bagaimana mengenalpasti potensi dan berupaya memainkan peranan sebagai ketua apabila diperlukan.

Semasa lawatan ini, ahli Pasukan Petugas berpeluang untuk membeli lilin lebah tersebut pada harga diskaun. Semua mesyuarat diadakan di dewan “Home Stay” di persekitaran sekolah. Kumpulan sasaran telah dimaklumkan supaya bersedia kerana krew RTM akan membuat penggambaran tentang aktiviti membuat lilin pada Oktober. Di samping itu, mereka juga diberitahu mengenai Persidangan Penilaian PUANDESA yang akan diadakan di Kota Kinabalu pada 7-8 Oktober 2003. Kumpulan tersebut diminta untuk mengemukakan senarai peserta kumpulan pada penghujung September supaya JICA boleh mencetakkannya dalam buku cenderakenangan. Merka juga diingatkan untuk menyiapkan tempat SSP masing-masing sebagai tempat aktiviti membuat lilin.

(8) Oktober 2003

Pasukan Petugas P9 bersama dengan Pasukan Petugas Gender P1 telah bersama krew Televisyen RTM untuk mengambil penggambaran tentang aktiviti membuat kertas dan lilin pada 1 dan 2 Oktober masing-masing di Kg Tarangkapas, Kota Marudu dan Kg Minyak, Kudat. Penggambaran dilakukan di Kg Tarangkapas pada petang hari pertama, penggambaran hari kedua dibuat di Kg Minyak dan disiapkan pada 4 petang. Krew RTM akan membuat penggambaran lagi pada Persidangan Penilaian di Hotel Promanade, Kota Kinabalu. En Kuroda dan Pasukan Pengkaji JICA telah ditemuduga oleh krew RTM pada 6 Oktober mengenai projek JICA di Sabah. Krew RTM dan Televisyen berpeluang untuk turut hadir dalam sidang akhbar oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang diadakan selepas perasmian persidangan tersebut.

Pada 10 Oktober, Pasukan Petugas P9 telah menghadiri seminar setengah hari bagi penyediaan Pelan Induk di Shangri-La Tanjung Aru Resort. Lima kertas kerja telah dibentangkan iaitu : yang pertama mengenai “Agro-Tourism and Eco-Tourism in Japan” oleh Dr Yoneda, seorang pakar dari Sabah Park, juga merupakan penasihat dan pakar perunding. Kertas pembentangannya yang kedua ialah mengenai program JICA iaitu “Bio-Diversity Conservation Program (BBEC). Kertas ketiga ialah mengenai ativiti-aktiviti yang sedang dijalankan melalui Pendekatan Penyertaan oleh Encik Sakai dari BBEC. Manakala kertas keempat dibentangkan oleh Puan Mary dari Kementerian Pelancongan Sabah mengenai “Agro-Tourism and Eco-Tourism in Sabah.” Kertas pembentanga terakhir ialah dari ketua Pasukan Petugas projek Perintis P6, Encik Patrick Majinun, ADO Matunggong, Kudat. Beliau melaporkan kemajuan Projek Peritnis P6 dan beberapa perubahan yang jelas berlaku selepas pelaksanaan Projek Perintis JICA.

9-3 PENEMUAN BAGI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PENGALAMAN DIPELAJARI

- (1) Permintaan terhadap Projek Perintis 3 untuk mengadakan ceramah atau menyertai pameran perayaan semakin menggalakkan. Dengan ini, dicadangkan diwujudkan satu lagi pasukan untuk memenuhi permintaan tersebut.
- (2) Banyak permintaan untuk risalah mengenai pembuatan kertas dan pemprosesan lilin madu, tetapi tidak terdapat semasa pemeran pesta Menuai pada bulan Mei.
- (3) Setiap ahli perlu memberi perhatian kepada pasukan Petugas P9 bagi membincangkan mengenai aktiviti masing-masing supaya ahli-ahlinya boleh membuat persediaan untuk mengambil bahagian.

9-4 RANCANGAN MASA DEPAN

- (1) Adalah perlu untuk mewujudkan satu pasukan Ahli Jawatankuasa P9 yang bukan merupakan ahli kepada P3(kecuali Ketua Pasukan P3 yang mesti dan secara automatik menjadi ahli yang melaporkan kemajuan dan aktiviti P3). Barisan jawatankuasa mesti mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Ianya mesti kekal sebagai pasukan yang mewakili agensi-agensinya masing-masing.
- (2) Ahli Jawatankuasa perlu menubuhkan garis panduan yang jelas kepada kerajaan supaya ianya dijadikan dasar kraftangan meskipun sekiranya agensi-agensi yang lain mengubah dasar kraftangannya.
- (3) Ahli Jawatankuasa mestialah pro-aktif dan komited ke atas peranan masing-masing.

- (4) Mereka mesti mewujudkan satu rekabentuk logo yang bersesuaian untuk jenama kepada kraftangan buatan Sabah.
- (5) Jawatankuasa mesti sentiasa berhubung dan mengadakan seminar dan bengkel untuk ahlinya supaya dapat bersaing dengan pembangunan kraftangan dan permintaan di pasaran.
- (6) Jawatankuasa mesti berancang untuk masa depan pasaran tempatan untuk produk kertas oleh wanita luar bandar.

JADUAL 9-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK(PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 9 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>OVERALL GOAL: The ratio of the handicraft products produced by the rural women entrepreneurs in Sabah in the handicraft shops and markets in Sabah is to increase.</p> <p>PROJECT PURPOSE: The organizations and agencies related to the Sabah handicraft promotion are to strengthen their coordinated activities for supporting the rural women entrepreneurs.</p> <p>EXPECTED OUTPUT: 1. Handicraft committee established 2. Regular meeting conducted 3. Medium term plan of handicraft promotion in Sabah produced 4. Sabah brand and logos promoted</p>	<p>1) Occupancy rate of Sabah brand handicrafts in Sabah souvenir shops 2) Evaluation of the Sabah brand handicrafts by tourists and local people</p> <p>1) Contents and output of the coordinated activities 2) Rural women's accessibility to the supporting programs</p> <p>1-1) Roles and members decided 2-1) Minutes of meetings of the regular meetings 3-1) Progress of the plan formulation 4-1) Design of Sabah brand and logo promotion 4-2) Well-known level of Sabah brand in the souvenir shops</p>	<p>1) Sample interview survey 2) Sample interview survey</p> <p>1) Project monitoring report 2) Focus group interview</p> <p>1-1) Project monitoring report 2-1) Project monitoring report 3-1) Interview 4-1) Interview 4-2) Sample interview survey</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Related agencies are to continue to support the rural women's agro-related activities • The rural women are to accept and utilize the supporting programs provided by the related agencies • The decision makers of the related agencies are to understand the importance of the coordination and to support the activities of the handicraft committee.
<p>ACTIVITIES: 1-1 Meetings for the committee establishment 1-2 Designing of the committee roles, functions and members 2-1 Selection of the topics discussed 2-2 Preparation of a schedule of the regular meetings 2-3 Conduct of a regular meeting 3-1 Discussion in the committee 3-2 Preparation of a master plan 4-1 Designing of the Sabah brand and logos in the regular meetings 4-2 Preparation of a promotion plan 4-3 Public relations in Harvest Festival</p>	<p>INPUT: [SABAH SIDE] 1) Personnel expenses 2) Communication 3) Expenses for meetings [JICA SIDE] 1) Fee for local consultants 2) Expenses for workshops 3) Expenses for public relations</p>		<ul style="list-style-type: none"> • The staff members of the related agencies are to support the activities of the handicraft committee. <p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Related agencies are to support the project.

JADUAL 9-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI BAGI PROJEK PERINTIS 9 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Formulation of handicraft committee	Handicraft committee	■														Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Preparation of a detailed schedule of the committee meetings	Detailed schedule	■														Project team leader	TT
3	Regular meetings : discussion about demarcation among the related agencies	Demarcation of the related agencies		■													Project team leader	TT
4	Regular meetings : discussion about Sabah brand and logos	Promotion plan of the Sabah brand and logos				■											Project team leader	TT
5	Regular meetings : handicraft competition and prize at the "Harvest Festival"	Design of a one-stop center						■									Project team leader	TT
6	Preparation of a medium term master plan	Implementation plan of the handicraft prize at the "Harvest Festival"													■		Project team leader	TT
7	Wrap-up workshop	Information exchange														■	Project team leader	TT

JADUAL 9-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK PERINTIS 9

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Team Leader:	Mustafa Alba Hj Ibrahim	Deputy Director, PKKM
Secretary	Mr Neil N. Sagidon	Local Cosultant.
Book-keeper	Sanseh Masi	Administrative Officer, KPD
Members:	Abdul Hamid Sani	Deputy Managing Director, YUM
	Hajah Dayang Rayanah Ag. Hamit	Section Head, DOA
	Mohd Sayuti Abdullah	Assistant Secretary, KPLB
	Asnah Haji Tahlil	Senior Supervisor, KEMAS
	Ms Fiona Lee	Sri Pelancungan Sabah
	Anthony Kiob	IDS

PROJEK PERINTIS 10 : KEBERKESANAN PERKHIDMATAN –MIKRO-KREDIT UNTUK USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

*Disediakan oleh Freddy Rantau dari YUM
Ketua Projek Perintis 10*

10-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Projek 10 bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan perkhidmatan mikro-kredit oleh institusi mikro-kredit kerajaan negeri, YUM. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pengurusan pengumpulan dan analisis data ahli-ahli. Kakitangan pejabat cawangan akan memainkan peranan penting sebagai platform untuk meningkatkan pelaksanaan mikro-kredit kepada ahli-ahlinya.

Aktiviti-aktiviti utama projek ini ialah:

- (1) Pemilihan cawangan dan kumpulan sasaran (penerima faedah mikro-kredit);
- (2) Mengkaji semula operasi perkhidmatan mikro-kredit dengan menjalankan bengkel analisis masalah dan penilaian serta kajian asas.;
- (3) Analisis situasi penerima faedah mikro-kredit dan penggunaan kredit tersebut melalui soal selidik kajian asas untuk ahli-ahli dan kakitangan cawangan YUM;
- (4) Menghayati keputusan kajian asas mengenai perkhidmatan mikro-kreditnya.;
- (5) Pembelian komputer dan peralatan;
- (6) Latihan komputer;
- (7) Menggunakan sistem baru pengurusan pinjaman;
- (8) Kursus latihan mengenai kesedaran gender dan pendekatan penyertaan kepada penyelia pinjaman dan ketua kumpulan.;
- (9) Sokongan dan penyenggaraan sistem;
- (10) Menjalankan kajian penilaian; dan
- (11) Pengesanan dan penilaian

Projek ini mempunyai dua kumpulan sasaran iaitu kakitangan YUM untuk pengukuhan keupayaan manakala ahli YUM sebagai usahawan wanita luar bandar yang merupakan penerima faedah mikro-kredit. Sebanyak enam cawangan telah dipilih sebagai cawangan contoh iaitu, Kota Kinabalu, Keningau, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, dan Sandakan. Beberapa ahli dari cawangan telah dipilih sebagai contoh kepada ahli yang lain. Untuk tujuan perbandingan, tiga cawangan yang lain telah dipilih sebagai kumpulan kawalan iaitu

Papar, Tuaran, dan Tambunan.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi berkenaan adalah seperti berikut;

- 1) Ahli Pasukan Petugas (kakitangan ibu pejabat dan pejabat cawangan YUM)
 - Merancang, menyelaras dan mengurus aktiviti projek
 - Merancang dan memudahcara kursus latihan
 - Menjalankan kaji selidik asas dan menyediakan laporan
 - Menjalankan kajian penilaian dan menyediakan laporan
 - Mengesan kemajuan projek
 - Mengesan rekod buku simpan kira-kira
 - Menyediakan laporan kemajuan bulanan
- 2) Kakitangan pejabat cawangan
 - Menyertai kursus latihan
 - Menjalankan tugas-tugas di bawah tanggungjawabnya
 - Mengoperasi dan mengurus sistem dat yang baru
- 3) Juruanalisa Sistem
 - Merekabentuk dan membangunkan sistem data berdasarkan Kajian asas
 - Pemasangan sistem di pejabat cawangan sasaran
 - Melatih kakitangan ibu pejabat dan pengurus serta kakitangan cawangan
 - Mengemaskini, perkhidmatan menyelenggara mengikut jadual untuk kemudahan komputer.
- 4) Penyelia pinjaman dan ketua kumpulan wanita
 - Menyertai kursus latihan
 - Menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan

Pengesanan projek akan dilaksanakan oleh pasukan petugas dan keputusannya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal.

10-2 AKTIVITI-AKTIVITI

10-2-1 SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)

Kajian asas adalah dalam bentuk analisis masalah dan soal selidik. Analisis masalah dijalankan di enam pejabat cawangannya dan bengkel penilaian telah diadakan untuk membincang dan meringkaskan output dari pejabat cawangan. Pasukan Petugas telah menyenaraikan 10 masalah mengikut keutamaan daripada jumlah masalah yang dikenalpasti dan memilih tiga masalah utama untuk diselesaikan dalam Projek 10.

Kumpulan pertama daripada masalah yang dipilih adalah mengenai pengurusan data seperti: i) rekod pinjaman tidak dikemaskinikan, ii) rekod pinjaman tidak tepat/pengrekodan secara manual boleh menimbulkan kesilapan iii) rekod pinjaman tidak diselaraskan dengan baik, dan iv) kelebihan –terlalu banyak borang harus diisi bagi maklumat yang sama, tetapi tujuan penggunaan maklumat adalah berbeza. Cadangan penyelesaian untuk kumpulan pertama ialah: i) mengkaji semula dan meringkaskan borang(YUM OP & A Series), ii) sistem maklumat berkomputer pada peringkat cawangan, dan iii) pengukuhan pengesanan. Masalah kedua yang dipilih yang berkait dengan masalah pertama ialah pentadbiran tunggakan. Penyelesaian yang dicadangkan ialah mengemaskinikan tunggakan maklumat dengan sistem berkomputer supaya pihak pengurusan dapat mengambil tindakan dengan segera terhadap tunggakan tersebut. Masalah ketiga ialah kegagalan aktiviti galakan pendapatan ahli-ahlinya. Terdapat tiga sebab kegagalan ini iaitu tidak ada pengurusan modal yang berpatutan, tidak ada strategi pemasaran yang bersesuaian dan kekurangan kemahiran. Cadangan penyelesaian di bawah projek ini ialah untuk menghubungkan ahli-ahli kepada agensi-agensi yang menjalankan latihan kemahiran dan pemasaran dengan menggunakan jaringan Kajian ini.

Dua jenis soal selidik kajian telah dilaksanakan pada November 2002. Satu komponen memfokuskan kumpulan sasaran mikro-kewangan(ahli YUM) seramai 447 ahli dan satu lagi sasaran ialah kakitangan pejabat cawangan YUM iaitu seramai 67 orang. Keputusan kajian soal selidik telah dibentangkan semasa mesyuarat pasukan petugas dan satu laporan mengenainya telah disediakan. Kandungan laporan tersebut termasuklah 1) rencana ringkas kajian soal selidik; 2) penemuan dari kajian soal selidik; dan 3) kesimpulan dan rekomendasi. Mereka menganalisa maklumat pelanggan terkini perkhidmatan pinjaman, pasaran, latihan dan lain-lain dan memasukkan semua data berkenaan dalam komputer supaya dapat digunakan untuk tujuan perancangan projek dan aktiviti harian.

Berdasarkan kepada keputusan kaji selidik tersebut, mereka telah merekabentuk sistem maklumat bersama-sama dengan pakar komputer dan memasang kelengkapan sistem di setiap cawangan yang terlibat. Dengan serentak, mereka mengendalikan kursus latihan asas untuk pengurus-pengurus cawangan dan kakitangan untuk menggunakan sistem tersebut. Pengesanan aktiviti ini adalah dijalankan oleh Juruanalisa Sistem YUM di ibu pejabat dan laporan pengesanan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal.

Setelah pemasangan komputer dan sistem selesai, latihan untuk kakitangan kini dijalankan. Pasukan Petugas telah menyediakan beberapa rancangan latihan. Antaranya ialah rancangan latihan lanjutan bagi pengendalian dan pengurusan data; kesedaran gender untuk pengurus cawangan dan penyelia pinjaman; latihan kesedaran untuk ketua-ketua wanita.

10-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

(1) March 2003

- 1) Peningkatan sistem telah dibuat untuk menjejaki data dan ahli yang telah hilang dari senarai. Masalah teknikal di Kota Belud telah diselesaikan oleh Juruanalisa Sistem. Cawangan Kudat tidak mempunyai kemudahan talian telefon, dengan ini tidak boleh melayar ke Internet. Bahagian keningau tidak melayari Sabah net kerana masalah ISP. Masalah ini telah diselesaikan.
- 2) Pelaksanaan sistem telah dijadualkan dari 1 April hingga 7 Mei 2003. Selaras dengan keputusan pihak Pengurusan, cawangan Sipitang telah dimasukkan dalam program sistem berkomputer memandangkan sistem komputer yang sedia ada dan merupakan cawangan model untuk “Grameen Trust project.”
- 3) Mesyuarat Pasukan Petugas diadakan pada 27 March 2003 di ibu pejabat YUM
- 4) Membuat cadangan (dipersetujui oleh JICA) untuk aktiviti tambahan dan tarikh tentatifnya i) Seminar untuk ketua-ketua kumpulan wanita YUM (21 hingga 22 Jun 2003), ii) Bengkel Mengenai Kesedaran Gender untuk Penyelia Pinjaman (Kumpulan I – 25 hingga 26/4/03 & Kumpulan II – 28 hingga 29/4/03 dan iii) IT dan latihan Komputer untuk pengurus Cawangan (Ogos 2003 atau lebih awal).
- 5) Mesyuarat untuk membincangkan Seminar/bengkel dan Latihan telah diadakan pada 27 March 2003. Pasukan Petugas memerlukan pembantu untuk melaksanakan bengkel seperti yang dinyatakan di atas.
- 6) laporan pengesanan bagi 31 March 2003 dikemukakan pada 3 April 2003. Laporan suku pertama 2003 juga disediakan dan memaparkan aktiviti yang telah dikendalikan dan isu-isu berbangkit dari January hingga March 2003. Laporan tersebut telah dikemukakan kepada Pasukan Pengkaji JICA untuk makluman.

(2) April 2003

- 1) Pelaksanaan sistem peringkat II (Penggunaan Sistem Pinjaman) dan latihan yang berkenaan untuk semua kakitangan di cawangan telah dilaksanakan mengikut jadual i.e. Kota Kinabalu (1-3/4/03), Kota Belud (7-9/4/03), Kota Marudu (14-16/4/03), Sandakan (21-25/4/03) dan Kudat (28-30/4/03).
- 2) Tidak ada mesyuarat pasukan Petugas bulan ini.

- 3) Bengkel untuk Kesedaran Gender untuk penyelia pinjaman (LS) kumpulan I telah diadakan di KK pada 25 hingga 26 April 2003. 25 orang LS menghadiri bengkel tersebut. Mereka adalah dari cawangan KK, KB, KM dan Kudat. Objektif utama bengkel ini ialah untuk meningkatkan keupayaan motivasional dan penyeliaan untuk kakitangan ladang khususnya dari segi penerapan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran gender yang akan memanfaatkan mereka sebagai “agen pengubah” di samping membekalkan perkhidmatan kewangan kepada usahawan wanita luar bandar.
- 4) Laporan pengesanan untuk 30 April 2003 dikemukakan pada 5 Mei 2003.

(3) Mei 2003

- 1) Mesyuarat pasukan Petugas pada 27 Mei 2003 di Bilik Mesyuarat, batu 7, Jabatan Pertanian Sandakan.
- 2) Aktiviti utama untuk Pelaksanaan Penggunaan Sistem Pinjaman(LAS) peringkat II: masukan data, mengemaskini rekod dan mencetak laporan.
- 3) Pemasangan Sistem, latihan untuk semua kakitangan di cawangan dan pelaksanaan sistem untuk peringkat II telah dikendalikan di Keningau pada 7 Mei 2003.
- 4) Bengkel Kesedaran Gender untuk penyelia pinjaman Kumpulan II dari cawangan Keningau, Sandakan, Papar, Tuaran dan Tambunan telah ditunda kerana kekurangan peruntukan.
- 5) Menyertai pemeran PUANDESA sempena perayaan Pesta Menuai peringkat negeri dari 27-31 Mei 2003.

(4) Jun 2003

- 1) Tidak ada mesyuarat Pasukan Petugas
- 2) Meneruskan pelaksanaan Penggunaan Sistem Pinjaman (LAS) peringkat II kepada enam cawangan di bawah P10 JICA – YUM
- 3) Untuk menganjurkan bengkel Kesedaran Gender bagi Penyelia pinjaman Kumpulan II (tentatif 9-10 Jun 2003 tertakluk kepada tersedianya Pasukan Petugas Gender /pemudahcara). Tarikh baru ialah 1-2 Julai 2003.
- 4) Untuk menganjurkan seminar bagi pengkasaan usahawan wanita luar bandar di Sabah dari 25-26 Jun 2003. Objektif utama seminar tersebut ialah

meningkatkan kepimpinan, motivasi dan kesedaran gender di kalangan usahawan wanita luar bandar. Manakala objektif khas seminar tersebut ialah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang berkenaan bagi pembangunan keusahawanan, menerapkan imej usahawan yang sebenarnya kepada kumpulan wanita, mewujudkan usahawan baru di kalangan masyarakat wanita. Usahawan ini haruslah mempunyai ciri-ciri yang kreatif dan berwawasan., dan boleh berbincang dan berkongsi pengetahuan mengenai isu keusahawanan di YUM.

(5) Julai 2003

- 1) Mesyuarat Pasukan Petugas untuk Julai telah diadakan pada 1 Ogos 2003
- 2) Laporan kemajuan untuk Julai telah dikemukakan pada 1 Ogos 2003
- 3) Perbincangan mengenai Rekabentuk dan Soal Selidik bagi Kaji Selidik penilaian yang diadakan pada 24 Julai 2003
- 4) 5 pegawai dan 4 pegawai masing-masing menghadiri Latihan Kemahiran mengenai MS Excel (14-16 Julai) dan penggunaan komputer dalam pengurusan sumber manusia. (28-31 Julai)
- 5) Bengkel mengenai Kesedaran Gender untuk Penyelia pinjaman 1-2 Julai
- 6) Sokongan dan penyenggaraan Sistem untuk enam cawangan telah dijalankan mengikut jadual (1 – 22 Julai)
- 7) Mengemaskinikan rekod dan percetakan laporan.

(6) Ogos 2003

- 1) Mesyuarat Pasukan Petugas diadakan pada 1 Ogos 2003
- 2) Laporan kemajuan bulan Ogos 2003 dikemukakan pada 25 Ogos 2003
- 3) Berbincang dan memuktamadkan Kajian Penilaian Rekabentuk (ES) dan Kaji soal selidik diadakan semasa mesyuarat Pasukan Petugas ke 8 pada 1 Ogos 2003
- 4) Pengumpulan data ES dari cawangan sejak 15 Ogos 2003
- 5) Memasukkan data ES ke dalam komputer sejak 21 Ogos 2003

(7) September 2003

- 1) Mesyuarat Pasukan Petugas dan bengkel penilaian diadakan pada 23 Sept. 2003

- 2) Laporan kemajuan bulanan Sept 2003 dikemukakan pada 10 Oktober 2003
- 3) Draf Laporan Kajian Penilaian (ES) dikemukakan kepada Pasukan Petugas 9 semasa mesyuarat Pasukan Petugas ke 9 pada 23 Sept 2003
- 4) Laporan akhir ES disiapkan pada penghujung September 2003
- 5) Cadangan penggunaan komputer untuk mengurus baki 8 cawangan YUM telah dikemukakan kepada KPIM pada 21 Julai 2003 untuk pertimbangan lanjut. Maklum balas surat dan sokongan dari KPIM kepada JICA Study Team Leader untuk pertimbangan.
- 6) Penggunaan sistem di cawangan : mengemaskinikan rekod dan laporan sedang disiapkan.

(8) Oktober 2003

- 1) Mesyuarat Pasukan Petugas pada 30 Oktober 2003
- 2) Laporan akhir ES dan salinan kepada ketua pasukan pengkaji JICA dan pengurusan YUM masing-masing (En. Juif, En. Hamid dan En. Jayari)
- 3) Projek 10 akan membentangkan 2 kertas kerja semasa Persidangan PUANDESA pada 7-8 Okt 2003 a. Keputusan kajian penilaian, b. Pengkomputeraan : pengalaman dan Kemajuan Cawangan Keningau
- 4) Penggunaan sistem di Cawangan – Mengemaskini rekod dan mencetak laporan dan Analisis
- 5) Penggunaan sistem di Cawangan– Sokongan dan penyenggaraan

10-3 PENEMUAN-PENEMUAN DARI PENILAIAN LEPAS PELAKSANAAN DAN PENGALAMAN DIPELAJARI

10-3-1 KAJIAN ASAS

- (1) Mengesan kemajuan tindakan atas rekomendasi dari Kajian asas adalah penting kerana ia akan menjadikan Kajian penilaian lebih bermakna.
- (2) Selaras dengan penemuan dari Kajian asas. Dengan menyedari persaingan yang pelbagai oleh lain-lain institusi/agensi kewangan, maka usaha dari segi kreativiti, inovasi, dan peningkatan perkhidmatan kewangan dan penghantaran yang berterusan adalah sangat diperlukan. Adalah diperhatikan bahawa masih kekurangan kerjasama di kalangan pelaksana kewangan-mikro di dalam negeri. Maka dengan ini,

perkongsian maklumat dan pengetahuan antara institusi kewangan-mikro adalah diperlukan dan digalakkan.; dan seterusnya menjalinkan pemahaman, kerjasama dan perhubungan yang lebih baik. Kemungkinan pelbagai projek dan jawatankuasa yang dibentuk di bawah Kajian PUANDESA di Sabah boleh membantu menggerakkan dan mempromosikan perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam industri kredit dan pembangunan di Sabah.

- (3) Peruntukan yang cukup untuk 'short - fall' dan dana untuk aktiviti tambahan iaitu untuk latihan dan seminar/bengkel telah membantu dan memajukan Projek Perintis 10. Walau bagaimana pun, kebanyakan aktiviti telah tertunda akibat kekurangan peruntukan atau peruntukan tidak diterima mengikut jadual. Keadaan ini telah diatasi oleh peruntukan yang diperolehi dari JICA.
- (4) Bantuan dari Pasukan Petugas yang lain seperti Pasukan Petugas Gender untuk menganjurkan bengkel kepada penyelia pinjaman dan seminar untuk Usahawan wanita adalah sangat bermanfaat kerana Pasukan Petugas mempunyai kakitangan yang layak untuk menjadi pemudahcara bengkel dan seminar. Adalah dicadangkan agar lebih ramai kakitangan YUM dilatih dengan isu gender supaya mereka boleh menjadi pelatih gender. Sasaran dicadangkan ialah para Pengurus cawangan dan para pegawai.
- (5) YUM memberi penekanan kepada latihan dan peningkatan keupayaan untuk kakitangan dan pelanggannya (usahawan wanita luar bandar), justeru, unit Latihan YUM perlu dinaik taraf dengan kelengkapan dan kemudahan latihan supaya pelaksanaan menjadi lebih berkesan. Peruntukan yang diluluskan dari JICA untuk membeli bahan-bahan latihan dan kelengkapan peralatan seperti projektor LCD adalah tepat pada masanya dan sangat dihargai. Kemudahan sedemikian bukan hanya memanfaatkan Projek Perintis 10 dari segi pelaksanaan latihan, seminar/bengkel, ceramah dan lain-lain tetapi juga untuk pengurusan YUM pada keseluruhannya. Terima kasih kepada JICA!
- (6) Adalah penting untuk meningkatkan kemahiran komputer dan ICT di kalangan kakitangan. Maka latihan komputer untuk Pengurus Cawangan, Penyelia pinjaman dan Kerani Akaun perlu dipertimbangkan.
- (7) Penggunaan sistem melibatkan merekod dan mengemaskini data, analisis data dan memaparkan perkhidmatan kredit mikro, sokongan sistem dan penyenggaraan dan sebagainya. Isu utama adalah bagaimana untuk mengukuhkan penggunaan dan aliran maklumat yang dijana oleh sistem sementara pada masa yang sama menyimpan dan

mengemaskini semua rekod terkini. Adalah diharapkan agar penggunaan komputer bukan setakat membuat cawangan beroperasi dengan cekap tetapi dapat mengurus maklumat dan laporan dengan berkesan. Pengkomputeraan pengurusan data telah memberi kesan berikut;

- 1) Untuk mengambilkira kesan pengkomputeraan apabila mengkaji semula borang (Op dan A series). Kajian semula ini kini dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah YUM.
- 2) Maklumat yang dicetak digunakan oleh Pengurus Cawangan sebagai rujukan dan tujuan pengesanan. Maka usaha seterusnya adalah perlu untuk mengemaskini rekod dan analisis output yang dicetak.
- 3) Data yang telah dimasukkan akan digabungkan mengikut format penyata bulanan– YUM-OP8, Analisa Pinjaman Am mengikut kegiatan Cawangan – YUM-OP18 dan Analisa Pinjaman Tabung kumpulan mengikut kegiatan Cawangan – YUM-OP19 adalah digunakan untuk laporan pengurusan. Walau pun laporan boleh dibuat dengan cepat melalui komputer, namun masalah rangkaian jalinan maklumat antara ibu pejabat dan cawangan masih tidak dapat diselesaikan kerana jarak dan kekurangan kemudahan infrastruktur yang sesuai. Cawangan perlu menghantar salinan disket atau salinan cetak ke ibu pejabat.

10-3-2 KAJIAN PENILAIAN

(1) Penemuan-penemuan

Keputusan penilaian kajian menunjukkan bahawa masih wujud isu dan masalah berkenaan dengan kualiti sumber manusia, pengurusan maklumat dan kekurangan peruntukan, yang mana semua ini telah menjejaskan prestasi keseluruhan organisasi. YUM sedar bahawa pentingnya mempunyai rancangan dan sistem pengurusan maklumat yang tepat dan bersesuaian, keutamaannya jelas adalah mengatasi masalah kekurangan peruntukan dan mengekalkan keyakinan ahli-ahlinya.

Setakat ini, pelaksanaan P10 telah memberi kesan positif terhadap Sistem Pengurusan Maklumat melalui pengkomputeraan di peringkat cawangan. P10 telah mencapai kebanyakan objektif yang dipaparkan oleh Kajian.

Secara keseluruhannya, kualiti perkhidmatan YUM adalah memuaskan. Dengan adanya peruntukan, YUM mempunyai keupayaan untuk memberi pembangunan kepada usahawan wanita luar bandar.

(2) Rekomendasi-redomendasi

1) Pelan kerja Tahunan

Selaras dengan objektif untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia, keseimbangan antara aktiviti dan rancangan kerja di cawangan dan ibu pejabat, maka keperluan di cawangan dititikberatkan. Rancangan kerja tahunan untuk kakitangan cawangan perlu dilaksana, dikesan dan diambilkira dalam penilaian prestasi kerja.

2) Pengkomputeraan di semua cawangan

Dengan pengalaman pengkomputeraan di enam cawangan tersebut, maka pelaburan ke atas kelengkapan ini perlu digalakkan walaupun menelan kos yang tinggi memandangkan manfaat yang akan diperolehi. Kajian ini telah membuktikan kecekapan dan keberkesanan komputer di peringkat cawangan. Tugas dan aktiviti harian kakitangan cawangan menjadi lebih teratur. Maklumat YUM juga dapat diperolehi dengan lebih cepat. Ini adalah kerana sebab dan cadangan-cadangan Jawatankuasa Kajisemula ke atas dokumentasi, adalah sah bahwa pengkomputeraan di semua cawangan YUM perlu dijalankan. Pengkomputeraan di semua 14 cawangan semestinya meningkatkan peliputan dan manfaat, yang lebih penting ialah ianya lebih praktikal dan menjimatkan kos pengendalian sistem tersebut. Pengkomputeraan akan meningkatkan keberkesanan dan pengurusan maklumat YUM dan MIS adah berguna untuk mengesan dan bertindak sebagai “amaran awal” untuk mengenalpasti masalah seperti tunggakan dan kesilapan rekod dengan cepat dan tepat.

3) Mengatasi kekurangan ‘on-lending fund’

Memandangkan objektif YUM ialah mewujudkan sistem pengurusan yang berkesan, maka masalah kekurangan peruntukan yang berterusan akan menjejaskan prestasi YUM. Baki hutang yang tidak dibayar oleh peminjam tidaklah banyak, akan tetapi kesan kekurangan pengeluaran pinjaman telah mengakibatkan berkurangnya pendapatan para peminjam. Dengan ini, kesinambuang usaha ke arah mencari jalan dan kaedah untuk menyelesaikan kekurangan dana untuk pinjaman. Penyelesaian ini adalah penting untuk meningkatkan keyakinan para pelanggan terhadap YUM.

4) Latihan yang cukup untuk agen perubahan

Latihan dan pengetahuan akan meningkatkan keyakinan usahwan wanita luar bandar. Dengan ini, kakitangan perlu dibekalkan dengan kemahiran latihan yang berkenaan dengan perniagaan, pemasaran, pertanian, penternakan dan IT.

Melatih semula kakitangan adalah sangat penting. Maka adalah dicadangkan agar enam cawangan yang telah menggunakan sistem komputer dijadikan sebagai pusat latihan komputer untuk kakitangan yang lain.

5) Latihan Kemahiran Untuk wanita Luar Bandar

Oleh kerana sumber kewangan yang terhad, pembekalan latihan kepada pelanggan YUM adalah tertakluk kepada permintaan dan kaitannya terhadap aktiviti ekonomi mereka. Usaha berterusan akan dijalankan untuk menghubungkan mereka dengan jabatan kerajaan dan agensi yang khusus dalam latihan berkenaan dengan IT. Mereka patut berkeupayaan berhubung dengan maklumat mengenai pemasaran dan peluang latihan.

6) Meningkatkan kerjasama kalangan agensi kredit-mikro

Kualiti perkhidmatan YUM patut dinaik tarafkan supaya ianya lebih baik daripada institusi kredit mikro yang lain di Sabah. Langkah ini memerlukan kreativiti, inovasi dan peningkatan berterusan program dan sistem penghantara. Maka dengan ini, semangat bekerjasama, perkongsian maklumat dan pengalaman di kalangan institusi mikro-kredit perlu diperkukuhkan.

10-4 RANCANGAN MASA DEPAN

- (1) Penyediaan Rancangan Projek Lima Tahun (2004 – 2008)
- (2) Susulan dan tindakan ke atas penemuan Kajian Penilaian P10
- (3) Penyediaan Laporan Kemajuan
- (4) Mengadakan Mesyuarat Pasukan Petugas
- (5) Melaksanakan penggunaan Sistem di peringkat Cawangan
- (6) Sokongan dan aktiviti penyenggaraan Penggunaan Sistem Cawangan

JADUAL 10-1: REKABENTUK MATRIX PROJEK (PDM) BAGI PROJEK PERINTIS 10 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

PROJECT SUMMARY	INDICATOR	SOURCE OF INDICATOR	IMPORTANT ASSUMPTION
<p>OVERALL GOAL : The rural women entrepreneurs in Sabah get better quality of micro-credit service</p>	<p>1) YUM members' increase in income from their activity 2) Arrears rate</p>	<p>1) Interview with YUM members 2) YUM management report</p>	<p>Socio-economic situation in Sabah is stable Fund is available</p>
<p>PROJECT PURPOSE : To provide effective micro-credit services to rural women in Sabah</p>	<p>1) Time spent by YUM staff in the field / No. of center meeting visit 2) YUM member center meeting attendance rate and agenda at center meetings 3) No. and kind of information and linking activities by YUM staff 4) Arrears processed /reduced 5) Usefulness of information and linking activities by YUM staff</p>	<p>1) Interview with YUM staff 2) YUM management report / problem analysis workshop 3) Interview with YUM staff 4) YUM management report 5) Interview with YUM member/problem analysis workshop</p>	<p>YUM obtains the cooperation from the related agencies</p>
<p>EXPECTED OUTPUT : 1. Improved Information Management System 2. Effective Loan Management System</p>	<p>1-1) No. of forms (YUM Op & A Forms) 1-2) Database system 1-3) No. of staff trained 1-4) Information processing time 2-1) Database system running situation 2-2) Staff understanding of member needs</p>	<p>1-1) Monitoring Report 1-2) Monitoring Report 1-3) Monitoring Report 1-4) Monitoring Report 2-1) Monitoring Report 2-2) Interview with YUM members/problem analysis workshop</p>	<p>YUM staff give full time attention and participation to the project</p>


<p>ACTIVITIES :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Improvement of micro-credit service <ol style="list-style-type: none"> 1-1 Reviewing the micro-finance operation 1-2 Design the plan for improving efficiencies of micro-credit service 2. Micro-finance beneficiary (YUM members) impact and needs survey <ol style="list-style-type: none"> 2-1 Baseline survey 2-2 Reflecting the result of the survey to the service 3. Establishing new information management system <ol style="list-style-type: none"> 3-1 Computer installation and developing the database program 3-2 Running the database program 4. PC Training for YUM staff members 5. Training of loan supervisors and center chiefs 6. Monitoring and Evaluation 7. Evaluation Study 	<p>INPUT</p> <p>[FROM SABAH]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) YUM staff manpower 2) Communication Cost 3) Monitoring and Evaluation Cost <p>[FROM JAPAN]</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Computers 2) Local system consultant cost 3) Training Expenses 	<p>YUM has the capacity to maintain the computer system</p> <p>PRE-CONDITION YUM has the support by the Sabah State Government</p>
---	---	---

JADUAL 10-2: JADUAL PELAKSANAAN TERPERINCI BAGI PROJEK PERINTIS 10 (SEPERTI PADA 28 FEBRUARI 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Preparation	Agreement on the project design	█														Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Selection of the 6 target branches, target centers and 3 control branches	Target branches, centers and control branches selected		█													Project team leader	TT
3	Reviewing the current micro-credit service operation	Problems and suggested solutions identified		█													Project team leader	TT
4	Conducting baseline questionnaire for members and YUM branch staff	Current situation of the indicators			█												Project team leader	TT
5	Reflecting the result of the baseline survey to the micro-credit service	The improved micro-credit service						█									Project team leader	TT
6	Purchase of computers and accessories	6 sets of computers and accessories purchased		█													Project team leader	TT
7	Introductory computer training	18 staff trained															Project team leader	TT
8	Computer and network installation at 6 branches	Computers and network at 6 branches															Project team leader	TT
9	Developing the new loan management system	New loan management system															Project team leader	TT
10	Installation of the new loan management system and training	New loan management system at 6 branches and staff trained															Project team leader	TT
11	Running the new loan management system	New loan management system updated regularly															Project team leader	TT
12	Training of loan supervisors and center chiefs	Loan supervisors and center chiefs trained															Project team leader	TT TT of Pilot Project 7
13	System maintenance	Computers and network maintained															Project team leader	TT

JADUAL 10-3: STRUKTUR OPERASI DAN PASUKAN PETUGAS PROJEK PERINTIS 10

(1) Struktur Operasi



Title	Name	Agency and Duty
Team Advisor	Juif Hj. Adzim	Managing Director, YUM
Team Leader:	Freddy Rantau	Deputy Managing Director I, YUM
Co-leader:	Jayari Hj. Misuari	Administration & Personnel Manager, YUM
Book-keeper	Floria Taliban	Accountant, YUM
Members:	Jason Chin	System & Information Manager, YUM
	Alius Romantis	System & Information Officer, YUM
	Arimi Sidek	Statistic & Information Manager, YUM
	John Pansiol	Kota Kinabalu, Branch Manager, YUM
	Sibil Uli	Kota Belud, Branch Manager, YUM
	Bindai Sandau	Kota Marudu, Branch Manager, YUM
	Majunting Miliundun/Jefry Kuah	Kudat Branch Manager, YUM
	Francis Lanjat	Sandakan Branch Manager, YUM
	Rabidin Damit	Keningau Branch Manager, YUM

PROJEK PERINTIS 11 : PENINGKATAN KEFAHAMAN DAN SOKONGAN PENGGUBAL DASAR

*Disediakan Oleh Kalimin Sahadi dari KPIM
Setiausaha Projek Perintis 11*

11-1 RENCANA RINGKAS PROJEK

Objektif utama Projek Perintis 11 ialah untuk 1) Meningkatkan kefahaman penggubal dasar mengenai dasar dan pengalaman negara Jepun dalam pembangunan dan peningkatan taraf hidup luar bandar dan 2) meningkatkan sokongan mereka bagi Kajian PUANDESA dan Pelan Induk yang disediakan oleh Pasukan Pengkaji. Kumpulan sasaran merupakan penggubal dasar agensi-agensi yang berkaitan dan pasukan petugas yang terdiri dari ahli Jawatankuasa Teknikal Kajian tersebut.

Aktiviti-aktiviti utama projek ini ialah:

- (1) Menyelaraskan jawatankuasa penggubal dasar bagi mengukuhkan pengupayaan usahawan wanita luar bandar di Sabah;
- (2) Penyediaan jadual pelaksanaan;
- (3) Seminar dan mesyuarat, topik mesyuarat tersebut ialah; dan
 - 1) Pengenalan Kajian dan Pelan Induk pembangunan;
 - 2) Peranan wanita di kawasan luar bandar dan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan taraf hidup seperti penduduk di Jepun dan negara-negara jiran;
 - 3) Aktiviti-aktiviti Agro-tourism di Jepun;
 - 4) Aktiviti Satu Kampung Satu Produk di Jepun;
 - 5) Aktiviti Michi-no-eki (roadway station) di Jepun; dan
 - 6) Aktiviti ekonomi wanita luar bandar di negara-negara jiran (Indonesia dsb.).

Projek ini dilaksanakan oleh pasukan petugas Projek Perintis 11 yang ahlinya terdiri dari Jawatankuasa Pemandu Kajian ini. Pelaksanaan aktiviti projek inii adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan oleh Pasukan Petugas Institusi dan Kewangan Agensi yang mengetuai projek ini adalah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah. (KPIM) Ringkasan projek tersebut adalah ditunjukkan dalam rekabentuk matrix projek(PDM) di Jadual 11-1 manakala pelan pelaksanaan yang terperinci adalah ditunjukkan pada Jadual 11-2.

Peranan dan tanggungjawab individu dan agensi yang terlibat adalah seperti berikut;

- 1) Pengerusi (KPIM)
 - Menyelaras dan menganjurkan aktiviti-aktiviti projek
 - Mengemukakan Kajian PUANDESA dan Pelan Induk pembangunan kepada para penggubal dasar agensi-agensi yang berkenaan serta ahli-ahli kongres.
- 2) Ahli Pasukan Petugas
 - Menyertai seminar dan mesyuarat projek
 - Melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan
- 3) Setiausaha
 - Menyediakan minit mesyuarat
 - Menyediakan bahan-bahan untuk perhubungan awam

Aktiviti-aktiviti projek adalah di bawah penyeliaan dan pengesanan Pasukan Petugas.

11-2 AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

11-2-1 SEMASA FASA 1 (OKTOBER 2002 – FEBRUARI 2003)

Mesyuarat permulaan dijalankan bersama ahli-ahli pasukan petugas untuk membincangkan objektif dan aktiviti projek tersebut. Seminar pertama telah diadakan pada 18 Februari 2003 dengan menjemput seorang bekas kakitangan pengembangan dan seorang pekerja pengembangan dari Jepun yang berpengalaman dalam bekerja bersama untuk meningkatkan taraf penghidupan wanita luar bandar. Tajuk seminar tersebut ialah “Pengalaman Negara Jepun dalam pembangunan luar bandar dan peningkatan taraf penghidupan di kawasan luar bandar”(Japan’s experience of rural development and improvement of living conditions in the rural area).

11-2-2 SEMASA FASA 2 (MARCH – OKTOBER 2003)

(1) Mesyuarat pertama telah diadakan pada 3 Oktober, 2002 dan mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- 1) Untuk memaklumkan Kabinet Negeri mengenai pelaksanaan projek-projek perintis dan seterusnya pembentukan Pelan Induk.
- 2) Untuk menganjurkan bengkel dan seminar mengenai pembangunan gender.
- 3) Untuk membentangkan satu kertas kerja seminar dalam Konvensyen Kebangsaan mengenai Dasar Kebangsaan Wanita (Women National Policy)

anjuran Unit Hal Ehwal Wanita (UHEWS).

(2) Seminar pertama mengenai “Pengalaman Negara Jepun dalam Peningkatan Taraf Hidup Luar Bandar”

Seminar pertama telah diadakan pada 18 Februari 2003 di Beverly Hotel yang dihadiri oleh 40 peserta dari agensi-agensi yang berkaitan.

Kertas kerja Seminar yang dibentangkan:

- 1) Gambaran Keseluruhan Kemajuan Peningkatan Keadaan Penghidupan di Jepun oleh Pasukan Pengkaji JICA(Overview of Improvement Progress of Living Conditions in Japan) oleh Pasukan
- 2) Aktiviti-aktiviti untuk Peningkatan Penghidupaan dan Peranan Waniat Luar Bandar di Jepun (Activities for Living Conditions Improvement and Rural Women’s Role in Japan) oleh Pasukan Pengkaji JICA
- 3) Pandangan dan Komen Berdasarkan kepada Lawatan kawasan Sasaran dari 12 hingga 14 Februari (Views and Comments Based on Site Visit from February, 12 to 14) oleh Pasukan Pengkaji JICA
- 4) Tayangan Video bertajuk Aktiviti-aktivitiharian kakitanga pengembangan dalam Peningkatan keadaan Penghidupan di Jepun (Daily Activities of an Extension Worker for Living Condition Improvement in Japan) oleh ekspatriat JICA dari Japan.
- 5) Gambaran Keseluruhan Dasar Pembangunan Luar Bandar Sabah (Overview of Sabah Policy of Rural Development) oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- 6) Gambaran Keseluruhan Dasar Pembangunan Pertanian di Sabah(Overview of Agricultural-Related Development Policy in Sabah)oleh Kementerian pertanian dan Industri Makanan.
- 7) Gambaran Keseluruhan Wanita dan Pembangunan di Sabah (Overview of Women and Development in Sabah) oleh Unit Hal Ehwal Wanita Sabah.

(3) Seminar Kedua mengenai “Pengalaman Negara Jepun dalam Peningkatan Taraf Hidup Luar Bandar dan Sistem Pengembangan dalam Pembangunan Luar Bandar”

Seminar kedua telah diadakan di Beverly Hotel pada 12 Jun 2003 yang dihadiri oleh ahli

–ahli Projek Perintis 11, Projek Perintis 8 serta ahli Pasukan Pengkaji JICA. Seminar tersebut adalah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Pengerusi Projek 11).

Kertas kerja seminar yang dibentangkan:

- 1) “Aktiviti-aktiviti Kakitangan Pengembangan di Jepun” dan “Pengalaman Jepun dalam Pembangunan Peningkatan Penghidupan Luar Bandar Negeara Jepun” (Extension Worker in Japan” and “Japan Experience Of Livelihood Improvement In Rural Development”)oleh Encik Masafumi Ikeno, seorang pakar pengembangan dari Jepun.
- 2) Gambaran Keseluruhan Aktiviti-aktiviti Pengembangan Sabah untuk Wanita Luar Bandar (Overview of Sabah’s Extension Activities for Rural Women)oleh Jabatan Pertanian(DOA), Sabah.

(4) Seminar Ketiga mengenai Agro-Tourism dan Pengalaman Eco-Tourism Di Negara Jepun dan Sabah

Seminar ketiga ini telah diadakan di Sheraton Tanjung Aru Hotel pada 10 Oktober 2003 dengan disertai oleh ahli projek perintis 11, ahli projek perintis 8 dan Pasukan Pengkaji JICA. Seminar tersebut adalah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Pengerusi Projek 11).

Kertas-kerja Seminar yang dibentangkan:

- 1) “Agro-Tourism and Eco-Tourism in Japan” by Mr. Yoneda, JICA Expert of the Borneo Biodiversity Ecosystem Conservation Program (BBEC)
- 2) “Rencana Ringkas Program BBEC”(Outline of the BBEC Program”)oleh Encik. Yoneda
- 3) “Aktiviti-aktiviti BBEC melalui Pendekatan Penyertaan”(BBEC Activities through Participatory Approach) oleh Encik. Sakai, pakar BBEC JICA
- 4) “Agro-Tourism and Eco-Tourism in Sabah” oleh Kementerian Pelancongan
- 5) “Rencana Ringkas dan Penemuan Projek Perintis 6 PUANDESA—Promosi Produk Tempatan di bawah Pembangunan dan Potensi Pelancongan Kudat” (Outline and Findings of the PUANDESA Pilot Project 6: Promotion of Local Products under Kudat Tourism Development and Potentials) oleh Encik Patrick Lee Mojinun, ADO Matunggong

JADUAL 11-1: REKABENTUK MATRIX (PDM)PROJEK BAGI PROJEK PERINTIS 11 (SETAKAT 28 FEBRUARI 2003)


PROJECT SUMMARY	INDICATOR	DATA SOURCE	IMPORTANT ASSUMPTIONS
<p>OVERALL GOAL: Smooth implementation of the Master Plan</p>	<p>1) Progress of the Master Plan</p>	<p>1) Interview with the concerned persons</p>	
<p>PROJECT PURPOSE: Establishment of the practical and sustainable implementation system of the Master Plan</p>	<p>1) Implementation plan and system of the Master Plan 2) Implementation structure of the Master Plan</p>	<p>1) Interview with the concerned persons 2) Interview with the concerned persons</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Policy makers continue the support to the Master Plan
<p>EXPECTED OUTPUT: 1. Policy makers' good understanding of importance of rural women's role and their empowerment in the rural development 2. Policy makers' learning of Japan's experience and expertise of the rural development</p>	<p>1-1) Extent of policy makers' understanding 1-2) Willingness to utilize what they learned 2-1) Extension of policy makers' understanding 2-2) Practicality of what they learned</p>	<p>1-1) Focus group interview 1-2) Focus group interview 2-1) Focus group interview 2-2) Focus group interview</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Policy makers of the related agencies understand the importance of the collaboration, and the collaboration is prioritized among them.
<p>ACTIVITIES: 1-1) Holding seminars 1-2) Promote public relations of the PUANDESA Study 1-3) Promote public relations of the Master Plan 2-1) Holding seminars and workshops 2-2) Promote public relations of the PUANDESA Study 2-3) Promote public relations of the Master Plan</p>	<p>INPUT: [SABAH SIDE] 1) Policy makers participation and collaboration 2) Secretariat activities 3) Communication and stationery [JICA SIDE] 1) Dispatch of experts 2) Fund for holding seminars and workshops 3) Fund for site visits in the Philippines</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Policy makers are collaborative. <p>PRE-CONDITIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Policy makers are to accept to join Pilot Project 11

TABLE 11-2: DETAILED IMPLEMENTATION SCHEDULE OF THE PILOT PROJECT 11 (AS OF 28 FEBRUARY 2003)

No.	Activities	Expected Outputs	Schedule (Month in 2002 - 2003)												Responsible Person	Implemented by		
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8			9	
1	Preparation (1) Formulation of a Committee (2) Preparation of a detailed plan	Agreement on the project design Detailed plan		■													Project team leader	Taskforce team (TT)
2	Seminars and meetings	Understanding of the policy-makers															Project team leader	TT

TABLE 11-3: OPERATION STRUCTURE AND TASKFORCE TEAM OF THE PILOT PROJECT 11

(1) Struktur Operasi



(2) Pasukan Petugas

	Name	Agency and Duty
Chairperson:	Datuk Abidin Madingkir	Permanent Secretary, MAFI
Secretary:	Encik Kalimin Sahadi	Assistant Secretary, MAFI
Members:	Encik Ooi Siok Thong	MAFI
	Datin Danna O. Ontol	UPEN
	Encik Mohd. Sayuti Abdullah	KPLB
	Puan Hajah Subiah Haji Laten	JHEWA
	Encik Petrus L. Yong	Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak
	Encik Juif Adzim	Managing Director, YUM
	Encik Abdul Rahman Abdul Wahid	Jabatan Pertanian
	Tuan Haji Pgn. Othman Haji Pgn Gamok	General Manager, KPD
	Encik Rayner Stuel Galid	Director, DOF
	Yoko Ishida	Team Leader, JICA Study Team

Appendix 3

Women's Voice

WOMEN'S VOICE

Project 1: Thinking and Working with Rural Women

Individual

Name : Mrs. Jenia Bt. Ajak
Age : 32 years old
Village : Kampung Mandamai, Pitas
Occupation / Product : Home maker and Farmer



Group

Group name : Kg. Mandamai Group
Position in group : Co-Leader
No. of members : 8 members

My name is Jenia Bt. Ajak from Kg. Mandamai, Pitas district. I am a farmer and a housewife.

The reason I joined the pilot project activities is to gain experience and to be a role person in giving awareness to my family and my village community on the importance of the women role.

